KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA



MAKLUM BALAS KE ATAS LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

SIRI 3 TAHUN 2013

MENGENAI PENYATA KEWANGAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN TAHUN 2013 DAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN SERTA PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI

LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN TAHUN 2013 DAN AKTIVITI KEMENTERIAN / JABATAN SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN SERTA PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI

BAGI SIRI 3 TAHUN 2013

ISI KANDUNGAN

MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

PENYATA KEWANGAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

Perenggan	Kementerian / Jabatan	Muka Surat
2	Prestasi Kewangan Secara Menyeluruh	3 - 27
4	Pengurusan Kewangan Di Jabatan Penerangan Malaysia	28 - 30
5	Pengurusan Kewangan Di Jabatan Pendaftaran Negara	31 - 41
6	Pengurusan Kewangan Pejabat Perwakilan Malaysia Di Luar Negeri	42 - 45

MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 3 TAHUN 2013

SENARAI KEMENTERIAN / JABATAN PERSEKUTUAN

Perenggan	Kementerian / Jabatan	Muka Surat
	KEMENTERIAN KEWANGAN	
	• **Jabatan Akauntan Negara Malaysia**	
2	- Pengurusan Wang Tidak Dituntut	49 – 60
	• **Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**	
3	- Pengurusan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT)	61 – 71
4	- Pengurusan Permohonan Kelulusan Ejen Cukai	72 – 92
	• **Jabatan Kastam Diraja Malaysia**	
5	- Pengurusan Kawalan Ejen Kastam	93 – 100
	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI	
6	- Program Subsidi Benih Padi Sah	101 – 114
	KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR	
	• **Jabatan Alam Sekitar**	
7	- Pengurusan Aktiviti Penswastaan Pengawasan Udara Dan Penguatkuasaan Punca Tetap Dan Punca Bergerak	115 - 130

Perenggan	Kementerian / Jabatan	Muka Surat
	KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI	
8	- Pengurusan Program Penyelidikan Dan Pembangunan	131 - 149
	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN	
9	- Projek Pengalihan Operasi Keretapi Tanah Melayu Berhad Dari Tanjong Pagar Ke Woodlands (Stesen), Singapura Dan Kempas Baru (Depoh), Johor Bahru, Johor	150 - 163
	KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA	
10	- Projek Sistem Pengurusan Keselamatan Bersepadu Fasa 9	164 - 174
	• **Jabatan Penyiaran Malaysia**	
11	- Projek Pembinaan Pusat Berita Bersepadu	175 - 188
	KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA	
12	- Perkhidmatan 1 BestariNet	189 - 223
13	- Pengurusan Penyenggaraan Peralatan ICT	224 - 233
14	- Pengurusan Projek Pembinaan Institut Aminuddin Baki (IAB) Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan	234 - 248
15	- Pengurusan Projek Pembinaan Sekolah Sukan Malaysia Dan Kemudahan Lain Yang Berkaitan	249 - 276
	• **JabatanPenggajian Politeknik**	
16	- Perolehan Dan Pengubahsuaian Bangunan Serta Perolehan Peralatan ICT Di Politeknik METrO	277 - 282

Perenggan	Kementerian / Jabatan	Muka Surat
	KEMENTERIAN KESIHATAN	
17	- Pengurusan Projek Pembinaan Hospital Shah Alam, Selangor	283 - 287
18	- Pengurusan Kehilangan Dan Hapus Kira Aset	288 - 300
19	- Pengurusan Projek Pembinaan Klinik-Klinik Kesihatan Di Negeri Sarawak	301 - 311
	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT	
20	- Program 1AZAM	312 - 333
	KEMENTERIAN PERTAHANAN	
21	• **Jabatan Hal Ehwal Veteran**	334 - 365
	- Pengurusan Bayaran Faedah Persaraan Kepada Pesara ATM	
	KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN	
22	- Pengurusan Pengendalian Acara	366 - 385
	KEMENTERIAN DALAM NEGERI	
	• **Polis DiRaja Malaysia**	
23	- Pengurusan Saman Trafik	386 - 401
24	- Pengurusan *Mobile Polis Vehicles* Cawangan Kereta Peronda Dan motosikal Unit rondaan Bermotosikal	402 - 415

MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 3 TAHUN 2013

PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

Perenggan	Kementerian / Jabatan	Muka Surat
25	Pengurusan Terhadap Prestasi Kewangan Dan Pengawasan Syarikat Kerajaan	419 - 425
26	Pengurusan KTMB (Car Park) Sdn. Bhd	426 - 437
27	Pengurusan Felcra Niaga Sdn. Bhd	438 - 449

MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 3 TAHUN 2013

PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

Perenggan	Badan Berkanun Persekutuan	Muka Surat
2	**Majlis Amanah Rakyat** - Pengurusan Projek Pembinaan Maktab Rendah Sains MARA Arau dan Kuala Kangsar Serta Kolej Kemahiran Tinggi MARA Lenggong	453 – 463
3	**Lembaga Kenaf dan Tembakau Malaysia** - Pengurusan Program Penanaman Kenaf	464 – 475
4	**Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur** - Pengurusan Ladang Kambing Pengganda Dan Komersial Di Terengganu	476 – 484
5	**Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan** - Pengurusan Program Tanaman Semula Kelapa Sawit Dan Getah	485 – 494
6	**Kumpulan Wang Simpanan Pekerja** - Pengurusan Caruman	495 – 500

MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 3 TAHUN 2013

PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

Perenggan	Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Persekutuan	Muka Surat
11	**Majlis Amanah Rakyat** - Pengurusan Malaysian Institute Of Aviation Technology Sdn. Berhad	503 – 512
12	**Universiti Teknologi Malaysia** - Pengurusan Syarikat UTM Souvenir Shop Sdn. Berhad	513 – 518

(PENYATA KEWANGAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN)

LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2013

Perenggan 2 : Prestasi Kewangan Secara Menyeluruh

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.1.3.3.a	**Akaun Kena Bayar Bagi Perbelanjaan Mengurus** Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai, tanggungan bagi kerja yang telah dijalankan, barang-barang yang diterima dan perkhidmatan yang telah diberi sehingga 31 Disember sesuatu tahun boleh dibayar pada bulan Januari tahun berikutnya [dalam tempoh Akaun Kena Bayar (AKB)]. Semakan Audit terhadap perbelanjaan mengurus bagi Vot B - Bekalan tahun 2013 mendapati secara keseluruhannya Kementerian/Jabatan telah membuat bayaran berjumlah RM7.286 bilion dalam tempoh Akaun Kena Bayar (AKB). Jumlah ini adalah 4.2% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus bagi Vot B - Bekalan tahun 2013 yang berjumlah RM172.272 bilion.	
2.1.3.3.b	Perbelanjaan mengurus dalam tempoh AKB bagi Vot B - Bekalan telah meningkat sejumlah RM1.563 bilion iaitu daripada RM8.383 bilion pada tahun 2011 kepada RM9.946 bilion pada tahun 2012. Pembayaran dalam tempoh AKB telah berkurang sejumlah RM2.66 bilion pada tahun 2013.	
2.1.3.3.c	Adalah didapati Kementerian/Jabatan telah membuat bayaran berjumlah RM4.241 bilion di bawah kod objek sebagai 42000 – Pemberian Dalam Negeri iaitu 58.2% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan dalam tempoh AKB. Semakan Audit selanjutnya mendapati sejumlah RM325.49 juta telah dibayar di bawah kod objek lanjut 42200 - Pemberian Kepada Agensi-agensi Kerajaan, 42500 - Pemberian Kepada Perusahaan dan 42700 - Pemberian Kepada Persatuan Kebangsaan Yang Tidak Bermotif Keuntungan. Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Antara 30 Mei Hingga 6 Jun 2014 *Kementerian/Jabatan memaklumkan peruntukan disalurkan dalam tempoh AKB kerana arahan untuk melaksanakan aktiviti/program diterima oleh Kementerian/ Jabatan pada akhir tahun 2013 dan sebahagian yang lain adalah untuk menampung kekurangan kos operasi Agensi.*	Cadangan pelaksanaan Program Rumah Idaman Rakyat (RIR) pada 24 Disember 2013 melalui penjimatan di bawah perbelanjaan mengurus (OE) bagi Maksud B.11: Perkhidmatan Am Perbendaharaan sebanyak RM83 juta. Perbendaharaan Malaysia telah menerima arahan pembayaran pada 26 Disember 2013. Memandangkan peruntukan di bawah Butiran yang diluluskan tidak mencukupi dan pindah peruntukan perlu dilakukan disamping tempoh penutupan Akaun Persekutuan bagi tahun 2013 pada 27 Disember 2013 menyebabkan pembayaran tersebut dilakukan dalam tempoh AKB.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Penyaluran peruntukan kepada Agensi Kerajaan/Perusahaan/Persatuan adalah untuk tujuan perbelanjaan mengurus/modal bagi tahun yang berkenaan. Dengan ini pada pendapat Audit, penyaluran peruntukan dalam tempoh AKB adalah tidak memenuhi objektif penyaluran peruntukan tersebut.	
2.1.4.1	**Bayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)** Arahan Perbendaharaan 58(a) [AP58(a)] menetapkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat Kementerian/Jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut. Semakan Audit mendapati perbelanjaan di bawah AP58(a) telah berkurangan sejumlah RM0.083 bilion pada tahun 2012 berbanding dengan tahun 2011. Bagaimanapun, pembayaran di bawah AP58(a) telah meningkat sejumlah RM0.427 bilion pada tahun 2013 menjadi RM3.424 bilion.	Pembayaran di bawah AP58(a) yang dilakukan pada tahun 2013 sebahagian besar melibatkan pembayaran subsidi minyak bagi bulan Disember 2012. Sebagaimana tahun-tahun sebelum ini, pembayaran tuntutan subsidi dan pengecualian bil elektrik bagi bulan Disember hanya boleh dilakukan pada tahun berikutnya memandangkan jumlah tuntutan yang dikemukakan adalah jumlah sebenar penggunaan sehingga 31 Disember.
2.1.4.2	Pada tahun 2013, sejumlah RM3.424 bilion telah dibayar di bawah AP58(a) dan sebahagian besar daripada bayaran tersebut adalah untuk pembayaran subsidi minyak oleh Perbendaharaan Malaysia dan subsidi padi oleh Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani serta beberapa bayaran lain seperti bayaran utiliti dan tuntutan perjalanan. Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Antara 6 Hingga 12 Jun 2014 *Kementerian/Jabatan memaklumkan bayaran AP58(a) berlaku disebabkan dokumen tidak lengkap, bil/tuntutan lewat diterima, lewat menerima kelulusan khas bayaran tanpa perjanjian daripada Kementerian Kewangan atau perjanjian lewat ditandatangani.*	
2.1.5.2.a	**Perbelanjaan Pembangunan** Analisis Audit terhadap perbelanjaan pembangunan tahun 2013 yang melibatkan 26 Kementerian/Jabatan Persekutuan mendapati berlaku kelemahan dari segi perancangan dan pemantauan perbelanjaan. Kelemahan yang diperhatikan antaranya ialah peruntukan tidak dibelanjakan, peruntukan dibelanjakan kurang daripada 50% dan pindah peruntukan tidak dibelanjakan.	• Terdapat dua projek yang telah diluluskan peruntukan tetapi tidak dibelanjakan iaitu:-

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Kelemahan ini berpunca antaranya disebabkan oleh kurangnya kajian/ penyelidikan di peringkat perancangan atau kurang pemantauan terhadap perbelanjaan. Adalah didapati 4 Kementerian telah diluluskan peruntukan pembangunan berjumlah RM130.70 juta bagi membiayai 5 projek. Bagaimanapun, peruntukan tersebut langsung tidak dibelanjakan.	**i. Butiran 02900 - Pembinaan Terminal Bas Di Cyberjaya** Projek PembinaanTerminal Bas Di Cyberjaya (Kod Projek P10 02900 0000 007) telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) pada tahun 2012 dengan kos keseluruhan projek berjumlah RM15 juta. Projek diwujudkan pada tahun 2012 menggunakan penjimatan dalaman Kementerian sebanyak RM2.5 juta sepertimana disyaratkan UPE, JPM. Baki berjumlah RM12.5 juta disediakan oleh UPE, JPM bagi tahun 2013. Namun, projek ini terpaksa dibatalkan pada tahun 2013 setelah mengambil kira hasil penemuan kajian *Traffic Feasibility Study* dan hal ini telah pun dipersetujui UPE, JPM melalui e-mel bertarikh 25 September 2013. Oleh itu, terdapat penjimatan siling tahun 2013 daripada projek tersebut berjumlah RM12.5 juta. Daripada lebihan tersebut, sebanyak RM6.5 juta telah dipindahkan kepada Projek Pemberian Geran Bagi Projek Pembinaan Masjid Cyberjaya Fasa II. Sehubungan itu, terdapat baki penjimatan sebanyak RM6,000,000.00 tidak dibelanjakan bagi tahun 2013. **ii. Butiran 70107 - Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang** Peruntukan di bawah Perbadanan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2013 adalah berjumlah RM1.5 juta telahpun dibatalkan atas arahan pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE), JPM. • Berikut merupakan 4 projek yang diluluskan peruntukan tetapi perbelanjaan kurang daripada 50% disebabkan oleh faktor-faktor berikut:- **i. Butiran 07000: Projek Institut Perakaunan Negara** Peruntukan sebanyak RM245, 010 diluluskan untuk bayaran tuntutan kontraktor melalui Jabatan Kerja Raya (JKR). Walau bagaimanapun tuntutan tersebut tidak dapat dibelanjakan kerana dokumen tidak lengkap dimana memerlukan tindakan oleh kontraktor iaitu Sijil Pendaftaran MOF dan Sijil Lembaga Jurutera telah tamat tempoh dan perlu diperbaharui. Hal ini telah menyebabkan bayaran tidak
2.1.5.2.b	Sejumlah RM865.50 juta yang diluluskan pada tahun 2013 bagi membiayai 28 projek di 12 Kementerian/Jabatan telah dibelanjakan kurang daripada 50%. Semakan Audit mendapati hanya RM325.62 juta (37.6%) daripada peruntukan yang diluluskan telah dibelanjakan menjadikan sejumlah RM539.88 juta tidak dibelanjakan. Perkara ini berlaku antara lainnya berpunca daripada kelewatan pelaksanaan projek, tiada kelulusan penyelarasan akhir harga projek atau bayaran kurang daripada anggaran keperluan semasa.	
2.1.5.2.c	Adalah didapati 5 Kementerian telah membuat pindah peruntukan berjumlah RM14.06 juta bagi membiayai 8 projek. Bagaimanapun, pindah peruntukan tersebut tidak dibelanjakan malah perbelanjaan sebenar bagi projek berkenaan adalah kurang daripada peruntukan asal. Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Antara 2 April Hingga 12 Jun 2014 *Kementerian/Jabatan memaklumkan peruntukan kurang/tidak dibelanjakan kerana penjimatan kos projek, perjanjian lewat dimuktamadkan, dokumen tidak lengkap semasa kontraktor mengemukakan tuntutan, kelewatan mengemukakan tuntutan, surat tawaran hanya dikeluarkan pada bulan Disember 2013, pertambahan skop semasa menyebabkan kelewatan pelaksanaan projek, pertukaran tapak asal projek atau projek ditangguhkan/dibatalkan pelaksanaannya.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		dapat diproses sebelum 31 Disember 2013. **Butiran 15000 - Pengkomputeran JPPH** Dua projek dengan peruntukan RM1,560,896 di bawah butiran ini tidak dapat dibelanjakan peruntukan yang disediakan atas faktor berikut:- <u>Projek Kajian Peningkatan Dan Pembangunan Sistem *VIS* Baru</u> • Projek ini memerlukan kelulusan daripada pihak UKAS untuk pelaksanaan. Sehingga November 2013, UKAS masih lagi dalam proses memuktamadkan bisnes model dan penyediaan untuk tenderkan RFP untuk kelulusan EPU. Keputusan akan dimuktamadkan pada tahun depan. UKAS maklumkan bisnes model perlu dikaji semula selepas PRU13. Sehubungan itu, peruntukan yang disediakan pada tahun 2012 tidak dapat dibelanjakan. <u>Peluasan Sistem Maklumat Geografi (GIS) Pelukis Pelan Kepada Pegawai Teknikal</u> • JTICT MAMPU telah memberi kelulusan pada 24 September 2013 dan tender telah diiklankan pada 30 Oktober 2013. Surat tawaran kepada syarikat yang berjaya hanya dapat dibuat pada bulan Disember 2013. Sehubungan itu, perbelanjaan tidak dapat dilaksanakan pada tahun tersebut. **ii. Butiran 90000 – Pejabat dan Perumahan Kastam** Perbelanjaan bagi butiran projek 90000 kurang daripada 50% adalah kerana dua projek Jabatan Kastam Diraja iaitu Perumahan Kastam Larkin dan Pejabat dan Stor Kastam Melaka menghadapi masalah pelaksanaan. Pihak Jabatan kerja Raya telah menamatkan kontrak bagi kedua-dua projek ini pada tahun 2013. Peruntukan terbesar bagi butiran projek 91000 adalah bagi Projek Pembangunan Sistem *uCustoms*. Prestasi perbelanjaan bagi butiran ini kurang daripada 50% adalah kerana bayaran untuk projek *uCustoms* tidak dapat dibuat kerana kontrak projek tidak dapat dimuktamatkan dan ditandatangani sebelum 31 Disember 2013. Surat Setuju Terima dikeluarkan kepada syarikat pada 22 Oktober 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		• Tiga projek yang telah dibuat pindah peruntukan tetapi tidak dibelanjakan adalah seperti berikut:- **i. Butiran 00300 Pembelian Bangunan LHDNM** • Permohonan Pindah Peruntukan bagi butiran 00200 - Pengkomputeran Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDNM) kepada 00300 – Pembelian Bangunan LHDNM iaitu bagi Projek Pembinaan Bangunan Pusat Pemprosesan, Pengeluaran Gudang & Stor Bangi, Selangor. Bagi tahun 2013, sebanyak RM 2juta telah diperuntukan bagi projek ini. Walau bagaimanapun, peruntukan tambahan sebanyak RM 5.89 juta diperlukan berdasarkan keperluan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR). Pihak EPU, JPM telah meluluskan permohonan tambahan kos dan siling projek oleh Kementerian Kewangan (MOF) pada 10 Julai 2013. • Berdasarkan unjuran aliran tunai perbelanjaan pembangunan (P10) tahun 2013 suku ketiga, peruntukan asal butiran 00300 hanya mencukupi untuk butiran tersebut sahaja. Berdasarkan laporan SPPII bertarikh 20.1.2014, perbelanjaan terhadap projek ini adalah RM7, 389,199.00. **ii. Butiran 10000 – Pengkomputeran Perbendaharaan** • Projek Pembangunan Framework Enterprise Architecture Perbendaharaan Malaysia (EA) merupakan projek baru yang diwujudkan dan telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) melalui emel bertarikh 25 Oktober 2013. • Walaubagaimanapun pada bulan Disember 2013, peruntukan kepada EA tidak dapat disalurkan kerana *deliverables* belum lagi diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu *Treasury Transformation Program*. **iii. Butiran 90000: Pejabat dan rumah Kediaman Kastam** • Permohonan Pindah Peruntukan bagi butiran 91000 – Kenderaan, Lanci dan Alat Kelengkapan Kastam kepada butiran 90000 – Pejabat dan Rumah Kediaman Kastam (daripada Projek *U-Customs* kepada Projek Kastam Sungai Pulai dengan mewujudkan projek baru melalui Notis Perubahan (NOC) dengan kos RM 2, 500,000.00. Projek ini

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		melibatkan permohonan tuntutan ke atas kerja-kerja penambakan pasir yang telah dilaksanakan kerana terdapat perbezaan pengiraan kuantiti pasir. • Bagi tujuan penyaluran peruntukan tambahan kepada kedua-dua projek ini, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) melalui surat bertarikh 30 Julai 2013, telah memaklumkan untuk menyerahkan peruntukan tambahan RM 90,863,448.00 tahun 2013. Berdasarkan laporan SPPII bertarikh 20.1.2014, perbelanjaan terhadap projek ini adalah sebanyak RM 2,290,762.00.
2.1.5.3.a	**Akaun Kena Bayar Bagi Perbelanjaan Pembangunan** Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai, tanggungan bagi kerja yang telah dijalankan, barang-barang yang diterima dan perkhidmatan yang telah diberi sehingga 31 Disember sesuatu tahun boleh dibayar pada bulan Januari tahun berikutnya [dalam tempoh Akaun Kena Bayar (AKB)]. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya Kementerian/Jabatan telah membuat bayaran pembangunan tahun 2013 berjumlah RM2.824 bilion semasa tempoh AKB. Jumlah ini adalah 6.7% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan tahun 2013.	Penyumbang utama dalam perbelanjaan pembangunan dalam tempoh AKB melebihi 10% disebabkan oleh pembayaran bagi projek di bawah Bahagian Pelaburan, MKD Dan Penswastaan (BMKD) sebanyak RM151.3 juta, Bahagian Pengurusan Pinjaman, Pasaran Kewangan Dan Aktuari (BPKA) sebanyak RM100 juta, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) sebanyak RM9.3 juta dan Bahagian PengurusanTeknologi Maklumat (BPTM) sebanyak RM2.1 juta. Kementerian ini telah melaksanakan 3 Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan (JP) dan 6 Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembangunan (JKP) pada tahun 2013. Melalui mesyuarat-mesyuarat ini, prestasi kewangan dan pelaksanaan projek telah dipantau dengan rapi.Selain daripada itu, komunikasi dan koordinasi antara Kementerian/Jabatan dengan pelaksana projek dipertingkatkan melalui Mesyuarat Koordinasi dengan pihak JKR, mesyuarat tapak dan mesyuarat khas pemantauan.
2.1.5.3.b	Secara keseluruhannya, hanya sejumlah RM2.824 bilion (6.7%) dibayar dalam tempoh AKB. Bagaimanapun, semakan selanjutnya terhadap prestasi perbelanjaan pembangunan Kementerian/Jabatan dalam tempoh AKB mendapati 11 Kementerian telah berbelanja lebih 10% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan Kementerian berkenaan. Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Antara 5 Hingga 9 Jun 2014 *Kementerian/Jabatan memaklumkan perbelanjaan yang besar dalam tempoh AKB adalah disebabkan oleh kelulusan perbelanjaan/tuntutan diperolehi/diterima pada penghujung tahun 2013.* Pada pendapat Audit, Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) perlu menjalankan pemantauan yang rapi terhadap pelaksanaan projek agar projek diuruskan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Selain itu, JTPK perlu memberi penekanan terhadap pengurusan kewangan projek supaya kelemahan seperti perbelanjaan melebihi peruntukan, peruntukan diterima tidak/kurang dibelanjakan dan pembayaran yang tinggi pada akhir tahun dapat dikurangkan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.1.6.1	**Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor** Wang pendahuluan kepada kontraktor adalah bayaran pendahuluan yang dibenarkan kepada kontraktor tempatan yang memerlukan modal untuk melaksanakan kerja awalan. Semua bayaran pendahuluan di caj terus kepada vot projek berkenaan. Kementerian/Jabatan perlu menyelenggara Akaun subsidiari mengenainya bagi merekodkan bayaran pendahuluan yang akan diselaraskan melalui potongan yang dibuat daripada bayaran kemajuan projek. Peraturan dan syarat bagi bayaran pendahuluan ini dinyatakan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2007.	**-**
2.1.6.2	Semakan Audit mendapati wang pendahuluan kepada kontraktor yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus, pembangunan dan akaun amanah yang belum diimbuh balik pada akhir tahun 2013 adalah berjumlah RM1.106 bilion.	
2.1.6.3	**Kutipan Balik Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor** Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2007 menyatakan bahawa Kementerian/Jabatan dinasihatkan supaya berhati-hati dan mengawasi kemajuan pelaksanaan sesuatu kontrak bagi memastikan semua pendahuluan kepada kontraktor dapat dikutip balik selewat-lewatnya semasa kerja siap pada tahap 75%. Sekiranya pihak kontraktor gagal melaksanakan projek, bayaran wang pendahuluan yang belum diimbuh balik hendaklah dituntut daripada bank/syarikat kewangan/insurans/takaful yang mengeluarkan jaminan bagi maksud tersebut. Semakan Audit mendapati 5 Kementerian masih belum mengutip balik baki bayaran pendahuluan berjumlah RM163.75 juta daripada 37 syarikat walaupun projek telah ditamatkan/terbengkalai atau kemajuan kerja telah melebihi 75%. Maklum balas Kementerian Yang Diterima Antara 16 April Hingga 19 Mei 2014 *Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kerja Raya (KKR) memaklumkan 1 kes telah diselesaikan masing-masingnya. Kementerian Pendidikan Malaysia pula memaklumkan 7 kes sedang dalam proses penyediaan akaun penamatan. Selain itu, Kementerian/Jabatan juga memaklumkan proses timbang tara atau tindakan perundangan akan diambil terhadap kontraktor bagi mengutip balik pendahuluan yang telah diberikan.* Pada pendapat Audit, kegagalan Kementerian/Jabatan mengutip semula	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pendahuluan yang telah diberikan kepada kontraktor boleh menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian terutama bagi kes-kes di mana bon pelaksanaan tidak mencukupi untuk menampung baki yang belum dikutip balik. Sehubungan dengan itu, Kementerian/Jabatan hendaklah menjalankan pemantauan secara berkala terhadap pengurusan wang pendahuluan kepada kontraktor termasuk yang diuruskan oleh Jabatan di peringkat negeri supaya semua wang pendahuluan diuruskan dengan teratur serta dapat diimbuh balik dalam masa yang ditetapkan.	
2.1.7.2	**Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 59** Sehingga akhir tahun 2013, baki pendahuluan yang belum diselaraskan adalah berjumlah RM24.50 juta melibatkan 19 Kementerian/ Jabatan. Baki yang belum diselaraskan pada tahun 2013 telah berkurangan sejumlah RM23.03 juta berbanding dengan tahun 2012. Tempoh pendahuluan diri paling lama tidak diselaraskan adalah selama 15 tahun iaitu kes pendahuluan diri yang diluluskan pada tahun 1999.	**-**
2.1.7.3	Pada tahun 2013, empat Kementerian/Jabatan iaitu Kementerian Belia Dan Sukan, Parlimen Malaysia, Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Wilayah Persekutuan telah menyelaraskan kesemua baki pendahuluan diri. Maklum balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Antara 8 Mei Hingga 9 Jun 2014 *Kementerian/Jabatan memaklumkan sebahagian pembayaran di bawah AP(59) telah/sedang diselaraskan dan sebahagian sedang menunggu kelulusan pelarasan daripada Perbendaharaan Malaysia.*	
2.1.7.4	Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2009 menetapkan pembayaran di bawah AP 59 kepada kontraktor/pembekal hendaklah dibuat serta-merta tidak lewat 14 hari dari tarikh kelulusan pendahuluan diri diterima daripada Perbendaharaan Malaysia. Semakan Audit terhadap 118 sampel pembayaran di bawah AP 59 mendapati 71 (60.2%) daripadanya yang berjumlah RM13.27 juta melibatkan 7 Kementerian/Jabatan telah dibayar melebihi tempoh 14 hari. Maklum balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Antara 14 Mei Hingga 12 Jun 2014	**-**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pembayaran di bawah AP 59 melebihi tempoh 14 hari adalah disebabkan Kementerian/Jabatan memerlukan maklumat tambahan daripada Pusat Tanggungjawab (PTJ) sebelum bayaran dibuat.	
2.1.7.5	Selaras dengan AP 59, Pegawai Pengawal adalah dikehendaki mengemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia laporan siasatan lengkap dengan menghuraikan bagaimana penyimpangan peraturan biasa boleh berlaku dalam tempoh 60 hari dari tarikh pendahuluan diluluskan. Semakan Audit terhadap 48 sampel laporan siasatan yang dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia pada tahun 2013 mendapati berlaku kes kelewatan mengemukakan 30 (62.5%) laporan siasatan antara 36 hingga 1,409 hari. Manakala 4 laporan siasatan yang sepatutnya dikemukakan pada tahun 2013 masih belum dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia sehingga tarikh pengauditan iaitu pada 10 Mac 2014. Kelewatan mengemukakan laporan siasatan sehingga 10 Mac 2014 bagi 4 kes tersebut adalah antara 50 hingga 132 hari. Maklum balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Antara 16 Mei Hingga 12 Jun 2014 *Kementerian/Jabatan memaklumkan laporan siasatan lewat dikemukakan kerana kesukaran mendapatkan maklumat bagi kes lama, jawatankuasa siasatan lewat ditubuhkan, jawatankuasa siasatan lewat menyediakan laporan, pegawai bertanggungjawab tidak dapat dikenal pasti dan Kementerian/Jabatan mengambil masa untuk menyemak laporan siasatan.*	**-**
2.1.7.6	Arahan Perbendaharaan 59 turut menetapkan bahawa Kementerian/Jabatan perlu membuat pelarasan dalam tempoh 60 hari dari tarikh surat arahan pelarasan pendahuluan diri dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia. Semakan Audit mendapati 23 kes pelarasan pendahuluan diri melibatkan 6 Kementerian/Jabatan telah dilaksanakan melebihi tempoh 60 hari dari tarikh surat arahan pelarasan dikeluarkan iaitu lewat antara 9 hingga 768 hari. Manakala, pelarasan bagi satu kes yang telah mendapat kelulusan masih belum dilaksanakan sehingga 10 Mac 2014. Maklum balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Antara 26 Mei Hingga 3 Jun 2014 *Kementerian/Jabatan memaklumkan pelarasan lewat dilaksanakan kerana lewat menerima surat kelulusan daripada Perbendaharaan Malaysia dan*	**-**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	sebahagian kes pula adalah disebabkan peruntukan tidak mencukupi untuk membuat pelarasan.	
2.2.1.1	**Akaun Belum Terima** Akaun Belum Terima (ABT) adalah sejumlah wang yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan pada sesuatu masa tetapi masih belum diterima. Akaun Belum Terima terdiri daripada tunggakan hasil, tunggakan bayaran balik pinjaman dan tunggakan hutang lain. Secara keseluruhannya ABT Kerajaan Persekutuan pada 31 Disember 2013 menunjukkan peningkatan sejumlah RM1.188 bilion (5.8%) iaitu daripada RM20.622 bilion pada tahun 2012 kepada RM21.810 bilion pada tahun 2013. Peningkatan ABT sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan ABT Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Perbendaharaan Malaysia. ABT JKDM meningkat sejumlah RM758.33 juta pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 hasil keberkesanan penguatkuasaan yang dijalankan oleh JKDM dan peningkatan tunggakan cukai jualan. Manakala peningkatan ABT di Perbendaharaan Malaysia pula disebabkan peningkatan tunggakan bayaran balik pinjaman. Selain itu, selaras dengan perakaunan akruan yang akan dilaksanakan pada tahun 2015, Kementerian/Jabatan juga telah mengambil langkah untuk mengenal pasti ABT baru.	BPP telah mengambil tindakan keatas ABT melibatkan peminjam ingkar dengan mengeluarkan notis serta tindakan guaman. Sebanyak RM17,863,439.06 telah berjaya dikutip setakat 30 September 2014.
2.2.1.2	Perbendaharaan Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), JKDM, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam masih kekal sebagai Kementerian/Jabatan yang mempunyai ABT tertinggi bagi tempoh tahun 2009 hingga 2013.	
2.2.1.3	Akaun Belum Terima yang dihapus kira pada tahun 2013 adalah berjumlah RM1.855 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM1.463 bilion berbanding tahun 2012. Akaun Belum Terima yang berusia melebihi 6 tahun berkurangan sejumlah RM0.038 bilion pada tahun 2013 berbanding dengan tahun 2012 disebabkan sebahagiannya telah dihapus kira.	
2.2.1.4	Semakan Audit selanjutnya mendapati 50% daripada ABT bersih bagi 5 Kementerian pada akhir tahun 2013 telah berusia melebihi tempoh 6 tahun. Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Antara 5 Hingga 9 Jun 2014 *Kementerian/Jabatan memaklumkan bahawa surat peringatan telah dikeluarkan kepada peminjam, mengambil tindakan perundangan serta menghapuskira ABT yang melebihi 6 tahun.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, usaha mengutip balik ABT perlu diteruskan dengan lebih proaktif terutama tunggakan ABT yang tertakluk kepada Akta Had Masa 1953.	
2.2.2.3.a	**Mendapatkan Bayaran Balik Pinjaman Yang Tertunggak - Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Syarikat** Pada 31 Disember 2013, sebanyak 43 (62.3%) daripada 69 pinjaman yang disalurkan kepada 25 syarikat kerajaan/bukan kerajaan mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan tempoh tunggakan antara satu hingga 9 tahun. Selain daripada bayaran balik anuiti tahun 2013, pengiraan tunggakan adalah mengambil kira perkara berikut:- i. Pelarasan pengiraan faedah lewat bayar *(default interest)* tahun 2012 bagi pinjaman Cyberview Sdn. Bhd., Malaysia Venture Capital Management Berhad, Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd., JKP Sdn. Bhd., Lebuhraya Shapadu Sdn. Bhd., Perwaja Steel Sdn. Bhd., Equal Concept Sdn. Bhd., Airport Limo (M) Sdn. Bhd., SME Ordnance Sdn. Bhd. dan Columbia Aircraft Manufacturing Corporation. ii. Tunggakan faedah lewat bayar *(default interest)* tahun 2013 bagi pinjaman Cyberview Sdn. Bhd., Malaysia Venture Capital Management Berhad, JKP Sdn. Bhd., Lebuhraya Shapadu Sdn. Bhd., Perwaja Steel Sdn. Bhd., Equal Concept Sdn. Bhd., Airport Limo (M) Sdn. Bhd., SME Ordnance Sdn. Bhd. dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB). iii. Hapus kira anuiti tahun 2011 bagi pinjaman JKP Sdn. Bhd. berjumlah RM3.18 juta. iv. Bayaran balik faedah lewat bayar *(default interest)* tahun 2012 bagi pinjaman National Feedlot Corporation Sdn. Bhd. berjumlah RM0.34 juta. v. Bayaran balik pinjaman termasuk hapus kira faedah tertunggak tahun 2012 bagi pinjaman Lebuhraya Shapadu Sdn. Bhd. Berjumlah RM11.33 juta, Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd. berjumlah RM1.30 juta dan Agro Qas Sdn. Bhd. berjumlah RM1.67 juta. vi. Hapus kira faedah tahun 2013 bagi pinjaman Lebuhraya Shapadu Sdn. Bhd. berjumlah RM0.42 juta dan Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd. berjumlah RM0.89 juta.	Maklum balas adalah seperti di perenggan 2.2.2.3.a.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	vii. Pelarasan anuiti jadual bayaran balik lama kepada anuiti jadual bayaran balik baru bagi pinjaman Premium Agro Products Sdn. Bhd. berjumlah RM2.46 juta dan anuiti tertunggak tahun 2012 berjumlah RM11.20 juta. viii. Pengecualian bayaran balik faedah lewat bayar *(default interest)* tahun 2012 bagi pinjaman Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd. berjumlah RM1.47 juta. ix. Pelarasan penjadualan semula bagi pinjaman M.Y. Ikan Sdn. Bhd. berjumlah RM5.68 juta. Tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2013 adalah berjumlah RM3,108.775 juta iaitu peningkatan sejumlah RM1,015.685 juta (48.5%) berbanding RM2,093.09 juta pada akhir tahun 2012. Peningkatan tunggakan ini disebabkan Syarikat Kerajaan hanya membuat bayaran balik pinjaman berjumlah RM57.09 juta (5.5%) daripada jumlah anuiti RM1,029.99 juta. Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 9 Jun 2014 *Perbendaharaan Malaysia akan meneruskan usaha meningkatkan kutipan bayaran balik pinjaman bagi mengurangkan tunggakan dengan memastikan kutipan bayaran balik dilaksanakan mengikut jadual. Perbendaharaan Malaysia juga akan mengenakan syarat pinjaman yang lebih ketat seperti penyediaan sekuriti atas pinjaman. Selain itu, Perbendaharaan Malaysia juga telah mengeluarkan 'Notice Of Demand' kepada 3 syarikat manakala cadangan penstrukturan/penjadualan semula pinjaman bagi 8 syarikat, hapus kira pinjaman bagi 2 syarikat, pertukaran pinjaman kepada geran/ekuiti bagi 2 syarikat, pelelongan/jualan aset bagi 2 syarikat dan pengambilalihan anak syarikat bagi 1 syarikat sedang dalam tindakan. Manakala Bayaran balik pinjaman bagi Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd. dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad telah selesai sepenuhnya pada 5 Februari 2014.*	
2.2.2.3.b	**Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan Negeri** Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri tidak menjelaskan sebahagian bayaran balik pinjaman mengikut jadual yang ditetapkan. Pada tahun 2013, sebanyak 399 (47.4%) daripada 842 pinjaman yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan tempoh tunggakan antara satu hingga 34 tahun. Tunggakan bayaran balik pinjaman	Maklum balas adalah seperti di perenggan 2.2.2.3.b.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Kerajaan Negeri telah meningkat sejumlah RM150.83 juta (4.5%) iaitu daripada RM3,349.59 juta pada akhir tahun 2012 menjadi RM3,500.42 juta pada akhir tahun 2013. Peningkatan tunggakan ini melibatkan pinjaman Kerajaan Negeri Kedah, Pahang, Kelantan, Melaka, Perlis, Sabah dan Perak. Manakala tunggakan bayaran balik pinjaman bagi Kerajaan Negeri Terengganu, Johor, Negeri Sembilan, Selangor dan Sarawak telah berkurang. Bagaimanapun, tiada perubahan jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sejumlah RM639.08 juta (15.3%) telah dibayar balik oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2013 berbanding dengan RM4,165.72 juta yang sepatutnya dibayar balik (tunggakan pinjaman 2012 dan anuiti tahun 2013). Bayaran balik pinjaman berjumlah RM639.08 juta ini adalah termasuk:- i. Penyelesaian tunggakan bagi pinjaman yang telah tamat tempoh bayaran balik oleh Kerajaan Negeri Melaka dan Terengganu berjumlah RM21.71 juta. ii. Penyelesaian tunggakan anuiti tahun sebelumnya oleh Kerajaan Negeri Sembilan, Johor, Selangor dan Sarawak. Selain daripada bayaran balik anuiti tahun 2013, pengiraan tunggakan adalah mengambil kira perkara berikut:- i. Pelarasan mata wang asing bagi pinjaman Kerajaan Negeri Pahang berjumlah RM0.46 juta. ii. Tunggakan pinjaman luar negeri bagi Kerajaan Negeri Melaka berjumlah RM11.62 juta dan Kerajaan Negeri Sembilan berjumlah RM21.93 juta yang diambil alih oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). iii. Pelarasan pinjaman Kerajaan Negeri Sembilan berjumlah RM8.23 juta apabila 2 projek pembetungan diambil alih oleh Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK). Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 9 Jun 2014 *Perbendaharaan Malaysia mencadangkan bayaran balik pinjaman yang tertunggak dibuat melalui potongan geran tahunan. Selain itu, klausa tambahan akan dimasukkan ke dalam perjanjian baru di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan bagi meningkatkan komitmen Kerajaan Negeri dalam*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	membayar balik pinjaman iaitu dengan mengenakan faedah lewat sebanyak 2% ke atas tunggakan bayaran balik. Klausa mengenai tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri juga akan turut dimasukkan.	
2.2.2.3.c	**Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Badan Berkanun** Pada tahun 2013, sebanyak 15 (38.5%) daripada 39 pinjaman yang disalurkan kepada 5 Badan Berkanun mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM1,196.823 juta iaitu berkurangan sejumlah RM245.897 juta (17.0%) berbanding tahun 2012. Tempoh tunggakan adalah antara satu hingga 22 tahun. Adalah didapati sejumlah RM1,057.88 juta (88.4%) daripada keseluruhan jumlah tunggakan adalah melibatkan tunggakan bayaran balik pinjaman oleh Perbadanan Aset Keretapi (PAK). Bayaran anuiti tahun 2013 serta tunggakan tahun sebelumnya telah menyumbang kepada penurunan jumlah tunggakan. Selain itu, penurunan tunggakan juga disebabkan oleh perkara berikut:- i. Hapus kira pinjaman luar negeri bagi Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah berjumlah RM18.77 juta. ii. Lembaga Letrik Sabah telah bertukar status kepada syarikat iaitu Sabah Electricity Sdn. Bhd. dan pinjaman telah dijadualkan semula. iii. Pengambilalihan pinjaman Lembaga Air Perak berjumlah RM125.38 juta oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 9 Jun 2014 *Bayaran balik pinjaman telah dibuat oleh 2 Badan Berkanun manakala tindakan hapus kira, penstrukturan semula, bayaran balik pinjaman melalui potongan peruntukan geran Kerajaan Persekutuan sedang diambil bagi 3 Badan Berkanun.*	Maklum balas adalah seperti di perenggan 2.2.2.3.c.
2.2.2.3.d	**Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pihak Berkuasa Tempatan** Pada akhir tahun 2013, sebanyak 38 (92.7%) daripada 41 pinjaman yang disalurkan kepada 3 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM428.34 juta dengan penurunan sejumlah RM88.99 juta (17.2%) berbanding tahun 2012. Tempoh tunggakan bayaran balik bagi ketiga-tiga PBT adalah antara 20 hingga 26 tahun. Adalah didapati	Maklum balas adalah seperti di perenggan 2.2.2.3.d.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	hanya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur membuat bayaran berjumlah RM8.65 juta pada tahun 2013. Manakala tunggakan bayaran balik pinjaman Majlis Perbandaran Seremban berjumlah RM96.88 juta telah diselaraskan apabila Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) mengambil alih projek pembetungan. Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 9 Jun 2014 *Perbendaharaan Malaysia memaklumkan bahawa sebahagian besar hutang Pihak Berkuasa Tempatan adalah untuk membiayai projek sistem pembentungan. Kerajaan telah bersetuju supaya hutang tersebut dihapus kira apabila proses pengambilalihan projek oleh Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. selesai dijalankan. Sehubungan dengan itu, proses pewartaan sebahagian tanah tapak dan sistem pembentungan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Kerajaan Negeri Perak kepada Ketua Pengarah Tanah dan Galian (KPTG) sedang dalam tindakan. Manakala, Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai sedang dalam proses penyerahan hak milik tanah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebelum diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan.*	
2.2.2.3.e	**Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pelbagai Agensi** Semakan Audit mendapati 3 pelbagai agensi mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan tempoh tunggakan antara satu hingga 6 tahun. Jumlah tunggakan pada akhir tahun 2013 adalah RM265.87 juta iaitu meningkat sejumlah RM77.77 juta (41.3%) berbanding RM188.10 juta pada akhir tahun 2012. Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 9 Jun 2014 *Sebahagian tunggakan pinjaman Jabatan Penerbangan Awam telah dibayar melalui potongan peruntukan geran Kerajaan Persekutuan. Selain itu, mesyuarat juga telah diadakan bagi membincangkan cadangan penstrukturan semula/hapus kira pinjaman bagi ketiga-tiga agensi tersebut.*	Maklum balas adalah seperti di perenggan 2.2.2.3.e.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.2.2.3.f	**Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Perbadanan Kemajuan Negeri** Semakan Audit mendapati 2 pinjaman di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri (PKN) iaitu PKN Negeri Sembilan dan PKN Perlis mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM56.13 juta dengan tempoh tunggakan 11 tahun. Adalah didapati pada tahun 2013, PKN Negeri Sembilan telah menjelaskan tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM50 juta daripada tunggakan bayaran pinjamannya yang berjumlah RM58.31 juta. Bagaimanapun, jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman bagi PKN Perlis masih tiada perubahan. Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 9 Jun 2014 *Perbendaharaan Malaysia telah meluluskan pengecualian kadar faedah bagi pinjaman Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan dan pelarasan telah dibuat oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Manakala Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis telah mengemukakan kertas cadangan penyelesaian pinjaman khas dan cadangan ini masih dalam penelitian Perbendaharaan Malaysia.*	Maklum balas adalah seperti di perenggan 2.2.2.3.f.
2.2.2.3.g	**Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Koperasi** Pada akhir tahun 2013, hanya Koperasi Belia Nasional Berhad dan Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad masih mempunyai tunggakan pinjaman berjumlah RM15.75 juta. Tempoh tunggakan bayaran balik pinjaman bagi kedua-dua koperasi tersebut adalah antara 17 hingga 33 tahun. Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 9 Jun 2014 *Perbendaharaan Malaysia sedang mendapatkan penilaian aset Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad daripada Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta bagi tujuan tuntutan bayaran balik pinjaman. Manakala, Koperasi Belia Nasional Berhad telah memohon penstrukturan semula/hapus kira pinjaman kepada Perbendaharaan Malaysia.*	**Koperasi Belia Nasional Berhad (KOBENA)** Satu mesyuarat bersama pihak KOBENA dan SID telah diadakan pada 30 September 2014. Dalam mesyuarat tersebut, pihak KOBENA telah mengemukakan cadangan hapus kira dan penjadualan semula pinjaman. Sehubungan itu, pihak KOBENA diminta untuk mengemukakan cadangan penstrukturan semula pinjaman dengan pelan tindakan penyelesaian yang bersesuaian dengan prestasi semasa dan matlamat KOBENA berserta dengan justifikasi yang kukuh. Di samping itu, pihak KOBENA juga diminta untuk menyertakan dokumen-dokumen yang berkaitan bagi tindakan pihak SID. Pihak KOBENA diminta untuk mengemukakan maklumat tersebut selewat-lewatnya pada 20 Oktober 2014. **Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad** Koperasi ini telah dibatalkan pendaftarannya oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada 20 Mac 2013 dan dalam tindakan pelikuidasian. MOF telah membuat tuntutan kepada pelikuidasi. Pihak pelikuidasi sedang dalam tindakan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		mendapatkan penilaian aset Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad daripada JPPH. Pihak likuidator akan membuka tender bagi tujuan pelelongan aset Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad sebaik sahaja mendapat laporan penilaian aset Koperasi daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.
2.3.2.2	**Pelaburan Dalam Badan Berkanun Persekutuan, Syarikat Dan Agensi** Semakan Audit selanjutnya mendapati Kerajaan telah melupuskan pegangan saham di dalam 4 syarikat. Penjualan saham Penang Port Sdn. Bhd. telah menghasilkan keuntungan berjumlah RM96.55 juta berbanding dengan kos pelaburan. Bagaimanapun, Kerajaan mengalami kerugian berjumlah RM463.03 juta bagi penjualan saham/pembubaran 3 syarikat yang lain. Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 15 Mei 2014 *Penjualan saham/pembubaran syarikat perlu dibuat pada harga yang lebih rendah dari kos pelaburan bagi mengelakkan Kerajaan menanggung kos yang lebih tinggi di masa hadapan memandangkan operasi syarikat tidak mendatangkan hasil/pulangan yang memuaskan. Selain itu, syarikat yang mengambil alih juga bersetuju untuk membayar balik hutang syarikat kepada Kerajaan dan pihak lain yang berkenaan.*	Maklum Balas adalah kekal seperti di Perenggan 2.3.2.2.
2.4.1.1.b	**Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan - Akaun Pinjaman Berbaki Kredit** Akaun pinjaman perumahan berbaki kredit memberi gambaran seolah-olah Kerajaan berhutang dengan peminjam. Semakan Audit mendapati pada akhir tahun 2013, masih terdapat akaun pinjaman perumahan berbaki kredit. Bagaimanapun, bilangan akaun pinjaman berbaki kredit telah berkurangan sebanyak 6,657 (38.6%) dan baki pinjaman juga berkurangan sejumlah RM4.96 juta (11.7%) berbanding dengan tahun 2012. Maklum Balas Bahagian Pinjaman Perumahan Yang Diterima Pada 15 Mei 2014 *Bahagian Pinjaman Perumahan sedang melaksanakan task force untuk mengemas kini akaun pinjaman dan membuat bayaran balik kepada peminjam sekiranya berkenaan. Selain itu, tindakan mengemas kini akaun peminjam*	Inisiatif Pegawai/kakitangan BPP yang terlibat dalam pengurusan akaun individu peminjam mengemaskini akaun peminjam semasa urusan harian bagi memastikan baki akaun peminjam aktif adalah betul. *Task force* yang dilaksanakan di Unit Penyelenggaraan Pinjaman dan Selesai Pinjaman telah mengemaskini akaun peminjam sebanyak 2,018 pada tahun 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dalam Sistem Kemaskini Akaun (SISKA) hanya boleh dilakukan pada tahun berikutnya selepas penyelesaian dibuat di mana ia menjadi punca baki kredit di sistem masih wujud walaupun rekod di dalam fail peminjam telah berbaki kosong.	
2.4.1.1.c	**Tempoh Pinjaman** Bagi pinjaman yang dibuat sebelum tahun 2009, pinjaman hendaklah diselesaikan dalam tempoh maksimum 25 tahun. Analisis Audit mendapati sehingga akhir tahun 2013, tempoh pinjaman bagi 55,755 akaun pinjaman adalah melebihi tempoh maksimum yang dibenarkan dengan baki pokok kena faedah keseluruhan berjumlah RM286.90 juta. Maklum Balas Bahagian Pinjaman Perumahan Yang Diterima Pada 15 Mei 2014 *Tempoh pinjaman dilanjutkan melebihi 25 tahun disebabkan penstrukturan semula bayaran balik pinjaman. Perlanjutan tempoh ini adalah bagi membantu peminjam menyelesaikan pinjamannya. Fail yang berbaki kredit adalah dalam tindakan untuk dikemas kini.* Pada pendapat Audit, Bahagian Pinjaman Perumahan perlu menyemak semula setiap akaun pinjaman ini dan mengemas kini data di dalam sistem supaya maklumat yang disimpan adalah tepat dan betul serta menggambarkan kedudukan sebenar pinjaman tersebut.	
2.4.1.1.d	**Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Perumahan** Bayaran balik pinjaman perumahan yang tertunggak sehingga akhir tahun 2013 adalah berjumlah RM895.28 juta yang melibatkan 44,018 akaun pinjaman. Tunggakan bayaran balik pinjaman meningkat sejumlah RM44.88 juta (5.3%) berbanding dengan tahun 2012. Peningkatan ini antaranya disebabkan peningkatan pinjaman tertunggak pegawai yang meletak jawatan, dibuang kerja dan tamat perkhidmatan. Bagaimanapun, bilangan akaun pinjaman yang mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman pada tahun 2013 telah berkurang sebanyak 6,273 akaun (12.5%) berbanding dengan tahun 2012. Maklum Balas Bahagian Pinjaman Perumahan Yang Diterima Pada 15 Mei 2014	Bahagian Pinjaman Perumahan telah mengambil inisiatif untuk mengenalpasti peminjam yang bertunggakan melalui perbincangan dengan agensi yang terlibat seperti Kementerian Pertahanan. Perkongsian data bersama agensi ini melibatkan usahama pihak IT Kementerian agar tindakan seterusnya dapat diambil oleh BPP terhadap peminjam yang ingkar terutama melibatkan peminjam yang telah meletak jawatan, dibuang kerja dan tamat perkhidmatan.

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td></td><td>Tindakan untuk mengesan peminjam yang mempunyai tunggakan mengambil masa yang lama kerana memerlukan kerjasama pihak ketiga. Bahagian Pinjaman Perumahan telah meningkatkan usaha untuk mengesan pinjaman yang mempunyai tunggakan dengan membangunkan modul khas Unit Kawalan Kredit dalam sistem SISKA.</td><td></td></tr>
<tr><td>2.4.1.2.b.i</td><td>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan - Akaun Pinjaman - Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan Dan Pembiayaan Komputer Anggota Perkhidmatan Awam - Akaun Pinjaman Berbaki Kredit

Semakan Audit mendapati pada akhir tahun 2013, sebanyak 3,426 akaun pinjaman kenderaan berbaki kredit berjumlah RM6.99 juta dan sebanyak 1,693 akaun pembiayaan komputer berbaki kredit berjumlah RM0.62 juta. Bilangan pinjaman berbaki kredit bagi kedua-dua akaun menunjukkan penurunan yang ketara iaitu daripada 11,141 akaun pinjaman pada akhir tahun 2011 kepada 3,426 akaun pinjaman pada akhir tahun 2013 bagi Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan. Bilangan pinjaman berbaki kredit bagi Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer juga menunjukkan penurunan daripada 5,981 akaun pinjaman pada akhir tahun 2011 kepada 1,693 akaun pinjaman pada akhir tahun 2013.</td><td rowspan="2">Akaun Pinjaman Kenderaan Dan Pembiayaan Komputer Berbaki Kredit Pada Akhir Tahun 2011 Hingga Ogos 2014
<table>
<tr><th rowspan="2">TAHUN</th><th colspan="4">KENDERAAN</th><th colspan="4">KOMPUTER</th></tr>
<tr><th rowspan="2">BIL. AKAUN PINJAMAN</th><th rowspan="2">BAKI AKHIR KREDIT (RM Juta)</th><th colspan="2">PENINGKATAN/ (PENURUNAN)</th><th rowspan="2">BIL. AKAUN PINJAMAN</th><th rowspan="2">BAKI AKHIR KREDIT (RM Juta)</th><th colspan="2">PENINGKATAN/ (PENURUNAN)</th></tr>
<tr><th>Bil.</th><th>(RM Juta)</th><th>Bil.</th><th>(RM Juta)</th></tr>
<tr><td>2011</td><td>11,141</td><td>18.99</td><td>-</td><td>-</td><td>5,981</td><td>7.53</td><td>-</td><td>-</td></tr>
<tr><td>2012</td><td>8,545</td><td>13.53</td><td>(2,596)</td><td>(5.46)</td><td>3,188</td><td>15.37</td><td>(2,793)</td><td>7.84</td></tr>
<tr><td>2013</td><td>3,426</td><td>6.99</td><td>(5,119)</td><td>(6.54)</td><td>1,693</td><td>0.62</td><td>(1,495)</td><td>(14.75)</td></tr>
<tr><td>Ogos 2014</td><td>572</td><td>0.82</td><td>(2,584)</td><td>(6.17)</td><td>1,036</td><td>0.32</td><td>657</td><td>(0.30)</td></tr>
</table>
Tindakan berkaitan akaun tertungak ini masih dilaksanakan.</td></tr>
<tr><td>2.4.1.2.b.ii</td><td>Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman

Bayaran balik pinjaman kenderaan yang tertunggak sehingga akhir tahun 2013 adalah berjumlah RM10.79 juta yang melibatkan 3,391 akaun pinjaman. Manakala bayaran balik pembiayaan komputer yang tertunggak sehingga akhir tahun 2013 adalah berjumlah RM1.67 juta melibatkan 1,455 akaun pinjaman.

Maklum Balas Jabatan Akauntan Negara Malaysia Yang Diterima Pada 30 April 2014

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah memulakan usaha menyemak dan mengemas kini akaun pinjaman kenderaan dan komputer bagi memastikan baki akaun pinjaman yang betul dapat dipindahkan ke sistem perakaunan akruan yang baru. Antara langkah yang telah/sedang dilaksanakan oleh JANM adalah seperti berikut:-

- Melaksanakan task force bersama Kementerian untuk mengemas kini baki akaun pinjaman.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td></td><td>- Meminta Kementerian membuat tindakan susulan ke atas akaun berbaki kredit dan akaun yang mempunyai tunggakan.

- Melaksanakan latihan dan sesi pembelajaran.

Hasil daripada tindakan yang telah diambil oleh JANM, sehingga 22 April 2014 akaun pinjaman berbaki kredit telah berjaya dikurangkan kepada 1,240 akaun bagi pinjaman kenderaan dan 1,510 akaun bagi pembiayaan komputer.</td><td></td></tr>
<tr><td>2.4.1.2.c.i</td><td>Akaun Pinjaman - Pendahuluan Diri/Pelbagai

Semakan Audit mendapati 13 akaun amanah di bawah kategori Pendahuluan Diri melibatkan pelbagai Kementerian/Jabatan/Negeri berbaki kredit.

Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Antara 19 Mei Hingga 13 Jun 2014

Kementerian/Jabatan memaklumkan bahawa tindakan sedang diambil untuk menyelesaikan isu mengenai akaun pendahuluan diri/pelbagai berbaki kredit. Antara punca akaun pendahuluan diri/pelbagai berbaki kredit adalah disebabkan baucar jurnal pelarasan tidak disediakan atau berlaku kesilapan kod/terlebih caj amaun semasa pelarasan dibuat.</td><td><u>JKDM</u>
Akaun Pendahuluan Diri di JKDM, Ibu Pejabat yang berbaki negetif sebanyak RM34,196.40 adalah merupakan BAYARAN DEPOSIT bagi sewaan rumah luar negeri di kedutaan Beijing, China di bawah kod 853204. Akaun pendahuluan diri ini akan diselaraskan-- dan Bayaran deposit tersebut akan dikembalikan apabila pegawai tersebut tamat tempoh bertugas di kedutaan.

<u>JANM</u>
Akaun pendahuluan yang berbaki kredit ini adalah melibatkan kod yang masih dalam tindakan jabatan ini bersama kementerian dan kedudukannya setakat 30 September 2014 adalah seperti berikut:-

<table>
<tr><th>Kod</th><th>31/12/2013
RM juta</th><th>30/9/2014
RM juta</th></tr>
<tr><td>853215</td><td>12.00</td><td>Telah selesai</td></tr>
<tr><td>853205</td><td>7.66</td><td>7.28</td></tr>
<tr><td>853202</td><td>0.947</td><td>0.87</td></tr>
<tr><td>853204</td><td>0.64</td><td>0.39</td></tr>
<tr><td>853201</td><td>0.59</td><td>0.32</td></tr>
<tr><td>853213</td><td>0.09</td><td>Telah selesai</td></tr>
<tr><td>Lain-lain kod</td><td>0.11</td><td>0.10</td></tr>
</table></td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr>
<td>2.4.1.2.c.ii</td>
<td>Analisis Audit juga mendapati sebahagian daripada baki pada akhir tahun 2013 bagi 3 akaun amanah di bawah kategori Pendahuluan Pelbagai dan 14 akaun amanah di bawah kategori Pendahuluan Diri adalah merupakan baki yang dibawa dari tahun-tahun sebelumnya.

Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Antara 19 Mei Hingga 13 Jun 2014

Kementerian/Jabatan akan memantau dan mengemas kini akaun pendahuluan diri/pelbagai serta bekerjasama dengan Jabatan Akauntan Negara Malaysia bagi mengenalpasti akaun subsidiari yang masih belum diselaraskan agar pelarasan dapat dibuat secepat mungkin.</td>
<td>Kedudukan setakat 30 September 2014 adalah seperti berikut:-
<table>
<tr><th></th><th colspan="2">31/12/2013</th><th colspan="2">30/9/2014</th></tr>
<tr><td></td><td>Bil. Kem</td><td>RM Juta</td><td>Bil. Kem</td><td>RM Juta</td></tr>
<tr><td>Pendahuluan Pelbagai</td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>Istana</td><td>1</td><td>(0.12)</td><td>1</td><td>(0.12)</td></tr>
<tr><td>JPA</td><td>1</td><td>0.003</td><td>1</td><td>0.003</td></tr>
<tr><td>KLN</td><td>1</td><td>0.01</td><td>-</td><td>-</td></tr>
<tr><td>Pendahuluan Diri</td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>853215</td><td>2</td><td>(3.00)</td><td>1</td><td>3.00</td></tr>
<tr><td>853213</td><td>3</td><td>(0.65)</td><td>2</td><td>(0.56)</td></tr>
<tr><td>853201</td><td>14</td><td>0.22</td><td>11</td><td>0.18</td></tr>
<tr><td>853202</td><td>11</td><td>(0.20)</td><td>10</td><td>0.10</td></tr>
<tr><td>10 Akaun Pendahuluan Diri Lain</td><td>60</td><td>(0.11)</td><td>53</td><td>(0.33)</td></tr>
</table>
Kementerian akan membuat tindakan pelarasan yang berterusan bagi setiap kod akaun pendahuluan yang terlibat.</td>
</tr>
<tr>
<td>2.4.2.2.a</td>
<td>Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta (PFI II)

Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta (PFI II) telah ditubuhkan pada 23 Disember 2011. Sehingga 31 Disember 2013, sejumlah RM10 bilion telah diterima daripada Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. Sejumlah RM7.574 bilion daripada RM10 bilion tersebut telah diperuntukkan kepada 16 Kementerian/Jabatan untuk melaksanakan 313 projek dan sehingga 31 Disember 2013 sejumlah RM4.903 bilion telah dibelanjakan. Semakan Audit terhadap Laporan Prestasi Perbelanjaan PFI II sehingga 31 Disember 2013 mendapati ada kelemahan dari segi perancangan dan pemantauan perbelanjaan.

Semakan Audit mendapati Surat Kuasa Berbelanja telah dikeluarkan kepada 3 Kementerian bagi membiayai 3 projek. Bagaimanapun, sehingga akhir tahun 2013 projek tersebut masih belum dilaksanakan.</td>
<td></td>
</tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.4.2.2.b	Semakan Audit juga mendapati sehingga 31 Disember 2013, perbelanjaan bagi 45 projek adalah kurang daripada 50% daripada peruntukan yang diluluskan. Peratusan perbelanjaan bagi projek-projek tersebut adalah antara 1% hingga 42.5%. Secara keseluruhannya, hanya sejumlah RM225.65 juta (25%) daripada peruntukan berjumlah RM904.26 juta telah dibelanjakan oleh 8 Kementerian/Jabatan bagi membiayai 45 projek tersebut.	Terdapat dua projek yang peratusan perbelanjaan adalah kurang daripada 50% iaitu:- **S1088888S006 Pejabat Kastam Kota Kinabalu, Sabah** Projek lambat dimulakan disebabkan isu pertukaran lokasi projek berdekatan dengan Wisma Innoprise seluas 8.03 ekar (Lot CL015551292) dengan tanah berhampiran dengan Kompleks Pejabat Persekutuan Negeri Sabah. Pelaksanaan Makmal Pengurusan Nilai yang baru perlu dilaksanakan memandangkan pertukaran lokasi projek. Sehubungan itu, peruntukan sebanyak RM6,455.40 sahaja dapat dilaksanakan. **S1088888S789 Program Say 1Malaysia (*Strategic Action Youth*)** Pelaksanaan projek ini dilaksanakan secara berfasa dan tidak terikat kepada tempoh pelaksanaan. Program-program yang diperakui sahaja akan dilaksanakan dan penyaluran geran akan dilaksanakan. Sehubungan itu sehingga 31 Disember 2013, hanya RM79,602,349.87 sahaja telah disalurkan kepada penerima geran yang layak.
2.4.2.2.c	Semakan Audit selanjutnya mendapati 2 Kementerian telah berbelanja melebihi peruntukan yang diluluskan berjumlah RM123.19 juta bagi 18 projek. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Antara 20 Mei Hingga 6 Jun 2014 *Peruntukan tidak/kurang dibelanjakan adalah kerana terdapat perubahan skop kerja atau reka bentuk yang menyebabkan projek lewat dimulakan, projek diberikan Extension of Time (EOT), tawaran tender atau Surat Setuju Terima (SST) hanya dikeluarkan pada tahun 2014, program kurang mendapat sambutan, pertukaran tapak asal projek dan projek/program masih dalam proses pembinaan/pelaksanaan. Manakala bagi perbelanjaan yang telah melebihi peruntukan, Kementerian Pendidikan Malaysia memaklumkan bahawa tindakan sedang diambil untuk mengemukakan permohonan Notis Perubahan Siling kepada Perbendaharaan Malaysia.*	
2.4.3.1.a	**Akaun Deposit Pelarasan Cek Terbatal Dan Akaun Pembatalan Bayaran Pindahan Dana Elektronik (EFT)** Cek yang tidak ditunaikan pada akhir tempoh 3 bulan dari tarikh ia dikeluarkan disifatkan sebagai terbatal dan hendaklah diselaraskan ke Akaun Deposit Pelarasan Cek Terbatal. Manakala, pemindahan wang secara elektronik yang dikembalikan oleh bank disifatkan sebagai terbatal dan hendaklah diselaraskan dengan mengkreditkan Akaun Pembatalan Bayaran EFT. Pada akhir tahun 2013, baki Akaun Deposit Pelarasan Cek Terbatal adalah berjumlah RM43.53 juta iaitu penurunan sejumlah RM455.42 juta berbanding dengan akhir tahun 2009. Manakala, Akaun Pembatalan Bayaran EFT menunjukkan peningkatan pada tahun 2009 hingga tahun 2011. Bagaimanapun, ia telah berkurangan pada tahun 2012 dan 2013 menjadikan baki Akaun Pembatalan Bayaran EFT pada akhir tahun 2013 berjumlah RM94.25 juta.	JANM melalui Pejabat Perakaunan akan melaksanakan pemantauan berterusan terhadap Cek/EFT Terbatal yang melibatkan pembayaran sumbangan berkanun dan bayaran balik pinjaman perumahan.
2.4.3.1.b	Semakan Audit selanjutnya mendapati pada akhir tahun 2013, sebanyak 624 cek terbatal berjumlah RM0.47 juta dan 78 EFT terbatal berjumlah RM0.07 juta melibatkan sumbangan berkanun dan bayaran balik pinjaman perumahan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	masih belum diganti. Maklum Balas Jabatan Akauntan Negara Malaysia Yang Diterima Pada 28 Mei 2014 *Jabatan Akauntan Negara Malaysia akan meningkatkan pemantauan serta memastikan Pusat Tanggungjawab (PTJ) menggantikan semula cek/EFT terbatal khususnya yang melibatkan pembayaran sumbangan berkanun dan bayaran balik pinjaman perumahan.*	
2.4.3.2	**Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan** Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan diwujudkan untuk mengakaunkan terimaan yang belum diberi kod amanah atau belum ditentukan kegunaannya. Sehingga 31 Disember 2013, baki akaun deposit ini berjumlah RM83.40 juta melibatkan 13 Kementerian/Jabatan. Semakan Audit mendapati sejumlah RM56.43 juta yang diperakaunkan dalam Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan di Perbendaharaan Malaysia adalah termasuk pelarasan terimaan yang tidak dikenal pasti. Maklum Balas Jabatan Akauntan Negara Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mei 2014 *Terimaan yang diakaunkan di Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan adalah merupakan terimaan yang belum diakaunkan kepada akaun yang sebenarnya pada akhir tahun 2013 kerana Pusat Tanggungjawab yang terlibat tidak dapat dikenal pasti. Akaun deposit ini telah disifarkan pada 30 April 2014.*	Baki ATTD di bawah kod Perbendaharaan Malaysia (231) telah berjaya dikenalpasti dan disifarkan pada April 2014.
2.4.3.3	**Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan** Semakan Audit terhadap senarai pendeposit yang diselenggara oleh 2 Jabatan iaitu Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Perak dan JANM Keningau, Sabah bagi merekodkan Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan yang diterima oleh Jabatan-jabatan Persekutuan di negeri mendapati senarai pendeposit tersebut adalah termasuk urus niaga yang tidak dikenal pasti berjumlah RM1.62 juta. Maklum Balas Jabatan Akauntan Negara Malaysia Yang Diterima Pada	PTJ Negeri di bawah JANM Perak dan JANM Keningau masih membuat semakan ke atas item tidak dikenalpasti. Kedudukan semasa sehingga September 2014 adalah sebanyak RM1.47 juta.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	14 Mei 2014 *Jabatan Akauntan Negara Malaysia memaklumkan sebahagian daripada amaun yang tidak dikenal pasti adalah disebabkan berlaku kesilapan semasa penyediaan baucar bayaran. Pelarasan akan dibuat selepas semakan dijalankan.*	
2.4.3.4	**Mewartakan Deposit Yang Tidak Dituntut** Mengikut Arahan Perbendaharaan 162, deposit yang tidak dituntut selepas 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan hendaklah diberitahu dalam Warta Kerajaan. Jika deposit itu masih tidak dituntut dalam masa 3 bulan selepas pemberitahuan itu maka ia hendaklah di kredit kepada hasil. Semakan Audit terhadap 89 sampel deposit mendapati sejumlah RM77.70 juta deposit bagi tempoh 1980 hingga 2006 yang melibatkan 14 Kementerian/Jabatan/Negeri masih belum dituntut. Sekiranya tempoh pegangan deposit tersebut telah tamat, tindakan pewartaan perlu dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan/Negeri yang terlibat. Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Antara 14 Mei Hingga 5 Jun 2014 *Kementerian/Jabatan memaklumkan tindakan dan semakan sedang/telah dilaksanakan untuk mewartakan deposit yang tidak dituntut dan tindakan akan diambil untuk menyelaraskannya ke Akaun Hasil Disatukan.*	Tindakan pewartaan adalah di bawah tanggungjawab Kementerian/Jabatan pemegang deposit. JANM sentiasa mengambil tindakan memantau dan memberi khidmat nasihat kepada Kementerian/Jabatan/PTJ untuk melaksanakan tindakan pewartaan dan seterusnya melaraskan ke hasil setelah tidak dituntut (3 bulan). Walau bagaimanapun, terdapat kekangan dalam usaha pewartaan di peringkat Kementerian/ Jabatan. Antara kekangannya adalah:- i. Peruntukan tidak mencukupi; dan ii. Maklumat pendeposit yang tidak lengkap.
2.4.4	**Item Penyesuaian Lama Berlarutan** Arahan Perbendaharaan 143(b) menetapkan Kementerian/Jabatan hendaklah menyediakan penyata penyesuaian bagi menyesuaikan perbezaan antara rekod di Pusat Tanggungjawab (PTJ) dengan rekod di Pejabat Perakaunan. Semakan Audit mendapati item penyesuaian untuk Kumpulan Wang Amanah Awam, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Deposit telah berlarutan antara 2 hingga 7 tahun tetapi masih belum diselaraskan. Item penyesuaian tidak dikenal pasti dan lama berlarutan pada akhir tahun 2013 adalah berjumlah RM113.31 juta, iaitu peningkatan sejumlah RM75.14 juta berbanding pada akhir tahun 2012 yang berjumlah RM38.17 juta. Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Antara 30 April 2014	JANM telah memaklumkan isu ini kepada Kementerian/Jabatan terlibat. Kementerian/Jabatan perlu mengambil tindakan untuk mengenalpasti dan melaraskan item penyesuaian berkenaan. Kementerian/ Jabatan perlu membuat susulan bagi tindakan yang memerlukan kelulusan Bayaran Balik Hasil daripada Perbendaharaan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Hingga 6 Jun 2014 *Item penyesuaian tidak dapat dikenal pasti antaranya adalah kerana rekod tidak lengkap dan tidak kemas kini serta rekod bagi urus niaga yang lama sukar diperoleh. Sebahagian Kementerian/Jabatan telah mengambil tindakan melaraskan item penyesuaian tersebut manakala selebihnya masih dalam proses semakan dan perbincangan lanjut.* Pada pendapat Audit, setiap item penyesuaian perlu diselaraskan dengan segera supaya tidak berlarutan dan sukar dikenal pasti terutamanya bagi urus niaga kredit di PTJ tiada di Pejabat Perakaunan kerana ia menggambarkan seolah-olah PTJ menerima wang tetapi tidak dimasukkan ke dalam akaun Kerajaan. Kementerian/Jabatan bersama-sama Jabatan Akauntan Negara Malaysia perlu mengambil langkah yang lebih efektif untuk menyelesaikan isu ini dengan segera.	

Perenggan 4 : Pengurusan Kewangan Di Jabatan Penerangan Malaysia

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.5.1	**Kawalan Pengurusan** Semakan Audit mendapati kawalan pengurusan di JPM secara keseluruhannya berada pada tahap baik (76.8%). Analisis selanjutnya mendapati JPM Negeri Pahang telah berjaya mencapai tahap sangat baik manakala JPM Ibu Pejabat dan 11 JPM Negeri yang lainnya mencapai tahap baik. Bagaimanapun, JPM Negeri Sarawak mencapai tahap memuaskan. Hanya JPM Negeri Sembilan mencapai tahap tidak memuaskan dalam kawalan pengurusan. Beberapa tindakan penambahbaikan masih perlu diambil, khususnya dari aspek penyediaan carta organisasi; penurunan kuasa bagi menjalankan tugas kewangan; pengemaskinian proses kerja berkaitan pengurusan kewangan; pemeriksaan dalaman mengikut AP 308; pemeriksaan mengejut mengikut AP 309; Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA); pengemaskinian Daftar Pertanyaan Audit dan latihan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.	Prestasi dan teguran diambil maklum oleh Jabatan. Antara cadangan atau langkah yang akan dilaksanakan bagi meningkatkan prestasi kawalan pengurusan JaPen Negeri yang mencapai tahap tidak memuaskan adalah:- 1. Memohon JaPen Negeri untuk mengambil langkah lebih proaktif dengan berhubung dengan Bahagian di Ibu Pejabat sekiranya terdapat masalah di PTJ. 2. Jadual Naziran Bersepadu pada tahun 2015 akan mengambil kira JaPen Negeri berkaitan sebagai langkah memantapkan kawalan pengurusan.
4.5.3.1	**Kawalan Borang Hasil** Semakan Audit mendapati tiada penerimaan borang hasil dalam tahun semasa. Selain itu, JPM Kedah, Kelantan, Pahang, Selangor dan W. P. Kuala Lumpur telah mengakaunkan hasil menggunakan sistem eTerimaan secara sepenuhnya. Sehubungan itu, tiada borang hasil dalam simpanan JPM Negeri berkenaan. Bagi JPM Negeri yang lain, perakaunan hasil adalah teratur kecuali JPM Negeri Sembilan, Perak dan Perlis. Tindakan penambahbaikan perlu diambil dari aspek penyelenggaraan Daftar Borang Hasil (Kew. 67), penyimpanan borang hasil dan perakuan ketepatan nombor siri bagi setiap borang hasil.	Tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan dengan JaPen Negeri berkaitan telah menyelenggara perkara berkaitan hasil seperti yang telah ditetapkan oleh Arahan Perbendaharaan (Terimaan) berkuatkuasa Jun 2014 (AP 60 hingga AP91).
4.5.3.2	**Pengurusan Penerimaan Wang** Berdasarkan analisis yang dijalankan, didapati 5 JPM Negeri tidak menerima pungutan hasil bagi tahun kewangan 2013. JPM yang terlibat adalah JPM Kedah, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis dan W.P. Kuala Lumpur. Bagaimanapun, tindakan penambahbaikan perlu diambil oleh JPM Perak, Sabah	Tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan dengan JaPen Negeri berkaitan telah menyelenggara perkara berkaitan hasil seperti yang telah ditetapkan oleh Arahan Perbendaharaan (Terimaan) berkuatkuasa Jun 2014 (AP 60 hingga AP91).

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dan Sarawak. Antara penambahbaikan yang perlu dilaksanakan adalah resit perlu dikeluarkan pada hari yang sama bagi penerimaan wang melalui mel dan Akaun Tunai Bulanan perlu diserahkan kepada Pejabat Perakaunan dalam tempoh yang ditetapkan.	
4.5.4.1	**Perakaunan** Secara umumnya, JPM telah memastikan semua tanggungan dan perbelanjaan direkodkan dengan betul dan tepat. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap Buku Vot bagi JPM Ibu Pejabat, Negeri Sembilan dan Perak mendapati Buku Vot tidak diperiksa oleh penyelia sekurang-kurangnya sekali sebulan.	Teguran diambil maklum. Walaubagaiamanapun, JaPen Negeri dan Ibu Pejabat sentiasa memantau perbelanjaan yang dibuat. Berkenaan dengan Buku Vot yang tidak diperiksa, pihak JaPen akan memastikan buku Vot selepas ini diperiksa sekurang- kurangnya sebulan sekali dengan menurunkan tandatangan dan meletakkan tarikh pemeriksaan.
4.5.4.2	**Pengurusan Perolehan** Semakan Audit mendapati peraturan kewangan mengenai pengurusan perolehan tidak sepenuhnya dipatuhi. Penambahbaikan perlu dibuat terhadap beberapa aspek pengurusan perolehan seperti Pegawai Penyelia dilantik untuk memantau pelaksanaan GPIS; perolehan tidak dipecahkecil bagi mengelakkan sebut harga; Pesanan Kerajaan dikeluarkan sebelum bekalan/perkhidmatan diterima dan perolehan bekalan/perkhidmatan yang boleh dibuat melalui kontrak pusat hendaklah dilaksanakan melalui kontrak pusat/panel pembekal.	Perkara berkenaan perolehan sentiasa dibincangkan di dalam mesyuarat JPKA Jabatan. Jabatan akan memastikan pematuhan sepenuhnya pada masa akan datang dan setiap pegwai akan dipastikan menghadiri kursus berkaitan kewangan dan perolehan bagi memantapkan pengetahuan dan memudahkan pelaksanaan kerja. Tindakan pematuhan berkenaan buku Vot telah dibuat pada 15 september 2014.
4.5.4.3	**Pengurusan Bayaran** Semakan Audit mendapati ada kelemahan dalam pengurusan bayaran di JPM antaranya had kuasa berbelanja berbeza dengan perwakilan kuasa; capaian dalam sistem tidak dibatalkan bagi pegawai bertukar/berhenti/bersara; Daftar Bil tidak dicetak dan disemak oleh pegawai bertanggungjawab; baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan asal, lengkap dan sempurna; bayaran lewat dibuat iaitu melebihi tempoh 14 hari; pembayaran tidak dibuat kepada penerima yang sah dan tiada bukti laporan bayaran pukal (BP21) disemak dengan bil asal.	Setiap JaPen Negeri telah dimaklumkan perkara ini dan akan dipastikan kelemahan berkurangan/ tiada pada masa hadapan. Untuk makluman, kelemahan pengurusan bayaran ini adalah melibatkan kekurangan ilmu pegawai dan antara langkah yang akan diambil adalah memastikan kakitangan mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam melaksanakan kerja harian. Langkah lain adalah melalui naziran dari ibu pejabat yang akan dilaksanakan dengan lebih kerap bagi tujuan mamantau dan memberikan khidmat nasihat sekiranya terdapat kekurangan di bahagian operasi JaPEN Negeri.
4.5.5	**Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit** Semakan Audit mendapati JPM tidak mempunyai Akaun Amanah dan hanya menyelenggarakan Akaun Deposit Pendahuluan Diri di peringkat Ibu Pejabat JPM. Adalah didapati akaun deposit tersebut telah diuruskan dengan teratur. Bagaimanapun, Ringkasan Pendahuluan Diri bagi 6 bulan pertama tahun 2013 tidak dikemukakan kepada Kementerian. Prestasi pengurusan akaun deposit	Ringkasan Pendahuluan Diri telah dihantar mengikut tempoh yang ditetapkan. Telah dihantar kepada Kementerian Kewangan melalui Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia pada Febuari 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	secara keseluruhannya berada pada tahap baik (83.3%).	
4.5.6.1	**Pengurusan Kenderaan Jabatan** Secara keseluruhannya, tahap pengurusan kenderaan JPM adalah memuaskan. Semakan Audit mendapati Buku Log Kenderaan, Buku Rekod Pergerakan Kad Inden Minyak dan Daftar Kawalan Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) tidak diselenggarakan dengan lengkap dan tidak dikemas kini.	Perkara telah diambil tindakan dan pengemaskinian dokumen berkenaan sedang berjalan secara berterusan. Pemeriksaan telah dibuat mulai Mac 2014 setiap bulan.
4.5.6.2	**Penyelenggaraan Dan Pelupusan Aset** Semakan Audit mendapati 11 JPM tidak melaksanakan penyenggaraan mengikut perancangan. Selain itu, didapati penyenggaraan aset yang dilakukan tidak direkodkan dalam Daftar Penyenggaraan Harta Modal. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada tahun 2013, 6 JPM Negeri iaitu JPM Negeri Johor, Kedah, Kelantan, Sabah, Selangor dan Terengganu telah melaksanakan pelupusan aset. Secara umumnya peraturan berkaitan pelupusan aset telah dipatuhi kecuali pemeriksaan aset tidak dijalankan dalam tempoh sebulan dari tarikh arahan pemeriksaan dikeluarkan.	Perkara diambil maklum dan pemeriksaan aset telah dilaksanakan seperti yang diarahkan oleh pihak Kemeterian.

Perenggan 5 : Pengurusan Kewangan Di Jabatan Pendaftaran Negara

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.5.3.1	**Kawalan Borang Hasil Dan Penerimaan Wang** Antara aspek penting yang dinilai adalah kawalan terhadap penggunaan borang hasil dan penerimaan wang awam. Semakan Audit mendapati kawalan terhadap borang hasil dan penerimaan wang adalah teratur di JPN Kedah, Kelantan, Perlis dan Selangor. Bagi JPN yang lainnya, tindakan penambahbaikan perlu diambil terhadap beberapa perkara seperti borang hasil hendaklah dikeluarkan mengikut susunan nombor yang betul; Daftar Mel perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini; resit bagi penerimaan melalui mel dikeluarkan pada hari yang sama dan Daftar Mel disemak dengan Buku Tunai oleh pegawai penyelia. Selain itu, JPN terlibat juga perlu memastikan resit rasmi dibatalkan oleh pegawai yang diberi kuasa dan pegawai bertanggungjawab menyemak buku tunai dengan resit rasmi setiap hari.	**1. <u>Penggunaan Borang Hasil</u>** **(i) JPN Melaka** Teguran telah dibuat serta merta dengan menegurkan pegawai bertanggungjawab untuk memastikan buku resit disemak dan diperakui betul. **(ii) JPN Pahang** Jabatan ini telah membuat semakan semula dan menandatangani borang hasil yang dimaksudkan oleh pihak audit. Jabatan ini telah merekodkan penerimaan mel di dalam buku daftar seperti yang disarankan. **(iii) JPN Pulau Pinang** Resit yang dikeluarkan daripada stor tetapi tidak digunakan telah disemak setiap minggu oleh Pegawai Penyelia dengan menandatangani ringkas di belakang salinan resit terakhir yang disemak dan telah direkodkan di dalam satu buku daftar yang diselenggara khas sepertimana teguran pihak audit. **(iv) JPN Terengganu** Jabatan ini telah memberi teguran dan memastikan Pegawai Penyelia menandatangani ringkas di belakang salinan resit terakhir semasa menyemak atau merekod semakkan mingguan dalam daftar yang diselenggara khas. Pihak Jabatan juga telah mengarahkan Pegawai Penyelia untuk membuat semakan mengikut jadual berkala. **(v) JPN KL** Jabatan ini telah mengambil tindakan serta-merta selepas teguran Audit dibuat pada 10 Disember 2013 dengan membuat semakkan dan menandatangani ringkas terhadap borang hasil yang dikeluarkan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		daripada stok dan memastikan semakkan dibuat setiap minggu. **2. <u>Penerimaan Melalui Mel</u>** **(i) JPN Johor** Resit bagi penerimaan melalui mel tidak dapat dikeluarkan pada hari yang sama disebabkan terdapat kesilapan mencatat tarikh terima dalam buku daftar mel, cuti am dan cuti umum, kuiri amaun bayaran yang tidak tepat. Perkara ini telah diambil tindakan dan peringatan kepada pegawai bertanggungjawab telah diberi untuk memastikan ia tidak berulang. **(ii) JPN Melaka** Tindakan peringatan telah dilakukan dengan mengeluarkan Memo Peringatan kepada semua pegawai agar melengkapkan butiran resit dan no resit di dalam ruangan Daftar Mel dan Bahagian berkaitan telah diingatkan agar menyemak daftar mel dan buku tunai. **(iii) JPN Pahang** Tindakan penyelenggaraan telah diambil oleh unit-unit berkenaan dan semakan pegawai penyelia telah dikuatkuasa. **(iv) JPN Perak** Amaran bertulis oleh Pengarah JPN Perak telah dikeluarkan kepada kakitangan terlibat melalui Memo Pengarah (No. Rujukan : JPN.A.PT : 163/15/10 bertarikh 5 Mac 2014 bagi memastikan kesilapan sama tidak berulang. **(v) JPN Sabah** Tindakan pembetulan telah diambil serta merta dan pemantuan dari pihak pengurusan dari semasa ke semasa bagi memasikan kepatuhan kepada teguran audit tersebut. **(vi) JPN Sarawak** Jabatan ini telah melaksanakan Sistem Pendaftaran Mel menggunakan dua kaedah selaras dengan butiran AP 71 (a) dan (b). Kaedah yang digunakan adalah seperti berikut:- a) Pendaftaran mel yang mempunyai wang pos atau wang tunai menggunakan Daftar Surat Menyurat Am10 b) Pendaftaran mel biasa menggunakan Daftar Elektronik

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		(vii) JPN Terengganu Jabatan ini mematuhi Arahan Perbendaharan 71(a) dan Arahan Perbendaharan 71(b) dengan mencatit nombor resit dan tarik resit serta memastikan resit tersebut tersebut dikeluarkan pada hari yang sama mengikut Arahan Perbendaharaan 60(ii) Jabatan ini juga telah mengambil tindakan segera dan mematuhi peraturan ini mengikut AP 71(e) dengan menegur agar Penyelia membuat semakan terhadap buku daftar mel. **(viii) JPN WPKL** Daftar Mel bagi terimaan melalui mel telah dikemaskini dan diselenggara berdasarkan teguran audit. Penyelia juga telah diingatkan agar membuat semakkan terhadap daftar mel dengan Buku Tunai/Buku Tunai Elektronik. Jabatan ini juga telah mengambil tindakan dengan menghantar memo ke semua Bahagian Urusniaga Utama bagi memaklumkan pengeluaran resit rasmi bagi setiap hasil yang diterima hendaklah dikeluarkan pada hari yang sama. **3. <u>Perakuan Penerimaan Wang</u>** **(i) JPN Pahang** Pegawai penama yang ditemui oleh audit telah diberi peringatan dan pegawai penyelia diingatkan agar membuat pemantauan berterusan untuk memastikan resit rasmi yang dibatalkan hendaklah dilakukan oleh pegawai yang diberi kuasa bertulis sahaja. **(ii) JPN WPKL** Mengikut peraturan dibawah AP145(b), Laporan Akaun Tunai Bulanan bagi Kutipan Hasil hendaklah dihantar ke pejabat perakaunan sebelum 10 hb setiap bulan, manakala mengikut peraturan dibawah AP146 Penyata Penyesuaian (Flimsi) hendaklah dihantar ke pejabat perakaunan sebelum tempoh dua (2) minggu selepas akhir tiap-tiap satu (1) bulan. Oleh yang demikian, Jabatan ini telah mematuhi peraturan tersebut dengan menghantar mengikut masa yang ditetapkan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		(iii) JPN Pulau Pinang Pegawai membuat pembatalan kerana beranggapan KP22 (KUP) adalah layak untuk membatalkan resit. Perkara ini diambil perhatian oleh pihak jabatan dan akan dipastikan tidak akan berulang lagi pada masa akan datang dengan mengeluarkan memo arahan kepada semua yang terlibat. **4. <u>Perekodan Borang Hasil</u>** **(i) JPN Terengganu** Jabatan ini telah mengambil tindakan segera dan akan memastikan setiap resit yang dibatalkan direkodkan dalam Buku Tunai Cerakinan. Surat Penurunan Kuasa telah dilakukan kepada pegawai yang menyemak buku tunai elektronik dan memastikan perkara ini tidak berulang. **(ii) JPN Labuan** Jabatan ini telah menegur kepada pegawai bertanggungjawab agar membuat semakkan buku tunai dengan resit rasmi dibuat pada setiap hari dan memastikan perkara ini tidak berulang. **5. <u>Cek Tak Laku</u>** **(i) JPN WPKL** Jabatan ini telah mengambil maklum atas teguran pihak audit dan tindakan segera telah diambil dengan menyediakan Buku Daftar Cek Tak Laku mengikut format yang telah ditetapkan seperti yang ditetapkan peraturan.
5.5.4.1	**Perakaunan** Secara umumnya, JPN telah memastikan bahawa semua tanggungan dan perbelanjaan direkodkan dengan betul dan tepat. Bagaimanapun, JPN Kedah, Kelantan dan Perak masih perlu mengambil tindakan penambahbaikan dengan memastikan Buku Vot diperiksa sekurang-kurangnya sebulan sekali oleh pegawai penyelia dan penyata penyesuaian dikemukakan kepada Pejabat Perakaunan mengikut tempoh yang ditetapkan.	**(i) JPN Kedah** Penyata Penyesuaian Perbelanjaan Mengurus bagi bulan Januari, Februari dan Julai 2013 telah dikemukakan kepada Pejabat Perakaunan. Pengarah juga telah membuat teguran kepada semua pegawai yang terlibat terhadap teguran audit di dalam Mesyuarat JPKA Bil. 1 Tahun 2014 pada 27 April 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		(ii) JPN Kelantan Teguran audit telah diambil perhatian dan semakkan seterusnya telah dilakukan oleh Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara Kelantan pada 14 April 2014. **(iii) JPN Perak** Jabatan ini telah mengambil tindakan serta merta pada hari yang sama semasa teguran audit dengan mengemaskini tarikh semakkan Buku Vot.
5.5.4.2	**Pengurusan Perolehan** Semakan Audit mendapati berlaku kelemahan dalam pengurusan perolehan antaranya penyelia tidak dilantik untuk memantau pelaksanaan GPIS di 5 JPN Negeri, pelaksanaan *Intergrity Pact* tidak dipatuhi di 3 JPN Negeri, klausa pencegahan rasuah tidak dimasukkan dalam kontrak di 3 JPN Negeri dan kebenaran Perbendaharaan tidak diperoleh terlebih dahulu bagi pembelian yang dibuat luar dari kontrak pusat/panel pembekal di 4 JPN Negeri. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, tindakan penambahbaikan perlu diambil terhadap beberapa perkara, antaranya semua perolehan perlu didaftar dalam GPIS dan penyelia hendaklah dilantik di setiap Jabatan/PTJ untuk memantau pelaksanaan GPIS; pelaksanaan *integriti pact* dalam sebut harga perlu dipatuhi dan klausa pencegahan rasuah hendaklah dimasukkan dalam kontrak. Selain itu, perolehan bekalan/perkhidmatan yang boleh dibuat melalui kontrak pusat hendaklah dilaksanakan melalui kontrak pusat/panel pembekal dan kebenaran Perbendaharaan diperoleh terlebih dahulu bagi pembelian yang dibuat luar dari kontrak pusat/panel pembekal.	**1. <u>Teguran Penyelia Tidak Dilantik Untuk Memantau Pelaksanaan Gpis</u>** (i) Semua JPN Negeri iaitu JPN Pulau Pinang, JPN Sabah, JPN WP Labuan, JPN Terengganu dan JPN Perlis telah mengambil tindakan melantik Penyelia bagi memantau pelaksanaan GPIS **2. <u>Teguran Pelaksanaan *Integrity Pact*</u>** (i) Tiga (3) JPN Negeri iaitu JPN Selangor, JPN Labuan dan JPN Johor telah mengambil tindakan dengan memasukkan *Integrity Pact* di dalam dokumen sebut harga berkenaan. **3. <u>Teguran Klausa Pencegahan Rasuah Tidak Dimasukkan Dalam Kontrak</u>** **(i) Pulau Pinang** Dalam setiap perjanjian, klausa pencegahan rasuah dimasukkan ke dalam kontrak Jabatan. **(ii) Negeri Sembilan** Klausa pencegahan rasuah telah dimasukkan dalam kontrak sewaan yang baru. **4. <u>Teguran Pembelian Yang Dibuat Luar Dari Kontrak Pusat/Panel</u>** **(i) Kelantan** Pembelian bagi perabot yang disenaraikan sebagai item kontrak pusat pada tahun 2014 diperolehi daripada pembekal yang disenaraikan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		dalam kontrak pusat. **(ii) Terengganu** Jabatan ini telah mengambil tindakan segera dengan mengemukakan permohonan kebenaran pembelian perolehan di luar kontrak pusat kepada Perbendaharaan melalui Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri. **(iii) Perlis** Jabatan telah mengambil tindakan dengan memastikan bagi setiap perolehan yang dilakukan hendaklah mengikut pekeliling yang sedang berkuatkuasa. **(iv) Selangor** JPN Negeri Selangor mematuhi arahan supaya pembelian sampul surat diperolehi daripada pembekal kontrak pusat yang dilantik.
5.5.4.3	**Pengurusan Bayaran** Semakan Audit mendapati Ibu Pejabat JPN Putrajaya dan 15 JPN Negeri telah mematuhi peraturan kewangan mengenai urusan pembayaran. Bagaimanapun, JPN Negeri Kelantan perlu memberi perhatian yang serius terhadap pengurusan bayaran, khususnya mengenai pembatalan capaian dalam sistem bagi pegawai bertukar/berhenti/bersara, penyelenggaraan dan penyemakan Daftar Bil dan penyediaan baucar bayaran.	**1. <u>JPN Kelantan</u>** (i) Semakan di dalam maklum balas pemerhatian audit dan pegawai JPN Kelantan mendapati tiada isu berkaitan pembatalam capian dalam sistem bagi pegawai bertukar/berhenti/bersama. Namun, JPN Kelantan akan memastikan perkara ini diambil tindakan segara jika isu ini berlaku di JPN Kelantan. (ii) Penyelia bertanggungjawab telah ditegur supaya mencetakan dan semakan Daftar Bil yang disediakan secara elektronik (Laporan BV340) mengikut prosedur. (iii) Semua penemuan terhadap baucar bayaran yang tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap dan sempurna dan peraturan kewangan tidak dipatuhi sepenuhnya telah diambil tindakan serta merta dengan mengemukakan dokumen yang sepatutnya. Bukti dokumen telah dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara di dalam maklumbalas yang telah dihantar pada 15 April 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.5.5	**Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit** Jabatan Pendaftaran Negara tidak mempunyai akaun amanah awam. Semakan Audit yang dijalankan terhadap pengurusan akaun deposit di Ibu Pejabat JPN mendapati akaun deposit telah diselenggarakan dengan teratur. Selain itu, JPN Ibu Pejabat serta JPN Negeri Pahang dan Sarawak ada menguruskan pendahuluan diri dan didapati peraturan kewangan yang berkaitan telah dipatuhi kecuali JPN Negeri Pahang tidak menghantar penyata yang menunjukkan ringkasan pendahuluan diri diluluskan dan hasil pengutipannya kepada Perbendaharaan setiap 6 bulan. Secara umumnya, prestasi pengurusan akaun deposit dan pendahuluan diri berada pada tahap sangat baik (99.4%).	**<u>JPN Pahang</u>** (i) JPN Pahang telah menghantar Laporan Penyata bagi Januari hingga Jun 2013 pada 5 Julai 2013 dan laporan bagi Julai hingga Disember 2013 pada 3 Januari 2014 kepada Ibu Pejabat JPN untuk dipanjangkan kepada Perbendaharaan / Kementerian. (ii) Ibu Pejabat telah memanjangkan Laporan Penyata Pendahuluan Diri kepada pihak Perbendaharaan pada 27 Februari 2014 bagi pelaporan Penyata Ringkas Pendahuluan Diri bagi bulan Januari hingga Disember 2013.
5.5.6.1	**Pengurusan Kenderaan Jabatan** Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kenderaan adalah pada tahap memuaskan. Pihak Audit mendapati Buku Log kenderaan, Buku Rekod Pergerakan Kad Inden Minyak serta Buku Rekod Pergerakan Dan Penggunaan KSBTTR tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Semakan Audit juga mendapati Buku Rekod Pergerakan Kad Inden di Ibu Pejabat JPN dan 8 JPN Negeri tidak diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa. Selain itu, Penyata Pembelian Minyak tidak disemak kepada resit dan disahkan oleh pemegang kad sebelum pembayaran dibuat di Ibu Pejabat JPN dan 3 JPN Negeri. Adalah juga didapati tiada bukti menunjukkan Pegawai Kenderaan di JPN Ibu Pejabat dan 6 JPN Negeri menyemak dan mengesahkan Penyata Penggunaan KSBTTR yang diterima daripada pembekal.	**1. <u>Buku Log Kenderaan, Buku Rekod Pergerakkan Kad Inden Minyak Serta Buku Rekod Pergerakkan Dan Penggunaan Ksbttr Tidak Diselenggara Dengan Lengkap Dan Kemas Kini</u>** (i) Penambahbaikan dan pemantauan secara berterusan dilakukan oleh Pegawai Kenderaan di JPN Ibu Pejabat terhadap buku log kenderaan, Buku Rekod Pergerakan Kad Inden Minyak serta Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan KSBTTR supaya diselenggara dengan lengkap dan kemaskini. (ii) Satu Garis Panduan Perolehan Penggunaan dan Kawalan Kad Inden Kenderaan jabatan juga telah dikeluarkan kepada JPN negeri bertarikh 1 Julai 2014 **2. <u>Buku Rekod Pergerakkan Kad Inden Tidak Diperiksa Oleh Ketua Jabatan Dari Semasa Ke Semasa</u>** **(JPN Ibu Pejabat, JPN Kedah, JPN Negeri Sembilan, JPN Pulau Pinang, JPN Sarawak, JPN WPKL dan JPN Kelantan)** (i) Ibu Pejabat dan JPN Negeri telah mengemaskini Buku Rekod Pergerakkan Inden dan memastikan ia diperiksa oleh Ketua Jabatan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		3. <u>Penyata Pembelian Minyak Tidak Disemak Kepada Resit Dan Disahkan Oleh Pemegang Kad Sebelum Pembayaran Dibuat (Ibu Pejabat Dan 3 JPN Negeri)</u> (i) **JPN Ibu Pejabat** Penyata pembelian minyak juga telah disemak kepada resit dan disahkan oleh pemegang kad sebelum pembayaran dibuat di Ibu Pejabat JPN Satu Garis Panduan Perolehan Penggunaan dan Kawalan Kad Inden Kenderaan jabatan juga telah dikeluarkan kepada JPN negeri bertarikh 1 Julai 2014 (ii) **JPN Kedah** Pejabat ini akan memastikan resit pembelian minyak disemak dan disahkan pegawai yang dibenarkan dengan Penyata Pembelian Minyak sebelum pembayaran dibuat. (iii) **JPN Perak** Semua penyata pembelian telah disahkan dan disemak bersama dengan salinan resit belian oleh pegawai kenderaan. (iv) **JPN Pulau Pinang** Jabatan ini telah didapati mematuhi perkara ini berdasarkan kenyataan dalam pemerhatian audit diberikan **4. <u>Pegawai Kenderaan Tidak Menyemak Dan Mengesahkan Penyata Penggunaan Ksbttr Yang Diterima Daripada Pembekal</u> JPN Ibu Pejabat Dan 6 Jpn Negeri)** **(i) JPN Ibu Pejabat** Pegawai Kenderaan di JPN Ibu Pejabat dan JPN Negeri telah menyemak dan mengesahkan Penyata Penggunaan KSBTTR yang diterima daripada pembekal setiap bulan. Teguran telah diberi kepad apegawai kenderaan agar memastikan semakkan dan pengesahan dilakukan dan mengambil berat akan perkara ini. Selain itu, Mesyuarat bersama dengan semua pemandu dan pegawai kenderaan bersama dengan TKPPN (P) telah diadakan sebanyak dua (2) kali yang bertujuan bagi menegur dan menekankan kepentingan pematuhan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		peraturan serta tindakan yang perlu dilakukan bagi memastikan teguran audit tidak berulang pada masa hadapan. Selain itu, di dalam Mesyuarat JPKA Bil 2/ 2014 yang diadakan pada 21 Julai 2014 telah menekankan agar tindakan diambil segera dan memasti perkara ini tidak berlaku di Ibu Pejabat dan semua JPN Negeri.
5.5.6.2	**Penyenggaraan Dan Pelupusan Aset** Semakan Audit mendapati JPN Negeri Kedah dan Perak tidak menyediakan senarai aset yang memerlukan penyenggaraan (KEW.PA-13) manakala JPN Negeri Pahang, Sabah, Selangor, W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Labuan tidak melaksanakan penyenggaraan mengikut perancangan. Selain itu, pihak Audit mendapati pemeriksaan aset tidak dijalankan dalam tempoh satu bulan dari tarikh diarahkan oleh Jabatan di JPN Negeri Perlis, Sarawak dan Selangor. Manakala peraturan berkaitan urusan pelantikan Lembaga Pemeriksa dan penyediaan senarai aset untuk tujuan pelupusan serta penyediaan laporan oleh Lembaga Pemeriksa telah dipatuhi oleh semua JPN kecuali JPN Sabah, Sarawak, W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Labuan. Bagi JPN Negeri Selangor, adalah didapati pelupusan tidak dijalankan dalam tempoh 3 bulan selepas mendapat kelulusan.	**1. <u>Tidak Menyediakan Senarai Aset Yang Memerlukan Penyelenggaraan (Kew.Pa-13)</u>** (i) JPN Kedah dan Perak telah menyediakan senarai aset alih yang memerlukan penyelenggaraan (Kew.Pa-13). **2. <u>Penyelenggaraan Dibuat Tidak Mengikut Perancangan</u>** **JPN Pahang, Sabah, Selangor, Kuala Lumpur Dan Labuan** JPN Ibu Pejabat Putrajaya telah membuat semakan semasa penilaian bagi Anugerah Inovasi Kewangan dan memberi peringatan kepada JPN yang berkenaan supaya penyelenggaraan dibuat mengikut jadual bagi mengoptimumkan jangka hayat aset tersebut. Berdasarkan semakan mendapati JPN Negeri tidak mengikut perancangan penyelenggaraan disebabkan kekangan peruntukan. Ini ditambah dengan waran sekat sebanyak RM14juta dikenakan kepada JPN yang memerlukan setiap JPN Negeri melakukan penyusunan perbelanjaan berdasarkan keutamaan dan mendesak dilakukan. JPN akan memastikan perancangan penyelenggaraan perlu mengambil kira peruntukan sedia ada dan memastikan peruntukan mencukupi agar penyelenggaraan dapat dilaksanakan mengikut jadual. **3. <u>Pemeriksaan Pelupusan Aset Tidak Dibuat Dalam Tempoh 1 Bulan Dari Tarikh Arahan</u>** **(i) JPN Perlis** JPN Perlis tidak menjalankan pemeriksaan pelupusan aset dalam tempoh yang telah ditetapkan berikutan pertukaran Pengarah JPN Perlis (Pengerusi Lembaga Pelupusan Aset) pada 11.07.2012. Surat permohonan pelantikan Pengerusi Lembaga Pelupusan yang baru dikemukakan pada KDN pada 10.09.2012.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		Pelantikan Pengerusi Lembaga Pelupusan Aset yang baru diluluskan oleh KDN pada 11.06.2013. Oleh kerana pelupusan aset perlu dilaksanakan dengans egara JPN Perlis memohon agar Wakil Lembaga Pelupusan Aset dari JPN Putrajaya supaya membuat perakuan bagi pelupusan aset tersebut dan telah membuat pemeriksaan aset pada 17.04.2013. **4. <u>Pelantikan Lembaga Pemeriksaan Pelupusan Dan Penyediaan Senarai Aset Untuk Pelupusan Serta Penyediaan Laporan Oleh Lembaga Pemeriksa Tidak Dipatuhi</u>** **(i) JPN Sabah, Kuala Lumpur Dan Labuan** JPN Sabah, Kuala Lumpur dan Labuan telah menyemak semula pelantikan Lembaga Pemeriksa Aset dan pelantikan semula telah dibuat pada 22.09.2014 mengikut 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) yang berkuatkuasa pada 03.07.2014. **5. <u>Pelupusan Aset Tidak Dibuat Dalam Tempoh 3 Bulan setelah Mendapat Kelulusan</u>** **(i) JPN Selangor** Permohonan pelupusan peralatan pejabat oleh JPN Selangor telah diluluskan pada 13.03.2013. JPN Selangor telah membuat pelupusan pada 24.06.2013. JPN Putrajaya telah memberi peringatan kepada JPN Selangor supaya membuat pelupusan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh kelulusan.
5.5.6.3	**Kehilangan Dan Hapus Kira** Bagi kes kehilangan aset, semakan Audit mendapati JPN yang terlibat adalah Ibu Pejabat JPN Putrajaya, Kelantan, Selangor dan W.P Kuala Lumpur. Antara ketidakpatuhan yang berlaku adalah pegawai yang bertanggungjawab tidak melaporkan kehilangan kepada Ketua Jabatan dengan serta-merta, Jawatankuasa Penyiasat tidak dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal	**1. <u>Kehilangan Aset Tidak Dilaporkan Serta Merta</u>** Semakan terhadap pemerhatian audit dan rujukan dengan JPN Negeri yang terlibat mendapati tiada kehilangan aset dilaporkan bagi JPN Putrajaya, JPN Kelantan dan JPN Selangor dalam tempoh 2010 hingga 2013. Namun, semakan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dalam tempoh 2 minggu dari tarikh laporan awal (KEW.PA-28) disediakan dan Laporan Akhir (KEW.PA-30) tidak dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh 2 bulan dari tarikh KEW.PA-28 dikemukakan.	berterusan akan dijalankan dan memastikan JPN Negeri melaporkan semua kes kehilangan aset dengan serta merta sekiranya berlaku. (i) **JPN Kuala Lumpur** Laporan polis telah dibuat pada 25.1.2013 (Jumaat) iaitu pada hari yang sama kehilangan tersebut berlaku. Walau bagaimanapun laporan kepada Ketua Jabatan (Pengarah JPN Kuala Lumpur) dikemukakan pada 29.1.2013 (Selasa). JPN Putrajaya telah memberi peringatan kepada JPN Kuala Lumpur supaya melaporkan kehilangan yang berlaku dalam tempoh 24 jam. **2. <u>Jawatankuasa Penyiasat Tidak Dilantik Dalam Tempoh 2 Minggu Dari Tarikh Laporan Awal (Kew.Pa 28)</u>** **(i) JPN WPKL** JPNM telah mengemukakan surat pelantikan pegawai penyiasat kepada KDN pada 05.03.2013. Surat perlantikan dari KDN diterima pada 23.04.2013. Terdapat kesalahan nama pegawai penyiasat dan permohonan pembetulan nama tersebut telah dikemukakan kepada KDN pada 08.05.2013. Surat pelantikan yang baru diterima pada 24.09.2013 selepas 4 bulan permohonan pembetulan nama dikemukakan. **3. <u>Laporan Akhir (Kew.Pa 30) Tidak Dikemukakan Untuk Kelulusan Dalam Tempoh 2 Bulan Dari Tarikh Kew.Pa 28.</u>** **(i) JPN WPKL** Berdasarkan surat pelantikan Jawatankuasa Penyiasat yang dikeluarkan oleh KDN pada 25.9.2013, JPN diarahkan untuk mengemukakan Kew.Pa 30 selewat-lewatnya pada 24.11.2013. JPN telah mengemukakan Kew.Pa 30 kepada KDN pada 19.11.2013.

Perenggan 6 : Pengurusan Kewangan Pejabat Perwakilan Malaysia Di Luar Negeri

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.5.1.1	**Kawalan Pengurusan** Pengauditan terhadap aspek kawalan pengurusan adalah untuk menilai sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan yang antaranya meliputi penyediaan Manual Prosedur Kerja (MPK), Fail Meja, fungsi Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA), penurunan kuasa, tindakan susulan terhadap teguran audit yang dibangkitkan dan pemeriksaan mengejut. Semakan Audit mendapati secara umumnya tahap pematuhan terhadap kawalan pengurusan bagi semua pejabat perwakilan yang dilawati adalah baik. Bagaimanapun pematuhan terhadap aspek pemeriksaan mengejut, penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja perlu diberikan perhatian bagi memantapkan lagi kawalan pengurusan di pejabat perwakilan berkenaan.	Kementerian sentiasa memantau dan memastikan agar semua Perwakilan telah mengambil langkah-langkah membetulkan, mengemaskinikan, dan melengkapkan Manual Prosedur Kerja (MPK) serta Fail Meja (FM) selaras dengan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991. Perwakilan-perwakilan yang terlibat seperti KBM Algiers, STM Abuja, dan KBM Caracas telah menjalankan pemeriksaan mengejut bagi memantapkan lagi kawalan pengurusan di pejabat perwakilan. Pemeriksaan Mengejut oleh Ketua Perwakilan sepertimana Arahan Perbendaharaan 308 dan 309 menggunakan Buku Daftar Am 28 (pin.1/77) telah dijalankan. Kandungan Manual Prosedur Kerja telah dikemaskini dari semasa ke semasa dan Fail Meja telah disediakan dan lengkap ditandatangani. Kementerian akan turut memastikan lawatan mengejut dilaksanakan mengikut ketetapan, Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja disediakan dengan lengkap dan kemaskini serta akan memastikan semua pejabat perwakilan mengambil tindakan proaktif terhadap teguran Audit.
6.5.1.2	Bagi kelemahan kawalan pengurusan yang dibangkitkan oleh pihak Audit, kesemua pejabat perwakilan yang dilawati telah mengambil tindakan penambahbaikan seperti yang disyorkan. Pada pendapat Audit, Kementerian masih boleh mengukuhkan lagi kawalan pengurusan di pejabat perwakilan dengan memastikan pemeriksaan mengejut dilaksanakan oleh Suruhanjaya Tinggi Malaysia Abuja, Nigeria, Kedutaan Besar Malaysia Algeirs, Algeria dan Kedutaan Besar Malaysia Caracas, Venezuela mengikut ketetapan manakala Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja disediakan dengan lengkap dan dikemas kini dari semasa ke semasa.	
6.5.2.1	**Kawalan Terimaan** Pengauditan terhadap kawalan terimaan adalah untuk menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek kawalan terimaan iaitu penyelenggaraan Daftar Borang Hasil Yang Dikawal (Kew.67), kawalan Borang Hasil, Buku Tunai, kemasukan pungutan ke bank dan Daftar Mel. Berdasarkan semakan yang dijalankan, pihak Audit mendapati tahap pematuhan terhadap kawalan terimaan adalah baik di Kedutaan Besar Malaysia di	KBM Algiers, KBM Ottawa dan KJM Vancouver telah melaksanakan sistem Perakaunan Luar Negeri (SPLN). Sistem aplikasi ini mempunyai ciri di mana setiap hasil pungutan akan direkodkan terus ke dalam sistem aplikasi SPLN. Pegawai Penyemak dan Pelulus akan menyemak dan mengesahkan serta meluluskan setiap transaksi yang direkodkan ke dalam sistem sebelum akaun bulanan ditutup dan dikemukakan kepada kementerian setiap bulan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Bucharest, Romania dan Kedutaan Besar Malaysia di Sarajevo, Bosnia di mana kesemua aspek yang dinilai telah dipatuhi sepenuhnya. Tahap pematuhan bagi 2 pejabat perwakilan pula adalah memuaskan di mana 4 daripada 5 aspek yang dinilai telah dipatuhi. Bagaimanapun, tahap pematuhan bagi 6 pejabat perwakilan yang lainnya kurang memuaskan kerana masih terdapat kelemahan terimaan yang perlu diatasi segera melibatkan aspek Daftar Borang Hasil Yang Dikawal (Kew.67); kawalan borang hasil dan Buku Tunai.	Semua Malawakil telah mengemaskini dan menyelenggara Daftar Borang Hasil Yang Dikawal (Kew. 67) dan tarikh semakan telah dicatat pada Buku Tunai. Malawakil yang berkenaan telah merekodkan Buku Resit yang belum digunakan ke dalam Penyata Borang-Borang Hasil Yang Dikawal (Kew. 68- Pin.2/87) bagi setiap bulan. Tindakan juga telah diambil bagi memulangkan baki Buku Resit yang tidak digunakan ke Unit Stor. Kementerian sentiasa memantau dan memastikan kakitangan di Kedutaan diberi kursus dan latihan yang sewajarnya tentang aspek pengurusan kewangan.
6.5.2.2	Bagi kelemahan kawalan terimaan yang dibangkitkan oleh pihak Audit, kesemua pejabat perwakilan yang dilawati telah mengambil tindakan penambahbaikan seperti yang disyorkan. Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan kakitangan yang terlibat memahami sepenuhnya peraturan berkaitan kawalan terimaan khususnya dari aspek penyelenggaraan borang hasil, Daftar Borang Hasil Yang Dikawal (Kew.67) dan Buku Tunai.	
6.5.3.1	**Kawalan Perbelanjaan** Sebagai pemegang waran, Ketua Perwakilan menurunkan kuasanya kepada Ketua Canseri untuk mentadbir dan mengurus hal ehwal kewangan dan pentadbiran pejabat perwakilan. Semakan Audit terhadap laporan daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia bagi tahun 2013 mendapati peruntukan yang diluluskan bagi keseluruhan pejabat perwakilan berjumlah RM379.46 juta berbanding perbelanjaan yang berjumlah RM378.95 juta (99.9%). Peruntukan mengurus bagi 10 pejabat perwakilan yang dilawati pula berjumlah RM27.83 juta manakala perbelanjaan yang dilakukan berjumlah RM24.93 juta (89.6%).	Sejak SPLN dilaksanakan, Buku Vot manual tidak lagi digunakan. Sistem aplikasi SPLN mempunyai ciri-ciri di mana penyelenggaraan Buku Vot dilaksanakan melalui sistem yang memerlukan pegawai penyemak dan pelulus untuk menyelenggara kawalan perbelanjaan bagi peruntukan yang diluluskan. Daftar Bil yang merekodkan maklumat berkaitan proses pembayaran bil sentiasa dikemaskini dengan sistem aplikasi SPLN. Antaranya, sistem ini merekodkan tarikh penerimaan dan pembayaran bil kepada pembekal perkhidmatan. Malawakil sentiasa memastikan setiap bil yang diterima dan dibayar direkodkan ke dalam buku daftar bil seperti mana arahan dan prosedur yang ditetapkan. Setiap bil yang diterima telah dibayar dengan segera dan dipastikan tiada kelewatan yang berlaku. KBM Bucharest dan KBM Ottawa telah mengambil tindakan sewajarnya dengan meletakkan tandatangan ringkas dan tarikh dalam Buku Vot. Semakan ke atas Daftar Bil juga dilakukan pada setiap akhir bulan. KBM Caracas telah mengambil tindakan sewajarnya dengan memberi latihan kerpada Kerani Kewangan mengenai penyelenggaraan Buku Vot dengan betul dan tepat. Semakan ke atas Buku Vot dibuat pada setiap minggu bagi memastikan ia tidak berbaki negatif. Semua HBS dan KAT di Malawakil Dili telah mengikuti kursus SPLN.
6.5.3.2	Semakan Audit mendapati kecuali Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Brassilia, Brazil, kedudukan pematuhan kawalan perbelanjaan bagi 9 pejabat perwakilan yang lainnya adalah kurang memuaskan. Adalah didapati peraturan berhubung dengan penyelenggaraan Buku Vot, Daftar Bil dan proses bayaran masih tidak dipatuhi sepenuhnya.	
6.5.3.3	Tindakan penambahbaikan telah diambil terhadap kelemahan kawalan perbelanjaan yang dibangkitkan. Pada pendapat Audit, tindakan penambahbaikan yang berterusan perlu dilaksanakan di pejabat perwakilan berkaitan supaya kelemahan yang dibangkitkan khususnya dalam aspek penyelenggaraan Buku Vot dan Daftar Bil dapat diatasi sepenuhnya. Sehubungan itu, pegawai atasan di setiap pejabat	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	perwakilan perlu menjalankan pemantauan secara berkala terhadap pelaksanaan kerja pegawai-pegawainya. Manakala Kementerian perlu memberi latihan dan pendedahan yang sewajarnya kepada kakitangan terlibat terhadap peraturan yang berkaitan dengan kawalan perbelanjaan.	
6.5.5.1	**Pengurusan Aset Dan Stor** Secara umumnya pihak Audit mendapati kecuali Kedutaan Besar Malaysia di Bucharest, Romania, kesemua 9 pejabat perwakilan yang lain masih belum mematuhi sepenuhnya peraturan berkaitan urusan pendaftaran aset, pelabelan aset, penyimpanan aset, pemeriksaan aset, penyelenggaraan Buku Log kenderaan rasmi dan pelupusan. Pihak Kementerian perlu meningkatkan pemantauan bagi memastikan urusan tersebut dilaksanakan selaras dengan peraturan yang ditetapkan.	Tindakan sewajarnya telah diambil oleh Malawakil terlibat berkaitan urusan pendaftaran, pelabelan, penyimpanan dan pemeriksaan aset menggunakan sistem aplikasi Sistem Pendaftaran Aset (SPA), Kementerian Luar Negeri. Menerusi SPA, aset dan inventori dilabel dan disusun mengikut nombor siri pendaftaran, disenarai serta difailkan mengikut jenis item dan lokasinya. Unit Pengurusan Aset telah mengirim pelekat *barcode* kepada Malawakil berkenaan untuk ditampal pada aset alih kerajaan yang telah didaftarkan melalui Sistem Pendaftaran Aset. Malawakil juga telah menjalankan pemeriksaan terhadap aset harta modal dan inventori secara berkala. Buku Log Kenderaan telah dikemaskini dan diselenggara setiap dua minggu bagi memudahkan pemantauan dibuat terhadap penggunaan kenderaan jabatan. Pegawai Aset dan Pegawai Pemeriksa Aset telah dilantik di KBM Caracas dan Port Moresby mengikut pekeliling yang berkuatkuasa. Daripada 5 unit pencetak yang disimpan di dalam stor KBM Dili, 4 unit daripadanya adalah rosak dan tidak boleh dibaiki lagi. KBM Dili telah melupuskan 1 unit pencetak tersebut pada Julai 2014 dan 3 unit lagi akan dilupuskan pada tahun ini juga. Kesemua pencetak ini telah berusia melebihi 8 tahun. *Mykad Reader* masih tersimpan memandangkan tiada keperluan untuk kegunaan peralatan tersebut di Dili buat masa ini.
6.5.5.2	Semakan Audit selanjutnya mendapati aset yang telah rosak dan dokumen-dokumen lama di bilik stor masih belum dilupuskan di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Abuja, Nigeria. Selain itu, terdapat aset yang tidak dilabelkan dengan nombor siri pendaftaran dan perkataan Hak Kerajaan Malaysia di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Ottawa, Kanada. Semakan Audit di Kedutaan Besar Malaysia Dili, Timor Leste mendapati sebanyak 5 unit pencetak bernilai antara RM1,737 hingga RM4,544 tidak digunakan sejak ia diperoleh iaitu antara bulan Disember 2006 dan Oktober 2007. Tempoh tidak digunakan sehingga tarikh lawatan Audit adalah antara 71 hingga 81 bulan dari tarikh ia diperoleh. Manakala 2 unit *MyKad Reader* bernilai RM145 setiap unit masih tersimpan di dalam kotak dan tidak pernah digunakan sejak ia diperoleh pada bulan November 2010. Tempoh tidak digunakan sehingga tarikh lawatan Audit ialah 34 bulan.	
6.5.5.3	Semua pejabat perwakilan telah mengambil tindakan penambahbaikan terhadap kelemahan kawalan pengurusan aset dan stor yang dibangkitkan kecuali Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Port Moresby, Papua New Guinea dan Kedutaan Besar Malaysia di Dili, Timor Leste. Pihak Audit masih belum menerima maklum balas daripada Malawakil yang berkenaan sehingga kini. Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan setiap pejabat perwakilan mematuhi aspek penting berhubung pengurusan aset dan stor seperti mendaftar dan melabel aset, menyimpan aset dengan teratur, melaksanakan pemeriksaan aset, menyelenggarakan Buku Log Kenderaan dengan lengkap dan kemas kini serta melaksanakan pelupusan aset dengan sempurna. Bagi tujuan tersebut, pegawai yang terlibat dengan pengurusan aset perlu diberi latihan dan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pendedahan yang secukupnya.	
6.5.7.1	**Pengurusan Panjar - Kawalan Keselamatan Pejabat Perwakilan** Semakan Audit mendapati jangka hayat bagi alat pemadam api di Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Algiers, Algeria telah luput pada bulan Mei 2011 manakala tempoh luput bagi alat pemadam api di Pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Abuja, Nigeria tidak dapat ditentukan tarikh luputnya. Penyenggaraan dan penjagaan terhadap peralatan tersebut perlu diberi perhatian agar ia dapat digunakan pada waktu kecemasan.	KBM Algiers telah mengambil tindakan penyelenggaraan dan penjagaan terhadap alat pemadam api agar ia dapat digunakan pada waktu kecemasan dengan memperbaharui jangka hayat tarikh luput alat pemadam api tersebut. Bangunan Canseri di KBM Dili merupakan bangunan yang disewa. Sebarang kerosakan telah dimaklumkan kepada tuan rumah, namun beliau lambat mengambil tindakan berikutan peralatan pagar diimport dari Indonesia. Walaubagaimanapun, kerosakan tersebut telah dibaiki selain dicat semula.
6.5.7.2	Lawatan Audit mendapati keselamatan Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Dili, Timor Leste perlu diberi perhatian disebabkan terdapat kerosakan teruk pada pagar pejabat Kedutaan. Pihak Audit dimaklumkan bahawa Kedutaan telah menghubungi pemilik bangunan berhubung perkara tersebut, namun sehingga pengauditan selesai dijalankan pada bulan September 2013, perkara ini belum diambil tindakan susulan. Pada pendapat Audit, pejabat perwakilan dan Kementerian perlu memastikan bangunan hak milik Kerajaan Malaysia di luar negara diberi perlindungan yang sewajarnya. Perkara ini perlu diambil tindakan segera bagi menjaga imej Kerajaan Malaysia di luar negara.	

(AKTIVITI KEMENTERIAN / JABATAN)

LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2013

KEMENTERIAN KEWANGAN

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Perenggan 2 : Pengurusan Wang Tidak Dituntut

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td>2.5.1.1.a</td><td>Kompaun Tidak Dikenakan Terhadap Entiti Yang Lewat Menyerahkan WTD

Mengikut Subseksyen 10(2) Akta WTD 1965, WTD perlu diserah oleh entiti kepada BPAS selewat-lewatnya pada bulan Mac tahun berikutnya. Subseksyen 10(4) Akta WTD 1965 menyatakan tindakan pendakwaan boleh diambil terhadap syarikat atau firma dan mana-mana pegawai dalam syarikat/firma yang menyebabkan kegagalan menyerahkan WTD. Jika disabitkan kesalahan denda tidak melebihi RM20,000 dan denda tambahan tidak melebihi RM1,000 boleh dikenakan bagi setiap hari selama kemungkiran ini berterusan. Subseksyen 16(1) Akta WTD 1965 pula menyatakan mana-mana pihak yang disyaki melakukan kesalahan boleh dikenakan kompaun oleh Pendaftar WTD melalui kebenaran bertulis Pendakwaraya dengan amaun tidak melebihi 50% daripada denda maksimum bagi kesalahan tersebut. Tindakan pendakwaan tidak akan diambil bagi sesiapa yang membayar kompaun berkenaan. Semakan Audit terhadap statistik terimaan dan data serahan WTD yang dikemukakan oleh BPAS mendapati perkara seperti berikut:-

WTD yang lewat diserahkan oleh entiti bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 adalah berjumlah RM1.218 bilion.</td><td rowspan="2">Sesi taklimat dan penerangan yang dibuat oleh pegawai-pegawai BPAS selama ini telah meningkatkan tahap pematuhan entiti dalam menyerahkan WTD sebelum 31 Mac iaitu sebanyak 30.5% dalam tahun 2013 kepada sebanyak 60.3% pada tahun 2014.

BPAS juga berpendapat masih belum ada keperluan untuk menguatkuasakan tindakan pendakwaan di bawah Subseksyen 10(4) dan pengenaan kompaun di bawah Subseksyen 16(1) memandangkan semua entiti yang dikenalpasti menyimpan WTD setakat ini telah membuat serahan WTD kepada BPAS.

Untuk perancangan masa depan keperluan untuk menguatkuasakan pengenaan kompaun ini telahpun diambil tindakan. Beberapa inisiatif telah dibuat bagi melihat kemungkinan pengenaan denda dan kompaun ini dapat dibuat di BPAS. Antara inisiatif itu adalah seperti berikut:-
<table>
<tr><th>Tahun</th><th>Perkara</th></tr>
<tr><td>April 2009</td><td>Pembentangan kertas kerja oleh Timbalan Pendakwa Raya Jabatan Peguam Negara mengenai isu-isu Penguatkuasaan Akta WTD 1965 kepada peserta Mesyuarat Ketua-Ketua Unit WTD Bil. 1/2009</td></tr>
<tr><td>Okt 2010</td><td>Pembentangan kertas kerja oleh Timbalan Pendakwa Raya Jabatan Peguam Negara mengenai pengenaan kompaun kepada peserta Mesyuarat Ketua-Ketua Unit WTD Bil. 2/2010</td></tr>
<tr><td>Mei 2011</td><td>Kursus mengenai pengenaan kompaun oleh SSM di unit WTD , Pulau Pinang</td></tr>
<tr><td>Nov</td><td>Pembentangan Kertas Kerja Pengenaan Kompaun oleh Unit</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>2.5.1.1.b</td><td>Semakan Audit selanjutnya mendapati BPAS tidak pernah mengenakan kompaun atau mendakwa entiti yang lewat menyerahkan WTD.

Maklum Balas JANM Yang Diterima Pada 23 April 2014

Kebanyakan entiti telah membuat serahan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Namun begitu disebabkan ‘peak period’, dokumen serahan yang</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td></td><td>diterima perlu disemak untuk memastikan ketepatan di antara maklumat UMA-3 dalam borang daftar UMA-3 dengan maklumat UMA-3 yang disertakan dalam bentuk softcopy sebelum diperakaunkan. Jumlah rekod UMA-3 yang diterima pada tahun 2010 sehingga 2012 adalah sebanyak 5,761,636 rekod. Selain itu, terdapat entiti yang telah memohon penangguhan disebabkan masalah-masalah teknikal yang berlaku dan seterusnya menyebabkan serahan tidak dapat dibuat dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Di samping itu, tidak dinafikan terdapat juga entiti yang lewat membuat serahan kepada Pendaftar berikutan kurangnya kesedaran tanggungjawab entiti untuk membuat serahan di bawah peruntukan Akta.

Pada pendapat Audit, Akta WTD telah berkuatkuasa selama 38 tahun dengan ANM telah dilantik sebagai Pendaftar WTD. Maka, tahap pemahaman terhadap WTD sepatutnya telah matang dan bukan di peringkat kesedaran. Kerajaan akan terus mengalami kerugian dari segi peluang menjana faedah bank jika masalah kelewatan serahan WTD oleh entiti berterusan. Selain itu, Kerajaan juga kehilangan hasil bagi kompaun yang tidak dikenakan. Sehubungan itu, Pendaftar WTD perlu menguatkuasakan tindakan pendakwaan mengikut peruntukan di bawah Subseksyen 10(4) atau mengenakan kompaun di bawah Subseksyen 16(1) Akta WTD 1965 terhadap kelewatan serahan WTD.</td><td>
<table>
<tr><td>2012</td><td>WTD Pulau Pinang kepada peserta Mesyuarat Ketua-Ketua Unit WTD Bil. 2/2012</td></tr>
<tr><td>Sept 2013</td><td>Perbincangan bersama Pegawai Undang-Undang Kementerian Kewangan mengenai pengenaan kompaun</td></tr>
<tr><td>Nov 2013</td><td>Pembentangan kertas kerja oleh Timbalan Pendakwa Raya Negeri Johor mengenai Kompaun, Penalti & Denda kepada peserta Program Taklimat Garis Panduan Pemeriksaan dan Kesedaran WTD</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>2.5.1.2.a</td><td>Pemeriksaan WTD Di Premis Syarikat/Firma Tidak Dapat Mengesan Kes Ketidakpatuhan WTD

Seksyen 12 Akta WTD 1965 membolehkan pemeriksaan dilakukan oleh Pendaftar WTD atau pegawai yang diberi kuasa olehnya terhadap rekod yang disimpan oleh syarikat atau firma bagi memastikan sama ada syarikat atau firma berkenaan telah mematuhi peruntukan Akta tersebut. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:-

Bagi tempoh tahun 2011 hingga bulan Oktober 2013, BPAS melalui pejabat di 13 negeri (termasuk ibu pejabat BPAS yang bertempat di Menara Maybank, Kuala Lumpur) telah menjalankan pemeriksaan terhadap 11,137 syarikat/firma di seluruh Malaysia. Bagaimanapun, BPAS tidak dapat mengesan kes WTD yang tidak diserahkan kepada BPAS.</td><td rowspan="2">Sememangnya BPAS tidak mampu untuk membuat pemeriksaan kepada semua syarikat seperti yang ada dalam data SSM (berjumlah 6,365,640 entiti setakat 31 Disember 2013) kerana kekangan perjawatan sedia ada. Walau bagaimanapun, BPAS telah mengambilkira sektor-sektor yang berisiko tinggi seperti sektor perbankan dan insuran di dalam semakan setiap tahun.

Penelitian BPAS setakat ini entiti dalam sektor perbankan dan insuran sentiasa membuat serahan WTD mengikut tempoh yang ditetapkan. Selain daripada itu, mengikut pemerhatian BPAS juga bukan semua entiti mempunyai WTD yang perlu diserahkan setiap tahun.

Walaupun jumlah kakitangan yang tidak mencukupi, BPAS telah membuat program-program kesedaran dan inspektorat yang banyak seperti berikut:-</td></tr>
<tr><td>2.5.1.2.b</td><td>Data di atas menunjukkan bagi tempoh tahun 2011 hingga bulan Oktober 2013, BPAS di Menara Maybank yang bidang tugasnya meliputi negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya hanya menjalankan pemeriksaan terhadap 421 syarikat/firma</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td></td><td>berbanding negeri lain yang secara puratanya adalah antara 774 hingga 1,178 syarikat/firma kecuali Negeri Perlis.</td><td rowspan="2"></td></tr>
<tr><td>2.5.1.2.c</td><td>Kenyataan Pemeriksaan adalah dokumen yang digunakan oleh pegawai Inspektorat BPAS semasa pemeriksaan WTD. Antara maklumat yang dinyatakan adalah profil syarikat/firma, kategori WTD yang diperiksa [sama ada Seksyen 8:Kategori (a) dan/ Seksyen 8:Kategori (b) dan/ Seksyen 8:Kategori (c)], penemuan pemeriksaan serta ulasan dan pengesahan syarikat/firma. Bagaimanapun, Kenyataan Pemeriksaan tersebut tidak mempunyai maklumat mengenai tahun-tahun serahan yang diperiksa dan senarai semak mengenai tatacara pemeriksaan terperinci terhadap setiap kategori WTD yang disemak oleh pegawai Inspektorat BPAS.

Maklum Balas JANM Yang Diterima Pada 23 April 2014

a. Menurut Seksyen 10(1) Akta WTD 1965, semua syarikat dan firma yang memegang WTD dikehendaki untuk menyelenggara rekod semua WTD di dalam suatu daftar dan Seksyen 10(2) dengan jelas menyatakan tanggungjawab syarikat/firma untuk menyerahkan Daftar WTD berkenaan berserta WTD yang dinyatakan kepada Pendaftar WTD. Kuasa yang diperuntukkan dalam Akta dengan jelas telah meletakkan tanggungjawab menyimpan daftar dan menyerah WTD terletak di bawah tanggungjawab syarikat/firma. Walaupun telah menjadi tanggungjawab syarikat, di bawah Seksyen 12(1), Pendaftar boleh memeriksa daftar WTD yang disimpan berserta rekod-rekod yang berkaitan dan jika Pendaftar mempunyai keraguan yang munasabah bahawa syarikat/firma tidak mematuhi, rekod-rekod berkenaan boleh dirampas. Mengikut peraturan 80:20 (prinsip Pareto), syarikat/firma besar yang mempunyai WTD yang banyak telah pun menjalankan tanggungjawabnya menyerahkan WTD berkenaan kepada Pendaftar. Syarikat/firma yang kecil sememangnya banyak, tetapi mereka tidak mempunyai WTD. BPAS sentiasa memberi penekanan kepada industri yang besar berasaskan analisis risiko kebarangkalian wujudnya WTD. Namun, BPAS tetap memberi perhatian terhadap syarikat/firma lainnya di mana penekanan dilebihkan kepada Program Kesedaran (Awareness). Program-program kesedaran Jabatan adalah meliputi syarikat, firma, pertubuhan, persatuan-persatuan peniaga, badan practitioner dan juga institusi pengajian.

b. Kekangan bilangan pegawai Inspektorat di BPAS dengan nisbah yang lebih rendah berbanding Unit WTD Negeri adalah disebabkan oleh</td><td><u>Bilangan Taklimat dan Pemeriksaan sehingga 31 Disember 2013 dan Tahun 2014</u>

<table><tr><th>Perkara</th><th>Sehingga 31/12/2013</th><th>Tahun 2014 sehingga 31/07/2014</th></tr><tr><td>Taklimat</td><td>25,359</td><td>190</td></tr><tr><td>Pemeriksaan</td><td>37,391</td><td>2,231</td></tr></table>
*Bilangan Taklimat sehingga 2011 adalah bilangan entiti manakala bagi 2014 adalah berdasarkan bilangan taklimat.

Selain daripada itu, BPAD juga baru sahaja menyiapkan trailer Akta WTD dimana proses untuk mendapatkan masa iklan sedang dirundingkan dengan FINAS. Jangkaan iklan mula ditayangkan adalah pada bulan Oktober 2014.

Mulai awal tahun 2014, format Kenyataan Pemeriksaan telah dipinda melalui Arahan Pentadbiran Program Pemeriksaan yang telah diedarkan kepada semua Unit WTD JANM Negeri pada bulan Disember 2013 di mana ruangan maklumat serahan telah dimasukkan dalam Bahagian C Kenyataan Pemeriksaan. Sementara itu Manual Prosedur Pemeriksaan (SOP) yang baru juga telah diedarkan pada bulan Disember 2013 untuk panduan kepada semua pegawai di Unit WTD JANM Negeri.</td></tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	penekanan lebih kepada penyelesaian fail-fail susulan yang tertunggak sejak tahun 2008. Perkara ini merupakan faktor kepada penurunan Sasaran Kerja Tahunan bilangan pemeriksaan mulai tahun 2012 dan 2013. *c. Tidak dinafikan bahawa format bagi Kenyataan Pemeriksaan yang diguna pakai selama ini tidak mempunyai ruangan khusus berhubung maklumat serahan terdahulu yang pernah dibuat oleh entiti.* Pada pendapat Audit, matlamat penguatkuasaan Akta WTD 1965 tidak tercapai kerana skop BPAS belum meliputi pengesanan syarikat/firma yang tidak pernah menyerahkan WTD. Sehubungan itu, kriteria pemilihan kes untuk pemeriksaan WTD perlu memberi fokus kepada syarikat/firma yang berisiko tinggi. Manakala Kenyataan Pemeriksaan yang tidak disokong dengan senarai semak mengenai tahun-tahun serahan yang diperiksa dan tatacara pemeriksaan WTD secara terperinci adalah tidak lengkap. BPAS perlu menyediakan senarai semak sebagai *Standard Operating Procedures* yang perlu dipatuhi oleh semua pegawai di BPAS semasa pemeriksaan WTD.	
2.5.1.3.a	**Tahap Serahan WTD Yang Rendah** Subseksyen 10(1) Akta WTD 1965 menyatakan entiti yang memegang WTD perlu menyelenggarakan satu rekod WTD. Manakala Subseksyen 10(2) Akta WTD 1965 menyatakan entiti perlu menyerahkan WTD kepada Pendaftar WTD sebelum atau pada 31 Mac setiap tahun. Semakan Audit mendapati:- Sebanyak 1,911 entiti (0.1%) daripada 2.30 juta syarikat dan perniagaan berstatus aktif yang berdaftar dengan SSM setakat tahun 2013 pernah menyerahkan WTD berjumlah RM1.39 bilion bagi tempoh tahun 2011 hingga bulan Jun 2013.	Membuat perbandingan secara relatif antara bilangan entiti yang membuat serahan dengan jumlah syarikat/perniagaan yang berdaftar dengan SSM adalah tidak munasabah kerana:- a) Bukan semua entiti mempunyai WTD pada setiap tahun untuk diserahkan kepada BPAS. b) Mengikut undang-undang dan peraturan sedia ada pihak syarikat dan perniagaan yang sedang berdaftar dengan SSM tidak diperlukan mengemukakan laporan tahunan kepada Pejabat Pendaftar WTD. Ini menyebabkan data hanya dapat disemak setelah para pegawai BPAS melakukan lawatan pemeriksaan ke pejabat entiti. Walau bagaimanapun semenjak aktiviti penguatkuasaan Akta WTD telah dibuat oleh BPAS jumlah serahan yang diterima telah bertambah dari tahun ke tahun seperti statistik berikut:-
2.5.1.3.b	Analisis lanjut terhadap serahan WTD ini telah dibuat terhadap institusi pengajian tinggi dan syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia seperti berikut:- i. sebanyak 404 (94.2%) daripada 429 Institut Pengajian Tinggi Swasta belum pernah menyerahkan WTD bagi kategori deposit tidak dituntut; ii. sebanyak 106 (82.8%) daripada 128 Institut Pengajian Tinggi Awam belum pernah menyerahkan WTD bagi kategori deposit tidak dituntut; dan	

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td></td><td>iii. sebanyak 61 (16.5%) daripada 369 syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia dalam sektor Perindustrian, Pembinaan dan Hartanah belum pernah menyerahkan WTD bagi kategori gaji tidak dituntut.</td><td rowspan="2"><table>
<tr><th>Tahun</th><th>Sistem</th><th>Bil Data</th><th>Jumlah</th></tr>
<tr><td>1977 – 2004</td><td>Imejan</td><td>31 Juta</td><td>RM2.84 Billion</td></tr>
<tr><td>2005 - 2013</td><td>G-UMIS</td><td>18 Juta</td><td>RM3.84 Billion</td></tr>
<tr><td colspan="2">JUMLAH</td><td>49 Juta</td><td>RM6.68 Billion</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>2.5.1.3.c</td><td>Selain itu, semakan Audit terhadap Kertas Kerja Pertimbangan Permohonan Pengecualian Oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke atas wang cagaran berdasarkan Seksyen 18, Akta WTD 1965 yang dikemukakan kepada Pendaftar WTD bertarikh 7 Oktober 2013 mendapati WTD yang telah diserahkan oleh PBT pada tahun 2011 dan 2012 masing-masing adalah berjumlah RM360,123 dan RM160,426. Bagaimanapun sehingga bulan Julai 2013, masih terdapat 109 PBT belum menyerahkan WTD berjumlah RM449.75 juta.

Maklum Balas JANM Yang Diterima Pada 23 April 2014

a. Semenjak penubuhan Unit WTD, BPAS telah berjaya meningkatkan jumlah serahan WTD. Jumlah serahan WTD dari tahun 2005 (tahun serahan 2006) hingga tahun 2012 (tahun serahan 2013) adalah berjumlah RM3,844.35 juta. Berikutan beban tugas Unit Inspektorat yang tinggi, BPAS tidak mampu untuk mengadakan rekod kategori berasingan bagi serahan melalui pemeriksaan dan atas kesedaran entiti. Namun begitu mulai tahun 2013, tumpuan pemeriksaan adalah mengikut industri di mana BPAS dapat melihat dan mengkaji risiko ketidakpatuhan mengikut industri.

b. Pemeriksaan ke atas Institusi Pengajian Tinggi telah dijalankan pada tahun 2013 dan mulai tahun 2014, BPAS telah merancang untuk melaksanakan pemeriksaan terhadap beberapa industri termasuk industri tekstil, francais, akuakultur, agrikultur, hortikultur, peruncitan dan hiburan atau perfileman.

c. Surat permohonan pengecualian di bawah Seksyen 18 oleh PBT telah dihantar kepada Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan, Kementerian Kewangan pada 5 Mac 2014 dan tindakan susulan akan diambil sebaik sahaja mendapat keputusan.

Pada pendapat Audit, peratusan entiti yang membuat serahan WTD masih rendah kerana hanya 1,911 atau 0.1% daripada 2.30 juta entiti aktif yang berdaftar dengan SSM telah membuat serahan WTD.</td></tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.5.2.1	**Maklumat UMA-3 Daripada Entiti Boleh Dibuat Pindaan Sebelum Dimuat Naik Ke Dalam Sistem G-UMIS** Satu ujian Audit (*trial and error*) telah dilaksanakan terhadap data serahan WTD (UMA-3) bagi tahun 2012 yang diterima daripada entiti dalam cakera padat (CD). Ujian Audit tersebut mendapati semua maklumat di UMA-3 dalam format *Microsoft Excel* boleh dipinda tanpa mempunyai elemen *protected* atau *encryption* sebagai kawalan. Keadaan ini menunjukkan tahap keselamatan maklumat UMA-3 yang diterima daripada entiti adalah lemah. Maklum Balas JANM Yang Diterima Pada 23 April 2014 *BPAS telah mewujudkan data integriti di antara data serahan dalam borang daftar UMA-3 dengan data serahan dalam 'softcopy' yang dimuat naik ke Sistem G-UMIS di mana data serahan 'softcopy' yang dimuat naik mesti sama dengan data serahan dalam borang daftar UMA-3. Seterusnya pewartaan dibuat ke atas borang daftar UMA-3 yang diserahkan oleh entiti kepada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB). Ini menunjukkan data serahan adalah di bawah kawalan dua pihak yang berbeza iaitu JANM dan PNMB. BPAS juga sedang melaksanakan penambahbaikan mengenai perkara ini termasuk langkah pencegahan daripada berlakunya pindaan data bagi memastikan integriti data terjamin. Perkara ini diambil kira dalam pembangunan Sistem G-UMIS to-be yang akan diguna pakai pada tahun 2015 bersama-sama dengan pelaksanaan 1GFMAS. Di dalam Sistem G-UMIS to-be, fail yang diterima hanya boleh diekstrak, dibuat simulasi dan dimuat naik. Tiada kemudahan disediakan untuk meminda maklumat UMA-3. Sebagai langkah kawalan dalaman masa kini, hanya pegawai bertanggungjawab sahaja dibenarkan untuk memuat naik maklumat UMA-3.* Pada pendapat Audit, data serahan WTD yang terdedah kepada unsur pindaan boleh mengundang risiko penyelewengan. Sehubungan itu, penambahbaikan proses memuat naik data serahan UMA-3 ke dalam Sistem G-UMIS perlu dilaksanakan antaranya UMA-3 dalam bentuk *Microsoft Excel* perlu dalam format *protected* daripada sebarang pindaan serta mempunyai elemen kawalan.	Pada ketika ini BPAS telah mewujudkan kawalan dalaman dengan hanya membenarkan pegawai bertanggungjawab sahaja untuk memuatnaik maklumat UMA-3 ke dalam G-UMIS. Bagaimana pun saranan pihak Audit agar data disimpan oleh entiti dalam format Microsoft Excel yang mempunyai elemen *protected or encryption* tidak dapat dilaksanakan kerana penghantaran data dalam bentuk CD adalah bertujuan untuk memudahkan upload data ke G-UMIS. Pegawai yang bertanggungjawab untuk memuatnaik data masih diperlukan untuk menyemak data yang dimuatnaik itu bersamaan dengan UMA-3 secara fizikal. BPAS juga sedang melaksanakan penambahbaikan dengan memastikan segala kelemahan dari segi integriti data dalam penerimaan borang UMA-3 telah diambilkira di dalam G-UMIS *to-be* yang akan digunapakai pada tahun 2015. Antara kawalan yang akan dilaksanakan adalah kemudahan *upload* data serahan UMA3 secara *online* oleh entiti sendiri dan tiada kemudahan untuk meminda data dalam G-UMIS-*to-be*.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.5.2.2	**Peraku I Melebihi Had Kuasa** Mengikut Arahan Perbendaharaan 102(a)(iii) dan Surat Pekeliling ANM Bil. 1 Tahun 2008, baucar bayaran hendaklah diperakukan oleh pegawai yang diberi kuasa mengikut had kelulusan yang dibenarkan. Semakan Audit mendapati 661 (94.3%) daripada 701 baucar bayaran telah diperakukan oleh pegawai mengikut had kuasa yang dibenarkan. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap had kelulusan di Sistem G-UMIS selanjutnya mendapati ID GFMAS tidak mempunyai kawalan dalaman untuk menghadkan amaun kelulusan mengikut had kuasa yang diberi. Sehubungan itu, terdapat 40 (5.7%) daripada 701 baucar bayaran bernilai RM5.38 juta telah diperakukan oleh 3 orang pegawai melebihi had kuasa yang diberi, iaitu kurang dari RM20,000 bagi seorang pegawai dan kurang dari RM100,000 bagi dua orang pegawai yang lain. Perakuan tersebut melibatkan baucar bayaran bernilai antara RM20,341 hingga RM716,252. Maklum Balas JANM Yang Diterima Pada 23 April 2014 *Sistem G-UMIS sedia ada tidak mengambil kira had kuasa pegawai-pegawai peraku baucar mengikut amaun kecuali bagi amaun RM100,000. Pada masa kini, antara langkah yang diambil bagi mengelakkan perkara ini berulang adalah dengan mengedarkan salinan had kuasa memperaku dan meluluskan baucar bayaran kepada semua pegawai yang terlibat sebagai rujukan dalam menjalankan tugas harian. Pemantauan had kuasa secara manual akan dibuat dari semasa ke semasa ke atas setiap Pegawai memperaku I dan II. Walau bagaimanapun, kawalan mengikut had amaun bagi setiap pegawai peraku akan diambil kira dalam projek G-UMIS to be.* Pada pendapat Audit, pihak pengurusan perlu meningkatkan pemantauan terhadap tahap pematuhan had perakuan baucar bayaran mengikut Para 3.1 Surat Pekeliling ANM Bil. 1 Tahun 2008 untuk memastikan bayaran diluluskan mengikut had yang dibenarkan.	Sistem G-UMIS sedia ada tidak mengambilkira kawalan had kuasa pegawai-pegawai peraku baucar mengikut amaun kecuali bagi peranan pegawai itu ditetapkan sebagai Peraku 1 atau Peraku 2 namun demikian kelemahan ini telah diambilkira dalam projek G-UMIS *to be*. Sebagai langkah kawalan sementara, mana-mana baucar yang bernilai RM100,000 dan ke atas akan diasingkan daripada baucar-baucar lain dan dikemukakan terus kepada pegawai peraku yang kanan iaitu Gred W44 dan ke atas sahaja.
2.5.2.3	**Maklumat Empunya WTD (UMA-3) Di Sistem G-UMIS Tidak Diisi Atau Diisi Sebagai *UNKNOWN*** UMA-3 mempunyai ruangan nama empunya dan nombor identiti empunya yang perlu dilengkapkan oleh entiti. Pemeriksaan Audit terhadap data serahan bagi tempoh tahun 2011 hingga bulan Jun 2013 mendapati maklumat empunya WTD (UMA-3) di Sistem G-UMIS tidak lengkap melibatkan 980,255	BPAS tidak menafikan bahawa pada masa akan datang akan timbul keperluan untuk membuat pindaan Akta WTD 1965 untuk memastikan mana-mana entiti yang ingin membuat serahan dapat memberikan maklumat yang lengkap.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	transaksi berjumlah RM343.49 juta. Butirannya adalah seperti berikut:- • sebanyak 940,300 transaksi bernilai RM300.67 juta di mana maklumat nombor identiti empunya diisi sebagai '*UNKNOWN'* tetapi maklumat nama empunya telah diisi; • sebanyak 21,683 transaksi bernilai RM23.63 juta di mana maklumat nama empunya diisi sebagai '*UNKNOWN'* tetapi maklumat nombor identiti empunya telah diisi; • sebanyak 14,511 transaksi bernilai RM16.68 juta di mana maklumat nama empunya dan nombor identiti empunya diisi sebagai '*UNKNOWN'* ; dan • sebanyak 3,761 transaksi bernilai RM2.50 juta tidak diisi maklumat nama empunya/nombor identiti empunya. Maklum Balas JANM Yang Diterima Pada 23 April 2014 *Rekod diletakkan dengan 'UNKNOWN' di kedua-dua ruangan nama empunya dan kad pengenalan. Namun begitu, terdapat rujukan lain yang diisi oleh entiti dalam ruangan "Rujukan Lain". Ini kerana entiti sendiri tidak dapat mengenal pasti empunya sebenar wang tersebut. Pada pendapat BPAS, entiti telah berusaha untuk mengenal pasti rujukan lain yang unik bagi setiap butiran 'UNKNOWN' yang disertakan di mana apabila terdapat permohonan tuntutan bayaran balik, BPAS akan mendapatkan surat pengesahan daripada entiti atau dokumen sokongan yang mengandungi nombor rujukan unik yang telah diletakkan tersebut. Selain itu, sebahagian data tersebut adalah merupakan data dari Sistem Imejan yang telah dipindahkan ke Sistem G-UMIS dan bukan data serahan bagi tahun 2011 hingga 2013. Manakala, sebahagian data lagi adalah merupakan rekod dividen yang diterima untuk sekuriti atas nama Akauntan Negara Malaysia dan rekod jualan pukal sekuriti di bawah Seksyen 29 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) (No.2) 1998 di mana tiada maklumat kad pengenalan yang diterima daripada Pendaftar Saham pada tahun 1998.* *Pendaftar WTD sentiasa memaklumkan entiti untuk melengkapkan nama, nombor kad pengenalan dan lain-lain butiran UMA-3 semasa membuat serahan. Walau bagaimanapun, masih terdapat kes-kes tertentu di mana empunya sebenar tidak dapat dikenal pasti oleh entiti. Namun, entiti telah*	Mulai tahun 2014, dua medan utama iaitu 'Nama empunya' dan 'No kad Pengenalan/Passport' tidak boleh diisi dengan perkataan 'UNKNOWN'.

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td></td><td>dinasihatkan untuk mengklasifikasikan mengikut rujukan unik bagi empunya sebenar yang tidak dapat dikenal pasti dan entiti dianggap telah mengemukakan butiran UMA-3 yang lengkap walaupun terdapat butiran ‘UNKNOWN’.

Pada pendapat Audit, empunya dan nombor identiti empunya yang dinyatakan sebagai ‘UNKNOWN’ atau ruangan yang tidak diisi boleh membuka ruang kepada risiko manipulasi data empunya dengan mewujudkan nama dan nombor identiti palsu. Sehubungan itu, Akta WTD 1965 perlu mempunyai peruntukan untuk mengenakan denda/kompaun terhadap entiti yang gagal melengkapkan maklumat empunya dalam UMA-3.</td><td></td></tr>
<tr><td>2.5.3.1</td><td>Kelewatan Bayaran Balik WTD

Bahagian Pengurusan Amanah Dan Sekuriti (BPAS) menetapkan bahawa bayaran balik WTD akan dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap. Semakan Audit terhadap 234 baucar bayaran yang bernilai RM100,000 dan ke atas mendapati sebanyak 125 (53.4%) daripada 234 baucar bayaran balik WTD telah dibayar dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, 109 (46.6%) daripada 234 baucar bayaran balik WTD berjumlah RM20.50 juta lewat dibayar antara 7 hingga 198 hari.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pembayaran balik WTD perlu dipertingkatkan untuk memastikan bayaran dibuat dalam tempoh yang ditetapkan dan seterusnya menjaga imej Kerajaan.</td><td>BPAS mengakui sehingga akhir tahun 2013, proses bayaran balik tuntutan WTD kepada pelanggan mengalami kelewatan yang sangat ketara. Ini berlaku kerana disebabkan oleh kekurangan kakitangan di Unit Tuntutan untuk menangani jumlah tuntutan yang banyak.

Pada awal tahun 2014, BPAS telah melakukan rombakan penempatan pegawai-pegawai secara besar-besaran untuk mengimbangi beban tugas di semua unit. Hasil daripada itu, prestasi pembayaran balik tuntutan WTD telah meningkat dengan banyaknya seperti perbandingan berikut:-

Statistik Tempoh Prosesan Bayaran Balik WTD
<table>
<tr><th>Tahun</th><th colspan="2">2013</th><th colspan="2">2014 (Sehingga Ogos 2014)</th></tr>
<tr><th>Tempoh Proses (Bilangan Hari)</th><th>Bil. Baucar</th><th>Peratus (%)</th><th>Bil. Baucar</th><th>Peratus (%)</th></tr>
<tr><td>1-14 Hari</td><td>16,831</td><td>74.90</td><td>12,957</td><td>95.52</td></tr>
<tr><td>> 15 Hari</td><td>5,639</td><td>25.10</td><td>608</td><td>4.48</td></tr>
<tr><td>Jumlah Baucar</td><td>22,470</td><td>100.00</td><td>13,565</td><td>100.00</td></tr>
</table></td></tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.5.4.1	**Pengurusan Kehilangan Dan Hapuskira Wang Awam** Semakan Audit mendapati telah berlaku kehilangan wang awam melibatkan WTD berjumlah RM995,031.41. Kehilangan wang awam tersebut disedari pada 3 Mac 2011 dan 10 Mac 2011 membabitkan bayaran bagi tempoh 27 Ogos 2008 hingga 21 Disember 2010. Sehubungan itu, laporan Polis telah dibuat oleh Pegawai BPAS, JANM pada 3 Mac 2011 dan 10 Mac 2011. Kehilangan wang awam tersebut juga telah dimaklumkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 11 Mac 2011.	Mesyuarat Pembentangan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 3 pada 18 September 2014 telah memutuskan bahawa Bahagian Dasar Saraan Dan Pengurusan (BDSP), Perbendaharaan Malaysia menghantar surat surat kepada JANM pada hari yang sama dan mengesyorkan supaya tindakan tatatertib dan surcaj dapat dijalankan dengan segera sementara menunggu laporan polis. Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan Kementerian Kewangan telah mengeluarkan surat arahan kepada JANM melalui surat no rujukan KK/BP/KEW(S) 10/64/8(sk.6/2012)(10) bertarikh 19 September 2014 untuk memulakan proses tindakan surcaj dan tatatertib terhadap pegawai dengan serta merta atas kerugian sebanyak RM995,031.41 tersebut. Sehubungan dengan itu JANM telah memulakan proses awalan tindakan surcaj dan tatatertib pada 23 September 2014.
2.5.4.2	Surat Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Polis Diraja Malaysia (PDRM) bertarikh 22 Jun 2012 memaklumkan kepada JANM bahawa pihaknya telah selesai menjalankan siasatan. Kertas Siasatan telah dirujuk kepada Pejabat Peguam Negara dengan cadangan untuk menuduh suspek di bawah Seksyen 477 A Kanun Keseksaan iaitu kesalahan memalsukan kira-kira. Surat ini juga menyatakan pihak polis akan mengambil tindakan menuduh suspek sebaik sahaja arahan untuk menuduh diterima dari Pejabat Peguam Negara.	
2.5.4.3	Jawatankuasa Siasatan telah dilantik dan Laporan Akhir (Lampiran K) telah disediakan pada 1 Ogos 2012 dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal pada 7 Ogos 2012. Laporan Akhir menyatakan pegawai yang disyaki terlibat secara langsung atas kehilangan wang awam (WTD) berjumlah RM995,031.41 telah dikenal pasti bertugas sebagai Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 di BPAS, JANM. Jawatankuasa Siasatan mengesyorkan tindakan surcaj dikenakan terhadap pegawai tersebut atas penyelewengan membabitkan kehilangan wang awam seperti berikut:- a. penipuan dan pemalsuan dokumen sokongan terhadap pembayaran tidak sepatutnya (improper payment) berjumlah RM827,781.46; b. pembayaran dibuat atas nama pelbagai pemohon tetapi menggunakan nombor akaun bank yang sama berjumlah RM106,955.35; dan c. pembayaran tidak dapat dipastikan yang sebenarnya (genuine) sejumlah RM60,294.60.	
2.5.4.4	Semakan Audit selanjutnya mendapati pada bulan Mac 2013, Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan hapuskira kehilangan wang awam berjumlah RM995,031.41 tersebut dan arahan telah dikeluarkan supaya tindakan tatatertib serta surcaj diambil terhadap pegawai yang terlibat.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.5.4.5	Pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati pengurusan kehilangan wang awam ini mempunyai beberapa kelemahan seperti berikut:- a. Laporan Siasatan yang disediakan oleh Jawatankuasa Siasatan bertarikh 22 April 2011 mengesyorkan pengurusan JANM serta merta menahan kerja suspek, tetapi pegawai ini hanya ditukarkan ke Bahagian Pembangunan Perakaunan Dan Pengurusan, JANM berkuat kuasa pada 9 Januari 2012; dan b. mengikut Arahan Perbendaharaan Pindaan Bil. 1 Tahun 2010 di bawah AP 317(a), Laporan Akhir (Lampiran K) perlu dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 bulan dari tarikh Laporan Awal dikemukakan. Semakan Audit mendapati Laporan Akhir (Lampiran K) hanya dikemukakan pada 7 Ogos 2012, di mana berlaku kelewatan selama 14½ bulan selepas mengambil kira tempoh 2 bulan yang dibenarkan, iaitu dari tarikh Laporan Awal dikemukakan kepada Pegawai Pengawal pada 11 Mac 2011.	
2.5.4.6	Mengikut Laporan Akhir (Lampiran K), kehilangan wang awam berjumlah RM995,031.41 adalah melalui *Electronic Fund Transfer (EFT)*. Antara punca berlakunya penipuan dan penyelewengan adalah kerana BPAS, JANM tidak mematuhi langkah berjaga-jaga dan aturan keselamatan, iaitu:- a. Borang Pergerakan Dokumen tidak ditandatangani oleh Penyedia Baucar Bayaran dan Perakuan II. Tindakan ini tidak mematuhi Panduan Pengguna eSPKB di Perenggan 4.15 Proses Penyediaan Dan Perakuan Baucar Bayaran; b. salinan dokumen sokongan tidak disahkan. Tindakan ini bertentangan dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 1 Tahun 1983 di Perenggan 3.2.2.3; c. maklumat jenis perihal di UMA-7 tidak sama dengan tuntutan perihal oleh entiti serahan. Selain itu, salinan kad pengenalan adalah tidak jelas kerana kabur dan sukar dibaca. Manakala salinan penyata bank tidak mempunyai nama pemilik akaun. Semua keadaan ini adalah tidak mematuhi Arahan Perbendaharaan 99(a) dan Panduan Pengguna eSPKB di Perenggan 4.7 Proses Penyediaan Dan Perakuan Baucar Bayaran; d. dokumen sokongan daripada entiti serahan dipalsukan kerana	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	ditandatangani oleh bukan pegawai entiti serahan. Manakala salinan penyata bank dipalsukan dengan mengubah pemilik akaun bank/nombor akaun bank. Selain itu, nombor kad pengenalan di UMA-7 tidak sama dengan tuntutan di baucar bayaran. Semua keadaan ini adalah tidak mematuhi Arahan Perbendaharaan 99(a), Arahan Perbendaharaan 102(a)(v) dan Panduan Pengguna eSPKB di Perenggan 4.7 Proses Penyediaan Dan Perakuan Baucar Bayaran; dan e. maklumat nama bank di baucar bayaran tidak sama dengan salinan penyata bank. Keadaan ini adalah bertentangan dengan Arahan Perbendaharaan 102(a)(v) dan Senarai Semak eSPKB di Bilangan 6. Pada pendapat Audit, antara sebab berlakunya kehilangan wang awam tersebut adalah kerana pusingan tugas tidak dilaksanakan dan kawalan dalaman yang lemah. Kesannya menyebabkan Kerajaan kerugian hampir RM2 juta (kehilangan wang awam berjumlah RM995,031.41 dan peruntukan untuk hapus kira berjumlah RM995,031.41). Pegawai yang melakukan penipuan dan penyelewengan hendaklah dikenakan tindakan surcaj di bawah Subseksyen 18(b) Akta Tatacara Kewangan 1957. Sehubungan itu, BPAS perlu menambahbaik dan memperketatkan sistem kawalan dalaman untuk memastikan bayaran WTD dibuat kepada penerima yang berhak, iaitu:- • mematuhi sepenuhnya peraturan kewangan yang berkaitan; • menjalankan pemeriksaan dalaman di bawah Arahan Perbendaharaan 308 dari semasa ke semasa; • melaksanakan pusingan tugas secara berterusan; dan • wajar membuat pengesahan nombor akaun bank penerima terus dengan pihak bank sebelum bayaran dijelaskan melalui EFT.	

LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2013

KEMENTERIAN KEWANGAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri

Perenggan 3 : Pengurusan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT)

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.5.1	**Pencapaian Sasaran Tahunan** Pada tahun 2011, sasaran tahunan setiap Unit CKHT adalah berdasarkan tumpuan masa manakala pada tahun 2012 dan 2013 sasaran tahunan adalah berdasarkan jumlah bilangan kes yang telah ditetapkan kepada setiap penaksir (1,200 kes untuk setiap penaksir). Pihak Audit mendapati sasaran tahunan Unit CKHT Cawangan Pulau Pinang telah tercapai dan semua taksiran tertunggak telah diselesaikan. Sasaran tahunan Unit CKHT Cawangan Petaling Jaya dan Cawangan Johor Bahru juga telah tercapai, namun jumlah kes yang diselesaikan tidak selari dengan penerimaan borang di mana masih terdapat taksiran tertunggak yang belum diselesaikan. Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 11 September 2014 *Sasaran tahunan Unit CKHT ditentukan oleh Jabatan Pematuhan Cukai (JPC) dan dinyatakan di dalam Arahan Operasi Program Percukaian mulai tahun 2012. Berdasarkan Jadual 4 tersebut, jumlah penerimaan adalah merujuk kepada penerimaan Borang mengikut tahun seperti yang dinyatakan. Pencapaian sebenar adalah merujuk kepada kes yang telah diselesaikan sehingga Notis dikeluarkan (Taksiran Dibangkitkan) mengikut tahun pelupusan dibuat. Dalam pencapaian sebenar juga terdapat kes yang diselesaikan untuk penerimaan Borang bagi tahun sebelum. Contohnya: Penerimaan Borang tahun 2011, tetapi ditaksir dalam tahun 2012 yang mana kes dianggap selesai pada tahun 2012 bukan 2011.* *CKHT diwujudkan semula pada 1 Januari 2010 selepas perintah pengecualian oleh Menteri Kewangan pada tahun 2007 dimansuhkan. Pada ketika itu kebanyakan pegawai yang mengendalikan CKHT telah bersara atau dipindah keluar ke Cawangan/Unit lain. Pegawai baru pada ketika itu kurang*	Maklum balas adalah sama seperti di perenggan 3.5.1 Jumlah penerimaan borang CKHT meningkat setiap bulan turut dipengaruhi oleh keadaan ekonomi serta aktiviti pasaran harta tanah di Malaysia. Bagi memastikan tiada tunggakan sebelum pelaksanaan STS CKHT, satu mesyuarat bersama Pejabat Pengarah Negeri (PPN) dan Cawangan Lembah Klang telah diadakan pada 08 Oktober 2014 bagi mengenal pasti kaedah penyelesaian tunggakan dengan mewujudkan *Task Force* di peringkat cawangan. *Task Force* akan diwujudkan di peringkat cawangan pada Januari 2015.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	berpengalaman dalam pengendalian kes CKHT. *Akibat pindaan Akta Cukai Keuntungan Hartanah 1976 pada 1 Januari 2010 mendapati berlakunya peningkatan penerimaan borang CKHT. Contohnya, sesuatu aset boleh dimiliki oleh beberapa pelupus dan setiap pelupus perlu mengemukakan satu borang. Ada juga kes rekod penerimaan Borang CKHT 1A adalah satu tetapi melibatkan 2 kali taksiran dibangkitkan kerana perbezaan tempoh pemerolehan yang dianggap 2 kes telah diselesaikan. Ini melibatkan tindakan tambahan perlu diambil.* *Selain daripada itu, jumlah penerimaan Borang di Cawangan pada setiap bulan yang meningkat juga menyebabkan tindakan penyelesaian lewat berbanding dengan kemampuan pegawai yang terhad. Penerimaan Borang CKHT di Cawangan Petaling Jaya dan Cawangan Johor Bahru melebihi keupayaan pegawai sedia ada di Unit CKHT Cawangan berkenaan. Unit CKHT telah membuat permohonan pertambahan pegawai penaksir untuk mengimbangi jumlah penerimaan Borang CKHT di Cawangan.* *Sebagai langkah penambahbaikan, Jabatan Operasi Cukai (JOC) telah mencadangkan pelaksanaan CKHT secara STS kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) untuk dipertimbangkan. Pembentangan kepada MOF telah diadakan pada 30 Julai 2013 dan kini pindaan Akta berkaitan telah dikemukakan kepada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Dasar pada 22 Mei 2014 untuk tindakan selanjutnya. Perbincangan lanjut bersama MOF telah diadakan pada 21 Ogos 2014 dan STS CKHT dijangka bermula bulan Januari 2016.*	
3.5.2	**Klasifikasi Pelupusan Harta Tanah** Pekeliling Teknikal Bilangan 3 Tahun 2013 adalah panduan bagi pengendalian kes pelupusan harta tanah untuk memastikan sama ada pelupusan harta tanah dikenakan Cukai Pendapatan (CP) atau CKHT. Terdapat 11 petunjuk yang digariskan dalam pekeliling ini bagi memastikan pelupusan adalah bukan transaksi perdagangan. Secara umumnya 11 petunjuk yang digariskan adalah seperti berikut:- a. Wujud niat mencari keuntungan; b. Cara harta tanah diperoleh; c. Sifat (nature) harta tanah; d. Tempoh pegangan harta tanah; e. Perubahan kepada penggunaan tanah; f. Kekerapan melakukan transaksi yang sama;	Maklum balas adalah sama seperti di perenggan 3.5.2. Sistem sememangnya sudah menyenaraikan bilangan pelupusan aset yang boleh menunjukkan kekerapan pelupusan. Walau bagaimanapun, pegawai yang mengendalikan kes tersebut perlu membuat semakan lanjut untuk menentukan ianya tertakluk kepada CP atau CKHT. Jabatan Operasi Cukai (JOC) mengeluarkan memo bertarikh 9 September 2014 (disertakan) untuk memaklumkan cawangan agar Pekeliling Teknikal Bil. 3 Tahun 2013 diguna pakai oleh cawangan dalam penentuan pelupusan harta tanah dapat diklasifikasikan dengan tepat sama ada dikenakan ACKHT atau ACP. Cawangan mengambil tindakan proaktif dengan memantapkan lagi tugasan CKHT.

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr>
<td></td>
<td>
g. Cara pembiayaan pembelian;
h. Cara pelupusan;
i. Pengetahuan dan kemahiran dalam bidang harta tanah;
j. Kaedah perakaunan; dan
k. Sebab-sebab penjualan.

Semakan Audit secara sampel mendapati berlaku aktiviti pelupusan aset dengan kekerapan yang tinggi bagi beberapa individu dan syarikat di ketiga-tiga cawangan dalam tahun taksiran yang sama. Berdasarkan petunjuk yang digunakan dalam pekeliling tersebut, kekerapan aktiviti pelupusan aset merupakan salah satu petunjuk bahawa aktiviti pelupusan itu adalah transaksi perdagangan. Bagaimanapun, semakan lanjut mendapati aktiviti berkenaan dikenakan CKHT dan bukannya CP.

Pada pendapat Audit, LHDNM perlu memastikan pegawai penaksir mahir dan memahami 11 petunjuk yang digariskan dalam Pekeliling Teknikal Bil. 3 Tahun 2013 supaya sesuatu aktiviti pelupusan harta tanah dapat diklasifikasikan dengan tepat sama ada dikenakan CKHT atau CP.

Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 14 Julai 2014

Pekeliling Teknikal Bil. 3 Tahun 2013 dikeluarkan bagi membantu penaksir memahami petunjuk perdagangan dalam menentukan transaksi pelupusan harta tanah adalah tertakluk kepada cukai keuntungan harta tanah (CKHT) atau cukai pendapatan (CP). Dalam usaha mencapai objektif ini, Jabatan Dasar Percukaian (JDP) turut berkongsi pandangan dengan pegawai-pegawai cawangan berkenaan isu CKHT melalui:-

• penganjuran Konvensyen
• khidmat nasihat
• memuat naik isu berserta jawapan ke dalam k-Base untuk rujukan pegawai.

JDP juga akan mengeluarkan nota ringkas dari semasa ke semasa bagi topik-topik tertentu yang dibangkitkan oleh pegawai cawangan seperti berikut:

• power of attorney
• saham syarikat harta tanah

Walaupun penaksir memahami dan mahir dengan petunjuk perdagangan, namun ia tidak dapat membantu mengklasifikasikan sama ada transaksi
</td>
<td>
Bagi tujuan meningkatkan pemahaman dan kemahiran, JDP juga akan mengadakan:-

a. Bengkel
Kes sebenar akan digunakan dalam sesi pembelajaran petunjuk perdagangan yang diadakan pada penghujung bulan November 2014.

b. Nota ringkas / garis panduan
Nota ringkas / garis panduan bagi topik-topik tertentu yang dibangkitkan oleh cawangan akan dikeluarkan dari semasa ke semasa.

• saham syarikat harta tanah - akan dikeluarkan pada November 2014
• power of attorney - akan dikeluarkan pada Disember 2014

Status tindakan cawangan:-

Status Kes Klasifikasi Pelupusan Harta Tanah
Sehingga 09 Oktober 2013

<table>
<tr><th>Cawangan</th><th>Jumlah Kes</th><th>*Jumlah Kes Dalam Semakan</th></tr>
<tr><td>Petaling Jaya</td><td>2</td><td>2</td></tr>
<tr><td>Johor Bahru</td><td>14</td><td>14</td></tr>
<tr><td>Pulau Pinang</td><td>5</td><td>5</td></tr>
</table>
Nota:-
*Kes-kes yang terlibat disemak semula oleh cawangan dan terdapat sebahagian kes telah dirujuk kepada cawangan siasatan atau Audit Meja / Audit Luar.
</td>
</tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pelupusan adalah tertakluk kepada CKHT atau CP sewaktu membangkitkan taksiran yang hanya berdasarkan borang CKHT1. Malah berdasarkan borang CKHT1 penaksir tidak dapat menentukan kekerapan pelupusan. Penentuan CKHT atau CP hanya boleh dibuat dengan dokumen sokongan seperti penyata kewangan. *Bagi kes individu kekerapan pelupusan tidak boleh dinilai sebagai petunjuk transaksi perdagangan kerana ada sesetengah aset yang dijual adalah daripada warisan dan kes kebanyakkan diagih kepada penaksir yang berbeza dan tidak semua Borang diterima secara serentak. Bagi kes syarikat mungkin hal ini boleh dilihat secara kasar, namun memerlukan tindakan semakan yang lebih terperinci. Bagi mengelakkan ketirisan cukai pihak cawangan berpendapat bahawa taksiran CKHT perlulah dibangkitkan dahulu sebelum dicadangkan untuk Akta Cukai Pendapatan 1967.* *Penentuan sama ada kes ditaksir di bawah Akta CKHT 1976 atau Akta Cukai Pendapatan 1967 bergantung semata-mata kepada fakta kes dan ini memakan masa. Jabatan Operasi Cukai (JOC) akan mengeluarkan memo untuk memaklumkan cawangan agar Pekeliling Teknikal Bil. 3 Tahun 2013 diguna pakai oleh cawangan dalam penentuan pelupusan harta tanah dapat diklasifikasikan dengan tepat sama ada dikenakan CKHT atau CP. Cawangan mengambil tindakan proaktif dengan memantapkan lagi tugasan CKHT.*	
3.5.3.1	**Kelewatan Pemprosesan Borang CKHT** Semakan Audit mendapati terdapat kelewatan pemprosesan Borang CKHT bagi individu dan syarikat di ketiga-tiga cawangan berbanding tempoh masa yang ditetapkan dalam Arahan Operasi Bil. 2/2010, 4/2012 dan 4/2013. Kelewatan ini mengakibatkan notis taksiran lewat dibangkitkan serta hasil CKHT lewat diterima. Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 11 September 2014 *CKHT telah diperkenalkan semula pada 1 Januari 2010 selepas perintah pengecualian 2007 dimansuhkan. Pada ketika itu kebanyakan pegawai yang mengendalikan CKHT telah bersara atau dipindah keluar ke Cawangan/Unit lain. Pegawai baru pada ketika itu kurang berpengalaman dalam pengendalian kes-kes CKHT.*	Maklum balas adalah sama seperti di perenggan 3.5.3.1. Akibat pindaan Akta Cukai Keuntungan Hartanah 1976 pada 1 Januari 2010 mendapati peningkatan penerimaan borang CKHT. Contohnya sesuatu aset boleh dimiliki oleh beberapa pelupus dan setiap pelupus perlu mengemukakan satu borang. Penerimaan borang CKHT juga bergantung kepada keadaan ekonomi serta aktiviti pasaran harta tanah di Malaysia. Bagi memastikan tiada tunggakan sebelum pelaksanaan STS CKHT, satu mesyuarat bersama Pejabat Pengarah Negeri (PPN) dan Cawangan Lembah Klang telah diadakan pada 08 Oktober 2014 bagi mengenal pasti kaedah penyelesaian tunggakan dengan mewujudkan *Task Force* di peringkat cawangan dalam Januari 2015.

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr>
<td></td>
<td>
Berdasarkan jadual berkenaan, borang CKHT tersebut perlu diproses dalam tempoh 60 hari (Arahan Operasi 4/2013) dari tarikh borang lengkap diterima dan bukannya dari tarikh borang diterima di LHDNM. Kebanyakan borang yang diterima memerlukan semakan yang terperinci dan memerlukan tindakan pihak pembayar cukai atau pihak peguam untuk mengemukakan dokumen tambahan. Bagaimanapun, terdapat kes di mana surat meminta dokumen dikeluarkan tetapi tiada respon daripada pihak pembayar cukai mahupun pihak peguam.
Secara umum, kelewatan pemprosesan Borang CKHT adalah disebabkan beberapa faktor antaranya:-
i. Penerimaan borang CKHT melebihi keupayaan penaksir untuk menyelesaikan kes juga merupakan antara faktor yang menjadikan kelewatan pemprosesan taksiran CKHT.
ii. Bagi memastikan Borang CKHT yang diterima adalah lengkap, semakan penerimaan Borang telah dibuat setiap hari. Borang yang tidak lengkap dipulangkan semula. Proses semakan ini juga menyebabkan penyediaan fail untuk agihan kes kepada penaksir memakan masa sedikit. Walau bagaimanapun, untuk masa hadapan, dijangka penerimaan Borang CKHT yang tidak lengkap akan berkurangan.
iii. Semasa tindakan membangkitkan taksiran, semakan tuntutan perbelanjaan perlu dibuat dengan lebih terperinci dan dokumen tambahan diperlukan jika berkaitan. Pihak pembayar cukai juga memerlukan masa untuk mengemukakan dokumen yang diminta oleh Unit CKHT.
Sebagai langkah penambahbaikan, Jabatan Operasi Cukai (JOC) telah mencadangkan pelaksanaan CKHT secara STS kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) untuk dipertimbangkan. Pembentangan kepada MOF telah diadakan pada 30 Julai 2013 dan kini pindaan Akta berkaitan telah dikemukakan kepada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Dasar melalui memo bertarikh 22 Mei 2014 untuk tindakan selanjutnya. Perbincangan lanjut bersama MOF telah diadakan pada 21 Ogos 2014 dan STS CKHT dijangka bermula bulan Januari 2016.
Kertas Cadangan Penstrukturan Semula dan Skim Perkhidmatan LHDNM bagi aktiviti CKHT di peringkat Jabatan/Cawangan juga telah dipanjangkan ke Jabatan Sumber Manusia (JSM) melalui memo bertarikh 31 Mei 2013 untuk tindakan selanjutnya. Pihak MOF membuat keputusan semua permohonan perjawatan baru LHDNM akan ditangguhkan sehingga keputusan Self Financing
</td>
<td>
Status tindakan cawangan:-
Status Kes Kelewatan Pemprosesan Borang CKHT Sehingga 09 Oktober 2013
<table>
<tr><th>Cawangan</th><th>Jumlah Kes</th><th>Kes Gugur</th><th>Jumlah Kes Sebenar</th></tr>
<tr><td>Petaling Jaya</td><td>111</td><td>5</td><td>106</td></tr>
<tr><td>Johor Bahru</td><td>106</td><td>20</td><td>86</td></tr>
<tr><td>Pulau Pinang</td><td>197</td><td>3</td><td>194</td></tr>
</table>
Nota:-
*Kes kelewatan pemprosesan borang CKHT dapat diatasi dengan pertambahan pegawai.
</td>
</tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dimuktamadkan.	
3.5.3.2	**Notis Taksiran Belum Dibangkitkan** Arahan Operasi Bil. 4/2012 menetapkan tanggungjawab pelupus dan pemeroleh berkaitan aktiviti pelupusan harta tanah di mana pelupus dikehendaki mengisi Borang Nyata CKHT1A (Pelupusan Harta Tanah) sementara pemeroleh perlu mengisi Borang Nyata CKHT2A (Pemerolehan Harta Tanah). Kedua-dua borang ini mesti dikemukakan kepada LHDNM dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan harta tanah. Arahan Operasi Bil. 4/2012 juga menetapkan sekiranya pelupus tidak mengisi Borang CKHT 3 (Notis Pemberitahuan Maklumat di bawah Seksyen 27 ACKHT 1976), pemeroleh perlu memegang dan meremitkan 2% daripada nilai balasan kepada LHDNM bagi pihak pelupus dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan harta tanah. Semakan Audit mendapati walaupun pemeroleh telah meremitkan 2% daripada jumlah nilai balasan kepada LHDNM, terdapat notis taksiran belum dibangkitkan terhadap individu dan syarikat sehingga melebihi 730 hari. Pada pendapat Audit, perkara ini menunjukkan sama ada terdapat pelupus yang masih belum mengisytiharkan pelupusan harta tanah yang dibuat kepada LHDNM atau pegawai penaksir yang gagal mengeluarkan notis taksiran dalam masa yang telah ditetapkan oleh Arahan Operasi. Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 11 September 2014 *CKHT telah diperkenalkan semula pada 1 Januari 2010 selepas perintah pengecualian 2007 dimansuhkan. Pada ketika itu kebanyakan pegawai yang mengendalikan CKHT telah bersara atau dipindah keluar ke Cawangan/Unit lain. Pegawai baru pada ketika itu kurang berpengalaman dalam pengendalian kes-kes CKHT. Borang CKHT yang diterima akan diproses dalam tempoh 60 hari (Arahan Operasi Bil. 4/2013) dari tarikh borang lengkap diterima.* *Sebagai langkah penambahbaikan, Jabatan Operasi Cukai (JOC) telah mencadangkan pelaksanaan CKHT secara STS kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) untuk dipertimbangkan. Pembentangan kepada MOF telah diadakan pada 30 Julai 2013 dan kini pindaan Akta berkaitan telah dikemukakan kepada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Dasar melalui memo bertarikh 22 Mei 2014 untuk tindakan selanjutnya. Perbincangan lanjut bersama MOF telah diadakan pada 21 Ogos 2014 dan STS CKHT dijangka bermula bulan Januari*	Maklum balas adalah sama seperti di perenggan 3.5.3.2. Akibat pindaan Akta Cukai Keuntungan Hartanah 1976 pada 1 Januari 2010 mendapati peningkatan penerimaan borang CKHT. Contohnya sesuatu aset boleh dimiliki oleh beberapa pelupus dan setiap pelupus perlu mengemukakan satu borang. Penerimaan borang CKHT juga bergantung kepada keadaan ekonomi serta aktiviti pasaran harta tanah di Malaysia. Berdasarkan jadual berkenaan, borang CKHT perlu diproses dalam tempoh 60 hari (Arahan Operasi 4/2013) dari tarikh borang lengkap diterima dan bukannya dari tarikh borang diterima di LHDNM. Oleh itu, borang CKHT akan diproses dalam tempoh 60 hari (Arahan Operasi 4/2013) dari tarikh borang lengkap diterima. Mesyuarat bersama Pengarah Negeri dan Cawangan di Lembah Klang telah diadakan pada 8 Oktober 2014 bagi mengenalpasti kaedah penyelesaian ke atas kes-kes CKHT tertunggak di Cawangan terutama bagi kes yang mempunyai bayaran remitan 2% kepada LHDNM tetapi tiada taksiran dibangkitkan. Sehubungan itu, *Task Force* di peringkat cawangan akan diwujudkan dalam Januari 2015. Status tindakan cawangan:- **Status Notis Taksiran Belum Dikeluarkan Sehingga 09 Oktober 2013** **Cawangan** | **Jumlah Kes** | **Kes Gugur** | **Notis Taksiran telah dibangkitkan** | **Dalam Tindakan** | **Baki Kes** Petaling Jaya | 1 | 0 | 0 | 1 | 1 Johor Bahru | 28 | 0 | 27 | 1 | 1 Pulau Pinang | *109 | 76 | 0 | 33 | 33 *****jumlah yang dilaporkan adalah 109 sepatutnya hanya terdapat 33 kes sahaja seperti di lampiran Sektor Audit Persekutuan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	2016. *Kertas Cadangan Penstrukturan Semula dan Skim Perkhidmatan LHDNM bagi aktiviti CKHT di peringkat Jabatan/Cawangan juga telah dipanjangkan ke Jabatan Sumber Manusia (JSM) melalui memo bertarikh 31 Mei 2013 untuk tindakan selanjutnya. Pihak MOF membuat keputusan semua permohonan perjawatan baru LHDNM akan ditangguhkan sehingga keputusan Self Financing dimuktamadkan.* *Senarai kes CKHT yang telah diterima bayaran pendahuluan sebanyak 2% dan tiada taksiran dibangkit (termasuk kes tiada borang CKHT diterima) akan disediakan dalam server file transfer protocol (ftp) untuk makluman dan tindakan Cawangan. Tindakan dijangka akan diambil pada bulan Ogos 2014.*	
3.5.4.1	**Tunggakan CKHT** Tunggakan cukai wujud sekiranya individu atau syarikat gagal membayar baki cukai kena bayar bagi sesuatu taksiran dalam tempoh yang ditetapkan. Terdapat individu dan syarikat di ketiga-tiga cawangan mempunyai tunggakan cukai. Antara faktor yang menyebabkan bayaran cukai tertunggak adalah akibat tindakan penguatkuasaan tidak diambil sepenuhnya terhadap individu/syarikat yang terlibat seperti yang telah diperuntukan dalam ACKHT 1976. Tindakan penguatkuasaan yang tidak tegas ke atas individu/syarikat terbabit merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada tunggakan hasil CKHT. Pada pendapat Audit, kelewatan tindakan pemungutan akan menyukarkan pungutan cukai dibuat dan merupakan kehilangan hasil kepada Kerajaan. Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 11 September 2014 *Tindakan pemungutan diambil ke atas cukai tertunggak berdasarkan strategi dan mengikut keutamaan memandangkan kakitangan yang terhad. LHDNM telah menyediakan langkah-langkah untuk mengatasi kes tunggakan hasil dan antaranya seperti yang dinyatakan dalam Program Operasi Percukaian dengan mengambil tindakan berikut:-* • *Pengeluaran surat peringatan debit semasa secara mingguan kepada pembayar cukai. Surat peringatan terkini secara automatik telah dikeluarkan secara kelompok pada 11 Ogos 2014.*	Tindakan pemungutan diambil ke atas cukai tertunggak berdasarkan strategi dan mengikut keutamaan memandangkan kakitangan yang terhad. LHDNM telah menyediakan langkah-langkah untuk mengatasi kes tunggakan hasil seperti yang dinyatakan dalam Program Operasi Percukaian tahunan melalui Arahan Operasi serta arahan lain, dengan mengambil tindakan berikut:- i. Pengeluaran surat peringatan debit semasa kepada pembayar cukai. Surat peringatan terkini secara automatik telah dikeluarkan secara kelompok pada 12 September 2014. ii. Senarai kes debit semasa dikemukakan ke Pusat Khidmat Pelanggan secara mingguan bertujuan mengingatkan pembayar cukai untuk membuat bayaran dan jika gagal kenaikan akan dikenakan selepas tarikh kena bayar. Senarai terkini dikemukakan pada 24 Jun 2014. iii. Memo pengeluaran surat peringatan CKHT546X/CKHT226X (Baki Cukai CKHT T/T XXXX RMXX) bagi kes debit semasa dikeluarkan pada 26 Jun 2014. iv. Jawatankuasa Tetap Tunggakan Hasil Cawangan diadakan setiap bulan bagi memantau prestasi penyelesaian kes tunggakan hasil terutama kes debit amaun besar. v. Membenarkan ansuran bagi kes permohonan pembayar cukai yang tidak mampu membuat bayaran.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	• *Senarai kes debit semasa dikemukakan ke Pusat Khidmat Pelanggan secara mingguan bertujuan mengingatkan pembayar cukai untuk membuat bayaran dan jika gagal kenaikan akan dikenakan selepas tarikh kena bayar. Senarai terkini dikemukakan pada 24 Jun 2014.* • *Memo pengeluaran surat peringatan CKHT546X/CKHT226X (Baki Cukai CKHT T/T XXXX RMXX) bagi kes debit semasa dikeluarkan pada 26 Jun 2014.* • *Senarai kes debit semasa akan dikemukakan ke Pusat Khidmat Pelanggan secara mingguan mulai bulan Julai 2014 bertujuan mengingatkan pembayar cukai untuk membuat bayaran dan jika gagal, kenaikan akan dikenakan selepas tarikh kena bayar Deraf Memo Senarai Gagal Anggaran CP204/CP205, CP 500 Dan Debit Semasa Cukai Keuntungan Harta Tanah disediakan.* • *Jawatankuasa Tetap Tunggakan Hasil Cawangan diadakan setiap bulan bagi memantau prestasi penyelesaian kes tunggakan hasil terutama kes debit amaun besar.* • *Membenarkan ansuran bagi kes permohonan pembayar cukai yang tidak mampu membuat bayaran.* • *Cawangan disarankan membuat lawatan premis sekurang-kurangnya 3 kali operasi dan sekurang-kurangnya 15 kes bagi setiap operasi berdasarkan Memo Lawatan Premis Bagi Mengurangkan Tunggakan Hasil Fail Pungutan Syarikat bertarikh 21 Ogos 2014.* • *Mengenakan sekatan perjalanan ke atas Pengarah Syarikat yang memegang lebih 50% pegangan saham di bawah CKHT tertakluk di bawah peruntukan subperenggan 5(1A) dan 5(4) Jadual 1 ACKHT yang berkuatkuasa mulai 11 Februari 2013 atas pengarah yang memegang saham lebih 50%.* • *Melaksanakan tindakan kaveat.* • *Melaksanakan tindakan hapuskira melalui:* *a) Memo bertarikh 31 Disember 2012: Membiarkan Tunggakan Hasil.* *b) Memo bertarikh 2 Ogos 2013: Memo Membiarkan Tunggakan Hasil.*	vi. Cawangan disarankan membuat lawatan premis sekurang-kurangnya 3 kali operasi dan sekurang-kurangnya 15 kes bagi setiap operasi berdasarkan Memo Lawatan Premis Bagi Mengurangkan Tunggakan Hasil Fail Pungutan Syarikat bertarikh 21 Ogos 2014. vii. Mengenakan sekatan perjalanan ke atas Pengarah Syarikat yang memegang lebih 50% pegangan saham di bawah CKHT tertakluk di bawah peruntukan subperenggan 5(1A) dan 5(4) Jadual 1 ACKHT yang berkuat kuasa mulai 11 Februari 2013 atas pengarah yang memegang saham lebih 50%. Pindaan peruntukan subperenggan 5(1A) dan 5(4) Jadual 1 ACKHT telah diwartakan bagi membolehkan tindakan ke atas pengarah syarikat yang mempunyai pegangan tidak kurang dari 20% samada melalui diri sendiri atau sekutunya, secara langsung atau tidak langsung berkuat kuasa 24 Januari 2014. viii. Melaksanakan tindakan *kaveat*. ix. Mengambil tindakan undang-undang dengan penyediaan X/C18 berdasarkan memo Penetapan Sasaran Pengemukaan Kes (X/C18) Ke Unit Undang-Undang bertarikh 21 Mac 2014. x. Sasaran yang ditetapkan pada tahun 2014 iaitu 30% daripada bilangan baki Akaun Belum Terima Bersih selepas mengambilkira kes berstatus hapuskira dan di bawah ambang tindakan sivil bagi fail OG dan C. xi. Memastikan kes debit semasa diambil tindakan guaman sivil dalam tempoh 1 bulan selepas tarikh layak kenaikan 10% sekiranya tiada maklum balas atau bayaran diterima. xii. Mengambil tindakan undang-undang berdasarkan Pekeliling Operasi Bil. 9/2014 yang bertajuk Pekeliling Tindakan Guaman Sivil Di Bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 Bagi Pelupusan Harta Tanah Dan Syer Dalam Syarikat Harta Tanah yang berkuatkuasa mulai 19 Mei 2014. xiii. Melaksanakan tindakan hapuskira melalui:- a) Memo bertarikh 31 Disember 2012: Membiarkan Tunggakan Hasil. b) Memo bertarikh 2 Ogos 2013: Memo Membiarkan Tunggakan Hasil. Pihak Ibu Pejabat LHDNM telah mengarahkan semua cawangan memantau

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td></td><td>Pihak Ibu Pejabat LHDNM telah mengarahkan semua cawangan memantau dengan lebih kerap bagi kes debit akhir tahun dan debit semasa yang mempunyai tunggakan yang besar kerana kes ini akan menghasilkan kutipan yang besar untuk Kerajaan di samping mengambil tindakan pemungutan ke atas kes tunggakan kecil.</td><td>prestasi penyelesaian kes tunggakan hasil terutama kes debit amaun besar dengan lebih kerap bagi kes debit akhir tahun dan debit semasa yang mempunyai tunggakan yang besar melalui Jawatankuasa Tetap Tunggakan Hasil Cawangan yang diadakan setiap bulan kerana kes ini akan menghasilkan kutipan yang besar untuk Kerajaan di samping mengambil tindakan pemungutan ke atas kes tunggakan kecil.

Status tindakan cawangan:-

Status Kes Tunggakan Cukai Sehingga 09 Oktober 2013
<table>
<tr><th>Cawangan</th><th>Jumlah Kes</th><th>*Kes Gugur</th><th>Dalam Tindakan</th><th>Baki Kes</th></tr>
<tr><td>Petaling Jaya</td><td>5</td><td>1</td><td>4</td><td>4</td></tr>
<tr><td>Johor Bahru</td><td>24</td><td>6</td><td>18</td><td>18</td></tr>
<tr><td>Pulau Pinang</td><td>3</td><td>0</td><td>3</td><td>3</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>3.5.4.2</td><td>Kenaikan Cukai Subseksyen 21(4) ACKHT 1976 Tidak Dikenakan

Kenaikan cukai sebanyak 10% di bawah Subseksyen 21(4) ACKHT 1976 dikenakan ke atas pelupus apabila cukai kena bayar tidak dilunaskan dalam tempoh 30 hari selepas notis dikeluarkan oleh LHDNM. Semakan Audit mendapati wujud kes individu dan syarikat di ketiga-tiga cawangan yang tidak dikenakan kenaikan cukai walaupun tidak membayar cukai dalam tempoh yang ditetapkan.

Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 14 Julai 2014

Senarai kes telah disenaraikan dalam Sistem ReMS untuk tindakan cawangan dalam modul senarai akhir tahun dan modul debit semasa. Berdasarkan Memo bertarikh 21 Mac 2014 kes debit semasa perlu diambil tindakan guaman sivil dalam tempoh satu bulan selepas tarikh layak kenaikan 10% sekiranya tiada maklum balas atau bayaran diterima. Selain itu tindakan undang-undang akan diambil berdasarkan Pekeliling Operasi Bil. 9/2014 yang bertajuk Pekeliling</td><td>Cawangan boleh mengambil tindakan ke atas kes gagal bayar melalui senarai yang boleh diperolehi dalam ReMS (dalam modul senarai akhir tahun dan modul debit semasa). Berdasarkan Memo bertarikh 21 Mac 2014, memaklumkan kes debit semasa perlu diambil tindakan guaman sivil dalam tempoh satu bulan selepas tarikh layak kenaikan 10% sekiranya tiada maklum balas atau bayaran diterima. Selain itu tindakan undang-undang akan diambil berdasarkan Pekeliling Operasi Bil. 9/2014 yang bertajuk Pekeliling Tindakan Guaman Sivil Di Bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 Bagi Pelupusan Harta Tanah Dan Syer Dalam Syarikat Harta Tanah yang berkuatkuasa mulai 19 Mei 2014.

Status tindakan cawangan:-</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td></td><td>Tindakan Guaman Sivil Di Bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 Bagi Pelupusan Harta Tanah Dan Syer Dalam Syarikat Harta Tanah.</td><td>Status Kes Kenaikan Cukai Subseksyen 21(4) ACKHT 1976 Tidak Dikenakan Sehingga 09 Oktober 2013
<table>
<tr><th>Cawangan</th><th>Jumlah Kes</th><th>Kenaikan Telah diambil</th><th>Dalam Tindakan</th><th>Baki Kes</th></tr>
<tr><td>Petaling Jaya</td><td>1</td><td>1</td><td>0</td><td>0</td></tr>
<tr><td>Johor Bahru</td><td>19</td><td>2</td><td>17</td><td>17</td></tr>
<tr><td>Pulau Pinang</td><td>1</td><td>1</td><td>0</td><td>0</td></tr>
</table>
Nota:-
Cawangan Johor Bahru melibatkan 1 pembayar cukai yang mempunyai 17 transaksi dalam tindakan Cawangan Siasatan Johor Bahru.</td></tr>
<tr><td>3.5.4.3</td><td>Tindakan Guaman Sivil Seksyen 23 ACKHT 1976 Tidak Dikenakan

Tindakan guaman sivil di bawah Seksyen 23 ACKHT 1976 dikenakan ke atas syarikat apabila syarikat tidak membayar tunggakan cukai melebihi RM5,000. Semakan Audit mendapati 8 kes syarikat di Cawangan Johor Bahru dan 2 kes syarikat di Cawangan Pulau Pinang tidak dikenakan tindakan guaman sivil walaupun mempunyai tunggakan melebihi amaun yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, tindakan penguatkuasaan yang tegas bagi memungut tunggakan cukai perlu diambil terhadap syarikat dan individu agar hasil negara dapat ditingkatkan.

Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 14 Julai 2014

Selaras dengan hasrat mempertingkatkan tindakan guaman sivil, Memo Penetapan Sasaran Pengemukaan Kes (X/C18) ke Unit Undang-Undang telah dikeluarkan pada 21 Mac 2014 seperti ketetapan berikut:-

a) Sasaran yang ditetapkan pada tahun 2014 iaitu 30% daripada bilangan baki Akaun Belum Terima Bersih selepas mengambilkira kes berstatus hapus kira dan di bawah ambang tindakan sivil bagi fail OG dan C.</td><td>Maklum balas adalah sama seperti di perenggan 3.5.4.4.

Status tindakan cawangan:-

Tindakan Guaman Sivil Seksyen 23 ACKHT 1976 Tidak Dikenakan Sehingga 09 Oktober 2013
<table>
<tr><th>Cawangan</th><th>Jumlah Kes</th><th>*Kes Gugur</th><th>Guaman sivil telah diambil</th><th>Dalam Tindakan</th><th>Baki Kes</th></tr>
<tr><td>Johor Bahru</td><td>8</td><td>4</td><td>4</td><td>0</td><td>0</td></tr>
<tr><td>Pulau Pinang</td><td>2</td><td>0</td><td>2</td><td>0</td><td>0</td></tr>
</table></td></tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	b) Memastikan kes debit semasa diambil tindakan guaman sivil dalam tempoh satu bulan selepas tarikh layak kenaikan 5% (CP) / 10% (CKHT) sekiranya tiada maklum balas atau bayaran diterima. *c) Mengambil tindakan undang-undang berdasarkan Pekeliling Operasi Bil. 9/2014 yang bertajuk Pekeliling Tindakan Guaman Sivil Di Bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 Bagi Pelupusan Harta Tanah Dan Syer Dalam Syarikat Harta Tanah.*	

LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2013

KEMENTERIAN KEWANGAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia / Bahagian Analisa Cukai (BAC), Kementerian Kewangan Malaysia

Perenggan 4 : Pengurusan Permohonan Kelulusan Ejen Cukai

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.5.4.1	**Kelewatan Memproses Kelulusan Permohonan** Piagam Pelanggan menetapkan tempoh memproses permohonan baru ejen cukai sebelum 1 Julai 2012 ialah selama 54 hari bekerja. Bagaimanapun, di bawah *Focus Group Business Process Reengineering (FGBPR)* bertarikh 26 Julai 2012, Kementerian Kewangan telah membuat penambahbaikan terhadap proses dan aliran kerja di mana kelulusan ejen cukai telah dipendekkan daripada 54 hari kepada 30 hari bermula 1 Julai 2012 dan dilaksanakan sepenuhnya mulai 1 Ogos 2012. Manakala Memorandum BAC bertarikh 15 Jun 2011 mengenai maklumat inisiatif semakan semula lesen perniagaan di bawah program PEMUDAH telah menjelaskan tempoh kelulusan permohonan pembaharuan kelulusan ejen cukai ialah selama 14 hari bekerja. Semakan Audit mendapati terdapat kelewatan dalam meluluskan permohonan baru dan pembaharuan ejen cukai masing-masing berjumlah 49 kes dan 244 kes. Maklum Balas LHDNM Pada 20 September 2014 dan 30 September 2014. *Kelewatan meluluskan permohonan baru ejen cukai adalah disebabkan pemohon tidak mengemukakan dokumen yang lengkap melibatkan 32 kes, pemohon meminta penangguhan temu duga melibatkan 10 kes dan terdapat satu kes berkaitan masalah pada SMPC. Bagi permohonan pembaharuan ejen cukai, antara sebab kelewatan kelulusan adalah ejen cukai tidak mengemukakan dokumen yang lengkap, pelanggan ejen cukai berkenaan sedang diaudit oleh LHDNM, ejen cukai mempunyai cukai tertunggak dan tidak mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) serta permohonan yang dibuat masih dalam tempoh.*	Maklum balas LHDNM adalah sama seperti di perenggan 4.5.4.1. Pekeliling Operasi Bil. 11 Tahun 2014 yang berkuat kuasa 19 Ogos 2014 telah dikeluarkan. Di bawah perenggan 3.2.2, Pekeliling ini telah menetapkan tindakan tegas perlu diambil oleh Bahagian Pengurusan Pelanggan (BPP), Jabatan Operasi Cukai LHDNM ke atas permohonan yang tidak lengkap. (Salinan Pekeliling Operasi Bil. 11 Tahun 2014 disertakan). <u>Maklum Balas BAC</u> Selepas pengenalan *Business Process Reengineering* pada tahun 2012, proses kerja yang sebelum ini mengambil masa yang lama telah banyak ditambah baik. Piagam Pelanggan yang menyatakan 30 hari proses adalah bermula pada tarikh permohonan <u>lengkap</u> diterima. Walau bagaimanapun, sistem SMPC tidak dapat menentukan tarikh dokumen lengkap. Oleh yang demikian, tidak dapat ditentukan sama ada kelewatan adalah disebabkan oleh pemohon yang lewat menghantar semula maklumbalas / dokumen tidak lengkap atau proses kelulusan itu sendiri.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Berdasarkan Perenggan 3.2.2.c, Pekeliling Operasi Bil. 11 Tahun 2014 berkuat kuasa 19 Ogos 2014, LHDNM telah menetapkan tindakan yang tegas terhadap permohonan yang tidak lengkap diambil oleh Bahagian Pengurusan Pelanggan (BPP), Jabatan Operasi Cukai. Maklum Balas BAC Diterima Pada 22 September 2014. *Piagam Pelanggan yang menyatakan tempoh 30 hari adalah bermula dari tarikh permohonan lengkap diterima.*	
	Semakan Audit selanjutnya mendapati bahawa kelewatan ini berlaku dalam proses-proses kerja yang terlibat untuk meluluskan permohonan baru dan pembaharuan sama ada di peringkat BAC mahupun di LHDNM. Kelewatan bagi permohonan baru di peringkat BAC melibatkan 31 kes dengan kelewatan dalam lingkungan antara 4 hingga 90 hari dan di peringkat LHDNM melibatkan 100 kes dengan kelewatan dalam lingkungan antara 4 hingga 365 hari. Manakala bagi permohonan pembaharuan kelewatan di peringkat BAC melibatkan 204 kes dengan kelewatan dalam lingkungan antara 4 hingga 180 hari. Manakala di peringkat LHDNM melibatkan 168 kes dengan kelewatan dalam lingkungan antara 4 hingga melebihi 365 hari seperti berikut:- a. Kelewatan dalam proses-proses untuk meluluskan permohonan baru di peringkat BAC ialah seperti berikut :- **i. Menyemak Permohonan Dan Menerima Bayaran** Piagam Pelanggan menetapkan norma masa untuk menyemak permohonan dan menerima bayaran ialah selama 3 hari bekerja. Semakan Audit mendapati sebanyak 19 kes kelewatan dalam menyemak permohonan dan menerima bayaran. **ii. Perakuan TSBC** Piagam Pelanggan menetapkan norma masa untuk perakuan TSBC ialah selama 2 hari bekerja. Semakan Audit mendapati sebanyak 1 kes kelewatan perakuan TSBC antara 4 hari hingga 30 hari berlaku dalam tahun 2011, 7 kes dalam tahun 2012 dan 2 kes sehingga Jun 2013. Maklum Balas BAC Diterima Pada 22 September 2014.	<u>Maklum Balas BAC</u> Merujuk kepada Penemuan Audit, dilihat terdapat penambahbaikan terhadap proses menyemak permohonan dan menerima bayaran di mana kelewatan yang ditemui berkurang dari tahun ke tahun. Sistem SMPC mencatatkan tarikh mula proses apabila pemohon mula mengisi borang di dalam SMPC walaupun permohonan tersebut tidak lengkap dengan dokumen sokongan yang diperlukan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Terdapat penambahbaikan terhadap tempoh proses terlibat kerana jumlah kelewatan telah menunjukkan pengurangan dari tahun ke tahun. Kelewatan adalah disebabkan pegawai terlibat bercuti/bermesyuarat/berkursus menyebabkan proses tersebut tidak dapat diselesaikan dalam tempoh ditetapkan.	
	b. Kelewatan dalam proses-proses untuk meluluskan permohonan baru di peringkat LHDNM ialah seperti berikut:- **i. Semakan Teknikal** Piagam Pelanggan menetapkan norma masa untuk semakan teknikal di Ibu pejabat LHDNM ialah selama 3 hari bekerja. Bagaimanapun, di bawah *FGBPR* bertarikh 26 Julai 2012, norma masa untuk semakan teknikal telah dipercepatkan kepada 1 hari bekerja bermula 1 Ogos 2012. Semakan Audit mendapati sebanyak 51 kes kelewatan dalam membuat semakan teknikal. Maklum Balas LHDNM Pada 20 September 2014 dan 30 September 2014. *Semakan teknikal adalah bertujuan untuk memastikan bahawa :* *a) Pemohon memenuhi syarat kelayakan.* *b) Maklumat pemohon dan dokumen sokongan adalah lengkap.* *c) Menyemak tahap pematuhan terhadap pengemukaan BNCP dan memastikan tiada tunggakan cukai.* *Dalam hal ini, tiada kelewatan berlaku di peringkat semakan teknikal bagi semua kes tersebut. Kelewatan hanya berlaku semasa proses mendapatkan dokumen yang tidak lengkap daripada pemohon.* *Kelewatan disebabkan syarat-syarat permohonan tidak lengkap seperti salinan sijil-sijil kelayakan, salinan kad pengenalan, gambar dan surat pengesahan majikan tidak disertakan, tidak mempunyai mata CPD/CPE yang mencukupi, salinan sijil tidak mempunyai akuan bersumpah, salinan sijil kelayakan akademi/ kursus/seminar meragukan dan memerlukan LHDNM untuk meminta dokumen sokongan, tidak mempunyai pengalaman praktikal percukaian yang mencukupi 5 tahun serta senarai pelanggan tidak dikemukakan atau tidak mencukupi bilangan yang ditetapkan.* *Dalam kes-kes tersebut, Pemohon akan dihubungi oleh LHDNM untuk*	Maklum balas LHDNM sama seperti di perenggan 4.5.4.1.b.i. Pekeliling Operasi Bil. 11 Tahun 2014 yang berkuat kuasa 19 Ogos 2014 telah dikeluarkan. Di bawah perenggan 3.2.2 Pekeliling ini telah menetapkan tindakan tegas perlu diambil oleh Bahagian Pengurusan Pelanggan (BPP), Jabatan Operasi Cukai LHDNM ke atas permohonan yang tidak lengkap.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	mengemukakan dokumen yang tidak lengkap untuk memenuhi syarat yang ditetapkan. Kes akan di Simpan Dalam Perhatian (SDP) sehingga pemohon memberikan maklum balas yang diminta. Sekiranya pemohon tidak dapat memenuhi permintaan LHDNM, kes akan dikembalikan kepada Kementerian Kewangan untuk penolakan. *Berdasarkan Perenggan 3.2.2.c, Pekeliling Operasi Bil. 11 Tahun 2014 berkuat kuasa 19 Ogos 2014, LHDNM telah menetapkan tindakan yang tegas terhadap permohonan yang tidak lengkap diambil oleh Bahagian Pengurusan Pelanggan (BPP), Jabatan Operasi Cukai.*	
	ii. Temu Duga Dan Penyediaan Laporan Piagam Pelanggan menetapkan norma masa untuk temu duga dan penyediaan laporan ialah selama 30 hari bekerja. Bagaimanapun, di bawah *FGBPR* bertarikh 26 Julai 2012, norma masa untuk temu duga dan penyediaan laporan telah dipercepatkan kepada 21 hari bekerja bermula 1 Ogos 2012. Semakan Audit mendapati sebanyak 17 kes kelewatan dalam mengadakan temu duga dan menyediakan laporan. Maklum Balas LHDNM Pada 20 September 2014 Dan 30 September 2014. *Kelewatan mengadakan temuduga dan penyediaan laporan adalah kerana pemohon meminta penundaan tarikh temu duga yang telah ditetapkan atas sebab-sebab peribadi seperti berada di luar negara, bertugas di luar kawasan, sakit dan belum bersedia. Selain itu, masih terdapat cawangan yang mengamalkan tempoh 30 hari seperti norma dalam Piagam Pelanggan berbanding 21 hari yang ditetapkan di bawah FGBPR. Kelewatan juga berlaku disebabkan laporan tidak dapat dikemukakan akibat SMPC konflik untuk kes berkenaan sahaja.* *Memo penjelasan kepada Jabatan Cukai Korporat dan PPN untuk menyelesaikan temu duga dan laporan dalam tempoh 21 hari bekerja dikeluarkan bertarikh 30 September 2014.*	Maklum balas LHDNM sama seperti di perenggan 4.5.4.1.b.ii. Memo penjelasan kepada Jabatan Cukai Korporat dan PPN untuk menyelesaikan temu duga dan laporan dalam tempoh 21 hari bekerja dikeluarkan bertarikh 30 September 2014 disertakan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	iii. Perakuan Jawatankuasa Ejen Cukai Piagam Pelanggan menetapkan norma masa untuk perakuan Jawatankuasa Ejen Cukai ialah selama 14 hari bekerja. Bagaimanapun, di bawah *FGBPR* bertarikh 26 Julai 2012*,* norma masa perakuan Jawatankuasa Ejen Cukai telah dipercepatkan daripada 14 hari bekerja kepada 1 hari bekerja bermula 1 Ogos 2012. Semakan Audit mendapati sebanyak 32 kes kelewatan dalam mendapatkan perakuan Jawatankuasa Ejen Cukai. Maklum Balas LHDNM Pada 20 September 2014 dan 30 September 2014. *Perakuan dilakukan di dalam mesyuarat JKEC dalam tempoh 1 hari bekerja mulai 1 Ogos 2012. Bagi kes-kes sebelum 1 Ogos 2012, perakuan tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh 14 hari kerana permohonan tidak lengkap. Setiap kes telah diperakukan secara dalam talian SMPC oleh JKEC semasa mesyuarat JKEC dijalankan dan tiada berlaku kelewatan.*	Maklum balas LHDNM sama seperti di perenggan 4.5.4.1.b.iii yang dikemukakan pada 20 September 2014 dan 30 September 2014. "*Reengineering*" dilakukan pada dan selepas 1 Ogos 2012 dan perakuan diselesaikan dalam tempoh 1 hari seperti standard kualiti yang ditetapkan.
	c. Kelewatan dalam proses-proses untuk meluluskan permohonan pembaharuan di peringkat BAC ialah seperti berikut:- **i. Menyemak Permohonan Dan Menerima Bayaran** Piagam Pelanggan menetapkan norma masa untuk menyemak permohonan dan menerima bayaran ialah selama 3 hari bekerja. Semakan Audit mendapati sebanyak 117 kes kelewatan dalam menyemak permohonan dan menerima bayaran. **ii. Perakuan TSBC** Piagam Pelanggan menetapkan norma masa untuk perakuan TSBC ialah selama 2 hari bekerja. Semakan Audit mendapati sebanyak 73 kes kelewatan dalam perakuan TSBC. **iii. Kelulusan SBC** Piagam Pelanggan menetapkan norma masa untuk kelulusan SBC ialah selama 2 hari bekerja. Semakan Audit mendapati sebanyak 13 kes kelewatan mendapatkan kelulusan SBC antara 4 hari hingga 30 hari.	<u>Maklum Balas BAC</u> Sistem SMPC mencatatkan tarikh mula proses apabila pemohon mula mengisi borang di dalam SMPC walaupun permohonan tersebut tidak lengkap dengan dokumen sokongan yang diperlukan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas BAC Diterima Pada 22 September 2014. *Terdapat penambahbaikan terhadap tempoh proses terlibat kerana jumlah kelewatan telah menunjukkan pengurangan dari tahun ke tahun. Kelewatan adalah disebabkan pegawai terlibat bercuti/bermesyuarat/berkursus menyebabkan proses tersebut tidak dapat diselesaikan dalam tempoh ditetapkan.*	
	d. Kelewatan dalam proses-proses untuk meluluskan permohonan pembaharuan di peringkat LHDNM ialah seperti berikut: **i. Peringkat Ulasan Dan Perakuan** Piagam Pelanggan menetapkan norma masa untuk ulasan dan perakuan ialah selama 7 hari bekerja. Semakan Audit mendapati sebanyak 168 kes kelewatan dalam ulasan dan perakuan. Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 20 September 2014 dan 30 September 2014. *Proses ulasan dan perakuan adalah tertakluk kepada permohonan yang lengkap. Kelewatan memberikan ulasan dan perakuan ke atas 168 kes adalah disebabkan syarat-syarat permohonan tidak lengkap seperti tidak mempunyai mata CPD yang mencukupi, salinan sijil-sijil kelayakan, salinan kad pengenalan, gambar, surat pengesahan majikan tidak disertakan, salinan sijil tidak mempunyai akuan bersumpah, senarai pelanggan tidak dikemukakan atau tidak mencukupi bilangan yang ditetapkan serta pemohon lewat membayar wang proses.* *Kelewatan di peringkat ulasan dan perakuan juga berpunca daripada pemohon yang masih belum menjelaskan tunggakan cukai. Pembaharuan hanya akan dilakukan selepas semua tunggakan cukai telah dijelaskan di mana tiada baki debit dalam lejar pemohon. Selain itu, terdapat pemohon yang gagal mengemukakan BNCP untuk tahun-tahun taksiran kebelakangan.*	Maklum balas LHDNM sama seperti di perenggan 4.5.4.1.d. Pekeliling Operasi Bil. 11 Tahun 2014 telah dikeluarkan pada 19 Ogos 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.5.5	**Syarat-Syarat kelulusan Tidak Dipatuhi** Panduan Bagi Permohonan Ejen Cukai (Subseksyen 153(3) ACP 1967 yang dikeluarkan oleh BAC dan Pekeliling Hasil Operasi Bil. 2 Tahun 2006 oleh LHDNM telah menetapkan syarat-syarat kelulusan ejen cukai yang perlu dipatuhi seperti melunaskan bayaran fi permohonan, mempunyai kelayakan akademik dan pengalaman yang sesuai, menghadiri seminar bajet tahunan, mengumpulkan mata CPD yang mencukupi, menguruskan sejumlah pelanggan yang ditetapkan, menyertakan gambar, lulus dalam sesi temu duga dan mengemukakan rayuan dalam tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati terdapat kes ketidakpatuhan terhadap syarat-syarat kelulusan ejen cukai iaitu sebanyak 5 kes bagi permohonan baru, 213 kes bagi permohonan pembaharuan dan 5 kes bagi permohonan rayuan. Maklum Balas LHDN Pada 20 September 2014 dan 30 September 2014. *LHDNM telah menyokong 4 daripada 5 permohonan baru ejen cukai kerana walaupun tiada Akuan Berkanun dikemukakan, dokumen sokongan permohonan diahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah dan ia dianggap memenuhi syarat. Selain itu, terdapat kes di mana maklumat senarai pelanggan tidak tepat kerana cetakan mukasurat tidak lengkap. Pemohon sebenarnya mempunyai pelanggan yang mencukupi seperti syarat yang ditetapkan. Satu permohonan yang diluluskan adalah dibawah kuasa Kementerian Kewangan walaupun LHDNM tidak menyokong permohonan tersebut.* *Bagi kes permohonan pembaharuan di mana ejen cukai tidak menghadiri seminar bajet tahunan dan tidak mempunyai pelanggan mencukupi (30 pelanggan), kelonggaran diberikan berasaskan budibicara untuk memastikan kesinambungan kelulusan sedia ada ejen cukai kerana pemohon mempunyai senarai pelanggan-pelanggan sedia ada yang berprofil tinggi, syarikat besar dan syarikat pegangan, pelanggan-pelanggan pemohon terdiri daripada pembayar cukai yang mempunyai kes-kes siasatan cukai dan pemohon terdiri dari warga emas yang telah lama menjalankan profesion sebagai ejen cukai dan kini menjalankan profesion tersebut secara sambilan sahaja tetapi masih disyaratkan untuk mempunyai kelulusan ejen cukai.* *LHDNM juga menyokong permohonan pembaharuan oleh ejen cukai walaupun permohonan mereka tidak disertakan dengan gambar kerana pemohon telah menyertakan gambar semasa pertama kali membuat permohonan baru.*	Maklum balas LHDNM sama seperti di perenggan 4.5.5. Memo Sokongan Permohonan Pembaharuan Yang Tidak Memenuhi Syarat dikeluarkan pada 30 September 2014 disertakan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Permohonan baru wajib menyertakan gambar manakala permohonan pembaharuan tidak diwajibkan menyertakan gambar. LHDNM boleh menyemak kesahihan pemohon melalui system MyIdentity. Bagi permohonan pembaharuan yang tidak disertakan Akuan Bersumpah pula, permohonan ejen cukai tersebut disokong kerana salinan dokumen telah diperakukan oleh Pesuruhjaya Sumpah. *Syarat-syarat kelulusan permohonan pembaharuan disemak semula melalui Memo Sokongan Permohonan Pembaharuan Yang Tidak Memenuhi Syarat dikeluarkan pada 30 September 2014. Langkah-langkah semakan permohonan secara menyeluruh akan sentiasa dilaksanakan. Pekeliling Operasi Bil. 11 Tahun 2014 bertarikh 19 Ogos 2014 menetapkan BPP, Jabatan Operasi Cukai akan juga menyemak semula butiran permohonan untuk memastikan syarat-syarat kelayakan dipatuhi.* Maklum Balas BAC Pada 22 September 2014: *Terdapat pemohon yang ditolak permohonan baru/pembaharuannya telah membuat rayuan. Oleh itu, pertimbangan khas telah diberikan di bawah kuasa Menteri Kewangan berdasarkan faktor pengalaman dan jenis ketidakpatuhan tersebut.*	
4.5.6	**Ketidakseragaman Urusan Temu Duga** Pekeliling Hasil Operasi Bil. 2 Tahun 2006 (PHO 2/2006) oleh LHDNM telah menjelaskan proses temu duga yang dijalankan di peringkat Pejabat Pengarah Negeri LHDNM (PPN)/Cawangan melibatkan permohonan baru, permohonan pembaharuan yang dibuat 12 bulan selepas tamat tempoh kuat kuasa ejen cukai dan bekas pegawai LHDNM yang memohon selepas 3 tahun daripada persaraan/berhenti kerja. Memo Timbalan Ketua Pengarah (Operasi Percukaian) bertarikh 24 Mac 2011 pula menetapkan supaya mencatatkan perkataan sokong atau tidak sokong sahaja bagi ulasan laporan temu duga di log aktiviti SMPC. Semakan Audit terhadap pemohon ejen cukai yang menghadiri temu duga di negeri, cawangan dan Jabatan Cukai Korporat (JCK) yang melaksanakan urusan temu duga (kecuali negeri Perlis dan Cawangan Labuan yang tidak mempunyai pemohon yang menghadiri temu duga) mendapati proses temu duga yang dihadiri oleh pemohon adalah tidak seragam antara negeri/cawangan/JCK daripada segi jumlah soalan yang diajukan kepada setiap pemohon, jumlah skop soalan, kaedah pemarkahan yang diamalkan, jumlah kategori pemberian mata dan maklumat yang di *key in* dalam log aktiviti SMPC	Maklum balas LHDNM sama seperti di perenggan 4.5.6. Prosedur yang seragam dalam mengendalikan temu duga telah digariskan dalam Pekeliling Operasi Bil. 11 Tahun 2014 dikeluarkan pada 19 Ogos 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	untuk menyokong/tidak menyokong permohonan. Secara umumnya, jumlah soalan yang dikemukakan kepada pemohon adalah berbeza iaitu dalam lingkungan antara 12 hingga 44 soalan pada tahun 2011, 13 hingga 41 soalan pada tahun 2012 dan 13 hingga 35 soalan pada tahun 2013. Semakan Audit mendapati JCK mencatatkan jumlah soalan tertinggi berbanding negeri/ cawangan lain pada setiap tahun iaitu 44 soalan dalam tahun 2011, 41 soalan dalam tahun 2012 dan 35 soalan dalam tahun 2013. Di samping itu, jumlah skop soalan yang diliputi semasa sesi temu duga juga tidak sama, iaitu antara 2 hingga 8 skop pada tahun 2011 dan 2012 yang melibatkan masing-masing seramai 30 ejen cukai dan 42 ejen cukai serta 2 hingga 7 skop pada tahun 2013 melibatkan seramai 11 ejen cukai. Perkara ini disebabkan semua negeri/cawangan/JCK kecuali Sabah tidak melaksanakan peraturan yang menetapkan 7 skop soalan untuk dikemukakan dan kaedah markah minima 80% untuk layak disokong seperti ditetapkan. Mengenai pemberian mata, walaupun peraturan menetapkan hanya 3 kategori pemberian mata digunakan iaitu baik (3 markah), sederhana (2 markah) dan lemah (1 markah), namun terdapat perbezaan daripada segi pelaksanaannya semasa penilaian bagi sesuatu temuduga dijalankan. Semakan Audit mendapati terdapat negeri/cawangan/ JCK yang menggunakan 3 kategori, 4 kategori dan tiada sebarang kategori, malah penggunaan dua kategori pemberian mata secara serentak iaitu 3 dan 4 kategori juga berlaku. Keadaan ini menunjukkan ketidakseragaman amalan temu duga yang dilaksanakan di negeri/cawangan/JCK. Ini boleh menyebabkan temu duga yang dijalankan terhadap pemohon ejen cukai kurang berkesan untuk menilai kemampuan sebenar pemohon ejen cukai, di samping boleh mewujudkan ketidakadilan kepada pemohon ejen cukai yang berbeza pusat temu duga. Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 20 September 2014 Dan 30 September 2014. *Sebelum Ogos 2014, penilaian temuduga yang dilaksanakan adalah berdasarkan Pekeliling Hasil (Operasi) 2/2006, di mana skop penilaian terbahagi kepada 3 aspek:-* *i. Pengalaman dan kemampuan pemohon memahami peruntukan-peruntukan yang penting dalam ACP 1967* *ii. Pandangan dan pengetahuan pemohon terhadap perkembangan*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pentadbiran percukaian masa kini serta produk-produk baru yang diperkenalkan oleh LHDNM. *iii. Kemampuan pemohon selaku wakil kepada pembayar cukai dalam menangani sesuatu isu teknikal/mewakili pelanggan dalam perbicaraan kes dihadapan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP).* *Soalan-soalan temuduga adalah berpandukan kepada 3 perkara di atas dan menjurus kepada kes-kes kompleks ataupun mudah yang dikendalikan oleh ejen cukai itu bagi memastikan hanya ejen cukai yang berkelayakan disyorkan. Panel temuduga dianggotai oleh sekurang-kurangnya 3 orang pegawai kanan iaitu Pengarah Negeri, Pengarah Cawangan dan seorang pegawai kanan.* *Soalan temuduga adalah sensitif bagi menghindar daripada berlaku kebocoran. Jumlah dan skop soalan bergantung kepada pengetahuan, pengalaman dan jenis-jenis kes yang dikendalikan oleh pemohon sendiri. LHDNM telah mengeluarkan Kod Etika Ejen Cukai dalam tahun 2013 yang telah dipaparkan dalam laman sesawang rasmi LHDNM untuk memupuk amalan percukaian yang baik dengan mengekalkan tahap pematuhan cukai yang tinggi.* *Pekeliling Operasi Bil. 11 Tahun 2014 dikeluarkan pada 19 Ogos 2014 telah menggariskan format pemarkahan dan 7 contoh skop soalan temuduga bagi memastikan keseragaman dan keadilan kepada pemohon ejen cukai. Panel temuduga dianggotai oleh sekurang-kurangnya 4 orang pegawai kanan iaitu Pengarah Negeri, Pengarah Cawangan, Pengarah Bahagian Penyelarasan PPN/JCK dan seorang pegawai kanan. Sekiranya pemohon tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman, panel temuduga mengelak pertanyaan bagi ketujuh-tujuh skop soalan temuduga untuk memberi keadilan kepada pemohon.*	
4.5.7	**Ketidakpatuhan Terhadap Peraturan Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Ejen Cukai** Jawatankuasa Kelulusan Ejen Cukai (JKEC) LHDNM Ibu Pejabat adalah bertanggungjawab memproses permohonan ejen cukai bagi membolehkan syor dan perakuan dikemukakan kepada Menteri Kewangan berkaitan sesuatu permohonan ejen cukai. Bahagian Pengurusan Pelanggan, Jabatan Operasi Cukai (BPP) menjadi urus setia kepada JKEC bagi melaksanakan peranan yang ditetapkan. Minit Bebas LHDNM bertarikh 8 Oktober 2010 menetapkan bahawa keahlian JKEC ialah 4 orang pegawai kanan di peringkat pengurusan LHDNM. JKEC boleh bersidang dan meluluskan resolusi dengan kehadiran sekurang-kurangnya 3 daripada 4 orang ahli-ahli tersebut. Norma masa untuk perakuan	Maklum balas LHDNM sama seperti di perenggan 4.5.7 yang dikemukakan pada 20 September 2014 dan 30 September 2014. Pekeliling Bil. 11 Tahun 2014 di bawah perenggan 3.2.2.g menggariskan prosedur mesyuarat bagi kes segera dan kuorum tidak mencukupi.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Jawatankuasa Ejen Cukai bagi permohonan baru ialah selama 14 hari bekerja. Bagaimanapun, di bawah *FGBPR* bertarikh 26 Julai 2012, norma masa perakuan Jawatankuasa Ejen Cukai telah dipercepatkan daripada 14 hari bekerja kepada 1 hari bekerja bermula 1 Ogos 2012. Semakan Audit mendapati JKEC tidak bermesyuarat sebulan sekali bagi membolehkan syor dan perakuan dapat dihantar ke BAC dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 14 hari bekerja sebelum 1 Ogos 2012 dan 1 hari bekerja bermula 1 Ogos 2012. Semakan Audit mendapati JKEC telah mengadakan mesyuarat sebanyak 26 kali sahaja sepanjang tempoh mulai Januari 2011 hingga Jun 2013 berbanding 30 kali sekiranya diadakan sebulan sekali sepanjang tempoh tersebut. Ini telah memberi kesan kepada kelewatan untuk menyedia dan menghantar syor dan perakuan JKEC kepada BAC. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 7 kali mesyuarat tidak dihadiri oleh jumlah ahli JKEC yang mencukupi iaitu seramai 3 daripada 4 orang seperti yang ditetapkan iaitu 3 kali pada tahun 2012 dan 4 kali pada tahun 2013. Kehadiran yang tidak mencukupi kuorum ini boleh menjejaskan keputusan mesyuarat kerana mesyuarat sedemikian telah melanggar peraturan yang ditetapkan. Pada pendapat Audit, mengadakan mesyuarat sebulan sekali dapat membantu mempercepatkan proses penyediaan syor dan perakuan JKEC untuk dihantar kepada BAC dalam tempoh masa yang ditetapkan. Di samping itu, jumlah kuorum yang mencukupi dapat memastikan keabsahan mesyuarat dan keputusan yang dibuat. Sekiranya wujud kesukaran untuk mengumpulkan jumlah ahli JKEC yang mencukupi untuk hadir dalam mesyuarat, maka kelulusan untuk mengurangkan jumlah kuorum wajar diuruskan dengan mendapatkan kelulusan Ketua Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri selaras dengan kuasanya di bawah ACP 1967. Maklum Balas LHDNM Pada 20 September 2014 Dan 30 September 2014. *Penetapan untuk mengadakan Mesyuarat JKEC bergantung kepada bilangan penerimaan kes-kes yang telah diproses dan disediakan laporan temuduga dari PPN. Sekiranya pada sesuatu bulan itu tiada kes diterima dari PPN, maka tiada MJKEC. Kelulusan permohonan adalah di pihak BAC, Kementerian Kewangan di mana melibatkan 2 peringkat proses sebelum kelulusan manakala JKEC hanya memperakukan permohonan untuk disokong. BAC mempunyai kuasa meluluskan sama ada kes diperaku atau tidak oleh JKEC* *Berdasarkan perenggan 3.2.2.g Pekeliling Operasi Bil. 11 Tahun 2014,*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	sekiranya kuorum tidak mencukupi sewaktu mesyuarat dan dalam keadaan di mana sesuatu permohonan perlu dipertimbang segera, proses sokongan permohonan oleh JKEC akan dibuat secara edaran fail.	
4.5.8.1.a	**Pengurusan Sistem Dan Prosedur - Pengurusan Sistem - Sistem Daftar Ejen Cukai Oleh LHDNM** Pekeliling Hasil Operasi 02/2006 perenggan 3.1.2 h(2) menghendaki LHDNM mengemas kini senarai ejen cukai setelah menerima salinan kelulusan daripada BAC. Semakan Audit mendapati LHDNM ada menyelenggara Daftar Ejen Cukai menggunakan sistem *microsoft excell*. Bagaimanapun, Daftar tersebut tidak ditutup mengikut tempoh tertentu. Ini menyebabkan kesukaran untuk menentukan jumlah sebenar ejen cukai yang berkuat kuasa pada sesuatu tempoh yang ditetapkan itu. Pertanyaan Audit untuk mendapatkan senarai dan statistik ejen cukai bagi tahun 2011 hingga 2013 bertarikh 20 Januari 2014 hanya dapat dibekalkan oleh BPP pada 17 dan 23 April 2014. Semakan Audit selanjutnya mendapati, senarai dan statistik ejen cukai tersebut mempunyai perbezaan baki akhir tahun sebelumnya dengan baki awal yang dibawa ke hadapan pada tahun berikutnya. Ini telah menimbulkan keraguan tentang jumlah sebenar ejen cukai yang berkuat kuasa pada tahun-tahun berkenaan. Walaupun SMPC yang diselenggara oleh BAC boleh membantu menyimpan senarai dan statistik yang diuruskan oleh LHDNM, namun SMPC tidak dapat membekalkan maklumat berkenaan kerana sistem yang dibangunkan itu tidak mempunyai kemudahan berkenaan. Di samping itu, terdapat perbezaan antara jumlah permohonan baru dan pembaharuan diluluskan antara maklumat LHDNM dan SMPC. Pada pendapat Audit, adalah sesuai untuk Sistem Daftar Ejen Cukai yang diselenggara oleh LHDNM ditutup mengikut tempoh tertentu seperti bulanan, suku tahunan, pertengahan tahun atau tahunan bagi membolehkan jumlah sebenar ejen cukai pada sesuatu masa diketahui dan memudahkan urusan pemantauan dan penguatkuasaan. *Maklum Balas LHDNM Pada 20 September 2014* *Perbezaan jumlah permohonan baru dan pembaharuan dalam Daftar Ejen Cukai*	Maklum balas LHDNM sama seperti di perenggan 4.5.8.1.a. Kementerian Kewangan akan mengkaji sistem sedia ada untuk ditambah baik supaya senarai Ejen Cukai dikemas kini secara sistem di dalam pangkalan data LHDNM.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	yang ada di Bahagian Pengurusan Pelanggan (BPP), LHDNM dan maklumat di Sistem Maklumat Pengurusan Cukai (SMPC) adalah disebabkan BPP hanya menerima salinan surat-surat kelulusan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan yang disalurkan kepada BPP. BPP akan mengemaskini Daftar Ejen Cukai apabila menerima salinan surat-surat kelulusan. LHDNM tiada akses kepada statistik di SMPC. Oleh kerana LHDNM bergantung kepada salinan surat-surat kelulusan terdapat kekangan di pihak LHDNM untuk menyelaraskan perbezaan yang dinyatakan di Jadual 23. *Mulai Januari 2014, BPP telah menyediakan statistik menggunakan Excel bagi menentukan jumlah ejen cukai berkuatkuasa. Fformat yang digunakan ialah:=* *Jumlah ejen cukai pada awal tahun* *+ Permohonan baru tahun semasa* *- Ejen cukai tamat tempoh tahun semasa* *= Jumlah ejen cukai pada akhir tahun* *Jumlah ejen cukai yang tidak memohon pembaharuan dalam tahun semasa tidak diambilkira dalam statistik tahun semasa kerana permohonan pembaharuan perlu dibuat 4 bulan lebih awal dari tarikh tamat tempoh sah. Jika diambilkira akan menyebabkan pengiraan 2 kali. Berlaku kemungkinan ejen cukai yang telah tamat tempoh sah pada tahun semasa akan membuat permohonan dalam tahun berikutnya. Ini juga akan menyebabkan pengiraan 2 kali.* *Selagi BAC, Kementerian Kewangan tidak menjana kelulusan ejen cukai melalui sistem yang diintegrasikan dengan sistem di LHDNM, perbezaan statistik ejen cukai akan wujud.* LHDNM juga memaparkan nama ejen cukai di laman sesawangnya serta maklumat tarikh kuatkuasa kelulusan ejen cukai tersebut untuk rujukan umum khasnya pembayar cukai. Semakan Audit mendapati senarai ejen cukai berkenaan tidak dikemas kini kerana terdapat ejen cukai yang telah tamat tempoh kelulusannya dan tarikh kuatkuasa kelulusan tidak tepat. Semakan Audit terhadap laman sesawang LHDNM mendapati terdapat nama ejen cukai yang telah tamat tempoh/tidak dikemaskinikan tarikh kuatkuasa telah dipaparkan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas LHDNM Pada 20 September 2014 dan 30 September 2014 *LHDNM tidak mempunyai sistem yang dapat mengemaskini maklumat nama ejen cukai di laman sesawang LHDNM yang telah tamat tempoh secara automatik. Oleh itu, kemaskini masih dilakukan secara manual. LHDNM mengambil maklum dan menerima isu penemuan ini. Cadangan JAN akan dikaji untuk menentukan kesesuaian pemakaiannya.*	
4.5.8.1.b	**SMPC oleh BAC** SMPC yang diperkenalkan oleh BAC berperanan untuk memproses permohonan dan kelulusan ejen cukai seperti yang dimaklumkan semasa perbincangan pada 25 April 2014. Sebagai satu-satunya sistem yang menyimpan maklumat mengenai ejen cukai, SMPC seharusnya mampu membekalkan maklumat yang lengkap bagi semua urusan berkaitan dengan ejen cukai bagi memastikan semua urusan berjalan lancar dan maklumat dapat diperoleh dengan cepat dan lengkap. Semakan Audit mendapati SMPC terhad kepada memproses permohonan dan kelulusan ejen cukai. Ini menyebabkan maklumat senarai dan statistik mengenai ejen cukai tidak dapat dibekalkan bagi melancarkan pengurusan permohonan ejen cukai. Begitu juga maklumat mengenai jumlah bayaran fi permohonan ejen cukai yang dikutip. Pertanyaan Audit untuk mendapatkan kedua-dua maklumat tersebut pada 19 Disember 2013, hanya dibekalkan pada 20 Januari 2014 oleh pihak BAC dengan Senarai Permohonan Mengikut Tahun Serta Jenis dengan menambahkan medan-medan maklumat iaitu tarikh permohonan, tarikh kelulusan, tarikh pembayaran, jumlah pembayaran dan mod pembayaran. Semakan Audit terhadap maklumat tersebut mendapati sebanyak 19 permohonan tidak dikemaskinikan maklumat bayaran fi permohonan ejen cukai. Keadaan ini disebabkan SMPC belum melaksanakan kaedah penerimaan bayaran fi permohonan ejen cukai secara atas talian yang menyebabkan pengemaskinian maklumat bayaran fi permohonan ejen cukai tidak menjadi suatu keperluan. Di samping itu, pertanyaan Audit pada 25 April 2014 untuk mendapatkan maklumat tentang jumlah sebenar bayaran fi permohonan ejen cukai yang dikreditkan ke Akaun Kerajaan Persekutuan supaya dapat dibandingkan dengan maklumat dalam SMPC tidak dibekalkan oleh BAC. Semakan Audit juga mendapati maklumat kelulusan ejen cukai SMPC tidak diintegrasikan dengan laman sesawang LHDNM bagi membolehkan hanya nama ejen cukai yang diberi kelulusan sahaja dipaparkan di laman sesawang	Maklum Balas BAC adalah sama seperti diperenggan 4.5.8.1.b. BAC berusaha untuk menaik taraf Sistem Maklumat Pengurusan Cukai dengan mengambil kira cadangan Audit.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dan mengeluarkan nama ejen cukai yang tidak memperbaharui kelulusan daripada laman sesawang tersebut. Ini bagi memastikan hanya nama ejen cukai yang sah sahaja yang dipaparkan supaya tidak menimbulkan kekeliruan dan masalah kepada semua pihak yang berkepentingan. Maklum Balas BAC Pada 22 September 2014 dan pada 18 September 2014: *BAC berusaha untuk menaik taraf Sistem Maklumat Pengurusan Cukai dengan mengambil kira cadangan Audit.*	
4.5.8.2.a.i	**Pengurusan Prosedur Dan Peraturan - Panduan Permohonan Ejen Cukai** Panduan Permohonan Ejen Cukai yang dikepilkan bersama PHO 2/2006 telah menetapkan tempoh kelulusan permohonan baru dan pembaharuan Ejen Cukai ialah selama 2 tahun dan perlu diperbaharui 4 bulan sebelum tamat tempoh. Bagaimanapun, 3 set Panduan Permohonan Ejen Cukai yang lain telah menetapkan tempoh kelulusan permohonan baru dan pembaharuan Ejen Cukai ialah selama 3 tahun dan perlu diperbaharui dalam tempoh 4 bulan sebelum tamat tempoh. Bagaimanapun, disebabkan tidak mempunyai tarikh, semua Panduan Permohonan Ejen Cukai yang dikeluarkan itu tidak dapat dipastikan tarikh mula berkuat kuasanya untuk menggantikan Panduan Permohonan Ejen Cukai sebelumnya. Ini menyebabkan pematuhan terhadap panduan yang baru tidak dapat dipertentukan.	Maklum Balas BAC adalah sama seperti diperenggan 4.5.8.2.a.iv. Setiap pindaan Panduan Permohonan Ejen Cukai akan dimasukkan tarikh bagi memudahkan semakan pematuhan. Panduan Permohonan juga akan diperiksa semula bagi memastikan ketepatan butiran kandungannya.
4.5.8.2.a.ii	Salah satu set Panduan Permohonan Ejen Cukai tersebut menetapkan senarai pelanggan sekurang-kurangnya 30 kes yang dikendalikan oleh pemohon baru ejen cukai bagi tempoh 3 tahun terkini. Bagaimanapun, disebabkan Panduan Permohonan Ejen Cukai tersebut tidak mempunyai tarikh, maka semakan terhadap pematuhan kepada peraturan baru tersebut tidak dapat dilakukan kerana kesemua Panduan Permohonan Ejen Cukai yang lain juga tidak mempunyai tarikh.	
4.5.8.2.a.iii	Lampiran 1 (Pindaan) Perenggan B. 2. d. Panduan Permohonan Ejen Cukai yang dikepilkan bersama PHO 2/2006 hanya menyatakan tarikh kelulusan yang tidak bersambung sehari jika lewat memohon pembaharuan tetapi tidak menetapkan sesuatu tempoh yang membolehkan sesuatu permohonan perlu ditolak. Begitu juga mengenai permohonan pembaharuan Ejen Cukai yang perlu dibuat dalam tempoh 4 bulan sebelum tamat tempoh tetapi tidak menetapkan sesuatu tempoh yang membolehkan sesuatu permohonan perlu ditolak.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Semakan Audit mendapati, terdapat 1 kes permohonan pembaharuan di Kedah yang telah ditolak kerana pemohon telah memohon pembaharuan setahun lebih awal walaupun bayaran fi permohonan telah dibuat. Tarikh permohonan tersebut ialah pada 20 Februari 2013 dan tarikh permohonan ditolak ialah pada 21 Februari 2013. Manakala tarikh akhir kelulusan ejen cukai pemohon ialah pada 14 Februari 2014.	
4.5.8.2.a.iv	Lampiran 1 (Pindaan) Perenggan B. 2. d. Panduan Permohonan Ejen Cukai yang dikepilkan bersama PHO 2/2006 hanya menjelaskan tentang kelewatan memohon pembaharuan yang menyebabkan tarikh kelulusan tidak bersambung sehari. Namun ia tidak menjelaskan tentang kesan daripada tempoh sehari yang tidak bersambung itu terhadap peranannya sebagai ejen cukai pada hari tersebut dan tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil oleh pihak berkuasa. Pada pendapat Audit, sistem dan prosedur yang jelas dan kemas kini dapat memudahkan dan melancarkan semua urusan yang berkaitan dengan permohonan kelulusan ejen cukai. Maklum Balas BAC Pada 22 September 2014 pada 18 September 2014: *Setiap pindaan Panduan Permohonan Ejen Cukai akan dimasukkan tarikh bagi memudahkan semakan pematuhannya. Di samping itu, isi kandungannya akan disemak semula bagi memastikan ketepatan butiran yang terkandung di dalamnya.*	
4.5.9.1	**Pelaksanaan Pemantauan Dan Penguatkuasaan - Pemantauan Terhadap Ejen Cukai Yang Tidak Sah** Subseksyen 153(1) ACP 1967 menetapkan hanya ejen cukai yang diluluskan sahaja layak bertindak bagi pihak mana-mana orang untuk apa-apa tujuan di bawah Akta. Manakala Perenggan 120(1)(d) pula memperjelaskan tentang tindakan yang boleh diambil terhadap ejen cukai tanpa kelulusan iaitu boleh didenda RM200-RM2,000, atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Di samping itu, PHO 2/2006 perenggan 3.1.2 h(2) menghendaki LHDNM mengemas kini senarai ejen cukai setelah menerima salinan kelulusan daripada BAC. Senarai ejen cukai yang kemas kini lebih sesuai untuk dipaparkan di laman sesawang LHDNM. Semakan Audit terhadap senarai ejen cukai LHDNM mendapati walaupun	<u>Maklum Balas BAC</u> Kelemahan sistem SMPC sedia ada yang tidak dapat "*link*" dengan laman web LHDN untuk mengemaskini senarai Ejen Cukai akan diperbaiki dalam penambahbaikan sistem. Selain itu, semakan lanjut akan diadakan dengan pihak LHDNM dan BUU MOF dalam menentukan tindakan yang boleh dikenakan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	terdapat sejumlah 1,088 orang ejen cukai telah tamat tempoh sehingga Jun 2013, namun tidak dapat ditentukan sama ada mereka masih menjalankan peranan sebagai ejen cukai yang tidak sah mengikut undang-undang disebabkan tiada pengesahan tentang kes penguatkuasaan yang dilaksanakan sepanjang tempoh berkenaan. Semakan Audit selanjutnya terhadap senarai ejen cukai yang dipaparkan di laman sesawang LHDNM mendapati terdapat seramai 190 orang ejen cukai yang tamat tempoh/tidak dikemas kini tarikh kuat kuasanya dipaparkan di laman sesawang. Di samping itu, pertanyaan Audit bertarikh 28 Februari 2014 mengenai usaha pemantauan dan penguatkuasaan yang dijalankan oleh LHDNM terhadap ejen cukai yang telah tamat tempoh/tidak mendapat kelulusan tetapi menjalankan tugas sebagai ejen cukai, tidak dijawab dengan jelas. Begitu juga mengenai mekanisme/bentuk pemantauan dan penguatkuasaan yang dilakukan dan usaha bersepadu yang dilakukan bersama dengan cawangan/bahagian lain. LHDNM dalam surat bertarikh 6 Mac 2014 hanya menerangkan tentang proses permohonan ejen cukai yang dilaksanakan oleh LHDNM dan peranan LHDNM untuk merujukkan masalah ejen cukai tamat tempoh/tidak mendapat kelulusan tetapi menjalankan peranan sebagai ejen cukai kepada pihak BAC. Selanjutnya, pertanyaan Audit kepada LHDNM pada 2 Mac 2014 untuk mendapatkan maklumat tentang ejen cukai tamat tempoh/tidak mendapat kelulusan yang menjalankan tugas sebagai ejen cukai yang telah dirujukkan kepada BAC, tidak mendapat maklum balas. Begitu juga mengenai pertanyaan Audit kepada BAC pada 1 April 2014 untuk mendapatkan pengesahan tentang senarai dan statistik ejen cukai yang telah tamat tempoh/tidak mendapat kelulusan tetapi menjalankan tugas sebagai ejen cukai yang telah dirujuk oleh LHDNM kepada BAC juga tidak mendapat maklum balas. Di samping itu, perbincangan pihak Audit dengan pihak BAC dan LHDNM pada 25 April 2014 mendapati kedua-dua pihak LHDNM dan BAC tidak menjelaskan tentang pelaksanaan pemantauan dan penguatkuasaan yang dijalankan. Maklum Balas LHDNM Pada 20 September 2014 *Laman sesawang LHDNM memaparkan Carian Ejen Cukai yang mengandungi maklumat Nama, Alamat, Nombor Telefon, Nombor Kelulusan dan Tempoh Sah. Tujuan maklumat ejen cukai seramai 1,088 orang yang telah tamat tempoh dikekalkan dalam laman sesawang LHDNM adalah untuk membolehkan rujukan*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dilakukan oleh pembayar cukai, pegawai audit/penaksiran di cawangan dan ejen cukai itu sendiri. Untuk urusan ejen cukai dengan LHDNM, cawangan akan memohon pengesahan bahawa ejen cukai tersebut mempunyai dokumen pengesahan lantikan sebagai wakil Penaksir akan menyemak di dalam laman sesawang LHDNM tempoh sah ejen cukai dan memohon dokumen pengesahan lantikan sebagai wakil. *Tujuan maklumat ejen cukai seramai 190 orang yang telah tamat tempoh dikekalkan dalam laman sesawang LHDNM adalah untuk membolehkan rujukan dilakukan oleh pembayar cukai, pegawai audit/penaksiran di cawangan dan ejen cukai itu sendiri. Pengemaskinian secara manual terhadap ejen cukai yang telah tamat tempoh hanya dibuat apabila permohonan pembaharuan diluluskan oleh BAC, Kementerian Kewangan.* *Bahagian Pemantauan Siasatan, Jabatan Siasatan LHDNM melaksanakan kerja-kerja siasatan atas kes-kes siasatan cukai pendapatan. Manakala kes-kes siasatan jenayah Subseksyen 153(1) ACP 1967 akan diambil tindakan apabila menerima aduan/maklumat daripada orang awam/pegawai audit beserta bukti yang kukuh. Di peringkat BPP sekiranya terdapat keraguan atau aduan semakan dibuat melalui Kertas Kerja Ejen Cukai di Case Management System (CMS) untuk mendapatkan penilaian penaksir terhadap pemohon yang mengendalikan kes tersebut. Di cawangan, pegawai akan memohon Surat Lantikan sebagai wakil pembayar cukai. Maklumat ejen cukai di laman sesawang LHDNM akan dirujuk untuk pengesahan tempoh sah.* *Memo Peringatan Kepada Pegawai : Tatacara Berurusan Dan Melayani Pembayar Cukai Dan Ejen Cukai telah dikeluarkan kepada PPN dan cawangan pada 19 Mei 2014. Memo ini memerlukan pegawai menentusahkan ejen cukai yang mewakili pembayar cukai mestilah ejen cukai yang mempunyai kelulusan di bawah Subseksyen 153(3) ACP 1967 yang masih dalam tempoh kelulusan.* *BPP juga dalam proses menyediakan surat makluman kepada agensi-agensi yang berkaitan seperti CTIM, MIA, MATA, MICPA dan lain-lain tentang tatacara berurusan ejen cukai dengan LHDNM.* Maklum Balas BAC Pada 22 September 2014: *Peruntukan Seksyen 120 (1)(d) dilihat memberi kuasa kepada pihak LHDNM untuk mengambil tindakan terhadap ejen cukai yang tidak mendapat kelulusan tetapi menjalankan tugas sebagai ejen cukai. Bagaimanapun, tindakan undang-*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	undang terhadap ejen cukai tamat tempoh perlu disemak semula dengan pegawai undang-undang sama ada tertakluk juga di bawah Seksyen yang sama.	
4.5.9.2	**Ejen Cukai Tidak Memohon Pembaharuan Dalam tempoh Yang Ditetapkan** Panduan Bagi Permohonan Ejen Cukai (Subseksyen 153(3) ACP 1967) menetapkan permohonan pembaharuan sebagai Ejen Cukai dikemukakan dalam tempoh 4 bulan sebelum tamat kelulusan yang diberikan iaitu selama 36 bulan. Semakan Audit mendapati seramai 104 orang ejen cukai tidak memohon pembaharuan dalam tempoh masa yang ditetapkan bagi memastikan hanya ejen cukai yang sah melaksanakan tugas seperti kehendak Subseksyen 153(1) ACP 1967.	
	Maklum Balas LHDNM Pada 30 September 2014 *Penentuan awal untuk memproses permohonan pembaharuan adalah bergantung kepada Bahagian Analisa Cukai (BAC), Kementerian Kewangan Malaysia yang akan menyalurkannya kepada Bahagian Pengurusan Pelanggan (BPP), Jabatan Operasi Cukai (JOC) untuk mengambil tindakan lanjut memproses sokongan permohonan.* *Oleh itu, terpulang kepada justifikasi BAC, Kementerian Kewangan untuk menerima permohonan yang dikemukakan walaupun ia bukan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Pengemukaan permohonan pembaharuan adalah tanggungjawab pemohon sendiri.*	Maklum balas LHDNM sama seperti di perenggan 4.5.9.2. Permohonan pembaharuan ejen cukai adalah tanggungjawab ejen cukai sendiri.
	Maklum Balas BAC Pada 22 September 2014: *Permohonan pembaharuan ejen cukai adalah tanggungjawab ejen cukai itu sendiri. Bagaimanapun, BAC akan mengambil inisiatif bersama-sama LHDNM untuk mengatasi kelemahan proses dan menjalankan pemantauan terhadap ejen cukai tamat tempoh.* Pada pendapat Audit, kelemahan-kelemahan tersebut boleh menjejaskan imej serta memberikan persepsi negatif di kalangan ejen cukai terhadap kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Secara tidak langsung, kelemahan-kelemahan tersebut boleh memberi kesan terhadap kualiti perkhidmatan yang akan diterima oleh pelanggan-pelanggan ejen cukai. Ini	Maklum Balas BAC adalah sama seperti diperenggan 4.5.9.2. Permohonan pembaharuan ejen cukai adalah tanggungjawab ejen cukai itu sendiri. Bagaimanapun, BAC akan mengambil inisiatif bersama-sama LHDNM untuk mengatasi kelemahan proses dan menjalankan pemantauan terhadap ejen cukai tamat tempoh.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	berdasarkan semakan Audit yang mendapati taksiran tambahan dan penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP 1967 berjumlah RM49.0 juta telah dikenakan oleh LHDNM kepada pembayar cukai yang menggunakan khidmat ejen cukai melibatkan 966 kes seperti jadual berikut:-	

Jadual 4.28
Notis Taksiran Tambahan Kerana Penyata Tidak Betul
Dan Dikenakan Penalti Subseksyen 113(2) Acp 1967
Dibangkitkan Kepada Pembayar Cukai

BIL	PERKARA	TAHUN			JUMLAH
		2011	2012	2013	
1.	Jumlah kes(Tahun Taksiran)	368	332	266	966
2.	Jumlah Taksiran Tambahan + Penalti (RM Juta)	38.6	4.0	6.4	49.0

Sumber: Case Management System (CMS), Sistem Taksir Sendiri Bukan Syarikat (STSNC) dan Sistem Taksir Sendiri Syarikat (STSC)

Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 30 September 2014.

Pada pandangan LHDNM, pemantauan dan penguatkuasaan merupakan salah satu elemen yang penting bagi memastikan pengurusan ejen cukai berjalan dengan teratur. Walau bagaimanapun terdapat elemen utama lain yang boleh mempengaruhi pendapatan kurang lapor seperti berikut:-

a) Ejen cukai hanya menjalankan fungsi kerjanya berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pembayar cukai. Tidak semua maklumat yang "genuine" dilaporkan kepada ejen cukai dan terdapat transaksi yang langsung tidak direkodkan dalam sistem perakaunan yang mempengaruhi penemuan peninggalan pendapatan oleh Pegawai Audit LHDNM.

b) Faktor perbezaan interpretasi di antara ejen cukai dan pegawai audit LHDNM juga mempengaruhi kepada jumlah kes notis taksiran tambahan dan penalti subseksyen 113(2). Ini dapat dibuktikan terdapat banyak kes yang dikendalikan oleh Jabatan Resolusi Pertikaian dan kes di bicarakan di Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Di negara-negara maju kadar Jurang Cukai adalah 15%. Isu terkurang lapor adalah salah satu unsur dalam Jurang Cukai. Di negara berkenaan pembayar cukai perniagaan 90% diwakili oleh ejen cukai, masih wujud juga kes-kes terkurang lapor.	
4.5.10.a	**Tahap Kepuasan Terhadap Pengurusan Permohonan Kelulusan Ejen Cukai** Bagi menilai tahap kepuasan ejen cukai terhadap pengurusan permohonan kelulusan ejen cukai, soal selidik telah diedarkan kepada ejen cukai yang dipilih sebagai sampel. Berdasarkan 127 borang soal-selidik yang telah dikembalikan, keputusan maklum balas yang diterima daripada ejen cukai adalah seperti berikut:- 86% atau 110 orang responden berpuas hati dengan tahap pengurusan permohonan ejen cukai yang dilaksanakan oleh BAC, manakala 80% atau 102 orang responden berpuas hati dengan tahap pengurusan permohonan ejen cukai oleh LHDNM.	
4.5.10.b	94.5% atau 120 responden mengakui penggunaan Sistem Maklumat pengurusan Cukai (SMPC) telah mempercepatkan proses kelulusan. Bagaimanapun, 71% atau 91 responden menghendaki agar maklumat kelulusan ejen cukai di SMPC dapat diintegrasikan dengan maklumat ejen cukai yang dipaparkan di laman sesawang LHDNM supaya maklumat tempoh kelulusan mereka sebagai ejen cukai sentiasa kemas kini.	
4.5.10.c	77% atau 98 orang responden menghendaki agar maklumat tempoh kelulusan ejen cukai di laman sesawang LHDNM perlu sentiasa kemas kini bagi menunjukkan imej yang baik terhadap pelanggan dan tidak menjejaskan peluang mereka untuk mendapatkan pelanggan.	Paparan nama ejen cukai yang tamat tempoh dikekalkan dalam laman sesawang atas tujuan rujukan pembayar cukai, pegawai audit dan ejen cukai itu sendiri.
4.5.10.d	55% atau 71 responden mengetahui tentang kewujudan ejen cukai tidak sah dalam pasaran. Bagaimanapun, 70% atau 90 orang responden tidak mengetahui tentang tindakan penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak berkuasa terhadap ejen cukai tersebut. Pada pendapat Audit, medium yang sesuai boleh disediakan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan ejen cukai dan melaksanakan langkah penambahbaikan terhadap pengurusan permohonan ejen cukai.	Kementerian Kewangan akan mengkaji sistem sedia ada untuk ditambah baik supaya Senarai Ejen Cukai dikemas kini secara sistem di dalam pangkalan data LHDNM.

KEMENTERIAN KEWANGAN

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Perenggan 5 : Pengurusan Kawalan Ejen Kastam

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.5.2.1.a	**Kawalan Terhadap Ejen Kastam - Proses Kelulusan Pembaharuan Lesen Ejen Kastam - Permohonan Pembaharuan Lesen Ejen Kastam** PTK Bil. 45 pada asalnya menetapkan permohonan untuk membaharui lesen ejen kastam hendaklah dikemukakan dalam tempoh 2 bulan sebelum luput lesen dan permohonan yang dihantar lewat dari 2 bulan hendaklah dikompaun sekurang-kurangnya RM500. Namun begitu, JKDM telah mengeluarkan surat arahan rujukan KE.HE (44)001/01-3(A) Klt.4(31) bertarikh 1 Oktober 2009 yang memberi kemudahan kelulusan pembaharuan lesen serta-merta untuk permohonan pembaharuan lesen ejen di mana ejen kastam hanya perlu mengemukakan permohonan pembaharuan sebelum tarikh luput lesen dan tidak lagi 2 bulan sebelum tarikh luputnya. Bagaimanapun bagi tujuan kawalan, UKE hendaklah melakukan pemeriksaan dengan seberapa segera atau selewat-lewatnya dalam 2 bulan selepas kelulusan pembaharuan diberikan. Lesen hendaklah dibatalkan sekiranya didapati maklumat-maklumat yang diberikan adalah tidak betul. Semakan Audit terhadap UKE di 5 negeri yang dilawati mendapati:- i. Kemudahan kelulusan pembaharuan lesen serta-merta untuk permohonan pembaharuan lesen ejen kastam hanya dilaksanakan oleh JKDM Negeri Selangor sahaja. Pihak Audit dimaklumkan bahawa kemudahan kelulusan serta-merta tidak diamalkan oleh UKE di JKDM Negeri Johor, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak kerana surat arahan rujukan KE.HE (44)001/01-3(A) Klt.4(31) bertarikh 1 Oktober 2009 tidak diterima oleh UKE berkenaan. ii. Walaupun UKE Negeri Selangor mengamalkan kemudahan kelulusan pembaharuan lesen serta-merta, pemeriksaan segera atau selewat-lewatnya dalam tempoh 2 bulan selepas pembaharuan lesen diluluskan tidak dilaksanakan.	Maklum balas adalah sama seperti diperenggan 5.5.2.1.a

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	iii. Walaupun kemudahan kelulusan serta-merta telah diberi mulai tahun 2009, UKE Negeri Johor telah mengambil tindakan untuk mengenakan kompaun terhadap ejen kastam yang lewat menghantar permohonan pembaharuan kelulusan (kurang 2 bulan sebelum luput lesen). Pada tahun 2013, UKE Negeri Johor telah mengenakan kompaun berjumlah RM22,000 ke atas 30 ejen kastam kerana melanggar syarat-syarat kebenaran ejen (lewat memohon pembaharuan lesen ejen). Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 29 September 2014 *JKDM telah mengeluarkan Perintah Tetap Kastam Bil. 45 yang baru bertarikh 1 Julai 2014 rujukan KE.HE(-)669/05(11). Kelulusan boleh diberikan pada hari yang sama sekiranya Pengarah Kastam Negeri (PKN) berpuas hati tiada berlaku perubahan maklumat seperti komposisi pegangan saham, pengarah, kakitangan pengurusan dan kakitangan pembantu sebagaimana pengakuan yang dibuat dalam lampiran berkenaan dengan memastikan syarat ekuiti dan penyertaan bumiputera dipatuhi seperti yang ditetapkan dan tiada tunggakan duti/cukai kepada Jabatan. PTK ini telah dimuat turun dalam laman web Kastam dan boleh dilayari oleh semua pegawai jabatan yang mempunyai katalaluan.*	
5.5.2.1.b.i	**Syarat Kelulusan Lesen Ejen Kastam** Semakan terhadap 400 fail ejen penghantaran/perkapalan mendapati:- **Tidak Mematuhi Syarat Penyertaan Bumiputera Sekurang-kurangnya 51%** • PTK Bil. 45 menetapkan syarikat ejen penghantaran mestilah mempunyai penyertaan bumiputera sekurang-kurangnya 51% dari komposisi modal saham, pengarah, kakitangan pengurusan dan pembantu. Bagaimanapun, syarat ini tidak terpakai bagi ejen perkapalan [Berdasarkan Surat Arahan daripada Ibu Pejabat JKDM Ruj. KE.HE(44) 001/01-3(A)Klt.4 (45)]. Manakala bagi syarikat yang bertindak sebagai ejen penghantaran dan ejen perkapalan, syarat penyertaan bumiputera sekurang-kurangnya 51% hendaklah dipatuhi. Syarikat yang mempunyai kakitangan terdiri dari pegawai-pegawai dagang (ekspatriat), jumlah penyertaan mereka tidak diambil kira dalam pengiraan untuk menentukan komposisi 51% bumiputera. Bagaimanapun, dasar ekuiti ini tidak terpakai kepada syarikat/ejen yang memenuhi syarat-syarat berikut:	Maklum balas adalah sama seperti diperenggan 5.5.2.1.b.i

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	• syarikat/ejen yang bertaraf pemilik tunggal (sole proprietorship) atau perkongsian (partnership) yang telah diluluskan oleh JKDM sebagai ejen penghantaran/perkapalan di bawah Seksyen 90 Akta Kastam sebelum tahun 1976 [sebelum tahun 1977 bagi Negeri Sarawak]; dan • syarikat dimiliki sepenuhnya oleh warganegara Malaysia (100%). • Didapati 21 syarikat/ejen penghantaran (8.5% daripada syarikat yang disemak) tidak mempunyai penyertaan bumiputera sekurang-kurangnya 51% dari komposisi modal saham, pengarah, kakitangan pengurusan dan pembantu. Kesemua syarikat/ejen penghantaran tersebut bukan bertaraf pemilik tunggal atau perkongsian yang telah diluluskan oleh kastam sebagai ejen penghantaran/perkapalan sebelum tahun 1976 atau sebelum tahun 1977 bagi Negeri Sarawak. Bilangan syarikat/ejen penghantaran yang tidak mempunyai penyertaan bumiputera sekurang-kurangnya 51%. • Selain itu, didapati tiada pengenalan pada Fail Induk ejen kastam yang boleh membezakan di antara syarikat yang terikat dengan syarat tersebut dan syarikat yang mendapat pengecualian. Ini menyebabkan sukar untuk mendapatkan maklumat yang tepat. Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 29 September 2014 *JKDM telah mengambil tindakan terhadap syarikat/ejen penghantaran yang tidak mematuhi PTK Bil. 45 dengan memberi kelulusan bersyarat sehingga 6 bulan untuk mematuhi syarat penyertaan bumiputera sekurang-kurangnya 51%. Sekiranya gagal, tindakan akan diambil dengan menamatkan kelulusan ejen yang telah diberikan. Cadangan pihak Audit bagi melabelkan Fail Induk disambut baik dan akan dilaksanakan bagi memudahkan pengecaman fail syarikat yang tidak tertakluk dengan syarat 51% penyertaan bumiputera.*	
5.5.2.1.b.ii	**Kursus Ejen Kastam/Perkapalan** • Seksyen 90(1) Akta Kastam 1967 mensyaratkan mana-mana orang yang ingin bertindak sebagai ejen hendaklah menghadiri kursus berkaitan kastam dan lulus peperiksaan sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Kastam.	Maklum balas adalah sama seperti diperenggan 5.5.2.1.b.ii

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	• Surat arahan rujukan KE.HE (44)001/01-3(A) Klt.5(22) bertarikh 15 November 2010 pula menetapkan agar pembaharuan lesen ejen penghantaran hendaklah mematuhi syarat mempunyai sekurang-kurangnya 2 orang pekerja yang telah menghadiri dan lulus Kursus Ejen Kastam (KEK). Manakala semua ejen perkapalan dikehendaki mempunyai sijil Kursus Ejen Perkapalan (KEP) mulai bulan Jun 2011 sebelum lesen diperbaharui. • Daripada fail 246 syarikat penghantaran yang disemak, adalah didapati syarat sekurang-kurangnya 2 pekerja menghadiri dan lulus KEK telah dipatuhi sebelum pembaharuan lesen diluluskan. Manakala, sebanyak 111 (72.1%) daripada 154 syarikat/ejen perkapalan yang disemak tidak menghantar pegawai mereka untuk menghadiri Kursus Ejen Perkapalan (KEP) yang ditetapkan oleh JKDM. Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 29 September 2014 *Ibu Pejabat JKDM melalui surat rujukan KE.HE(44)001-01-3(A)KLT.9(41) bertarikh 18 April 2014 telah mengecualikan kakitangan sesebuah syarikat Ejen Perkapalan yang telah memiliki sijil Kursus Ejen Kastam (KEK) dari menghadiri Kursus Ejen Perkapalan (KEP).*	
5.5.2.2.c	**Pengurusan Risiko Bagi Ejen Kastam** Semakan Audit terhadap 246 fail ejen penghantaran dan 154 fail ejen perkapalan mendapati:- i. tempoh kelulusan lesen yang diberi kepada semua syarikat/ejen kastam adalah antara 1 tahun atau 2 tahun kerana ejen kastam tidak dikategorikan sama ada Kategori A atau B; ii. tiada ejen kastam pernah dipilih oleh Panel Pelantikan Ejen peringkat negeri untuk memperoleh Sijil Perkhidmatan Emas; dan iii. pembaharuan lesen ejen kastam telah diluluskan oleh Pengarah Kastam Negeri (PKN) yang berkaitan kecuali bagi JKDM negeri Sarawak di mana Timbalan Pengarah Kastam Negeri, Bahagian Perkastaman Dan Cukai Dalam Negeri meluluskan permohonan pembaharuan lesen bagi Stesen Kastam Kuching dan Ketua Stesen Kastam berkaitan meluluskan permohonan pembaharuan lesen bagi Stesen Kastam Sibu, Bintulu dan	Maklum balas adalah sama seperti diperenggan 5.5.2.2.c

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Miri. Bagaimanapun pada 25 Mac 2014, PKN Sarawak telah mengeluarkan surat penurunan kuasa kepada Timbalan Pengarah Kastam Negeri dan semua Ketua Stesen Kastam yang terlibat untuk meluluskan pembaharuan lesen ejen kastam. Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 29 September 2014 *Perintah Tetap Kastam Bil. 45 yang baru berkuatkuasa 1 Julai 2014 tidak lagi menyatakan keperluan mengadakan dua kategori A dan B ke atas ejen kastam serta pemberian anugerah Sijil Perkhidmatan Emas kepada ejen kastam. Selain itu, tempoh kelulusan pembaharuan telah dilanjutkan kepada 5 tahun ke atas syarikat yang mempunyai tahap pematuhan yang tinggi. PTK tersebut juga menyatakan penurunan kuasa dari Ketua Pengarah Kastam sebagaimana dalam Akta Kastam 1967 hanya diperturunkan kepada Pengarah Kastam Negeri sahaja.*	
5.5.2.3.a	**Memantau Prestasi Ejen Kastam - Pemantauan Terhadap Ejen Kastam Yang Tidak Aktif** i. PTK Bil. 45 menjelaskan bahawa jika terdapat mana-mana ejen yang tidak lagi berfungsi bagi tempoh satu tahun, PKN hendaklah memberi notis secara bertulis dan seterusnya membatalkan kelulusan/lesen tersebut. ii. Adalah didapati sebanyak 17 syarikat/ejen kastam di Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah tidak beroperasi melebihi tempoh satu tahun dan tidak diberi notis secara bertulis serta seterusnya dibatalkan kelulusan/lesen ejen. Antara lainnya, terdapat 3 ejen kastam di Negeri Sarawak yang tidak aktif untuk tempoh melebihi 10 tahun, iaitu tempoh lesen telah luput pada tahun 2003. Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 29 September 2014 *i. JKDM Pulau Pinang telah membatalkan lesen ejen perkapalan bagi syarikat Prima Dual-Freight Logistics (M) Sdn. Bhd. Manakala lesen ejen penghantaran bagi syarikat Layar Mewah Logistics Sdn. Bhd. telah digantung sementara pada 18 April 2014. Syarikat telah membuat permohonan untuk pembaharuan lesen dan tempoh kelulusan terkini adalah dari 7 Mei 2014 hingga 31 Disember 2016.*	JKDM telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan notis tunjuk sebab kepada syarikat ejen yang tidak aktif melebihi tempoh satu tahun dan seterusnya membatalkan kelulusan tersebut. Arahan ini telah dimasukkan ke dalam PTK 45 yang baru dan mesti dilaksanakan oleh semua Pengarah Kastam Negeri.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	ii. JKDM Sarawak memaklumkan bahawa lesen ejen bagi 8 syarikat telah dibatalkan pada bulan Mac dan April 2014 manakala baki 2 syarikat lagi masih dalam proses pembatalan. *iii. JKDM Sabah memaklumkan lesen ejen bagi 3 syarikat telah dibatalkan pada 28 Ogos 2014. Manakala lesen ejen bagi syarikat Demi Pasifik Sdn. Bhd. masih dalam tindakan pembaharuan dan syarikat Raya Emas Sdn. Bhd. telah memperbaharui lesen ejen dengan tempoh sah lesen adalah dari 5 Ogos 2014 hingga 4 Ogos 2016.*	
5.5.2.3.b	**Pemantauan Terhadap Salah Laku Ejen Kastam** i. Ejen kastam adalah bertanggungjawab untuk membantu JKDM memudahkan urusan pelepasan kastam dan mereka dikehendaki memainkan peranan dengan jujur dan berkesan serta tidak berkelakuan secara tidak bertanggungjawab mendorong pelanggan-pelanggan mengelak cukai dan sebagainya. Bagi tujuan tersebut PTK Bil. 45 menjelaskan tanggungjawab UKE memantau ejen antaranya seperti dari aspek berikut:- • menyimpan dan mengemas kini rekod ejen-ejen yang diluluskan oleh Pengarah Kastam Negeri; • menyedia dan mengemukakan laporan kepada Urusetia Panel Disiplin Ejen mengenai kesalahan-kesalahan dan pelanggaran undang-undang oleh ejen-ejen setiap 3 bulan sekali; dan • menyediakan *database* salah laku ejen kastam. ii. Di bawah seksyen 90(4) Akta Kastam 1967, seorang pegawai kanan kastam boleh menggantung atau membatalkan lesen ejen kastam, jika ejen itu melakukan apa-apa pelanggaran terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya. Selaras dengan peruntukan itu, PTK Bil. 45 menetapkan tatacara tindakan terhadap salah laku ejen. Antaranya termasuklah diberi amaran atau celaan; dirampas pas; dibatalkan pas; disenaraihitamkan; dipendekkan tempoh lesen; diturunkan kategori ejen; atau dibatalkan lesen. iii. Selain itu ejen kastam boleh dikenakan kompaun sekiranya melakukan kesalahan atau pelanggaran undang-undang/peraturan di bawah Seksyen 131 Akta Kastam 1967.	Maklum balas adalah sama seperti diperenggan 5.5.2.3.b

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	iv. Semakan Audit terhadap prestasi pemantauan terhadap salah laku ejen kastam mendapati:- • Semua UKE yang dilawati telah menyimpan dan mengemas kini rekod ejen-ejen kastam. • UKE Negeri Selangor, Pulau Pinang, Johor dan Sarawak telah menyediakan *database* salah laku ejen kastam. Manakala UKE Negeri Sabah pula tidak menyimpan *database* salah laku ejen kastam kerana tiada kompaun untuk salah laku dikenakan terhadap ejen. JKDM Sabah hanya akan mengenakan kompaun ke atas pengimport sekiranya mereka terlibat secara langsung/tidak langsung dalam kegiatan penyelewengan, penyeludupan, frod atau melakukan apa-apa pelanggaran terhadap Akta Kastam 1967. • Walaupun *database* salah laku ejen disediakan oleh UKE Negeri Selangor, Pulau Pinang, Johor dan Sarawak namun keempat-empat UKE tidak menyedia dan mengemukakan laporan mengenai salah laku ejen kepada Panel Disiplin Ejen setiap 3 bulan sekali untuk tempoh tahun 2011 hingga 2013. • Analisis Audit terhadap *database* salah laku ejen kastam menunjukkan sebanyak 677 (39.8%) daripada 1,702 ejen kastam di Negeri Selangor, Pulau Pinang, Sarawak (Stesen Kastam Kuching sahaja) dan Johor telah dikenakan kompaun berjumlah RM2.22 juta untuk tempoh tahun 2011 hingga 2013. Daripada jumlah kompaun yang dikenakan itu, sejumlah RM2.11 juta (95%) adalah hasil tindakan JKDM Selangor. Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 29 September 2014 *JKDM mengakui UKE tidak mematuhi arahan untuk mengemukakan laporan mengenai kesalahan-kesalahan dan pelanggaran undang-undang oleh ejen kastam setiap 3 bulan sekali kepada Urusetia Panel Disiplin Ejen, Ibu Pejabat dan akan mengemukakan laporan tersebut sebagaimana yang dikehendaki.* • Analisis selanjutnya mendapati sebanyak 25 ejen kastam telah disyaki melakukan kesalahan dan telah dikompaun sekurang-kurangnya 41 kali	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	untuk tempoh 3 tahun (2011 hingga 2013). Malahan, terdapat 3 ejen kastam yang masing-masingnya dikompaun sebanyak 241, 307 dan 468 kali untuk tempoh 3 tahun tersebut. • Semakan Audit mendapati 3 ejen kastam yang kerap dikompaun tersebut oleh JKDM Negeri Selangor untuk tempoh tahun 2011 hingga 2013 adalah atas pelanggaran Seksyen 133 Akta Kastam 1967 (salah ikrar) atau Seksyen 138 Akta Kastam 1967 (lain-lain kesalahan seperti lewat mengemukakan permit/AP, pinda nombor enjin kereta dan batal borang). Bagaimanapun, JKDM tidak mengambil tindakan seperti mengeluarkan surat tunjuk sebab supaya tindakan disiplin boleh diambil terhadap ejen yang terlibat. Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 29 September 2014 *JKDM telah mengeluarkan surat tunjuk sebab bertarikh 7 Ogos 2014 kepada ketiga-tiga syarikat yang terlibat bagi menjelaskan mengapakah kelulusan ejen mereka tidak boleh dibatalkan dan kelulusan akan dibatalkan sekiranya jawapan tidak diberi atau tidak dipertimbangkan oleh panel ejen negeri.* Pada pendapat Audit, pelaksanaan kawalan ejen kastam adalah kurang efektif kerana proses pembaharuan lesen ejen tidak diamalkan sepertimana yang ditetapkan dan tiada tindakan terhadap ejen kastam yang tidak aktif atau telah berulang kali melakukan kesalahan/pelanggaran akta/peraturan. Walau bagaimanapun JKDM telah mengambil tindakan selepas teguran audit.	

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Perenggan 6 : Program Subsidi Benih Padi Sah

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr>
<td>6.5.1.1.a</td>
<td>

Pencapaian Pengeluaran Benih Padi Sah - Pengeluaran Benih Padi Sah Varieti Inbred Tidak Konsisten Dan Tidak Mencapai Sasaran

Syarat kontrak antara MOA dan pengeluar menetapkan syarikat hendaklah membekalkan benih padi sah kepada pesawah mengikut kuantiti dan kualiti yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap syarikat pengeluar yang dilantik melalui kontrak mendapati pencapaian pengeluaran benih padi sah varieti inbred adalah tidak konsisten iaitu 80.98% pada tahun 2011, 113.14% pada tahun 2012 dan 86% pada tahun 2013.

Salah satu penyebab kepada pengeluaran benih padi sah varieti inbred yang tidak konsisten ini adalah disebabkan syarikat pengeluar tidak menepati kuota pengeluaran yang ditetapkan. Analisis Audit mendapati bagi tahun 2011 sebanyak 8 daripada 9 pengeluar tidak mencapai sasaran kuota iaitu hanya 16.26% hingga 94.92% dan cuma satu syarikat pengeluar yang melebihi kuota pengeluaran yang ditetapkan iaitu 118.18%. Bagi tahun 2012 pula, 6 daripada 9 pengeluar tidak mencapai sasaran kuota pengeluaran iaitu antara 33.12% hingga 88.63% dan 3 syarikat pengeluar yang melebihi kuota pengeluaran antara 112.04% hingga 187.94%. Manakala, pada tahun 2013 pula 8 daripada 12 pengeluar tidak mencapai sasaran kuota iaitu peratus pencapaian pengeluaran adalah di antara 3.26% hingga 96.81% dan 4 syarikat pengeluar yang melebihi kuota pengeluaran iaitu 100.91% hingga 112.17%. Bagi ketiga-tiga tahun tersebut secara keseluruhannya, bilangan ketidakcapaian sasaran kuota adalah melebihi daripada bilangan pencapaian pengeluaran dengan nisbah 22:8.

Semakan Audit selanjutnya mendapati kegagalan pencapaian pengeluaran benih padi sah oleh pengeluar yang dilantik boleh memberi kesan terhadap ketidakseimbangan harga (fluctuating price) benih padi sah, kuantiti pembekalan benih padi sah yang tidak mencukupi bagi sesetengah kawasan yang mengakibatkan pesawah terpaksa membeli benih padi daripada sumber lain. Sebagai contoh, berdasarkan rekod MOA keperluan benih padi sah di

</td>
<td>

Setiap syarikat telah diperuntukkan kuota pengeluaran bagi tujuan pembekalan benih padi sah dan peratus pencapaian benih padi sah bagi tahun 2011 iaitu 80.98%. Ini merupakan pengeluaran benih padi sah bagi sembilan (9) buah syarikat yang dilantik. Namun begitu, pada tahun tersebut juga terdapat enam (6) buah syarikat yang tidak dilantik tetapi telah membuat pengeluaran benih padi sah yang menjadikan pencapaian keseluruhan pada tahun 2011 adalah sebanyak 107.50%. Pada tahun 2012, pencapaian keseluruhan telah melebihi sasaran yang ditetapkan, iaitu sebanyak 113.14%. manakala pencapaian pengeluaran benih padi sah untuk tahun 2013 pula adalah 86%. Ini adalah disebabkan oleh ladang benih padi telah diserang oleh penyakit *Bacterial Leaf Blight* (BLB) yang serius iaitu di negeri Selangor, Kedah, Pulau Pinang dan Perak.

Selain itu, Kementerian turut berpandangan bahawa kekurangan bekalan benih padi sah pada sesuatu musim tidak menjejaskan pengeluaran padi negara pada keseluruhannya. Jadual di bawah menunjukkan bahawa pengeluaran padi menunjukkan peningkatan dari tahun 2011, 2012 dan 2013.

Jadual Pengeluaran Padi tahun 2011, 2012 dan 2013

<table>
<tr><th rowspan="2">Tahun</th><th colspan="3">Pengeluaran (‘000 tan)</th></tr>
<tr><th>Musim Utama</th><th>Luar Musim</th><th>Semua Musim</th></tr>
<tr><td>2011</td><td>1,413.9</td><td>1,164.5</td><td>2,578.4</td></tr>
<tr><td>2012</td><td>1,456.6</td><td>1,142.8</td><td>2,599.4</td></tr>
<tr><td>2013</td><td>1,440.8</td><td>1,175</td><td>2,615.8</td></tr>
<tr><td colspan="3">Jumlah</td><td>7,793.60</td></tr>
</table>

</td>
</tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Terengganu adalah sebanyak 2,760 mt/tahun. Bagaimanapun, hanya kuota sebanyak 2,000 mt/tahun ditawarkan kepada satu pengeluar sahaja iaitu Paddytech Resources Sdn. Bhd. Tambahan pula, syarikat pengeluar ini hanya mencapai pengeluaran benih padi sah sebanyak 3.26% pada tahun 2013. Kegagalan pencapaian kuota pengeluaran benih padi sah ini mengakibatkan sesetengah pesawah di Negeri Terengganu terpaksa membeli benih sah dengan harga yang lebih tinggi daripada Negeri Selangor melalui ejen pengedaran benih padi sah. Akibat pengeluaran benih padi sah yang kurang dari sasaran dan tidak konsisten boleh menjejaskan *outcome* seperti berikut:- i. Pesawah tidak dapat menerima bekalan benih padi sah mengikut tempoh masa yang terbaik untuk ditanam pada sesuatu musim penanaman. Kekurangan bekalan benih padi sah seterusnya boleh:- • menjejaskan pengeluaran padi bagi sesuatu musim tertentu; dan • menyebabkan pesawah menanggung kos pembelian benih padi dengan harga yang lebih tinggi. Mengikut rekod MOA, pada bulan Oktober 2011 pesawah terutamanya di Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Terengganu dan Perak telah menghadapi masalah kekurangan bekalan benih padi sah yang menyebabkan mereka terpaksa membeli benih padi dengan harga yang lebih tinggi bagi musim penanaman ke-2 pada tahun 2011. ii. Kekurangan/tidak konsisten dalam kuantiti pengeluaran beras sebagai produk terakhir dari benih padi. Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 19 September 2014 *Setiap syarikat telah diperuntukkan kuota pengeluaran bagi tujuan pembekalan benih padi sah. Terdapat beberapa syarikat yang tidak dapat memenuhi sasaran kuota yang ditetapkan disebabkan oleh kegagalan mendapatkan peserta ladang benih serta peratus penolakan ladang dan ujian kualiti benih di makmal yang tinggi.* *Penetapan kuota kepada sesebuah syarikat pengeluar adalah bergantung kepada kemampuan pengeluaran syarikat. Bagaimanapun, setiap syarikat tidak ditetapkan untuk mengeluar dan mengedarkan benih padi sah mengikut*	Antara tindakan yang telah diambil pihak Kementerian adalah dengan mengeluarkan Notis Kemungkiran kepada syarikat pengeluar yang tidak mencapai sasaran kuota yang ditetapkan. Pada tahun 2014, sebanyak tiga (3) buah syarikat telah diberi Notis Kemungkiran iaitu Dataran Pusaka Sdn. Bhd., Syarikat Padi Pukal Parit 7 (Sekinchan) Sdn. Bhd. dan Paddytech Resources Sdn. Bhd. kerana menunjukkan prestasi pengeluaran kurang daripada 30% pada tahun 2013. Prestasi pengeluaran syarikat masing-masing adalah 29.2%, 22.6% dan 3.3%.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	keperluan benih di sesuatu negeri. *Berdasarkan kelulusan tender yang ditawarkan kepada Paddytech Resources Sdn. Bhd, kuota yang ditetapkan ialah 2,000 mt/tahun. Manakala pembekalan benih padi sah bagi negeri Terengganu sebanyak 2,760 mt/tahun tidak dihadkan kepada syarikat Paddytech Resources Sdn. Bhd. sahaja. Pembekalan benih padi sah di negeri Terengganu juga boleh dibekalkan oleh mana-mana syarikat pengeluar yang lain.* *Setiap syarikat telah diperuntukkan kuota pengeluaran bagi tujuan pembekalan benih padi sah. Pada tahun 2012, pencapaian keseluruhan telah melebihi sasaran yang ditetapkan, iaitu sebanyak 113.14%. Pencapaian pengeluaran Benih Padi Sah bagi tahun 2011 adalah sebanyak 107.50% dengan mengambil kira jumlah pengeluaran yang dibuat oleh 15 buah syarikat manakala pencapaian pengeluaran benih padi sah untuk tahun 2013 pula adalah 86%. Ini adalah disebabkan oleh ladang benih padi telah diserang oleh penyakit Bacterial Leaf Blight (BLB) yang serius iaitu di negeri Selangor, Kedah, Pulau Pinang dan Perak.* *MOA telah mengeluarkan Notis Kemungkiran kepada syarikat pengeluar yang tidak mencapai sasaran kuota yang ditetapkan. Pada tahun 2014, sebanyak tiga (3) buah syarikat telah diberi Notis Kemungkiran iaitu Dataran Pusaka Sdn. Bhd., Syarikat Padi Pukal Parit 7 (Sekinchan) Sdn. Bhd. dan Paddytech Resources Sdn. Bhd. kerana menunjukkan prestasi pengeluaran kurang daripada 30% pada tahun 2013. Prestasi pengeluaran syarikat masing-masing adalah 29.2%, 22.6% dan 3.3%.* Pada pendapat Audit, kekurangan/tidak konsisten dalam pengeluaran benih padi sah akhirnya boleh menjejaskan output padi tempatan sama ada dalam musim tertentu atau secara keseluruhannya pada tahun tertentu. Masalah ini boleh berlanjutan jika tiada tindakan menyeluruh dan kolektif diambil pada setiap musim penanaman.	
6.5.1.1.b	**Pengeluaran Benih Padi Sah Varieti Hibrid Hanya Mencapai Kuota 5.14% Bagi Tahun 2012** Berdasarkan Dasar Agromakanan Negara 2011-2020 di bawah strategi peningkatan produktiviti dan kualiti padi dan beras, salah satu usaha yang perlu diambil adalah dengan memperkenalkan varieti padi baru iaitu varieti hibrid. RB Biotech Sdn. Bhd. mula memperkenalkan varieti padi hibrid pada Disember 2006 di Rompin, Pahang. Hasil penyelidikan oleh MARDI dan *International Rice*	Kementerian bersetuju dengan pandangan pihak Jabatan Audit Negara bahawa pembangunan Benih Padi Hibrid juga perlu dipergiat agar setanding dengan pengeluaran benih padi inbred dalam usaha untuk membantu meningkatkan pengeluaran benih padi sah negara dan memastikan pengeluaran benih padi adalah berterusan dan terjamin. Namun begitu, Kementerian dengan sokongan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Research Institute (IRRI) mendapati secara keseluruhan varieti hibrid Siraj berupaya memberi hasil 20% lebih tinggi berbanding dengan padi varieti inbred seperti MR 219. Padi hibrid Siraj juga mampu menghasilkan beras yang berkualiti, potensi hasil dan memiliki tahap kerintangan terhadap penyakit yang lebih tinggi/baik berbanding padi *inbred* (seperti MR 219 dan MR 232). Selain itu, varieti padi hibrid Siraj berupaya memberi pulangan beras 67% berbanding 65% padi inbred. Sejumlah RM3 juta diperuntukkan setiap tahun mulai tahun 2011 hingga 2013 untuk pengeluaran benih padi sah varieti hibrid. Mengikut perjanjian kontrak yang ditandatangani pada 26 April 2012, MOA menyasarkan pengeluaran benih padi sah varieti hibrid sebanyak 200 mt/tahun pada tahun 2011 dan 2012 dan memberi kadar insentif sejumlah RM15 sekilogram kepada RB Biotech Sdn. Bhd. Adalah didapati sasaran bagi kedua-dua tahun tidak tercapai di mana tiada pengeluaran benih padi sah varieti hibrid pada tahun 2011 dan syarikat hanya berjaya mengeluarkan 10.28 mt (5.14%) pada tahun 2012. Bagi tahun 2013 pula, tiada kontrak yang dimeterai di antara MOA dengan syraikat RB Biotech Sdn. Bhd. Berdasarkan surat RB Biotech Sdn. Bhd. bertarikh 20 Disember 2012 kepada Bahagian IPB, penanaman benih padi sah varieti hibrid Siraj hanya mula dilaksanakan pada musim penanaman ke-2 tahun 2012 di tanah seluas 35 hektar disebabkan kelewatan menandatangani perjanjian iaitu pada 26 April 2012. Selain itu, pengeluaran hasil benih padi yang rendah berlaku disebabkan hujan lebat dalam tempoh pendebungaan. Pada pendapat Audit, oleh kerana varieti padi hibrid mempunyai kelebihan berbanding dengan varieti padi inbred, adalah wajar satu mekanisme diwujudkan untuk mempergiatkan penanaman varieti padi hibrid di Malaysia. Ia juga dapat membantu menyokong peningkatan produktiviti padi secara keseluruhannya selain meningkatkan kualiti beras tempatan. Maklum Balas MOA Yang Diterima 19 September 2014 *Kementerian telah melantik Syarikat RB Biotech Sdn. Bhd. sebagai pengeluar benih padi hibrid bagi tempoh dua (2) tahun iaitu bermula 1 Januari 2011 sehingga 31 Disember 2012. Dalam usaha untuk memantau prestasi pengeluaran benih padi sah varieti hibrid, beberapa sesi perbincangan bersama Syarikat RB Biotech telah diadakan bagi menjelaskan isu yang menjejaskan pengeluaran benih ini.* *Pihak DOA telah memaklumkan bahawa benih padi sah varieti hibrid yang*	agensi berkaitan perlu meneliti dan mengkaji mekanisme yang wajar diambil untuk mempergiatkan penanaman padi hibrid seperti varieti Siraj serta lain-lain varieti hibrid yang sedang dibangunkan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dikeluarkan oleh Syarikat RB Biotech Sdn. Bhd. telah mengalami masalah percambahan dan kelulusan di makmal adalah sebanyak 7.8 tan metrik berbanding anggaran pengeluaran benih keseluruhan berjumlah 40 tan metrik. Selain itu, pihak syarikat turut memaklumkan bahawa mereka menghadapi masalah untuk mendapatkan kawasan yang hendak ditanam selain kesukaran mendapatkan growers disebabkan kelewatan menandatangani perjanjian iaitu pada 26 April 2012. Pihak syarikat turut mengalami kesukaran mendapatkan peserta ladang benih yang berkemahiran dalam mengeluarkan benih padi sah varieti hibrid. *Kementerian turut berpandangan bahawa pembangunan Benih Padi Hibrid juga perlu dipergiat agar setanding dengan pengeluaran benih padi inbred dalam usaha untuk membantu meningkatkan pengeluaran benih padi sah negara dan memastikan pengeluaran benih padi adalah berterusan dan terjamin. Namun begitu, Kementerian dengan sokongan agensi berkaitan perlu meneliti dan mengkaji mekanisme yang wajar diambil untuk mempergiatkan penanaman padi hibrid seperti varieti Siraj serta lain-lain varieti hibrid yang sedang dibangunkan.*	
6.5.1.1.c.ii	**Pengeluaran Hasil Padi Masih Rendah Berbanding Negara Lain** Pelbagai inisiatif dan bantuan telah dilaksanakan/diberikan sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada pesawah atau agensi yang berkaitan. Bagaimanapun, analisis Audit mendapati purata pengeluaran hasil padi di Malaysia adalah masih rendah berbanding dengan negara pengeluar utama padi yang lain. Antara sebab tidak konsisten dan kurang pengeluaran hasil padi walaupun Malaysia menggunakan benih padi sah sebagai asas penanaman padi adalah:- • kemusnahan tanah sawah yang tidak diratakan; • tidak mengamalkan kaedah penanaman padi yang baik seperti kaedah *transplanting* dengan menggunakan jentera *transplanter* atau mencedung (manual transplanting); • serangan serangga, tikus, burung, siput, penyakit dan rumpai (termasuk padi angin); • cuaca buruk (banjir dan kemarau); dan	Penggunaan Benih Padi Sah yang berkualiti sememangnya membantu dalam meningkatkan hasil pengeluaran padi negara. Pengeluaran hasil padi di Malaysia adalah sebanyak 2,615,845 tan metrik untuk tahun 2013 berbanding 2,599,527 tan metrik pada tahun 2012 iaitu peningkatan sebanyak 0.6%. Pihak Kementerian turut bersetuju dengan pandangan pihak audit bahawa Amalan Pertanian Baik (GAP) juga dapat membantu memastikan keberkesanan pengurusan penanaman padi yang akhirnya dapat meningkatkan pengeluaran hasil padi yang berkualiti. Selain itu, pengeluaran hasil padi di Malaysia adalah sebanyak 2,615,845 tan metrik untuk tahun 2013 berbanding 2,599,382 tan metrik pada tahun 2012 iaitu peningkatan sebanyak 0.6%. Purata hasil padi di Malaysia adalah sekitar 3.8 mt/ha dan purata di kawasan jelapang pula boleh mencecah sehingga 6 mt/ha. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh *Food and Agriculture Organization* (FAO) tahun 2012, purata hasil padi bagi negara jiran seperti Thailand ialah sebanyak 3 mt/ha, Indonesia sebanyak 5.14mt/ha dan Vietnam adalah sebanyak 5.63mt/ha. Ini bermakna pengeluaran hasil padi di Malaysia bukanlah di tahap yang rendah tetapi setanding dengan negara-negara jiran yang lain. Pihak Kementerian dan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) telah mengambil inisiatif untuk memperluaskan pelaksanaan/ pembudayaan konsep Amalan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	• ladang padi tidak diusahakan dengan sempurna atau digunakan untuk tujuan lain. Faktor-faktor tersebut telah menyumbang kepada ketidakseimbangan dalam produktiviti pengeluaran padi. Pada pendapat Audit, penggunaan benih padi sah yang berkualiti sepatutnya membantu meningkatkan pengeluaran hasil padi dengan menerapkan kaedah penanaman dan penyenggaraan yang dinyatakan dalam Amalan Pertanian Baik. Segala langkah perlu diusahakan sama ada oleh Kerajaan/agensi atau pesawah dalam memastikan keberkesanan pengurusan penanaman padi dan akhirnya dapat meningkatkan pengeluaran hasil padi yang berkualiti. DOA perlu mengambil langkah kesinambungan secara berterusan bermula dari aktiviti huluan (benih padi) sehingga ke aktiviti hiliran (padi/beras). Dengan itu, keberkesanan program benih padi sah akan dapat dicapai dengan lebih sempurna. Pengurusan dan penggunaan ladang padi secara berkesan juga dapat meningkatkan produktiviti hasil padi dan seterusnya menjamin pencapaian dasar keselamatan makanan negara (food security). Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 24 Julai 2014 *Pengeluaran hasil padi di Malaysia adalah sebanyak 2,615,845 tan metrik pada tahun 2013 berbanding 2,599,527 tan metrik pada tahun 2012 iaitu peningkatan sebanyak 0.6%. Purata hasil padi di Malaysia adalah sekitar 4 mt/ha dan purata di kawasan jelapang pula boleh mencecah sehingga 6 hingga 7 mt/ha. Purata hasil padi bagi negara jiran seperti Thailand ialah sebanyak 7.0mt/ha, Indonesia sebanyak 5.15mt/ha dan Vietnam adalah sebanyak 5.63mt/ha. Ini bermakna pengeluaran hasil padi di Malaysia bukanlah di tahap yang rendah tetapi setanding dengan negara-negara jiran yang lain.* *Pihak Kementerian dan Jabatan telah berusaha mengambil langkah yang perlu untuk meningkatkan pengeluaran hasil padi di Malaysia. Antaranya ialah dengan meningkatkan pengeluaran dan produktiviti di kawasan jelapang; melaksanakan penanaman padi berskala besar melalui pengurusan secara berpusat di bawah EPP 10 & 11 serta membangunkan kawasan tanah sawah terbiar melalui program di bawah NKEA (EPP 9); menggalakkan penggunaan teknologi moden dalam penanaman padi seperti transplanter dan sebagainya; menggalakkan*	Pertanian Baik (GAP) dalam kalangan petani. Antaranya ialah melalui penghasilan poster Amalan Pertanian Baik (GAP) selain perancangan untuk menyediakan Kapsul Amalan Pertanian Baik bagi tujuan hebahan di media. Poster Amalan Pertanian Baik telah berjaya dihasilkan oleh pihak Jabatan Pertanian Malaysia manakala kapsul Amalan Pertanian Baik (GAP) pula dijangka akan dihasilkan pada awal tahun 2015.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	penggunaan varieti padi baru seperti MR 269 dan padi aerob di kawasan tadahan hujan; dan mengamalkan Amalan Pertanian Baik (GAP).	
6.5.1.2.a	**Pencapaian Prestasi Kewangan Program - Perbelanjaan Subsidi Benih Padi Sah** Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2013, MOA membelanjakan sejumlah RM458.39 juta (93.04%) daripada peruntukan yang telah dikemas kini berjumlah RM492.64 juta untuk program subsidi benih padi sah. Semakan Audit mendapati, peruntukan pada tahun 2009, 2010, 2012 dan 2013 telah dikemas kini dengan pengurangan/penambahan sejajar dengan jumlah perbelanjaan bagi menunjukkan perbelanjaan 100% telah dicapai. Bagaimanapun, prestasi perbelanjaan bagi tahun-tahun lain adalah memuaskan kecuali pada tahun 2007 yang merupakan tahun permulaan program subsidi benih padi sah prestasi perbelanjaan hanya 9.8%. Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 24 Julai 2014 *Peruntukan sejumlah RM85 juta setahun untuk program insentif Benih Padi Sah ini telah mengambil kira jumlah keseluruhan pembayaran yang akan dilakukan ke atas syarikat pembekal yang telah dilantik untuk membekal benih padi sah kepada pesawah. Wakil Cawangan Kewangan MOA memaklumkan bahawa sebelum sesuatu akaun kewangan berakhir untuk tahun berkenaan, viremen akan dilakukan sekiranya masih terdapat baki peruntukan subsidi benih padi sah dan seterusnya akan disalurkan kepada program subsidi/insentif yang lain.*	Peruntukan sejumlah RM85 juta setahun untuk program insentif Benih Padi Sah ini telah mengambil kira jumlah keseluruhan pembayaran yang akan dilakukan ke atas syarikat pembekal yang telah dilantik untuk membekal benih padi sah kepada pesawah. Wakil Cawangan Kewangan MOA memaklumkan bahawa sebelum sesuatu akaun kewangan berakhir untuk tahun berkenaan, viremen akan dilakukan sekiranya masih terdapat baki peruntukan subsidi benih padi sah dan seterusnya akan disalurkan kepada program subsidi/insentif yang lain.
6.5.1.2.b	**Peruntukan Subsidi Benih Padi Sah Untuk Negeri Sabah/Sarawak Tidak Digunakan** Mengikut Perangkaan Padi Malaysia 2011, keluasan bertanam padi di Negeri Sabah adalah 36,621 hektar bagi padi sawah dan 6,710 hektar bagi padi huma. Manakala keluasan tanah sawah di Negeri Sarawak seluas 62,821 hektar dan tanah padi huma seluas 64,202 hektar. Semakan Audit mendapati program subsidi benih padi sah tidak diperluaskan ke Negeri Sabah dan Sarawak walaupun sejumlah RM4.64 juta dan RM2.47 juta setiap tahun ada diperuntukkan untuk Negeri Sabah dan Sarawak bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 tetapi tidak dibelanjakan bagi tujuan tersebut. Di Negeri Sabah, terdapat 3 loji pemprosesan benih padi iaitu di Daerah Kota	*Testing & Commisioning* (T&C) bagi mesin pengeluaran dan pemprosesan benih padi di SPPC telah dilaksanakan pada 15 Julai 2014 yang lalu manakala T&C bagi komponen elektrikal yang lain dijangka selesai pada 30 September 2014 ini. Kini, pihak Majlis Daerah Sri Aman sedang dalam tindakan untuk mengeluarkan *Occupational Permit* (OP) bagi projek di atas, Pihak MOA akan melaksanakan perolehan secara tender terhad bagi melantik operator untuk menguruskan loji pemprosesan dan pengeluaran benih padi sah di Sarawak bagi tahun 2015. Program Benih Padi Sah di Sarawak akan dilaksanakan pada tahun 2015. Pihak

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Belud, Papar dan Tenom dengan kapasiti 2,000 mt, 1,000 mt dan 1,500 mt setahun. Di samping itu, sejak tahun 1980 varieti benih padi tempatan MR 159, TQR2, IR29109 dan PSBRC-8 berjaya dikeluarkan dan telah diiktiraf sebagai benih padi sah. Bagaimanapun, pengeluar benih padi sah ini tidak diberi subsidi. Manakala bagi Negeri Sarawak, projek pembinaan Pusat Pengeluaran dan Pemprosesan Benih Padi (SPPC) di Stumbin, Bahagian Sri Aman, Sarawak dengan kapasiti pengeluaran 1,000 mt setahun belum disiapkan. Maklum Balas MOA Yang Diterima 19 September 2014 *Pengeluaran benih padi di negeri Sabah dilaksanakan oleh DOA Sabah sendiri. Justeru itu, ianya tidak termasuk atau melibatkan sebarang pembayaran insentif oleh MOA, berikutan hanya pengusaha swasta sahaja yang layak menerima insentif tersebut.* *Buat masa ini, pelaksanaan program benih padi sah hanya dilaksanakan di Semenanjung dan masih belum diperluaskan di negeri Sabah dan Sarawak. Namun begitu, perancangan untuk memperluaskan pelaksanaan projek di Sarawak telah mula dilaksanakan menerusi projek SPPC yang telah disiapkan sepenuhnya secara fizikal oleh kontraktor pada 15 April 2014.* *Testing & Commisioning (T&C) bagi mesin pengeluaran dan pemprosesan benih padi di SPPC telah dilaksanakan pada 15 Julai 2014 manakala T&C bagi komponen elektrik yang lain dijangka selesai pada 30 September 2014. Kini, pihak Majlis Daerah Sri Aman sedang dalam tindakan untuk mengeluarkan Occupational Permit (OP) bagi projek di atas, Pihak MOA akan melaksanakan perolehan secara tender terhad bagi melantik operator untuk menguruskan loji pemprosesan dan pengeluaran benih padi sah di Sarawak bagi tahun 2015.* *Pihak MOA juga akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah (MAFI) untuk memperluaskan program Benih Padi Sah di Sabah.* Pada pendapat Audit, sesuatu peruntukan kewangan yang ditetapkan dalam belanjawan adalah asas kepada keberkesanan sistem penyampaian Kerajaan. Pencapaian *output* berdasarkan peruntukan yang diluluskan memberi jaminan kepada pencapaian objektif program yang lebih komprehensif dan berkesan. Perluasan program ini di Sabah dan Sarawak seperti mana yang dinyatakan dalam maklum balas MOA perlu dipantau keberkesanannya secara berterusan.	MOA juga akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah (MAFI) untuk memperluaskan program Benih Padi Sah di Sabah.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.5.3.1.a.i	**Pembayaran Subsidi - Pembayaran Subsidi (Insentif) Tidak Menepati Syarat Perjanjian** Berdasarkan perjanjian antara Kerajaan dengan Pengeluar Benih Padi Sah, takrif "Bayaran Insentif" bermaksud bayaran oleh Kerajaan kepada pengeluar Benih Padi Sah sejumlah RM1.03 bagi setiap kilogram benih padi sah. Klausa 5 berkaitan pembayaran pula, menjelaskan pembayaran insentif akan dibuat oleh Kerajaan kepada pengeluar setelah benih padi sah dijual kepada ejen yang dilantik oleh pengeluar atau kepada pengusaha sawah padi (pesawah) berdasarkan 2 dokumen iaitu resit jualan tunai/invois jualan kredit dan Surat Akuan Pengesahan Benih Padi (SAP-10) oleh DOA. Bahagian IPB adalah bertanggungjawab bagi mengesahkan tuntutan insentif oleh pengeluar manakala Bahagian Kewangan MOA pula bertanggungjawab untuk memperaku dan meluluskan bayaran insentif. Semakan Audit mendapati perkara berikut:- **i. *Improper Payment* Berjumlah RM410,558** • **Bayaran Insentif Melebihi Had Amaun Berasaskan Jualan** Semakan Audit terhadap baucar bayaran bagi tahun 2011 hingga 2013 mendapati, pengeluar telah menuntut bayaran insentif (SAP-10) melebihi dari kuantiti jualan (resit/invois) berjumlah RM92,803. Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 24 Julai 2014 *Berdasarkan tatacara pembayaran, dokumen yang diperlukan untuk tujuan pembayaran insentif adalah resit jualan atau invois dan Surat Akuan Pengesahan Benih Padi (SAP 10). Jumlah tuntutan yang dikemukakan oleh pihak syarikat hendaklah tidak melebihi atau sama dengan jumlah kelulusan benih yang terdapat dalam SAP 10. Pegawai yang bertanggungjawab di IPB perlu membuat semakan invois yang dihantar oleh pihak syarikat dan memastikan kesahihan tuntutan. Kementerian telah dapat mengesan beberapa dokumen sokongan yang melibatkan beberapa syarikat dan dalam tindakan untuk menyemak semula invois-invois yang terlibat di peringkat Kementerian bagi memastikan pembayaran yang dibuat adalah betul.*	Pada sesi *Exit Conference* bertarikh 24 Julai 2014, pihak Kementerian telah mengemukakan beberapa invois sebagai dokumen sokongan kepada pembayaran insentif bagi membuktikan kesahihan tuntutan yang telah dikesan oleh pihak Jabatan Audit Negara. Kementerian telah melaksanakan beberapa penambahbaikan bagi memastikan perkara ini tidak berulang lagi pada masa hadapan. Antara langkah penambahbaikan yang dilakukan adalah seperti berikut:- (a) menyediakan *Standard Operating Procedure* (SOP) tuntutan insentif benih padi sah; (b) menyediakan senarai semak untuk invois dan SAP 10 bagi memastikan benih padi tersebut dijual selepas atau pada tarikh SAP 10 dikeluarkan; (c) semakan tuntutan invois dan SAP 10 ditambahbaik kepada (2) dua peringkat iaitu di peringkat Bahagian Industri Padi dan Beras (IPB) dan Cawangan Kewangan sebelum sesuatu pembayaran dilakukan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.5.3.1.a.i	**i. *Improper Payment* Berjumlah RM410,558** • **Tuntutan Insentif Bagi Jualan Benih Padi Daftar** Berdasarkan Nota YB Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani kepada Jemaah Menteri bertarikh 1 Ogos 2006 dan 17 Disember 2010 serta kontrak antara Kerajaan dengan syarikat pengeluar, insentif akan dibayar bagi pengeluaran benih padi sah. Takrif Benih Padi Sah adalah benih yang bermutu, subur, bebas daripada padi angin, perosak dan penyakit serta dapat meningkatkan hasil. Bagaimanapun, di dalam perjanjian antara Kerajaan dengan syarikat pengeluar bagi tahun 2010 takrifan "Benih Padi Sah" adalah mutu benih terjamin; bebas daripada padi angin, perosak dan penyakit; benih yang subur; dapat meningkatkan hasil dan termasuk benih baka, benih asas dan benih berdaftar. Manakala bagi perjanjian dengan syarikat pengeluar yang dilantik pada tahun 2011 hingga 2012 takrifan "Benih Padi Sah" ertinya mutu benih terjamin, bebas daripada padi angin, perosak dan penyakit, benih yang subur dan dapat meningkatkan hasil. Dengan itu, perkataan "termasuk benih baka, benih asas dan benih berdaftar" telah dikeluarkan dalam perjanjian tahun 2011 hingga 2012 berbanding dengan perjanjian tahun 2010. Semakan Audit mendapati 2 syarikat pengeluar iaitu Pertama Padi Sdn. Bhd. dan Paddytech Resources Sdn. Bhd. telah membuat tuntutan insentif dan dibayar oleh MOA berjumlah RM317,755 bagi jualan benih padi daftar pada tahun 2011. Syarikat Pertama Padi Sdn. Bhd. tidak mendapat kontrak untuk membekalkan benih padi sah bagi tahun 2011 hingga 2012. Bagaimanapun, keputusan YB Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani bertarikh 7 November 2011 telah bersetuju:- a. pembayaran insentif benih padi sah kepada pengeluar yang tidak berjaya dilantik bagi tahun 2011 yang telah membekalkan benih padi sah pada musim pertama tahun 2011 (Januari 2011 hingga Jun 2011); b. hanya tuntutan insentif benih padi sah sahaja yang layak dituntut; dan c. prosedur tuntutan benih padi sah pengeluar tersebut adalah sama seperti prosedur tuntutan sedia ada. Pada pendapat Audit, berlaku *improper payment* berjumlah	Pembayaran dibuat berdasarkan kepada kelulusan khas mantan YB Menteri Pertanian dan Industri Tani. Pada ketika itu, pengkelasan benih padi sah masih kabur dan kurang jelas memandangkan no. lot benih yang tercatat dalam Borang SAP 10 turut mengandungi benih padi daftar selain benih padi sah walaupun tajuk utama lot benih dicatat/direkod sebagai benih padi sah. Selain itu, pembayaran insentif yang dilakukan adalah bagi tujuan pembekalan yang dilakukan untuk bulan Januari hingga Jun 2011. Memandangkan syarikat tidak dilantik pada tahun berkenaan, maka syarikat tidak terikat dengan sebarang perjanjian untuk tahun 2011 dan pembayaran adalah tertakluk kepada kelulusan khas yang diberikan. (a) Kementerian telah melaksanakan penambahbaikan ke atas takrifan benih padi sah iaitu perkataan **"termasuk benih baka, benih asas dan benih berdaftar"** telah digugurkan dalam perjanjian 2011 hingga 2012 berbanding dengan perjanjian tahun 2010. (b) Maklumat no. lot benih yang tercatat dalam SAP 10 juga telah dikelaskan secara lebih jelas dan dapat dibezakan antara benih padi sah dan benih padi daftar berbanding SAP 10 pada tahun sebelumnya.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	RM410,558 iaitu lebihan bayaran insentif berjumlah RM92,803 dan bayaran insentif untuk benih padi daftar berjumlah RM317,755. Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 14 Julai 2014 *Berdasarkan kepada takrif perjanjian yang dibuat kepada syarikat pengeluar benih padi sah bagi tujuan pembekalan benih padi sah tahun 2010, takrif "benih padi sah" ialah mutu benih terjamin, bebas daripada padi angin, perosak dan penyakit, benih yang subur dan dapat meningkatkan hasil; termasuk benih baka, benih asas, dan benih berdaftar. Justeru itu, pembayaran insentif benih padi sah ini juga turut dilaksanakan ke atas benih padi daftar. Takrif "benih padi sah" ini telah dipinda untuk perjanjian pembekalan benih padi sah tahun 2013 dan 2014 di mana terma "termasuk benih baka, benih asas dan benih berdaftar" telah digugurkan dan hanya benih padi sah sahaja yang layak diberi dan dibayar insentif.*	
6.5.3.1.a.i	**i. *Improper Payment* Berjumlah RM410,558** • **Bayaran Insentif Ke Atas Jualan Benih Padi Sah Sebelum Kelulusan SAP 10 dan SAP 10 Telah Luput Tempoh Pengesahan** Surat Akuan Pengesahan (SAP 10) adalah satu dokumen yang penting untuk mengesahkan kualiti benih padi sah. Bagi tujuan tersebut, SAP 10 hanya akan dikeluarkan setelah melalui peringkat kelulusan ujian makmal (SAP 8) dan pengesahan pemeriksaan stor dan stok (SAP 9). Selain itu, berdasarkan perkara "Pemasaran Benih Padi Sah" di bawah Prosedur SPBP DOA, pengeluar hanya dibenarkan menjual lot benih yang telah mendapat kelulusan melalui SAP 10. Semakan Audit mendapati 2 bayaran telah dibuat tanpa SAP 10 yang belum diluluskan dan telah luput tempoh. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:- i. Pembayaran insentif sejumlah RM6,859.80 telah dibayar kepada Syarikat Perniagaan Peladang (MADA) Sdn. Bhd. atas jualan benih padi sah pada 13 Mei 2013 sebelum SAP 10 dikeluarkan iaitu pada 11 Jun 2013. ii. Pembayaran dengan SAP 10 yang telah luput tempoh pengesahan antara 56 hingga 78 hari telah dibayar insentif sejumlah RM6,901 kepada Syarikat Perniagaan Peladang (MADA) Sdn. Bhd. Pada pendapat Audit, kurang penelitian dalam pengesahan tuntutan pengeluar	Pihak Kementerian telah mengemukakan beberapa dokumen sokongan sebagai justifikasi ke atas pemerhatian audit berhubung perkara ini. Dokumen tersebut telah diterima dan dipersetujui oleh pihak audit. Di bawah isu ini, jumlah nilai tuntutan yang masih dalam pemerhatian audit dapat dikurangkan seperti berikut:- i. Pembayaran ke atas Syarikat Perniagaan Peladang (MADA) daripada RM 122,528.80 kepada RM6,859.80 ke atas jualan sebelum SAP 10 dikeluarkan. Namun begitu, jumlah bagi pembayaran insentif ke atas Syarikat Perniagaan Peladang (MADA) untuk SAP 10 yang telah luput tempoh adalah masih kekal sebanyak RM6,901. Kementerian masih meneruskan semakan ke atas dokumen tuntutan berupa invois dan baucer yang terlibat dalam usaha untuk memastikan aktiviti pembayaran yang dilaksanakan adalah betul. (a) Semakan ke atas invois dan resit jualan telah dilakukan secara lebih terperinci dimana ringkasan laporan pengiraan telah dimasukkan tarikh kelulusan SAP 10 bagi memudahkan proses semakan dan mengesan SAP

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	mengakibatkan berlaku ketidakpatuhan dalam bayaran (improper payment). Dengan itu, adalah disyorkan Bahagian IPB meningkatkan tahap semakan setiap tuntutan oleh pengeluar supaya ia mematuhi segala peraturan yang ditetapkan dalam peraturan kewangan dan prosedur SPBP. Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 14 Julai 2014 *Pembayaran insentif adalah berdasarkan kepada kuantiti benih padi sah yang telah dijual kepada petani. Berdasarkan kepada dokumen perjanjian, tuntutan insentif hendaklah disertakan dengan 2 dokumen iaitu Surat Akuan Pengesahan Benih Padi Sah (SAP 10) dan invois/resit jualan.* *Jabatan Pertanian Malaysia mengesahkan bahawa terdapat benih padi yang melepasi tempoh 3 bulan selepas SAP10 dikeluarkan tetapi masih lagi berkeadaan baik dan berkualiti untuk dijual kepada petani. Kualiti benih padi ini juga bergantung kepada penjagaan dan penyimpanan oleh pihak syarikat pembekal. Dalam keadaan ini, pembayaran yang dibuat ke atas SAP 10 yang melepasi tempoh 3 bulan adalah mengambil kira syarikat pembekal yang menjual benih padi yang masih berkualiti dan baik.* *Kementerian dalam tindakan untuk menyemak semula SAP 10 bersama Jabatan Pertanian Malaysia bagi memastikan tuntutan dan bayaran yang dibuat adalah untuk benih padi sah.*	10 yang telah tamat tempoh serta sebarang jualan benih padi sah yang dilakukan sebelum tarikh SAP 10 dikeluarkan.
6.5.3.1.a.ii	**Jualan Benih Padi Sah Kepada Anak Syarikat** Salah satu objektif program subsidi benih padi sah adalah supaya petani dapat membeli benih padi sah dengan harga yang murah dan berkualiti. Bagaimanapun, perjanjian di antara Kerajaan dan pengeluar menyatakan pengeluar boleh menjual kepada ejen yang dilantik oleh pengeluar. Ketetapan ini dalam perjanjian adalah tidak selaras dengan objektif program kerana jualan kepada ejen tidak dapat membuktikan sama ada benih padi sah telah sebenarnya dijual kepada pesawah. Perkara ini menimbulkan keraguan terutamanya apabila ejen yang dilantik merupakan anak syarikat pengeluar. Pada pendapat Audit, insentif yang dibayar kepada pengeluar atas jualan yang dibuat kepada ejen (bukannya pesawah) boleh menjejaskan objektif program terutama sekali apabila tiada bukti benih padi sah tersebut telah dibekalkan kepada pesawah serta harga sebenar yang dijual kepada pesawah.	Pihak Kementerian mengambil maklum akan teguran audit dan berusaha melaksanakan penambahbaikan dari semasa ke semasa. Pihak Kementerian melalui Seksyen Kawalselia Padi dan Beras, Bahagian Industri Padi dan Beras (IPB) dalam usaha untuk melesenkan ejen-ejen yang dilantik oleh pihak syarikat bagi membolehkan pemantauan secara lebih komprehensif dilakukan. Selain itu, pihak Kementerian juga akan memasukkan klausa jaminan bon pelaksanaan dalam perjanjian Benih Padi Sah bagi tujuan pembekalan tahun 2015-2016 bagi memantapkan lagi aspek pembekalan benih padi sah.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 14 Julai 2014 *Syarikat pembekal benih padi sah mempunyai ejen-ejen sedia ada yang dilantik oleh pihak syarikat bagi tujuan pembekalan benih padi sah tersebut. Ejen-ejen ini akan berperanan untuk membantu pihak syarikat bagi membekal dan mengedar benih padi ini kepada pesawah. Isu pelantikan kepada anak syarikat tidak timbul memandangkan pihak syarikat bebas untuk melantik sesiapa sahaja sebagai ejen di samping pihak syarikat sendiri lebih mudah untuk memantau pengedaran benih padi sah tersebut memandangkan ianya merupakan anak syarikat kepada syarikat pembekal.*	
6.5.4.1	**Kaedah Penanaman Secara Mencedung/*Transplanting* Dapat Mengurangkan Penggunaan Benih Padi Sah Dalam Lingkungan 12,714 mt/tahun Hingga 54,121 mt/tahun** Mengikut *Methods Of Planting Rice By International Rice Research Institute,* terdapat 2 kaedah penanaman padi iaitu *transplanting* dan tabur terus. Peratusan pertumbuhan benih padi sah adalah rendah jika benih ditabur secara terus yang akan menyebabkan kadar penggunaan benih padi sah yang tinggi iaitu 80 - 100 kg/ha. Manakala kaedah mencedung/*transplanting* menggunakan jentera *transplanter* akan menyebabkan kadar penggunaan benih padi sah yang rendah iaitu 25 - 65 kg/ha di samping dapat meningkatkan hasil padi. Pemeriksaan Audit fizikal yang dilakukan di 2 ladang padi di Kampung Sungai Burung, Balik Pulau, Pulau Pinang pada 28 November 2013 mendapati teknik penanaman secara tabur terus diamalkan. Semakan Audit terhadap rekod Kementerian mendapati teknik penanaman secara tabur terus juga diamalkan di ladang-ladang padi di Kedah dan Terengganu. Manakala, di Sekinchan, Selangor kebanyakan pesawah menggunakan kaedah *transplanting* dan mendapati hasil padi adalah lebih tinggi. Pada pendapat Audit, kawasan bertanam padi sawah seluas 517,586 hektar/tahun (statistik tahun 2013) di Semenanjung Malaysia meliputi 262,387 hektar di musim utama dan 255,199 hektar di luar musim, sekiranya penanaman dibuat 2 kali atau 2 musim penanaman setahun. Jika kaedah *transplanting* diamalkan, penggunaan benih padi sah adalah dalam lingkungan 25,879.30 mt/tahun (517,586 ha x 25 kg x 2 musim penanaman/ 1,000) hingga 67,286.18 mt/tahun (517,586 ha x 65 kg x 2 musim penanaman / 1,000). Bagaimanapun, MOA menetapkan pengeluaran benih padi sah adalah sebanyak 80,000 mt/tahun (80,000,000 kg). Jika kaedah *transplanting* diamalkan, Kerajaan dapat menjimatkan pembayaran insentif (program subsidi benih padi sah dengan	Kementerian berpandangan bahawa pengeluaran Benih Padi Sah di Kawasan Sekinchan adalah tinggi berikutan amalan kaedah penanaman secara *transplanting* sepertimana penemuan pihak Jabatan Audit Negara. Pihak Kementerian melalui Jabatan Pertanian Malaysia serta agensi berkaitan akan sentiasa menggalakkan penggunaan kaedah *transplanting* melalui aktiviti pengembangan dan khidmat nasihat oleh Jabatan Teknikal berkaitan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	bayaran RM1.03/kg) dalam lingkungan RM13.10 juta [RM1.03 x (80,000,000 kg - 67,286,180 kg)] hingga RM55.74 juta [RM1.03 x (80,000,000 kg - 25,879,300 kg)]. Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 14 Julai 2014 *Kuantiti penggunaan benih padi sah ini adalah berbeza mengikut kaedah penanaman dan memang tidak dinafikan bahawa penggunaan transplanter ini mampu untuk menjimatkan penggunaan benih padi sah. Berdasarkan kajian yang dilakukan Jabatan Pertanian Malaysia, kaedah tanaman secara tabur terus memerlukan purata 150kg/ha benih padi sah, manakala penggunaan transplanter pula hanya memerlukan kira-kira 70kg/ha benih padi sah. Namun begitu, penggunaan transplanter ini masih kurang digunakan kerana ianya terhad kepada beberapa faktor seperti kos yang agak tinggi serta masih kurang pembekal perkhidmatan atau "service provider" yang membekal peralatan ini kepada para petani di Malaysia berikutan harga jentera yang mahal. Di samping itu, terdapat keadaan di mana permukaan tanah yang kurang sesuai untuk menggunakan peralatan atau jentera ini seperti di kawasan tanah jerlus dan sebagainya.*	

LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2013

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

Jabatan Alam Sekitar

Perenggan 7 : Pengurusan Aktiviti Penswastaan Pengawasan Udara Dan Penguatkuasaan Punca Tetap Dan Puncak bergerak

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.5.1.1.a	**Prestasi Aktiviti - Pencapaian Output** Sehingga bulan Disember 2013, ASMA telah mengendalikan 52 stesen pengawasan kualiti udara CAQM dan 14 stesen pengawasan kualiti udara MAQM di seluruh negara. Stesen CAQM menempatkan alat-alat untuk mengukur; merekod dan menyalurkan bacaan paras 6 jenis gas pencemar ambient iaitu karbon monoksida (CO), nitrogen oksida (NO), oksida-oksida nitrogen (NOx), nitrogen dioksida (NO_2), ozon (O_3), sulfur dioksida (SO_2) dan pemejal terampai yang kecil daripada 10 mikron (PM_{10}) secara *on-line/* berterusan (24 jam) untuk diproses serta menghasilkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU). Bacaan IPU dipaparkan di laman sesawang JAS setiap jam bermula pada 26 Jun 2013. Manakala MAQM dilakukan menggunakan alat *Hi-Vol Sampler* di mana kitaran persampelan diambil setiap 6 hari. Kemudian sampel ini dihantar ke makmal untuk dianalisis menggunakan pengukuran parameter tertentu.	Jabatan Alam Sekitar sentiasa membuat semakan semula ke atas strategi pelaksanaan penguatkuasaan bagi memastikan masalah pencemaran alam sekitar dapat ditangani dengan berkesan. Semakan ke atas pencapaian aktiviti pemeriksaan adalah juga dengan mengambilkira keupayaan tenaga kerja, peralatan penguatkuasaan dan peruntukan kewangan yang terhad. Bagi maksud mempertingkatkan pencapaian pemeriksaan dan seterusnya memastikan tindakan penguatkuasaan yang tegas dan berkesan maka Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2012 [AKAS (Pindaan) 2012] telah dikuatkuasakan pada 2 Januari 2013. Bagi menyokong pelaksanaan AKAS (Pindaan) 2012 ini maka penguatkuasaan ke atas punca pencemaran dijalankan mengikut keutamaan yang ditetapkan di dalam Arahan Tetap Operasi Penguatkuasaan (ATOP, 5 Siri) di mana tumpuan diberikan kepada punca-punca yang dikategorikan sebagai bermasalah, punca baru dan punca yang telah lama tidak dilawat serta kes aduan pencemaran yang melibatkan kepentingan rakyat. Selain memperkenalkan MS ISO 9001:2008 bagi skop Projek EIA, kebenaran bertulis, perlesenan dan penguatkuasaan syarat lesen premis yang ditetapkan (PYDT) kilang kelapa sawit, kilang getah dan premis pengolahan dan pelupusan buangan terjadual dari masa ke semasa beberapa SOP, Garispanduan dan Arahan Pejabat diperkenalkan supaya pelaksanaan penguatkuasaan di semua JAS Negeri adalah konsisten, harmoni dan selaras. Kesemua taklimat dan penerangan penggunaan ATOP dan SOP (7) telah disampaikan menerusi *roadshows* ke semua pegawai di JAS Negeri pada Februari-April 2013.
7.5.1.1.b	PYDT merupakan premis yang dilesenkan di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS), 1974 di mana ia meliputi Kilang Getah Asli Mentah (KG), Kilang Kelapa Sawit Mentah (KKS) dan Premis Pengendali Buangan Terjadual (BT). Bagi negeri yang dilawati untuk tempoh tahun 2011 hingga 2013, bilangan pemeriksaan yang dijalankan oleh JAS terhadap KG adalah meliputi 3 hingga 48 lawatan. Manakala bilangan pemeriksaan yang dijalankan oleh JAS terhadap KKS adalah meliputi 15 hingga 261 lawatan. Bagi BT pula, pemeriksaan oleh JAS meliputi 70 hingga 156 lawatan.	
7.5.1.1.c	Bagi tujuan pemeriksaan, PYBDT dikategorikan kepada Industri Pembuatan dan Bukan Industri. Pada tahun 2011, jumlah bilangan PYBDT yang diperiksa di seluruh negara adalah hanya meliputi 7,809 (20%) berbanding sejumlah 39,103 keseluruhan premis. Pada tahun 2012, jumlah bilangan premis PYBDT yang diperiksa di seluruh negara adalah hanya meliputi 9,271 (25.2%) berbanding	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	sejumlah 36,795 keseluruhan premis. Manakala pada tahun 2013, jumlah bilangan premis PYBDT yang diperiksa di seluruh negara adalah hanya meliputi 9,513 (24.1%) berbanding sejumlah 39,546 keseluruhan premis. Pihak Audit dimaklumkan perkara ini adalah disebabkan oleh bilangan PYBDT yang banyak di setiap negeri itu manakala bilangan pegawai serta kenderaan penguatkuasaan yang terhad di JAS Negeri.	Jabatan juga pada 2015 bercadang akan memperluaskan MS ISO 9001:2008 kepada skop perlesenan dan penguatkuasaan syarat lesen PYDT supaya kerja-kerja penguatkuasaan lebih mantap dan berkesan. Kawalan pencemaran secara *self regulation dan self monitoring* turut dikuatkuasa dengan pengujudan peruntukan berkaitan *self regulation dan self monitoring* tersebut di dalam Peraturan-Peraturan selepas 2009 termasuk Peraturan–Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, Peraturan–Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 dan Peraturan–Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014. Antara lain pendekatan pemudahcara kepada premis ialah pelaporan *Monthly Discharge Monitoring Report* (MDMR) bagi pelepasan effluen dan *continuos emission monitoring system* (CEMS) bagi pelepasan udara serta audit pemantauan oleh *third party auditor.*
7.5.1.1.d	Penguatkuasaan ke atas pelepasan asap kenderaan bermotor dilaksanakan melalui 3 kaedah iaitu Operasi Statik; Operasi AWASI dan Operasi Visual Kamera. Secara umumnya, peratusan bilangan kenderaan diperiksa oleh JAS melalui Operasi Statik bagi negeri yang dilawati untuk tempoh tahun 2011 hingga 2013 masih rendah iaitu antara 0.1% hingga 1.2% daripada kenderaan yang didaftarkan mengikut negeri masing-masing. Pada pendapat Audit, kajian semula perlu dibuat khususnya ke atas pencapaian pemeriksaan terhadap PYBDT dan kenderaan bermotor. Mekanisme tertentu perlu ditetapkan untuk mempertingkatkan pencapaian pemeriksaan tersebut bagi memastikan pencemaran alam sekitar melalui punca tersebut dapat ditangani dengan lebih berkesan.	
7.5.1.2	**Pencapaian Kewangan** Perbelanjaan aktiviti pengawasan dan penguatkuasaan merupakan perbelanjaan mengurus JAS yang tertinggi, di mana perbelanjaan tahunannya bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 adalah antara RM92.77 juta (85.6%) hingga RM105.93 juta (86.2%) daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus. Pada tahun 2011, jumlah perbelanjaan bagi aktiviti pengawasan dan penguatkuasaan adalah meliputi RM92.77 juta (99.5%) daripada peruntukan yang diterima berjumlah RM93.23 juta. Bagaimanapun, jumlah perbelanjaan bagi aktiviti tersebut pada tahun 2012 dan 2013 adalah melebihi peruntukan diterima dengan masing-masingnya berjumlah RM99.93 juta (103.2%) dan RM105.93 juta (106.6%) daripada peruntukan diterima yang berjumlah RM96.82 juta dan RM99.36 juta. Pada pendapat Audit, perancangan peruntukan kewangan pada masa hadapan perlu dibuat dengan lebih teratur dengan mengambil kira prestasi kewangan tahun terdahulu bagi memastikan perbelanjaan dapat dibuat dengan lebih optimum.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.5.1.3.a	**Pencapaian *Outcome*** JAS telah menetapkan sasaran yang perlu dicapai bagi pemeriksaan terhadap PYDT. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, peratusan pemeriksaan yang dijalankan oleh JAS terhadap KG berdasarkan maklumat yang diperolehi dari Ibu Pejabat JAS adalah meliputi 90.4% hingga 200.0% daripada sasaran yang ditetapkan bagi negeri yang dilawati. Manakala peratusan pemeriksaan yang dijalankan oleh JAS terhadap KKS adalah meliputi 92.7% hingga 237.5% bagi negeri yang dilawati. Bagi BT pula, pemeriksaan oleh JAS meliputi 76.3% hingga 210.9% daripada sasaran yang ditetapkan.	Bagi menggambarkan sasaran kerja penguatkuasaan yang lebih relevan dan signifikan maka di antara pendekatan yang telah diambil termasuklah (i) menyemak semula norma kerja dengan perbandingan pasukan pemeriksaan iaitu menetapkan sekurang-kurangnya 16 pemeriksaan atau program per bulan dan per pasukan; (ii) memperkenal dan mengharmonikan diskripsi tugasan baru kepada berbagai peringkat atau gred pegawai; (iii) penyusunan semula struktur organisasi Pejabat JAS Negeri supaya tugasan lebih fokas atau *micromanage* selain memastikan setiap sumber dioptimumkan dan lebih banyak punca pencemar dapat diperiksa pematuhannya; dan (iv) mengkaji dan menyemak semula keseluruhan Perundangan AKAS 1974 menerusi minilab yang telah diadakan pada 26-28 Mei 2014.
7.5.1.3.b	KPI/Sasaran bagi pemeriksaan terhadap PYBDT ditetapkan dalam Program Penguatkuasaan Tahunan Punca Tetap yang disediakan oleh semua JAS Negeri pada awal tahun dengan mengambil kira keutamaan dan penentuan kekerapan pemeriksaan. Secara umumnya, peratusan bilangan premis PYBDT yang diperiksa oleh JAS bagi negeri yang dilawati untuk tempoh tahun 2011 hingga 2013 adalah antara 57.8% hingga 139.3% berbanding KPI/sasaran yang ditetapkan.	
7.5.1.3.c	Pemeriksaan sebenar ke atas pelepasan asap kenderaan bermotor melalui Operasi Statik bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 adalah antara 70.8% hingga 129.2% berbanding KPI/sasaran yang ditetapkan. Pada pendapat Audit, pada umumnya pencapaian sebenar aktiviti penguatkuasaan terhadap PYDT, PYBDT dan kenderaan bermotor mencapai sasaran ditetapkan. Namun penetapan KPI/sasaran pemeriksaan pada masa akan datang perlu dikaji semula dengan mengambil kira KPI/sasaran yang lebih releven dan signifikan berbanding bilangan premis dan kenderaan berdaftar sedia ada. Maklum Balas Jabatan Alam Sekitar Yang Diterima Pada 4 Julai 2014 *Bagi mempertingkatkan pencapaian pemeriksaan dan seterusnya memastikan tindakan penguatkuasaan yang tegas dan berkesan maka Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2012 [AKAS (Pindaan) 2012] telah dikuatkuasakan pada 2 Januari 2013. Selanjutnya penguatkuasaan ke atas punca pencemaran turut dijalankan mengikut keutamaan yang ditetapkan di dalam Arahan Tetap Operasi Penguatkuasaan (ATOP) di mana tumpuan diberikan kepada punca-punca yang dikategorikan sebagai bermasalah, punca baru dan punca yang telah lama tidak dilawat.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.5.2.1.a.i	**Perjanjian Konsesi Tidak Menjaga Kepentingan Kerajaan - Keselamatan Data - *Confidential Data* (Artikel 8.3)** Perjanjian Konsesi tidak menetapkan secara khusus mengenai aspek keselamatan data pengawasan udara dan air yang menjaga kepentingan pihak Kerajaan terutamanya apabila melibatkan keadaan berikut:- Mengikut ulasan JPN, penetapan status *confidentiality* bukan hak eksklusif Kerajaan walaupun Kerajaan yang membiayai sepenuhnya program ini. Maklum Balas Jabatan Alam Sekitar Yang Diterima Pada 11 September 2014 *Klausa 8.3 telah dipinda dalam draf semakan kedua Perjanjian Konsesi yang sedang dalam tindakan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri (JPM) kepada "Unless otherwise determined by the Government, all Environment Data collected by ASMA shall be designated as confidential by the Government".*	Klausa 8.3 telah dipinda dalam draf Semakan Kedua Perjanjian Konsesi yang diuruskan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri (JPM).
7.5.2.1.a.ii	***Proprietary Rights* (Artikel 13.32)** Berdasarkan Artikel tersebut, ASMA adalah pemilik tunggal terhadap semua kemudahan; peralatan; proses; prosedur; tatacara analisis dan harta intelek yang dibangunkan ketika pelaksanaan Perjanjian Konsesi ini, sungguhpun asas program ini dilaksanakan adalah dengan arahan dan ketetapan Kerajaan serta dibiayai sepenuhnya oleh pihak Kerajaan. Pihak JPN berpendapat klausa melindungi kepentingan Kerajaan dalam Konsesi perlu dimasukkan seperti data mentah, data proses, harta intelek serta lain-lain hak milik Kerajaan dalam pelaksanaan Perjanjian Konsesi ini. Maklum Balas Jabatan Alam Sekitar Yang Diterima Pada 13 Ogos Dan 11 September 2014 *Antara langkah kawalan bagi melindungi kepentingan Kerajaan adalah dengan mewujudkan mekanisma pemantauan melalui prosedur QAQC data dan prosedur Audit Stesen oleh JAS. Bagaimanapun pemantauan rapi berdasarkan prosedur tersebut terhadap semua 52 stesen CAQM dan 14 stesen MAQM tidak dapat dicapai sepenuhnya kerana JAS menghadapi kekangan sumber tenaga kerja dan kewangan. Perkara berkaitan Propriety Rights juga telah diambil kira dalam draf semakan kedua Perjanjian Konsesi yang sedang dalam tindakan*	Perkara berkaitan *Propriety Rights* juga telah diambil kira dalam draf Semakan Kedua Perjanjian Konsesi yang diuruskan oleh UKAS, JPM.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	UKAS, JPM.	
7.5.2.1.b	***Subcontracts* (Artikel 13.5)** Artikel 13.5 menetapkan ASMA *'may enter into Agreements with other persons, both Malaysian and foreign, for the carrying out of its obligations under this Agreement.'* Ini bermaksud ASMA dibenarkan/mempunyai hak sepenuhnya untuk mengadakan sub-kontrak dengan pihak lain bagi pelaksanaan tanggungjawabnya sebagaimana yang ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi. Maklum Balas Jabatan Alam Sekitar Yang Diterima Pada 4 Julai 2014 *Klausa ini akan dipinda dalam Semakan Kedua yang sedang dalam tindakan UKAS, JPM di mana ASMA dikehendaki mendapat kebenaran Kerajaan terlebih dahulu sebelum melantik mana-mana sub-kontraktor bagi tujuan program ini.*	Perkara berkaitan *Subcontracts* juga telah diambil kira dalam draf Semakan Kedua Perjanjian Konsesi yang diuruskan oleh UKAS, JPM.
7.5.2.1.c	**Integriti Dan Ketelusan (Artikel 13.21)** Artikel 13.21 menghendaki ASMA dan Kerajaan merahsiakan butiran perjanjian; data; rekod dan laporan yang dijanakan daripada pengetahuan pihak luar. Artikel ini lebih menguntungkan ASMA kerana terdapat implikasi unsur perlindungan kepada ASMA daripada diteliti oleh pihak ketiga dari aspek prosedur; mekanisme; penggunaan aplikasi data; kos; harga serta kecekapannya. Artikel ini masih dikekalkan dalam Perjanjian Tambahan Pertama dan dalam Draf Semakan Semula Kedua oleh JAS. Maklum Balas Jabatan Alam Sekitar Yang Diterima Pada 11 September 2014 *Artikel ini memberi perlindungan kerahsiaan bagi kepentingan kedua-dua pihak iaitu Kerajaan dan ASMA. Kerajaan dan ASMA adalah telus dalam memastikan mekanisma yang bertepatan dengan keperluan dilaksanakan. JAS mengawalselia pelaksanaan konsesi melalui pengauditan stesen dan pemantauan data yang dikemukakan ASMA. Perkara tersebut akan diambil kira dalam draf terkini semakan kedua Perjanjian Konsesi yang sedang dalam tindakan UKAS, JPM.*	Perkara berkaitan Integriti dan Ketelusan juga telah diambil kira dalam draf Semakan Kedua Perjanjian Konsesi yang diuruskan oleh UKAS, JPM.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.5.2.1.d	**Perhubungan Antara Parti (Relationship Of Parties) (Artikel 13.31)** Artikel 13.31 menetapkan '*ASMA is an independent contractor with respect to this Agreement and the work performed thereunder and while the Government maintains those rights set out in this Agreement to instruct and direct ASMA in the performance of this Agreement, ASMA shall have the complete control, supervision and direction of the method and manner of performing its obligations under this Agreement'.* Artikel tersebut membawa maksud operasi ASMA adalah bebas dari campur tangan Kerajaan dalam melaksanakan obligasinya di bawah Perjanjian ini. Maklum Balas Jabatan Alam Sekitar Yang Diterima Pada 13 Ogos dan 11 September 2014 *Program pengawasan ini dikawal selia melalui mesyuarat antara JAS dan ASMA secara berkala. Perkara tersebut telah diambil kira dalam draf terkini semakan kedua Perjanjian Konsesi yang sedang dalam tindakan UKAS, JPM.*	Perkara berkaitan Perhubungan Antara Parti juga telah diambil kira dalam draf Semakan Kedua Perjanjian Konsesi yang diuruskan oleh UKAS, JPM.
7.5.2.1.e.i	***Performance Penalty* Untuk Penyerahan Laporan Bulanan CAQM (Artikel 5.8)** Klausa mengenai *performance penalty* tidak diambil kira dalam Perjanjian Konsesi Asal dan Perjanjian Tambahan Pertama (Semakan Semula Pertama) jika ASMA gagal menyerahkan Laporan Bulanan bagi CAQM (stesen automatik). Ia hanya diambil kira dalam Semakan Semula Kedua Perjanjian Konsesi. Ini berbeza dengan klausa berhubung *performance penalty* bagi MAQM di mana ia telah dipinda dalam Perjanjian Tambahan Pertama (Semakan Semula Pertama). Berdasarkan Artikel 5.6A dan 5.7A dalam draf Semakan Semula Kedua Perjanjian Konsesi, *soft copy* Laporan Bulanan bagi CAQM hendaklah dikemukakan oleh ASMA kepada Kerajaan (JAS) tidak lewat daripada hari ke-14 pada bulan berikutnya dan salinan *hard copy* maklumat tersebut pula hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada akhir setiap bulan yang berikutnya. Sekiranya terdapat kelewatan, berdasarkan Artikel 12.4, yuran yang perlu dibayar kepada ASMA akan tertakluk kepada kadar penalti.	Perkara berkaitan *Performance Penalty* Untuk Penyerahan Laporan Bulanan CAQM juga telah diambil kira dalam draf Semakan Kedua Perjanjian Konsesi yang diuruskan oleh UKAS, JPM.
7.5.2.1.e.ii	Secara umumnya, didapati ASMA lewat mengemukakan laporan terlibat pada setiap bulan. Berdasarkan kos bulanan untuk bayaran penyediaan Laporan Bulanan pada kadar RM41,666.67, jumlah penalti yang sepatutnya dikenakan terhadap 37 Laporan Bulanan (*hard copy*) yang lewat dikemukakan bagi tempoh 2010 hingga 2013 adalah berjumlah RM25,415. Jumlah penalti tersebut hanya	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	melibatkan kelewatan penyerahan Laporan Bulanan *hard copy* dan tidak termasuk salinan *soft copy* yang juga didapati lewat dihantar kepada JAS. Maklumat dalam bentuk *soft copy* yang sepatutnya dihantar lebih awal lagi iaitu sebelum hari ke-14 bulan berikutnya didapati hanya dikemukakan bersekali dengan *hard copy* oleh ASMA. Pada pendapat Audit, Perjanjian Konsesi hendaklah dikaji semula dengan segera dan pandangan-pandangan Jabatan Peguam Negara hendaklah diberi perhatian serius. Maklum Balas Jabatan Alam Sekitar Yang Diterima Pada 13 Ogos dan 11 September 2014 *Penyerahan Laporan Bulanan pada masa ini tertakluk kepada stesen MAQM sahaja dan telah dipatuhi oleh ASMA. Laporan Bulanan bagi stesen CAQM tidak termasuk dalam semakan semula kali pertama Perjanjian Konsesi sebaliknya telah diambilkira dalam Semakan Kedua yang sedang dalam tindakan UKAS, JPM.*	
7.5.2.2.a.i	**Kos Penyewaan Stesen Asal Tidak Dikaji Semula - Kos Sewaan Berdasarkan Kos *Completely Built-Up*** Daripada 50 stesen CAQM yang dimiliki ASMA, hanya 25 (50%) daripadanya diimport terus secara *Completely Built-Up* (CBU) dari Kanada dan bakinya (25) merupakan kabin buatan tempatan (BT). Kos stesen BT tidak melibatkan kos agihan seperti pengangkutan, insurans dan tambang. Namun pihak JAS telah membayar kadar sewa yang sama dan tetap bagi kedua-dua jenis stesen tersebut yang bernilai RM732,095 sebulan (tidak termasuk bayaran untuk data/semua jenis laporan). Jumlah keseluruhan yang akan dibayar hanya untuk sewaan sahaja bagi konsesi yang bertempoh selama 20 tahun berjumlah RM175.70 juta (tidak termasuk bayaran untuk data/semua jenis laporan). Semakan Audit juga mendapati mutu pembuatan kabin BT adalah tidak setaraf kualiti kabin import. Maklum Balas Jabatan Alam Sekitar Yang Diterima Pada 4 Julai, 13 Ogos dan 11 September 2014 *Sebanyak 25 kabin CBU telah dibekalkan dari tahun 1995 sehingga 2000. Pada tahun 2000 pihak BOVAR telah menghentikan operasi. ASMA telah mengambil inisiatif untuk mencari kabin buatan tempatan (BT) bagi baki 25 buah stesen.*	Kos sewaan dalam perjanjian Konsesi tidak berdasarkan kepada jenis buatan kabin sama ada CBU atau buatan tempatan (BT). Ianya adalah berdasarkan kepada kelengkapan dan peralatan kabin stesen yang disenarai dan dinyatakan dalam Jadual D Perjanjian. Kadar sewaan yang dinyatakan dalam Jadual D juga tidak berubah sejak tahun 1995. Ini telah memberi keuntungan/penjimatan kepada Kerajaan. Memandangkan konsesi sedia ada akan tamat pada 2015, keperluan untuk mengkaji semula kos penyewaan stesen akan diambil kira dalam konsesi baru Program Pengawasan Alam Sekitar.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Keperluan untuk mengkaji semula kos penyewaan stesen akan diambil kira dalam konsesi baru Program Pengawasan Alam Sekitar. *Bagi pemasangan alat pemanas pada sampling probe yang tidak kemas disebabkan oleh pemasangan alat pemanas tambahan bagi mengatasi isu kelembapan yang menganggu alat cerapan, perkara tersebut telah diambil tindakan oleh ASMA pada bulan Jun 2014.*	
7.5.2.2.b.i	**Penyelarasan Kos Sewaan *Base Unit* Tidak Mengambil Kira Unsur Susut Nilai** *Artikel 5* (CAQM), perenggan 5.4 dan 2(a) *Schedule D* menunjukkan kos yang dicaj untuk *base unit per CAQM Station* adalah tetap sepanjang tempoh konsesi 20 tahun. Daripada amalan sedia ada, kelengkapan *base unit* ini tidak diganti baru mengikut kekerapan tertentu, sebaliknya penggantian peralatan/kelengkapan dalam setiap *base unit* hanya akan diganti/ditukar baru apabila berlaku kerosakan atau apabila diperlukan. Mengikut amalan, sejak bermulanya projek penswastaan ini pada tahun 1995 sehingga akan berakhirnya tempoh konsesi ini pada bulan April 2015, kos kenaan yang mengambil kira susut nilai semasa berdasarkan tempoh masa dan jangka hayat efektif kelengkapan tidak pernah diusulkan oleh pihak JAS dalam tindakan penyelarasan harga. Kos bayaran sewaan tetap untuk CAQM berjumlah RM732,095 setiap bulan (tidak termasuk bayaran untuk data/semua jenis laporan). bagi 50 stesen untuk sepanjang 20 tahun dan menelan belanja berjumlah RM175.70 juta (tidak termasuk bayaran untuk data/semua jenis laporan).	ASMA juga mempunyai hak untuk mengkaji semula kadar bayaran seperti yang ditetapkan dalam Artikel 11.1 Perjanjian Konsesi. Namun sehingga kini kadar bayaran kekal sama walaupun kos operasi telah meningkat sejak tahun 1995 sehingga kini. Ini telah memberi keuntungan kepada pihak Kerajaan. Hasil semakan Perjanjian Konsesi Kali Pertama, kadar bayaran sewaan *base unit* bagi stesen yang mengukur parameter PM10 dan data meteorologi sahaja kepada RM114,660 per stesen setahun iaitu penjimatan sebanyak RM70,980 per stesen setahun. Jumlah penjimatan sehingga akhir tempoh konsesi bagi 7 stesen terlibat adalah sebanyak RM4.5 juta. ASMA telah mempertingkatkan peralatan dengan menggantikan 80% peralatan PM10 lama kepada yang baru dan 28% peralatan '*gases analyser*' yang lama kepada yang baru. Penggantian peralatan berkenaan tidak melibatkan sebarang kos tambahan kepada Kerajaan. Di samping itu, ASMA juga bersetuju mengoperasi dan menyenggara stesen CAQM Putrajaya yang dimiliki JAS <u>tanpa bayaran</u> sejak tahun 2005. Ini memberi penjimatan kepada Kerajaan kerana kos sebenar operasi dan penyelenggaraan stesen CAQM Putrajaya yang perlu ditanggung Kerajaan dianggarkan berjumlah RM 4.3 juta dalam tempoh konsesi.
7.5.2.2.b.ii	Sekiranya elemen susut nilai tidak diambil kira dalam penyelarasan harga, pihak ASMA sewajarnya mengambil langkah untuk mempertingkatkan peralatan kepada yang lebih berteknologi terkini mengikut perkembangan semasa. Tindakan sedemikian tidak pernah dilaksanakan oleh pihak ASMA, sebaliknya diperhatikan sistem dan peralatan pemantauan/pengawasan udara serta sistem perisian telemetri untuk menarik bacaan ukuran setiap parameter di JAS yang diguna pakai sekarang masih terdiri daripada jenis yang lama. Pada pendapat Audit, memandangkan 25 (50%) daripada 50 stesen CAQM adalah jenis buatan tempatan, sepatutnya kadar sewaan diselaraskan berasaskan kepada jenis pembekalan yang telah dilaksanakan agar Kerajaan mendapat penjimatan. Perbezaan jenis stesen serta elemen susut nilai sepatutnya diambil kira semasa penyelarasan harga (5 *Year Pricing Reviews* dibenarkan dalam Artikel 11 perenggan 11.1 dalam Perjanjian Konsesi) dalam	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Semakan Semula Pertama tetapi perkara ini tidak pernah dibangkitkan oleh pihak JAS dan ASMA. Maklum Balas Jabatan Alam Sekitar Yang Diterima Pada 4 Julai, 13 Ogos dan 11 September 2014 *ASMA telah mempertingkatkan peralatan dengan menggantikan 80% peralatan PM10 lama kepada yang baru dan 28% peralatan 'gases analyser' yang lama kepada yang baru tanpa kos tambahan. Sebagai ganti kepada elemen susut nilai tidak diambil kira dalam penyelarasan harga, ASMA bersetuju mengoperasi dan menyenggara stesen CAQM Putrajaya yang dimiliki JAS tanpa bayaran sejak tahun 2005. Unsur susut nilai kelengkapan akan diambil kira dalam konsesi baru Program Pengawasan Alam Sekitar.*	
7.5.2.3.b	**Penyenggaraan Stesen** Lawatan Audit ke tapak stesen di 4 buah negeri mendapati penyenggaraan peralatan CAQM pada umumnya adalah memuaskan kerana terdapat peralatan lama yang masih boleh digunakan. Bagaimanapun lawatan tapak mendapati persekitaran serta keadaan stesen yang tidak memuaskan seperti persekitaran yang berkeadaan kotor dan keadaan kabin stesen serta besi pemegang menara utama berkarat. Menara tersebut dipasang dengan peralatan pengawasan udara seperti pengukur kelajuan dan arah angin (anemometer*), sampling probe* (corong termasuk botol kaca) dan lain-lain peralatan. Pemegang menara di kabin-kabin yang dilawati telah berkarat dan jika tidak diganti dikhuatiri menara utama ini akan tumbang apabila ditiup angin kencang. Selain itu, terdapat pintu pagar dan *casing* pendawaian dan bekas meter bekalan eletrik yang berkarat dan tidak kemas, peralatan pengawasan udara yang diperhatikan berada dalam *mode faulty* serta kawasan sekeliling unit kondenser penghawa dingin yang kotor. Maklum Balas Jabatan Alam Sekitar Yang Diterima Pada 4 Julai 2014 *Perkara yang dibangkitkan dalam Gambar 7.9 dan 7.11 hingga 7.13 akan disusul dengan ASMA bagi memastikan persekitaran stesen yang bersih dan memuaskan. Bagi Gambar 10, tindakan untuk menggantikan clamp dan besi pemegang menara meteorologi telah dibuat oleh ASMA pada bulan Jun 2014. Bagi Gambar 7.14 – Peralatan Dynamic Dilution Calibrator yang berada dalam Mode Faulty; ia sebenarnya sedang diperbaiki. Dalam menentukan kalibrasi*	Keadaan berkarat dan persekitaran kabin yang kotor dan tidak memuaskan di beberapa stesen tersebut tidak menganggu cerapan data pengawasan kualiti udara. Analyser gas CO yang dikatakan dalam *mode faulty* sebenarnya tidak digunakan dan sedang diperbaiki. Analyser gas CO yang baik dan sedang digunakan ada di sebelahnya dalam stesen yang berkenaan. Dalam menentukan kalibrasi analyser Ozon terdapat 2 kaedah digunakan ke atas peralatan calibrator:- i) GPTS (*Gas Phase Titration System*) dan ii) CNST (*Constant*). *Mode faulty* yang terdapat GPTS tidak menjejaskan proses kalibrasi kerana CNST digunakan sebagai kaedah alternatif. Tindakan susulan bagi penggantian clamp dan besi pemegang menara meteorologi yang berkarat telah dibuat oleh pihak ASMA pada bulan Jun 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	analyser Ozon terdapat 2 kaedah digunakan ke atas peralatan ini iaitu dengan kaedah Gas Phase Titration System (GPTS) dan Constant (CNST). Kaedah GPTS memerlukan bench calibrator manakala CNST menggunakan voltage untuk proses kalibrasi ozon. Mode faulty tersebut disebabkan bench calibrator mengalami kerosakan. Mode faulty pada GPTS tidak menjejaskan proses kalibrasi kerana CNST digunakan sebagai kaedah alternatif.	
7.5.2.3.c	Bagi stesen MAQM di Stesen Puspatri, Pasir Gudang, Johor untuk pengukuran/pemantauan pepejal terampai kurang 10 mikrometer (PM_{10}), adalah diperhatikan persekitaran sekeliling stesen tidak bersih. Maklum Balas Jabatan Alam Sekitar Yang Diterima Pada 4 Julai dan 11 September 2014 *Bagi Gambar 7.15 mengenai keadaan tidak bersih ini disebabkan peralatan ini dipasang atas bumbung bangunan Puspatri. Keadaan ini berikutan keladak/lumpur yang telah kering selepas hujan. Ianya tidak mempengaruhi cerapan data. ASMA telah membersihkan persekitaran stesen MAQM ini pada bulan Jun 2014.*	Dari segi keadaan persekitaran sekeliling stesen yang tidak memuaskan, ianya tidak mempengaruhi cerapan data. Pihak ASMA telah menjalankan kerja pembersihan persekitaran stesen MAQM Puspatri pada bulan Jun 2014.
7.5.2.3.d	Didapati peralatan *Uninterrupted Power Supply* (UPS) telah dibekalkan di setiap stesen semasa pelaksanaan perjanjian projek penswastaan ini dimulakan. Bagaimanapun pembekalan peralatan UPS tidak dinyatakan dalam perjanjian konsesi. Semakan Audit mendapati peralatan UPS di semua stesen yang dilawati di 4 negeri telah rosak dan dibiarkan dalam kabin. Pihak Audit juga dimaklumkan bahawa semua UPS di semua stesen CAQM di Semenanjung serta Sabah dan Sarawak telah rosak. Tanpa peralatan *back up power* seperti UPS, sekiranya berlaku gangguan bekalan elektrik, stesen terlibat tidak akan dapat menjana bacaan parameter yang diperlukan. Memandangkan UPS telah dibekalkan dalam perjanjian konsesi pada asalnya, adalah tidak dapat dipastikan sebab UPS yang telah rosak tidak dibaiki/diganti dengan yang baru. Pelarasan harga dengan mengurangkan nilai sewaan juga tidak dibuat terhadap UPS yang tidak dibekalkan. Maklum Balas Jabatan Alam Sekitar Yang Diterima Pada 4 Julai dan 11 September 2014 *Dalam Jadual D Perjanjian, tiada dinyatakan alat UPS dalam senarai peralatan tetapi menyatakan power regulator. ASMA telah menggunakan Automatic*	Berdasarkan Jadual D Perjanjian, tiada dinyatakan alat UPS dalam senarai peralatan tetapi dinyatakan *power regulator*. ASMA telah menggunakan *Automatic Voltage Regulator* (AVR) sebagai *power regulator*. Pihak ASMA telah mengeluarkan semua peralatan UPS yang rosak yang dan diganti dengan peralatan *Automatic Voltage Regulator (AVR)* sebagai *power regulator* dari stesen CAQM pada 17 September 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Voltage Regulator sebagai power regulator. Bagaimanapun UPS digunakan sebagai power backup sekiranya tenaga elektrik terputus. Tindakan susulan telah dibuat dengan ASMA bagi memastikan peralatan yang rosak termasuk UPS diganti atau diperbaiki. Pada pendapat Audit, kelemahan penyenggaraan yang dibangkitkan di stesen yang dilawati antaranya disebabkan oleh ketidakupayaan JAS untuk melaksanakan pemantauan prestasi penyenggaraan semua stesen dengan rapi. Adalah didapati hanya 2 orang pegawai JAS sahaja yang dipertanggungjawabkan untuk mengaudit/memeriksa semua 52 stesen CAQM dan 14 stesen MAQM. Sehubungan itu, tempoh bagi mereka untuk menyelesaikan pemeriksaan semua 52 stesen CAQM adalah selama 2 tahun. JAS perlu mengkaji semula bilangan pegawainya untuk tugas memantau dan menyelia kerja kontraktor dengan lebih rapi bagi aktiviti pengawasan udara secara penswastaan pada masa akan datang untuk memastikan ia sentiasa berkualiti. Kontraktor yang ingkar perlu dikenakan tindakan tegas yang sewajarnya. Juga keperluan peralatan UPS serta penyenggaraannya perlu dinyatakan dengan jelas dalam perjanjian konsesi.	
7.5.2.4.a.i	**Lokasi Stesen Kurang Sesuai - Stesen SM(P) Raja Zarina, Pandamaran, Pelabuhan Klang, Selangor** Stesen CAQM SM(P) Raja Zarina yang ditempatkan di Pandamaran, Pelabuhan Klang telah diceroboh sebanyak 6 kali dalam tempoh 6 tahun mulai tahun 2006 sehingga tahun 2012. Bagi mencegahnya, pihak ASMA telah berusaha dengan mengambil pelbagai langkah bagi menpertingkatkan keselamatan seperti pengubahsuaian pagar serta pemasangan alat penggera namun kecurian dan pencerobohan masih kerap berlaku. Adalah difahamkan bahawa sistem penggera yang dipasang di stesen tidak disambung ke stesen/balai polis yang berdekatan. Ia hanya disambung kepada Pejabat ASMA sahaja. Oleh yang demikian, sistem terlibat tidak berkesan kerana tindakan cepat dan awal tidak dapat diambil sekiranya berlaku pencerobohan lagi.	Pihak ASMA telah mempertingkatkan lagi pengawasan ke atas stesen tersebut dengan memastikan pemantauan rapi secara berkala dilaksanakan termasuklah pemasangan sistem penggera yang lebih efektif dengan menggunakan kaedah *motion alarm* telah dipasang mulai bulan Januari 2007. Proses pemindahan stesen ke lokasi lain terpaksa ditunda ke tahun 2015 kerana kekangan peruntukan kewangan JAS. Konsesi sedia ada juga akan tamat pada 13 April 2015.
7.5.2.4.a.ii	Semasa lawatan Audit ke tapak stesen terlibat, adalah didapati pagar bersebelahan sekolah di mana stesen ini ditempatkan keseluruhannya telah dirosakkan. Keadaan tersebut memudahkan pencerobohan stesen oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Bagaimanapun, pada 3 Januari 2013, pihak ASMA telah memohon untuk memindahkan stesen ini ke satu kawasan yang lebih selamat. Pada pendapat Audit, isu berhubung kesesuaian penempatan stesen perlu	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	ditangani dengan baik bagi memastikan keberkesanan operasi stesen secara berterusan. Memandangkan stesen CAQM di SM(P) Raja Zarina di Pelabuhan Klang tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan asas seperti pagar keselamatan sekelilingnya, tindakan perpindahan yang lebih awal sepatutnya dibuat tanpa menunggu sehingga berlakunya pencerobohan yang berulang sebanyak 6 kali. Pihak JAS perlu mempercepatkan perpindahan yang masih dalam proses kelulusan. Maklum Balas Jabatan Alam Sekitar Yang Diterima Pada 4 Julai dan 11 September 2014 *Proses permohonan perpindahan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengambil masa selama 2 tahun. Kelulusan telah diperolehi pada 9 Mei 2014. Sementara pemindahan stesen dapat dilakukan, ASMA telah diminta untuk mempertingkatkan pengawasan ke atas stesen tersebut dengan memastikan pemantauan dibuat sekerap mungkin dan sistem penggera yang lebih efektif dipasang. Proses perpindahan stesen ke lokasi lain terpaksa ditunda ke tahun 2015 kerana kekangan peruntukan kewangan JAS. Konsesi sedia ada akan tamat pada 13 April 2015.*	
7.5.2.5	**Bayaran Sewaan Tapak Tidak Dikenakan** Berdasarkan amalan sekarang, pihak ASMA tidak perlu membayar sewa tapak bagi semua 66 tapak stesen (52 CAQM dan 14 MAQM) atas dasar bahawa JAS merupakan sebuah agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pengawasan udara di seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak. Daripada 52 stesen CAQM, sebanyak 30 stesen (58%) telah ditempatkan dalam kawasan sekolah atas unsur keyakinan terhadap keselamatan yang sedia ada. Baki 22 (42%) stesen CAQM dan 14 stesen MAQM telah ditempatkan dalam kawasan bangunan/premis agensi Kerajaan dan bayaran sewa juga tidak dikenakan. Maklum Balas Jabatan Alam Sekitar Yang Diterima Pada 4 Julai Dan 13 Ogos 2014 *Berdasarkan Artikel 13.7, Kerajaan bertanggungjawab mendapatkan kebenaran masuk semua tapak stesen pengawasan alam sekitar. Bagaimanapun perkara ini akan dipertimbangkan dalam konsesi baru program pengawasan alam sekitar.*	Berdasarkan Artikel 13.7, Kerajaan bertanggungjawab mendapatkan kebenaran masuk semua tapak stesen pengawasan alam sekitar. Jika dikenakan sewaan tapak, ianya akan membebankan Kerajaan dengan pertambahan kos. Memandangkan konsesi sedia ada akan tamat pada 2015, perkara ini akan dipertimbangkan dalam konsesi baru Program Pengawasan Alam Sekitar.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, memandangkan aktiviti pengawasan udara telah diswastakan dan semua stesen CAQM adalah dimiliki pihak ASMA, adalah dicadangkan agar tapak penempatan semua stesen dikenakan bayaran sewaan tapak daripada ASMA dalam kajian semula perjanjian konsesi kelak. Maklum Balas Jabatan Alam Sekitar Yang Diterima Pada 11 September 2014 *JAS merancang untuk meningkatkan keupayaan pegawai dalam menjalankan pemantauan yang lebih rapi untuk konsesi pengawasan alam sekitar akan datang. Namun begitu, kekangan tenaga perlu dipertimbangkan dalam usaha memastikan pemantauan dapat dijalankan dengan lebih berkesan.*	
7.5.3.3.a.ii	**Kawalan Pencemaran Terhadap Punca Bergerak (Kenderaan Bermotor) - Perolehan Peralatan Teknikal Bagi Membantu Penguatkuasaan Kenderaan Bermotor** Semakan Audit terhadap perolehan Technomotor mendapati perkara berikut:- • Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1995, dokumen kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Dokumen kontrak pula perlulah dimatikan setem dalam tempoh 30 hari selepas tarikh menandatangani kontrak untuk memastikan perjanjian telah disahkan mengikut obligasi perundangan. Semakan Audit mendapati tarikh SST dan tarikh perjanjian/kontrak adalah sama iaitu pada 24 Mei 2012. Manakala tarikh jawapan SST daripada pembekal adalah pada 29 Mei 2012 iaitu selepas tarikh perjanjian dibuat. Dokumen kontrak juga didapati hanya disetemkan pada 20 September 2012 iaitu kelewatan selama 119 hari lewat dari tarikh yang ditetapkan. • Mengikut tarikh yang dipersetujui seperti mana yang dinyatakan dalam dokumen kontrak, peralatan Technomotor sepatutnya diterima pada 11 September 2012. Namun, ia hanya dibekalkan pada 12 November 2012 iaitu kelewatan selama 62 hari. Selanjutnya, peralatan tersebut telah dihantar ke *Standards and Industrial Research Institute of Malaysia Berhad* bagi tujuan kalibrasi mengikut keperluan standard yang diguna pakai di Malaysia dan proses kalibrasi tersebut mengambil masa dalam tempoh 6 bulan. Pengagihan ke seluruh JAS Negeri hanya dapat diselesaikan pada bulan Jun 2013.	Semua projek akan dipantau dengan lebih rapi supaya mengikut jadual dan mengikut Tatacara Perolehan bagi memastikan tiada berlaku kelewatan dan ketirisan. Bagi kes kelewatan untuk perolehan ini, surat tunjuk sebab telah dikeluarkan pada 17 Julai 2014 kepada pegawai pelaksana berkenaan yang menyebabkan projek lewat. Tindakan selanjutnya sedang disusuli melalui Unit Integriti Jabatan. Peralatan tersebut bukanlah “Technometer” tetapi adalah “Technomotor”. Semua peralatan Technomotor yang telah dinaiktaraf telah digunakan sepenuhnya oleh semua JAS Negeri sejak 30 Julai 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	• Semasa lawatan fizikal oleh pasukan Audit ke stor JAS Negeri, didapati sebahagian Technomotor yang dibekalkan tidak digunakan. Ini kerana masih terdapat peralatan meter asap lain yang berfungsi sama seperti Technomotor iaitu Muller Bem Model Light 898. Technomotor juga tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya kerana mengalami masalah kerosakan pada sistem perisian peralatan tersebut dan tidak mesra pengguna. • Masalah yang dihadapi adalah termasuk kesukaran mendapatkan bacaan akhir pada resit yang dicetak setelah kenderaan diuji dan *hose* asap yang tidak praktikal untuk kerja di lapangan. Contohnya di salah satu JAS Negeri dilawati, ia menunjukkan resit bacaan meter asap tidak stabil hingga mencatatkan 8 kali bacaan asap yang berlainan data dan keputusan akhir yang tidak tepat. Masalah ini juga berlaku di kesemua JAS Negeri yang dilawati. Akibatnya pasukan penguatkuasa JAS Negeri mengalami kesukaran untuk mengendalikan meter ini semasa pertama kali digunakan di lapangan. Hasil temu bual pasukan Audit di JAS Negeri, didapati peralatan meter asap jenis Muller Bem Model Light 898 yang dibeli pada tahun 2008 adalah lebih mudah dikendalikan dan tidak mendatangkan banyak masalah sewaktu digunakan di lapangan. • Agihan Technomotor kepada JAS Negeri juga didapati melebihi keperluan pengguna. Berdasarkan norma sedia ada, setiap pasukan seharusnya dibekalkan dengan satu peralatan. Bagaimanapun, didapati nisbah peralatan yang dibekalkan melebihi bilangan pasukan yang ada bagi negeri yang dilawati, iaitu antara 1.67:1 hingga 6:1. Pada pendapat Audit, perancangan dan pelaksanaan perolehan perlu dibuat selaras dengan peraturan Kerajaan yang ditetapkan bagi memastikan Kerajaan mendapat *best value for money* atas setiap perbelanjaan. Maklum Balas Jabatan Alam Sekitar Yang Diterima Pada 4 Julai 2014 *JAS mengakui terdapat kelewatan dalam memberi maklum balas kepada pihak pembekal. Perkara ini telah menyebabkan kelewatan penghantaran bekalan dibuat. Semua projek akan dipantau dengan lebih rapi supaya mengikut jadual dan Tatacara Perolehan bagi memastikan tiada kelewatan berlaku dan ketirisan. Bagi kes kelewatan untuk perolehan ini, surat tunjuk sebab telah dikeluarkan pada 17 Julai 2014 kepada pegawai pelaksana yang menyebabkan projek lewat. Tindakan selanjutnya sedang disusuli melalui Unit Integriti Jabatan.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Agihan Technomotor kepada JAS Negeri adalah mengikut bilangan pasukan penguatkuasa dari pejabat JAS Negeri dan cawangan-cawangan JAS Negeri yang juga menjalankan penguatkuasaan kawalan pelepasan daripada kenderaan bermotor. Latihan asas penggunaan Technomotor kepada pegawai penguatkuasaan JAS Negeri telah dilaksanakan pada bulan November hingga Disember 2013 oleh Bahagian Udara bersama dengan pembekal. JAS juga dalam proses untuk mengemas kini perisian meter asap Technomotor bersama pihak pembekal supaya ia memenuhi keperluan penguatkuasa di lapangan. Isu kerosakan teknikal sistem telah diselesaikan melalui peningkatan versi 3.0 kepada versi 3.8 secara percuma oleh pembekal pada 16 Jun 2014 yang melibatkan JAS Negeri Perlis, Selangor dan Kuala Lumpur bagi ujian kestabilan. Sehingga 16 Julai 2014 keseluruhan Technomotor di JAS Negeri telah dinaik taraf dan diprogramkan sepenuhnya oleh pembekal. Semua Technomotor yang telah dinaiktaraf telah digunakan sepenuhnya oleh semua JAS Negeri sejak 30 Julai 2014.	
7.5.4.1	**Pemantauan** Antara pemantauan terhadap premis adalah melalui pelaporan atas talian *Monthly Discharge Monitoring Report* (MDMR) yang mula dilaksanakan pada pertengahan tahun 2010. Sistem ini merupakan sistem pelaporan dan pemantauan oleh PYDT dan PYBDT berhubung pelepasan kualiti efluen dan air kumbahan dari loji kumbahan. Merujuk kepada minit mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Program *Remote* di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekitar (PPKAS) (Efluen Perindustrian) 2009, premis yang terlibat dengan BT adalah tertakluk untuk menggunakan aplikasi MDMR dan menghantar laporan berkaitannya. Sebagaimana ketetapan Jawatankuasa Pelaksanaan Program MDMR Bilangan 1/2011 pada 9 Ogos 2011, JAS akan mengambil tindakan terhadap premis yang gagal berbuat demikian. Semakan Audit telah dibuat terhadap data sistem MDMR bagi PYDT BT dan mendapati hanya sebuah premis di Johor pernah dikenakan kompaun. Semakan selanjutnya menunjukkan sehingga tahun 2013, peratusan PYDT BT yang berdaftar dengan MDMR adalah tidak melebihi 80% daripada PYDT BT yang tertakluk di bawah Peraturan EP, 2009. Terdapat juga perbezaan maklumat antara Ibu Pejabat JAS dengan JAS Negeri yang dilawati berhubung maklumat bilangan PYDT BT yang tertakluk di bawah Peraturan EP, 2009 dengan bilangan yang berdaftar dengan MDMR.	Inisiatif pendaftaran menggunakan MDMR ini adalah hasil inovasi dalam pemantauan berdasarkan pendekatan kepada *self regulation* oleh pihak industri. Pada masa yang sama penambahbaikan sedang dibuat untuk memantapkan MDMR supaya lebih mesra pengguna dan mudah dipantau bagi tujuan penguatkuasaan. Berdasarkan analisa, berlakunya perbezaan bilangan PYDT BT yang tertakluk di bawah EP 2009 antara JAS Ibu Pejabat dengan JAS Negeri yang dilawat adalah disebabkan berlaku kelewatan mengemaskini pendaftaran MDMR tersebut oleh JAS Negeri berkenaan. Satu minilab telah diadakan pada 22 hingga 26 September 2014 untuk mengatasi isu ini. Pendaftaran PYDT BT dapat diselesaikan dan mencapai 100% pada 30 September 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Jabatan Alam Sekitar Yang Diterima Pada 13 Ogos 2014 *Inisiatif pendaftaran menggunakan MDMR adalah hasil inovasi dalam pemantauan berdasarkan pendekatan self regulation oleh pihak industri. Penambahbaikan sedang dibuat untuk memantapkan MDMR supaya lebih mesra pengguna dan memudahkan pemantauan penguatkuasaan.* *Berdasarkan analisa berlakunya perbezaan bilangan PYBT BT yang tertakluk bawah EP 2009 antara JAS Ibu Pejabat dengan JAS Negeri yang dilawat disebabkan berlaku kelewatan mengemaskini pendaftaran MDMR oleh JAS Negeri terlibat. Satu minilab berkaitan penambahbaikan kepada sistem pangkalan data penguatkuasaan (eKAS) akan diadakan pada 22 hingga 26 September 2014 dan isu berkaitan pendaftaran dalam MDMR akan diberi penekanan. Pendaftaran premis PYDT BT dalam MDMR dijangka dapat diselesaikan dan mencapai 100% pada 30 September 2014.*	
7.5.4.2	Bagi penguatkuasaan terhadap PYBDT, JAS Negeri akan memasukkan semua maklumat pemeriksaan ke dalam Sistem e-KAS secara harian dan Bahagian Penguatkuasaan di Ibu Pejabat JAS boleh melihat dan mendapatkan maklumat berkenaan. Di samping itu, JAS Negeri akan menyediakan Laporan Bulanan Pemeriksaan Penguatkuasaan dan mengemukakannya juga melalui Sistem e-KAS. Pada setiap tiga bulan pula, JAS Negeri akan menyediakan Ringkasan Laporan Aktiviti Pemeriksaan Penguatkuasaan Suku Tahun bagi keseluruhan pencapaian operasi dalam tempoh tersebut dan mengemukakannya kepada Bahagian Penguatkuasaan, Ibu Pejabat JAS. Pada umumnya, pihak Audit mendapati pemantauan yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan, Ibu Pejabat JAS terhadap setiap JAS Negeri adalah dibuat mengikut ketetapan.	Pada tahun 2013, hanya 363,865 kenderaan (1.6% dari jumlah kenderaan di Malaysia) diperiksa oleh JAS setiap tahun berdasarkan pasukan penguatkuasa yang ada Sehubungan itu, JAS telah mengambil pendekatan pemeriksaan di punca seperti *fleet operator* bagi memastikan kenderaan-kenderaan syarikat yang mempunyai lebih dari 10 buah kenderaan mematuhi had pelepasan. Selain itu, pengujian semula kenderaan berenjin diesel telah dibuat melalui pelaksanaan *outsource* kepada PUSPAKOM sepertimana ketetapan Majlis Ekonomi Negara. Walaubagaimanapun, kehadiran pegawai JAS di pusat ujian PUSPAKOM masih diperlukan berdasarkan nasihat dari Jabatan Peguam Negara.
7.5.4.3	Bagi penguatkuasaan terhadap kenderaan bermotor, JAS Negeri perlu mengemukakan Laporan Aktiviti setiap pencapaian operasi kepada JAS pada setiap suku tahunan. Pada umumnya, tindakan tersebut telah dibuat mengikut ketetapan. Pada pendapat Audit, JAS perlu mempertingkatkan penyeliaan/pemantauan khususnya bagi aktivitinya serta mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang gagal melaksanakan tugas dengan berkesan.	

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Perenggan 8 : Pengurusan Program Penyelidikan Dan Pembangunan (R&D)

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
8.5.1.1.a	**Pencapaian Kewangan** Mengikut Anggaran Perbelanjaan Persekutuan tahun 2013, peruntukan keseluruhan yang diluluskan bagi Program R&D di bawah RMKe-10 yang meliputi tempoh tahun 2011 hingga 2015 berjumlah RM2 bilion. Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh Seksyen Pengurusan Dana MOSTI, pihak Audit mendapati bagi tempoh 3 tahun pertama iaitu dari tahun 2011 hingga 2013, peruntukan sebenar yang diluluskan hanya berjumlah RM355.95 juta (17.8%) daripada RM2 bilion yang diperuntukkan bagi RMKe-10. Perbelanjaan bagi tempoh yang sama berjumlah RM321.52 juta (90.3%). Analisis Audit mendapati peratus perbelanjaan bagi tahun 2011 dan 2012 masing-masing telah mencapai 99.7% dan 99%. Bagi tahun 2013, peratus perbelanjaan hanya mencapai 80.6% antaranya disebabkan Dana Inno telah mencatat peratusan perbelanjaan yang rendah iaitu 14% berbanding peruntukan. Jumlah peruntukan Dana Inno bagi tahun 2013 adalah RM25 juta manakala perbelanjaan yang dilakukan sehingga 31 Disember 2013 berjumlah RM3.50 juta. Ini menjadikan prestasi perbelanjaan keseluruhan bagi tahun 2013 lebih rendah berbanding tahun 2011 dan 2012.	
8.5.1.1.b	Rekod MOSTI menunjukkan peratusan perbelanjaan yang tinggi kerana perbelanjaan tersebut meliputi peruntukan yang telah disalurkan kepada ASM untuk tujuan pengagihan kepada penerima dana yang masih dalam pelaksanaan projek. Pembayaran ini tertakluk kepada kelulusan pembayaran daripada pihak Kementerian. Berdasarkan surat daripada Kementerian Kewangan, penyaluran peruntukan kepada ASM ini adalah dibenarkan untuk memastikan pelaksanaan projek di bawah Dana Sains dan Dana Pra-pengkomersialan berjalan dengan lancar. Dalam hal ini, MOSTI telah melantik ASM sebagai Agensi Pemantau Projek [*Project Monitoring Agency* (PMA)] bagi projek-projek R&D di bawah seliaan MOSTI. PMA menjalankan fungsi sebagai pengurus projek yang antara lainnya bertanggungjawab terhadap urusan pembayaran dana kepada penerima yang diluluskan oleh MOSTI. Pembayaran adalah berdasarkan *milestone* projek yang telah dicapai oleh penerima dana.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, peruntukan yang disalurkan kepada ASM berjumlah RM175.58 juta di mana sejumlah RM174.98 juta untuk diagihkan kepada penerima geran manakala sejumlah RM0.60 juta adalah merupakan yuran pengurusan. Bagi tempoh yang sama, sejumlah RM53.09 juta (30.3%) daripada RM174.98 juta telah sebenarnya dibayar (disbursement) kepada penerima dana.	
8.5.1.1.c	Dengan mengambil kira perbelanjaan sebenar yang dilakukan ASM, pihak Audit mendapati prestasi perbelanjaan sebenar Program R&D bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 hanya mencapai 56.1% iaitu RM199.63 juta daripada keseluruhan peruntukan berjumlah RM355.95 juta. Peruntukan yang disalurkan kepada ASM masih mempunyai baki berjumlah RM121.89 juta setakat 31 Disember 2013. Maklum Balas MOSTI Yang Diterima Pada 1 Oktober 2014 *Baki projek sejumlah RM121.89 juta (69.66%) yang tidak dibelanjakan di ASM sehingga 31 Disember 2013 adalah untuk projek yang masih dalam pelaksanaan. lanya akan disalurkan kepada projek berkenaan pada tahun berikutnya iaitu tahun 2014, 2015 dan 2016 mengikut kemajuan pelaksanaan projek dan laporan milestone atau laporan kemajuan yang dikemukakan kepada pihak Kementerian. Anggaran perbelanjaan komited yang akan disalurkan kepada projek mengikut tahun adalah seperti di jadual berikut:-*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini

Tahun	Peruntukan Projek Komited Yang Disalurkan Kepada ASM (RM Juta)	Perbelanjaan Projek Di ASM (RM Juta)		Anggaran Perbelanjaan Komited DI ASM (RM Juta)		
		2012	2013	2014	2015	2016
2011	35.05	13.23	14.19	7.63	0.00	0.00
2012	53.03	0.00	23.90	21.75	7.38	0.00
2013	86.90	0.00	1.77	21.28	38.31	25.54
JUMLAH	**174.98**	**13.23**	**39.86**	**50.66**	**45.69**	**25.54**
Baki Peruntukan Di Asm Setakat 31.12.2013 (RM Juta)				**121.89**		

Pencapaian perbelanjaan hanya 56.1% kerana:-

- *Laporan Milestone atau Laporan Kemajuan Projek lewat dikemukakan menyebabkan kelewatan dalam proses pembayaran;*
- *Projek masih dalam peringkat pelaksanaan;*
- *Dokumen perjanjian mengambil masa untuk dimuktamadkan (Detailed milestone dan breakdown costing for agreement) serta dokumen sokongan pembayaran lambat dikemukakan oleh pihak entiti. Hal ini menyebabkan bayaran pertama lambat disalurkan. Pembayaran pertama hanya akan disalurkan kepada entiti setelah Kementerian menerima perjanjian yang telah dimatikan setem (stamping); dan*
- *Sebab-sebab lain seperti entiti lewat membuka akaun bank, kelewatan mendapatkan dana tambahan daripada pihak bank atau institusi kewangan bagi menampung pelaksanaan projek, pertukaran ketua projek dan perpindahan lokasi projek.*

Pada pendapat Audit, sungguhpun perbelanjaan sebenar program secara keseluruhannya kurang memuaskan iaitu hanya mencapai 56.1%, namun MOSTI komited untuk membelanjakan kesemua peruntukan yang disalurkan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	kepada ASM menjelang tahun 2016.	
8.5.1.2.a.i	**Kelulusan Berbanding Permohonan** Berdasarkan Senarai Projek Lulus setakat 31 Disember 2013 yang dikemukakan oleh pihak MOSTI, didapati sebanyak 5,582 permohonan telah diterima di bawah Program R&D bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 dan 1,274 (22.8%) permohonan bernilai RM426.49 juta telah diluluskan.	
8.5.1.2.a.ii	Analisis Audit selanjutnya mendapati kelulusan bagi Dana Inno menunjukkan trend menurun pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 dan 2011. Sebaliknya, Dana Tekno mencatatkan peningkatan pada tahun 2013 manakala Dana Sains menunjukkan trend kelulusan yang tidak konsisten antara tahun. Namun peratusan kelulusan bagi ketiga-tiga dana secara amnya masih rendah iaitu hanya antara 18.6% hingga 32.3% berbanding permohonan yang diterima. Maklum Balas MOSTI Yang Diterima Pada 1 Oktober 2014 *Peratusan kelulusan rendah berpunca daripada beberapa sebab berikut:-* *<u>Dana Sains</u>* • *permohonan projek yang tidak berkualiti dan tidak menjurus kepada skop penyelidikan Dana Sains iaitu applied sciences;* • *kumpulan penyelidik terlibat tidak mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang penyelidikan yang dimohon; dan* • *projek yang dipohon telah mendapat dana lain seperti dana di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia.* *<u>Dana Tekno</u>* • *tiada sesuatu yang baharu dan inovasi dalam projek;* • *tidak ada Proof of Concept (POC) yang menunjukkan fungsi kerja dan projek yang dicadangkan dan hanya menunjukkan idea melaksanakan projek;* • *POC tidak dibangunkan dengan sepenuhnya;* • *syarikat tidak mempunyai pengalaman/kepakaran dan bergantung sepenuhnya kepada kepakaran dari luar; dan* • *tiada/kurang elemen pengkomersialan.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<u>Dana Inno</u> • *tiada kajian untuk menyokong idea pada produk yang dicadangkan;* • *cadangan adalah berdasarkan idea tanpa bukti konsep atau prototaip;* • *kualiti permohonan tidak memenuhi kriteria penilaian;* • *pemohon yang gagal tidak mengemukakan semula permohonan walaupun cadangan penambahbaikan telah dimaklumkan kepada mereka; dan* • *pemohon tidak membuat susulan setelah hasil tapisan pentadbiran dikeluarkan.* *Selain mengadakan beberapa siri taklimat dan dialog bersama pemohon/penerima dana ke seluruh negara mengikut zon, tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk mempromosikan program ini adalah:-* • *memberi khidmat nasihat kepada entiti berkaitan permohonan (hand holding);* • *menyertai pameran (Persidangan dan Pameran Pengkomersilan MOSTI (MCCE 2014)) pada 13 hingga 15 Ogos 2014;* • *klinik permohonan dana bersama panel penilai telah diadakan pada 22 September 2014 (hand holding)* • *MOSTI juga telah menyediakan unjuran peruntukan sehingga akhir tahun 2017 bagi mengkaji semula jumlah peruntukan yang diperlukan sehingga penghujung RMKe-10 supaya peruntukan yang diberikan dapat dimanfaatkan semaksimumnya.* *Tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk mempromosikan program ini adalah seperti berikut:-* • *Bengkel bersama Research Management Centre (RMC) Universiti dan Institut Penyelidikan yang akan diadakan pada 22 Oktober 2014* • *Menyertai lebih banyak pameran* • *Broadcast Short Message Service (SMS) blast melalui Rakan SMS; dan* • *Iklan melalui media cetak dan media elektronik.* Pada pendapat Audit, MOSTI telah mengambil tindakan yang sewajarnya semasa mempertimbangkan kelulusan dana bagi memastikan perbelanjaan Kerajaan mendapat *best value for money*. Bagaimanapun, MOSTI juga hendaklah mempertingkatkan lagi usaha bagi mempromosikan program ini atau mengkaji semula jumlah peruntukan yang diperlukan sehingga penghujung	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	RMKe-10 supaya peruntukan yang diberi dapat dimanfaatkan semaksimumnya.	
8.5.1.2.b.i	**Prestasi Pelaksanaan Projek Secara Keseluruhannya** Berdasarkan rekod yang diselenggarakan, pihak Audit mendapati daripada 1,274 projek yang telah diluluskan setakat bulan Disember 2013, sebanyak 256 (20.1%) projek telah siap; sebanyak 1,012 (79.4%) projek sedang dilaksanakan dan 6 (0.5%) projek telah ditamatkan/dibatalkan. Daripada 256 projek yang telah siap, didapati 177 (69.1%) projek telah berjaya disiapkan mengikut jadual pelaksanaan ditetapkan. Bagaimanapun penyiapan 79 (30.9%) projek yang lain telah melewati jadual asal. Manakala bagi 1,012 projek yang sedang dilaksanakan, didapati kemajuan pelaksanaan bagi 822 (81.2%) projek adalah mengikut jadual asal, manakala 190 (18.8%) projek telah melewati jadual asal setakat 31 Disember 2013.	Berdasarkan rekod yang diselenggarakan, pihak Audit mendapati daripada 1,274 projek yang telah diluluskan setakat bulan Disember 2013, sebanyak 256 (20.1%) projek telah siap; sebanyak 1,012 (79.4%) projek sedang dilaksanakan, 5 (0.39%) projek telah ditamatkan dan 1 (0.08%) projek dibatalkan. Daripada 256 projek yang telah siap, didapati 177 (69.1%) projek telah berjaya disiapkan mengikut jadual pelaksanaan ditetapkan. Bagaimanapun penyiapan 79 (30.9%) projek yang lain telah melewati jadual asal. Manakala bagi 1,012 projek yang sedang dilaksanakan, didapati kemajuan pelaksanaan bagi 822 (81.2%) projek adalah mengikut jadual asal, manakala 190 (18.8%) projek telah melewati jadual asal setakat 31 Disember 2013.
8.5.1.2.b.ii	Terdapat 5 projek telah ditamatkan iaitu 3 projek bagi Dana Sains dan 2 projek bagi Dana Tekno. Penamatan projek adalah disebabkan kelemahan dalam pengurusan projek; kelemahan pemantauan kemajuan dan perbelanjaan projek oleh pihak RMC; perubahan skop projek; data penyelidikan yang diperoleh tidak signifikan untuk mencapai objektif projek serta penyelidik tidak berminat meneruskan projek atas faktor kesihatan dan ketiadaan kepakaran. Bagi 2 projek di bawah Dana Tekno, sebab penamatan adalah projek telah tamat tempoh dan tiada permohonan pelanjutan tempoh diterima oleh MOSTI. Pihak Audit mendapati 2 projek ini telah tamat tempoh pada 31 Oktober 2012 dan 30 Jun 2013, namun Surat Penamatan Projek hanya dikeluarkan oleh MOSTI masing-masingnya pada 21 April 2014 dan 28 Januari 2014. Manakala 1 projek bagi Dana Tekno iaitu Projek *Mass Rearing and Field Evaluation of Transgenic Aedes Aegypti (L) for the Control of Dengue Vector* berjumlah RM2.2 juta telah dibatalkan kerana agensi penyelidik terlibat telah mengemukakan permohonan untuk menarik diri disebabkan kegagalan memuktamadkan persetujuan dengan rakan kerjasama (collaborator) projek. Semakan Audit mendapati kesemua projek ini telah diluluskan dana berjumlah RM7.53 juta dengan tempoh penyiapan projek ditetapkan antara bulan Oktober 2012 hingga Januari 2015. Setakat 31 Disember 2013, dana berjumlah RM3.10 juta telah diagihkan kepada 5 daripada 6 penerima.	
8.5.1.2.b.iii	Bagi Dana Tekno, Klausa 14.1.3.(c) di dalam kontrak menetapkan selepas penamatan perjanjian, entiti/penerima dana hendaklah membayar balik kepada Kerajaan keseluruhan jumlah dana yang telah dibayar oleh Kerajaan dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis penamatan. Manakala bagi Dana Sains, Klausa 4.3.1 menetapkan selepas penamatan perjanjian, entiti/penerima dana	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	hendaklah mengembalikan baki dana yang tidak dibelanjakan kepada Kerajaan. Setakat 31 Disember 2013, dana berjumlah RM3.10 juta yang sepatutnya dikembalikan kepada Kerajaan masih belum dituntut oleh MOSTI daripada penerima dana. Namun sebaik sahaja teguran Audit dikeluarkan pada bulan Mac 2014, MOSTI telah mengambil tindakan segera dengan mengeluarkan Notis Peluputan Tempoh (Dana Sains) dan Surat Penamatan Projek (Dana Tekno) yang antara lain menyatakan tuntutan pemulangan semula baki peruntukan kepada Kerajaan. Maklum Balas MOSTI Yang Diterima Pada 1 Oktober 2014 *<u>Dana Sains</u>* *Surat tuntutan pemulangan semula baki peruntukan telah dikeluarkan kepada 3 projek Dana Sains terlibat pada 24 dan 25 April 2014. Berikut adalah status tindakan terkini: -* • *pihak UKM telah memulangkan baki peruntukan projek Dana Sains tersebut berjumlah RM28,473.69 pada 19 Ogos 2014;* • *pihak LKM telah memulangkan baki peruntukan projek Dana Sains tersebut berjumlah RM13,220 pada 3 Jun 2014; dan* • *pihak ABI telah memulangkan baki peruntukan projek Dana Sains tersebut berjumlah RM28,517 pada 12 Jun 2014.* *<u>Tindakan Penambahbaikan:</u>* *Pembangunan sistem eSciencefund yang baharu akan dilengkapi dengan sistem pemantauan secara atas talian.* *<u>Dana Tekno</u>* *i. Kod Projek: TF1111B247* *Surat penamatan projek telah dikeluarkan pada 28 Januari 2014. Sebab-sebab penamatan adalah berdasarkan justifikasi berikut:-* • *projek telah tamat tempoh pada 30 Jun 2013 dan tiada permohonan lanjut tempoh diterima; dan* • *perbelanjaan projek tidak dapat disahkan kerana tiada Laporan Kewangan*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Teraudit Terkini dikemukakan bagi pengesahan pencapaian milestone pertama. *ii. Kod Projek: TF0510D055* *Surat penamatan projek telah dikeluarkan pada 21 April 2014. Sebab-sebab penamatan adalah berdasarkan justifikasi berikut:-* • *projek ini tidak berjaya mencapai objektif projek bagi menghasilkan mesin penuai yang praktikal dan ekonomik;* • *entiti tidak menyiapkan milestone 3 dan 4 kerana terdapat aktiviti di dalam milestone tersebut tidak diselesaikan sepenuhnya dan tidak mengemukakan Laporan Akhir Projek (EOP);* • *produk yang dihasilkan masih lagi belum mampu untuk beroperasi sepenuhnya di ladang bagi menggantikan tenaga manusia; dan* • *jumlah yang dituntut oleh entiti melebihi jumlah dana yang boleh dibayar bagi pencapaian sesuatu milestone.* *Surat Penamatan Projek telah dikemukakan kepada entiti penerima dana bagi 2 projek yang dibatalkan pada 20 Mei 2014 meminta agar pihak entiti mengemukakan Laporan Status Projek dan mengemukakan akaun perbelanjaan terkini sehingga 20 Mei 2014. Surat Peringatan telah dikemukakan kepada entiti (TF1111B247 dan TF0510D055) pada 23 September 2014.* *Sekiranya tiada maklum balas diterima daripada entiti tersebut setelah surat peringatan dikeluarkan, pandangan Penasihat Undang-Undang Kementerian (PUU) akan dipohon bagi memulakan tindakan undang-undang.* Pada pendapat Audit, prestasi fizikal pelaksanaan projek secara keseluruhannya adalah memuaskan berdasarkan pencapaian projek siap dan projek dalam pelaksanaan setakat 31 Disember 2013. Bagi kes projek yang ditamatkan/dibatalkan, tindakan segera MOSTI terhadap teguran Audit adalah positif, namun MOSTI juga perlu memastikan tuntutan pemulangan dana dibayar sepenuhnya oleh pihak yang terlibat selaras dengan syarat kontrak. Sekiranya MOSTI menghadapi kesukaran untuk memungut keseluruhan jumlah dana tersebut daripada entiti penerima, pihak Audit mencadangkan supaya satu jawatankuasa khas peringkat tertinggi diwujudkan untuk menilai dan mengkaji sejumlah perbelanjaan yang boleh diberikan pengecualian daripada dikembalikan kepada Kerajaan, dengan mengambil kira usaha-usaha yang telah dilakukan oleh entiti penerima dalam penyelidikan yang dijalankan. Sehubungan itu, MOSTI boleh mendapatkan pandangan daripada Penasihat Undang-undang	Surat Penamatan Projek telah dikemukakan kepada entiti penerima dana bagi 2 projek yang ditamatkan pada 20 Mei 2014 meminta agar pihak entiti mengemukakan Laporan Status Projek dan mengemukakan akaun perbelanjaan terkini sehingga 20 Mei 2014. Surat Peringatan telah dikemukakan kepada entiti (TF1111B247 dan TF0510D055) pada 23 September 2014. • Kementerian ini telah menerima surat maklum balas daripada GMMI Sdn. Bhd. (TF1111B247) berkenaan Notis Penamatan Projek Pra Pengkomersilan TechnoFund pada 7 Oktober 2014. Melalui surat tersebut, pihak entiti akan mengemukakan maklum balas dan dokumen-dokumen seperti yang diminta mengikut tempoh yang ditetapkan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Kementerian berhubung perkara ini.	
8.5.1.2.c.i	**Prestasi Pelaksanaan Projek Yang Diaudit - Dana Sains** • Bagi Dana Sains, terdapat 3 pihak yang terlibat dalam pengurusan dan perbelanjaannya iaitu pihak MOSTI/Agensi Pemantau Projek iaitu ASM, *Research Management Centre* (RMC) dan penyelidik. MOSTI/ASM akan menyalurkan peruntukan mengikut bilangan projek yang diluluskan di bawah Dana Sains kepada RMC. Seterusnya RMC akan mengawal peruntukan tersebut dan membuat pembayaran kepada penyelidik mengikut kemajuan projek. Setakat 31 Disember 2013, terdapat 89 RMC yang terdiri daripada Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta, Institut Penyelidikan Awam dan Agensi Kerajaan berkaitan dengan Sains, Teknologi dan Inovasi. • Pengauditan telah dijalankan terhadap 103 projek Dana Sains di 7 RMC. Hasil semakan Audit mendapati 20 (19.4%) projek telah siap setakat 31 Disember 2013. Daripada 20 projek tersebut, didapati 13 projek mempunyai lebihan dana berjumlah RM0.83 juta). Lebihan dana ini berlaku kerana perbelanjaan sebenar untuk projek yang dikaji oleh penerima dana adalah lebih rendah daripada peruntukan yang diluluskan dan disalurkan kepada RMC. Mengikut Garis Panduan Dana Sains dan Klausa 4.4 kepada perjanjian Dana Sains, RMC selaku penerima dana perlu memulangkan semula kepada Kerajaan kesemua dana yang tidak dibelanjakan dalam tempoh 3 bulan selepas *milestone* dicapai. Setakat 31 Disember 2013, wang lebihan tersebut masih belum dipulangkan kepada MOSTI. Namun sebaik sahaja teguran Audit dikeluarkan pada bulan Mac 2014, MOSTI telah mengambil tindakan segera dengan mengeluarkan surat peringatan kepada kesemua 89 RMC terlibat pada 18 April 2014 untuk memohon RMC mengembalikan baki peruntukan kepada Kerajaan. • Mengikut Daftar Kemajuan Dana Sains yang diselenggarakan oleh MOSTI, status 83 (80.6%) daripada 103 projek yang diaudit adalah sedang dalam pelaksanaan (in-progress). Bagaimanapun semasa lawatan fizikal Audit dijalankan di Universiti Teknologi Petronas (UTP), terdapat satu projek yang berstatus *in progress* dalam daftar MOSTI telah sebenarnya tamat/tidak diteruskan. Semakan selanjutnya mendapati peruntukan berjumlah RM172,000 bagi projek tersebut telah disalurkan kepada UTP. Setakat tarikh lawatan Audit pada 21 Januari 2014, peruntukan bagi projek tersebut masih belum dikembalikan kepada	Semakan terhadap 13 projek Dana Sains yang telah siap mendapati lebihan peruntukan berjumlah RM828,278.00 yang dinyatakan merupakan peruntukan tahun kedua dan ketiga yang telah dibayar seperti berikut:-

Bil.	Institusi	No Projek	Amaun Diluluskan (RM)	Amaun Dibayar Tahun Pertama (RM)/Tarikh Pembayaran	Amaun Dibayar Tahun Kedua & Ketiga (RM)/ Tarikh Pembayaran	Baki Peruntukan Belum Dibayar
1.	SIRIM	03-03-02-SF0145	167,700.00	105,600.00/ 7-Sep-2011	62,100.00/ 23-Apr-2013	0.00
2.		03-03-02-SF0146	285,000.00	148,000.00/ 7-Sep-2011	137,000.00/ 13-Sep-2012	0.00
3.		03-03-02-SF0148	282,600.00	183,775.00/ 7-Sep-2011	98,825.00/ 13-Sep-2012	0.00
4.		03-03-02-SF0151	279,000.00	198,000.00/ 7-Sep-2011	81,000.00/ 23-Apr-2013	0.00
5.		03-03-02-SF0152	142,000.00	106,000.00/ 7-Sep-2011	36,000.00/ 13-Sep-2012	0.00
6.		03-03-02-SF0153	161,600.00	84,000.00/ 7-Sep-2011	77,600.00/ 13-Sep-2012	0.00
7.	UTM	01-01-06-SF0846	180,880.00	105,280.00/ 15-Ogos-2011		75,600.00
8.		01-01-06-SF1000	104,000.00	44,900.00/ 11-Jul-2012	59,100.00/ 3-Jul-2013	0.00
9.		03-01-06-SF0847	150,200.00	77,600.00/ 30-Sep-2011	72,600.00/ 18-Okt-2013	0.00
10.		06-01-06-SF0857	224,600.00	156,00.00/ 7-Sep-2011	45,700.00/ 31-Jul-2012 22,900.00/ 18-Apr-2013	0.00
11.		06-01-06-SF0889	125,500.00	68,300.00/ 28-Okt-2011	57,200.00 14-Nov-2012	0.00
12.	UTP	03-02-02-SF0088	168,000.00	97,500.00/ 30-Sep-2011	50,000.00/ 2-Nov-2012	20,500.00
13.		03-02-02-SF0102	92,760.00	64,907.00/ 4-Ogos-2011	27,853.00/ 23-Apr-2013	0.00
JUMLAH						**96,100.00**

Baki peruntukan Dana Sains yang belum dibayar berjumlah RM96,100.00

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	MOSTI. Mengikut Klausa 4.3 perjanjian Dana Sains, bagi projek yang gagal disiapkan (default), MOSTI boleh meminta entiti untuk mengembalikan semula wang dana yang belum dibelanjakan kepada Kerajaan. Sebaik teguran Audit dibuat pada bulan Mac 2014, MOSTI telah mengeluarkan notis kepada UTP yang menghendaki UTP meremedikan kegagalan mengemukakan Laporan Akhir Projek melalui sistem *online* dalam masa 3 bulan selepas tempoh tamat projek. Sekiranya UTP gagal meremedikan kegagalan tersebut dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis dikeluarkan, MOSTI berhak untuk menamatkan projek tersebut berdasarkan Klausa Kontrak 14.1. Maklum Balas MOSTI Yang Diterima Pada 1 Oktober 2014 *Surat peringatan telah dihantar kepada semua Research Management Centre (RMC) yang terlibat pada 18 April 2014 dan RMC dipohon untuk memulangkan baki peruntukan kepada MOSTI. Sehingga 22 September 2014, 16 daripada 89 institusi telah memulangkan baki peruntukan projek Dana Sains yang telah tamat kepada pihak Kementerian berjumlah RM836,206.51. Manakala terdapat 4 RMC telah memaklumkan bahawa tiada baki peruntukan bagi Dana Sains. Bagi satu projek di bawah UTP, Notis Peluputan Tempoh bertarikh 5 Mei 2014 telah dikeluarkan menghendaki UTP memulangkan semula baki peruntukan (sekiranya ada) dalam tempoh 30 hari dari tarikh Notis Pelupusan Tempoh iaitu pada 5 Jun 2014. Sehingga 30 Mei 2014, tiada pemulangan baki diterima daripada UTP. Pihak UTP memaklumkan bahawa pemulangan baki projek Dana Sains tersebut masih dalam proses tindakan UTP.* Pada pendapat Audit, tindakan segera MOSTI terhadap teguran Audit adalah sesuatu yang positif, namun pemantauan yang berterusan dan berkesan diperlukan untuk menjamin kepentingan Kerajaan.	merupakan penjimatan dan MOSTI masih belum membuat pembayaran tersebut kepada RMC yang terlibat. Oleh itu, tiada lebihan peruntukan Dana Sains di RMC yang perlu dipulangkan kepada MOSTI. Sehingga 8 Oktober 2014, 18 daripada 89 institusi telah memulangkan baki peruntukan projek Dana Sains yang telah tamat kepada pihak Kementerian berjumlah RM1,573,947.03. Manakala terdapat 4 RMC yang telah memaklumkan bahawa tiada baki peruntukan bagi Dana Sains di RMC. Bagi satu projek di bawah UTP, Notis Peluputan Tempoh bertarikh 5 Mei 2014 telah dikeluarkan yang menghendaki UTP memulangkan semula baki peruntukan (sekiranya ada) dalam tempoh 30 hari dari tarikh Notis Peluputan Tempoh iaitu pada 5 Jun 2014. Sehingga 8 Oktober 2014, tiada pemulangan baki diterima daripada UTP. Walau bagaimanapun, pihak UTP melalui surat bertarikh 5 Ogos 2014 memaklumkan bahawa pemulangan baki projek Dana Sains tersebut masih dalam proses dan tindakan UTP.
8.5.1.4.a	**Penilaian Pencapaian Dan Impak Program** Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2005 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri telah menetapkan penilaian *outcome* dan impak program perlu dilaksanakan untuk mengukur sama ada sesuatu dasar, program atau projek mencapai matlamat yang ditetapkan serta mendatangkan faedah kepada kumpulan sasar atau sebaliknya. Semakan Audit mendapati MOSTI telah menjalankan penilaian terhadap pencapaian dan impak program penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan [Research (R), Development (D) and Commercialization (C)] di bawah RMKe-9. Laporan penilaian ini telah diterbitkan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pada tahun 2013. Skop penilaian adalah meliputi 16 jenis program R,D&C (termasuk Dana Pra Pengkomersialan dan Dana Sains) di bawah RMKe-9 yang bernilai RM2.81 bilion. Tujuan penilaian adalah untuk menganalisis pencapaian dan impak program-program R,D&C yang diselia oleh MOSTI. Bagaimanapun, penilaian terhadap program R,D&C di bawah RMKe-10 masih belum dijalankan setakat 31 Disember 2013.	
8.5.1.4.b	Berdasarkan laporan penilaian yang disediakan, pihak Audit mendapati dari aspek pencapaian program R,D&C, telah dirumuskan sebanyak 83.5% daripada 4,410 projek seliaan MOSTI yang dilancarkan di bawah RMKe-9 telah berjaya disiapkan. Program-program R,D&C secara keseluruhannya telah mencapai objektif dan matlamat program yang disasarkan. Maklum Balas MOSTI Yang Diterima Pada 1 Oktober 2014 *Penilaian terhadap pencapaian dan impak program penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan RMKe-10 akan dilaksanakan setelah tamat RMKe-10 iaitu pada hujung tahun 2015. Selain itu, Bengkel Task Force Pengurusan Dana RMKe-10 telah diadakan pada 12 dan 13 Disember 2013 bertujuan untuk meneliti pengurusan dana MOSTI secara keseluruhan meliputi proses permohonan, penilaian, pemantauan, promosi dan pengkomersialan hasil R&D yang dibiayai oleh MOSTI. Bengkel ini juga bertindak sebagai medium untuk mengemukakan cadangan penambahbaikan pengurusan dana MOSTI secara keseluruhan dan mengenal pasti langkah-langkah untuk mengoptimumkan penggunaan peruntukan dan perbelanjaan tahunan.* *Cadangan utama bagi penambahbaikkan untuk RMKe-10 adalah seperti berikut:-* • *membina fokus penyelidikan;* • *menambah baik sistem pemantauan dan penilaian;* • *mempertingkat tenaga pakar dan modal insan pada peringkat program, projek dan institusi;* • *membina jalinan dan kolaborasi yang lebih mantap di antara industri dan para penyelidik; dan* • *menambah baik penyelarasan dan jalinan antara agensi dan peringkat penyelidikan.* Pada pendapat Audit, penilaian terhadap program R,D&C di bawah RMKe-9	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	yang dilaksanakan oleh MOSTI adalah satu tindakan yang baik untuk mengukur pencapaian dan impak program. Penilaian program di bawah RMKe-10 patut memberi penekanan kepada status tindakan terhadap cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam penilaian program RMKe-9.	
8.5.2.2	**Tempoh Kelulusan Dana** Mengikut Carta Alir Proses Pengurusan Dana, setelah permohonan lengkap diterima, pihak Urus Setia Dana akan mengeluarkan surat makluman kepada pemohon. Permohonan lengkap tersebut seterusnya akan dibawa kepada Jawatankuasa Penilaian/Klaster bagi menilai sama ada permohonan layak diperakukan atau masih memerlukan maklumat tambahan. Setelah permohonan diperakukan, ia akan dibawa kepada Mesyuarat Jawatankuasa Dana (JKD) untuk kelulusan Pegawai Pengawal. Proses permohonan dan kelulusan dana ini hendaklah dilakukan dalam tempoh 50 hari bekerja dari tarikh permohonan yang lengkap diterima. Semakan Audit mendapati tempoh yang diambil untuk memproses permohonan dan kelulusan bagi 17 (68%) daripada 25 permohonan di bawah Dana Tekno telah melebihi norma masa yang ditetapkan di mana berlaku kelewatan antara 13 hingga 294 hari dari tarikh sepatutnya. Bagi Dana Inno, analisis hanya dijalankan terhadap 16 daripada 17 sampel Audit kerana satu projek merupakan sambungan daripada RMKe-9. Hasil analisis mendapati tempoh memproses permohonan dan kelulusan bagi 6 (37.5%) daripada 16 permohonan telah melebihi norma masa yang ditetapkan antara 10 hingga 141 hari dari tarikh sepatutnya. Bagi Dana Sains, tempoh memproses permohonan dan kelulusan bagi 45 (43.7%) daripada 103 permohonan telah melebihi norma masa ditetapkan antara 10 hingga 80 hari. Pada pendapat Audit, Kementerian perlu menambahbaik prosedur permohonan dan kelulusan bagi menepati norma masa yang ditetapkan selama 50 hari bekerja. Maklum Balas MOSTI Yang Diterima Pada 1 Oktober 2014 *<u>Dana Tekno:</u>* *Pemprosesan yang tidak memenuhi norma masa adalah disebabkan perkara seperti berikut:-* • *entiti mengambil masa untuk mengemukakan maklumat tambahan diperlukan oleh panel penilai;* • *prototaip yang dibangunkan tidak mengikut sesifikasi panel penilai semasa*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	sesi pembentangan. Entiti mengambil masa untuk membangunkan prototaip sebelum dinilai semula oleh panel penilai; • *tarikh sesi pembentangan bersama panel penilai telah ditunda atas permintaan entiti kerana entiti tersebut terlibat menjalankan projek lain di luar negara; dan* • *sesi pembentangan bersama panel penilai telah diadakan bagi permohonan pertama dan projek tersebut telah ditolak beserta komen panel penilai. Entiti mengambil tempoh masa yang lama untuk membuat penambahbaikkan terhadap projek tersebut dan mengemukakan semula dianggap permohonan baru.* *Dana Inno:* *Pemprosesan yang tidak memenuhi norma masa adalah disebabkan panel penilaian teknikal memerlukan maklumat tambahan untuk membuat keputusan.* *Dana Sains:* *Justifikasi kelewatan memproses permohonan Dana Sains adalah seperti berikut:-* • *pertukaran bidang penyelidikan yang melibatkan pertukaran kluster;* • *panel penilai memerlukan masa tambahan untuk menilai permohonan kerana memerlukan maklum balas daripada jabatan atau institusi lain yang berkaitan dengan bidang projek yang dinilai;* • *Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Danamemutuskan untuk menangguhkan keputusan permohonan sehingga maklumat tambahan diperolehi; dan* • *panel penilai meminta entiti untuk meminda maklumat projek yang dipohon sebelum penilaian selanjutnya dilaksanakan.* *Tindakan Penambahbaikan: Pihak Kementerian telah meneliti semula garis panduan asal dan membuat beberapa penambahbaikan selaras dengan teguran pihak Jabatan Audit Negara.*	
8.5.2.3	**Penyediaan Dokumen Perjanjian** Selepas sesuatu permohonan diluluskan, Urus Setia Dana akan mengeluarkan Surat Keputusan Permohonan bersama-sama dengan sesalinan draf dokumen perjanjian kepada pemohon. Pemohon kemudiannya hendaklah mengembalikan dokumen perjanjian yang telah ditandatangani dan dimatikan setem kepada pihak Urus Setia Dana dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh Surat	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Keputusan Permohonan dikeluarkan. Bagi Dana Tekno, didapati perjanjian bagi 17 (68%) daripada 25 projek telah lewat disempurnakan antara 12 hingga 127 hari dari tarikh sepatutnya. Manakala perjanjian bagi 6 (35.3%) daripada 17 projek di bawah Dana Inno telah lewat disempurnakan antara 15 hingga 61 hari dari tarikh sepatutnya. Bagi Dana Sains, maklumat yang berkaitan dengan tempoh penyediaan dokumen perjanjian tidak dapat ditentukan kerana tarikh mati setem perjanjian tidak dicatatkan dalam daftar projek yang dikemukakan kepada pihak Audit. Pada pendapat Audit, pemantauan yang sewajarnya perlu dilaksanakan oleh Seksyen Pengurusan Dana untuk memastikan penerima dana mengemukakan dokumen yang berkaitan tepat pada masanya bagi mengelakkan kelewatan dalam menyempurnakan perjanjian. Maklum Balas MOSTI Yang Diterima Pada 1 Oktober 2014 *Kelewatan penyediaan dokumen perjanjian adalah disebabkan entiti mengambil masa untuk melengkapkan Detailed/Revised Milestone and Breakdown Costing for Agreement serta mengemukakan dokumen tambahan perjanjian kepada MOSTI.* *Tindakan Penambahbaikan:-* • *MOSTI akan melaksanakan penambahbaikan dengan memasukkan perkara berikut di dalam surat tawaran yang akan dikemukakan kepada pihak entiti:* *"Sekiranya pihak tuan tidak mengembalikan perjanjian yang telah dimatikan setem dalam tempoh 28 hari dari tarikh surat kelulusan ini, maka permohonan ini akan terbatal dengan sendiri."* • *Pemantauan secara sistematik akan dilaksanakan melalui Sistem Perdana yang sedang dibangunkan; dan* • *Bagi memastikan dokumen perjanjian dikemukakan tepat pada masanya kepada penerima dana, pertambahan perjawatan di Seksyen Dana perlu dipertimbangkan dan penubuhan Pasukan Task Force akan dilaksanakan bagi memantau dan mengemas kini maklumat permohonan Dana secara sistematik dan teratur.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
8.5.2.4.a	**Pengurusan Pembayaran - Bayaran Pendahuluan** Mengikut garis panduan Dana Tekno dan Dana Inno, pihak entiti/penerima dana akan dibayar wang pendahuluan masing-masing pada kadar 20% dan 30% daripada jumlah dana yang telah diluluskan. Wang pendahuluan tersebut perlu dibayar dalam tempoh 14 hari dari tarikh kontrak dimuktamadkan. Semakan Audit mendapati wang pendahuluan bagi 8 (32%) daripada 25 projek Dana Tekno dan 6 (35.3%) daripada 17 projek Dana Inno berjumlah RM3.23 juta telah lewat dibayar kepada entiti/penerima antara 10 hingga 390 hari.	
8.5.2.4.b	**Bayaran Berperingkat** Mengikut garis panduan Dana Tekno dan Dana Inno, bayaran dana hendaklah dibuat secara berperingkat mengikut pencapaian *milestone* dalam perjanjian dan berdasarkan pengesahan tuntutan yang dibuat oleh *Project Monitoring Team* (PMT) yang dilantik. Bagaimanapun, tempoh pemprosesan bagi pembayaran berperingkat kepada penerima dana tidak ditetapkan dengan jelas di dalam kontrak. Bagi 52 (98.1%) daripada 53 tuntutan Dana Tekno dan Dana Inno yang diaudit, didapati MOSTI mengambil masa antara 12 hingga 171 hari untuk memproses tuntutan dari tarikh laporan kemajuan diterima daripada *Project Monitoring Team* (PMT). Maklum Balas MOSTI Yang Diterima Pada 1 Oktober 2014 *<u>Dana Tekno</u>* *a. Kelewatan Bayaran Pendahuluan* *Pembayaran pertama dilakukan sebaik sahaja Seksyen Dana menerima perjanjian yang telah dimatikan setem. Berlaku kelewatan pembayaran wang pendahuluan disebabkan oleh:-* • *entiti mengambil tempoh masa yang lama untuk mengemukakan semula dokumen perjanjian yang dimatikan setem; dan* • *entiti lewat mengemukakan dokumen dan maklumat akaun bank.* *b. Kelewatan Bayaran Berperingkat* *Tuntutan pembayaran berperingkat mengambil masa untuk diproses disebabkan oleh:-*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	• *entiti mengemukakan laporan milestone yang tidak lengkap dan perlu mengemukakan dokumen tambahan;* • *laporan kemajuan dari PMT juga mengambil masa memandangkan lawatan tapak perlu dilaksanakan sebelum mengesahkan pencapaian kemajuan milestone; dan* • *ASM mengambil masa untuk memproses bayaran berbanding tarikh arahan bayaran dikeluarkan kerana 3 peringkat kelulusan diperlukan sebelum pembayaran dibuat.* *<u>Dana Inno</u>* *a. Kelewatan Bayaran Pendahuluan* *Pembayaran pertama dilakukan sebaik sahaja Seksyen Dana menerima perjanjian yang telah dimatikan setem. Berlaku kelewatan pembayaran wang pendahuluan disebabkan oleh:-* • *entiti mengambil masa yang lama untuk mengemukakan semula perjanjian yang dimatikan setem kepada Seksyen Dana; dan* • *entiti mengambil masa untuk membuka akaun baharu dan lewat mengemukakan maklumat akaun bank.* *b. Pembayaran Berperingkat* • *maklumat pembayaran lambat diterima; dan* • *ralat pada maklumat akaun.* *<u>Tindakan Penambahbaikan</u>: -* • *Sistem PerDANA iaitu sistem pengurusan secara atas talian untuk Dana Pra Pengkomersilan sedang dibangunkan secara dalaman untuk memudahkan sistem pengurusan dana dengan memasukkan modul pembayaran berperingkat; dan* • *Bagi pembayaran berperingkat, pembayaran boleh terus dilakukan setelah mendapat perakuan daripada Project Monitoring Team (PMT) dan Klaster. Ini memendekkanproses pembayaran dan juga sebagai langkah mengelakkan kelewatan penyaluran pembayaran kepada entiti.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
8.5.2.4.c	**Pembayaran Bagi Projek iDOLA Fasa II** Bagi Projek iDOLA Fasa I, peruntukan dana disalurkan kepada YIM secara berperingkat berdasarkan terma yang telah diluluskan. Pembayaran pertama dibuat setelah Dokumen Perjanjian berkuat kuasa. Pembayaran seterusnya pula dibuat berdasarkan *milestones* yang telah dicapai; penyempurnaan penilaian teknikal dan kewangan oleh pihak MOSTI manakala bayaran terakhir (5%) dibayar setelah entiti mengemukakan Laporan Akhir Projek di dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun bagi Projek iDOLA Fasa II, pihak Audit mendapati penyaluran dana kepada YIM telah dibuat secara *lump-sum* berdasarkan baucar bayaran bertarikh 19 Mei 2011 melibatkan amaun bernilai RM1 juta. Berdasarkan memo MOSTI bertarikh 2 Jun 2011, pemberian dana tersebut meliputi pembelian 900 unit komputer iDOLA berharga RM1,000 seunit melibatkan amaun berjumlah RM900,000 dan yuran pengurusan kepada YIM berjumlah RM100,000 untuk operasi pengagihan komputer Fasa II. Semakan Audit terhadap pengurusan pembayaran projek Fasa 2 mendapati perkara seperti berikut:- i. Berdasarkan Daftar Perbelanjaan iDOLA Fasa II, didapati sejumlah RM890,990 (89.1%) telah dibelanjakan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM799,992 (89.8%) telah dibelanjakan untuk pembelian 800 unit komputer iDOLA (RM999.99 seunit) berdasarkan invois bernombor 23623 bertarikh 28 Oktober 2011. Baki perbelanjaan sejumlah RM90,998 (10.2%) telah dibelanjakan untuk tujuan pembayaran gaji, penyediaan makanan, tiket kapal terbang, penginapan, pembayaran tuntutan dan tuntutan-tuntutan lain. Baki peruntukan yang belum dibelanjakan berjumlah RM109,010. ii. Semakan Audit mendapati tuntutan pembayaran bagi Projek iDOLA Fasa I berjumlah RM73,945 yang telah ditolak oleh MOSTI, namun telah dicajkan semula oleh YIM sebagai perbelanjaan di bawah Projek iDOLA Fasa II. Perbelanjaan tersebut meliputi pembayaran gaji, penyediaan makanan, tuntutan perjalanan, penginapan dan pembayaran tuntutan lain. Berdasarkan memo MOSTI bertarikh 12 Oktober 2011 yang merujuk kepada *Schedule B* dalam perjanjian, ada menyatakan perbelanjaan-perbelanjaan lain adalah terhad kepada perbelanjaan yang disifatkan kritikal ke arah pelaksanaan projek dan tertakluk kepada kelulusan oleh MOSTI. Namun pihak Audit mendapati perbelanjaan yang telah ditolak oleh MOSTI tersebut telah di caj semula oleh YIM dalam Projek iDOLA Fasa II. Pada pendapat Audit, pengurusan perbelanjaan perlu dipertingkatkan untuk	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	mengelak kelewatan dalam memproses bayaran pendahuluan dan berperingkat kepada penerima dana. Selain itu, YIM tidak sepatutnya mengenakan (caj) perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak dibenarkan oleh MOSTI dalam pelaksanaan Projek iDOLA Fasa I dengan menggunakan peruntukan Projek iDOLA Fasa II. Maklum Balas MOSTI Yang Diterima Pada 1 Oktober 2014 *Maklum Balas MOSTI* • *Jawatankuasa Siasatan Pelaksanaan Projek Pengagihan iDOLA Fasa I dan Fasa II oleh YIM yang diketuai oleh Unit Audit Dalam dan dianggotai oleh Bahagian Kewangan, Bahagian Dasar ICT, Penasihat Undang-Undang (PUU) dan Ketua Unit Integriti telah ditubuhkan pada 31 Mac 2014 bertujuan untuk menjalankan siasatan terhadap YIM dari segi pengurusan kewangan dan pelaksanaan projek pengagihan iDOLA Fasa I dan Fasa II; dan* • *Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menubuhkan satu Jawatankuasa Siasatan Khas bagi Laporan Ketua Audit Negara Siri 3 pada 25 September 2014. Jawatankuasa ini turut dianggotai oleh Ketua Audit Dalam MOSTI serta lain-lain agensi pusat.* *Maklum Balas YIM* *Tuntutan YIM sejumlah RM73,944 adalah berkaitan dengan perbelanjaan secara langsung yang bersifat kritikal ke arah pelaksanaan projek pengagihan. Pengagihan yang dijalankan di Sabah dan Sarawak melibatkan penerbangan, pengangkutan tempatan dan elaun makan. Perbelanjaan lain termasuk emolumen dan elaun serta pengurusan majlis. Pihak YIM bersedia memberi kerjasama kepada pihak MOSTI sekiranya perlu menjalankan siasatan.*	
8.5.2.5.a	**Agensi Pemantau Projek** Kementerian Kewangan melalui suratnya bertarikh 12 Disember 2011 telah bersetuju dengan cadangan MOSTI untuk menyalurkan peruntukan *Research, Development & Commercialization* (R,D&C) yang komited kepada Agensi Pemantau Projek [*Project Monitoring Agency* (PMA)] yang dilantik dengan syarat seperti berikut:- i. penyaluran peruntukan hendaklah berlandaskan peraturan kewangan semasa dan terhad kepada baki peruntukan asal sesuatu projek R,D&C bagi tahun semasa;	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	ii. MOSTI menandatangani perjanjian dengan PMA; iii. sebarang lebihan daripada jumlah tersebut hendaklah dipulangkan kepada Kerajaan sebagai hasil; dan iv. faedah yang diperoleh daripada peruntukan tersebut dikembalikan kepada Kerajaan sebagai hasil.	
8.5.2.5.b	Sehubungan itu, MOSTI telah melantik Akademi Sains Malaysia (ASM) yang merupakan salah satu agensi di bawah MOSTI sebagai PMA berkuat kuasa pada 28 Disember 2011 sehingga 27 Disember 2013 dengan yuran pengurusan sejumlah RM200,000 setahun. Semakan Audit terhadap baucar bayaran penyaluran peruntukan kepada ASM setakat 18 Oktober 2013 mendapati sejumlah RM600,000 yuran pengurusan dan RM174.98 juta pindahan peruntukan projek komited (di bawah RMKe-9 dan RMKe-10) telah disalurkan kepada ASM.	
8.5.2.5.c	MOSTI telah menandatangani perjanjian dengan ASM pada 29 Disember 2011 dan perjanjian tambahan pada 31 Disember 2012. Antara tanggungjawab PMA ialah menguruskan pembayaran kepada penerima dana dan *Project Monitoring Team* (PMT) yang dilantik oleh MOSTI. Dalam perjanjian pertama, Para 4.2. (C), ada menyatakan ASM perlu menyalurkan peruntukan yang diterima kepada penerima dana dalam tempoh 7 hari bekerja selepas menerima arahan pembayaran daripada MOSTI. Semakan Audit mendapati secara amnya tempoh pembayaran kepada penerima dana telah mematuhi norma yang ditetapkan. Bagaimanapun bagi pembayaran kepada PMT, tiada norma masa ditetapkan berhubung tempoh pemprosesan pembayaran. Semakan Audit secara pensampelan terhadap 73 baucar bayaran kepada PMT mendapati ASM mengambil masa antara 28 hingga 63 hari untuk meluluskan baucar bayaran dari tarikh arahan bayaran dikeluarkan oleh pihak MOSTI. Maklum Balas ASM Yang Diterima Pada 1 Oktober 2014 *Terdapat 2 orang pegawai iaitu Akauntan dan Penolong Akauntan yang dipertanggungjawabkan mengurus segala urusan berkaitan peruntukan R, D & C ini. Namun dalam tempoh dari 1 Jun 2013 hingga 23 Mac 2014 terdapat kekangan dari segi tenaga kerja di mana hanya seorang Akauntan sahaja menguruskan urusan berkaitan disebabkan peletakan jawatan Penolong Akauntan. Namun pada 24 Mac 2014, seorang Penolong Akauntan telah diambil bagi membantu menguruskan peruntukan R,D&C.*	

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Perenggan 9 : Projek Pengalihan Operasi Keretapi Tanah Melayu Berhad Dari Tanjong Pagar Ke Woodlands (Stesen), Singapura Dan Kempas Baru (Depoh), Johor Bahru, Johor

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.5.1.2.a	**Kerja Tanah** Kawasan tapak pembinaan seluas 45.81 ekar terletak di lot PTD40050 berkeluasan 267.97 ekar terletak berhampiran Stesen KTMB Kempas Baru yang dimiliki oleh Perbadanan Aset Keretapi. Prestasi kerja tanah yang terbahagi kepada 3 zon iaitu Zon A, Zon B dan Zon C. Di dalam lot tersebut terdapat satu lagi projek yang dirancang di bawah Kementerian Pengangkutan iaitu Cadangan Pembangunan Depoh Dan Jajaran Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru (PLBE GJB) dengan keluasan 165.58 ekar.	-
9.5.1.2.b	Semakan Audit pada 20 Disember 2013 mendapati kerja tanah tidak disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan. Peratusan siap yang dinyatakan di laporan kemajuan bagi ketiga-tiga zon tersebut adalah sebanyak 97.83% berbanding 100%. Semakan lanjut mendapati lokasi tapak asal telah dianjakkan 700 meter ke sebelah utara dan aras tapak telah ditinggikan sebanyak 24.880 meter berbanding aras asal bagi tujuan penyelarasan (same level) dengan ketinggian reka bentuk jajaran landasan di bawah skop cadangan PLBE GJB. Lawatan Audit pada 20 Disember 2013 mendapati kerja tanah masih dijalankan di kawasan depoh. Pada pendapat Audit, kelewatan kerja dapat dielakkan sekiranya perancangan teliti dan pemantauan yang berterusan dilaksanakan. Maklum Balas Kementerian Dan KTMB Yang Diterima Pada 29 September 2014 *Semasa peringkat penyediaan dokumen tender, KTMB tidak mempunyai maklumat muktamad berhubung rekabentuk dan data ukur bagi pembangunan PLBE GJB di kawasan Kempas Baru kerana kerja ukur dan penyediaan reka bentuk tersebut masih belum diselesaikan. Oleh itu, lokasi dan aras tapak tidak mengambilkira keperluan tersebut semasa penyediaan Dokumen Tender. Kontraktor perlu menyediakan semula reka bentuk susun atur landasan, reka*	Berdasarkan laporan kemajuan kerja No. 30 bertarikh 24 September 2014, kemajuan sebenar kerja tanah adalah pada tahap 99.3% berbanding 100% (jadual). Baki kerja tanah yang masih dilaksanakan adalah dikawasan Zon C. Kontraktor menjangkakan kerja tanah akan disiapkan pada 1 November 2014. Maklum Balas Kementerian Dan KTMB pada 3 Oktober 2014. Kementerian mengakui bahawa akibat pertindihan susun atur landasan di Depoh Kempas Baru dengan cadangan jajaran landasan berkembar PLBE GJB dan Depoh PLBE GJB, memang memberikan kesan kepada tempoh penyiapan kerja bagi Depoh Kempas Baru. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian berpandangan bahawa perancangan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	bentuk cerun bukit termasuk redesign of invert level disebabkan perkara ini. Selain itu, Kontraktor terpaksa merancang semula penggunaan jentera/mesin kerja tanah yang lebih banyak memerlukan potongan tanah (earth cutting). Ini menyebabkan lebih banyak mesin dan tambahan masa diperlukan untuk menyiapkan kerja tanah tersebut.	bagi pelaksanaan projek Depoh Kempas Baru telah dibuat dengan sewajarnya. Namun demikian, oleh kerana tempoh masa yang diberikan kepada Kementerian untuk mematuhi tarikh perpindahan keluar operasi KTMB dari Stesen Tanjung Pagar dan Depoh KTMB di Singapura mengikut perjanjian POA sebelum 1 Julai 2011 dan pembangunan PLBE GJB pada tahun 2011 masih lagi diperingkat perancangan, Depoh Kempas Baru terpaksa dilaksanakan terlebih dahulu tanpa menunggu jajaran landasan berkembar PLBE GJB dan susun atur Depoh PLBE GJB dimuktamadkan. Tambahan pula Lot PTD 40050 tersebut memang sesuai untuk menempatkan kompleks penyelenggaraan tren kerana mempunyai kawasan yang agak luas iaitu 267.97 ekar. Disebabkan Depoh Kempas Baru perlu dilaksanakan terlebih dahulu, maka maklumat yang dimasukkan ke dalam Dokumen Tender adalah berdasarkan maklumat sedia ada pada ketika itu dan dengan anggapan bahawa cadangan kedudukan Depoh Kempas Baru tidak bertindih dengan jajaran PLBE GJB dan depohnya. Setelah jajaran dan perincian aras landasan berkembar PLBE GJB dimuktamadkan pada November 2011, didapati susun atur landasan Depoh Kempas bertindih dan berlainan aras. Keadaan ini akan menyebabkan implikasi kepada pengoperasian kereta api. Oleh demikian kedudukan depoh Kempas Baru perlu diselaras semula. Dari segi pemantauan di tapak, pihak Kementerian telah mengeluarkan arahan penangguhan kerja kepada pihak KTMB melalui surat bertarikh 3 Ogos 2012 supaya menangguhkan kerja-kerja tanah bagi membolehkan Kementerian dan KTMB menyelesaikan pertindihan susun atur landasan. Mesyuarat penyelarasan susun atur landasan antara kedua-dua depoh telah diadakan bermula 7 Ogos 2012 dan penyelesaian muktamad ke atas susun atur landasan Depoh Kempas Baru dicapai pada 27 September 2012. Selanjutnya pihak Kementerian telah mengeluarkan Arahan Perubahan Kerja No. 1 bertarikh 1 Julai 2014 dan Lanjutan Masa No. 1 selama 108 hari kepada kontraktor untuk mengalihkan kedudukan depoh tersebut. Pihak kementerian berpandangan tindakan yang diambil bersabit perkara di atas merupakan tindakan pemantauan yang dibuat supaya perkara ini tidak berlarutan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.5.1.3.a	**Kerja Landasan** Mengikut *Statement of Needs* (SON), skop kerja landasan adalah melibatkan pembelian komponen landasan baru seperti rel jenis BS80A, pengikat rel dan pengalas konkrit baru. Tempoh kerja yang dipersetujui bermula dari 20 September 2012 hingga 20 Mei 2013 yang merangkumi kerja penghantaran sesimpang dan rel serta penyiapan *embedded tracks, pit line track dan ballasted track.*	**-**
9.5.1.3.b	Semakan Audit mendapati Kontraktor memohon untuk menggunakan rel UIC54 terpakai daripada projek PLBE Seremban Gemas. Ini kerana Kontraktror memaklumkan pembekalan rel baru jenis BS80A akan mengambil masa selama 6 bulan disebabkan jumlah yang akan digunakan adalah sedikit. Tambahan lagi rel UIC54 juga akan diguna pakai untuk projek PLBE GJB.	**-**
9.5.1.3.c	Semakan lanjut mendapati KTMB tidak mempertimbangkan permohonan tersebut kerana Kontraktor perlu mematuhi syarat Kontrak. Pada 3 Ogos 2012 KSU Kementerian tiada halangan untuk menggunakan rel UIC54. Bagaimanapun, ianya tertakluk kepada kelulusan muktamad jawatankuasa perubahan kerja. Semakan Audit juga mendapati, Arahan Perubahan Kerja masih belum diluluskan lagi. Maklum Balas Kementerian Dan KTMB Yang Diterima Pada 29 September 2014 *Di peringkat awal, KTMB tidak dapat mempertimbangkan permohonan tersebut kerana landasan keretapi sedia ada di Sektor Gemas – Johor Bahru termasuk landasan cawangan di antara Stesen Kempas Baru dan Stesen Pasir Gudang adalah menggunapakai rel jenis BS80A. Rel yang berbeza spesifikasinya menimbulkan kesukaran terhadap aspek penyelenggaraan kerana memerlukan pegangan stok yang berbeza. Di samping itu, kos penyelenggaraan landasan adalah lebih rendah sekiranya rel BS80A digunakan.* *Namun begitu, Kontraktor telah merayu kepada Kementerian untuk membenarkan pertukaran jenis rel tersebut. Kementerian secara bertulis menyatakan tiada halangan untuk menggunakan rel jenis UIC54 kerana rel tersebut mempunyai ciri yang lebih baik kerana berkeupayaan untuk menampung beban gandar (axle load) 20 tan dan mempunyai jangka hayat yang lebih panjang iaitu 40 tahun walaupun ianya adalah rel terpakai (2 tahun telah diguna pakai dari projek terdahulu). Di samping itu, penggunaan bahan terpakai (rel dan sleeper) dapat menjimatkan kos projek kerana bahan adalah dibekalkan oleh Kerajaan.*	Maklum Balas Kementerian Dan KTMB pada 3 Oktober 2014. Arahan Perubahan Kerja telah diluluskan pada 1 Julai 2014. Skop pinda kerja di dalam Arahan Perubahan Kerja yang telah diluluskan tersebut antara lain adalah penggunaan matabenda landasan terpakai seperti rel UIC54, pengikat rel UIC54, pengalas konkrit, sesimpang landasan, pengurangan kuantiti kerja tanah, pindaan susunatur landasan dan jarak landasan. Kos asal di dalam kontrak bagi kerja-kerja rel (*trackwork*) jenis BS80A ialah sebanyak RM7,626,390.31. Dengan menggunapakai rel jenis UIC54 Kerajaan akan mendapat penjimatan sebanyak RM799,797.68 dengan keupayaan rel yang lebih baik berbanding BS80A.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Memandangkan tempoh projek adalah singkat iaitu 18 bulan dan kemudahan depoh amat diperlukan bagi menggantikan kemudahan seumpamanya yang terdapat di Tanjong Pagar, Singapura, maka kerja telah diteruskan walaupun Arahan Perubahan Kerja masih belum diluluskan. Setelah KTMB berbincang dengan Kementerian, pihak Kementerian mengambil maklum akan perkara tersebut dan menggesa agar kerja tersebut disegerakan kerana KTMB tidak mempunyai kemudahan depoh stokereta yang sempurna di sektor Selatan. Selain itu, Kerajaan akan mendapat penjimatan daripada pertukaran rel tersebut. Arahan Perubahan Kerja telah diluluskan pada 1 Julai 2014.	
9.5.1.3.d	Lawatan Audit pada 23 Disember 2013 mendapati kerja pembinaan *embedded track* dan *pit line track* di *Coach Shed* dan *Loco Shed* sedang dijalankan. Maklum Balas Kementerian Dan KTMB Yang Diterima Pada 29 September 2014 *Kerja pembinaan pit line track di Coach Shed dan Loco Shed telah disiapkan pada 30 Ogos 2014 kecuali pembinaan embedded track yang dijangka dapat disiapkan pada 1 November 2014.*	Berdasarkan laporan kemajuan kerja No. 30 bertarikh 24 September 2014, kemajuan sebenar pembinaan *embedded track* adalah pada tahap 99% berbanding 100% (jadual). Setakat tarikh tersebut, kerja yang dilaksanakan adalah *in-progress* (tidak berlaku kelewatan) dan dijangkakan kerja tersebut boleh disiapkan pada 1 November 2014.
9.5.1.3.e	Sehingga 31 Disember 2013 peratusan kerja landasan adalah sebanyak 3.49% berbanding 100%. Walaupun matabenda landasan seperti rel, pengikat landasan dan pengalas konkrit telah dihantar ke tapak, kemajuan kerja landasan hanya akan dikira apabila Kontraktor mula memasang batu *ballast*, pengalas konkrit dan rel. Pada pendapat Audit, rel yang digunakan perlu sesuai dengan reka bentuk yang diluluskan dan sebarang perubahan perlu diluluskan oleh pakar teknikal. Selain itu, penukaran jenis rel harus diteliti daripada aspek kos, keselamatan dan jangka hayat rel supaya Kerajaan mendapat *best value for money*. Maklum Balas Kementerian Dan KTMB Yang Diterima Pada 29 September 2014 *Pertukaran rel daripada jenis BS80A kepada UIC54 adalah selaras dengan pembangunan stokereta keretapi di mana beban gandar (axle load) telah dinaikkan daripada 16 tan kepada 20 tan dan rel yang sesuai digunakan adalah UIC54 yang lebih selamat dan boleh menampung bebanan tersebut serta mempunyai jangka hayat yang panjang iaitu lebih kurang 40 tahun. Pelandas landasan (pelapik rel) jenis UIC54 perlu digunakan mengikut rel jenis UIC54. Ekoran daripada pertukaran rel tersebut, jangka hayat rel adalah lebih panjang, keselamatan tren lebih terjamin dan seterusnya Kerajaan mendapat best value*	Maklum Balas Kementerian Dan KTMB pada 3 Oktober 2014. Pertukaran rel daripada jenis BS80A kepada UIC54 adalah selaras dengan pembangunan stokereta keretapi di mana beban gandar (*axle load*) telah dinaikkan daripada 16 tan kepada 20 tan dan rel yang sesuai digunakan adalah UIC54 yang lebih selamat dan boleh menampung bebanan tersebut serta mempunyai jangka hayat yang panjang iaitu lebih kurang 40 tahun. Pelandas landasan (pelapik rel) jenis UIC54 perlu digunakan mengikut rel jenis UIC54. Ekoran daripada pertukaran rel tersebut, jangka hayat rel adalah lebih panjang,

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	for money. Selain itu, pertukaran jenis rel dari BS80A kepada UIC54 telah diluluskan pada 1 Julai 2014 oleh Jawatankuasa Perubahan Kerja Kementerian Pengangkutan.	keselamatan tren lebih terjamin dan seterusnya Kerajaan mendapat *best value for money*. Lanjutan dari perkara di atas pihak kontraktor telah membuat permohonan kepada Kementerian untuk mengguna pakai *recovered rail, sleepers, fitting* dan *turnout* dan balasan surat dari Kementerian pada 9 Julai 2012 kepada kontraktor dimana pihak Kementerian telah memberi keputusan tiada halangan dan tertakluk kepada persetujuan KTMB (sebagai pakar pengoperasian rel) dan Perbadanan Aset Keretapi. Berdasarkan rekod KTMB, adalah disahkan bahawa dari segi teknikal, UIC54 adalah lebih sesuai. Kos asal di dalam kontrak bagi kerja-kerja rel (*trackwork*) jenis BS80A ialah sebanyak RM7,626,390.31. Dengan menggunapakai rel jenis UIC54 Kerajaan akan mendapat penjimatan sebanyak RM799,797.68 dengan keupayaan rel yang lebih baik berbanding BS80A.
9.5.1.4.b	**Kerja Semboyan** Semakan Audit mendapati lokasi pembangunan depoh Kempas Baru, Johor Bahru yang asal berada di bahagian hadapan Stesen Kempas Baru sedia ada. Bagaimanapun, perubahan lokasi tapak menyebabkan berlaku perubahan reka bentuk sistem persemboyanan, pembelian peralatan baru seperti *Point Machine, Relay Apparatus* dan *Signal Apparatus*, perisian semboyan yang boleh diintegrasikan dengan sistem semboyan sedia ada dan penambahan rajah sisian pada panel Stesen Kempas Baru dan lain-lain peralatan berkaitan yang menyumbang kepada perubahan kerja penambahan. Lawatan Audit ke tapak projek pada 23 Disember 2013 mendapati kerja semboyan masih tidak dilaksanakan kerana kerja tanah dan landasan masih belum siap sepenuhnya. Pada pendapat Audit, kajian tapak sepatutnya dilaksanakan bagi mengenal pasti kesesuaian lokasi pembinaan dan mengelakkan perubahan lokasi serta menentukan kerja disiapkan mengikut jadual. Maklum Balas Kementerian Dan KTMB Yang Diterima Pada 29 September 2014 *Kerja semboyan hanya boleh dilaksanakan selepas kerja landasan selesai. Laluan kabel semboyan perlu berada pada kedudukan selari dengan landasan kerana kabel perlu disambung pada peralatan di landasan. Oleh itu, apabila landasan masih belum dipasang, kedudukan kabel semboyan tidak dapat ditentukan lokasinya dan beberapa peralatan semboyan tidak dapat dipasang di tapak. Sehubungan itu, kerja yang berkaitan dengan landasan dan semboyan*	Berdasarkan laporan kemajuan kerja No. 30 bertarikh 24 September 2014, kemajuan sebenar kerja persemboyanan adalah pada tahap 83% berbanding 100% (jadual). Kontraktor menjangkakan kerja tersebut akan disiapkan pada 8 November 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	perlu mengikut turutan/prosedur yang betul iaitu kerja pemasangan landasan perlu disiapkan terlebih dahulu dan diikuti oleh kerja pemasangan sistem persemboyanan.	
9.5.1.5.a	**Bangunan Pentadbiran Dan *Coach Shed*** Berdasarkan *Master Work Program Revision 2* bertarikh 2 Mac 2012, kerja pembinaan bangunan pentadbiran dan *coach shed* mengambil masa selama 150 hari iaitu bermula dari 20 November 2012 hingga 20 Mei 2013. Berdasarkan pelan reka bentuk, bangunan pentadbiran dan *coach shed* adalah dibina secara bersambung. Pembinaan bangunan pentadbiran adalah merangkumi pembinaan Pejabat Stor, Bilik Stor, *Battery Room*, *Compressor Room*, *Tool Crib Room*, *Machinery Room* dan *Switch Room*. Berdasarkan tempoh kontrak (17 Januari 2012 hingga 16 Julai 2013) berserta EOT (17 Julai 2013 hingga 1 November 2013) yang telah diluluskan, keseluruhan projek sepatutnya siap pada 1 November 2013.	-
9.5.1.5.b	Semakan Audit terhadap Laporan Kemajuan Bil. 23 iaitu bagi tempoh berakhir 31 Disember 2013, kemajuan bagi skop bangunan pentadbiran adalah 63.63% berbanding 100% iaitu berlaku kelewatan sebanyak 36.37% berbanding jadual asal. Manakala pembinaan *coach shed* adalah 34.74% berbanding 100% iaitu kelewatan sebanyak 65.26% daripada jadual asal. Lawatan Audit pada 23 Disember 2013 ke tapak projek mendapati bangunan pentadbiran dan *coach shed* masih dalam pembinaan dan belum siap sepenuhnya. Lawatan Susulan pada 11 Ogos 2014 mendapati bangunan pentadbiran, *loco shed* dan *coach shed* telah mencapai kemajuan kerja 93.94%. Pada pendapat Audit, walaupun terdapat masalah seperti perubahan aras tapak dan susun atur landasan, perkara ini telah diberikan EOT selama 108 hari. Oleh itu, kerja sepatutnya telah dapat diselaraskan berdasarkan EOT yang telah diluluskan.	-
	Maklum Balas Kementerian Dan KTMB Yang Diterima Pada 29 September 2014 *Akibat kegagalan Kontraktor menyiapkan pembinaan depoh penyenggaraan stokereta Kempas Baru pada 1 November 2013, denda LAD (Liquidated and Ascertained Damages) pada kadar RM6,976.00 sehari telah dikenakan berkuatkuasa mulai 2 November 2013 sehingga keseluruhan pembinaan depoh tersebut disiapkan sepenuhnya.*	Berdasarkan laporan kemajuan kerja No. 30 bertarikh 24 September 2014, semua kerja bangunan pentadbiran, *Coach shed* dan *Loco shed* telah disiapkan. Bangunan pentadbiran telah disiapkan pada 26 Mei 2014, *Coach shed* disiapkan pada 7 Oktober 2014 dan *Loco Shed* disiapkan pada 27 Jun 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.5.2.a	**Memulakan Kerja Tanpa Kelulusan Kebenaran Merancang** Mengikut Seksyen 19(1), Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976, tiada seorang pun, selain Pihak Berkuasa Tempatan boleh memulakan, mengusahakan atau menjalankan apa-apa pemajuan melainkan jika Kebenaran Merancang berkenaan dengan pemajuan itu telah diberikan kepadanya. Manakala Seksyen 21(1) menetapkan sesuatu permohonan untuk Kebenaran Merancang berkenaan dengan sesuatu pemajuan hendaklah dibuat kepada Pihak Berkuasa Tempatan.	-
9.5.2.b	Semakan Audit mendapati Kontraktor melalui AHA Planning Consultant telah memohon kelulusan Kebenaran Merancang daripada Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) pada 15 Jun 2012 walaupun penyerahan tapak telah diberi pada 17 Januari 2012 iaitu 150 hari daripada tarikh pemilikan tapak. Selain itu, Kontraktor telah diberikan NCR pada 12 April 2012 kerana memulakan kerja tanpa Kebenaran Merancang. Pada pendapat Audit, memulakan kerja tanpa Kebenaran Merancang boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan kerana tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan. Maklum Balas Kementerian Dan KTMB Yang Diterima Pada 29 September 2014 *Kelulusan Pelan Tataletak Depoh pada 7 Mac 2012 oleh pihak KTMB dan kelewatan mendapatkan keperluan daripada pihak Perbadanan Aset Keretapi (PAK) bagi memenuhi keperluan dari MBJB seperti pelan demarkasi, salinan geran tanah, resit cukai tanah dan cukai taksiran serta surat pengecualian cukai harta. Pihak perunding telah memohon untuk menjalankan kerja awalan daripada pihak MBJB. Pihak KTMB telah mengemukakan NCR kepada Kontraktor pada 12 April 2012 dan NCR tersebut telah ditutup pada 10 September 2012 selepas AHA Planning Consultant menerima Development Order (DO)bersyarat daripada MBJB pada 16 Ogos 2012.*	- Maklum Balas Kementerian Dan KTMB pada 3 Oktober 2014. Pihak KTMB telah mengemukakan notis *Non Comformance Report* (NCR) kepada Kontraktor di atas kegagalan Kontraktor mendapatkan Kebenaran Merancang dan memulakan kerja tanpa kelulusan Kebenaran Merancang pada 12 April 2012. NCR tersebut telah ditutup pada 10 September 2012 selepas AHA *Planning Consultant* menerima *Development Order* (DO)bersyarat daripada MBJB pada 16 Ogos 2012. Kelulusan penuh Kebenaran Merancang diterima pada 9 April 2013. KTMB berpandangan bahawa Kontraktor telah mengambil risiko dan bertanggungjawab dengan melaksanakan kerja tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sekiranya PBT membuat penguatkuasaan, maka kontraktor akan menanggung segala kerugian yang dialami oleh Kerajaan. Dari segi kontrak, KTMB telah melaksanakan obligasi tanggungjawab kontrak iaitu mengeluarkan notis kepada kontraktor kerana tidak mematuhi syarat-syarat berkenaan peraturan PBT yang disebut di dalam kontrak.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.5.3.b	**Kelewatan Pengalihan Kabel Fiber Optik** Semakan Audit mendapati pihak Kontraktor melalui surat bertarikh 27 Disember 2013 kepada KTMB memaklumkan isu mengenal pasti kedudukan kabel fiber optik dan pengalihannya bukanlah di bawah skop kerja Kontraktor. Sebaliknya kerja ini adalah di bawah KTMB semasa meluluskan Pelan Landasan pada 29 Mac 2013 yang telah berurusan terus dengan pihak syarikat Fiberail Sdn. Bhd. untuk proses pengalihan ini. Semakan selanjutnya mendapati kabel fiber optik ini tidak ditunjukkan di dalam pelan landasan. Maklum Balas Kementerian Dan KTMB Yang Diterima Pada 29 September 2014 *Pihak Kontraktor telah mengambil maklum perkara ini semasa sesi mesyuarat tapak di mana KTMB telah membangkitkan keperluan pengalihan kabel fiber optik semasa Mesyuarat Tapak/Pemantauan Projek yang dihadiri oleh Pengurus Projek Kontraktor pada 17 April 2013, 9 Mei 2013, 23 Mei 2013 dan 9 Julai 2013. Namun begitu, pihak Kontraktor tidak mengambil tindakan segera berhubung perkara tersebut walaupun telah beberapa kali dibincangkan.* *Kaedah pembinaan projek adalah Reka dan Bina di mana amalan yang lazim sebelum kerja pembinaan dijalankan ialah kerja ukur dan mencerap data/maklumat utiliti yang terdapat di tapak projek perlu dilaksanakan di peringkat awal projek.* *Oleh itu, pihak Kontraktor wajar mengambil tindakan segera berhubung kedudukan setiap utiliti yang terlibat termasuk kabel fiber optik dan perlu dialihkan dari tapak projek. Pihak Kontraktor tidak menyertakan pelan yang lengkap dan terperinci kepada KTMB berhubung utiliti yang terlibat dengan kawasan pembinaan semasa mengemukakan Pelan Landasan untuk kelulusan KTMB.*	Maklum Balas Kementerian Dan KTMB pada 3 Oktober 2014. Kerja pengalihan Kabel Fibre Optik telah siapkan oleh pihak Fiberail Sdn. Bhd. pada 21 Jun 2014.
9.5.3.c	Mesyuarat berhubung pengesahan kos pengalihan kabel fiber optik pada 1 April 2014 memutuskan untuk menyiapkan pengalihan kabel fiber optik dalam tempoh 4 minggu selepas mesyuarat pengesahan kos dimuktamadkan. Kos pengalihan yang telah disahkan bersama di antara pihak Kontraktor dan Fiberail Sdn. Bhd adalah berjumlah RM530,028.50. Kelewatan mengalihkan kabel fiber optik boleh menyebabkan kerja tanah dan landasan tidak dapat disiapkan mengikut jadual. Pada pendapat Audit, kedudukan kabel fiber optik sepatutnya ditunjukkan dalam Pelan Landasan projek ini. Pemantauan rapi dari pihak Kementerian dan KTMB	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	adalah penting bagi memastikan pengalihan kabel fiber optik di kawasan berkenaan diselesaikan segera. Maklum Balas Kementerian Dan KTMB Yang Diterima Pada 29 September 2014 *Isu pengalihan kabel fiber optik telah selesai sepenuhnya di mana kerja berkaitan telah siapkan oleh pihak Fiberail Sdn. Bhd. pada 21 Jun 2014.*	Maklum Balas Kementerian Dan KTMB pada 3 Oktober 2014. Berdasarkan kepada kedudukan tapak asal projek, kerja-kerja tanah dan kerja-kerja rel yang akan dilaksanakan tidak melibatkan laluan kabel optik di mana landasan masuk ke Depoh hanya disambung ke landasan sisian no 4 yang berada di Stesen Kempas Baru. Kabel optik hanya berada bersebelahan landasan utama sahaja. Bagaimanapun setelah berlaku anjakan tapak asal ke tapak baru, landasan masuk ke Depoh telah disambung terus ke landasan utama, maka ia telah melibatkan laluan kabel optik. Oleh yang demikian laluan kabel optik di dalam lukisan tapak yang asal tidak ditunjukkan kerana tidak terlibat dengan kerja tanah dan kerja rel. Pihak kontraktor tidak menyertakan pelan yang lengkap dan terperinci kepada KTMB berhubung utiliti yang terlibat dengan kawasan pembinaan semasa mengemukakan Pelan Landasan untuk kelulusan KTMB. Isu pengalihan kabel fiber optik telah selesai sepenuhnya di mana kerja berkaitan telah siapkan oleh pihak Fiberail pada 21 Jun 2014.
9.5.4.1	**Kontrak Perjanjian** Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan selewat-lewatnya empat (4) bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima (SST). Semakan Audit mendapati SST telah dikeluarkan pada 20 Disember 2011. Bagaimanapun, dokumen kontrak hanya ditandatangani pada 24 Julai 2012 iaitu kelewatan selama 127 hari selepas 4 bulan daripada tarikh SST. Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah menandatangani dokumen kontrak dalam masa yang ditetapkan bagi memastikan suatu kontrak formal diwujudkan dan kepentingan Kerajaan terjamin sekiranya berlaku pertikaian antara Kontraktor dan Kerajaan antara tempoh penyerahan tapak sehingga kontrak ditandatangani. Maklum Balas Kementerian Dan KTMB Yang Diterima Pada 29 September 2014 *Deraf Dokumen Kontrak telah dikemukakan kepada Bahagian Perundangan*	**-** Maklum Balas Kementerian Dan KTMB pada 3 Oktober 2014. Deraf Dokumen Kontrak telah dikemukakan kepada Bahagian Perundangan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	KTMB pada 15 Mac 2012 untuk disemak bagi mematuhi keperluan Kementerian Pengangkutan. Pada 5 April 2012, deraf tersebut dikemukakan kepada Kementerian dan ulasan PUU Kementerian diterima oleh KTMB pada 8 Mei 2012. Pada 29 Mei 2012, KTMB menyerahkan 9 salinan Dokumen Kontrak kepada Kementerian Pengangkutan dan ditandatangani pada 24 Julai 2012. *Bagi mengelakkan kelewatan seumpamanya daripada berulang, KTMB memohon agar amalan supaya dokumen perjanjian disemak oleh PUU KTMB terlebih dahulu dapat dimansuhkan. Ini memandangkan Bahagian Perundangan KTMB tidak mempunyai kapasiti untuk melaksanakan tugasan tersebut kerana hanya terdapat seorang PUU di KTMB bagi menangani isu perundangan keseluruhan syarikat termasuk semakan semua dokumen perjanjian untuk kontrak yang dibiayai oleh KTMB. Beliau juga berperanan selaku urusetia kepada Lembaga Pengarah KTMB. Dalam pada itu, KTMB akan memohon kepada Pengurusan KTMB supaya menambah seorang PUU di KTMB untuk menangani tugasan bagi menyemak dokumen Kontrak Kerajaan.* *Sehubungan itu, satu Jawatankuasa Siasatan di peringkat Kementerian Pengangkutan akan ditubuhkan.*	KTMB pada 15 Mac 2012 untuk disemak bagi mematuhi keperluan Kementerian Pengangkutan. Pada 5 April 2012, deraf tersebut dikemukakan kepada Kementerian dan ulasan PUU Kementerian diterima oleh KTMB pada 8 Mei 2012. Pada 29 Mei 2012, KTMB menyerahkan 9 salinan Dokumen Kontrak kepada Kementerian Pengangkutan dan ditandatangani pada 24 Julai 2012. Bagi mengelakkan kelewatan seumpamanya daripada berulang, KTMB memohon agar amalan supaya dokumen perjanjian disemak oleh PUU KTMB terlebih dahulu dapat dimansuhkan. Ini memandangkan Bahagian Perundangan KTMB tidak mempunyai kapasiti untuk melaksanakan tugasan tersebut kerana hanya terdapat seorang PUU di KTMB bagi menangani isu perundangan keseluruhan syarikat termasuk semakan semua dokumen perjanjian untuk kontrak yang dibiayai oleh KTMB. Beliau juga berperanan selaku urusetia kepada Lembaga Pengarah KTMB. Dalam pada itu, KTMB akan memohon kepada Pengurusan KTMB supaya menambah seorang PUU di KTMB untuk menangani tugasan bagi menyemak dokumen Kontrak Kerajaan. Sehubungan itu, satu Jawatankuasa Siasatan di peringkat Kementerian Pengangkutan akan ditubuhkan.
9.5.4.2	**Bayaran Kemajuan Kerja Kontrak** Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.10 Tahun 1995 antara lainnya menyatakan bayaran kemajuan kepada Kontraktor yang melaksanakan kerja boleh dibayar hingga 3 bayaran kemajuan dalam tempoh 4 bulan pertama selepas keluarnya SST dan sebelum perjanjian ditandatangani secara rasmi. Semakan Audit mendapati SST bagi projek pembinaan depoh penyenggaraan stokereta KTMB telah dikeluarkan pada 20 Disember 2011 dan dokumen kontrak telah ditandatangani pada 24 Julai 2012. Semakan Audit selanjutnya terhadap bayaran kemajuan bagi projek Kempas Baru (Depoh) mendapati sebanyak 3 bayaran kemajuan berjumlah RM3.9 juta telah dibuat selepas tempoh 4 bulan pertama dari tarikh SST dikeluarkan. Pada pendapat Audit, pembayaran dibuat selepas 4 bulan daripada tarikh SST dan sebelum kontrak ditandatangani adalah merupakan bayaran yang tidak teratur. Kementerian perlu menyiasat sekiranya terdapat unsur-unsur kecuaian dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya. Maklum Balas Kementerian Dan KTMB Yang Diterima Pada 29 September 2014	Maklum Balas Kementerian Dan KTMB pada 3 Oktober 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	KTMB telah terlepas pandang berhubung perkara ini. Susulan daripada kejadian ini, pihak KTMB telah mengambil tindakan dengan mengemukakan surat tunjuk sebab dan meminta penjelasan kepada pegawai KTMB berkenaan bagaimana isu 3 bayaran kemajuan berjumlah RM3.9 juta telah dibuat selepas tempoh 4 bulan pertama dari tarikh SST dikeluarkan. Sekiranya pegawai tersebut didapati cuai dalam menjalankan tanggungjawab dan amanah yang diberikan, pegawai tersebut akan dikenakan tindakan tatatertib mengikut tahap sesuatu kesalahan yang telah dibuat. *Bahagian Pentadbiran dan Kewangan selaku Pusat Pembayar melaksanakan bayaran berdasarkan perakuan KTMB yang dilantik sebagai Wakil Pegawai Penguasa (SOR). Dalam hubungan ini, bayaran yang telah dilaksanakan ini telah pun diperakukan sebagai teratur dan boleh dibayar oleh Pengurus Projek KTMB selaku SOR.* *Bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang pada masa hadapan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan akan menambah baik Prosedur Operasi Standard (SOP) dengan meminta SOR mengemukakan salinan muka hadapan kontrak dan helaian yang mengandungi tandatangan pegawai yang diberi kuasa untuk menandatangani kontrak sebagai dokumen sokongan tambahan bagi menyokong semua tuntutan bayaran.*	KTMB telah terlepas pandang berhubung perkara ini. Susulan daripada kejadian ini, pihak KTMB telah mengambil tindakan dengan mengemukakan surat tunjuk sebab dan meminta penjelasan kepada pegawai KTMB berkenaan bagaimana isu 3 bayaran kemajuan berjumlah RM3.9 juta telah dibuat selepas tempoh 4 bulan pertama dari tarikh SST dikeluarkan. Sekiranya pegawai tersebut didapati cuai dalam menjalankan tanggungjawab dan amanah yang diberikan, pegawai tersebut akan dikenakan tindakan tatatertib mengikut tahap sesuatu kesalahan yang telah dibuat. Bahagian Pentadbiran dan Kewangan selaku Pusat Pembayar melaksanakan bayaran berdasarkan perakuan KTMB yang dilantik sebagai Wakil Pegawai Penguasa (SOR). Dalam hubungan ini, bayaran yang telah dilaksanakan ini telah pun diperakukan sebagai teratur dan boleh dibayar oleh Pengurus Projek KTMB selaku SOR. Bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang pada masa hadapan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan akan menambah baik Prosedur Operasi Standard (SOP) dengan meminta SOR mengemukakan salinan muka hadapan kontrak dan helaian yang mengandungi tandatangan pegawai yang diberi kuasa untuk menandatangani kontrak sebagai dokumen sokongan tambahan bagi menyokong semua tuntutan bayaran.
9.5.4.3.a	**Arahan Perubahan Kerja** Arahan Perubahan Kerja (APK) perlu dikeluarkan sekiranya terdapat sebarang perubahan daripada perjanjian kontrak berkaitan dengan pelan, spesifikasi atau senarai kuantiti.	**-**
9.5.4.3.b	Semakan Audit mendapati, KTMB telah mengemukakan Permohonan Arahan Perubahan Kerja bertarikh 12 Julai 2013 kepada Kementerian untuk tujuan perubahan kerja.	
9.5.4.3.c	Semakan selanjutnya mendapati sehingga Mei 2014, kerja landasan telah dilaksanakan. Bagaimanapun, perubahan kerja masih belum diluluskan oleh Kementerian. Pada pendapat Audit, kerja tambahan dan pengurangan yang dibuat sebelum kelulusan APK adalah tidak teratur. Maklum Balas Kementerian Dan KTMB Yang Diterima Pada 29 September 2014	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Arahan Perubahan Kerja telah diluluskan pada 1 Julai 2014. KTMB dan Kementerian mengambil berat pandangan audit dan berjanji agar perkara seperti ini tidak akan berulang lagi pada masa akan datang.	
9.5.4.4.a	**Lukisan Siap Dibina** Lukisan Siap Dibina adalah lukisan bagi pembinaan yang telah siap dilaksanakan secara keseluruhan merangkumi semua sistem perkhidmatan dan fasiliti yang berkaitan termasuk dokumen sokongan berkaitan seperti Manual Operasi Dan Penyenggaraan serta Sijil *Testing and Commisioning*. Berdasarkan kepada Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya Edisi Ketiga, satu (1) set Lukisan Siap Dibina hendaklah diserahkan kepada Pegawai Penguasa dalam masa satu (1) bulan daripada tarikh Perakuan Siap Kerja dikeluarkan untuk perekodan dan penyenggaraan kerja tersebut. Manakala perenggan 4.18, Kenyataan Keperluan berkaitan Lukisan Siap Dibina telah menyatakan Kontraktor hendaklah menyediakan dan mengemukakan Lukisan Siap Dibina dengan segera sebaik sahaja kerja pembinaan siap.	-
9.5.4.4.b	Semakan Audit mendapati *Running Bungalow* telah dikeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja pada 09 Oktober 2012 dengan Tempoh Tanggungan Kecacatan akan tamat pada 27 September 2013. Berdasarkan kepada Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya, Lukisan Siap Dibina hendaklah diserahkan pada 8 November 2012 iaitu satu (1) bulan daripada tarikh Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Semakan selanjutnya mendapati Kontraktor telah menyerahkan Lukisan Siap Dibina pada 21 Januari 2014 iaitu 439 hari (08/11/2012 - 21/01/2014) daripada tarikh yang sepatutnya dikemukakan. Semakan juga mendapati pihak KTMB telah mengeluarkan 4 kali surat peringatan kepada Kontraktor berkaitan dengan penyerahan Lukisan Siap Dibina *Running Bungalow* iaitu pada 22 Januari 2013, 27 Mac 2013, 24 September 2013 dan 4 Disember 2013.	-
9.5.4.4.c	Selain itu, Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) telah tamat pada 27 September 2013 dan sebarang kerosakan dan penyenggaraan selepas tarikh tersebut adalah di bawah tanggungan KTMB sendiri. Oleh itu, pihak KTMB tidak dapat merujuk kepada Lukisan Siap Dibina bagi tempoh 116 hari iaitu daripada tarikh tamat DLP sehingga Lukisan Siap Dibina diterima. Pada pendapat Audit, serahan Lukisan Siap Dibina melebihi tempoh yang sepatutnya telah menyebabkan pihak KTMB tidak dapat merujuk kepada rekod pembinaan bangunan selama 116 hari iaitu selepas Tempoh Tanggungan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Kecacatan tamat. Maklum Balas Kementerian Dan KTMB Yang Diterima Pada 29 September 2014 *Pihak Kontraktor terpaksa mengambil masa yang lama untuk mendapatkan Lukisan Siap Dibina bagi kerja infrastruktur, sub struktur dan shop drawing bagi M&E daripada pihak sub kontraktor (Isogress Construction Sdn. Bhd.) yang telah ditamatkan kontraknya disebabkan kegagalan pihak mereka memastikan projek tidak mengalami kelewatan. Oleh kerana Lukisan Siap Dibina tidak diperolehi daripada Kontraktor, pihak KTMB hanya dapat melaksanakan kerja penyelenggaraan di luar bangunan sahaja (minor maintenance) seperti memotong rumput, membersih sistem perparitan dan pembersihan (dalam bangunan) sahaja.*	Maklum Balas Kementerian Dan KTMB pada 3 Oktober 2014. Kontraktor telah menyerahkan Lukisan Siap Dibina bagi *Running Bungalow* pada 21 Januari 2014.
9.5.4.5.a	**Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan Belum Dikeluarkan** Kerajaan telah bersetuju menguatkuasakan sistem perakuan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance* - CCC) menggantikan Perakuan Kelayakan Menduduki (*Certificate of Fitness for Occupation* - CFO) berkuatkuasa mulai 12 April 2007. Di bawah sistem perakuan baru ini, CCC akan dikeluarkan oleh Arkitek Profesional atau Jurutera Profesional yang berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) atau Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) selaku "orang utama yang mengemukakan" (*Principal Submitting Person* - PSP). Bagi bangunan yang memerlukan input seni bina yang tinggi, Arkitek Profesional akan bertindak sebagai PSP sementara Jurutera Profesional pula akan bertindak sebagai PSP bagi projek berbentuk kejuruteraan. Bagi banglo yang tidak melebihi ketinggian 2 tingkat dan keluasan yang tidak melebihi 300 meter persegi pula, Pelukis Pelan Bangunan akan berfungsi sebagai PSP serta mengeluarkan CCC. Setelah aspek teknikal untuk *running bungalow* mengenai kesihatan dan keselamatan telah dipatuhi, CCC akan dikeluarkan.	**-**
9.5.4.5.b	Semakan Audit mendapati Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan pada 09 Oktober 2012 dengan kerja pembinaan *running bungalow* telah diakui siap pada 27 September 2012. Lawatan Audit pada bulan Disember 2013 mendapati bangunan telah beroperasi sepenuhnya. Bagaimanapun, semakan lanjut mendapati *running bungalow* yang telah digunakan masih belum dikeluarkan Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC). Berdasarkan maklum balas pihak perunding, CCC hanya dikeluarkan bagi keseluruhan projek iaitu *Design, Contruction, Completion, Testing, Commisioning and Maintenance of Rolling Stock Maintenance Depot and Other Associated Works at Kempas Baru,*	**-**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Johor Bahru. Pada pendapat Audit, penggunaan *Running Bungalow* tanpa memperoleh Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) terlebih dahulu adalah menyalahi peraturan yang ditetapkan dan boleh mendedahkan penghuni kepada risiko kesihatan dan keselamatan.	
	Maklum Balas Kementerian Dan KTMB Yang Diterima Pada 29 September 2014	Maklum Balas Kementerian Dan KTMB pada 3 Oktober 2014
	Keperluan Running Bungalow adalah mendesak setelah kemudahan seumpamanya yang terdapat di Tanjong Pagar, Singapura ditutup. Walaupun bangunan tersebut belum dikeluarkan CCC, ia telah digunakan kerana ketiadaan Running Bungalow telah menimbulkan kesukaran kepada operasi tren KTMB. Di samping itu, penggunaan Running Bungalow dapat mengurangkan beban kewangan KTMB dan kesukaran logistik kerana sebelum wujudnya kemudahan tersebut, kru tren KTMB terpaksa menyewa hotel di sekitar bandaraya Johor Bahru.	Keperluan *Running Bungalow* adalah mendesak setelah kemudahan seumpamanya yang terdapat di Tanjong Pagar, Singapura ditutup. Walaupun bangunan tersebut belum dikeluarkan CCC, ia telah digunakan kerana ketiadaan *Running Bungalow* telah menimbulkan kesukaran kepada operasi tren KTMB. Di samping itu, penggunaan Running Bungalow dapat mengurangkan beban kewangan KTMB dan kesukaran logistik kerana sebelum wujudnya kemudahan tersebut, kru tren KTMB terpaksa menyewa hotel di sekitar bandaraya Johor Bahru.
	Berdasarkan Undang-Undang Kecil 25 Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984, CCC akan dikeluarkan setelah memenuhi segala keperluan atau kelulusan daripada Jabatan Teknikal seperti Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK), Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia Berhad, SAJ Holdings Sdn. Bhd. dan lain-lain. Pihak perunding tidak dapat mengemukakan CCC sehingga keseluruhan pembangunan di depoh Kempas Baru siap sepenuhnya bagi memenuhi keperluan/kelulusan agensi teknikal berkaitan.	Berdasarkan Undang-Undang Kecil 25 Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984, CCC akan dikeluarkan setelah memenuhi segala keperluan atau kelulusan daripada Jabatan Teknikal seperti Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK), Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia Berhad, SAJ Holdings Sdn. Bhd. dan lain-lain. Pihak perunding tidak dapat mengemukakan CCC sehingga keseluruhan pembangunan di depoh Kempas Baru siap sepenuhnya bagi memenuhi keperluan/kelulusan agensi teknikal berkaitan.
	Partial CCC tidak dapat dikeluarkan disebabkan syarat yang ditetapkan oleh IWK iaitu hanya satu sistem kumbahan yang dibenarkan dibina bagi satu pembangunan di lot tanah yang sama.	Partial CCC tidak dapat dikeluarkan disebabkan syarat yang ditetapkan oleh IWK iaitu hanya satu sistem kumbahan yang dibenarkan dibina bagi satu pembangunan di lot tanah yang sama.

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

Perenggan 10 : Projek Sistem Pengurusan Keselamatan Bersepadu Fasa 9

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.5.1.3	**Prestasi Penggunaan SPKB** Pekeliling Perbendaharaan (PP) Bil. 5 Tahun 2007 menyatakan semua aset Kerajaan hendaklah diguna dan dikendalikan dengan teratur, cekap, dan berkesan. Semakan Audit mendapati setakat Februari 2014, 41 tapak (52%) daripada 79 tapak yang telah diterima sempurna masih belum mengoptimumkan penggunaan SPKB bagi tempoh antara 7 hingga 17 bulan. Tapak-tapak berkenaan didapati menggunakan 4 daripada 5 sub sistem. Sistem Pengurusan Masa masih belum digunakan. Antara sebab utama yang dikenal pasti adalah proses reka bentuk, mencetak dan memasukkan data pegawai pada kad akses mengambil masa yang lama. Pada pendapat Audit, bagi tapak yang telah diterima sempurna, penggunaan SPKB perlu dioptimumkan bagi memastikan objektif pelaksanaan projek tercapai. Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 11 September 2014 *KKMM telah bermesyuarat pada 30 Januari 2014 dan mengeluarkan surat arahan kepada semua Jabatan serta Agensi yang terlibat supaya mengoptimumkan penggunaan SPKB. Prestasi penggunaan SPKB sepenuhnya perlu dilaporkan ke dalam Jawatankuasa Penyelaras/Teknikal dan Jawatankuasa Induk.* *Berdasarkan status penggunaan SPKB setakat bulan Ogos 2014 menunjukkan 89% atau 71 tapak daripada keseluruhan 79 tapak yang telah siap mengoptimumkan penggunaan SPKB.* *KKMM dan KPKM akan memastikan semua tapak dioptimumkan penggunaan SPKB mulai bulan September 2014.*	KKMM telahpun menggunakan semua tapak SPKB secara optimum.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.5.1.4	**Kajian Impak** Semakan Audit mendapati KKMM belum melaksanakan kajian impak bagi projek SPKB Fasa 1 hingga Fasa 8 yang bernilai RM68.93 juta. Kajian impak ini adalah penting bagi mengenal pasti keberkesanan dan manfaat yang diperoleh sebelum pelaksanaannya diperluaskan ke Fasa 9. Pada pendapat Audit, kajian impak projek SPKB perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti keberkesanan SPKB, manfaat yang diperoleh serta tindakan susulan terhadap kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti dan sebagai *lessons learnt* dalam pelaksanaan projek SPKB Fasa 9. Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 11 Julai 2014 *Kajian Impak Keberkesanan projek SPKB Fasa 1 hingga Fasa 8 yang komprehensif belum dilaksanakan. Susulan daripada teguran Audit, KKMM telah membentuk satu Jawatankuasa bagi memperinci penyediaan kajian impak keberkesanan SPKB merangkumi elemen Sistem Akses, Sistem Pengurusan Masa (TMS), Sistem Pengurusan Pelawat (VMS), Sistem Rekod Rakaman Imej melalui Kamera Litar Tertutup (CCTV) dan Sistem Penghadang Lalu Lintas. Laporan Kajian Keberkesanan SPKB yang komprehensif dijangka akan siap disediakan pada Jun 2015.*	Maklumbalas Kementerian seperti di perenggan 10.5.1.4
10.5.3.2.a	**Proses Menandatangani Kontrak** Seksyen 2, Akta Kontrak Kerajaan 1949 menetapkan kontrak perlu ditandatangani oleh Menteri atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Menteri. Semakan Audit mendapati kontrak bernilai RM150 juta telah ditandatangani oleh YB Menteri KKMM pada masa itu.	Maklumbalas Kementerian seperti di perenggan 10.5.3.2.a dan 10.5.3.2.b
10.5.3.2.b	Perenggan 47.1 kepada SPP Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh SST disetuju terima. Semakan Audit mendapati kontrak telah lewat ditandatangani selama 4 bulan dari tempoh sepatutnya. Pada pendapat Audit, KKMM perlu mempercepatkan proses semakan draf kontrak bagi memastikan kontrak dapat ditandatangani dalam tempoh yang sepatutnya.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 11 Julai 2014 *KKMM mengakui telah berlaku kelewatan selama 4 bulan dalam menandatangani kontrak SPKB. Semakan KKMM mendapati kandungan kontrak diperhalusi dalam tempoh antara 2 hingga 3 minggu kerana kaedah perolehan pembekalan secara sewa beli merupakan kali pertama seumpamanya.* *Walau bagaimanapun, beberapa langkah penambahbaikan telah diambil oleh Pejabat Penasihat Undang-undang dengan menetapkan tempoh maklum balas dalam masa 14 hari dan menubuhkan Pasukan Petugas Khas (Task Force) bagi menyegerakan proses semakan kontrak.*	
10.5.4.2.a	**Pembekalan Kad Akses** Kad akses merupakan satu komponen yang penting dalam SPKB sebagai kawalan had akses. Kad akses yang dibekalkan menggunakan teknologi iCLASS bagi memastikan keselamatan sesuatu tapak SPKB berada dalam tahap tertinggi dan setiap kad akses dikawal dengan nombor siri. Kad akses ini digunakan sebagai pas keselamatan di tapak SPKB. Berdasarkan *Bill Of Quantity* (BQ) Kontrak, kontraktor perlu membekalkan 30,000 unit kad akses yang nilainya berjumlah RM1.44 juta. Semakan Audit mendapati kesemua 30,000 kad akses telah dibekalkan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan, KKMM dalam tempoh masa yang ditetapkan.	Maklumbalas Kementerian seperti di perenggan 10.5.4.2.a, 10.5.4.2.b dan 10.5.4.2.c
10.5.4.2.b	Sehingga bulan Februari 2014, Bahagian Khidmat Pengurusan, KKMM telah mengagihkan sebanyak 24,810 kad akses. Baki 5,190 kad akses masih berada dalam simpanan Bahagian Khidmat Pengurusan, KKMM. Bagaimanapun, daripada 24,810 kad akses yang diagihkan, hanya 5,493 (22.1%) unit kad akses telah digunakan dan bilangan kad akses yang masih belum digunakan adalah sebanyak 19,317 (77.9%) unit.	
10.5.4.2.c	Pas keselamatan dibahagi kepada 3 jenis utama iaitu Pas Keselamatan Tetap, Pas Keselamatan Sementara dan Pas Keselamatan Pelawat. Setiap jenis pas keselamatan mempunyai had akses tertentu kepada sesuatu tapak bangunan. Semakan Audit mendapati KKMM mempunyai beberapa kumpulan pegawai seperti pegawai berjawatan tetap, artis budaya dan pegawai bakat berstatus kontrak serta pelatih industri. Selain itu, KKMM juga dikunjungi oleh orang awam, pegawai penyelidik dan pelbagai jenis kontraktor seperti kontraktor perkhidmatan pembersihan dan kontraktor penyenggaraan bangunan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Garis Panduan mengenai	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	penggunaan setiap jenis pas keselamatan, had akses dan kategori pengguna belum disediakan oleh KKMM sebagai panduan untuk pengguna di setiap tapak. Pada pendapat Audit, pembekalan kad akses adalah teratur. Bagaimanapun, tahap penggunaan kad akses masih rendah iaitu 22.1% dan tatacara pengurusan pas keselamatan tidak didokumenkan di setiap tapak. Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 11 September 2014 *Setakat Jun 2014, baki kad akses yang belum digunakan adalah sebanyak 19,025 unit. Kad-kad berkenaan akan diperuntukkan kepada pegawai baru yang melaporkan diri, pelawat-pelawat luar, kontraktor-kontraktor penyenggaraan dan pembersihan bangunan serta sebagai ganti kepada kad-kad akses yang dilaporkan hilang/rosak.* *Di samping itu, setelah mendapat teguran Audit, KKMM telah menubuhkan satu Jawatankuasa untuk menggubal Garis Panduan Pengurusan Kad Keselamatan SPKB yang dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan. Draf garis panduan tersebut telah dikemukakan kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO) untuk ulasan dan khidmat nasihat pada 1 Julai 2014. KKMM telah menerima maklum balas daripada CGSO bertarikh 6 Ogos 2014. Draf Garis Panduan Pengurusan Kad Keselamatan SPKB akan dimuktamadkan pada bulan Oktober 2014.* *Garis panduan ini disediakan untuk menyeragamkan tatacara dan penggunaan kad bagi semua Jabatan/Agensi di bawah KKMM dan dipanjangkan kepada KPKM untuk diadaptasi tertakluk kepada pertimbangan Pengurusan Tertinggi KPKM.*	
10.5.4.3.a	**Kawalan Keselamatan Secara Bersepadu** SPKB dibangunkan bagi memantapkan pengurusan keselamatan KKMM dan sekaligus memudahkan kerja-kerja pemantauan dilaksanakan secara berpusat oleh pihak Pengurusan KKMM. Penyeragaman peralatan dan perisian yang berkaitan membolehkan semua tapak baru dan tapak sedia ada dikawal secara berpusat oleh satu pusat kawalan di Angkasapuri.	Maklumbalas Kementerian seperti di perenggan 10.5.4.3.a, 10.5.4.3.b dan 10.5.4.3.c
10.5.4.3.b	Bagi merealisasikan konsep kawalan keselamatan secara bersepadu, peralatan *Central Data Management* (CDM) yang berkeupayaan untuk berhubung dengan sistem di setiap tapak dan sekaligus menyimpan data yang dijana dari tapak-	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	tapak berkenaan telah dimasukkan dalam kontrak.	
10.5.4.3.c	Semakan Audit mendapati sehingga pelaksanaan SPKB Fasa 9, SPKB masih belum disepadukan dan tidak dipantau secara berpusat. SPKB buat masa kini dikawal secara berasingan di setiap tapak. Pihak Audit mendapati KKMM belum merangka perancangan yang jelas bagi tujuan menyepadukan kawalan SPKB walaupun sejumlah RM68.93 juta telah dibelanjakan sejak pelaksanaan SPKB Fasa 1 hingga Fasa 8. Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 11 September 2014 *Berdasarkan rancangan perluasan pelaksanaan SPKB Fasa 9, KKMM telah merancang untuk SPKB berkomunikasi di antara tapak. Sistem ini telah diuji kebolehannya untuk berkomunikasi antara pusat kawalan (MCR) Angkasapuri dengan Bangunan Sultan Abdul Samad pada tahun 2012 dan terbukti mencapai objektifnya.* *Bagi membolehkan objektif projek ini tercapai, salah satu perkakasan utama iaitu Central Data Management (CDM) telah dipasang di Angkasapuri. CDM berkeupayaan untuk menerima dan menyimpan data akses bagi 155 tapak di seluruh Negara.* *Bagi tujuan integrasi secara menyeluruh, beberapa peralatan tambahan bagi melengkapkan CDM serta rangkaian internet diperlukan untuk membolehkan kawalan dan pemantauan dilakukan secara berpusat. Peralatan dan rangkaian internet tidak termasuk dalam Kontrak Fasa 9 menyebabkan integrasi tidak dapat dilakukan pada peringkat ini.* *KKMM telah menyediakan Pelan Induk Integrasi SPKB bagi tempoh 2014 hingga 2020 dan sedang dibincangkan secara terperinci di peringkat Jawatankuasa Teknikal/Kerja SPKB. Seterusnya Pelan Induk Integrasi SPKB akan dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Induk SPKB untuk dipertimbangkan dan diberi kelulusan dijangka dalam bulan Oktober 2014. Tempoh pelaksanaan akan ditetapkan setelah kelulusan Jawatankuasa Induk SPKB diperoleh.* Pada pendapat Audit, KKMM kurang teliti semasa perancangan keperluan keseluruhan komponen CDM untuk membolehkan SPKB disepadukan. Oleh itu, selagi SPKB belum disepadukan, objektif pelaksanaan projek belum dapat dicapai.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.5.5	**Pengujian Dan Pentauliahan** BQ kontrak menetapkan kontraktor perlu menjalankan pengujian dan pentauliahan terhadap semua peralatan SPKB dan perisian sistem akses serta sistem CCTV sebelum diserahkan kepada pemilik tapak. Proses ini merupakan satu proses utama yang penting sebelum bermulanya fasa penyenggaraan. Semakan Audit mendapati setakat bulan Februari 2014, kesemua 79 tapak yang disiapkan telah dibuat pengujian dan pentauliahan oleh kontraktor sebelum diserahkan kepada pemilik tapak. Bagaimanapun, SPKB melibatkan pembekalan dan pemasangan peralatan elektrik dan elektronik, perisian sistem serta kerja-kerja pendawaian. Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, pemeriksaan teknikal perlu dilaksanakan oleh pegawai yang bertauliah semasa penerimaan peralatan teknikal. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pengujian dan pentauliahan yang dilaksanakan oleh kontraktor di 79 tapak hanya disahkan oleh wakil Pegawai Penguasa, tanpa kehadiran pegawai teknikal/pegawai teknologi maklumat. Pada pendapat Audit, pengujian dan pentauliahan SPKB adalah kurang sempurna kerana tiada penglibatan dan pengesahan daripada pegawai teknikal/pegawai berkelayakan dalam bidang ICT bagi memastikan ianya menepati spesifikasi yang ditetapkan. Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 11 Julai 2014 *Selepas teguran Audit, tindakan penambahbaikan oleh KKMM termasuk melaksanakan pengujian dan pentauliahan kali kedua terhadap keseluruhan 79 tapak yang telah ditauliah. Bagi tapak yang baru siap, pengujian dan pentauliahan akan disahkan oleh Pegawai Teknologi Maklumat serta Jurutera Elektrik KKMM selain daripada penyelia tapak.* *KKMM juga telah merombak proses borang, senarai semak, garis panduan pengujian dan pentauliahan bagi memastikan semua pembekalan dan pemasangan dibuat mengikut spesifikasi dan kuantiti seperti dalam kontrak.*	Maklumbalas Kementerian seperti di perenggan 10.5.5
10.5.6.1.b	**Skop Latihan SPKB** Semakan Audit mendapati penetapan kategori pegawai untuk menghadiri latihan bagi Projek SPKB Fasa 9 hanya melibatkan pegawai dari Bahagian Pentadbiran yang bertanggungjawab terhadap pengurusan keselamatan, tidak melibatkan pegawai dari Bahagian Kewangan dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia.	Maklumbalas Kementerian seperti di perenggan 10.5.6.1.b, 10.5.6.2.a dan 10.5.6.2.b

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, latihan SPKB tidak dimanfaatkan sepenuhnya kerana tidak menetapkan pegawai-pegawai dari Bahagian Kewangan dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia yang terlibat dalam menjana laporan bagi menyokong pembayaran elaun lebih masa dan laporan pergerakan pegawai.	
10.5.6.2.a	**Pencapaian Latihan SPKB** Kontrak telah menetapkan setiap sesi latihan akan dihadiri oleh dua orang wakil dari setiap tapak kecuali tapak Angkasapuri seramai 5 orang wakil. Semakan Audit mendapati setakat bulan Februari 2014, kontraktor telah menganjurkan satu sesi latihan di Zon Tengah, Zon Timur, Zon Selatan, Zon Utara, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Berdasarkan jumlah tapak yang telah diterima dengan sempurna di setiap zon, jumlah keseluruhan pegawai yang sepatutnya menghadiri latihan adalah seramai 151 orang. Bagaimanapun, mengikut rekod kontraktor, jumlah kehadiran pegawai KKMM dan KPKM bagi sesi latihan yang dianjurkan hanya seramai 64 orang (42%).	
10.5.6.2.b	Analisis Audit selanjutnya mendapati 87 orang pegawai yang belum menghadiri latihan SPKB adalah dari 44 tapak (56%) daripada 79 tapak yang telah diterima sempurna antara 4 hingga 17 bulan. Pada pendapat Audit, latihan SPKB yang tidak diberi kepada semua pegawai terlibat boleh menyebabkan penggunaan SPKB di tapak berkenaan tidak dapat dioptimumkan berikutan pegawai kekurangan pengetahuan dan pendedahan terhadap SPKB. Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 11 Julai 2014 *Modul latihan bagi pegawai yang terlibat dengan Pengurusan Sumber Manusia dan Pengurusan Kewangan telah disediakan. Walau bagaimanapun, latihan yang dianjurkan adalah khusus kepada penyelia SPKB (Bahagian Pentadbiran) setiap tapak.* *Bagi mengatasi masalah ini, KKMM telah bersetuju melalui mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan SPKB supaya pelaksanaan latihan ditambahbaik dengan menyediakan Pelan Perancangan Pelaksanaan Latihan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2020, menetapkan penglibatan sekurang-kurangnya 4 kategori pegawai iaitu dari Bahagian Kewangan, Bahagian Sumber Manusia, Bahagian ICT dan Bahagian Teknikal dalam setiap sesi latihan yang dianjurkan,*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	menyediakan modul yang lebih terperinci dan lengkap mengikut kumpulan sasaran iaitu Pegawai Kumpulan Pengurusan & Professional, Pegawai Kumpulan Pelaksana I dan II serta menetapkan empat (4) medium penganjuran latihan yang meliputi kursus, taklimat, On Job Training dan lawatan sambil belajar. *Selain itu, pemantauan yang lebih berkesan turut dibuat terhadap pelaksanaan latihan yang dijalankan sepanjang tempoh kontrak. Pihak syarikat akan dinilai prestasi latihannya mengikut mekanisme yang ditetapkan oleh KKMM.*	
10.5.7.1.a	**Skop Penyenggaraan** Setiap komponen dan peralatan SPKB perlu dijaga dan disenggarakan sebaik mungkin mengikut penentuan dan piawaian yang telah ditetapkan. Kegagalan dan ketidakstabilan mana-mana komponen dari berfungsi akan memberi impak yang besar terhadap fungsi SPKB.	Maklumbalas Kementerian seperti di perenggan 10.5.7.1.a, 10.5.7.1.b dan 10.5.7.1.c
10.5.7.1.b	PP Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan peralatan yang memerlukan penyenggaraan perlu dikenal pasti dan disenaraikan. Seterusnya, satu program penyenggaraan hendaklah dirancang dan disediakan. Semakan Audit mendapati senarai peralatan yang memerlukan penyenggaraan serta skop penyenggaraan secara mingguan, bulanan dan suku tahun telah dinyatakan dalam kontrak. Bagaimanapun, didapati skop penyenggaraan bagi komponen *Central Data Management* (CDM) dan *Building Automation System* (BAS) yang disediakan bagi pemasangan di *Main Control Room* (MCR), Angkasapuri tidak diperincikan dengan sewajarnya.	
10.5.7.1.c	PP Bil. 5 Tahun 2007 juga menetapkan penyenggaraan hendaklah dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan melainkan sesuatu peralatan memerlukan penyenggaraan segera. Semakan Audit mendapati tiada jadual penyenggaraan pencegahan disediakan bagi semua tapak. Berdasarkan laporan penyenggaraan bagi 23 tapak yang dilawati, didapati penyenggaraan yang dilaksanakan oleh kontraktor secara mingguan adalah tidak berjadual. Pada pendapat Audit, skop penyenggaraan bagi CDM dan BAS serta jadual penyenggaraan pencegahan mingguan perlu ditetapkan dengan terperinci. Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 11 Julai 2014 *Komponen Central Data Management (CDM) dan Building Automation System*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	(BAS) merupakan salah satu komponen yang perlu diselenggara oleh kontraktor dalam tempoh kontrak. Namun begitu, butiran kerja-kerja penyenggaraan tidak diperincikan di dalam kontrak. *Bagi mengatasi masalah ini, skop penyenggaraan yang terperinci telah disediakan dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal/Kerja SPKB pada bulan September 2014.* *Di samping itu, tindakan turut diambil untuk menyediakan jadual penyenggaraan di setiap tapak dan pihak kontraktor telah menjalankan kerja-kerja penyenggaraan mengikut jadual yang ditetapkan.* *KKMM akan mengenakan denda (LAD) sekiranya kontraktor gagal mematuhi jadual penyenggaraan yang ditetapkan. Formula pengiraan denda akan diperincikan dengan pihak kontraktor dan telah dijadikan input terhadap cadangan pindaan kontrak sedia ada.*	
10.5.7.2.a	**Rekod Penyenggaraan** Setiap kerja penyenggaraan hendaklah direkodkan dalam Daftar Penyenggaraan. Semakan Audit mendapati butiran penyenggaraan hanya direkodkan oleh kontraktor dan disahkan oleh wakil tapak dalam Borang Laporan Penyenggaraan SPKB. Daftar Penyenggaraan pula tidak diselenggara di setiap tapak bagi tujuan penilaian dan pemantauan. Sehubungan itu, masa tindakan (*respond time*) dan sebarang aduan kerosakan sukar untuk dikenal pasti bagi tujuan tindakan susulan.	Maklumbalas Kementerian seperti di perenggan 10.5.7.2.a dan 10.5.7.2.b
10.5.7.2.b	Prestasi penyenggaraan yang dilaksanakan oleh kontraktor perlu dinilai secara berkala bagi memastikan matlamat program penyenggaraan tercapai serta penyenggaraan yang dilaksanakan adalah berkualiti, bersesuaian dan kos yang munasabah. Semakan Audit mendapati setakat bulan Februari 2014, tiada penilaian dilaksanakan oleh KKMM terhadap kerja-kerja penyenggaraan yang dilaksanakan di setiap tapak. Sehubungan itu, prestasi kerja penyenggaraan oleh kontraktor tidak dapat diukur dengan sewajarnya. Pada pendapat Audit, Daftar Penyenggaraan perlu diwujudkan bagi tujuan semakan, pemantauan dan penilaian terhadap mutu dan kualiti kerja kontraktor. Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 11 Julai 2014	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	KKMM telah mengubah proses kerja supaya semua rekod butiran penyenggaraan merangkumi daftar senarai aduan dan daftar log penyenggaraan disimpan di Ibu Pejabat dan sesalinan di tapak berkaitan bagi tujuan semakan dan membuat perakuan prestasi syarikat bermula pada 20 Jun 2014. *Sekiranya terdapat pelanggaran, pihak syarikat akan diperakukan supaya tindakan akan diambil terhadap syarikat.*	
10.5.8.1.a	**Peringkat Kementerian** Surat Kelulusan Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) MAMPU bertarikh 20 Disember 2011 menetapkan supaya kemajuan pelaksanaan dan kemajuan kewangan projek SPKB perlu dilaporkan kepada MAMPU setiap bulan sehingga projek SPKB selesai. Selain itu, Panduan Pelaksanaan Pengurusan Projek ICT Sektor Awam bertarikh 5 Mac 2010 menetapkan Laporan Kemajuan Projek ICT perlu dikemukakan kepada JTICT MAMPU melalui Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Kementerian. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan laporan kemajuan pelaksanaan dan kemajuan kewangan projek SPKB dibentangkan dalam JPICT KKMM dan seterusnya dilaporkan kepada JTICT MAMPU.	Maklumbalas Kementerian seperti di perenggan 10.5.8.1.a, 10.5.8.1.b dan 10.5.8.1.c
10.5.8.1.b	KKMM telah menubuhkan 2 jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pemantauan Tender dan Jawatankuasa Pelaksanaan Tender pada November 2012 bagi memastikan projek SPKB dilaksanakan dengan sempurna dan telus mengikut spesifikasi dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.	
10.5.8.1.c	Antara peranan Jawatankuasa Pelaksanaan Tender adalah mengesah dan memperakukan kerja-kerja pembekalan, pemasangan dan penyenggaraan SPKB telah dilaksanakan dengan sempurna mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dalam kontrak bagi tujuan pembayaran. Spesifikasi kerja-kerja pembekalan dan pemasangan SPKB melibatkan peralatan elektrik dan elektronik serta perisian yang mana penglibatan dan kepakaran pegawai dari Bahagian Pengurusan Maklumat adalah diperlukan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Jawatankuasa ini hanya dianggotai oleh pegawai dari Bahagian Keselamatan sahaja tanpa penglibatan pegawai teknikal mahupun pegawai ICT. Pada pendapat Audit, pemantauan projek SPKB di peringkat Kementerian adalah kurang efektif kerana tiada penglibatan pegawai dari Bahagian Pengurusan Maklumat dan Bahagian Teknikal dalam Jawatankuasa Pelaksanaan Tender.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 11 September 2014 *KKMM mengambil maklum tentang perkara ini dan mengambil tindakan segera untuk mematuhi arahan pihak MAMPU dengan mengemukakan laporan kemajuan projek mulai bulan Julai 2014.* *Selain itu, laporan kemajuan ini menjadi agenda tetap dalam mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras SPKB di peringkat Negeri dan juga mesyuarat Jawatankuasa Teknikal/Kerja SPKB di peringkat KKMM. Pihak MAMPU akan dijemput menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Induk SPKB yang akan dipengerusikan oleh KSU KKMM dengan kekerapan sekurang-kurangnya setahun sekali.* *Bagi memantapkan pengurusan pemantauan SPKB, KKMM telah menubuhkan tiga (3) Jawatankuasa baru iaitu Jawatankuasa Induk (Pengurusan Tertinggi), Jawatankuasa Teknikal/Kerja (peringkat Kementerian) dan Jawatankuasa Penyelaras (Peringkat Negeri). Sebanyak 7 kali mesyuarat pemantauan telah diadakan sepanjang tahun 2013 dan 2014 yang dipengerusikan oleh SUB(K) Pengurusan KKMM untuk memantau pelaksanaan SPKB.* *Di samping itu, Jawatankuasa Teknikal/Kerja telah mengesyorkan supaya pindaan kontrak yang baru diperhalusi sebelum ditandatangani antara kedua-dua belah pihak. Ini bagi mengatasi kelemahan dan kekurangan dalam kontrak asal sehingga menjejaskan pelaksanaan projek. Draf perjanjian tambahan (addendum contract) telah dikemuka untuk semakan dan ulasan Pejabat Penasihat Undang-undang KKMM pada 23 Jun 2014 dan perkara ini dijangka dimuktamadkan pada bulan Oktober 2014.*	

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

Jabatan Penyiaran Malaysia

Perenggan 11 : Projek Pembinaan Pusat Berita Bersepadu

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.5.1.1.a	**Prestasi Projek - Pencapaian fizikal Projek** Surat JKR kepada perunding bertarikh 31 Julai 2008, menyatakan projek-projek RMKe-9 di bawah peruntukan PFI perlu disiapkan dan semua bayaran diselesaikan sebelum akhir tahun 2010. Sekiranya projek tidak dapat disiapkan, Unit Perancang Ekonomi akan membatalkan projek tersebut. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati selepas tahun 2010, Projek Pembinaan PBB masih diperingkat pembinaan dan hanya diserahkan kepada RTM pada 28 Jun 2012. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 9 Julai 2014 *PBB merupakan projek di bawah RMKe-9 menerusi PFI Kod 885508 yang dikawal sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Projek PBB ini sepatutnya disiapkan pada 13 Julai 2010.* *Bagaimanapun, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Akaun Amanah Pelaksanaan Projek di Bawah RMKe-9 Menerusi PFI Bil. 4 Tahun 2011 telah memutuskan bahawa pelaksanaan projek ini boleh disiapkan sebelum tahun 2013.*	Di samping LAD, dicadangkan elemen denda tambahan dikenakan seperti pampasan dan bayaran sewaan terhadap kontraktor sekiranya gagal menyiapkan projek di dlm tempoh yang dibenarkan. Perkara ini perlu dimasukkan dalam dokumen tender bagi projek pada masa akan datang.
11.5.1.1.b	Mengikut syarat kontrak, projek ini hendaklah disiapkan dalam tempoh 532 hari (76 minggu) iaitu daripada 28 Januari 2009 hingga 13 Julai 2010. Bagaimanapun, kontraktor tidak dapat menyiapkan keseluruhan projek pada tempoh yang telah ditetapkan. Pihak JKR meluluskan 3 EOT masing-masing selama 171, 170 dan 190 hari. Lanjutan masa yang diluluskan meliputi 99.8% daripada tempoh kontrak asal. JKR telah mengeluarkan 2 Perakuan Siap Kerja (CPC) bagi projek PBB iaitu pada 1 Jun 2012 (pendudukan separa Aras *Mechanical and Electrical* (M&E), Aras *basement*, Aras bawah, kerja luaran dan sistem M&E) dan pada 28 Jun 2012 (Aras 1 hingga bumbung).	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.5.1.3	**Pencapaian *Outcome* Projek** Pihak Audit telah mengedar borang soal selidik kepada seramai 50 orang kakitangan RTM bagi menentukan tahap kepuasan pengguna terhadap bangunan PBB. Hasil analisis mendapati hanya 46.4% pengguna berpuas hati dengan pembinaan PBB. Manakala 53.6% pengguna tidak berpuas hati dengan alasan sistem penyaman udara bangunan, kemudahan lif dan kerja kemasan kurang memuaskan; berlaku kebocoran bumbung; tempat letak kenderaan terhad/tidak mencukupi; paip di tandas tersumbat dan tiada peralatan dibekalkan. Pada pendapat Audit, Projek Pembinaan PBB perlu dilaksanakan mengikut tempoh kontrak yang ditetapkan agar PBB dapat digunakan mengikut perancangan dan keperluan pembinaan. Kualiti pembinaan adalah penting bagi meminimumkan aduan dan ketidakpuasan pelanggan.	
11.5.2.2	**Kelulusan Kebenaran Merancang** Berdasarkan Peraturan Kerajaan Tempatan, kontraktor tidak boleh memulakan/ melaksanakan sebarang kerja pembinaan di tapak bina sehingga kelulusan Perintah Pembangunan (DO) diperoleh. Tarikh milik tapak bagi Projek Pembinaan PBB adalah pada 28 Januari 2009 dan projek diserahkan kepada RTM pada 28 Jun 2012. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati DO telah dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 24 Julai 2009 iaitu 6 bulan selepas tarikh milik tapak. Pihak DBKL mengesahkan bahawa Kelulusan Pelan Bangunan bersyarat dikeluarkan pada 18 Julai 2012 iaitu selepas tarikh projek diserahkan kepada RTM. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 9 Julai 2014 *Memandangkan projek ini adalah projek PFI (fast track), pihak JKR WPKL terpaksa memulakan kerja seperti yang dijadualkan untuk memastikan projek disiapkan pada tahun 2010.* *JKR mengambil maklum berkenaan dengan masalah yang timbul atas memulakan kerja tanpa kelulusan merancang. Sehubungan itu, arahan daripada Pengurusan Atasan JKR telah dikeluarkan dari pejabat Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya pada 18 Oktober 2013 telah menetapkan bahawa Surat*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Kelulusan DO perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum Surat Setuju Terima kepada pihak kontraktor dikeluarkan. Pada pendapat Audit, permohonan kebenaran merancang daripada Pihak Berkuasa Tempatan perlu dibuat sebelum memulakan projek bagi memastikan peraturan yang berkuat kuasa dipatuhi.	
11.5.2.3.a	**Kontraktor Utama** Pelantikan kontraktor dibuat secara tender terbuka. Sebanyak 21 buah syarikat telah memasuki tender bagi Projek Pembinaan PBB. Sebanyak 13 petender dengan harga terendah telah disenarai pendek untuk dinilai. Mesyuarat Lembaga Perolehan A JKR telah memilih syarikat JJ Actfast Development Sdn. Bhd. sebagai kontraktor utama bagi Projek Pembinaan PBB. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati JJ Actfast Development Sdn. Bhd. tidak diperakukan oleh Jawatankuasa Penilaian Tender kerana gagal dalam penilaian peringkat kedua bagi keupayaan teknikal. Berdasarkan semakan Audit, hanya 3 syarikat yang lulus penilaian keupayaan teknikal dengan markah antara 13.4 hingga 40.5 iaitu melepasi markah minima yang ditetapkan (12.5 markah). JJ Actfast Development Sdn. Bhd. tidak diperakukan kerana hanya memperoleh markah sebanyak 1.03. Kesemua petender ini mendapat 50 markah bagi keupayaan kewangan melepasi markah minimum Jabatan iaitu 20 markah. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 9 Julai 2014 *Penilaian markah keseluruhan di peringkat kedua terdiri daripada 2 komponen iaitu penilaian keupayaan kewangan dan keupayaan teknikal. Komponen utama dalam penilaian peringkat kedua ini adalah penilaian kewangan dimana markah minimum adalah 20 berbanding dengan penilaian teknikal sebanyak 12.5.* *Syarikat JJ Actfast Development Sdn. Bhd. setuju diterima kerana markah keseluruhan penilaian peringkat kedua yang diperolehi oleh syarikat adalah sebanyak 51.03 melebihi markah minimum yang diperlukan iaitu sebanyak 45 markah.*	Perlantikan kontraktor utama bagi projek ini adalah di bawah bidang atau budi bicara Lembaga Perolehan JKR sepenuhnya.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.5.2.3.b	**Perunding** Kaedah pelaksanaan projek secara konvensional bermaksud pembinaan adalah berdasarkan reka bentuk yang telah disediakan oleh perunding yang dilantik oleh agensi. Kontraktor hanya bertanggungjawab untuk membina dan menyiapkan projek berdasarkan reka bentuk tersebut. Penyeliaan projek juga dilaksanakan oleh agensi sendiri atau perunding yang dilantik. Kementerian Kewangan telah melantik 5 syarikat perunding dalam pelbagai bidang bagi Projek Pembinaan PBB. Selaku agensi pelaksana, JKR telah mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada perunding mengikut bidang kerja. Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat SS/K.KEW/PK/JP/701/230000/18/ 4974(4) bertarikh 26 Oktober 2007 telah mengeluarkan Surat Kelulusan Pelantikan Perunding Arkitek bagi Projek Pembinaan PBB kepada JKR. Bagaimanapun, JKR telah mengeluarkan SST kepada Arkitek Reka Konsult Sdn. Bhd. pada 31 Mac 2010. Tempoh masa yang diambil adalah selama 2 tahun 5 bulan daripada tarikh kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 9 Julai 2014 *Tempoh yang diambil oleh JKR untuk mengeluarkan SST kepada Arkitek adalah selama 9 bulan sahaja dari tarikh kelulusan Kementerian Kewangan. Selepas kelulusan diperolehi daripada Kementerian Kewangan pada 17 Jun 2009, proses pelantikan perunding perlu dimulakan semula dan diluluskan oleh dua jawatankuasa seperti berikut:-* *(i) Jawatankuasa Teknikal Khidmat Perunding Cawangan Arkitek (JTKP)* *(ii) Jawatankuasa Penilaian Perunding Jabatan (JPPJ)* *Surat setuju terima dikeluarkan pada 31 Mac 2010. Tempoh masa ini diambil kerana perunding telah merayu untuk menukar kaedah bayaran daripada kaedah Input-Masa kepada kaedah Skala Yuran Piawai.* *Pelaksanaan projek adalah tidak terjejas sepanjang tempoh 9 bulan tersebut kerana kontraktor utama telah menjalankan kerja-kerja di tapak pembinaan dalam tempoh tersebut.*	Sebagai tindakan penambahbaikan, bayaran yuran perunding bagi kerja-kerja fizikal yang akan dilaksanakan oleh JKR di masa hadapan akan hanya menggunakan Skala Yuran Piawai dan sebarang rayuan daripada perunding tidak akan dipertimbangkan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, pelantikan kontraktor utama khususnya bagi projek pembinaan perlu mengutamakan keupayaan teknikal walaupun markah keseluruhan melepasi markah minimum yang ditetapkan Jabatan. Ini bagi memastikan pembinaan dapat disiapkan dengan kualiti yang tinggi dalam tempoh masa yang ditetapkan dan hanya kontraktor yang kompeten dipilih untuk melaksanakan kontrak Kerajaan. SST sepatutnya dikeluarkan kepada perunding Arkitek sebelum kerja reka bentuk dan penyeliaan projek dilaksanakan. Surat daripada Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 17 Jun 2009 merupakan surat edaran kepada semua Ketua Agensi Kerajaan dan bukan surat kelulusan seperti maklum balas Kementerian.	
11.5.2.4.a	**Pentadbiran Kontrak - Arahan Perubahan Kerja** Bagi Projek Pembinaan PBB, sebanyak 7 Arahan Perubahan Kerja (APK) bernilai RM1.77 juta dan 31 Pelarasan Harga Kontrak (PHK) bernilai RM8.98 juta telah diluluskan. Semakan Audit mendapati, kelulusan APK adalah berkenaan kerja-kerja tambahan untuk ruang stor kenderaan di aras mekanikal; *soil nailing* di *cooling tower* dan *TNB Substation;* kerja arkitek dan struktur untuk blok *cooling tower;* sistem *hose reel, fire alarm* dan *fire extinguisher; spring isolator; concrete screeding;* dan penukaran lampu jenis *fluorescent* kepada *downlight.* Manakala bagi PHK adalah disebabkan pelarasan item dalam Wang Peruntukan Sementara, pelarasan APK dan pelarasan turun naik harga bahan binaan.	
11.5.2.4.b	**Lanjutan Masa** Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 6 Tahun 2011 menyatakan, menjadi tanggungjawab kontraktor memastikan projek dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam kontrak. Lanjutan masa akan diberikan kepada kontraktor sekiranya didapati Kerajaan telah menyumbang kepada kelewatan penyiapan projek atau sebab di luar kawalannya sebagaimana yang terkandung dalam syarat kontrak. Semakan Audit mendapati perkara berikut:- • EOT 1 diluluskan oleh PP disebabkan terdapat kelewatan kelulusan DO daripada DBKL dan EOT 2 diluluskan berdasarkan kepada perubahan reka bentuk di Aras mekanikal serta kelewatan dalam pelantikan NSC untuk kerja lif.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	• EOT 3 hanya diluluskan oleh PP pada 12 Ogos 2011 iaitu 23 hari selepas tarikh tamat EOT 2 pada 19 Jun 2011. • EOT 3 adalah berkaitan kelewatan kelulusan reka bentuk kekuda bumbung daripada jenis '*Cold Formed*' kepada jenis '*Hot Rolled*'. Bagaimanapun, kelulusan berhubung lanjutan masa telah diperoleh melalui Jawatankuasa Lanjutan Masa. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 9 Julai 2014 *JKR mengambil maklum terhadap teguran dan perlu menimbang dan meluluskan EOT sebelum tarikh projek sepatutnya siap. JKR akan memastikan kes seperti ini tidak akan berulang.* *Kelulusan PP telah diberikan terhadap pertukaran jenis kekuda bumbung melalui surat bertarikh 4 Ogos 2011 atas faktor pertambahan beban kerana lukisan awal (Shop Drawing) yang dikemukakan oleh kontraktor tidak mengambil kira sebarang beban terhadap sistem kekuda bumbung jenis 'Cold Formed' yang direka bentuk. Adalah didapati sistem kekuda ini tidak berkeupayaan menanggung beban dan sistem kekuda jenis 'Hot Rolled' dipertimbangkan.*	
11.5.2.4.d	**Perakuan Siap Kerja/*Certificate Of Practical Completion* (CPC)** SPP Bil. 6 Tahun 2011 menyatakan apabila pada pendapat PP kontraktor telah menyiapkan kerja mengikut peruntukan kontrak, maka PP adalah bertanggungjawab mengeluarkan CPC. JKR telah mengeluarkan dua CPC iaitu pada 1 Jun 2012 (pendudukan separa Aras *Mechanical and Electrical* (M&E), Aras *basement*, Aras bawah, kerja luaran dan sistem M&E) dan pada 28 Jun 2012 (Aras 1 hingga bumbung). Bagaimanapun, Klausa 42 pada CPC bertarikh 1 Jun 2012 adalah merujuk kepada pendudukan separa. Fasal 42(e) Kontrak PBB menyatakan ganti rugi tertentu dan ditetapkan yang dinyatakan dalam kontrak akan dikurangkan mengikut kadar jumlah nilai bahagian yang diambil milik dan diduduki berbanding dengan jumlah harga kontrak. Pihak Audit mendapati, baki nilai kontrak yang masih belum diambil milik selepas tempoh pendudukan separa adalah berjumlah RM24.01 juta. Sehubungan itu, sejumlah RM81,324 perlu dikutip dengan kadar RM3,012	Satu permohonan kepada pentadbir SKALA JKR telah pun dikemukakan untuk mengambil kira keperluan penyediaan borang perakuan Pendudukan Separa (CPO). Kutipan sebanyak RM81,324 telah pun dibuat melalui Bayaran Perakuan Akaun Dan Bayaran Muktamad.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	sehari bagi tempoh 27 hari. Bagaimanapun, sehingga 11 Julai 2014 Kebenaran Mendirikan Bangunan bagi projek PBB belum dikeluarkan memandangkan pihak perunding arkitek masih belum memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh DBKL. Ini menyebabkan Perakuan Siap Kerja Dan Pematuhan (CCC) bagi projek PBB tidak dapat dikeluarkan. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 9 Julai 2014 *Terdapat kekeliruan bagi penggunaan Sijil Perakuan Pendudukan Separa (CPO), memandangkan sijil ini tidak disediakan di dalam Sistem Kawal Dan Lapor (SKALA) yang dibangunkan oleh JKR.* *Oleh yang demikian, modifikasi terhadap sijil sedia ada di dalam SKALA dilakukan dengan menyatakan projek ini disiapkan secara berbahagian (Pendudukan Separa) di ruangan Bahagian Pendudukan Separa (Aras M&E, Aras Basement, Aras Bawah, Kerja Luaran Dan Sistem M&E) tanpa menggunakan borang yang sepatutnya.* *Namun demikian, LAD tetap dikenakan RM3,012 sehari bagi tempoh 27 hari dengan jumlah kutipan RM81,324. Bayaran akan dibuat melalui Bayaran Perakuan Akaun Dan Bayaran Muktamad.*	
11.5.2.4.e	**Bayaran Kemajuan Kerja** Klausa 47(d) Kontrak PBB menyatakan bayaran hendaklah dibuat kepada kontraktor dalam tempoh 30 hari daripada tarikh perakuan bayaran interim diperakukan. Mengikut prosedur JKR, perakuan bayaran interim disediakan menggunakan Borang JKR 66. Semakan Audit mendapati, bayaran kemajuan kontrak melalui 61 perakuan bayaran interim adalah baik dan teratur. Bagaimanapun, semakan lanjut mendapati sejumlah RM462,879 dibuat kepada kontraktor lain (selain NSC) bagi kerja-kerja di PBB. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 9 Julai 2014 *Skop kerja yang dilaksanakan oleh Rahashofie Enterprise dan Tele Timor Communication Sdn. Bhd. merupakan skop kerja di bawah kontrak ini yang gagal disempurnakan oleh kontraktor utama kerana kesuntukan masa dan*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	masalah kewangan. Skop kerja yang dilaksanakan oleh pihak ketiga ini telah dibuat PHK dan bayaran yang telah dibuat ini telah dibuat pemotongan daripada bayaran yang layak diterima daripada kontraktor utama. *Skop kerja yang dilaksanakan oleh Golden World Services, Pembinaan Sri Layang, Era Maju Teknik Sdn. Bhd, Kejuruteraan Warisan Teknik, Zuls Multi Enterprise, Jelapang Gemilang Enterprise dan Syarikat Golden Bright Sdn. Bhd. merupakan skop kerja tambahan di luar daripada kontrak yang perlu dilaksanakan bagi penyempurnaan projek ini.*	
11.5.2.4.f	**Tempoh Tanggungan Kecacatan/*Defects Liability Period* (DLP)** DLP bermula pada tarikh kerja diperakukan oleh PP dan berakhir berdasarkan tempoh yang ditetapkan dalam kontrak. Sekiranya timbul apa-apa kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa kerosakan, PP boleh mengarahkan kontraktor untuk membaiki kecacatan dalam tempoh yang munasabah sebagaimana yang ditetapkan oleh PP. Berdasarkan syarat kontrak, DLP adalah selama 12 bulan iaitu pada 2 Jun 2012 hingga 1 Jun 2013 (pendudukan separa Aras *Mechanical and Electrical* (M&E), Aras *basement*, Aras bawah, kerja luaran dan sistem M&E) dan pada 29 Jun 2012 hingga 28 Jun 2013 (Aras 1 hingga bumbung). Bagaimanapun, surat bertarikh 25 Mac 2014 berkenaan Maklum Balas Ke Atas Pembaikan Senarai DLP menunjukkan terdapat 3 kecacatan/kerosakan dalam tempoh DLP yang masih berulang. Kecacatan/kerosakan adalah seperti berikut:- • Bagi pintu masuk tepi Aras Bawah, masih terdapat kebocoran air daripada siling apabila hujan lebat. • Bilik Perpustakaan Pusat Sumber Maklumat di Aras 2, terdapat kulat pada siling dan dinding walaupun siling telah diganti baru. • Bilik Peralatan di Aras 4 terdapat kulat pada siling walaupun selepas siling diganti baru. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 9 Julai 2014 *Kecacatan berulang yang dilaporkan telah diambil tindakan pembaikan bagi mengatasinya dan mengenal pasti punca permasalahan. Hasil daripada pembaikan tersebut, hanya 3 lagi laporan kecacatan berulang dilaporkan*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	berdasarkan surat pelanggan bertarikh 25 Mac 2014 dan telah diambil tindakan pembaikan.	
11.5.2.4.g	**Perakuan Siap Membaiki Kecacatan/*Certificate Of Making Good Defect* (CMGD)** CMGD akan dikeluarkan jika semua kecacatan yang dikenal pasti telah diperbaiki. Bagaimanapun, sehingga 31 Julai 2014 CMGD bagi Projek Pembinaan PBB masih belum dikeluarkan oleh JKR. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 9 Julai 2014 *Kontraktor telah melaksanakan pembaikan bagi kerja-kerja yang dilaporkan. Namun demikian, terdapat senarai kecacatan baru yang berlaku dalam tempoh tanggungan kecacatan yang belum dilaporkan dan berulang yang dilaporkan semasa dalam tempoh 3 bulan 14 hari yang perlu diselesaikan kesemuanya sebelum CMGD dikeluarkan. Berdasarkan senarai kecacatan yang dikemukakan dan dilaporkan oleh pihak RTM melalui surat bertarikh 25 Mac 2014, hanya terdapat 3 senarai kecacatan yang belum disempurnakan. Bagaimanapun, ketiga-tiga kecacatan tersebut telah selesai diperbaiki pada Jun 2014.* Pada pendapat Audit, EOT 1 dan 2 dapat dielakkan sekiranya perancangan dan reka bentuk yang teliti dibuat sebelum pelaksanaan projek. PP perlu menimbang dan meluluskan EOT sebelum tarikh projek sepatutnya siap. JKR sepatutnya mengeluarkan Perakuan Pendudukan Separa bagi pemilikan dan pendudukan sebahagian kerja agar Kerajaan tidak menanggung kerugian atas kerja-kerja yang belum diselesaikan kerana LAD masih boleh dikuat kuasakan. JKR perlu memastikan kerosakan yang berulang dapat dibaiki dengan kadar segera. Perunding Arkitek perlu memastikan syarat-syarat yang ditetapkan oleh DBKL dipatuhi bagi mendapatkan Kelulusan Kebenaran Mendirikan Bangunan dan membolehkan CCC bagi projek PBB dapat dikeluarkan.	
11.5.3.1	**Kerja Masih Belum Sempurna** Pemeriksaan Audit mendapati 2 buah studio di Aras 3 telah dibina mengikut kontrak. Bagaimanapun, studio tersebut tidak dapat digunakan kerana kerja-kerja seterusnya akan disempurnakan oleh pihak Media City Development Sdn. Bhd. melalui Projek Pembangunan Media City. Pemeriksaan Audit turut mendapati sistem penghawa dingin telah dipasang dan beroperasi 24 jam walaupun studio tersebut masih belum digunakan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 9 Julai 2014 *JKR telah mengeluarkan surat kepada semua perunding yang mengawasi projek ini meminta memberi maklum balas berkenaan dengan kerja berkualiti rendah dan kerja yang masih belum sempurna.* *Skop kerja untuk memperlengkapkan kedua-dua studio TV dari segi peralatan dan akustik tidak termasuk dalam skop projek ini tetapi ianya adalah di bawah Media City Development (MCD). Bagaimanapun, kerja-kerja penyambungan akhir sistem penyaman udara adalah termasuk dalam skop kerja projek ini bagi melengkapkan keperluan akustik yang dilaksanakan di bawah MCD.* *Kontraktor NSC Penyaman Udara telah melaksanakan skop kerjanya dengan lengkap. Kedua-dua sistem penghawa dingin di studio ini boleh dikawal dengan 'switch off' AHU di setiap studio, jadi tidak ada isu pembaziran berlaku. Bagaimanapun, sistem penghawa dingin terpaksa dibuka bagi mengelakkan berlakunya kondensasi apabila perbezaan suhu yang ketara diantara bilik yang berhawa dingin dengan yang tidak berhawa dingin dibiarkan berpanjangan. Ini akan menyebabkan dinding studio berkuap dan bercendawan.* Maklum Balas RTM Yang Diterima Pada 11 Julai 2014 *Bagi 2 buah studio di Aras 3, sistem penghawa dingin dibuka selama 2 hari dalam tempoh seminggu setelah RTM mengenal pasti kadar suhu yang sesuai bagi mengelakkan kondensasi berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan.*	
11.5.3.2	**Kualiti Kerja Rendah** Pemeriksaan fizikal Audit di lokasi projek mendapati kerja pembinaan adalah berkualiti rendah. Lawatan susulan Audit telah dilakukan pada 18 Julai 2014 bagi mengesahkan maklum balas terhadap tindakan pembaikan yang telah dilakukan. Hasil pemeriksaan mendapati, hanya 23 (26.4%) daripada 87 penemuan telah diambil tindakan. Manakala 14 (16.1%) penemuan telah diambil tindakan tetapi tidak sempurna. Bagaimanapun, sebanyak 48 (55.2%) penemuan belum diambil tindakan oleh kontraktor. Semakan juga mendapati, 2 (2.3%) penemuan iaitu terdapat tumbuhan pada permukaan tembok penahan serta permukaan tembok	Kesemua kecacatan telah diambil tindakan oleh kontraktor dan sehubungan dengan itu, tindakan ke atas pihak kontraktor tidak timbul.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	penahan ke *cooling tower* berlumut masih belum diambil tindakan kerana skop kerja pembaikan adalah di bawah tanggungjawab pihak RTM. Hasil analisis terhadap maklum balas daripada 50 orang kakitangan RTM mendapati, 53.6% pengguna tidak berpuas hati dengan alasan sistem penyaman udara bangunan, kemudahan lif dan kerja kemasan kurang memuaskan; kebocoran bumbung; tempat letak kenderaan terhad/tidak mencukupi; paip di tandas tersumbat dan tiada peralatan dibekalkan. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 9 Julai 2014 *JKR telah mengeluarkan surat kepada semua perunding yang mengawasi projek ini meminta memberi maklum balas berkenaan dengan kerja berkualiti rendah dan kerja yang masih belum sempurna. Bagaimanapun, bagi skop penyenggaraan, kerja-kerja pembaikan tersebut adalah di bawah tanggungjawab RTM.* Pada pendapat Audit, JKR perlu memastikan semua kerja yang berkualiti rendah diambil tindakan pembaikan segera bagi menjamin kelancaran operasi PBB. JKR juga perlu mengambil tindakan sewajarnya terhadap kontraktor dan pasukan perunding atas kegagalan menyempurnakan kerja-kerja di PBB.	
11.5.4.a	**Ketiadaan Penyenggaraan Berkala Selepas Tempoh Tanggungan Kecacatan** Bagi memanjangkan jangka hayat kemudahan yang disediakan, penyenggaraan perlu dilaksanakan untuk menjaga, memulihkan, memperbaiki kemudahan dan persekitaran bangunan projek. Pihak Audit difahamkan Bahagian Selenggara Mekanikal Dan Elektrikal, RTM ditugaskan untuk menyenggara kemudahan tersebut dan mengambil tindakan pembaikan apabila aduan diterima. Sehingga lawatan Audit pada 23 Disember 2013 pihak Audit mendapati RTM belum melantik kontraktor untuk penyenggaraan secara berkala bagi perkhidmatan sistem lif, sistem penyaman udara berpusat dan *generator set* di PBB. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 9 Julai 2014	Surat Setuju Terima (SST) untuk kontrak penyenggaraan lif telah dikeluarkan kepada syarikat LNE Elevator Sdn Bhd pada 13 Ogos 2014. Surat Setuju Terima (SST) untuk kontrak penyenggaraan sistem penyaman udara telah dikeluarkan kepada syarikat Ahbasha Aircond Enterprise pada 3 September 2014 Jawatankuasa Penilaian Kerja telah bersidang pada 2 September 2014 dan Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan pula akan bersidang pada 15 September 2014 bagi memutuskan kontraktor mana yang berjaya.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Kerja-kerja penyenggaraan sebenarnya telah dilakukan oleh RTM seperti berikut:- *a) Penyenggaraan lif - Disenggara secara bulanan semenjak Ogos 2013 oleh kontraktor sehingga pelantikan kontraktor baru.* *b) Sistem Penyaman Udara - Disenggara secara bulanan semenjak Oktober 2013 oleh kontraktor sehingga pelantikan kontraktor baru.* *c) Sistem Pencegah Kebakaran - Disenggara secara bulanan semenjak Oktober 2013 oleh kontraktor sehingga pelantikan kontraktor baru.* *d) Sistem janakuasa tunggu sedia disenggara dan diuji tanpa beban setiap bulan dan dengan beban 6 bulan sekali semenjak Oktober 2013. Senggaraan secara menyeluruh dibuat setiap 6 bulan sekali mengikut jadual bermula Julai 2014.*	Telah dilaksanakan seperti yang dijadualkan. Tarikh terakhir senggaraan dilakukan: 28 Ogos 2014. Tarikh senggaraan akan datang: 25 September 2014.
11.5.4.b	**Pembekalan Dan Pemasangan Peralatan Penyiaran Tidak Selaras Dengan Tempoh Siap Projek** Berdasarkan Kontrak Pembinaan PBB, projek ini disiapkan tanpa dilengkapi dengan sebarang peralatan. Bagaimanapun, pembekalan peralatan penyiaran akan dibuat melalui Projek Pembangunan Media City. Lawatan susulan Audit pada 14 Mac 2014 mendapati pembekalan peralatan penyiaran masih tidak dapat dilaksanakan kerana masih terdapat perkara yang belum dimuktamadkan dalam kontrak Pembangunan Media City. Selain itu, RTM juga belum mendapat peruntukan kewangan bagi perolehan peralatan selain peralatan penyiaran di PBB. Tanpa perolehan peralatan tersebut pegawai di PBB menggunakan *workstation*/peralatan sedia ada yang dibawa dari bangunan lama. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 9 Julai 2014 *Skop kerja bagi projek ini adalah hanya untuk pembinaan fizikal sahaja tanpa peralatan. Sehubungan dengan itu, bagi melengkapkan studio dengan peralatan yang sesuai, Jabatan memutuskan untuk memohon peruntukan pembelian peralatan dalam tempoh RMKe-9 pada tahun 2010 selaras dengan tarikh siap asal siap projek ini (13 Julai 2010).*	Perjanjian Konsesi di antara MCD dengan Kerajaan dijangka dapat dimuktamadkan pada akhir tahun 2014 dan mengikut terma perjanjian, pembekalan dan pemasangan peralatan teknikal penyiaran di PBB perlu disiapkan sepenuhnya 1 tahun dari tarikh pemuktamadan tersebut.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Bagaimanapun, memandangkan projek ini siap pada 28 Jun 2012 yang mana berselari dengan pelaksanaan projek Media City yang bermula pada 2011, permohonan perolehan peralatan diputuskan untuk dibekal melalui projek MCD. Namun begitu, perjanjian di antara KKMM dengan MCD yang belum dimeterai menyebabkan pembekalan peralatan oleh MCD belum dapat dilaksanakan. *i. Permohonan RMKe-10 bagi RP1 berjumlah RM126.5 juta tidak diluluskan oleh EPU atas adanya perancangan projek Media City.* *ii. Permohonan sekali lagi dibawah RP2 berjumlah RM126.5 juta - sekiranya berlaku kelewatan pelaksanaan Media City juga tidak diluluskan.* *iii. Perolehan sistem komputer penerbitan berita berjumlah RM2 juta telah ditender pada 15 Januari 2013. Bagaimanapun, tidak diluluskan oleh Lembaga Perolehan KKMM pada 15 November 2013 atas sebab melebihi peruntukan. (Usaha di atas telah dilaksanakan bagi memastikan perancangan peralatan PBB dapat disediakan selaras dengan objektif projek).* *Jabatan juga sudah menyediakan spesifikasi teknikal untuk sewaan sistem pemberitaan (NRCS) sekiranya ada peruntukan. Sistem ini akan dipasang di PBB bagi membolehkan operasi Radio & TV BES berpindah ke PBB.*	
11.5.4.c.i	**Ruang Kerja PBB** Pembinaan PBB terdiri daripada bangunan 7 tingkat bagi menempatkan pegawai di pelbagai Bahagian/Unit/Seksyen. Sehingga 31 Disember 2013, seramai 242 orang pegawai telah ditempatkan di PBB. Aras 3 dan 5 masih belum beroperasi lagi/digunakan walaupun bangunan ini telah diterima daripada JKR pada 28 Jun 2012 (1 tahun 6 bulan). Bahagian yang terlibat di Aras ini adalah Unit Wartawan, Unit Penerbitan, Studio 2, Studio 3, Studio 4, Seksyen Berita Radio dan Seksyen Berita TV. Pada masa kini, bahagian ini masih beroperasi di bangunan lama.	Perpindahan kakitangan berita dilakukan dalam dua (2) fasa:- Fasa 1: Bahagian Berita TV mulai tahun 2013. Fasa 2: Bahagian Berita Radio mulai 2 September 2014
11.5.4.c.ii	Lawatan fizikal Audit juga mendapati hampir keseluruhan siling di Aras 3 ditumbuhi kulat akibat kondensasi. Pihak Audit dimaklumkan antara punca berlakunya keadaan ini disebabkan sistem penghawa dingin dipasang 24 jam tanpa pengisian pegawai di aras tersebut. Sekiranya RTM tidak menggunakan ruang kerja di PBB secara optimum dalam tempoh tanggungan kecacatan, sebarang kerosakan/kecacatan tidak dapat	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dilaporkan kepada kontraktor untuk tujuan pembaikan. RTM terpaksa menanggung kos pembaikan jika berlaku kerosakan/kecatatan tersebut. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 10 September 2014 *Tidak berlaku pembaziran dalam penggunaan PBB memandangkan PBB telah digunakan bagi tujuan operasi pentadbiran Bahagian BES RTM dan dilengkapkan dengan peralatan yang sesuai. Perpindahan kakitangan berita dilakukan dalam dua fasa. Fasa satu, Bahagian Berita mulai tahun 2013 dan Fasa dua, Bahagian Berita Radio mulai 2 September 2014.* Pada pendapat Audit, pihak RTM perlu menyegerakan operasi PBB bagi mengelakkan pembaziran dan memastikan PBB dapat digunakan secara optimum selaras dengan objektif pembinaannya iaitu untuk menyepadukan operasi berita TV dan radio.	

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perenggan 12 : Perkhidmatan 1Bestarinet

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.1.1	**Pencapaian Fizikal** Mengikut syarat kontrak, tempoh penyambungan internet ke 10,268 tapak akhir pengguna iaitu satu BTP, 15 BTPN, 363 PKG dan 9,889 buah sekolah di seluruh negara dan sekolah-sekolah baru dengan kos sedia ada sehingga mencapai harga siling kontrak atau 10,000 buah sekolah, yang mana tercapai dahulu adalah satu tahun 3 bulan bermula dari 13 Disember 2011 sehingga 30 Mac 2013. Bagaimanapun, sehingga 30 Mac 2013, hanya sebanyak 6,092 (59.3%) iaitu 5,873 (59.4%) daripada 9,889 buah sekolah yang disasarkan, satu (100%) BTP dan 218 (60.1%) daripada 363 buah PKG telah disambungkan internet menggunakan rangkaian YES. Sehingga tamat kontrak 1BestariNet pada 12 Jun 2014, jumlah tapak pengguna yang telah disambungkan dengan capaian 1BestariNet adalah sebanyak 9,129 (88.9%) iaitu 8,807 (89.1%) daripada 9,889 buah sekolah, satu (100%) BTP, 14 (93.3%) daripada 15 buah BTPN dan 307 (84.6%) daripada 363 buah PKG yang disasarkan. Semakan Audit selanjutnya setakat 12 Jun 2014 mendapati, kelewatan antara 12 hingga 439 hari untuk penyambungan internet ke sekolah adalah disebabkan masalah untuk mendapatkan kelulusan daripada pihak Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi pembinaan struktur 1BRIS di kebanyakan negeri terutamanya di Negeri Sarawak, Sabah, Pulau Pinang dan Kelantan. Kelewatan ini menjejaskan tempoh pencapaian *outcome* penyambungan internet iaitu bermula bulan Mac 2013 (tempoh kontrak 30 bulan mulai bulan Disember 2011). Antara *outcome* yang terjejas mulai bulan Mac 2013 sehingga projek disiapkan sepenuhnya adalah sasaran pendidikan berteras internet yang berkualiti kepada semua rakyat Malaysia.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 • *Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil tindakan mengikut terma-terma kontrak iaitu telah mengeluarkan notis kelewatan melalui surat bil. KP(PMO-ICT)100/02/01(51) bertarikh 1 Mac 2013, KP(PMO-ICT)100/02/01(55) bertarikh 1 Mac 2013 dan KP(BTP-PENT)8800/50/25-10(26) bertarikh 25 April 2014 untuk mendapatkan penjelasan kontraktor berkaitan kelewatan syarikat untuk merangkaikan sekolah-sekolah dengan 1BestariNet.* • *Pihak syarikat telah memaklumkan KPM bahawa kelewatan pemasangan 1BestariNet di sekolah-sekolah adalah akibat daripada kelewatan Pihak Berkuasa Tempatan dan sesetengah Kerajaan Negeri dalam memberikan kelulusan untuk membolehkan kontraktor membina menara di lokasi-lokasi yang terpilih.* • *KPM telah mengadakan beberapa siri mesyuarat dengan SACOFA Sdn. Bhd. dan Kerajaan Negeri Sarawak untuk membantu pihak syarikat menyelesaikan isu pemasangan 1BestariNet di Negeri Sarawak namun sehingga hari ini penyelesaian belum ditemui.* Menurut Klausa 32.3 Kontrak 1BestariNet, perkhidmatan yang lewat diserahkan, dipasang atau diuji, mana yang berkenaan oleh kontraktor, Kerajaan boleh melaksanakan mana-mana satu atau apa-apa gabungan dua atau lebih tindakan yang berikut:- i. Menolak perkhidmatan itu, menamatkan perjanjian ini dan merampas bon pelaksanaan; ii. Membeli perkhidmatan yang dikehendaki itu daripada punca-punca lain dan menolak peralatan yang dibekalkan oleh kontraktor. Bagi hal yang sedemikian, jika kos memperolehi perkhidmatan itu daripada punca-punca lain melebihi harga dalam perjanjian ini, kontraktor dikehendaki membayar amaun yang lebih itu sebagai pampasan kepada Kerajaan; dan iii. Setuju menerima perkhidmatan yang lewat itu dan mengenakan denda lewat seperti formula atau kaedah yang dinyatakan di dalam kontrak. Semakan Audit mendapati, tiada kelulusan lanjutan masa diberikan dan tiada denda lewat dikenakan kepada kontraktor oleh KPM walaupun telah melepasi tempoh pemasangan yang ditetapkan. Selain itu, tiada tindakan dari pihak KPM	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil tindakan mengikut terma-terma kontrak iaitu telah mengeluarkan notis kelewatan melalui surat bil. KP(PMO-ICT)100/02/01(51) bertarikh 1 Mac 2013, KP(PMO-ICT)100/02/01(55) bertarikh 1 Mac 2013 dan KP(BTP-PENT)8800/50/25-10(26) bertarikh 25 April 2014 untuk mendapatkan penjelasan kontraktor berkaitan kelewatan syarikat untuk merangkaikan sekolah-sekolah dengan 1BestariNet. Pihak syarikat telah memaklumkan KPM bahawa kelewatan pemasangan 1BestariNet di sekolah-sekolah adalah akibat daripada kelewatan Pihak Berkuasa Tempatan dan sesetengah Kerajaan Negeri dalam memberikan kelulusan untuk membolehkan kontraktor membina menara di lokasi-lokasi yang terpilih. KPM telah mengadakan beberapa siri mesyuarat dengan SACOFA Sdn. Bhd. dan Kerajaan Negeri Sarawak untuk membantu pihak syarikat menyelesaikan isu pemasangan 1BestariNet di Negeri Sarawak namun sehingga hari ini penyelesaian belum ditemui.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	seperti yang tercatat dalam klausa 32.3 (i dan ii) Kontrak 1BestariNet dikenakan kepada pihak kontraktor tersebut atas kesalahan yang sama. Pihak KPM sepatutnya mengenakan tindakan yang tegas seperti yang terkandung di dalam klausa 32.3 Kontrak 1BestariNet terhadap kontraktor yang gagal menyiapkan kerja pemasangan dalam tempoh yang ditetapkan. Ketiadaan tindakan tegas oleh KPM kepada kontraktor boleh menyebabkan pihak kontraktor tidak memandang serius ke atas kelewatan ini dan cuai dalam menyedia dan menjayakan projek 1BestariNet ini. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 • *Pihak kontraktor telah membuat permohonan lanjutan tempoh pelaksanaan kepada KPM sebanyak 2 kali. Walau bagaimanapun, KPM telah menolak permohonan tersebut melalui surat bil. KP(BTP-PENT)8800/50/25-10(26) bertarikh 25 April 2014 kerana kontraktor tidak mengemukakan permohonan berserta dokumen sokongan yang lengkap.* • *Perkara ini telah dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Teknikal 1BestariNet Bil. 3/2014 yang diadakan pada 29 Mei 2014 di BTP. Nilai denda yang dikira berdasarkan syarat-syarat kontrak ialah RM2,402,334.89. Surat pemberitahuan amaun denda baharu kepada kontraktor akan dikeluarkan sebelum 12 September 2014 setelah mendapat pengesahan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pemandu 1BestariNet.* • *Mulai Januari 2014, KPM telah memantau prestasi pencapaian kontraktor dan status pemasangan 1BestariNet mengikut negeri secara atas talian dan perkara ini dibincangkan dalam setiap mesyuarat operasi.* Pada pendapat Audit, kelewatan antara 12 hingga 439 hari ini dapat dielakkan jika kontraktor membuat perancangan teliti sebelum melaksanakan projek seperti mana yang telah ditetapkan dalam kontrak. Selain itu, pemantauan kemajuan pemasangan capaian 1BestariNet hendaklah dipertingkatkan bagi memastikan semua sekolah mendapat perkhidmatan yang telah ditawarkan. Sebarang kelewatan disebabkan kelemahan oleh kontraktor dalam melaksanakan projek mengikut tempoh masa yang ditetapkan, maka KPM perlu mengambil tindakan tegas mengikut klausa 32.3 di atas.	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 Pihak kontraktor telah membuat permohonan lanjutan tempoh pelaksanaan kepada KPM sebanyak 2 kali. Walau bagaimanapun, KPM telah menolak permohonan tersebut melalui surat bil. KP(BTP-PENT)8800/50/25-10(26) bertarikh 25 April 2014 kerana kontraktor tidak mengemukakan permohonan berserta dokumen sokongan yang lengkap. Perkara ini telah dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Teknikal 1BestariNet Bil. 3/2014 yang diadakan pada 29 Mei 2014 di BTP. Nilai denda yang dikira berdasarkan syarat-syarat kontrak ialah RM2,402,334.89. Surat pemberitahuan amaun denda baharu kepada kontraktor akan dikeluarkan sebelum 12 September 2014 setelah mendapat pengesahan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pemandu 1BestariNet. Mulai Januari 2014, KPM telah memantau prestasi pencapaian kontraktor dan status pemasangan 1BestariNet mengikut negeri secara atas talian dan perkara ini dibincangkan dalam setiap mesyuarat operasi. Maklum Balas Terkini Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) telah diadakan pada 10 September 2014 dan meminta supaya semakan semula denda dilaksanakan berdasarkan kadar kelewatan dari hari ke hari bukannya berdasarkan '*floor rate*'. Mesyuarat Pengiraan Semula Denda Kelewatan Pemasangan 1BestariNet pada 8 Oktober 2014 bersetuju bahawa jumlah denda yang akan dikenakan adalah sebanyak RM2,402,334.89.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.1.2.a	**Pencapaian Kewangan** Kerajaan telah meluluskan peruntukan sejumlah RM663 juta untuk Perkhidmatan 1BestariNet dan tambahan sejumlah RM2.09 juta bagi migrasi *Local Area Network* (LAN) 15 Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) di seluruh negara, menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan bagi projek berjumlah RM665.09 juta iaitu peningkatan sebanyak 0.3%. Penambahan peruntukan ini dimeterai melalui Kontrak Tambahan bertarikh 23 April 2013. Semakan Audit terhadap prestasi kewangan projek mendapati perkara berikut:- Penyelarasan peruntukan sejumlah RM3.25 juta dan RM3.64 juta telah dibuat daripada peruntukan PMO bagi pertambahan skop pengurusan perubahan, perkhidmatan lain PMO dan migrasi LAN Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP). Pelarasan peruntukan ini telah diluluskan pada 13 Ogos 2012 dan 22 April 2013.	
12.5.1.2.b	Bayaran ke atas perkhidmatan lebar jalur 10Mbps bagi Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) di seluruh Malaysia sejumlah RM0.32 juta tidak diperuntukkan dalam Lampiran B - Jadual Harga Kontrak dan tiada sebarang kelulusan pelarasan nilai kontrak. Kedua-dua pelarasan ini tidak melibatkan peningkatan kos kerana pelarasan hanya dibuat antara komponen kontrak 1BestariNet sahaja. Pembayaran 1BestariNet ini dilakukan berdasarkan waran peruntukan yang diluluskan secara berperingkat mengikut kemajuan sebenar perkhidmatan yang dilaksanakan. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 • *KPM telah memaklumkan kepada Kementerian Kewangan berkaitan 8 perubahan kepada perkhidmatan dan skop kerja termasuk perkhidmatan lebar jalur 10Mbps bagi Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) di seluruh Malaysia sejumlah RM0.32 juta melalui surat Bil. KP(BTP-PENT)S/8800/50/25-10(46) bertarikh 17 Jun 2014 tanpa melibatkan perubahan kepada siling kontrak.* • *KPM mengakui bayaran ke atas perkhidmatan lebar jalur 10Mbps bagi BTPN tercicir daripada Lampiran B - Jadual Harga Kontrak walaupun item tersebut dinyatakan dalam Klausa 4.2(b) dan Lampiran B - Jadual Harga.*	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 KPM telah memaklumkan kepada Kementerian Kewangan berkaitan 8 perubahan kepada perkhidmatan dan skop kerja termasuk perkhidmatan lebar jalur 10Mbps bagi Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) di seluruh Malaysia sejumlah RM0.32 juta melalui surat Bil. KP(BTP-PENT)S/8800/50/25-10(46) bertarikh 17 Jun 2014 tanpa melibatkan perubahan kepada siling kontrak. KPM mengakui bayaran ke atas perkhidmatan lebar jalur 10Mbps bagi BTPN tercicir daripada Lampiran B - Jadual Harga Kontrak walaupun item tersebut dinyatakan dalam Klausa 4.2(b) dan Lampiran B - Jadual Harga. Mulai Disember 2013, KPM telah mengambil langkah pencegahan daripada

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	• *Mulai Disember 2013, KPM telah mengambil langkah pencegahan daripada berlakunya perubahan kepada perkhidmatan dan skop kerja. Jawatan Kuasa Teknikal dan Jawatan Kuasa Pemandu Projek telah ditubuhkan untuk memastikan semua perbelanjaan projek 1BestariNet adalah mengikut jadual pembayaran seperti dalam kontrak serta pindaan-pindaan yang telah dimaklumkan kepada Kementerian Kewangan.* Pada pendapat Audit, prestasi kewangan bagi projek ini adalah baik di mana 92.5% daripada keseluruhan nilai kontrak telah dibelanjakan setakat bulan Januari 2014. Namun demikian, pertambahan nilai kontrak yang diluluskan mengakibatkan sedikit peningkatan kos iaitu pada kadar 0.3% atau sejumlah RM2.09 juta daripada kos asal kontrak dan selaras dengan syarat kontrak yang ditandatangani. Selain itu, pembayaran sejumlah RM0.32 juta tidak sepatutnya berlaku kerana tidak diperuntukkan dalam kontrak. Perkara tersebut dapat dielakkan sekiranya perancangan yang teliti dan teratur telah dibuat.	berlakunya perubahan kepada perkhidmatan dan skop kerja. Jawatan Kuasa Teknikal dan Jawatan Kuasa Pemandu Projek telah ditubuhkan untuk memastikan semua perbelanjaan projek 1BestariNet adalah mengikut jadual pembayaran seperti dalam kontrak serta pindaan-pindaan yang telah dimaklumkan kepada Kementerian Kewangan.
12.5.2.1.1	**Pematuhan Kepada Proses Perolehan** Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2009 mengenai Garis Panduan Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal Projek ICT Agensi Kerajaan menetapkan, permohonan projek ICT yang tidak melibatkan pembangunan sistem aplikasi bernilai RM3 juta atau lebih hendaklah mendapat kelulusan teknikal Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT). Semakan Audit mendapati pihak KPM tidak mengemukakan permohonan kelulusan teknikal sebaliknya hanya mengemukakan kertas makluman kepada JTICT MAMPU pada 3 Oktober 2011 selepas proses perolehan 1BestariNet dilaksanakan. JTICT MAMPU hanya mengambil maklum dan perhatian disertai dengan ulasan kepada KPM melalui surat bertarikh 4 November 2011. Kelewatan mengemukakan permohonan teknikal JTICT menyebabkan perolehan yang dibuat tidak mendapat pandangan teknikal berhubung keperluan sebenar, unjuran perbelanjaan yang tidak berhemat yang membawa ketidakpatuhan peraturan-peraturan semasa dan bercanggah dengan ulasan teknikal JTICT. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 *KPM telah mengemukakan kertas makluman kepada JTICT MAMPU berkaitan spesifikasi teknikal dan pelaksanaan 1BestariNet pada 3 Oktober 2011 sebelum tender dimuktamadkan oleh Kementerian Kewangan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan memuktamadkan keputusan tender 1BestariNet berdasarkan Kertas Makluman JTICT MAMPU melalui surat MAMPU(S)BDPICT*	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 KPM telah mengemukakan kertas makluman kepada JTICT MAMPU berkaitan spesifikasi teknikal dan pelaksanaan 1BestariNet pada 3 Oktober 2011 sebelum tender dimuktamadkan oleh Kementerian Kewangan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan memuktamadkan keputusan tender 1BestariNet berdasarkan Kertas Makluman JTICT MAMPU melalui surat MAMPU(S)BDPICT

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	700-7/19/17(42) bertarikh 4 November 2011. Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Bil.3 Tahun 2009 bertarikh 29 Disember 2009 menetapkan supaya semua projek bernilai RM50 juta dan ke atas melalui proses *value management.* Semakan Audit mendapati projek 1BestariNet tidak melalui proses *value management* seperti mana yang ditetapkan dalam pekeliling tersebut. Kegagalan mematuhi pekeliling ini boleh menyebabkan komponen dan kos yang tidak menyumbang kepada nilai perkhidmatan tidak dapat dikenal pasti untuk memperolehi *best value for money*. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 • *KPM tidak melaksanakan Value Management sebelum melaksanakan tender perolehan perkhidmatan 1BestariNet.* • *Bagaimanapun bagi pelanjutan kontrak 1BestariNet Fasa 2, KPM sedang melaksanakan Makmal Pengurusan Nilai (VML) dari 8 hingga 12 September 2014. Makmal ini diterajui oleh Seksyen Pengurusan Nilai dan dianggotai oleh pegawai-pegawai pakar dari K-Ekonomi, SKMM, KKMM, MAMPU, BBPA, BPM dan BTP. KPM akan mengambil kira pandangan dan cadangan penambahbaikan VML untuk diguna pakai agar Kerajaan dapat menikmati pulangan pelaburan yang optimum.* Berdasarkan Perenggan 5 Komponen Pengurusan Projek ICT Bahagian (b) di bawah Struktur Tadbir Urus, Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 5 Mac 2010 menyatakan setiap projek ICT hendaklah mempunyai struktur tadbir urus yang jelas terma rujukannya bagi memantau kemajuan pelaksanaan projek ICT. Struktur tadbir urus utama dalam pelaksanaan setiap projek ICT adalah pembentukan dua jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pemandu Projek dan Jawatankuasa Teknikal Projek serta satu pasukan projek. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Pemandu Projek dan Jawatankuasa Teknikal Projek tidak diwujudkan bagi projek 1BestariNet, namun demikian telah diwujudkan setelah lawatan Audit dilaksanakan. Ketidakpatuhan kepada pekeliling ini mengakibatkan tiada satu mekanisme pemantauan yang berkesan dan seimbang dari segi pembayaran, pelaksanaan, pengesahan dan penyelesaian isu-isu yang timbul berkaitan projek.	700-7/19/17(42) bertarikh 4 November 2011. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 KPM tidak melaksanakan *Value Management* sebelum melaksanakan tender perolehan perkhidmatan 1BestariNet. Bagaimanapun bagi pelanjutan kontrak 1BestariNet Fasa 2, KPM sedang melaksanakan Makmal Pengurusan Nilai (VML) dari 8 hingga 12 September 2014. Makmal ini diterajui oleh Seksyen Pengurusan Nilai dan dianggotai oleh pegawai-pegawai pakar dari K-Ekonomi, SKMM, KKMM, MAMPU, BBPA, BPM dan BTP. KPM akan mengambil kira pandangan dan cadangan penambahbaikan VML untuk diguna pakai agar Kerajaan dapat menikmati pulangan pelaburan yang optimum. Maklum Balas Tambahan Makmal Pengurusan Nilai bagi Projek 1BestariNet Fasa 2 oleh Seksyen Pengurusan Nilai (UPN) telah berlangsung di BTP dari 8 hingga 12 September 2014. BTP sedang mengumpul maklumat seperti mana yang dinyatakan dalam pelan tindakan Pengurusan Nilai 1BestariNet dan dijangka siap pada 13 Oktober 2014. Makmal Pengurusan Nilai bagi Projek 1BestariNet Fasa 2 bagi kali kedua akan diadakan di BTP dari 8 hingga 10 Oktober 2014. Mesyuarat ini di tunda kepada 20 – 23 Oktober 2014. Hasil dapatan Makmal Pengurusan Nilai bagi Projek 1BestariNet Fasa 2 akan diangkat ke JKPICT P&P, JPICT KPM dan JTICT MAMPU untuk kelulusan sebelum melaksanakan Projek 1BestariNet Fasa 2.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 • *Walaupun KPM tidak mewujudkan Jawatan Kuasa Teknikal dan Jawatan Kuasa Pemandu Projek 1BestariNet dalam tempoh Disember 2011 sehingga November 2013, KPM telah mewujudkan Jawatankuasa Pelaksana 1BestariNet untuk bertindak secara serentak dalam pemantauan projek meliputi isu, kemajuan dan teknikal projek secara keseluruhannya yang dipengerusikan oleh KSU.* • *Jawatankuasa Teknikal Projek 1BestariNet dan Jawatankuasa Pemandu Projek 1BestariNet telah ditubuhkan pada 13 Disember 2013.*	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 Walaupun KPM tidak mewujudkan Jawatan Kuasa Teknikal dan Jawatan Kuasa Pemandu Projek 1BestariNet dalam tempoh Disember 2011 sehingga November 2013, KPM telah mewujudkan Jawatankuasa Pelaksana 1BestariNet untuk bertindak secara serentak dalam pemantauan projek meliputi isu, kemajuan dan teknikal projek secara keseluruhannya yang dipengerusikan oleh KSU. Jawatankuasa Teknikal Projek 1BestariNet dan Jawatankuasa Pemandu Projek 1BestariNet telah ditubuhkan pada 13 Disember 2013.
12.5.2.1.2.a	**Kesilapan Butiran Kontrak - Bilangan Tapak Pengguna Lebar Jalur Asas** Mengikut klausa 4.2(a)-(c), jumlah tapak pengguna iaitu Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) dan Pusat Kegiatan Guru (PKG) yang perlu disediakan lebar jalur asas oleh kontraktor adalah sebanyak 384. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap Lampiran 4 (Bahagian 2) - Jadual Pelaksanaan – *Connectivity Rollout* mendapati bilangan tapak pengguna adalah sebanyak 363 iaitu perbezaan sebanyak 21 tapak. Selain itu, sebanyak 13 Pusat Teknologi Pendidikan Bahagian (PTPB) yang dinyatakan di klausa 4.2 (c) juga tidak diambil kira dalam jumlah tapak pengguna di Lampiran 4 (Bahagian 2). Oleh itu terdapat kekurangan sebanyak 34 tapak pengguna daripada jumlah sebenar. Kesilapan dan percanggahan butiran ini tidak sepatutnya berlaku sekiranya dokumen kontrak disemak dengan teliti oleh pihak KPM terutamanya Bahagian Pengurusan Aset dan Perolehan (BPPA) dan *Project Management Office* (PMO) semasa proses pemurnian dokumen kontrak sebelum ditandatangani. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 • *Dalam skop kerja asal Kontrak, ada dinyatakan dengan jelas mengenai keperluan pemasangan di 368 PKG, 13 PTPB, dan 15 BTPN. Walaubagaimanapun, perkara ini tidak dinyatakan secara terperinci dalam Jadual Pelaksanaan dan Jadual Pembayaran.* • *Jawatankuasa Teknikal 1BestariNet telah meneliti penemuan JAN dan telah*	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 Dalam skop kerja asal Kontrak, ada dinyatakan dengan jelas mengenai keperluan pemasangan di 368 PKG, 13 PTPB, dan 15 BTPN. Walaubagaimanapun, perkara ini tidak dinyatakan secara terperinci dalam Jadual Pelaksanaan dan Jadual Pembayaran. Jawatankuasa Teknikal 1BestariNet telah meneliti penemuan JAN dan telah mengenal pasti 10 perkara yang perlu ditambah baik dalam tempoh pelanjutan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	mengenal pasti 10 perkara yang perlu ditambah baik dalam tempoh pelanjutan interim Perjanjian Perkhidmatan 1BestariNet. Kesemua cadangan dan penambahbaikan tersebut telah diperakukan untuk dilaksanakan mengikut jadual oleh Jawatankuasa Pemandu 1BestariNet dalam Mesyuarat Jawatankuasa 1BestariNet Bil. 5/2014 pada 12 Ogos 2014. Penambahbaikan yang diperakukan merangkumi keperluan untuk mengemaskini jadual pelaksanaan dan jadual pembayaran iaitu, membuat pindaan kepada kontrak dalam tempoh pelanjutan interim untuk memastikan semua BTPN, PTPB dan PKG yang tercicir dimasukkan ke dalam kontrak interim tersebut.	interim Perjanjian Perkhidmatan 1BestariNet. Kesemua cadangan dan penambahbaikan tersebut telah diperakukan untuk dilaksanakan mengikut jadual oleh Jawatankuasa Pemandu 1BestariNet dalam Mesyuarat Jawatankuasa 1BestariNet Bil. 5/2014 pada 12 Ogos 2014. Penambahbaikan yang diperakukan merangkumi keperluan untuk mengemaskini jadual pelaksanaan dan jadual pembayaran iaitu, membuat pindaan kepada kontrak dalam tempoh pelanjutan interim untuk memastikan semua BTPN, PTPB dan PKG yang tercicir dimasukkan ke dalam kontrak interim tersebut.
12.5.2.2	**Kajian Keperluan Sekolah** Mengikut Klausa 4.1 Kontrak 1BestariNet, kontraktor hendaklah menjalankan kajian keperluan (*requirement study*) sekolah untuk semua sekolah bagi tujuan menentukan lokasi fizikal sebenar pemasangan Yes Zoom dan kesediaan tapak pengguna. Laporan kajian tersebut hendaklah dibentang dan didokumenkan dalam format yang telah ditetapkan untuk dikembalikan kepada Kerajaan. Semakan Audit mendapati kajian keperluan sekolah tidak dilakukan bagi semua sekolah. Pihak Audit juga dimaklumkan oleh pihak sekolah yang dilawati bahawa tiada maklumat kajian keperluan sekolah diambil oleh kontraktor dari sekolah. Akibat daripada ketiadaan kajian keperluan tersebut, infrastruktur sedia ada di sekolah tidak diambil kira sebelum pemasangan 1BestariNet. Selain itu, capaian internet di kesemua sekolah tidak merangkumi keseluruhan kawasan sekolah seperti mana yang dijanjikan dalam kontrak. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 *Kajian keperluan sekolah tidak dilaksanakan sepertimana dinyatakan dalam kontrak oleh kontraktor. Walau bagaimanapun pihak kontraktor telah melaksanakan Kajian Keperluan Sekolah di 430 daripada 1,600 sekolah (Seperti dalam Lampiran 11(5) Perjanjian Perkhidmatan 1BestariNet) yang berangkaian setempat (LAN). Bagi baki 8,289 sekolah yang tiada LAN, kontraktor hanya berjaya menyempurnakan kajian di 2,865 sekolah. Hanya 430 laporan bercetak diserah kepada KPM, satu hamparan elektronik (Excel Spread Sheet) dan KPM dibekalkan dengan alamat URL (https://edw.yes.my/yesmonytl/LoginSchoolInfo) untuk mencapai kesemua 2,865 borang soal-selidik tersebut. Pihak YTLC dikehendaki menyempurnakan obligasi ini dalam tempoh interim seperti mana dimaklumkan dalam Exit Conference.*	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 Kajian keperluan sekolah tidak dilaksanakan sepertimana dinyatakan dalam kontrak oleh kontraktor. Walau bagaimanapun pihak kontraktor telah melaksanakan Kajian Keperluan Sekolah di 430 daripada 1,600 sekolah (Seperti dalam Lampiran 11(5) Perjanjian Perkhidmatan 1BestariNet) yang berangkaian setempat (LAN). Bagi baki 8,289 sekolah yang tiada LAN, kontraktor hanya berjaya menyempurnakan kajian di 2,865 sekolah. Hanya 430 laporan bercetak diserah kepada KPM, satu hamparan elektronik (*Excel Spread Sheet*) dan KPM dibekalkan dengan alamat URL (https://edw.yes.my/yesmonytl/LoginSchoolInfo) untuk mencapai kesemua 2,865 borang soal-selidik tersebut. Pihak YTLC dikehendaki menyempurnakan obligasi ini dalam tempoh interim seperti mana dimaklumkan dalam *Exit Conference*.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Obligasi ini akan dimasukkan dalam kontrak bagi tempoh interim.	Obligasi ini akan dimasukkan dalam kontrak bagi tempoh interim. Maklum Balas Terkini Satu perbincangan dengan pihak YTLC berkenaan Jadual Kajian Keperluan Sekolah diadakan pada 7 Oktober 2014 untuk dimuktamadkan. Pelaksanaan Kajian Keperluan Sekolah akan dipantau secara mingguan. Bagi LAN sekolah, PKG sedang melawat kesemua sekolah untuk mengumpul maklumat LAN sekolah dan dijangka siap pada 10 Oktober 2014.
12.5.2.3.1	**Kelajuan Lebar Jalur** Mengikut Kontrak 1BestariNet, pihak kontraktor perlu menyediakan lebar jalur asas (*baseline bandwidth*) 4Mbps dan *burstable* hingga 20Mbps untuk 9,191 buah sekolah. Kontraktor juga hendaklah menyediakan lebar jalur asas (*baseline bandwidth*) 2Mbps dan *burstable* hingga 4Mbps untuk 698 buah sekolah yang kini menggunakan teknologi VSAT sedia ada dengan *contention ratio* 1:20. Laporan dari hasil Lawatan Pemindahan Teknologi ke Mirfield Free Grammar & Sixth Form, Manchester dan Winston Churchill School, Surrey oleh 5 pegawai KPM bertarikh 29 Mac 2012 menyatakan Sistem Frog VLE yang diguna pakai di sekolah tersebut dipasang secara *Local Area Network* (LAN) dengan rangkaian berkapasiti tinggi. Pengujian kelajuan dilakukan terhadap Zoom yang telah dibekalkan kepada sekolah-sekolah yang terlibat. Zoom tersebut ditempatkan secara berasingan seperti makmal komputer, bahagian pentadbiran dan bilik guru. Semakan Audit tahap capaian kelajuan perkhidmatan lebar jalur di makmal komputer bagi 50 buah sekolah yang dilawati mendapati 41 daripada 46 buah sekolah adalah antara 0.2Mbps hingga 3.62Mbps. Prestasi capaian kelajuan perkhidmatan lebar jalur tersebut adalah rendah untuk menampung penggunaan VLE sekiranya melibatkan antara 30 hingga 40 pengguna dalam satu masa. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 • *KPM telah menjadikan prestasi capaian internet bagi sekolah berteknologi 4G sebagai KPI YAB Menteri Pendidikan, KSU dan KPPM. Kaedah pemantauan capaian serta tahap capaian internet pada 4Mbps setiap satu sekolah tersebut telah ditetapkan dalam mesyuarat bersama PEMANDU*	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 KPM telah menjadikan prestasi capaian internet bagi sekolah berteknologi 4G sebagai KPI YAB Menteri Pendidikan, KSU dan KPPM. Kaedah pemantauan capaian serta tahap capaian internet pada 4Mbps setiap satu sekolah tersebut telah ditetapkan dalam mesyuarat bersama PEMANDU dan PADU sejak Januari

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dan PADU sejak Januari 2014. Setakat ini, semua sekolah berteknologi 4G didapati menepati SLA yang ditetapkan iaitu minimum 4 Mbps. • *Guru-guru telah diberikan latihan dan pendedahan pedagogi yang membolehkan mereka mengoptimumkan ketersediaan infrastruktur sekolah. Dengan saiz lebar jalur yang terhad (2 dan 4 Mbps) pedagogi yang diamalkan hendaklah menjurus kepada aktiviti kerja kumpulan yang berbeza pada sesuatu masa seperti blended learning. Semua guru terlatih, yang telah menjalankan latihan asas perguruan telah dilatih dengan pedagogi sedemikian.*	2014. Setakat ini, semua sekolah berteknologi 4G didapati menepati SLA yang ditetapkan iaitu minimum 4 Mbps. Guru-guru telah diberikan latihan dan pendedahan pedagogi yang membolehkan mereka mengoptimumkan ketersediaan infrastruktur sekolah. Dengan saiz lebar jalur yang terhad (2 dan 4 Mbps) pedagogi yang diamalkan hendaklah menjurus kepada aktiviti kerja kumpulan yang berbeza pada sesuatu masa seperti blended learning. Semua guru terlatih, yang telah menjalankan latihan asas perguruan telah dilatih dengan pedagogi sedemikian.
	Bagi menguji prestasi kelajuan lebar jalur di sekolah, sebanyak 491 (49.1%) daripada 1,000 maklum balas borang soal selidik telah diterima daripada pihak sekolah yang merangkumi empat jenis capaian lebar jalur iaitu teknologi 4G, VSAT, OCPE dan ADSL. Analisis Audit terhadap maklum balas soal selidik yang diterima mendapati perkara-perkara berikut:- i. 297 (68.9%) sekolah yang menggunakan jenis capaian 4G dan OCPE kelajuan lebar jalur di bawah 2Mbps. Prestasi kelajuan ini tidak mencapai spesifikasi yang ditetapkan iaitu 2 hingga 4Mbps; ii. 48 (80%) sekolah yang menggunakan jenis capaian VSAT dan ADSL mencapai kelajuan lebar jalur di bawah 2Mbps. Prestasi kelajuan ini tidak mencapai spesifikasi yang ditetapkan iaitu 2 hingga 4Mbps; dan iii. Hanya 146 (29.7%) sekolah yang melibatkan penggunaan semua jenis capaian mencapai kelajuan yang telah ditetapkan.	Maklum Balas Terkini Bermula 1 Oktober 2014, pemantauan prestasi talian internet 1BestariNet sedang dilaksanakan oleh BTP menggunakan Pekerja Sambilan Harian (PSH).
	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 • *Pada kebiasaannya pengukuran yang dilaksanakan oleh pengguna melalui wifi didapati kurang tepat kerana tidak menghentikan capaian daripada peranti lain yang berdekatan. Walaupun peranti tersebut tidak aktif digunakan, berkemungkinan besar peranti-peranti tersebut sedang menghantar isyarat ping (khususnya whatsapp, GTalk, dsb atau pun sedang*	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 Pada kebiasaannya pengukuran yang dilaksanakan oleh pengguna melalui wifi didapati kurang tepat kerana tidak menghentikan capaian daripada peranti lain yang berdekatan. Walaupun peranti tersebut tidak aktif digunakan, berkemungkinan besar peranti-peranti tersebut sedang menghantar isyarat ping (khususnya whatsapp, GTalk, dsb atau pun sedang melaksanakan *update*).

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	melaksanakan update). • *Selain itu, peningkatan peralatan yang menggunakan rangkaian seperti pertambahan bilangan komputer dan pertambahan peralatan telefon mudah alih dan tablet yang menggunakan rangkaian telah mengakibatkan rangkaian menjadi perlahan dan sesak.* • *Walau bagaimanapun, berdasarkan pengauditan rangkaian yang telah dilaksanakan oleh syarikat NFE bersama SKMM pada 19 - 30 Disember 2013 didapati kualiti rangkaian 1BestariNet yang dibekalkan memuaskan dari aspek kelajuan, packet drop, latency dan jitter serta menepati spesifikasi yang ditetapkan kecuali bagi sekolah-sekolah yang dirangkaikan dengan teknologi VSAT.* • *Cara pengujian kelajuan dilaksanakan melalui cacti server secara rawak bagi sekolah yang menggunakan zoom. Pengiraan kapasiti lebar jalur bagi sebuah sekolah ialah Zoom A + Zoom B + Zoom C.*	Selain itu, peningkatan peralatan yang menggunakan rangkaian seperti pertambahan bilangan komputer dan pertambahan peralatan telefon mudah alih dan tablet yang menggunakan rangkaian telah mengakibatkan rangkaian menjadi perlahan dan sesak. Walau bagaimanapun, berdasarkan pengauditan rangkaian yang telah dilaksanakan oleh syarikat NFE bersama SKMM pada 19 - 30 Disember 2013 didapati kualiti rangkaian 1BestariNet yang dibekalkan memuaskan dari aspek kelajuan, *packet drop*, *latency* dan *jitter* serta menepati spesifikasi yang ditetapkan kecuali bagi sekolah-sekolah yang dirangkaikan dengan teknologi VSAT. Cara pengujian kelajuan dilaksanakan melalui *cacti server* secara rawak bagi sekolah yang menggunakan zoom. Pengiraan kapasiti lebar jalur bagi sebuah sekolah ialah Zoom A + Zoom B + Zoom C.
12.5.2.3.2	**Teknologi Rangkaian** Mengikut Klausa 4.2(i) Kontrak 1BestariNet, kontraktor hendaklah menyediakan kemudahan capaian 1BestariNet ke seluruhan kawasan sekolah melalui 1BRIS dan peralatan CPE iaitu Yes Zoom dan Yes Dongles yang diperuntukkan di dalam perjanjian. Semakan Audit mendapati, bilangan Yes Zoom yang dibekalkan kepada sekolah sebanyak 3 unit dan 1 unit sebagai simpanan adalah tidak mencukupi untuk meliputi keseluruhan kawasan sekolah disebabkan jarak liputan *wi-fi* Yes Zoom hanya boleh dicapai dalam lingkungan 20 meter dan juga terdapat limitasi akses kepada 20 orang pengguna sahaja dalam satu masa. Keadaan yang sama juga dihadapi oleh sekolah-sekolah yang mengguna teknologi VSAT yang mana satu lebar jalur asas 2Mbps dikongsi oleh 20 buah sekolah. Bilangan "*standard*" Yes Dongles yang dibekalkan kepada setiap sekolah adalah sebanyak 20 unit dan pengagihan sebenar adalah berdasarkan bilangan guru di sekolah iaitu antara 5 hingga 25 Yes Dongles. Pengagihan ini bukan sahaja tidak mengikut spesifikasi standard pengagihan yang ditetapkan dalam perjanjian tetapi tidak mencukupi untuk menampung keperluan pengguna di sekolah-sekolah. Setakat ini, Yes Dongles yang dibekalkan hanya digunakan oleh guru-guru sahaja.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 • *Lebar jalur yang dibekalkan adalah terhad kepada 4 - 10 Mbps sahaja. Bagi mengelakkan daripada capaian lebar jalur yang terlalu rendah bagi setiap Yes Zoom, KPM dan kontraktor bersetuju untuk menetapkan bilangan Yes Zoom kepada 4 unit. Sehubungan itu, setiap sekolah yang memohon untuk mengaktifkan Yes Zoom simpanan akan diluluskan. Bagi kegunaan seharian di sekolah, satu Yes Zoom dipasang di Makmal Komputer, satu di pejabat sekolah, satu di bilik guru dan satu unit simpanan boleh dibawa ke mana-mana dalam kawasan sekolah untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, guru-guru boleh menggunakan Yes Dongles yang dibekalkan untuk mengakses internet dari mana-mana kawasan sekolah juga.* • *KPM bersetuju bahawa lebar jalur 2 Mbps diguna sama oleh 20 sekolah adalah rendah dan tidak akan memberi pengalaman pengguna yang baik kepada guru dan murid. Walaupun demikian, KPM sedang migrasikan sekolah-sekolah yang dirangkaikan dengan teknologi VSAT kepada teknologi lain seperti 3G ataupun ADSL mengikut yang sedia ada (supply driven) untuk mengelakkan daripada mewujudkan situasi perolehan "demand driven".* • *Perubahan kuota pengagihan Yes Dongles dilaksanakan untuk mengurangkan pembaziran khususnya di sekolah kurang murid yang bilangan gurunya sedikit sahaja. Untuk mengoptimumkan penggunaan, KPM telah mengagihkan bilangan Yes Dongles mengikut bilangan guru di sesebuah sekolah. Pada amnya, KPM berhasrat untuk membekalkan satu Yes Dongles kepada setiap 3 orang guru.* Hasil maklum balas soal selidik daripada 501 sekolah mengenai liputan capaian 1BestariNet di sekolah mendapati 292 (58%) sekolah tidak mendapat capaian meliputi keseluruhan kawasan sekolah, manakala 209 (42%) sekolah mendapat capaian keseluruhan kawasan sekolah.	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 Lebar jalur yang dibekalkan adalah terhad kepada 4 - 10 Mbps sahaja. Bagi mengelakkan daripada capaian lebar jalur yang terlalu rendah bagi setiap Yes Zoom, KPM dan kontraktor bersetuju untuk menetapkan bilangan Yes Zoom kepada 4 unit. Sehubungan itu, setiap sekolah yang memohon untuk mengaktifkan Yes Zoom simpanan akan diluluskan. Bagi kegunaan seharian di sekolah, satu Yes Zoom dipasang di Makmal Komputer, satu di pejabat sekolah, satu di bilik guru dan satu unit simpanan boleh dibawa ke mana-mana dalam kawasan sekolah untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, guru-guru boleh menggunakan Yes Dongles yang dibekalkan untuk mengakses internet dari mana-mana kawasan sekolah juga. KPM bersetuju bahawa lebar jalur 2 Mbps diguna sama oleh 20 sekolah adalah rendah dan tidak akan memberi pengalaman pengguna yang baik kepada guru dan murid. Walaupun demikian, KPM sedang migrasikan sekolah-sekolah yang dirangkaikan dengan teknologi VSAT kepada teknologi lain seperti 3G ataupun ADSL mengikut yang sedia ada (*supply driven*) untuk mengelakkan daripada mewujudkan situasi perolehan "*demand driven*". Perubahan kuota pengagihan Yes Dongles dilaksanakan untuk mengurangkan pembaziran khususnya di sekolah kurang murid yang bilangan gurunya sedikit sahaja. Untuk mengoptimumkan penggunaan, KPM telah mengagihkan bilangan Yes Dongles mengikut bilangan guru di sesebuah sekolah. Pada amnya, KPM berhasrat untuk membekalkan satu Yes Dongles kepada setiap 3 orang guru.
	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 • *KPM menyedari bahawa kemudahan wi-fi tidak meliputi keseluruhan kawasan sekolah dan tumpuan adalah hanya kepada capaian internet di 3 lokasi iaitu makmal komputer (untuk pembelajaran murid), bilik guru (untuk*	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 KPM menyedari bahawa kemudahan wi-fi tidak meliputi keseluruhan kawasan sekolah dan tumpuan adalah hanya kepada capaian internet di 3 lokasi iaitu makmal komputer (untuk pembelajaran murid), bilik guru (untuk persediaan pelajaran oleh guru) dan pejabat sekolah (untuk urusan atas talian sekolah).

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	persediaan pelajaran oleh guru) dan pejabat sekolah (untuk urusan atas talian sekolah). • *Dalam Perjanjian 1BestariNet, pihak kontraktor dikehendaki menyediakan Yes Dongles untuk membolehkan pengguna mencapai rangkaian internet dari mana-mana di kawasan sekolah. Bagi 292 (58%) sekolah tidak mendapat capaian meliputi kawasan sekolah, guru dan murid boleh mencapai internet menggunakan Yes Dongles yang dibekalkan. Ini adalah untuk menampung keperluan gurid dan murid untuk menggunakan internet bagi aktivit pengajaran dan pembelajaran (PdP). Obligasi ini terdapat dalam klausa 7.2(c), Perjanjian Perkhidmatan 1BestariNet.* Semakan lanjut Audit juga mendapati sehingga 8 April 2014, terdapat 321 buah sekolah telah dipasang dengan lebar jalur berasaskan teknologi ADSL dan 530 buah sekolah telah dipasang dengan OCPE yang bercanggah dengan syarat kontrak dan tiada permohonan perubahan spesifikasi kontrak kepada Kementerian Kewangan Malaysia dilakukan. Penggunaan kedua-dua teknologi capaian tersebut adalah disebabkan sekolah tidak mempunyai peralatan VSAT serta tidak mendapat liputan 1BRIS. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 *Pemasangan ADSL dan OCPE adalah di antara langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan isu capaian di sekolah-sekolah tersebut untuk memastikan sekolah dapat capaian internet memandangkan infrastruktur di kawasan itu tidak menyokong pemasangan 1BRIS. Walaupun teknologi ini tidak dinyatakan dalam kontrak asal, perkara ini telah dimaklumkan kepada Kementerian Kewangan melalui surat bil KP(BTP-PENT)S/8800/50/25-10 (46) bertarikh 17 Jun 2014.* Limitasi jumlah pemberian Yes Dongles dan Yes Zoom ini serta kelemahan Yes Zoom itu sendiri menyebabkan capaian internet tidak dapat digunakan oleh kesemua pengguna di sekolah. Ini menyebabkan sekolah dan guru terpaksa mencari alternatif lain bagi mendapatkan akses internet dan seterusnya mengurangkan produktiviti kerja dan menambahkan kos kewangan sedia ada.	Dalam Perjanjian 1BestariNet, pihak kontraktor dikehendaki menyediakan Yes Dongles untuk membolehkan pengguna mencapai rangkaian internet dari mana-mana di kawasan sekolah. Bagi 292 (58%) sekolah tidak mendapat capaian meliputi kawasan sekolah, guru dan murid boleh mencapai internet menggunakan Yes Dongles yang dibekalkan. Ini adalah untuk menampung keperluan gurid dan murid untuk menggunakan internet bagi aktivit pengajaran dan pembelajaran (PdP). Obligasi ini terdapat dalam klausa 7.2(c), Perjanjian Perkhidmatan 1BestariNet. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 Pemasangan ADSL dan OCPE adalah di antara langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan isu capaian di sekolah-sekolah tersebut untuk memastikan sekolah dapat capaian internet memandangkan infrastruktur di kawasan itu tidak menyokong pemasangan 1BRIS. Walaupun teknologi ini tidak dinyatakan dalam kontrak asal, perkara ini telah dimaklumkan kepada Kementerian Kewangan melalui surat bil KP(BTP-PENT)S/8800/50/25-10 (46) bertarikh 17 Jun 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.2.3.2	Klausa 4.2 (j) Kontrak 1BestariNet menyatakan kontraktor perlu memastikan rangkaian setempat (LAN) sedia ada dan masih berfungsi dapat disambungkan ke rangkaian 1BestariNet melalui peruntukan peralatan CPE. Jika mana-mana LAN sedia ada tidak berfungsi, kontraktor boleh mengemukakan cadangan penyelesaian kepada Kerajaan dengan mengambil kira kos tambahan dalam skop kerja berkenaan. Analisis Audit terhadap 500 borang soal selidik yang diterima mendapati rangkaian 1BestariNet bagi 129 (26%) sekolah tidak di integrasi dengan rangkaian LAN sedia ada dan 323 (64%) sekolah telah diintegrasikan. Kontraktor juga tidak mengemukakan sebarang cadangan penyelesaian kepada 48 (10%) sekolah yang tidak mempunyai rangkaian LAN. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 *PKG sedang melawat kesemua 8,885 sekolah yang telah dipasang dengan 1BestariNet untuk mengenal pasti sama ada rangkaian 1BestariNet telah diintegrasi dengan LAN sekolah. Berdasarkan dapatan lawatan tersebut, KPM akan mengenakan tindakan undang-undang ke atas YTLC bagi kegagalan memenuhi obligasi kontrak seperti dalam klausa 4.2(j)-(k) dan klausa 16.1 dan 16.2. Lawatan tersebut dijangka selesai dilaksanakan sebelum 15 November 2014.* Rangkaian 1BestariNet yang tidak diintegrasikan dengan rangkaian LAN menyebabkan capaian kepada internet melalui kaedah *wi-fi* Yes Zoom secara langsung. Kaedah ini tidak praktikal apabila melibatkan pengguna yang ramai dalam satu masa kerana peralatan Yes Zoom terhad kepada 20 pengguna dan jarak liputan *wi-fi* Yes Zoom hanya boleh dicapai dalam lingkungan 20 meter.	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 PKG sedang melawat kesemua 8,885 sekolah yang telah dipasang dengan 1BestariNet untuk mengenal pasti sama ada rangkaian 1BestariNet telah diintegrasi dengan LAN sekolah. Berdasarkan dapatan lawatan tersebut, KPM akan mengenakan tindakan undang-undang ke atas YTLC bagi kegagalan memenuhi obligasi kontrak seperti dalam klausa 4.2(j)-(k) dan klausa 16.1 dan 16.2. Lawatan tersebut dijangka selesai dilaksanakan sebelum 15 November 2014. Maklum Balas Terkini PKG sedang melawat kesemua sekolah untuk mengumpul maklumat LAN sekolah dan dijangka siap pada 10 Oktober 2014.
12.5.2.4.1	**Status Pembayaran Sewaan Tapak** Berdasarkan Klausa 27.7 Kontrak 1BestariNet, Kerajaan akan memberi pertimbangan, kebenaran dan kelulusan untuk mendirikan, membina dan/atau memasang sebarang perkakasan atau peralatan 1BRIS yang diperlukan dalam kawasan tapak pengguna 1BestariNet berkenaan bagi membolehkan kontraktor membekalkan perkhidmatan tersebut. Pesuruhjaya Tanah Persekutuan telah mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan Penyewaan Tanah Persekutuan Oleh Kementerian/Jabatan Pengguna (KJP) Bagi Ruang Bangunan (Premis) yang berkuat kuasa mulai	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	24 April 2013. Garis Panduan ini telah menetapkan dasar penyewaan seperti berikut:- i. Mana-mana ruang bangunan termasuk kawasan lingkungannya; ii. Kadar sewaan hendaklah ditentukan oleh nilaian Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH); dan iii. Pengurusan pungutan hasil dan penyelenggaraan Akaun Deposit hendaklah diselenggara oleh KJP mengikut peraturan dan Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa. Semakan Audit mendapati, KPM telah memohon pandangan dan ulasan JPPH mengenai kadar sewaan bulanan yang wajar diberikan kepada kontraktor pada 13 Februari 2012. KPM juga melalui surat Bil. KP(BBPA)800-2/8/23/1(12) bertarikh 28 Februari 2012 telah bersetuju dengan cadangan pihak kontraktor untuk memasang struktur 1BRIS di sekolah-sekolah seluruh Malaysia dengan menyenaraikan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh kontraktor termasuk tempoh kuat kuasa penyewaan bermula dari 1 Mei 2012 hingga 30 Jun 2014 (26 bulan) bagi 3,203 buah sekolah yang terlibat. Bagaimanapun, pihak kontraktor telah memohon pertimbangan KPM untuk menukarkan tempoh kuat kuasa penyewaan dari 1 Mei 2012 hingga 30 Jun 2014 kepada tarikh siap pemasangan 1BRIS di sekolah yang terlibat. Namun, KPM telah menolak permohonan tersebut dan mengekalkan tempoh sewaan asal. JPPH melalui surat rujukan JPPH:IP T(S) 175/24/135/002/19-1/RO bertarikh 14 Januari 2013 telah mengesyorkan kadar sewaan bulanan sejumlah RM1,200 bagi setiap tapak 1BRIS. Berdasarkan kepada kadar sewaan yang disyorkan tersebut, KPM telah membuat tuntutan bayaran sewaan tertunggak sejumlah RM32.27 juta bagi 2,445 tapak 1BRIS bagi tempoh 11 bulan iaitu bermula 1 Mei 2012 hingga 31 Mac 2013 dan 3 bulan wang cagaran sejumlah RM8.80 juta melalui surat rujukan Bil. KP(BBPA)800-2/8/17/1 Jld.2(50) bertarikh 27 Mac 2013. Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Perjanjian Penyewaan Tapak Bagi Sekolah-sekolah Seluruh Malaysia bertarikh 2 Julai 2013 mendapati, pihak kontraktor enggan membayar sewaan tapak struktur 1BRIS kerana berpendapat bahawa persetujuan yang dicapai melalui terma yang termaktub dalam kontrak bagi peletakan struktur 1BRIS di kawasan sekolah adalah secara percuma berdasarkan Klausa 27.7 dan 27.10 Kontrak 1BestariNet. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati klausa tersebut hanya menyentuh perihal kebenaran mendirikan dan keselamatan struktur 1BRIS yang dipertanggungjawabkan kepada Kerajaan, manakala kos mendirikan 1BRIS adalah merupakan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	tanggungjawab kontraktor. Menurut maklum balas Penasihat Undang-undang (PUU) KPM berhubung perkara tersebut, walaupun di dalam dokumen kontrak perjanjian tidak menyebut mengenai sewaan tapak tetapi perlu mengambil kira peraturan dan garis panduan sedia ada untuk penggunaan tapak tersebut. Pihak PMO berpendapat KPM hanya membeli perkhidmatan, oleh itu segala urusan yang melibatkan menara 1BRIS adalah di bawah tanggungan pihak kontraktor. Semakan lanjut Audit mendapati, Mesyuarat Jawatankuasa Perlanjutan (Khas) Penyewaan dan Penguatkuasaan Harta Tanah Persekutuan Bil. 1/2014 pada 14 Februari 2014 telah memutuskan kontraktor dikenakan kadar sewaan berjumlah RM1,000 setahun bagi setiap tapak 1BRIS. Pada 25 Februari 2014, KPM telah memohon pandangan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Persekutuan) (JKPTG) melalui surat rujukan Bil. KP(BPPA)800-2/8/17/1 Jld.5 (61) mengenai penyewaan tapak tersebut atau kebenaran pengecualian penyewaan tapak sekiranya ada berkenaan hal tersebut. PTP melalui suratnya bertarikh 13 Mac 2014 telah memaklumkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perlanjutan (Khas) Penyewaan dan Penguatkuasaan Harta Tanah Persekutuan Bil. 1/2014 bertarikh 14 Februari 2014 dengan menyatakan sewaan sejumlah RM1,000 setahun bagi pelaksanaan projek 1BestariNet di sekolah-sekolah terpilih seluruh Malaysia. Kenyataan PTP dalam surat tersebut bercanggah dengan keputusan yang disampaikan dalam minit mesyuarat berkenaan kerana tidak menyatakan dengan spesifik bahawa sewaan tersebut adalah bagi setiap tapak setahun. Bagaimanapun, berdasarkan surat tersebut, KPM telah menuntut sewaan tapak 1BRIS kepada kontraktor sejumlah RM2,166.67 bagi tempoh 1 Mei 2012 hingga 30 Jun 2014 dan wang cagaran 3 bulan sejumlah RM250. Pihak kontraktor telah menjelaskan bayaran sewaan bagi tempoh 1 Mei 2012 sehingga 30 Jun 2014 (2 tahun 2 bulan) berserta wang cagaran 3 bulan sewaan berjumlah RM2,416.67. Pihak Audit telah mengemukakan surat kepada PTP bagi mendapatkan penjelasan mengenai kadar sewaan tapak 1BRIS di seluruh sekolah-sekolah yang terlibat seluruh Malaysia melalui surat Bil. AUDIT/SAK&P:ICT/147/430/24(25) bertarikh 11 Julai 2014. PTP melalui suratnya Bil. JKPTG/SPHP/931/1/15-3 JLD 8 (76) bertarikh 18 Julai 2014 telah memaklumkan bahawa kadar sewaan tapak 1BRIS adalah RM1,000 setahun bagi setiap tapak sekolah yang terlibat dengan pelaksanaan 1BestariNet. Kadar sewaan baru ini ditetapkan susulan daripada permohonan pengecualian sewaan tapak oleh KPM. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	• *Merujuk kepada surat yang diterima daripada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Ruj.: JKPTG/SPHP/931/1/15-3JLD.8(60) bertarikh 13 Mac 2014, pihak KPM hanya membuat semakan dengan pihak JKPTG melalui telefon pada 28 Mac 2014 bagi mengesahkan bahawa sewaan tapak adalah RM1,000 setahun bagi keseluruhan tapak 1BRIS.* • *KPM mendapati berlaku kesilapan terhadap penafsiran terhadap surat JKPTG bertarikh 13 Mac 2014 berikutan cabutan minit mesyuarat JK Perlanjutan (Khas) Penyewaan dan Penguatkuasaan Harta Tanah Persekutuan Bil.1/2014 bertarikh 14 Februari 2014 tidak disertakan.* • *KPM menerima cabutan minit daripada JKPTG melalui emel pada 24 Jun 2014. KPM akan menuntut kurangan pembayaran sewa tapak 1BRIS sebaik sahaja menerima keputusan muktamad daripada JKPTG.* • *Pegawai Pengawal telah bersetuju melalui Minit Bebas pada 15 Ogos 2014 untuk KPM menuntut kurangan pembayaran sewa tapak 1BRIS daripada kontraktor. Setakat 2 September 2014, tuntutan kurangan dibuat kepada 350 tapak milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) sahaja dengan jumlah RM843,416.66. Tidak semua 1BRIS didirikan di atas tapak sekolah milik PTP. KPM sedang menyemak status hak milik tapak tanah 1BRIS yang tidak jelas. Tuntutan sewa tidak akan dibuat bagi tapak bukan milik PTP.* Pada pendapat Audit, sewaan sejumlah RM1,000 setahun bagi setiap tapak yang dikenakan kepada kontraktor bagi kesemua 3,203 tapak 1BRIS di seluruh negara adalah tidak munasabah berbanding dengan kadar sewaan sejumlah RM1,200 sebulan bagi setiap tapak 1BRIS yang disyorkan oleh JPPH. Dengan hanya kadar sewaan sejumlah RM1,000 setahun bagi setiap tapak 1BRIS, Kerajaan telah kehilangan hasil sejumlah RM42.92 juta setahun sekiranya 3,203 1BRIS tidak disewa dengan kadar RM1,200 sebulan.	Merujuk kepada surat yang diterima daripada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Ruj.: JKPTG/SPHP/931/1/15-3JLD.8(60) bertarikh 13 Mac 2014, pihak KPM hanya membuat semakan dengan pihak JKPTG melalui telefon pada 28 Mac 2014 bagi mengesahkan bahawa sewaan tapak adalah RM1,000 setahun bagi keseluruhan tapak 1BRIS. KPM mendapati berlaku kesilapan terhadap penafsiran terhadap surat JKPTG bertarikh 13 Mac 2014 berikutan cabutan minit mesyuarat JK Perlanjutan (Khas) Penyewaan dan Penguatkuasaan Harta Tanah Persekutuan Bil.1/2014 bertarikh 14 Februari 2014 tidak disertakan. KPM menerima cabutan minit daripada JKPTG melalui emel pada 24 Jun 2014. KPM akan menuntut kurangan pembayaran sewa tapak 1BRIS sebaik sahaja menerima keputusan muktamad daripada JKPTG. Pegawai Pengawal telah bersetuju melalui Minit Bebas pada 15 Ogos 2014 untuk KPM menuntut kurangan pembayaran sewa tapak 1BRIS daripada kontraktor. Setakat 2 September 2014, tuntutan kurangan dibuat kepada 350 tapak milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) sahaja dengan jumlah RM843,416.66. Tidak semua 1BRIS didirikan di atas tapak sekolah milik PTP. KPM sedang menyemak status hak milik tapak tanah 1BRIS yang tidak jelas. Tuntutan sewa tidak akan dibuat bagi tapak bukan milik PTP. Maklum Balas Tambahan Kementerian berpendapat bahawa berdasarkan Arahan PTP Bil. 1/2013, sebarang permohonan rayuan terhadap kadar sewa hendaklah diputuskan oleh pihak PTP. KPM selaku Kementerian Pengguna hanya melaksanakan keputusan yang diberikan.
12.5.2.4.2	**Caj Utiliti Ditanggung Kerajaan** Klausa 27.8 Kontrak 1BestariNet menetapkan bahawa semua caj-caj utiliti yang berkaitan dengan perkhidmatan 1BestariNet, CPE, peralatan serta 1BRIS seperti caj elektrik akan ditanggung oleh Kerajaan dalam tempoh kontrak. Klausa 27.10 Kontrak 1BestariNet pula menyatakan kontraktor hanya bertanggungjawab terhadap kos yang melibatkan pemasangan, penyenggaraan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dan pengurusan 1BRIS. Selain daripada kos tersebut adalah di bawah tanggungjawab pihak Kerajaan. Semakan Audit mendapati, caj utiliti dibayar oleh Kerajaan berdasarkan pendawaian elektrik 1BRIS yang disambung dan berkongsi dengan meter elektrik sekolah. Walaupun pihak Kerajaan terpaksa menanggung peningkatan caj elektrik, namun begitu, pihak sekolah tidak dapat mengesahkan jumlah sebenar penggunaan elektrik 1BRIS di sekolah kerana caj utiliti 1BRIS dicampur dengan caj utiliti sekolah. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 *Penggunaan tenaga elektrik bagi struktur 1BRIS dipersetujui oleh KPM untuk menggunakan peruntukan mengurus tahunan. Walau bagaimanapun, KPM mengakui pembinaan infrastruktur 1BRIS telah mengakibatkan kos elektrik di sekolah-sekolah terlibat meningkat antara RM150 – RM180 sebulan. Dasar ini akan dikaji semula dalam kontrak 1BestariNet pada masa akan datang.* Pada pendapat Audit, pihak Kerajaan sepatutnya tidak dibebankan dengan pembayaran utiliti struktur 1BRIS kerana Kerajaan hanya membeli perkhidmatan sahaja. Segala urusan yang berkaitan dengan peralatan dan struktur termasuk pembayaran utiliti adalah di bawah tanggungjawab kontraktor. Pembayaran utiliti bagi pihak kontraktor merupakan satu beban kewangan kepada Kerajaan yang perlu membayar bil elektrik bagi kesemua menara 1BRIS di seluruh negara.	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 Penggunaan tenaga elektrik bagi struktur 1BRIS dipersetujui oleh KPM untuk menggunakan peruntukan mengurus tahunan. Walau bagaimanapun, KPM mengakui pembinaan infrastruktur 1BRIS telah mengakibatkan kos elektrik di sekolah-sekolah terlibat meningkat antara RM150 – RM180 sebulan. Dasar ini akan dikaji semula dalam kontrak 1BestariNet pada masa akan datang.
12.5.2.5	**Perkhidmatan *Hosting* Terurus** Mengikut Klausa 4.3(b) Kontrak 1BestariNet, kontraktor hendaklah menyediakan prasarana ICT yang mempunyai keupayaan pemprosesan 1,000 *core* dan keupayaan storan sebanyak 300 *Terra Bytes* (TB) untuk menampung keperluan *hosting* semua aplikasi KPM. Semakan Audit mendapati, KPM mempunyai lebih daripada 50 aplikasi. Namun demikian, tidak kesemua aplikasi berkenaan ditempatkan di dalam perkhidmatan *hosting* 1BestariNet. Sehingga Disember 2013, hanya 7 aplikasi dengan 93.77TB (31.3%) daripada 300TB kapasiti storan telah digunakan untuk aplikasi-aplikasi. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 • *Peruntukan Hosting Terurus iaitu komponen storan dan kapasiti*	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 Peruntukan *Hosting* Terurus iaitu komponen storan dan kapasiti pemprosesan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pemprosesan adalah mencukupi untuk menampung keperluan aplikasi-aplikasi atas talian KPM. Walau bagaimanapun, dalam program National Blue Ocean Strategy (NBOS) yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bersama KPM, pemindahan aplikasi-aplikasi atas talian seperti Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM), Sistem Maklumat Murid (SMM), Sistem Maklumat Pengurusan Penyelidikan (EMis) dan sebagainya yang berkaitan dengan pengurusan sekolah ditangguhkan untuk mengelakkan keperluan migrasi aplikasi daripada tapak hosting asal ke Pusat Data 1BestariNet. Ini kerana dalam program NBOS KPM dikehendaki untuk mengintegrasi kesemua aplikasi atas talian di sekolah ke dalam Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) agar guru dan warga sekolah lain tidak perlu untuk mengulangi kemasukan data dalam pelbagai aplikasi. Pengintegrasian data bagi SPS dengan EMis, APDM dan Sistem Maklumat Guru (SMG) dijangka selesai dilaksanakan menjelang 30 September 2014. • *Bagi keperluan storan, KPM hanya menggunakan 31% daripada storan yang telah diperolehi. Pengurangan ini adalah akibat daripada pengintegrasian pangkalan-pangkalan data KPM dalam program NBOS.* Pada pendapat Audit penggunaan *hosting* yang rendah iaitu 31.3 peratus merupakan satu pembaziran kepada kerajaan yang telah membayar sejumlah RM10.86 juta sehingga Disember 2013 bagi perkhidmatan tersebut. Dalam masa yang sama kerajaan juga menanggung kos perkhidmatan *hosting* KPM sedia ada di tempat lain.	adalah mencukupi untuk menampung keperluan aplikasi-aplikasi atas talian KPM. Walau bagaimanapun, dalam program *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bersama KPM, pemindahan aplikasi-aplikasi atas talian seperti Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM), Sistem Maklumat Murid (SMM), Sistem Maklumat Pengurusan Penyelidikan (EMis) dan sebagainya yang berkaitan dengan pengurusan sekolah ditangguhkan untuk mengelakkan keperluan migrasi aplikasi daripada tapak hosting asal ke Pusat Data 1BestariNet. Ini kerana dalam program NBOS KPM dikehendaki untuk mengintegrasi kesemua aplikasi atas talian di sekolah ke dalam Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) agar guru dan warga sekolah lain tidak perlu untuk mengulangi kemasukan data dalam pelbagai aplikasi. Pengintegrasian data bagi SPS dengan EMis, APDM dan Sistem Maklumat Guru (SMG) dijangka selesai dilaksanakan menjelang 30 September 2014. Bagi keperluan storan, KPM hanya menggunakan 31% daripada storan yang telah diperolehi. Pengurangan ini adalah akibat daripada pengintegrasian pangkalan-pangkalan data KPM dalam program NBOS.
12.5.2.6.1	**Perisian Antivirus** Klausa 4.4(b) Kontrak 1BestariNet menyatakan, kontraktor hendaklah menyediakan lesen antivirus yang mencukupi bagi semua komputer yang didaftarkan dalam daftar harta modal Kerajaan. Perisian antivirus berkenaan akan turut menyediakan perkhidmatan *auto-update* kepada *virus pattern* atau *virus signature* terkini apabila dalam keadaan atas talian. Bagaimanapun sehingga April 2014 hanya 27,462 (6.9%) daripada 400,000 lesen antivirus telah digunakan di sekolah-sekolah. Pihak Audit juga mendapati tiada kawalan bagi pemasangan antivirus disediakan oleh KPM. Oleh itu, perisian tersebut boleh dipasang di mana-mana komputer selain daripada yang didaftarkan di dalam daftar harta modal Kerajaan. Antara sebab penggunaan yang rendah adalah:- i. Pihak sekolah menyatakan antivirus tersebut mengakibatkan prestasi komputer menurun; dan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	ii. Tiada penguatkuasaan pemasangan dan penggunaan perisian antivirus yang telah dibekalkan. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 • *Peranti Virtual Desktop Infrastructure (VDI) Thin Client dan ChromeLab sebanyak 142,000 yang dilengkapi aplikasi antivirus bagi program pembekalan makmal komputer yang telah dilaksanakan dalam tahun 2013 telah menyebabkan pengurangan penggunaan lesen antivirus.* • *Memandangkan pelaksanaan keselamatan rangkaian merupakan perkara yang baru kepada kebanyakan pengguna, penguatkuasaan akan mengakibatkan ramai pengguna enggan menggunakan perkhidmatan yang disediakan. Oleh yang demikian, KPM telah melaksanakan sesi pengurusan perubahan untuk meningkatkan kesedaran keselamatan rangkaian dalam kalangan pengguna.* Pada pendapat Audit, pemasangan dan penggunaan antivirus yang rendah di peringkat sekolah adalah satu pembaziran kepada Kerajaan kerana KPM telah membayar sepenuhnya bagi 400,000 lesen antivirus di bawah peruntukan Perkhidmatan Keselamatan Terurus Kontrak 1BestariNet.	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 Peranti *Virtual Desktop Infrastructure* (VDI) *Thin Client* dan *ChromeLab* sebanyak 142,000 yang dilengkapi aplikasi antivirus bagi program pembekalan makmal komputer yang telah dilaksanakan dalam tahun 2013 telah menyebabkan pengurangan penggunaan lesen antivirus. Memandangkan pelaksanaan keselamatan rangkaian merupakan perkara yang baru kepada kebanyakan pengguna, penguatkuasaan akan mengakibatkan ramai pengguna enggan menggunakan perkhidmatan yang disediakan. Oleh yang demikian, KPM telah melaksanakan sesi pengurusan perubahan untuk meningkatkan kesedaran keselamatan rangkaian dalam kalangan pengguna.
12.5.2.6.2	**Perkhidmatan Tapisan Kandungan** Mengikut Klausa 4.4(c) Kontrak 1BestariNet, kontraktor hendaklah menyediakan perkhidmatan tapisan kandungan bagi semua capaian dari rangkaian 1BestariNet ke internet. Semakan Audit mendapati perkhidmatan ini tidak memuaskan kerana masih terdapat beberapa laman web terlarang seperti memuat turun permainan (games) dan carian imej lucah. Ini disebabkan tapisan kandungan yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor adalah berbentuk *"blacklist"* dan bukan berbentuk *"whitelist"* seperti yang diminta oleh pihak KPM. Hasil maklum balas 494 daripada 1,000 borang soal selidik yang diedarkan mendapati 39 (8%) sekolah menyatakan pelbagai laman web terlarang masih boleh diakses melalui capaian 1BestariNet, manakala 455 (92%) responden menyatakan laman web terlarang tidak boleh diakses. Hasil soal selidik, antara kandungan internet yang tidak ditapis adalah carian imej melalui enjin carian, *Youtube*, permainan komputer, *twitter*, laman web berbahasa Cina dan juga laman blog.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Akibat dari tapisan kandungan yang tidak memuaskan ini, para pengguna boleh memuat turun permainan tanpa had dan menyebabkan kesesakan trafik rangkaian 1BestariNet. Tapisan kandungan yang tidak memuaskan ini juga menyebabkan pengguna seperti pelajar terdedah kepada imej-imej yang tidak sihat yang dipaparkan hasil carian imej di internet serta memberi kesan tumpuan kepada pelajaran yang disampaikan di dalam kelas. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 • *Kelemahan teknologi internet untuk mengenal pasti teks sahaja memberi ruang kepada warga internet untuk muat naik gambar/grafik yang tak senonoh tetapi "tag" dengan label yang biasa. Ini telah mengakibatkan murid-murid tercapai bahan yang tidak sepatutnya.* • *Sebagai langkah penambahbaikan, KPM telah mengubah polisi tapisan kandungan dari pendekatan "Black Listing" kepada "White Listing" bermula Februari 2014. Kaedah ini juga melumpuhkan kebanyakan aplikasi proxy by-pass.*	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 Kelemahan teknologi internet untuk mengenal pasti teks sahaja memberi ruang kepada warga internet untuk muat naik gambar/grafik yang tak senonoh tetapi "*tag*" dengan label yang biasa. Ini telah mengakibatkan murid-murid tercapai bahan yang tidak sepatutnya. Sebagai langkah penambahbaikan, KPM telah mengubah polisi tapisan kandungan dari pendekatan "*Black Listing*" kepada "*White Listing*" bermula Februari 2014. Kaedah ini juga melumpuhkan kebanyakan aplikasi *proxy by-pass.*
12.5.2.6.3	**Pengurusan Tampalan (*Patch Management*)** Klausa 4.4(d) Kontrak 1BestariNet menyatakan kontraktor hendaklah menyediakan perkhidmatan pengurusan tampalan bagi semua aplikasi yang dipasang dalam komputer yang didaftarkan dalam daftar harta modal kerajaan tertakluk kepada bilangan maksimum 400,000 lesen. Semakan Audit mendapati, tiada maklumat bilangan lesen yang telah digunakan oleh sekolah-sekolah. Hasil lawatan Audit mendapati, komputer di sekolah-sekolah tidak dipasang dengan perisian pengurusan tampalan oleh pihak kontraktor. Selain itu juga, pihak sekolah tidak mengetahui berkenaan perisian pengurusan tampalan ini. Hasil maklum balas 425 daripada 1,000 borang soal selidik yang diterima daripada sekolah mendapati 379 (89%) sekolah tidak menerima perisian pengurusan tampalan daripada kontraktor, manakala hanya 46 (11%) sekolah menerima perisian tersebut. Maklum balas soal selidik juga mendapati 436 (89%) sekolah tidak menerima alamat pautan laman web untuk memuat turun aplikasi pengurusan tampalan dan hanya 54 (11%) sekolah menerima pautan laman web tersebut.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Perkara di atas berlaku disebabkan pihak KPM tidak mengetahui ada perisian pengurusan tampalan yang disediakan oleh kontraktor. Selain itu, pemasangan pengurusan tampalan tidak dinyatakan di dalam borang *User Acceptance Test* (UAT). Perkhidmatan pengurusan tampalan yang tidak digunakan merupakan satu pembaziran kepada Kerajaan kerana KPM telah membayar sepenuhnya 400,000 lesen pengurusan tampalan di bawah peruntukan perkhidmatan keselamatan terurus kontrak 1BestariNet. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 • *Bilangan komputer yang dipasang dengan sistem pengurusan tampalan adalah sama dengan bilangan komputer yang dipasang dengan anti virus. Walau bagaimanapun, pihak pembekal juga menyediakan sistem pengurusan cache di Pusat Data 1BestariNet yang berfungsi seakan-akan pengurusan tampalan kecuali menggunakan kaedah pull dan bukan push. Bagi Makmal komputer VDI Thin Client dan ChromeLab, perkhidmatan tampalan juga tidak diperlukan kerana kedua-dua sistem tersebut melaksanakan pengemaskinian tampalan secara automatik.* • *Kedua-dua perkhidmatan pengurusan tampalan dan antivirus telah digugurkan daripada Kontrak 1BestariNet dalam pelanjutan interim.* Pada pendapat Audit kelemahan perkhidmatan keselamatan terurus dapat dielakkan sekiranya pihak PMO menjalankan pemantauan ke atas kontraktor dan sekolah-sekolah dengan sempurna dan berkesan.	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 Bilangan komputer yang dipasang dengan sistem pengurusan tampalan adalah sama dengan bilangan komputer yang dipasang dengan anti virus. Walau bagaimanapun, pihak pembekal juga menyediakan sistem pengurusan *cache* di Pusat Data 1BestariNet yang berfungsi seakan-akan pengurusan tampalan kecuali menggunakan kaedah *pull* dan bukan *push*. Bagi Makmal komputer VDI *Thin Client* dan *ChromeLab*, perkhidmatan tampalan juga tidak diperlukan kerana kedua-dua sistem tersebut melaksanakan pengemaskinian tampalan secara automatik. Kedua-dua perkhidmatan pengurusan tampalan dan antivirus telah digugurkan daripada Kontrak 1BestariNet dalam pelanjutan interim.
12.5.2.7	**Perkhidmatan Penyediaan Perkakasan Dan Aplikasi Pemantauan Bagi Perkhidmatan 1BestariNet** Mengikut Klausa 4.6(a) Kontrak 1BestariNet, Kontraktor hendaklah menyediakan *Mini Network Operation Centre* (MNOC) di Pejabat PMO bagi membolehkan pemantauan pelaksanaan 1BestariNet secara atas talian oleh Kerajaan, termasuk menyediakan semua perkakasan dan perisian yang berkaitan yang dipersetujui antara Kerajaan dan kontraktor. Selain itu, Klausa 4.6(b) juga menetapkan MNOC yang disediakan mestilah berkeupayaan melakukan pemantauan rangkaian yang berterusan meliputi perkara-perkara berikut:- a. Status Semasa Lokasi (*up/down*); b. *Real Time Network Monitoring;* c. *Bandwidth and Network Monitoring;*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	d. *Performance and Availibility Monitoring;* dan e. *Bandwidth Utilization.* Semakan Audit mendapati, pihak kontraktor telah menyediakan MNOC bagi tujuan pemantauan pelaksanaan projek 1BestariNet. Walau bagaimanapun, MNOC tersebut tidak mempunyai 3 daripada fungsi yang telah dinyatakan di dalam kontrak iaitu *Real Time Network Monitoring, Bandwidth and Network Monitoring* dan *Performance and Availibility Monitoring.* Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 • *Mulai Januari 2014, KPM telah mengarahkan pihak syarikat supaya memasang komputer pelayan cacti dan dikonfigurasi sedemikian rupa supaya KPM boleh memantau prestasi sesuatu talian tertentu secara real time. Selain itu, komputer pelayan iperf juga disediakan di Pusat Data 1BestariNet di Sentul untuk membolehkan KPM memantau kualiti perkhidmatan sesuatu talian dari lokasi 1BestariNet (sekolah) berkaitan peratusan packet lost, latency dan jitter. KPM akan melaksanakan satu sesi pemantauan kualiti perkhidmatan bersama MAMPU pada 4 - 8 Ogos 2014 di sekolah-sekolah di kawasan Bangi.* • *Sebagai langkah penambahbaikan KPM telah mewujudkan beberapa dashboard lain menggunakan data sedia ada (KPI Dashboard, Cacti Speedtest Probe) untuk membolehkan KPM mengesan punca perkhidmatan 1BestariNet tidak dioptimumkan.* • *Pihak kontraktor telah mengemukakan permohonan pelanjutan Perjanjian Perkhidmatan 1BestariNet selepas 12 Jun 2014. KPM telah menyediakan laporan prestasi pelaksanaan projek 1BestariNet oleh YTLC dan pelaksanaan 1BestariNet dan kemukakan laporan tersebut kepada Kementerian Kewangan seperti yang diminitkan oleh YAB Perdana Menteri. Kementerian Kewangan telah memohon supaya pihak MAMPU mengemukakan pandangan dan cadangan berkaitan pelanjutan Perjanjian Perkhidmatan 1BestariNet kepada Kementerian Kewangan melalui surat Ruj. S/KEW/PK/TM/3100/242900/110/174 JLD 12 SJ5(4) bertarikh 28 Mei 2014. Ekoran itu, KPM bersama MAMPU telah melaksanakan satu sesi pemantauan kualiti perkhidmatan bersama MAMPU pada 7 Ogos 2014 di 3 sekolah di kawasan Bangi (BBA4045-SK Jalan 4, Bangi, BBA4032-SK Jalan 3, Bangi dan BEA4616-SMK Jalan 3, Bangi.) Setakat ini laporan*	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 Mulai Januari 2014, KPM telah mengarahkan pihak syarikat supaya memasang komputer pelayan *cacti* dan dikonfigurasi sedemikian rupa supaya KPM boleh memantau prestasi sesuatu talian tertentu secara *real time*. Selain itu, komputer pelayan iperf juga disediakan di Pusat Data 1BestariNet di Sentul untuk membolehkan KPM memantau kualiti perkhidmatan sesuatu talian dari lokasi 1BestariNet (sekolah) berkaitan peratusan *packet lost*, *latency* dan *jitter*. KPM akan melaksanakan satu sesi pemantauan kualiti perkhidmatan bersama MAMPU pada 4 - 8 Ogos 2014 di sekolah-sekolah di kawasan Bangi. Sebagai langkah penambahbaikan KPM telah mewujudkan beberapa *dashboard* lain menggunakan data sedia ada (KPI *Dashboard*, *Cacti Speedtest Probe*) untuk membolehkan KPM mengesan punca perkhidmatan 1BestariNet tidak dioptimumkan. Pihak kontraktor telah mengemukakan permohonan pelanjutan Perjanjian Perkhidmatan 1BestariNet selepas 12 Jun 2014. KPM telah menyediakan laporan prestasi pelaksanaan projek 1BestariNet oleh YTLC dan pelaksanaan 1BestariNet dan kemukakan laporan tersebut kepada Kementerian Kewangan seperti yang diminitkan oleh YAB Perdana Menteri. Kementerian Kewangan telah memohon supaya pihak MAMPU mengemukakan pandangan dan cadangan berkaitan pelanjutan Perjanjian Perkhidmatan 1BestariNet kepada Kementerian Kewangan melalui surat Ruj. S/KEW/PK/TM/3100/242900/110/174 JLD 12 SJ5(4) bertarikh 28 Mei 2014. Ekoran itu, KPM bersama MAMPU telah melaksanakan satu sesi pemantauan kualiti perkhidmatan bersama MAMPU pada 7 Ogos 2014 di 3 sekolah di kawasan Bangi (BBA4045-SK Jalan 4, Bangi, BBA4032-SK Jalan 3, Bangi dan BEA4616-SMK Jalan 3, Bangi.) Setakat ini laporan pemantauan belum dipanjangkan kepada KPM.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pemantauan belum dipanjangkan kepada KPM. Selain itu, Klausa 4.6(c) Kontrak 1BestariNet, menghendaki MNOC yang disediakan mempunyai keupayaan untuk melaksanakan fungsi *Security Operation Centre* (SOC) iaitu tapisan kandungan dan pengurusan tampalan (antivirus dan sistem pengoperasian). Semakan Audit mendapati, MNOC tidak mempunyai kedua-dua fungsi tersebut. Pihak Audit juga dimaklumkan fungsi tersebut tidak disediakan oleh pihak kontraktor kerana dikhuatiri pengubahsuaian tetapan tapisan kandungan dan pengurusan tampalan oleh pengguna MNOC akan menjejaskan keselamatan di Pusat Data 1BestariNet. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 • *Skop kerja MNOC dan SOC adalah seperti dalam Kontrak iaitu berfungsi sebagai dashboard untuk memantau status mengemas kini virus pattern dan tampalan sistem operasi. MNOC dibangunkan bukan bertujuan untuk mengkonfigurasi polisi tapisan kandungan dan sistem pencegahan pencerobohan yang disediakan.* • *Memandangkan KPM tidak berhasrat untuk melaksanakan fungsi SOC, komponen tersebut akan digugurkan daripada skop kerja dalam pelanjutan kontrak 1BestariNet setelah disahkan oleh Value Management Lab.* Pada pendapat Audit, kegagalan pihak kontraktor menyediakan fungsi-fungsi tersebut menyebabkan KPM tidak mendapat maklumat berkenaan penggunaan dan pemantauan 1BestariNet secara terus dan langsung. Maklumat yang diberikan oleh kontraktor kepada KPM adalah berbentuk laporan yang dijana secara berkala daripada Pusat Data 1BestariNet yang ditempatkan di Pusat Data YTL Communications Sdn. Bhd., Sentul, Kuala Lumpur. Oleh demikian, KPM hendaklah menuntut balik sebahagian daripada RM10 juta bagi kos komponen MNOC yang telah dibayar.	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 Skop kerja MNOC dan SOC adalah seperti dalam Kontrak iaitu berfungsi sebagai *dashboard* untuk memantau status mengemas kini virus *pattern* dan tampalan sistem operasi. MNOC dibangunkan bukan bertujuan untuk mengkonfigurasi polisi tapisan kandungan dan sistem pencegahan pencerobohan yang disediakan. Memandangkan KPM tidak berhasrat untuk melaksanakan fungsi SOC, komponen tersebut akan digugurkan daripada skop kerja dalam pelanjutan kontrak 1BestariNet setelah disahkan oleh *Value Management Lab*.
12.5.2.8.1	**Penggunaan VLE** VLE bertujuan untuk memudahkan dan membuat pembelajaran lebih menyeronokkan, menjimatkan masa, kandungan yang berkualiti, mengintegrasikan aplikasi lain dan menghubungkan komuniti di kalangan guru dan murid dan juga satu sistem yang membolehkan ibu bapa memantau pembelajaran anak-anak mereka secara maya. Selain itu, VLE membuat perbezaan dalam pendidikan kerana ia mewujudkan persekitaran *intuitive* yang	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	menyeronokkan dan mudah digunakan. Pengguna boleh mewujud dan berkongsi kandungan pengajian tanpa tidak mempunyai pengetahuan atau kemahiran pakar. VLE membolehkan pengwujudan komuniti pembelajaran yang boleh mengubah dinamik pembelajaran menjadi interaktif dan menyeronokkan. Pihak KPM telah membayar sejumlah RM250.50 juta bagi lesen VLE dan RM262.81 juta bagi penyenggaraan VLE sepanjang tempoh kontrak selama dua setengah tahun. Kos ini tidak termasuk isi kandungan VLE tersebut dan hanya merupakan kerangka sahaja. Segala objek pembelajaran dibangunkan oleh pengguna KPM sendiri. Mengikut analisis Audit terhadap penggunaan VLE berdasarkan bilangan sekolah yang *login* ke VLE bagi tempoh 1 hingga 31 Mac 2014 mendapati, penggunaan VLE di kalangan sekolah-sekolah seluruh negara adalah rendah iaitu antara 1,956 (19.5%) hingga 3,358 (33.5%) buah sekolah sahaja. Bagi tempoh yang sama, analisis Audit juga mendapati penggunaan VLE berdasarkan *login* pelajar, guru dan ibu bapa di sekolah seluruh Malaysia adalah amat rendah seperti berikut:- - pelajar antara 0.17 hingga 0.63%; - guru antara 0.57 hingga 4.69%; dan - ibu bapa antara 0.01 hingga 0.03%. Pengiraan peratus penggunaan harian VLE adalah dibuat dengan andaian jumlah *login* harian pengguna adalah bersamaan dengan bilangan pengguna mengakses VLE. Peratusan ini berkemungkinan lebih rendah kerana jumlah *login* yang direkodkan di dalam sistem tidak mewakili jumlah pengguna sebenar mengakses ke VLE berikutan seorang pengguna boleh *login* ke VLE lebih dari sekali setiap hari. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 *a. Tahap penggunaan VLE secara amnya masih pada tahap yang rendah. KPM merancang penggunaan VLE berdasarkan KPI YAB Menteri Pendidikan dan juga YBhg Datuk Dr Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.* *b. KPM telah menyediakan perancangan penggunaan berdasarkan S-Curve bagi peningkatan penggunaan Aplikasi VLE.*	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 Tahap penggunaan VLE secara amnya masih pada tahap yang rendah. KPM merancang penggunaan VLE berdasarkan KPI YAB Menteri Pendidikan dan juga YBhg Datuk Dr Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. KPM telah menyediakan perancangan penggunaan berdasarkan S-Curve bagi peningkatan penggunaan Aplikasi VLE. a. Bagi meningkatkan penggunaan VLE di semua sekolah, PKG juga telah mengadakan bimbingan secara hand-holding kepada sekolah-sekolah ahli mereka untuk meningkatkan tahap penggunaan dan pembudayaan VLE di sekolah-sekolah tersebut. b. Sehingga November 2013, penyelarasan projek 1BestariNet dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada PMO. Ketika itu, peranan bahagian dan sektor Jabatan Pendidikan Negeri serta Unit di Pejabat

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	c. Bagi meningkatkan penggunaan VLE di semua sekolah, PKG juga telah mengadakan bimbingan secara hand-holding kepada sekolah-sekolah ahli mereka untuk meningkatkan tahap penggunaan dan pembudayaan VLE di sekolah-sekolah tersebut. *d. Sehingga November 2013, penyelarasan projek 1BestariNet dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada PMO. Ketika itu, peranan bahagian dan sektor Jabatan Pendidikan Negeri serta Unit di Pejabat Pendidikan Daerah ditetapkan oleh PMO. Terdapat mis-match tanggungjawab bahagian dengan fungsi bahagian mengakibatkan terjejasnya pelaksanaan projek 1BestariNet.* *e. Sepanjang tahun 2012 dan 2013, BTP yang sepatutnya menerajui perkembangan penggunaan teknologi dalam pendidikan dihadkan kepada penyediaan kandungan pelajaran bagi VLE sahaja. Mulai Januari 2014, KPM telah merangkakan pendekatan yang lebih agresif untuk mendekati guru-guru bagi tujuan mendapatkan minat mereka terhadap aplikasi VLE.* Penggunaan VLE yang rendah di kalangan guru dan murid adalah disebabkan:- a. Tiada polisi penggunaan VLE yang jelas dari KPM; b. Tiada pemantauan penggunaan VLE dari KPM; c. Kurangnya pendedahan kepada faedah menggunakan VLE bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran; d. Capaian 1BestariNet yang perlahan menyukarkan guru mengakses VLE semasa waktu pembelajaran dan untuk mengemas kini dan memasukkan bahan pengajaran di sekolah; dan e. Kekurangan peralatan bantuan pengajaran seperti komputer riba dan projektor bagi tujuan pengajaran di kelas dan kekurangan komputer yang disediakan di makmal komputer sekolah. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 *a. Mulai November 2013, KPM telah merombak semula PMO dan peranan bahagian dalam projek 1BestariNet disusun semula mengikut fungsi bahagian. Oleh itu BTP, yang mempunyai struktur organisasi, sumber*	Pendidikan Daerah ditetapkan oleh PMO. Terdapat *mis-match* tanggungjawab bahagian dengan fungsi bahagian mengakibatkan terjejasnya pelaksanaan projek 1BestariNet. Sepanjang tahun 2012 dan 2013, BTP yang sepatutnya menerajui perkembangan penggunaan teknologi dalam pendidikan dihadkan kepada penyediaan kandungan pelajaran bagi VLE sahaja. Mulai Januari 2014, KPM telah merangkakan pendekatan yang lebih agresif untuk mendekati guru-guru bagi tujuan mendapatkan minat mereka terhadap aplikasi VLE. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 Mulai November 2013, KPM telah merombak semula PMO dan peranan bahagian dalam projek 1BestariNet disusun semula mengikut fungsi bahagian. Oleh itu BTP, yang mempunyai struktur organisasi, sumber manusia serta

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	manusia serta kepakaran berkaitan penggunaan teknologi dalam pendidikan mengambil alih peranan khidmat sokongan pengguna dan pengurusan perubahan telah meningkatkan penggunaan VLE di kalangan guru dan murid. KPM telah menangani isu-isu yang dikenal pasti dalam mesyuarat operasi secara berperingkat mengikut keutamaan antaranya prestasi syarikat dalam merangkaikan semua sekolah, menguruskan capaian interim bagi sekolah-sekolah yang tiada capaian internet, kualiti capaian yang dibekalkan ke sekolah-sekolah di bawah projek 1BestariNet serta tahap penggunaan VLE di kalangan guru, murid dan Ibu bapa. *b. Dasar e-pembelajaran KPM telah memperjelaskan penggunaan VLE dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Walaupun demikian, KPM berpandangan bahawa guru-guru yang merupakan pakar pendidikan setempat mempunyai kepakaran untuk menentukan pendekatan yang terbaik untuk mendidik murid-murid masing-masing. Berdasarkan prinsip tersebut dan keutamaan untuk mendidik murid-murid sebaik mungkin, arahan mandatori untuk menggunakan VLE dalam semua keadaan tidak dikeluarkan. KPM memilih pendekatan untuk menguruskan perubahan di kalangan guru untuk migrasi kepada e-pembelajaran melalui program hand-holding dan galak-guna agar fokus utama guru masih kepada mendidik murid-murid dan bukan kepada penggunaan sesuatu aplikasi.* *c. Pemantauan penggunaan VLE oleh KPM dilaksanakan melalui :-* *- Mesyuarat Penyelarasan Penggunaan VLE bersama Bahagian KPM dan pihak pembekal setiap bulan. Pada tahun 2013 sebanyak 16 kali mesyuarat telah diadakan.* *- Dashboard pemantauan penggunaan VLE secara atas talian yang menunjukkan kekerapan dan jangkamasa penggunaan VLE setiap minggu. Sekolah yang mencatatkan penggunaan rendah disenaraikan dan dihubungi bagi mendapatkan maklumat lanjut untuk dibantu atau diberi sokongan teknikal.* *d. Faedah penggunaan VLE telah dimaklumkan dalam pelbagai forum khususnya semasa sesi pengurusan perubahan dilaksanakan.* *e. Penggunaan VLE dalam pengajaran dan pembelajaran perlulah dilaksanakan mengikut ketersediaan infrastruktur sekolah seperti yang dilatih semasa latihan perguruan. Pendekatan Pengajaran dan*	kepakaran berkaitan penggunaan teknologi dalam pendidikan mengambil alih peranan khidmat sokongan pengguna dan pengurusan perubahan telah meningkatkan penggunaan VLE di kalangan guru dan murid. KPM telah menangani isu-isu yang dikenal pasti dalam mesyuarat operasi secara berperingkat mengikut keutamaan antaranya prestasi syarikat dalam merangkaikan semua sekolah, menguruskan capaian interim bagi sekolah-sekolah yang tiada capaian internet, kualiti capaian yang dibekalkan ke sekolah-sekolah di bawah projek 1BestariNet serta tahap penggunaan VLE di kalangan guru, murid dan Ibu bapa. Dasar e-pembelajaran KPM telah memperjelaskan penggunaan VLE dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Walaupun demikian, KPM berpandangan bahawa guru-guru yang merupakan pakar pendidikan setempat mempunyai kepakaran untuk menentukan pendekatan yang terbaik untuk mendidik murid-murid masing-masing. Berdasarkan prinsip tersebut dan keutamaan untuk mendidik murid-murid sebaik mungkin, arahan mandatori untuk menggunakan VLE dalam semua keadaan tidak dikeluarkan. KPM memilih pendekatan untuk menguruskan perubahan di kalangan guru untuk migrasi kepada e-pembelajaran melalui program hand-holding dan galak-guna agar fokus utama guru masih kepada mendidik murid-murid dan bukan kepada penggunaan sesuatu aplikasi. Pemantauan penggunaan VLE oleh KPM dilaksanakan melalui:- - Mesyuarat Penyelarasan Penggunaan VLE bersama Bahagian KPM dan pihak pembekal setiap bulan. Pada tahun 2013 sebanyak 16 kali mesyuarat telah diadakan. - Dashboard pemantauan penggunaan VLE secara atas talian yang menunjukkan kekerapan dan jangkamasa penggunaan VLE setiap minggu. Sekolah yang mencatatkan penggunaan rendah disenaraikan dan dihubungi bagi mendapatkan maklumat lanjut untuk dibantu atau diberi sokongan teknikal. Faedah penggunaan VLE telah dimaklumkan dalam pelbagai forum khususnya semasa sesi pengurusan perubahan dilaksanakan. Penggunaan VLE dalam pengajaran dan pembelajaran perlulah dilaksanakan mengikut ketersediaan infrastruktur sekolah seperti yang dilatih semasa latihan perguruan. Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) hendaklah dirangkaikan berdasarkan tahap pencapaian murid serta bilangan peralatan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pembelajaran (PdP) hendaklah dirangkaikan berdasarkan tahap pencapaian murid serta bilangan peralatan yang sedia ada. *f. KPM bergantung kepada peruntukan yang disediakan oleh EPU dan Kementerian Kewangan untuk membekalkan peralatan ICT di sekolah-sekolah. Setakat ini, terdapat sebanyak 3,891 sekolah yang tidak mempunyai peralatan ICT untuk PdP dan Pengurusan dan Pentadbiran (PdT). Perkara ini dijangka dapat diselesaikan dengan terlaksananya projek 1Murid 1Peranti.* *g. Sebagai langkah untuk meningkatkan penggunaan VLE dalam kalangan guru dan murid, KPM telah melaksanakan pelbagai aktiviti. Antara aktiviti yang dilaksanakan oleh KPM adalah seperti berikut:-* *- Latihan kepada 351 Champion Schools dilaksanakan oleh pihak kontraktor mengikut kontrak. Sehingga Disember 2013, kesemua 351 sekolah yang disasarkan telah menerima latihan penggunaan VLE. Seramai 3,861 guru dan 1,404 murid dilatih sebagai pengguna utama dan ejen bagi menyebarkan kemahiran dan galak guna VLE kepada guru-guru dan murid-murid lain serta sekolah-sekolah lain;* *- Kursus Frog-VLE Sekolah Peluasan untuk Guru-guru KPM (16,240) dijalankan oleh Bahagian Pendidikan Guru melalui Jurulatih Utama (JU) dari BTPN, PPD dan PKG. Untuk tahun 2014, BPG mensasarkan untuk melatih 8,000 Guru Cemerlang bagi menjadi pakar rujuk dan pengguna utama VLE;* *- Program galak guna dan latihan untuk 1,6727 murid-murid dari 10,086 sekolah KPM dijalankan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) melalui JPN dan PPD. Untuk tahun 2014, BPSH mensasarkan untuk melatih 400 orang murid dari seluruh negara sebagai Ambassador VLE melalui program Seminar Pembelajaran Maya (VLE);* *- Untuk tahun 2014, Institut Aminuddin Baki (IAB) mensasarkan untuk melatih 5,000 Pentadbir Sekolah. Setakat April 2014, seramai 420 orang Pentadbir Sekolah telah dilatih.* KPM perlu meningkatkan penggunaan VLE di kalangan guru, murid dan ibu bapa kerana Kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM513.31 juta bagi lesen dan penyenggaraan VLE selama 2 tahun 6 bulan bagi tujuan ini.	yang sedia ada. KPM bergantung kepada peruntukan yang disediakan oleh EPU dan Kementerian Kewangan untuk membekalkan peralatan ICT di sekolah-sekolah. Setakat ini, terdapat sebanyak 3,891 sekolah yang tidak mempunyai peralatan ICT untuk PdP dan Pengurusan dan Pentadbiran (PdT). Perkara ini dijangka dapat diselesaikan dengan terlaksananya projek 1Murid 1Peranti. Sebagai langkah untuk meningkatkan penggunaan VLE dalam kalangan guru dan murid, KPM telah melaksanakan pelbagai aktiviti. Antara aktiviti yang dilaksanakan oleh KPM adalah seperti berikut:- - Latihan kepada 351 *Champion Schools* dilaksanakan oleh pihak kontraktor mengikut kontrak. Sehingga Disember 2013, kesemua 351 sekolah yang disasarkan telah menerima latihan penggunaan VLE. Seramai 3,861 guru dan 1,404 murid dilatih sebagai pengguna utama dan ejen bagi menyebarkan kemahiran dan galak guna VLE kepada guru-guru dan murid-murid lain serta sekolah-sekolah lain; - Kursus Frog-VLE Sekolah Peluasan untuk Guru-guru KPM (16,240) dijalankan oleh Bahagian Pendidikan Guru melalui Jurulatih Utama (JU) dari BTPN, PPD dan PKG. Untuk tahun 2014, BPG mensasarkan untuk melatih 8,000 Guru Cemerlang bagi menjadi pakar rujuk dan pengguna utama VLE; - Program galak guna dan latihan untuk 1,6727 murid-murid dari 10,086 sekolah KPM dijalankan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) melalui JPN dan PPD. Untuk tahun 2014, BPSH mensasarkan untuk melatih 400 orang murid dari seluruh negara sebagai *Ambassador* VLE melalui program Seminar Pembelajaran Maya (VLE); - Untuk tahun 2014, Institut Aminuddin Baki (IAB) mensasarkan untuk melatih 5,000 Pentadbir Sekolah. Setakat April 2014, seramai 420 orang Pentadbir Sekolah telah dilatih. Maklum Balas Terkini Pemantauan penggunaan VLE sedang dilaksanakan oleh BTP menggunakan Pekerja Sambilan Harian (PSH).

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Analisis lanjut Audit dari Sistem *YES Monitoring* bagi penggunaan VLE dari 1 Januari sehingga 31 Mac 2014 mendapati, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Sam Tet, Ipoh, Perak merupakan pengguna tertinggi VLE. Dalam tempoh tersebut, sebanyak 35,202 login ke VLE telah dicatatkan dengan 30,588 login dari pelajar, 3,215 login dari guru dan 1,399 login dari ibu bapa. Secara purata sebanyak 340 login oleh pelajar, 36 oleh guru dan 16 oleh ibu bapa telah dilakukan setiap hari dari tempoh 1 Januari sehingga 31 Mac 2014. Dengan jumlah pelajar seramai 1,652 orang dan jumlah guru seramai 96 orang, sebanyak 20.6% pelajar dan 41.7 peratus guru telah mengakses VLE setiap hari dengan beranggapan setiap login adalah unik. Walaupun secara umum analisis Audit mendapati penggunaan ini adalah rendah berbanding dengan bilangan pelajar, guru dan ibu bapa tetapi SJKC Sam Tet merupakan pengguna VLE tertinggi. Hasil lawatan Audit ke sekolah tersebut mendapati penggunaan VLE adalah tinggi disebabkan: i. Guru-guru telah didedahkan dengan VLE secara menyeluruh melalui Latihan Dalam Perkhidmatan (LADAP) yang telah disampaikan oleh Guru Pentadbir VLE; ii. Penggunaan VLE disokong oleh pihak pengurusan tertinggi sekolah serta kerjasama dari Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) seperti membayar gaji juruteknik komputer khas sekolah dan juga menanggung kos kerosakan peralatan ICT; iii. Pihak sekolah telah menyediakan kemudahan peralatan ICT seperti projektor di kelas bagi membantu guru mengajar dengan menggunakan VLE; dan iv. Majoriti murid di sekolah SJKC Sam Tet mempunyai kemudahan komputer dan capaian internet di rumah bagi mengakses VLE dan membuat tugasan yang diberikan oleh guru.	
	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 • *Bagi sekolah-sekolah yang rendah penggunaannya di kalangan guru dan murid, PKG yang bertanggungjawab telah diberikan peruntukan khas untuk memberi khidmat sokongan di sekolah-sekolah yang berkenaan. KPM fokus kepada pemantauan tahap penggunaan melalui dashboard kebangsaan dan memastikan sekolah-sekolah yang memerlukan bantuan menerimanya*	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 Bagi sekolah-sekolah yang rendah penggunaannya di kalangan guru dan murid, PKG yang bertanggungjawab telah diberikan peruntukan khas untuk memberi khidmat sokongan di sekolah-sekolah yang berkenaan. KPM fokus kepada pemantauan tahap penggunaan melalui *dashboard* kebangsaan dan memastikan sekolah-sekolah yang memerlukan bantuan menerimanya dengan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dengan kadar segera. • *Terdapat pelbagai model penyediaan makmal komputer oleh PIBG sekolah. Keadaan ini telah wujud sebelum projek 1BestariNet dilaksanakan. Program ini adalah atas usaha PIBG dan mengikut kemampuannya. Secara amnya, kebanyakan sekolah mubaligh, SJKC dan SJKT telah mewujudkan program literasi maklumat mereka sendiri melalui PIBG sekolah. Makmal-makmal tersebut dibangunkan oleh sektor swasta di bawah pembiayaan PIBG. Setiap murid yang menyertai kelas komputer yang dilaksanakan dikehendaki membayar yuran khas bulanan. Program tersebut merangkumi penyediaan makmal komputer termasuk kos penyenggaraan serta seorang juru latih untuk menyampaikan latihan literasi maklumat kepada murid-murid. Bayaran bulanannya adalah dalam lingkungan RM5 - RM20 setiap murid yang berkenaan.* • *Bagi sekolah-sekolah yang telah daftarkan peralatan sumbangan pelbagai pihak dalam Daftar Harta Modal Kerajaan, KPM akan menanggung kos penyenggaraan. Kekerapan penyenggaraan pembaikan (PM) bergantung kepada jumlah peruntukan yang diterima bagi tahun kewangan semasa.* • *Kemudahan projektor di kelas disediakan dalam Program Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) dan merupakan program one-off. Mulai tahun 2011, KPM tidak lagi bekalkan projektor dalam makmal komputer kerana makmal-makmal komputer yang dibekalkan dilengkapi dengan aplikasi untuk memaparkan skrin komputer guru kepada semua atau sekumpulan skrin komputer murid. kaedah ini adalah untuk memantapkan kaedah mengajar guru serta mengupayakan guru menumpukan lebih banyak masa untuk membantu murid-murid yang lemah.* • *Berdasarkan analisis data penggunaan VLE dalam kalangan murid-murid di daerah Ipoh, SJKC Wan Hwa(2) (Kod Sekolah: ABC2113) mencapai prestasi yang sangat baik iaitu (293 daripada 302 murid) 91.24% daripada murid-muridnya yang menggunakan VLE telah menggunakannya untuk lebih 30 minit seminggu. Pengurusan di semua peringkat KPM menggunakan dashboard yang disediakan untuk menyalurkan bantuan dan galakan kepada sekolah-sekolah yang bersesuaian bagi mengoptimumkan pelaburan kerajaan dalam VLE. Semua 39 guru dan 605 daripada 620 murid sekolah ini telah mula menggunakan VLE (maklumat daripada dashboard sekolah).*	kadar segera. Terdapat pelbagai model penyediaan makmal komputer oleh PIBG sekolah. Keadaan ini telah wujud sebelum projek 1BestariNet dilaksanakan. Program ini adalah atas usaha PIBG dan mengikut kemampuannya. Secara amnya, kebanyakan sekolah mubaligh, SJKC dan SJKT telah mewujudkan program literasi maklumat mereka sendiri melalui PIBG sekolah. Makmal-makmal tersebut dibangunkan oleh sektor swasta di bawah pembiayaan PIBG. Setiap murid yang menyertai kelas komputer yang dilaksanakan dikehendaki membayar yuran khas bulanan. Program tersebut merangkumi penyediaan makmal komputer termasuk kos penyenggaraan serta seorang juru latih untuk menyampaikan latihan literasi maklumat kepada murid-murid. Bayaran bulanannya adalah dalam lingkungan RM5 - RM20 setiap murid yang berkenaan. Bagi sekolah-sekolah yang telah daftarkan peralatan sumbangan pelbagai pihak dalam Daftar Harta Modal Kerajaan, KPM akan menanggung kos penyenggaraan. Kekerapan penyenggaraan pembaikan (PM) bergantung kepada jumlah peruntukan yang diterima bagi tahun kewangan semasa. Kemudahan projektor di kelas disediakan dalam Program Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) dan merupakan program *one-off*. Mulai tahun 2011, KPM tidak lagi bekalkan projektor dalam makmal komputer kerana makmal-makmal komputer yang dibekalkan dilengkapi dengan aplikasi untuk memaparkan skrin komputer guru kepada semua atau sekumpulan skrin komputer murid. kaedah ini adalah untuk memantapkan kaedah mengajar guru serta mengupayakan guru menumpukan lebih banyak masa untuk membantu murid-murid yang lemah. Berdasarkan analisis data penggunaan VLE dalam kalangan murid-murid di daerah Ipoh, SJKC Wan Hwa(2) (Kod Sekolah: ABC2113) mencapai prestasi yang sangat baik iaitu (293 daripada 302 murid) 91.24% daripada murid-muridnya yang menggunakan VLE telah menggunakannya untuk lebih 30 minit seminggu. Pengurusan di semua peringkat KPM menggunakan *dashboard* yang disediakan untuk menyalurkan bantuan dan galakan kepada sekolah-sekolah yang bersesuaian bagi mengoptimumkan pelaburan kerajaan dalam VLE. Semua 39 guru dan 605 daripada 620 murid sekolah ini telah mula menggunakan VLE (maklumat daripada *dashboard* sekolah).

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, keberkesanan penggunaan VLE perlu melibatkan kerjasama dari pihak pengetua/guru besar, guru, ibu bapa dan pelajar. Selain itu, kemudahan infrastruktur ICT yang baik membolehkan VLE digunakan di kelas sebagai satu medium pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. KPM bersama kontraktor perlu membuat perancangan yang lebih teliti dengan mengambil kira objektif dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran di bawah VLE sebelum memulakan projek ini. Satu projek perintis perlu dilaksanakan terlebih dahulu bagi memastikan keberkesanannya dengan mengambil kira semua aspek sistem dan komponen pembelajaran di Malaysia. Pemantauan kemajuan pelaksanaan dan penggunaan VLE hendaklah dipertingkatkan bagi memastikan penggunaan VLE yang optimum. Jika terdapat pelanjutan masa disebabkan kelemahan kontraktor dalam melaksanakan projek mengikut tempoh masa yang ditetapkan, KPM perlu mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor bagi memastikan perolehan VLE adalah *best value for money*. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 • *KPM telah mengenalpasti faktor kejayaan utama projek 1BestariNet. Antaranya komitmen dan "buy-in" pengurusan sekolah selain kompetensi guru dan sokongan pihak ibu bapa. Oleh yang demikian, latihan pengguna VLE telah dilaksanakan secara terancang dan pelbagai peringkat mengikut strategi yang dipersetujui. Bagi sekolah-sekolah "champion" 351 sekolah telah diberi bimbingan dan tumpuan kepada penggunaan dan pewujudan amalan terbaik VLE oleh pihak kontraktor. Sekolah-sekolah 'Champion' ini merupakan penanda aras dan pemangkin dalam merintis budaya penggunaan VLE di sekolah. Setakat akhir 2013, seramai 3,861 guru dan 1,404 murid telah diberi bimbingan sebagai pengguna utama bagi memperkembangkan budaya dan kompetensi penggunaan VLE kepada sekolah-sekolah lain di sekitarnya. Semua pentadbir sekolah disediakan kemudahan untuk memantau penggunaan VLE dalam kalangan warga sekolah melalui dashboard.* • *Bagi sekolah-sekolah lain, BPG akan melaksanakan latihan pengguna utama (lead user) sekolah bagi semua sekolah dan pengguna utama sekolah akan melaksanakan LADAP di sekolah masing-masing. Sekiranya, pengguna utama menghadapi masalah melaksanakan LADAP, mereka boleh minta bantuan kepakaran daripada PKG terdekat. Mulai Jun 2014, PKG mengambil langkah proaktif untuk melawat sekolah-sekolah yang rendah tahap penggunaan VLE. Kesan lawatan tersebut iaitu peningkatan*	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 KPM telah mengenalpasti faktor kejayaan utama projek 1BestariNet. Antaranya komitmen dan "*buy-in*" pengurusan sekolah selain kompetensi guru dan sokongan pihak ibu bapa. Oleh yang demikian, latihan pengguna VLE telah dilaksanakan secara terancang dan pelbagai peringkat mengikut strategi yang dipersetujui. Bagi sekolah-sekolah "*champion*" 351 sekolah telah diberi bimbingan dan tumpuan kepada penggunaan dan pewujudan amalan terbaik VLE oleh pihak kontraktor. Sekolah-sekolah '*Champion*' ini merupakan penanda aras dan pemangkin dalam merintis budaya penggunaan VLE di sekolah. Setakat akhir 2013, seramai 3,861 guru dan 1,404 murid telah diberi bimbingan sebagai pengguna utama bagi memperkembangkan budaya dan kompetensi penggunaan VLE kepada sekolah-sekolah lain di sekitarnya. Semua pentadbir sekolah disediakan kemudahan untuk memantau penggunaan VLE dalam kalangan warga sekolah melalui dashboard. Bagi sekolah-sekolah lain, BPG akan melaksanakan latihan pengguna utama (*lead user*) sekolah bagi semua sekolah dan pengguna utama sekolah akan melaksanakan LADAP di sekolah masing-masing. Sekiranya, pengguna utama menghadapi masalah melaksanakan LADAP, mereka boleh minta bantuan kepakaran daripada PKG terdekat. Mulai Jun 2014, PKG mengambil langkah proaktif untuk melawat sekolah-sekolah yang rendah tahap penggunaan VLE. Kesan lawatan tersebut iaitu peningkatan mendadak dalam penggunaan VLE dalam kalangan warga sekolah dapat diperlihatkan dalam *dashboard* KPI YAB

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	mendadak dalam penggunaan VLE dalam kalangan warga sekolah dapat diperlihatkan dalam dashboard KPI YAB Menteri Pendidikan. • *Bermula Mei 2014, KPM telah menyediakan Dashboard Pemantauan Kemajuan pelaksanaan dan penggunaan VLE bagi memantau penggunaan VLE oleh murid setiap minggu di peringkat negeri, PPD / PKG, sekolah, kelas dan murid secara individu.* • *Akses dashboard pemantauan juga diberi kepada pihak-pihak di peringkat JPN/BTPN dan PPD/PKG supaya mereka dapat memantau dan memberi khidmat sokongan kepada sekolah-sekolah yang rendah penggunaan VLE.*	Menteri Pendidikan. Bermula Mei 2014, KPM telah menyediakan *Dashboard* Pemantauan Kemajuan pelaksanaan dan penggunaan VLE bagi memantau penggunaan VLE oleh murid setiap minggu di peringkat negeri, PPD / PKG, sekolah, kelas dan murid secara individu. Akses *dashboard* pemantauan juga diberi kepada pihak-pihak di peringkat JPN/BTPN dan PPD/PKG supaya mereka dapat memantau dan memberi khidmat sokongan kepada sekolah-sekolah yang rendah penggunaan VLE.
12.5.2.9.a	***Programme Management Office* (PMO) - Bayaran Tuntutan PMO Melebihi Anggaran Peruntukan Bagi Tahun 2012** Mengikut Lampiran A6 – Anggaran Belanja Mengurus PMO dalam Kontrak 1BestariNet, peruntukan perbelanjaan PMO bagi tempoh Disember 2011 sehingga Jun 2014 adalah sejumlah RM11.62 juta. Semakan Audit mendapati, pihak PMO hanya mula beroperasi pada bulan Mac 2012 dan tuntutan perbelanjaan PMO sejumlah RM607,440 bagi tempoh Mac hingga Disember 2012 telah dibayar oleh Kerajaan kepada kontraktor. Bagaimanapun, kadar tuntutan pembayaran utiliti, sewaan, bekalan dan bahan, penyenggaraan dan perkhidmatan lebih tinggi daripada kadar sebenar yang ditetapkan dalam kontrak. Perbezaan kadar tuntutan bagi setiap perkara tersebut di atas telah menyebabkan perbelanjaan melebihi peruntukan sejumlah RM157,940 bagi tempoh Mac hingga Disember 2012. Perbezaan ini berlaku kerana pihak kontraktor menjumlahkan peruntukan bulan Disember 2011 dengan peruntukan tahun 2012 iaitu 13 bulan dan seterusnya dibahagikan dengan 12 bulan. Pada pendapat Audit, lebihan bayaran ini tidak sepatutnya berlaku sekiranya pihak KPM meneliti dan menyemak tuntutan daripada kontraktor. Pihak KPM hendaklah mendapatkan balik bayaran sejumlah RM157,940 yang telah terlebih dibayar daripada kontraktor. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 • *KPM telah mengemukakan surat tuntutan bayaran balik kepada kontraktor*	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 KPM telah mengemukakan surat tuntutan bayaran balik kepada kontraktor bagi perkhidmatan PMO sejumlah RM157,940 melalui surat rujukan KP(BPPA)400-

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	bagi perkhidmatan PMO sejumlah RM157,940 melalui surat rujukan KP(BPPA)400-14/3/KPM/41/2011/06/0003 Jld 3(19) bertarikh 6 Ogos 2014. Kontraktor diberi tempoh 14 hari daripada tarikh surat untuk membuat pembayaran balik. • *Sehingga 2 September 2014, KPM masih belum menerima bayaran balik daripada Syarikat dan KPM telah mengemukakan surat ulangan pada 2 September 2014.* • *KPM akan mengeluarkan surat kepada bank untuk menguatkuasakan pemotongan bon pelaksanaan pada 10 September 2014.*	14/3/KPM/41/2011/06/0003 Jld 3(19) bertarikh 6 Ogos 2014. Kontraktor diberi tempoh 14 hari daripada tarikh surat untuk membuat pembayaran balik. Maklum Balas Terkini Pihak syarikat telah membalas surat tersebut pada 10 September 2014. <u>Tuntutan bagi utiliti, sewaan, bekalan dan bahan, penyelenggaraan dan perkhidmatan PMO dari bulan Mac 2012 hingga Disember 2012</u> Pihak syarikat berpendapat bahawa berdasarkan kontrak tidak berlakunya lebihan pembayaran sebanyak RM157,940.00 untuk projek 1BestariNet. Perincian justifikasi seperti dalam surat yang disertakan. Perkara ini diangkat ke JK Pemandu 1BestariNet untuk pertimbangan pada 14 Oktober 2014.
12.5.2.9.b	**Kadar Pembayaran Perkhidmatan Kebajikan/Kesihatan, Keselamatan dan Kebersihan Tidak Munasabah** Berdasarkan Kontrak 1BestariNet bagi tahun 2011, kadar pembayaran perkhidmatan kebajikan/kesihatan adalah sejumlah RM1,000 seorang sebulan manakala kadar bayaran perkhidmatan keselamatan dan kebersihan adalah sejumlah RM15,000 sebulan. Bagaimanapun, kadar perkhidmatan tersebut bagi tahun 2012 sehingga 2014 telah menurun dengan begitu ketara iaitu RM100 (1,000%) seorang bagi perkhidmatan kebajikan/kesihatan dan RM800 (1,775%) sebulan bagi bayaran perkhidmatan kawalan keselamatan dan kebersihan. Asas penurunan kadar tersebut tidak dijelaskan. Pada pendapat Audit, perbezaan kadar semua perkhidmatan bagi bulan Disember 2011 dengan tahun berikutnya yang ditetapkan dalam kontrak adalah tidak munasabah. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 *Jawatankuasa Siasatan Dalaman telah ditubuhkan oleh KSU KPM melalui surat ruj.:KP(BPPA)(S)700-3/0204/0304/15 Jld.19.8 bertarikh 22 Ogos 2014 untuk menyiasat punca perbezaan besar dalam kadar bagi Perkhidmatan Kebajikan/Kesihatan, Keselamatan dan Kebersihan yang telah ditetapkan dalam*	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 Jawatankuasa Siasatan Dalaman telah ditubuhkan oleh KSU KPM melalui surat ruj.:KP(BPPA)(S)700-3/0204/0304/15 Jld.19.8 bertarikh 22 Ogos 2014 untuk menyiasat punca perbezaan besar dalam kadar bagi Perkhidmatan Kebajikan/Kesihatan, Keselamatan dan Kebersihan yang telah ditetapkan dalam

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Kontrak.	Kontrak.
12.5.2.10.a	**Perkhidmatan Pengurusan Perubahan dan Sokongan ICT (*Change Management*) - Peruntukan Tambahan Melalui Penyelarasan** KPM telah mendapat kelulusan daripada Ketua Setiausaha KPM untuk melaksanakan penyelarasan peruntukan belanja mengurus PMO bagi tahun 2011/2012 sejumlah RM2 juta kepada pengurusan perubahan (tambahan). Peruntukan ini diperlukan bagi mengendalikan 16 program pengurusan perubahan bagi pegawai KPM. Salah satu daripada 16 program tersebut ialah Program Kesedaran dan Jati Diri Untuk Ahli-ahli PMO yang telah diadakan pada 19 hingga 21 Disember 2012 di Park Royal Penang Resort, Batu Feringhi Beach, Pulau Pinang dengan perbelanjaan sejumlah RM164,048. Peserta program tersebut terdiri daripada 12 ahli PMO, 6 pegawai YTL dan 3 pegawai FrogAsia. Semakan Audit mendapati perbelanjaan program ini telah diluluskan oleh pegawai PMO tanpa dokumen sokongan yang lengkap. Kos bagi 9 pegawai kontraktor telah ditanggung di bawah peruntukan pengurusan perubahan ini. Semakan lanjut Audit terhadap dokumen yang diluluskan oleh kontraktor dan PMO mengenai butiran kos keseluruhan program mendapati kos yang melibatkan ahli keluarga peserta seperti penginapan dan makan minum turut dibiayai sepenuhnya daripada program ini. Selain itu, kadar sewa bilik hotel yang dikenakan adalah melebihi kelayakan pegawai Kerajaan yang telah ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2005. Pihak Audit juga mendapati kos lain seperti pembelian *t-shirt* dan buah-buahan telah dibayar di bawah peruntukan tersebut. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 • *KPM telah mengemukakan surat tuntutan bayaran balik kepada kontraktor bagi Program Jati Diri sejumlah RM70,331.22 melalui surat rujukan KP(BPPA)400-14/3/KPM/41/2011/06/0003 Jld 3(19) bertarikh 6 Ogos 2014. Kontraktor diberi tempoh 14 hari daripada tarikh surat untuk membuat pembayaran balik.* • *Siasatan awal menunjukkan bahawa pakej ini diluluskan oleh pegawai PMO-ICT dan pakej tersebut memang tidak mematuhi kadar kelayakan pegawai serta tata cara kewangan. KPM telah mengeluarkan surat kepada*	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 KPM telah mengemukakan surat tuntutan bayaran balik kepada kontraktor bagi Program Jati Diri sejumlah RM70,331.22 melalui surat rujukan KP(BPPA)400-14/3/KPM/41/2011/06/0003 Jld 3(19) bertarikh 6 Ogos 2014. Kontraktor diberi tempoh 14 hari daripada tarikh surat untuk membuat pembayaran balik. Siasatan awal menunjukkan bahawa pakej ini diluluskan oleh pegawai PMO-ICT dan pakej tersebut memang tidak mematuhi kadar kelayakan pegawai serta tata cara kewangan. KPM telah mengeluarkan surat kepada Syarikat YTL Communications Sdn. Bhd. untuk menuntut kembali sebanyak RM70,306.29

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Syarikat YTL Communications Sdn. Bhd. untuk menuntut kembali sebanyak RM70,306.29 untuk membiayai pegawai-pegawai mereka menghadiri program Jati Diri tersebut. • *Sehingga 2 September 2014, KPM masih belum menerima bayaran balik daripada Syarikat dan telah mengemukakan surat ulangan pada 2 September 2014.* • *KPM telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman melalui surat ruj.:KP(BPPA)(S)700-3/0204/0304/15 Jld.19.8 bertarikh 22 Ogos 2014 untuk mengenal pasti punca kegagalan kepatuhan kepada peraturan-peraturan kewangan serta Arahan Perbendaharaan sehingga berlakunya lebihan bayaran tersebut.* Pada pendapat Audit pegawai yang mengesah dokumen pembayaran sepatutnya mahir dalam urusan pembayaran Kerajaan bagi memastikan wang Kerajaan dibelanjakan dengan berhemat. Pembayaran bagi 6 peserta kontraktor, 3 peserta FrogAsia, penginapan dan makan minum bagi ahli keluarga peserta, tuntutan melebihan kelayakan pegawai Kerajaan, pembelian *t-shirt,* buah-buahan dan lain-lain adalah menyalahi peraturan kewangan sedia ada. KPM hendaklah mendapatkan balik bayaran yang telah dibayar daripada kontraktor dan tindakan tatatertib boleh dikenakan terhadap pegawai yang terlibat dalam meluluskan tuntutan tersebut.	untuk membiayai pegawai-pegawai mereka menghadiri program Jati Diri tersebut. Maklum Balas Terkini Pihak syarikat telah membalas surat tersebut pada 10 September 2014. <u>Tuntutan bagi Program Kesedaran dan Jati Diri Untuk Ahli-Ahli PMO yang telah diadakan pada 19 hingga 21 Disember 2012 di Park Royal Penang Resort, Batu Feringgi, Pulau Pinang.</u> Pihak syarikat bersetuju untuk membuat pembayaran balik RM70,287.83.

LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2013

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perenggan 13 : Pengurusan Penyenggaraan Peralatan ICT

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.1.1.b	**Prestasi Kerja Penyenggaraan/Aduan** Maklumat berkenaan dengan aduan yang dibuat, aduan telah diambil tindakan penyenggaraan, peralatan yang rosak dan aduan yang telah/belum diselesaikan ada direkodkan dalam sistem STS. Bagaimanapun, sistem tersebut tidak dapat menjana laporan berkaitan jumlah aduan, tempoh masa diambil untuk penyenggaraan dan aduan yang telah/belum diselesaikan. Selain itu, didapati kebolehpercayaan terhadap maklumat yang dijana daripada sistem STS adalah diragui disebabkan kesilapan input oleh pengguna sistem. Ini menyebabkan aduan yang sama dilaporkan berulang kali dalam STS, rekod aduan yang tiada kaitan dengan kerosakan peralatan ICT, aduan yang telah diambil tindakan pembaikan tidak dikemaskini dalam STS dan aduan yang dilaporkan adalah berlainan berbanding dengan kerosakan sebenar. Pada pendapat Audit, pengurusan aduan adalah tidak memuaskan kerana sistem STS/Kementerian tidak dapat menyediakan laporan atau maklumat mengenai jumlah aduan, tempoh masa diambil untuk penyenggaraan dan aduan yang telah/belum diselesaikan. Ini menyebabkan pemantauan tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan. Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 11 Julai 2014 *BTP memutuskan menggunakan aplikasi STS Google Doc mulai tahun 2012 sementara penambahbaikan modul STS dimasukkan ke dalam Sistem Pengurusan Sekolah (SPS). Aplikasi Google Doc yang digunakan ini terhad penggunaannya terutama dari aspek perincian penjanaan laporan dan hanya untuk merekodkan aduan pengguna di sekolah. Bagaimanapun, laporan aduan secara bulanan dapat dijana melalui sistem ini bagi pemantauan pelaksanaan dan prestasi perbelanjaan.*	<u>Penjelasan</u> BTP menggunakan STS Versi *Google Doc* hanya untuk merekodkan aduan pengguna di sekolah. STS Versi *Google Doc* diwujudkan bukan untuk menjana laporan analisis seperti jumlah aduan mengikut kategori ataupun *turn around time*. Namun, STS Versi *Google Doc* hanya digunakan untuk mendapatkan gambaran status peralatan ICT dan keadaan sekolah sahaja. Data dalam STS Versi *Google Doc* hanya digunakan untuk membuat anggaran belanjawan. Aplikasi *Support Ticketing System* (STS) diwujudkan sebagai satu mekanisme bagi melapor masalah ICT di sekolah. Skop pelaporan merangkumi masalah ICT dan bukan ICT. STS tidak dapat digunakan lagi selepas tahun 2011 kerana telah *obsolete.* Selain itu, KPM tidak menaiktaraf STS tersebut kerana telah merancang untuk memasukkan modul STS ke dalam peluasan Aplikasi Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) ke semua sekolah. Keputusan KPM menjadikan SPS sebagai aplikasi tunggal melibatkan pengisian data di sekolah merupakan sebahagian dari rancangan *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) bersama JPA untuk mengurangkan beban tugas guru. Sebagai langkah interim mulai tahun 2012, KPM menggunakan STS *Versi Google Doc* untuk merekod aduan kerosakan ICT sekolah. Aplikasi STS *Versi Google Doc* yang sedang digunakan tidak dapat menjana laporan dan menganalisis data seperti yang dinyatakan oleh pihak Audit kerana aplikasi tersebut terhad kefungsiannya dan diwujudkan bukan bertujuan untuk menganalisis data. Walaubagaimanapun, senarai aduan dengan butiran tarikh LO, tarikh SAP serta status dapat dikenalpasti secara manual untuk tujuan pemantauan dan rekod.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<u>Tindakan Penambahbaikan</u> Pemantauan prestasi penyelesaian kerosakan ICT telah dilaksanakan secara manual berdasarkan data dan input pengguna dari “pangkalan data” STS *Versi Google Doc.* Pada masa yang sama modul STS dibangunkan dalam Sistem Pengurusan Sekolah (SPS). Pemantauan secara manual dimulakan pada 1 Ogos 2014 dan digunakan sehingga modul STS dalam Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) selesai pada 2015. Modul STS dimasukkan dalam SPS memandangkan pihak sekolah hanya boleh menggunakan satu sistem sahaja di peringkat Kementerian. Modul STS dalam SPS dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2015. Selain itu, KPM telah menyediakan talian aduan kerosakan peralatan ICT (*Helpdesk*) di setiap Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) bagi memenuhi keperluan pihak sekolah untuk melapor masalah kerosakan ICT. Talian tersebut adalah seperti berikut:- i. Perlis : 04-9761703 ii. Perak : 05-2924933 iii. Melaka : 06-2324478 iv. Pulau Pinang : 04-5736901 <u>Tarikh Jangkaan Selesai</u> Pembangunan Modul STS dalam SPS dijangka siap pada tahun 2015.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.1.2.a	**Pencapaian Kewangan** Peruntukan kewangan perlu dirancang dan disediakan dengan munasabah berdasarkan kepada keperluan sebenar dan jangkaan penyenggaraan peralatan ICT. Ini bagi membolehkan peralatan ICT disenggara mengikut perancangan dan seterusnya dapat digunakan bagi sesi P&P. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, BTP telah diperuntukan sejumlah RM76.2 juta bagi penyenggaraan perolehan ICT dan sehingga 31 Disember 2013, prestasi keseluruhan perbelanjaan penyenggaraan peralatan ICT adalah baik iaitu mencapai 93.1%. Bagaimanapun, peruntukan yang diterima oleh BTP bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 menurun dengan drastik berbanding tahun terdahulu iaitu daripada RM40 juta pada tahun 2010 ke RM38 juta (5%), RM20 juta (50%) dan RM18.2 juta (55%) masing-masing pada tahun 2011, 2012 dan 2013. Ini disebabkan oleh dasar penjimatan Kerajaan terhadap perbelanjaan.	Setuju dengan pendapat Audit
13.5.1.2.b	Bagi prestasi perbelanjaan Syarikat RHL Engineering Sdn. Bhd. pula, prestasi keseluruhan perbelanjaan penyenggaraan peralatan ICT bagi tempoh 3 tahun (2011 hingga 2013) adalah baik iaitu telah mencapai 100%. Pada pendapat Audit, sehingga Disember 2013, prestasi keseluruhan perbelanjaan penyenggaraan peralatan ICT oleh Syarikat RHL Engineering Sdn. Bhd. adalah baik. Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 11 Julai 2014 *Mengikut Kementerian, BTP menggunakan peratus bilangan sekolah dan peratus peralatan di setiap negeri berbanding dengan jumlah sekolah seluruh negara. Peratusan ini digunakan sebagai asas kiraan agihan peruntukan OS28000 yang diterima pada tahun semasa bagi memastikan setiap negeri menerima agihan yang tidak jauh berbeza jumlahnya. Penurunan daripada RM40 juta pada tahun 2010 kepada RM38 juta (5%), RM20 juta (50%) dan RM18.2 juta (55%) masing-masing pada tahun 2011, 2012 dan 2013 adalah berasaskan kelulusan siling permohonan ABM bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 yang telah ditentukan oleh Kementerian Kewangan. Secara keseluruhan, peruntukan yang diberi adalah mengikut keperluan negeri.*	Setuju dengan pendapat Audit

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.2.1.a	**Pengurusan Kerja-kerja Penyenggaraan - *Response Time*** Mengikut proses yang dilaksanakan oleh BTP, pihak sekolah akan membuat aduan mengenai kerosakan peralatan ICT secara *online* melalui STS yang merupakan satu aplikasi pengurusan aduan masalah ICT sekolah atau melalui talian telefon, faksimili, email dan surat kepada BTP atau BTPN. Pada masa yang sama, semua aduan melalui STS boleh diakses oleh Syarikat RHL Engineering Sdn. Bhd. Maklumat kerosakan tersebut akan dikemukakan oleh BTPN/PTPB kepada PKG untuk dinilai dan disenggara sebagai *First Level Support*. Jika masalah tersebut tidak dapat diselesaikan, log aduan akan dikemukakan oleh PKG kepada BTPN semula sebagai *Second Level Support*. BTPN akan memeriksa serta membaiki peralatan berkenaan dan sekiranya tidak dapat diselesaikan, maklumat kerosakan tersebut akan dikemukakan kepada Syarikat RHL Engineering Sdn. Bhd. untuk tindakan penyenggaraan. Pihak sekolah akan menutup log aduan apabila penyenggaraan selesai dilaksanakan. Kesemua proses ini bergantung kepada peruntukan kewangan sedia ada.	Setuju dengan pendapat Audit <u>Penjelasan</u> Pihak KPM telah mengenalpasti kaedah dan skop kerja di dalam kontrak adalah lebih efisien dan meningkatkan keupayaan KPM untuk menjamin peralatan ICT berfungsi untuk Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Tujuan utama kontrak ini adalah untuk memastikan peralatan ICT sekolah disenggara dan berfungsi untuk menyokong proses PdP. Oleh demikian, KPM telah memilih dan memutuskan untuk melaksanakan proses kerja seperti yang telah dinyatakan dalam kontrak. i. Lampiran 3-Skop Kerja, No.7- Penyenggaraan Pemulihan (CM) serta; ii. Lampiran 4-Carta Alir Penyenggaraan Peralatan ICT.
13.5.2.1.b	Berdasarkan semakan Audit, BTPN telah mengemukakan aduan yang diterima daripada sekolah kepada Syarikat RHL Engineering Sdn. Bhd. antara 4 hingga 484 hari.	Tidak setuju dengan pendapat Audit <u>Penjelasan</u> Semua aduan yang diterima disenaraikan mengikut keutamaan berdasarkan faktor berikut:- i. Tahap kritikal kerosakan. ii. Jumlah peruntukan yang diterima. Pihak sekolah melapor masalah ICT kepada pihak BTPN. Tindakan ke atas aduan dilaksanakan mengikut tahap kritikal kerosakan tersebut. Manakala aduan yang tidak diselesaikan dalam tahun semasa akan menjadi aduan tertunggak (*back-log)* untuk dipertimbangkan bagi tahun berikutnya. Selain itu, sebahagian aduan menjadi *back-log* kerana peruntukan yang diterima memberi keutamaan kepada kerosakan yang kritikal. Kelewatan juga disebabkan setiap aduan memerlukan verifikasi terperinci oleh pihak PKG untuk menentukan tahap kritikal bagi kesesuaian untuk disenggara mengikut waran peruntukan yang diterima. Verifikasi khusus diperlukan bagi aduan yang berkaitan dengan konfigurasi perisian yang sukar dibuktikan penyelesaiannya. Selain itu, proses verifikasi dilaksanakan oleh pihak PKG mengambil masa

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		yang agak lama kerana faktor kekurangan pegawai. Perkara ini berlaku kerana pegawai PKG yang terlibat dengan program pensiswazahan dihantar ke sekolah dan tiada penggantian pegawai di atas kekosongan tersebut. <u>Tindakan Penambahbaikan</u> Dalam usaha KPM menambahbaik pengurusan aduan, aktiviti berikut telah dilaksanakan:- i. Mesyuarat Penyelarasan bersama BTPN dan RHL pada 13 Jun 2014. ii. Kursus Pengurusan Aset Peralatan ICT di Hotel Putra pada 23 hingga 27 Jun 2014 diadakan bagi pemurnian *Standard Operating Procedure* (SOP) dan skop kerja penyenggaraan peralatan ICT.
13.5.2.1.c	Didapati proses pengurusan aduan yang dilaksanakan oleh BTP adalah tidak selaras dengan proses pengurusan aduan yang ditetapkan di dalam kontrak. Bagaimanapun, tiada pindaan kepada kontrak dibuat selaras dengan pelaksanaan penyenggaraan sebenar menyebabkan klausa denda terhadap kelewatan *response time* tidak boleh dikuatkuasakan. Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 11 Julai 2014 *Mesyuarat Penyelarasan pada 13 Jun 2014 telah diadakan antara pihak BTP dengan BPPA, BTPN dan Syarikat RHL Engineering Sdn. Bhd. Tindakan susulan berdasarkan terma-terma dalam kontrak akan dibuat.*	Tidak setuju dengan pendapat Audit <u>Penjelasan</u> Proses pengurusan aduan yang dilaksanakan oleh KPM adalah seperti dalam Lampiran 5(d) atas justifikasi seperti penjelasan di perkara 13.5.2.1.a:- i. Lampiran 3-Skop Kerja, No.7- Penyenggaraan Pemulihan (CM) serta; ii. Lampiran 4-Carta Alir Penyenggaraan Peralatan ICT. Manakala tempoh penyenggaraan adalah dari tarikh Pesanan Tempatan (LO) dikeluarkan seperti yang dinyatakan dalam kontrak iaitu Klausa 13 - Cara Pesanan dan Klausa 15-Tempoh Penyelenggaraan dan Penyerahan Peralatan. Pihak KPM telah mengenal pasti kaedah dan skop kerja di dalam kontrak adalah lebih efisien dan lebih menjimatkan kos berbanding kaedah awal semasa SST dikeluarkan. Dengan perubahan tersebut, klausa *response time* (masa tindak balas) tidak dapat dilaksanakan. <u>Tindakan Penambahbaikan</u> Langkah-langkah penambahbaikan yang telah dibuat:- a. Sebagai langkah penambahbaikan, bengkel pemurnian *Standard*

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		Operating Procedure (SOP) bagi skop kerja penyenggaraan peralatan ICT telah:- i. Bengkel di BTP pada 10 Julai 2014 ii. Kursus di Hotel Putra pada 23 hingga 27 Jun 2014 iii. Bengkel di BTPN Selangor pada 13 dan 14 Ogos 2014 b. Mengadakan Mesyuarat khas bersama BTPN dan RHL pada 19 Julai 2014 dan 27 Ogos 2014. Mesyuarat telah membincangkan cadangan pindaan klausa kontrak berkaitan *response time*. c. Memulakan proses pindaan kepada klausa kontrak berkaitan *response time* supaya selaras dengan skop kerja. Cadangan pindaan telah dimajukan kepada pihak BPPA bagi tujuan penambahbaikan dan pindaan bersama PUU KPM. i. Klausa 19 HAK KERAJAAN APABILA PERALATAN ATAU AKSESORI DAN KOMPONEN YANG DISELENGGARA LEWAT DISERAHKAN, DIPASANG, DIUJI, DITAULIAH ATAU DIDOKUMENTASIKAN ii. Klausa 24 JAMINAN TAHAP PERKHIDMATAN (*SERVICE LEVEL AGREEMENT*) d. Satu perbincangan lanjut berkaitan pindaan ini telah dibuat oleh BTP dan BPPA pada 11 September 2014. <u>Tarikh Jangkaan Selesai</u> Pindaan pada kontrak telah dimulakan dan dijangka selesai pada 30 November 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.2.2.a	**Denda Atas Kelewatan Perkhidmatan** Berdasarkan semakan Audit terhadap Pesanan Tempatan, didapati 418 peralatan di 32 buah sekolah yang disemak tidak dibekalkan peralatan gantian sementara oleh Syarikat RHL Engineering Sdn. Bhd. Bagaimanapun, denda tidak dikenakan terhadap kontraktor tersebut. Mengikut perkiraan Audit, anggaran amaun denda yang sepatutnya dikenakan adalah berjumlah RM681,800.	<u>Penjelasan</u> Senarai aduan serta denda yang terlibat telah dimajukan kepada BPPA sebagai pentadbir kontrak pada 26 Jun 2014 dan 5 September 2014 untuk semakan dan tindakan seterusnya. Laporan dari pihak Audit telah dibincangkan bersama dengan pihak BPPA, BTPN dan Syarikat RHL di mesyuarat penyelarasan pada 13 Jun 2014, mesyuarat khas pada 19 Julai 2014 dan mesyuarat semakan denda pada 27 Ogos 2014. Surat peringatan kepada RHL oleh BTPN agar memberi bukti penyediaan peralatan gantian sementara sebelum 18 Ogos 2014 bagi mengelakkan denda dikenakan. Pihak RHL tidak memberi maklum balas sehingga tarikh tersebut. KPM telah menghantar surat tindakan denda kepada Syarikat RHL Engineering Sdn. Bhd. bertarikh 17 September 2014. Pihak syarikat diberi tempoh 14 hari untuk memberi jawapan sebelum tindakan denda dikenakan. <u>Tarikh Jangkaan Selesai</u> Tindakan denda telah dikenakan ke atas Syarikat RHL mengikut tempoh dua (2) bulan dari tarikh 5 September 2014.
13.5.2.2.b	Berdasarkan semakan terhadap 170 Borang Kebenaran Membawa Keluar Peralatan (KMKP) yang disemak di 16 sekolah, didapati 72 peralatan telah dipulangkan dalam tempoh 30 hari bekerja yang ditetapkan, 4 peralatan lewat dipulangkan dan 82 peralatan tidak dapat dipastikan tarikh peralatan dipulangkan kerana tiada tarikh dicatatkan oleh sekolah atau Syarikat RHL Engineering Sdn. Bhd. Manakala 12 peralatan didapati dibawa keluar daripada premis sekolah sebelum Pesanan Tempatan dikeluarkan. Selain itu, borang KMKP bagi 5 sekolah di Pulau Pinang pula tidak dapat disemak kerana tidak dikemukakan. Anggaran amaun denda yang boleh dikenakan bagi peralatan yang lewat dipulangkan ialah berjumlah RM73,400.	<u>Penjelasan</u> Senarai aduan serta denda yang terlibat telah dimajukan kepada BPPA sebagai pentadbir kontrak pada 26 Jun dan 5 September 2014 untuk semakan dan tindakan seterusnya. Laporan dari pihak Audit telah dibincangkan bersama dengan pihak BPPA, BTPN dan Syarikat RHL di mesyuarat penyelarasan pada 13 Jun 2014, mesyuarat khas pada 19 Julai 2014 dan mesyuarat semakan denda pada 27 Ogos 2014. KPM telah menghantar surat tindakan denda kepada Syarikat RHL Engineering Sdn. Bhd. bertarikh 17 September 2014. Pihak syarikat diberi

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		tempoh 14 hari untuk memberi jawapan sebelum tindakan denda dikenakan. <u>Tindakan Penambahbaikan</u> Sebagai langkah tindakan pencegahan semua salinan borang KMKP akan diserahkan kepada BTPN oleh syarikat. Perkara ini telah dimaklumkan dalam Mesyuarat Penyelarasan pada 13 Jun 2014 dan dimasukkan dalam Garis Panduan Pelaksanaan Penyenggaraan Peralatan ICT. Pelaporan tersebut perlu dihantar melalui surat rasmi berserta salinan borang KMKP yang disahkan. <u>Tarikh Jangkaan Selesai</u> Tindakan denda telah dikenakan ke atas Syarikat RHL mengikut tempoh dua (2) bulan dari tarikh 5 September 2014.
13.5.2.2.c	Semakan terhadap 40 Pesanan Tempatan bagi 418 peralatan mendapati 21 peralatan disenggarakan melebihi 30 hari iaitu dengan kelewatan antara 20 hingga 61 hari. Anggaran amaun denda yang boleh dikenakan bagi pembaikan peralatan melebihi 30 hari adalah berjumlah RM111,000. Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah menyemak semula ketepatan jumlah denda yang patut dikenakan dan mengutipnya dengan segera. Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 11 Julai 2014 *Mengikut Kementerian, senarai aduan yang terlibat akan dimajukan ke BPPA sebagai pentadbir kontrak untuk semakan dan tindakan seterusnya. Dalam masa yang sama pihak BTP akan membuat verifikasi bagi mengenal pasti jumlah sebenar denda yang perlu dikenakan.*	<u>Penjelasan</u> Senarai aduan serta denda yang terlibat telah dimajukan kepada BPPA sebagai pentadbir kontrak pada 26 Jun dan 5 September 2014. Laporan dari pihak Audit telah dibincangkan bersama dengan pihak BPPA, BTPN dan Syarikat RHL di mesyuarat penyelarasan pada 13 Jun 2014, mesyuarat khas pada 19 Julai 2014 dan mesyuarat semakan denda pada 27 Ogos 2014. KPM telah menghantar surat tindakan denda kepada Syarikat RHL Engineering Sdn. Bhd. bertarikh 17 September 2014. Pihak syarikat diberi tempoh 14 hari untuk memberi jawapan sebelum tindakan denda dikenakan. <u>Tarikh Jangkaan Selesai</u> Tindakan denda telah dikenakan ke atas Syarikat RHL mengikut tempoh dua (2) bulan dari tarikh 5 September 2014. <u>Penjelasan Syarat Kontrak Perjanjian</u> Laporan dari pihak Audit telah dibincangkan bersama dengan pihak BPPA, BTPN dan Syarikat RHL di mesyuarat Penyelarasan pada 13 Jun 2014 dan mesyuarat khas pada 19 Julai 2014 dan mesyuarat semakan denda pada 27 Ogos 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		Semakan awal telah dibuat di negeri Melaka (9 – 11 Julai 2014), Perlis (15 Julai 2014), Pulau Pinang (16-17Julai 2014) dan Perak (16-19 Julai 2014). Dalam masa yang sama pihak BTP dan BTPN telah membuat verifikasi maklumat untuk memastikan jumlah sebenar denda kelewatan tersebut pada bengkel dan mesyuarat bersama dengan Syarikat RHL. Pihak BTPN perlu mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Penyenggaraan Peralatan ICT Sekolah-Sekolah di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2014-2015 iaitu pembaikan peralatan tidak melebihi tempoh yang ditetapkan daripada tarikh Pesanan Tempatan (LO) dikeluarkan. BTPN telah mengemukakan surat peringatan kepada syarikat berkaitan perkara ini. Perkara yang sama juga telah dimaklumkan kepada pihak syarikat dalam Mesyuarat Penyelarasan Bil. 3/2013. Senarai aduan serta jumlah denda ke atas pembaikan melebihi tempoh yang ditetapkan telah dimajukan kepada BPPA sebagai pentadbir kontrak untuk semakan dan tindakan seterusnya. <u>Tindakan Penambahbaikan</u> Langkah-langkah penambahbaikan yang telah dibuat:- a. Tindakan dan aktiviti bagi proses pengiraan denda adalah seperti berikut:- i. Mengadakan bengkel untuk meningkat kompetensi pegawai PKG. ii. Menyediakan data aduan kerosakan peralatan ICT. iii. Menetapkan kaedah pengiraan denda. iv. Semakan awal data aduan dan denda di setiap BTPN. v. Bengkel menentukan jumlah denda dan verikasi aduan. vi. Mesyuarat bersama Syarikat RHL untuk memperjelaskan asas-asas denda. vii. Semakan jumlah denda di peringkat BTPN. viii. Semakan pada terma dan klausa pada kontrak. ix. Mengenal pasti pindaan. x. Membuat syor pindaan pada kontrak.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		b. KPM telah memulakan proses pindaan kepada klausa kontrak berkaitan *response time* supaya selaras dengan skop kerja. Cadangan pindaan juga telah dimajukan kepada pihak BPPA bagi tujuan penambahbaikan dan pindaan bersama PUU KPM:- i. Klausa 19 HAK KERAJAAN APABILA PERALATAN ATAU AKSESORI DAN KOMPONEN YANG DISELENGGARA LEWAT DISERAHKAN, DIPASANG, DIUJI, DITAULIAH ATAU DIDOKUMENTASIKAN ii. Klausa 24 JAMINAN TAHAP PERKHIDMATAN (SERVICE LEVEL AGREEMENT) c. Satu perbincangan lanjut berkaitan pindaan ini telah dibuat oleh BTP dan BPPA pada 11 September 2014 <u>Tarikh Jangkaan Selesai</u> Pindaan kontrak telah dimulakan dan dijangka selesai pada 30 November 2014.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perenggan 14 : Pengurusan Projek Pembinaan Institut Aminuddin Baki (IAB) Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
14.5.1.1	**Prestasi Pencapaian Fizikal** Pembinaan projek IAB Bandar Enstek terbahagi kepada 2 fasa iaitu kerja tanah dan kerja bangunan. Kerja tanah bermula pada 11 Februari 2008 dan patut siap pada 11 Ogos 2008 iaitu selama 6 bulan atau 182 hari. Bagaimanapun, projek ini gagal disiapkan mengikut tarikh asal dan telah diluluskan 2 lanjutan masa [Extention Of Time – (EOT)] selama 266 hari dan hanya dapat disiapkan pada 5 Mei 2009. Antara sebab lanjutan masa diberi ialah kelewatan memulakan kerja-kerja bagi kolam 5 dan kolam 6 disebabkan kelewatan menyiapkan kolam 7 yang dibina oleh Kontraktor daripada pakej berlainan. Manakala kerja bangunan bermula pada 28 Ogos 2009 dan sepatutnya siap pada 12 Mac 2011. Kerja ini yang sepatutnya siap dalam tempoh 80 minggu atau 561 hari telah diluluskan 3 EOT selama 549 hari dan hanya dapat disiapkan pada 10 September 2012. Antara sebab lanjutan masa ialah kelewatan penyerahan kontrak Mekanikal & Elektrikal; perubahan reka bentuk bumbung; kerja-kerja *sewerage* dan *gross polutant trap* di Blok B2 dan B3 tidak dapat dijalankan kerana kerja-kerja pembaikan cerun dan jajaran sungai oleh pihak ketiga belum dilaksanakan. Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 5 Ogos 2014 *Walaupun Audit berpendapat prestasi fizikal projek adalah kurang memuaskan memandangkan kedua-dua kerja tanah dan bangunan lewat disiapkan selama 815 hari berbanding tempoh asal 743 hari. Namun, beberapa faktor kelewatan perlu diambil kira:* *<u>EOT 1: Kerja Tanah</u>* *Lanjutan Masa selama 141 hari diluluskan kerana Majlis Perbandaran Nilai (MPN) telah mengeluarkan Notis Menghentikan Kerja bertarikh 26 Jun 2008.*	Walaupun Audit berpendapat prestasi fizikal projek adalah kurang memuaskan memandangkan kedua-dua kerja tanah dan bangunan lewat disiapkan selama 815 hari berbanding tempoh asal 743 hari, namun beberapa faktor kelewatan perlu diambil kira:- <u>EOT 1: Kerja Tanah</u> Lanjutan Masa selama 141 hari diluluskan kerana Majlis Perbandaran Nilai (MPN) telah mengeluarkan Notis Menghentikan Kerja bertarikh 26 Jun 2008. Pemberhentian ini adalah disebabkan belum mendapat kelulusan Kebenaran Merancang daripada pihak MPN. Lanjutan daripada notis pemberhentian kerja oleh MPN, maka Permohonan Kelulusan Kerja Infrastruktur bertarikh 5 Jun 2008 merujuk pada surat Majlis Perbandaran Nilai juga telah terbatal. Perunding Sivil & Struktur telah memajukan surat tersebut untuk tindakan pihak arkitek bagi tujuan kelulusan kebenaran merancang. Susulan itu juga, Perunding Sivil & Struktur telah membuat penghantaran semula pelan kerja tanah untuk kelulusan pada 1 Julai 2008. <u>EOT 2: Kerja Tanah</u> Skop kerja kolam takungan adalah di bawah tanggungjawab dan pemantauan Perunding Sivil & Struktur Khairi Konsult Sdn. Bhd. dan Kontraktor yang dilantik. Perunding ini bukanlah dilantik di bawah skop IAB Bandar Enstek tetapi bertanggungjawab ke atas keseluruhan infra Kompleks Pendidikan Nilai. Kelewatan berpunca daripada kerja pembinaan kolam di bawah skop kerja infra yang mana telah menjejaskan kerja-kerja tanah IAB Bandar Enstek.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pemberhentian ini adalah disebabkan belum mendapat kelulusan Kebenaran Merancang daripada pihak MPN. *Lanjutan daripada notis pemberhentian kerja oleh MPN, maka Permohonan Kelulusan Kerja Infrastruktur bertarikh 5 Jun 2008 merujuk pada surat Majlis Perbandaran Nilai juga telah terbatal. Perunding Sivil & Struktur telah memajukan surat tersebut untuk tindakan pihak arkitek bagi tujuan kelulusan kebenaran merancang. Susulan itu juga, Perunding Sivil & Struktur telah membuat penghantaran semula pelan kerja tanah untuk kelulusan pada 1 Julai 2008.* *<u>EOT 2: Kerja Tanah</u>* *Skop kerja kolam takungan adalah di bawah tanggungjawab dan pemantauan Perunding Sivil & Struktur Khairi Konsult Sdn. Bhd. dan Kontraktor yang dilantik. Perunding ini bukanlah dilantik di bawah skop IAB Bandar Enstek tetapi bertanggungjawab ke atas keseluruhan infra Kompleks Pendidikan Nilai. Kelewatan berpunca daripada kerja pembinaan kolam di bawah skop kerja infra yang mana telah menjejaskan kerja-kerja tanah IAB Bandar Enstek.* *<u>EOT 2: Bangunan</u>* *Rumah pam di antara kolam 5 dan 6 adalah kerja tambahan (VO) yang memerlukan kelulusan pihak berkuasa Indah Water Konsortium (IWK). Kegunaan rumah pam tersebut bukan hanya untuk IAB tetapi juga merangkumi keseluruhan Kompleks Pendidikan Bandar Enstek. Isu ini timbul semasa dalam proses pembinaan dan memerlukan masa untuk penyelarasan di antara dua kontrak yang berbeza iaitu pakej 1A Infra dan IAB.*	<u>EOT 2: Bangunan</u> Rumah pam di antara kolam 5 dan 6 adalah kerja tambahan (VO) yang memerlukan kelulusan pihak berkuasa Indah Water Konsortium (IWK). Kegunaan rumah pam tersebut bukan hanya untuk IAB tetapi juga merangkumi keseluruhan Kompleks Pendidikan Bandar Enstek. Isu ini timbul semasa dalam proses pembinaan dan memerlukan masa untuk penyelarasan di antara dua kontrak yang berbeza iaitu pakej 1A Infra dan IAB.
14.5.1.3	**Pencapaian *Outcome* Projek** Bangunan IAB Bandar Enstek yang patut disiapkan pada 11 Mac 2011 hanya disiapkan pada 11 September 2012. Bangunan ini diserahkan kepada Kementerian pada 14 Disember 2012 dan mula digunakan pada bulan Mac 2013. Bagi tahun 2013, sebanyak 10 kursus melibatkan seramai 269 peserta terdiri daripada pegawai ikhtisas dan pegawai pengurusan & profesional telah dijalankan secara harian tanpa penginapan. Pihak Audit mendapati sehingga bulan Disember 2013, walaupun bangunan telah disiapkan dan diserahkan, ia belum beroperasi sepenuhnya berikutan penstrukturan semula perjawatan belum diluluskan. Selain itu, kelengkapan, peralatan dan perabot bagi kegunaan blok pentadbiran dan blok penginapan lewat diperoleh. Kelewatan menyiapkan	IAB telah menjalankan 10 kursus sebagai rintis yang melibatkan 269 peserta secara harian tanpa penginapan di IAB Bandar Enstek. Ini dilaksanakan memandangkan IAB Bandar Enstek tidak boleh berfungsi sepenuhnya dan mengalami gangguan rangkaian ICT. Sebanyak 103 ICT *termination points* di makmal komputer dan bilik Pensyarah Kanan masih belum dipasang. Memandangkan kursus IAB menggunakan internet sepenuhnya untuk beroperasi seperti kursus *Virtual Learning Environment* (VLE), kursus penilaian yang memerlukan kemudahan Internet untuk mengakses sistem, maka kursus tersebut tidak dapat dijalankan di IAB Induk Bandar Enstek. Selain itu, Bangunan IAB Bandar Enstek hanya disediakan perabot asas sahaja manakala

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	bangunan dan mendudukinya selama lebih 2 tahun menyebabkan hasrat IAB Bandar Enstek untuk melatih anggaran 20,000 peserta setahun atau 53,000 orang peserta dalam tempoh terlibat tidak tercapai. Sebaliknya hanya 269 peserta atau 0.5% sahaja berjaya dilatih sehingga 31 Disember 2013. Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 10 September 2014 *IAB telah menjalankan 10 kursus sebagai rintis yang melibatkan 269 peserta secara harian tanpa penginapan di IAB Bandar Enstek. Ini dilaksanakan memandangkan IAB Bandar Enstek tidak boleh berfungsi sepenuhnya dan mengalami gangguan rangkaian ICT. 103 ICT termination points di makmal komputer dan bilik Pensyarah Kanan masih belum dipasang. Memandangkan kursus IAB menggunakan internet sepenuhnya untuk beroperasi seperti kursus Virtual Learning Environment (VLE), kursus penilaian yang memerlukan kemudahan Internet untuk mengakses sistem, maka kursus tersebut tidak dapat dijalankan di IAB Induk Bandar Enstek. Selain itu, Bangunan IAB Bandar Enstek hanya disediakan perabot asas sahaja manakala perabot latihan dan staf perlu dibeli secara berasingan. Perabot belum diterima sepenuhnya bagi menjalankan latihan. Pihak IAB Induk telah menubuhkan jawatankuasa untuk membuat spesifikasi perolehan perabot tersebut. Tarikh waran perabot diperoleh ialah pada 9 April 2012.* *Pada ketika itu juga, masih terdapat 1,223 pembaikan kecacatan bangunan yang masih belum diambil tindakan oleh pihak Kontraktor.* *IAB dan cawangannya telah mengadakan sebanyak 872 kursus melibatkan 19,151 peserta pada tahun 2012 dan 1,215 kursus pada tahun 2013 melibatkan 23,634 peserta.* Pada pendapat Audit, pencapaian keseluruhan latihan bagi IAB dan cawangannya akan lebih tinggi jika IAB Bandar Enstek dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan digunakan sebaik ia disiapkan.	perabot latihan dan staf perlu dibeli secara berasingan. Perabot belum diterima sepenuhnya bagi menjalankan latihan. Pihak IAB Induk telah menubuhkan jawatankuasa untuk membuat spesifikasi perolehan perabot tersebut. Tarikh waran perabot diperoleh ialah pada 9 April 2012. Pada ketika itu juga, masih terdapat 1,223 pembaikan kecacatan bangunan yang masih belum diambil tindakan oleh pihak Kontraktor. IAB dan cawangannya telah mengadakan sebanyak 872 kursus melibatkan 19,151 peserta pada tahun 2012 dan 1,215 kursus pada tahun 2013 melibatkan 23,634 peserta. Kementerian bersetuju dengan pendapat pihak audit berkaitan perkara tersebut.
14.5.2.1.a	**Perakuan Muktamad Lewat Disediakan/Dikeluarkan** Bagi kerja tanah, tarikh akhir Perakuan Muktamad perlu disediakan ialah pada 4 Ogos 2010, 3 bulan selepas Sijil Siap Memperbaiki Kecacatan dikeluarkan iaitu pada 4 Mei 2010. Semakan Audit mendapati Perakuan Muktamad disediakan pada 30 November 2011 iaitu lewat selama 18 bulan dan 26 hari.	Penyediaan Perakuan Muktamad lewat disediakan bagi pakej tanah kerana penyediaan *as built drawing* lewat dikemukakan oleh Kontraktor dan menyebabkan PHK No. 4 dan 5 tertangguh. Dokumen tersebut telah dikemukakan kepada Kementerian pada 13 September 2011. Kelewatan ini menyebabkan Perakuan Muktamad lewat disediakan/dikemukakan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
14.5.2.1.b	Sehingga bulan Februari 2014, Perakuan Muktamad bagi kerja bangunan belum disediakan kerana Sijil Perakuan Siap Membaiki Kecacatan belum dikeluarkan. Pada pendapat Audit, penyediaan Perakuan Muktamad adalah kurang memuaskan kerana mengambil masa lebih kurang 18 bulan untuk disediakan bagi kerja tanah. Bagi kerja bangunan, Perakuan Muktamad hendaklah disediakan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu selewat-lewatnya 9 bulan selepas Sijil Siap Membaiki Kecacatan dikeluarkan. Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 5 Ogos 2014 *Penyediaan Perakuan Muktamad lewat disediakan bagi pakej tanah kerana penyediaan as built drawing lewat dikemukakan oleh Kontraktor dan menyebabkan PHK No. 4 dan 5 tertangguh. Dokumen tersebut telah dikemukakan kepada Kementerian pada 13 September 2011. Kelewatan ini menyebabkan Perakuan Muktamad lewat disediakan/dikemukakan.* *Melangkah ke hadapan, Kementerian akan mengeluarkan surat peringatan kepada Kontraktor untuk menyelesaikan segala tuntutan perakuan Akaun Muktamad dalam tempoh 3 bulan selepas Sijil Perakuan Siap. Kementerian akan memantau penyediaan perakuan Akaun Muktamad tidak melebihi 3 bulan dari tarikh Sijil Perakuan Siap Membaiki Kecacatan. Kementerian juga akan memastikan Kontraktor tidak lewat mengemukakan as built drawing supaya Perakuan Muktamad tidak lewat disediakan.* *Bagi kerja-kerja bangunan, Perakuan Muktamad tidak boleh dikeluarkan kerana pengeluaran Sijil Perakuan Siap Membaiki Kecacatan belum diperakukan disebabkan kegagalan Kontraktor menjalankan kerja-kerja pembaikan. Bahagian Pembangunan KPM telah membuat penilaian kecacatan yang gagal dilaksanakan oleh Kontraktor dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan. Perakuan Muktamad akan disediakan setelah Sijil Perakuan Siap Membaiki Kecacatan dikeluarkan.*	Melangkah ke hadapan, Kementerian akan mengeluarkan surat peringatan kepada Kontraktor untuk menyelesaikan segala tuntutan perakuan Akaun Muktamad dalam tempoh 3 bulan selepas Sijil Perakuan Siap. Kementerian akan memantau penyediaan perakuan Akaun Muktamad tidak melebihi 3 bulan dari tarikh Sijil Perakuan Siap Membaiki Kecacatan. Kementerian juga akan memastikan Kontraktor tidak lewat mengemukakan *as built drawing* supaya Perakuan Muktamad tidak lewat disediakan. Bagi kerja-kerja bangunan, Perakuan Muktamad tidak boleh dikeluarkan kerana pengeluaran Sijil Perakuan Siap Membaiki Kecacatan belum diperakukan disebabkan kegagalan Kontraktor menjalankan kerja-kerja pembaikan. Bahagian Pembangunan KPM telah membuat penilaian kecacatan yang gagal dilaksanakan oleh Kontraktor dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan. Perakuan Muktamad akan disediakan setelah Sijil Perakuan Siap Membaiki Kecacatan dikeluarkan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
14.5.2.2	**Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan [*Certificate Compliance and Completion* (CCC)] Belum Diperolehi** Akta 133 (Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974) menyatakan CCC hanya boleh dikeluarkan oleh *Principal Submitting Person* (PSP) selepas memperoleh semua pensijilan oleh pihak masing-masing (Profesional, Kontraktor dan Pedagang Berlesen) berdasarkan Borang-borang G yang ditetapkan di bawah *Matrix of Responsibility and Clearances* daripada Tenaga Nasional Berhad, Syarikat Air, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan (jika berkenaan) dan pihak-pihak berkuasa lain/kerja-kerja awam di jalan dan saliran. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Mac 2014, CCC bagi IAB Bandar Enstek masih belum diperoleh walaupun Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan pada 11 September 2012. Pada pendapat Audit, penyediaan CCC adalah kurang memuaskan kerana ia belum dimohon oleh Perunding walaupun Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan pada 11 September 2012. Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 5 Ogos 2014 *Sijil CCC akan dikeluarkan oleh Arkitek setelah mendapat kelulusan penuh dari MPN. Permohonan telah dibuat oleh Perunding pada 15 Mac 2013. Bagaimanapun, Sijil CCC bagi IAB adalah tertakluk kepada surat sokongan daripada Jabatan Bomba Dan Penyelamat dan pengeluaran Sijil CCC bagi keseluruhan infra Kompleks Pendidikan Nilai iaitu Syarikat Air yang masih belum dikeluarkan kerana belum memenuhi keperluan pre-compliance plan (pelan induk). Kementerian sedang berusaha untuk memperoleh Sijil CCC.* *Pihak Kementerian telah mengeluarkan surat amaran dan tunjuk sebab pada 23 Jun 2014 kepada pihak Perunding berhubung dengan ketidakpatuhan kepada keperluan mengeluarkan CCC walaupun Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan pada 11 September 2012. Mengikut semakan Kementerian, pihak Perunding dalam proses untuk melengkapkan semua Borang G1 hingga G21.*	Kementerian telah mengadakan semakan bersama Jabatan Bomba pada 23 September 2014. Kesemua keperluan seperti yang dikehendaki Jabatan berkenaan telah dikenalpasti dan Kementerian telah mengemukakan lukisan terbaru pada 25 September 2014 untuk semua keperluan yang dikehendaki oleh Bomba bagi tujuan kelulusan mendapatkan CCC.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
14.5.3.1	**Perjawatan IAB Bandar Enstek** Bilangan perjawatan perlu mencukupi bagi memastikan IAB Bandar Enstek dapat berfungsi dengan baik. Pihak IAB Genting Highlands pada 21 Jun 2012 telah mengemukakan permohonan atau cadangan pemindahan jawatan sedia ada di IAB Genting Highlands dan IAB Cawangan ke IAB Bandar Enstek. Bagaimanapun, permohonan tersebut hanya dibuat 3 bulan sebelum Bangunan IAB Bandar Enstek disiapkan. Selain itu, kelewatan pihak Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) Kementerian membuat keputusan menyebabkan cadangan perpindahan perjawatan tersebut hanya diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 26 November 2013 iaitu 1 tahun 5 bulan selepas permohonan perjawatan oleh IAB Genting Highlands dibuat dan 1 tahun selepas Bangunan IAB Bandar Enstek siap. Pada pendapat Audit, permohonan perjawatan sepatutnya dibuat dengan segera agar pengisian perjawatan dapat dibuat sejurus bangunan disiapkan. Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 5 Ogos 2014 *Kementerian mengakui permohonan perjawatan sepatutnya dimulakan pada 17 April 2009 (tarikh pelantikan Kontraktor). Bagaimanapun, permohonan jawatan baru bagi IAB Bandar Enstek telah dimajukan pada tahun 2010 kepada BPSM tetapi telah dinasihatkan supaya menggunakan perjawatan sedia ada dan pindah butiran. IAB telah mengorak langkah untuk menstrukturkan semula perjawatan dari segi pindah butir dan trade-off.* *Pada 1 Jun 2011 JPA telah mengeluarkan surat edaran berhubung pembekuan semua jawatan. IAB telah mula mendapatkan khidmat nasihat dari BPSM dan JPA berkaitan pengagihan perjawatan di IAB Induk Bandar Enstek dan cawangan-cawangan yang baru diwujudkan. Hasil dari khidmat nasihat tersebut IAB telah berjaya mendapat waran perjawatan pada 26 November 2013. Perjawatan ini telah mengambil kira IAB Bandar Enstek sebagai induk.*	Kementerian mengakui permohonan perjawatan sepatutnya dimulakan pada 17 April 2009 (tarikh pelantikan Kontraktor). Bagaimanapun, permohonan jawatan baru bagi IAB Bandar Enstek telah dimajukan pada tahun 2010 kepada BPSM, KPM tetapi telah dinasihatkan supaya menggunakan perjawatan sedia ada dan pindah butiran. Pada 1 Jun 2011 JPA telah mengeluarkan surat edaran berhubung pembekuan semua jawatan. IAB mendapatkan khidmat nasihat dari BPSM dan JPA berkaitan pengagihan perjawatan di IAB Induk Bandar Enstek dan cawangan-cawangan yang baru diwujudkan. Sehubungan itu IAB telah menstrukturkan semula perjawatan dari segi pindah butir dan trade-off dan kertas tersebut akhirnya diterima untuk dibincang oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam. Hasil dari khidmat nasihat Jabatan Perkhidmatan Awam tersebut IAB telah berjaya mendapat waran perjawatan pada 26 November 2013. Perjawatan ini telah mengambil kira IAB Bandar Enstek sebagai induk dan 4 cawangan.
14.5.3.2.b	**Perolehan Aset** BPPA telah melaksanakan 4 tender bagi perolehan perabot berasaskan kayu, perabot berasaskan logam, perabot berasaskan kain dan peralatan ICT. Manakala IAB Genting Highlands telah melaksanakan 6 sebut harga bagi pembekalan peralatan elektrik, tilam/bantal, langsir/bidai, *vertical blind*, sarung	Tarikh waran peruntukan dari Bahagian Pembangunan KPM ialah pada 13 April 2012. Surat pelantikan jawatankuasa penyediaan spesifikasi perabot dikeluarkan pada 21 Jun 2012 adalah bersesuaian berdasarkan proses perolehan kerana Bangunan IAB Bandar Enstek hanya diserahkan pada

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	bantal/cadar/selimut/tuala/alas kaki/sejadah/telekung dan papan tanda. IAB Genting Highlands telah menerima waran peruntukan berjumlah RM9.34 juta pada tahun 2012 dan RM7.11 juta pada tahun 2013 bagi perolehan kelengkapan, perabot dan peralatan ICT. Selanjutnya lawatan susulan Audit pada 4 Mac 2014 mendapati pembekalan peralatan ICT berjumlah RM1.33 juta sepatutnya dibekalkan oleh Syarikat Ace Identity Sdn. Bhd. dalam tempoh 30 hari bekerja iaitu di antara 6 Disember 2013 hingga 24 Januari 2014 masih belum disempurnakan sepenuhnya. Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 5 Ogos 2014 *Tarikh waran peruntukan dari Bahagian Pembangunan KPM ialah pada 13 April 2012. Surat pelantikan jawatankuasa penyediaan spesifikasi perabot dikeluarkan pada 21 Jun 2012 adalah wajar kerana Bangunan IAB Bandar Enstek hanya diserahkan pada 14 Disember 2012 (CPC pada 10 September 2012).* *Kelewatan memproses tender adalah berpunca daripada kelewatan Bahagian Pembangunan menyerahkan bangunan kepada pengurusan IAB dan kelewatan BPPA meluluskan spesifikasi perabot yang dihantar oleh IAB.*	14 Disember 2012 (CPC pada 10 September 2012). Kerja-kerja penyediaan spesifikasi yang bersesuaian telah dijalankan oleh Jawatankuasa yang dilantik.
14.5.3.2.c	Berdasarkan kontrak pembekalan, penghantaran, pemasangan, pengkonfigurasian, pengujian dan pentauliahan peralatan ICT hendaklah disempurnakan dalam tempoh 30 hari bekerja daripada tarikh Pesanan Tempatan dikeluarkan. Sekiranya bekalan lewat diserahkan, Kementerian boleh menolak barang-barang itu atau menamatkan kontrak dan merampas Bon Pelaksanaan atau membuat perolehan daripada sumber-sumber lain atau mengenakan denda lewat bekal. Berdasarkan Pesanan Tempatan, Syarikat Ace Identity Sdn. Bhd. sepatutnya membekalkan peralatan ICT bernilai RM1.33 juta selewat-lewatnya pada 24 Januari 2014. Sehingga tarikh lawatan Audit pada 4 Mac 2014, didapati hanya 135 buah pencetak dan 13 buah mesin pengimbas telah dibekalkan dengan kelewatan selama 10 hari manakala 509 komputer dan komputer riba serta 521 unit perisian *Microsoft Office* masih belum dibekalkan dengan kelewatan selama 25 hari.	IAB Genting Highlands telah mengeluarkan Pesanan Tempatan pada 6 Disember 2013 untuk pemesanan peralatan ICT IAB Bandar Enstek kepada Syarikat Ace Identity Sdn. Bhd. Kelewatan pihak pembekal, Syarikat Ace Identity Sdn. Bhd adalah disebabkan oleh pihak syarikat terpaksa mendapatkan kelulusan pertukaran model peralatan jenama LENOVO daripada pihak BPPA dan pelanjutan tempoh pembekalan juga telah dikemukakan oleh pihak syarikat. Pihak LENOVO telah memohon kelulusan daripada BPPA melalui surat bertarikh 24 Februari 2014 dan hanya dipersetujui oleh BPPA melalui surat bertarikh 28 April 2014. IAB Bandar Enstek telah mula menerima sebahagian daripada peralatan ICT pada 10 Februari 2014. Syarikat Ace Identity telah menyempurnakan penghantaran pada 17 April 2014. IAB telah memaklumkan perkara ini kepada BPPA melalui surat bertarikh 11 Julai 2014. Sehubungan dengan itu, anggaran denda kelewatan yang perlu dikenakan adalah berjumlah RM281,272.00.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
14.5.3.2.d	Semakan lanjut mendapati Syarikat Ace Identity Sdn. Bhd. pada 25 Oktober 2012 telah memaklumkan kepada BPPA bahawa terdapat masalah untuk memperoleh bekalan barangan jenama Lenovo seperti yang dipersetujui di dalam Kontrak Perjanjian. BPPA pada 6 November 2013 telah bersetuju agar pembekalan model lain juga dibenarkan. Bagaimanapun, Syarikat Ace Identity Sdn. Bhd. pada 25 Februari 2014 telah memohon pelanjutan tempoh pembekalannya. Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 5 Ogos 2014 *IAB Genting Highlands telah mengeluarkan Pesanan Tempatan pada 6 Disember 2013 untuk pemesanan peralatan ICT IAB Bandar Enstek kepada Syarikat Ace Identity Sdn. Bhd.* *Kelewatan pihak pembekal, Syarikat Ace Identity Sdn. Bhd adalah disebabkan oleh pihak syarikat terpaksa mendapatkan kelulusan pertukaran model peralatan jenama LENOVO daripada pihak BPPA dan pelanjutan tempoh pembekalan juga telah dikemukakan oleh pihak syarikat. Pihak LENOVO telah memohon kelulusan daripada BPPA melalui surat bertarikh 24 Februari 2014 dan hanya dipersetujui oleh BPPA melalui surat bertarikh 28 April 2014.* *IAB Bandar Enstek telah mula menerima sebahagian daripada peralatan ICT pada 10 Februari 2014. Syarikat Ace Identity telah menyempurnakan penghantaran pada 17 April 2014. IAB telah memaklumkan perkara ini kepada BPPA melalui surat bertarikh 11 Julai 2014. Sehubungan dengan itu, anggaran denda kelewatan yang perlu dikenakan adalah berjumlah RM281,272.*	
14.5.3.3.a	**Bilik Penginapan Peserta Kursus Diubahsuai Menjadi Pejabat** IAB Bandar Enstek telah mengubahsuai 7 bilik penginapan di Blok G menjadi ruang menunggu, bilik rehat warden, bilik rawatan, stor dobi, pejabat unit domestik dan pejabat pegawai domestik manakala 6 bilik penginapan di Blok A, B, C, D, E dan F telah diubahsuai menjadi stor penyimpanan bekalan dan peralatan pembersihan. Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 5 Ogos 2014	Peralatan-peralatan tersebut akan dijadikan sebagai gantian jika sekiranya peralatan sedia ada rosak dan juga akan digunakan di kampus IAB cawangan yang memerlukan. Selain itu, peralatan ini juga digunakan secara mudah alih apabila IAB mengendalikan seminar-seminar dan pameran di dalam dan di luar pusat latihan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Tujuh bilik penginapan di Blok Penginapan G dan 6 bilik penginapan di Blok A, B, C, D, E dan F telah diubahsuai bagi memenuhi keperluan semasa. Keperluan bilik-bagi staf unit domestik disediakan oleh Perunding adalah dengan kadar yang minimum kerana kekangan peruntukan. Oleh itu, pengubahsuaian bilik penginapan untuk dijadikan pejabat domestik adalah amat diperlukan.	
14.5.3.3.b	Pihak IAB Bandar Enstek terpaksa mengubahsuai bilik-bilik tersebut bagi operasi dan pentadbiran bilik penginapan menyebabkan perabot bernilai RM36,553 tidak digunakan/ditanggalkan dan ini merugikan Kerajaan. Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 5 Ogos 2014 *Peralatan-peralatan tersebut akan dijadikan sebagai gantian jika sekiranya peralatan sedia ada rosak. Selain itu, peralatan ini juga digunakan secara mudah alih apabila IAB mengendalikan seminar-seminar dan pameran di dalam dan di luar pusat latihan.*	
14.5.3.4.a	**Integrasi Di Antara Telefon Analog Dan Digital** Di antara skop kerja bangunan ialah kerja-kerja ICT yang terdiri daripada *Basic Network Infrastructure, Data Structured Cabling* dan *Voice Over Internet Phone* (VOIP) di blok pentadbiran dan penginapan. Ini termasuk kerja pemasangan 237 talian telefon jenis digital di blok pentadbiran dan 315 unit talian telefon jenis analog di blok penginapan.	Bagi integrasi sistem telefon (*hybrid*) analog dan digital, kementerian telah menyediakan peruntukan sebanyak RM300,000 melalui waran peruntukan yang diturunkan kepada IAB pada 17 September 2014 yang lalu. Proses penyediaan spesifikasi dan sebut harga dijangka selesai 30 November 2014.
14.5.3.4.b	Lawatan Audit mendapati pemasangan telefon jenis digital telah dilakukan di blok pentadbiran manakala bagi blok penginapan talian telefon jenis analog belum dapat digunakan kerana permohonan pemasangan dan penyambungan talian dengan pihak Telekom Malaysia (TM) belum dibuat lagi. Semakan lanjut terhadap Minit Mesyuarat Kecacatan Bangunan mendapati dua jenis sistem yang berbeza akan menyebabkan pertambahan kos utiliti telefon kepada pihak IAB Bandar Enstek dan disyorkan supaya kedua-dua sistem tersebut diintegrasikan kepada satu sistem telefon sahaja. Kos untuk mengubahsuai sistem telefon tersebut dianggarkan bernilai RM200,000. Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 5 Ogos 2014	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Kementerian telah mengarahkan Perunding untuk mengenal pasti punca dapatan audit ini dan menyediakan cadangan penyelesaian isu ini. Setelah disemak dengan pihak TM, didapati panggilan tempatan dikenakan RM0.08 bagi 2 minit yang pertama dan RM0.04 bagi setiap minit selepas 2 minit yang pertama. *Sewa bulanan dikenakan sejumlah RM20 bagi organisasi kurang daripada 500 talian dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM125,700.* *Perunding telah mencadangkan untuk memasang integrasi telefon IP dan analog dengan anggaran kos sejumlah RM200,000. Setelah pemasangan ini siap, kos panggilan tempatan tidak perlu dibayar kepada TM mengikut jumlah panggilan. Hanya perlu membuat pembayaran sewaan seperti mana sekarang.* Pada pendapat Audit, proses perolehan aset adalah terlalu lewat kerana hanya disempurnakan 15 bulan selepas Bangunan IAB Bandar Enstek disiapkan. Tindakan lebih tegas perlu diambil kepada syarikat yang lewat membekalkan peralatan ICT seperti mengenakan denda lewat kerana ia telah menjejaskan perancangan operasi IAB Bandar Enstek. Selain itu, bagi peralatan yang telah ditanggalkan daripada bilik penginapan, ia perlu diagihkan ke tempat lain sekiranya tidak diperlukan. Pemasangan segera talian telefon perlu dibuat dan tindakan sewajarnya diambil bagi memastikan kos utiliti adalah munasabah dan tidak membebankan.	
14.5.4.1.a	**Reka Bentuk Tidak Sesuai/Tidak Praktikal - Laluan Sambungan Pejalan Kaki Tidak Disediakan** Lawatan fizikal Audit ke persekitaran kampus IAB Bandar Enstek mendapati tiada laluan bagi pejalan kaki disediakan dari blok pentadbiran ke tempat letak kereta, dari blok pentadbiran ke blok penginapan, dari blok penginapan ke dewan makan dan dari tempat letak kereta ke blok penginapan. Ketiadaan laluan bagi pejalan kaki telah menyukarkan peserta kursus dan pegawai IAB Bandar Enstek kerana terpaksa merentasi rumput, tanah dan longkang. Pada masa lawatan Audit, didapati air bertakung akibat hujan dan keadaan ini boleh membahayakan keselamatan pengguna. Bagi laluan ke blok pentadbiran atau blok pentadbiran ke dewan makan/blok penginapan, peserta kursus terpaksa menggunakan laluan kenderaan kerana tiada kemudahan laluan pejalan kaki disediakan. Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada	Kementerian telahpun mengambil tindakan ke atas perkara ini. Laluan sambungan pejalan kaki sedang dibina di tempat-tempat yang telah dikenalpasti dan dijangka siap pada 30 November 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	5 Ogos 2014 *Kementerian bersetuju terdapat kekurangan dalam reka bentuk keperluan pejalan kaki dan pihak Perunding diarah untuk menyediakan reka bentuk laluan pejalan kaki untuk memenuhi keperluan dan fungsi circulation serta mengkaji semula reka bentuk yang sesuai dan dilaksanakan secepat mungkin.* *Penjimatan kos external works, seperti juga arahan Unit Perancangan Ekonomi supaya ruang pejalan kaki yang berbumbung dan penutup longkang dikeluarkan daripada skop kontrak selaras dengan penjimatan kos external works.*	
14.5.4.1.b	**Ketinggian Dinding Dan Reka Bentuk Tembok Kurang Sesuai** Semakan Audit mendapati, tembok dinding (parapet wall) di *roof terrace* dan aras dua blok pentadbiran adalah kurang sesuai dan boleh membahayakan keselamatan. Bahagian atas *roof terrace* blok ini tiada halangan di antara dinding dan tembok iaitu selebar 1.38 meter dan ketinggian tembok hanya setinggi 0.74 meter. Manakala tembok di aras dua adalah terlalu rendah iaitu hanya setinggi 0.49 meter sahaja. Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 5 Ogos 2014 *Kementerian bersetuju terdapat kekurangan dalam reka bentuk tembok dinding di roof terrace dan pihak Perunding diarah mengkaji semula reka bentuk dan mengemukakan cadangan bagi memenuhi aspek keselamatan dan fungsi roof terrace.* *Bagi railing tidak dipasang, kesemua elemen tersebut adalah di bawah provisional sum dan tidak mengikut arahan arkitek. Kementerian juga bersetuju terdapat kekurangan dalam reka bentuk tembok dinding di sebelah auditorium dan Perunding diarah mengkaji semula reka bentuk dan mengemukakan cadangan bagi memenuhi aspek keselamatan dan fungsi ruang legar auditorium.*	Kementerian telahpun mengambil tindakan ke atas perkara ini. Bagi tempat-tempat yang dikenalpasti mempunyai ketinggian tembok yang kurang sesuai, pemasangan *railing* di tempat-tempat berkenaan telah selesai dilakukan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
14.5.4.2.1	**Kerja-kerja Tidak Sempurna** Syarat kontrak antaranya menetapkan bahawa pemantauan dan penyeliaan terhadap pelaksanaan projek termasuk aspek kualiti kerja adalah merupakan tanggungjawab Perunding yang telah dilantik. Lawatan Audit pada bulan Disember 2013 dan Mac 2014 mendapati sebahagian kerja yang telah dimasukkan dalam senarai kecacatan masih belum dibaiki atau telah rosak semula. Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 5 Ogos 2014 *Kementerian menyedari dan mengambil maklum akan kerja-kerja yang tidak disempurnakan walaupun dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan. Kontraktor telah diberi pelanjutan masa bagi menyiapkan baki kerja-kerja kecacatan sehingga 27 Januari 2014. Bagaimanapun, Bahagian Pembangunan Kementerian telah memutuskan agar kesemua baki kerja-kerja kecacatan yang tidak dapat disiapkan oleh Kontraktor akan diselesaikan oleh pihak ketiga.*	Kementerian telah memutuskan untuk melantik pihak ketiga bagi membaiki kerja-kerja yang tidak sempurna dan ianya dijangka selesai pada 31 Disember 2014.
14.5.4.2.2.a	**Pemasangan *Data Point* Yang Tidak Sempurna** Di antara skop kerja bangunan ialah kerja-kerja ICT yang terdiri daripada *Basic Network Infrastructure, Data Structured Cabling* dan *Voice Over Internet Phone* (VOIP) yang telah diluluskan di bawah Wang Peruntukan Sementara (WPS) berjumlah RM2.21 juta di Blok Pentadbiran Dan Penginapan. Kerja-kerja ICT ini antara lain akan berfungsi sebagai rangkaian internet, telefon berasaskan VOIP, *closed-circuit television* (CCTV) dan akses keselamatan.	Kementerian telah memutuskan untuk melantik pihak ketiga bagi membaiki kerja-kerja yang tidak sempurna dan ianya dijangka selesai pada 31 Disember 2014.
14.5.4.2.2.b	Lawatan Audit pada 4 Mac 2014 mendapati 103 daripada 440 *data point*s yang telah dipasang melalui *floor encasement* tidak dapat disempurnakan di Makmal Komputer 1, 2, 3 dan ruang kerja Aras G blok pentadbiran kerana meja yang diperoleh bersaiz 800mm x 1500mm adalah terlalu besar untuk disesuaikan dengan cadangan susunan mengikut pelan asal. Oleh itu, meja komputer yang sepatutnya berada berdekatan dengan *data points* tersebut terpaksa disusun mengikut kesesuaian saiz meja dan memerlukan pengubahsuaian bagi tujuan penyambungan ke komputer (*termination).* Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 5 Ogos 2014	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pemasangan data points yang tidak sempurna ini termasuk dalam senarai kecacatan yang tidak disiapkan oleh Kontraktor dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan. Semakan oleh Bahagian Pembangunan mendapati 103 data points telah sedia ada di dalam lantai dan pihak Kontraktor telah memberi komitmen untuk membuat termination data points hingga ke meja. Bagaimanapun, disebabkan perubahan susunan dan saiz meja, wayar tidak dapat disambungkan ke meja.	
14.5.4.2.3.a	**Kabel *Fibre Optic* Tidak Dipasang Dengan Sempurna** Berdasarkan Laporan Kerosakan dan Kecacatan Bangunan Pentadbiran Dan Asrama, pada awalnya kemudahan ICT berfungsi dengan baik di mana capaian internet boleh diakses dengan sempurna dengan kelajuan yang maksimum. Pemantauan dari semasa ke semasa oleh pihak IAB Bandar Enstek mendapati berlaku gangguan operasi rangkaian dan capaian internet. Pemeriksaan oleh Perunding Mekanikal & Elektrikal pada 17 Oktober 2013 di 642 lokasi di blok pentadbiran dan penginapan, mendapati 34 *Local Area Network* (LAN), 317 *wifi* dan satu *port internet* tiada capaian. Berdasarkan laporan oleh pihak Perunding, keadaan ini berpunca daripada cara pemasangan kabel *fibre optic* (gentian kaca) yang kurang sempurna.	Kementerian telah memutuskan untuk melantik pihak ketiga bagi membaiki kerja-kerja yang tidak sempurna dan ianya dijangka selesai pada 31 Disember 2014.
14.5.4.2.3.b	Semakan selanjutnya mendapati kabel telah disediakan melalui sistem *cable tray* terbuka dan tidak dilindungi mengikut piawaian para 050204 (Keselamatan Pengkabelan), Dasar Dan Garis Panduan Keselamatan ICT, Jabatan Kerja Raya (JKR) di mana semua kabel perlu dilabelkan dengan jelas dan mestilah melalui *trunking* bagi memastikan keselamatan kabel daripada kerosakan dan pintasan maklumat. Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 5 Ogos 2014 *Semakan Bahagian Pembangunan KPM mendapati, sistem ICT telah berfungsi dengan sempurna semasa sesi testing and commissioning dijalankan bagi membolehkan Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kerosakan ini didapati berlaku semasa dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan.* *Kementerian telah mengarahkan Perunding untuk menyediakan justifikasi dan cadangan penambahbaikan kabel fibre optic yang tidak dipasang dengan kemas dan ditutup.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
14.5.4.2.4	**Pendawaian Elektrik Tidak Sempurna** Lawatan Audit pada 18 Disember 2013 dan 4 Mac 2014 mendapati terdapat masalah bekalan/pendawaian elektrik di sekitar bangunan Kampus IAB Bandar Enstek.	Bagi mengatasi masalah ini, IAB telah merujuk perkara ini kepada pihak JKR (Elektrik) Negeri Sembilan untuk diteliti dan ia masih dikaji secara menyeluruh. Sekiranya masalah yang berlaku berpunca daripada kerja-kerja kontraktor yang tidak sempurna, kementerian akan membuat pemotongan Wang Jaminan Pelaksanaan kepada pihak kontraktor.
14.5.4.2.5	***Chiller* Alat Penghawa Dingin Rosak** Lawatan Audit pada 18 Disember 2013 mendapati dua daripada tiga *chiller* tidak berfungsi. Lawatan susulan Audit pada 4 Mac 2014 mendapati kesemua tiga *chiller* tersebut tidak berfungsi dan pada waktu itu 3 kursus sedang berjalan. Kerosakan ini telah menjejaskan perjalanan kursus tersebut kerana peserta kurang selesa tanpa alat penghawa dingin. Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 5 Ogos 2014 *Kerosakan pada chiller berlaku selepas Tempoh Tanggungan Kecacatan tamat kerana tiada penyenggaraan yang sempurna. Penyenggaraan secara berkala akan dilakukan bagi mengelakkan masalah ini berulang.* Pada pendapat Audit, semua kerja yang tidak berkualiti hendaklah dibaiki segera. Kementerian perlu memastikan Sijil Siap Membaiki Kecacatan tidak dikeluarkan sebelum kerja berkaitan disempurnakan. Semakan menyeluruh juga perlu dilakukan terhadap gangguan bekalan elektrik yang sering berlaku kerana dalam jangka masa yang panjang, ia akan mengakibatkan kerosakan yang lebih serius seperti kerosakan *chiller* yang akan menjejaskan operasi IAB Bandar Enstek.	Bahagian Pembangunan Pelajaran telah menyediakan peruntukan sebanyak RM30,000 kepada IAB bagi menyelesaikan masalah *aircond* dan *chiller*. IAB juga telah memanjangkan perkara ini kepada JKR Negeri Sembilan untuk diteliti dan dibuat pemeriksaan secara menyeluruh. Kesemua kos akan ditanggung oleh pihak kontraktor melalui pemotongan Wang Jaminan Pelaksanaan. Sijil Siap Membaiki Kecacatan juga ditangguhkan sehingga perkara ini selesai. Laporan pemeriksaan *aircond* dan *chiller* oleh JKR (M&E) Seremban akan dikeluarkan kepada pihak Kementerian dan pembaikan akan dijalankan segera dan dijangkakan akan siap pada 15 Disember 2014.
14.5.5.a	**Pemantauan Projek** Pemantauan projek pembinaan IAB Bandar Enstek dibuat melalui 5 jenis mesyuarat sebanyak 148 kali di antara tempoh tahun 2007 hingga 2013 serta dihadiri oleh wakil Bahagian Pembangunan KPM, Kontraktor, Perunding dan wakil IAB. Laporan kemajuan kerja telah disediakan oleh Perunding pada setiap bulan dan dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan KPM serta dibincangkan di mesyuarat yang berkaitan.	Kementerian bersetuju dengan syor audit tersebut dan sentiasa memberikan perhatian terhadap masalah-masalah yang dihadapi terutamanya yang menyebabkan kerosakan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan tidak dibaiki dalam tempoh yang sepatutnya, reka bentuk tidak praktikal dan kerja yang tidak sempurna dan sentiasa berusaha agar masalah yang sama tidak berulang bagi projek yang lain.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
14.5.5.b	Sungguhpun mekanisme pemantauan telah diwujudkan, didapati kelemahan berhubung projek pembinaan IAB Bandar Enstek masih berlaku lagi seperti kerosakan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan tidak dibaiki dalam tempoh yang sepatutnya, reka bentuk tidak praktikal dan kerja yang tidak sempurna. Pada pendapat Audit, walaupun mesyuarat tapak telah diadakan tetapi koordinasi di antara pihak yang terlibat adalah kurang berkesan dan perlu dipertingkatkan lagi pada masa akan datang. Tindakan hendaklah diambil terhadap Perunding dan Kontraktor bagi memastikan Kerajaan mendapat *best value for money* projek tersebut.	

LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2013

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perenggan 15 : Pengurusan Projek Pembinaan Sekolah Sukan Malaysia Dan Kemudahan Lain Yang Berkaitan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.1.1	**Pencapaian Perbelanjaan** Jumlah kos yang diperuntukkan bagi projek pembangunan SSM dan kemudahan lain yang berkaitan bagi projek pembinaan SSM Pahang dan SSM Sabah setelah mengambil kira pelarasan harga adalah berjumlah RM224.53 juta. Manakala jumlah perbelanjaan setakat 31 Disember 2013 adalah berjumlah RM197.77 juta (88.08%). Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 5 Ogos 2014 *Berdasarkan kepada prestasi perbelanjaan sehingga 31 Disember 2013, KPM telah membelanjakan sejumlah RM101.43 juta (88.36%) bagi SSM Pahang manakala sejumlah RM96.34 juta (87.78%) bagi SSM Sabah. Bagi kedua-dua projek ini, tanggungan perbelanjaan sejumlah RM13.36 juta (11.64%) bagi SSM Pahang dan RM13.4 juta (12.22%) bagi SSM Sabah masih belum dibelanjakan adalah disebabkan oleh pihak perunding dan kontraktor masih dalam proses mengemukakan tuntutan.*	Berdasarkan kepada prestasi perbelanjaan sehingga 31 Disember 2013, KPM telah membelanjakan sejumlah RM101.43 juta (88.36%) bagi SSM Pahang manakala sejumlah RM96.34 juta (87.78%) bagi SSM Sabah. Bagi kedua-dua projek ini, tanggungan perbelanjaan sejumlah RM13.36 juta (11.64%) bagi SSM Pahang dan RM13.4 juta (12.22%) bagi SSM Sabah masih belum dibelanjakan adalah disebabkan oleh pihak perunding dan kontraktor masih dalam proses mengemukakan tuntutan dan untuk penutupan Akaun Muktamad.
15.5.1.2.a	**Pencapaian Fizikal Projek** Berdasarkan kontrak, tarikh penyiapan bagi dua projek pembinaan SSM yang dipilih adalah antara 12 hingga 24 bulan. Semakan Audit mendapati kedua-dua projek itu telah dilaksanakan dengan lanjutan masa antara 602 hingga 612 hari.	Bahagian Pembangunan Pelajaran menyedari bahawa pemberian EOT kepada Kontraktor projek SSM Pahang dan Sabah antaranya adalah disebabkan oleh kelewatan KPM untuk memberikan maklum balas dan arahan kepada kontraktor untuk melaksanakan kerja. Bahagian Pembangunan Pelajaran sentiasa memberikan perhatian terhadap masalah-masalah yang dihadapi terutamanya yang menyebabkan permohonan EOT dan sentiasa berusaha supaya masalah yang sama tidak berulang pada projek yang lain.
15.5.1.2.b	Semakan Audit mendapati, sepanjang tempoh projek dilaksanakan sebanyak 5 EOT selama 602 hari bagi SSM Pahang dan 4 EOT selama 612 hari bagi SSM Sabah telah diluluskan oleh KPM. Namun begitu, Kontraktor bagi projek SSM Sabah telah berjaya menyiapkan projek berkenaan selama 29 hari lebih awal daripada tarikh siap sepatutnya yang telah diluluskan melalui EOT yang ketiga. Antara faktor yang menyumbang kepada kelewatan penyiapan kerja adalah disebabkan kerja-kerja di luar jangkaan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.1.2.c	Semakan lanjut terhadap permohonan dan kelulusan EOT SSM Sabah mendapati pemberian EOT antaranya berpunca daripada kelewatan KPM untuk memberikan maklum balas dan arahan kepada Kontraktor untuk melaksanakan kerja. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 5 Ogos 2014 • *Bahagian Pembangunan Pelajaran sememangnya teliti dalam mempertimbang dan meluluskan setiap permohonan Lanjutan Masa (EOT). Bagi setiap permohonan EOT yang dikemukakan, KPM perlu meneliti semua dokumen sokongan yang disertakan. Oleh itu, sekiranya dokumen sokongan tidak lengkap, permohonan tersebut ditangguhkan sehingga dokumen tambahan dikemukakan. Ini adalah bagi memastikan setiap EOT yang diluluskan adalah adil kepada kontraktor dan tidak menyebabkan kerugian kepada Kerajaan. Selain itu, permohonan EOT juga perlu melalui dua peringkat jawatankuasa. Permohonan yang lengkap akan dibawa ke Jawatankuasa Pra-EOT terlebih dahulu yang mana pihak kontraktor dan perunding perlu menerangkan justifikasi bagi setiap permohonan berserta dengan semua sokongan yang berkaitan. Jawatankuasa ini seterusnya akan membuat pengesyoran kepada Jawatankuasa EOT yang dipengerusikan oleh Pegawai Penguasa.* • *Bagi tujuan penambahbaikan, Bahagian Pembangunan Pelajaran telah menyediakan satu Manual Prosedur Kerja Standard (penambahbaikan) pada 8 April 2014 untuk dipatuhi dalam semua peringkat bermula daripada proses permohonan oleh kontraktor sehingga Sijil Kelulusan EOT dikeluarkan untuk dipatuhi oleh semua pihak. Perincian bagi setiap permohonan EOT bagi kedua-dua buah sekolah tersebut adalah seperti berikut:-* *<u>SSM Pahang</u>* • *Permohonan EOT diluluskan bagi kerja-kerja ujian tanah, kerja-kerja membongkar, memotong dan menambak tanah untuk kawasan yang lebih luas dari anggaran asal. Walaupun Soil Investigation (SI) telah dilaksanakan pada peringkat awal, namun setelah kerja-kerja dijalankan, didapati terdapat keperluan untuk menggantikan tanah sedia ada dengan tanah yang lain. Sehubungan itu, ujian tanah yang lain diperlukan untuk menentukan kuantiti tanah yang perlu dibongkar, diganti dan ditambak.*	Bahagian Pembangunan Pelajaran telah mengambil tindakan untuk menambahbaik proses kerja bagi mempercepatkan kelulusan dan penyampaian perkhidmatan terutamanya yang melibatkan Arahan Perubahan Kerja (APK) dan EOT. Tindakan penambahbaikan bagi APK adalah seperti berikut:- i. Bagi mempercepatkan kelulusan, Jawatankuasa APK/KPK/KKS/WPS/PHK telah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setiap dua minggu. Ini bagi memastikan kelulusan dapat diberikan dalam tempoh kontrak dan kelulusan-kelulusan yang tertangguh bagi projek RMK-9 diberikan keutamaan. ii. Bahagian Pembangunan Pelajaran telah menyediakan satu Manual Prosedur Kerja Standard untuk dipatuhi dalam semua peringkat bermula daripada proses permohonan oleh kontraktor sehingga sijil Pelarasan Harga Kontrak (PHK) dikeluarkan untuk dipatuhi oleh semua pihak. iii. Bagi memastikan perkara yang dibangkitkan oleh pihak Audit tidak berulang, Bahagian Pembangunan Pelajaran telah mengeluarkan surat peringatan kepada perunding untuk tidak mengeluarkan arahan bagi melaksanakan kerja sebelum kelulusan diperolehi. iv. Bagi projek yang sedang berjalan, sebarang permohonan APK perlu dikemukakan sebelum CPC dikeluarkan dan sebarang permohonan selepas CPC dikeluarkan tidak akan dipertimbangkan. v. Sebagai langkah penambahbaikan, surat pekeliling mengenai perlaksanaan APK telah dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Pelajaran supaya APK yang diluluskan sahaja boleh dilaksanakan di tapak No. Ruj. KP(BPP)T/78/367 Jilid 8 (12) bertarikh 10 April 2014. Bagi tindakan penambahbaikan untuk permohonan EOT pula, langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:- i. Bagi mempercepatkan kelulusan, semua Pegawai Penguasa dibenarkan untuk mempengerusikan Jawatankuasa EOT berbanding yang dilaksanakan sebelum ini iaitu hanya dipengerusikan oleh KSU sama ada projek besar, sederhana atau kecil.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	• *Bagi permohonan EOT kerja-kerja bangunan, permohonan dibuat adalah disebabkan oleh keperluan kepada syarat-syarat teknikal daripada agensi teknikal dan syarikat utiliti.* *<u>SSM Sabah</u>* • *Permohonan EOT No. 1 bagi projek ini adalah disebabkan terdapat pindaan reka bentuk susulan keadaan tanah yang tidak stabil iaitu terdapat pergerakan tanah secara literal yang kerap pada tebing tasik sehingga menjejaskan sebahagian tebing tasik berkenaan. Pada masa yang sama, tempoh singkat yang telah diberikan kepada perunding-perunding semasa penyediaan dokumen tender telah menyebabkan kajian struktur tanah (SI) tidak dapat dilaksanakan.* • *Bagi permohonan EOT No. 2, kelewatan memberi arahan adalah disebabkan penyediaan dokumentasi yang lengkap untuk diangkat kepada urusetia EOT.* • *Bagi permohonan EOT No. 3, kelewatan memberikan arahan adalah disebabkan kerja-kerja ICT yang pada asalnya terdapat dalam provisional sum telah diserahkan semula kepada Perunding M&E bagi penyediaan rekabentuk dan kerja-kerja pembinaan/pemasangan kepada kontraktor utama.* • *Bahagian Pembangunan Pelajaran mengakui terdapat kelewatan dalam memberikan arahan perubahan kerja bagi projek ini. Sehubungan dengan itu, Bahagian Pembangunan Pelajaran telah menambahbaik proses kerja bagi mempercepatkan kelulusan dan penyampaian perkhidmatan dengan mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja (APK) yang lebih kerap bagi memastikan isu ini tidak berlaku untuk projek-projek yang akan datang.* • *Bermula pada tahun 2012, Bahagian Pembangunan Pelajaran telah mewujudkan satu daftar khusus untuk penerimaan dokumen termasuk dokumen Permohonan APK di Pusat Setempat (One Stop Center) Tingkat 3. Berdasarkan daftar ini dokumen yang diterima boleh dikesan untuk tindakan susulan yang diperlukan. Pendaftaran ini direkodkan secara berkomputer melalui perisian Microsoft Excel.*	ii. Bahagian Pembangunan Pelajaran telah menyediakan satu Manual Prosedur Kerja Standard untuk dipatuhi dalam semua peringkat bermula daripada proses permohonan oleh kontraktor sehingga sijil kelulusan EOT dikeluarkan untuk dipatuhi oleh semua pihak. iii. Bahagian Pembangunan Pelajaran telah membuat ketetapan bahawa semua kontraktor perlu mengemukakan permohonan EOT melalui perunding dalam tempoh tidak melebihi dua (2) bulan dari berlakunya kelewatan tersebut. iv. Sebarang permohonan EOT perlu dipohon sebelum CPC dikeluarkan dan proses kelulusan hendaklah dibuat dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan selepas CPC dikeluarkan. Selain itu, bagi projek-projek baru, Bahagian Pembangunan Pelajaran telah memastikan supaya Laporan *Soil Investigation* (SI) diperolehi terlebih dahulu sebelum reka bentuk projek dimuktamadkan bagi memastikan perkara seperti ini tidak berulang.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 <u>*Penjelasan Auditi*</u> • *Bahagian Pembangunan Pelajaran menyedari bahawa pemberian EOT kepada Kontraktor projek SSM Pahang dan Sabah antaranya adalah disebabkan oleh kelewatan KPM untuk memberikan maklum balas dan arahan kepada kontraktor untuk melaksanakan kerja.* • *Bahagian Pembangunan Pelajaran sentiasa memberikan terhadap masalah-masalah yang dihadapi terutamanya yang menyebabkan permohonan EOT dan sentiasa berusaha supaya masalah yang sama tidak berulang pada projek yang lain.* <u>*Tindakan Penambahbaikan*</u> *Bahagian Pembangunan Pelajaran telah mengambil tindakan untuk menambahbaik proses kerja bagi mempercepatkan kelulusan dan penyampaian perkhidmatan terutamanya yang melibatkan Arahan Perubahan Kerja (APK) dan EOT.* *Tindakan penambahbaikan bagi APK adalah seperti berikut:-* *vi. Bagi mempercepatkan kelulusan, Jawatankuasa APK/KPK/KKS/WPS/PHK telah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setiap dua minggu. Ini bagi memastikan kelulusan dapat diberikan dalam tempoh kontrak dan kelulusan-kelulusan yang tertangguh bagi projek RMK-9 diberikan keutamaan.* *vii. Bahagian Pembangunan Pelajaran telah menyediakan satu Manual Prosedur Kerja Standard untuk dipatuhi dalam semua peringkat bermula daripada proses permohonan oleh kontraktor sehingga sijil Pelarasan Harga Kontrak (PHK) dikeluarkan untuk dipatuhi oleh semua pihak.* *viii. Bagi memastikan perkara yang dibangkitkan oleh pihak Audit tidak berulang, Bahagian Pembangunan Pelajaran telah mengeluarkan surat peringatan kepada perunding untuk tidak mengeluarkan arahan bagi melaksanakan kerja sebelum kelulusan diperolehi.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	ix. Bagi projek yang sedang berjalan, sebarang permohonan APK perlu dikemukakan sebelum CPC dikeluarkan dan sebarang permohonan selepas CPC dikeluarkan tidak akan dipertimbangkan. *x. Sebagai langkah penambahbaikan, surat pekeliling mengenai perlaksanaan APK telah dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Pelajaran supaya APK yang diluluskan sahaja boleh dilaksanakan di tapak No. Ruj. KP(BPP)T/78/367 Jilid 8 (12) bertarikh 10 April 2014.* *Bagi tindakan penambahbaikan untuk permohonan EOT pula, langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:-* *v. Bagi mempercepatkan kelulusan, semua Pegawai Penguasa dibenarkan untuk mempengerusikan Jawatankuasa EOT berbanding yang dilaksanakan sebelum ini iaitu hanya dipengerusikan oleh KSU samada projek besar, sederhana atau kecil.* *vi. Bahagian Pembangunan Pelajaran telah menyediakan satu Manual Prosedur Kerja Standard untuk dipatuhi dalam semua peringkat bermula daripada proses permohonan oleh kontraktor sehingga sijil kelulusan EOT dikeluarkan untuk dipatuhi oleh semua pihak.* *vii. Bahagian Pembangunan Pelajaran telah membuat ketetapan bahawa semua kontraktor perlu mengemukakan permohonan EOT melalui perunding dalam tempoh tidak melebihi dua (2) bulan dari berlakunya kelewatan tersebut.* *viii. Sebarang permohonan EOT perlu dipohon sebelum CPC dikeluarkan dan proses kelulusan hendaklah dibuat dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan selepas CPC dikeluarkan.* *Selain itu, bagi projek-projek baru, Bahagian Pembangunan Pelajaran telah memastikan supaya Laporan Soil Investigation (SI) diperolehi terlebih dahulu sebelum reka bentuk projek dimuktamadkan bagi memastikan perkara seperti ini tidak berulang.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.1.3	**Pencapaian *Outcome*** Kedua-dua sekolah telah beroperasi lebih setahun dan telah mencapai beberapa kejayaan dalam bidang sukan. Antara kejayaan yang telah dicapai oleh SSM Pahang ialah menjadi juara Piala *Asia Football Federation* Bawah 15 Tahun 2013 di Myanmar; Juara Kumpulan Kelayakan Piala *Asia Football Club* (AFC) Bawah 15 Tahun 2013 di Laos; dan Juara Liga Kementerian Pendidikan Malaysia Bawah 14 Tahun 2013 bagi sukan bola sepak. Manakala bagi SSM Sabah pula, salah seorang atlet bagi sukan renangnya telah berjaya merangkul 2 pingat emas (acara 100m dan 200m kuak dada) dan 1 pingat perak (acara 800m) dalam 16th *International Sports School Games* yang diadakan di Thailand pada 25 Ogos 2013. Atlet tersebut juga telah memecahkan rekod kejohanan dalam acara 200m kuak dada. Pada pendapat Audit, pelaksanaan *Soil Investigation* pada peringkat awal yang tidak berkesan di SSM Pahang dan kegagalan penyediaannya di SSM Sabah menyebabkan EOT terpaksa dikeluarkan bagi kerja-kerja tanah. Selain itu, KPM perlu mengenalpasti sebab berlakunya kelewatan dalam penyediaan dokumen dan memberikan arahan memulakan kerja serta mengambil tindakan sewajarnya.	
15.5.2.1	**Kerja/peralatan Yang Dilaksanakan Tidak Mengikut Lukisan Kontrak Yang Ditetapkan** Mengikut syarat kontrak, sebarang perubahan terhadap skop dan spesifikasi kontrak perlu mendapat kelulusan daripada Pegawai Penguasa. Lawatan Audit ke tapak pembinaan mendapati terdapat kerja binaan dan peralatan yang dibekalkan tidak mengikut lukisan kontrak yang ditetapkan. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 5 Ogos 2014 *Bahagian Pembangunan Pelajaran mengambil perhatian terhadap pandangan Audit. Sehubungan itu, Bahagian Pembangunan Pelajaran telah melaksanakan tindakan-tindakan sewajarnya bagi memastikan perkara ini tidak berulang dan penjelasannya seperti berikut:-* *<u>SSM Pahang</u>* • *Tapak Tangki Dan Tangki Bomba* *Bagi blok asrama perempuan, reka bentuk asal telah menetapkan dua (2)*	<u>SSM Pahang</u> • Tapak Tangki Dan Tangki Bomba Berdasarkan pemeriksaan akhir bomba semasa proses *Testing and Commissioning*, pihak bomba berpuashati dan mendapati bahawa satu tangki sahaja telah mencukupi untuk menampung keperluan blok asrama perempuan. Bagi satu (1) lagi tangki yang tidak disediakan oleh pihak kontraktor, pemotongan/pelarasan semula harga kontrak akan dibuat semasa akaun muktamad. • Kipas Dinding Disebabkan keadaan siling yang agak rendah, kipas siling yang sepatutnya dipasang di Blok Akademik A5 terpaksa ditukar kepada kipas dinding. Pelarasan semula harga kontrak akan dibuat semasa Akaun Muktamad. Begitu juga dengan kipas siling yang tidak dipasang di Bilik Persediaan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	tapak tangki dan dua (2) tangki bomba dibina. Dua (2) tapak tangki telah dibina, bagaimanapun, pihak kontraktor hanya membina satu (1) tangki bomba berdasarkan arahan daripada pihak Bomba. • *Kipas Dinding* *Perunding M&E memaklumkan bahawa enam (6) kipas siling yang sepatutnya dipasang di Blok Akademik A5 terpaksa ditukar kepada tujuh (7) kipas dinding disebabkan oleh keadaan siling yang agak rendah. Bagi kipas siling di Bilik Persediaan Mengajar dan Bilik Stor yang belum dipasang pihak kontraktor telah diminta menyelesaikan kerja tersebut sebelum 30 Jun 2014.* Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 *<u>Penjelasan Auditi</u>* *SSM Pahang* • *Tapak Tangki Dan Tangki Bomba* *Berdasarkan pemeriksaan akhir bomba semasa proses Testing and Commissioning, pihak bomba berpuashati dan mendapati bahawa satu tangki sahaja telah mencukupi untuk menampung keperluan blok asrama perempuan. Bagi satu (1) lagi tangki yang tidak disediakan oleh pihak kontraktor, pemotongan/pelarasan semula harga kontrak akan dibuat semasa akaun muktamad.* • *Kipas Dinding* *Disebabkan keadaan siling yang agak rendah, kipas siling yang sepatutnya dipasang di Blok Akademik A5 terpaksa ditukar kepada kipas dinding. Pelarasan semula harga kontrak akan dibuat semasa Akaun Muktamad. Begitu juga dengan kipas siling yang tidak dipasang di Bilik Persediaan Mengajar dan Bilik Stor. Pihak kontraktor tidak dapat menyelesaikan kerja pemasangan kipas tersebut memandangkan kerja tersebut agak rumit kerana perlu memecahkan dinding dan siling, maka pemotongan/pelarasan harga kontrak akan dibuat semasa Akaun Muktamad bagi kipas yang tidak dipasang.*	Mengajar dan Bilik Stor. Pihak kontraktor tidak dapat menyelesaikan kerja pemasangan kipas tersebut memandangkan kerja tersebut agak rumit kerana perlu memecahkan dinding dan siling, maka pemotongan/pelarasan harga kontrak akan dibuat semasa Akaun Muktamad bagi kipas yang tidak dipasang. Bahagian Pembangunan Pelajaran mengakui bahawa terdapat kelemahan pada perunding M&E dalam membuat pengesahan kerja kontraktor. Sehubungan dengan itu, Bahagian Pembangunan Pelajaran mengambil tindakan membuat aduan berhubung perkara ini kepada Lembaga Jurutera Malaysia dan Kementerian Kewangan (MOF) pada 30 September 2014 supaya tindakan sewajarnya diambil.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Tindakan Penambahbaikan *Bahagian Pembangunan Pelajaran mengakui bahawa terdapat kelemahan pada perunding M&E dalam membuat pengesahan kerja kontraktor. Sehubungan dengan itu, Bahagian Pembangunan Pelajaran mengambil tindakan membuat aduan berhubung perkara ini kepada Lembaga Jurutera Malaysia dan Kementerian Kewangan (MOF) supaya tindakan sewajarnya diambil.* Pada pendapat Audit, pelarasan harga perlu dibuat bagi semua kemudahan dan peralatan yang dipasang/dibekalkan yang tidak mengikut lukisan kontrak.	
15.5.2.2	**Reka Bentuk Pembinaan Yang Tidak Praktikal/Tidak Sesuai** Setiap reka bentuk dan binaan hendaklah mengikut keperluan pelanggan, berfungsi dengan baik, selamat, praktikal dan mudah untuk melaksanakan kerja penyenggaraan. Kelemahan reka bentuk juga boleh merencatkan pencapaian atlet untuk membiasakan diri dengan standard sukan bertaraf antarabangsa yang praktikal dan sesuai dengan tujuan pengwujudan SSM. Semakan Audit mendapati beberapa reka bentuk pembinaan yang dilaksanakan adalah tidak praktikal atau tidak sesuai. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 5 Ogos 2014 *Bahagian Pembangunan Pelajaran mengambil perhatian terhadap pandangan Audit. Sehubungan dengan itu, Bahagian Pembangunan Pelajaran telah mengambil tindakan proaktif bagi memastikan perkara ini tidak berulang dan penjelasan seperti berikut:-* *SSM Pahang:-* • *Siling Gantung* *Perunding Arkitek memaklumkan bahawa pemasangan siling gantung di Blok Akademik dan Blok Asrama Pelajar adalah merupakan kaedah standard yang digunakan dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan, Unit Perancang Ekonomi (EPU) Tahun 2008. Walau bagaimanapun, disebabkan sekolah ini terletak di kawasan laluan angin dan taburan hujan yang luar biasa, sebahagian siling yang dipasang tercabut apabila hujan lebat dan angin kencang. Pihak kontraktor telah melakukan pembaikan pada siling-siling yang tercabut semasa dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP). Perunding Arkitek mencadangkan agar sistem kemasan siling ditambahbaik*	Pemasangan siling gantung dan pintu *plywood/flushdoor* adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan, Unit Perancang Ekonomi (EPU) Tahun 2008. Walau bagaimanapun, pintu yang telah rosak akan digantikan dengan permohonan penyelenggaraan daripada Bahagian Sukan. Bagi tempat duduk penonton di Dewan Gimnastik, kontraktor tidak menyediakannya kerana telah dikeluarkan dari skop kontrak disebabkan kekangan peruntukan semasa peringkat pembinaan. Kementerian akan menyediakan peruntukan tambahan untuk tempat duduk jenis *collapsible* sekiranya diperlukan. Selain itu, Bahagian Pembangunan Pelajaran berpandangan bahawa tiada keperluan untuk membina kerb pada *Emergency Shower* dan *Eye Wash* kerana ia direkabentuk untuk tujuan keselamatan dan hanya digunakan semasa kecemasan. Alat ini bukan untuk kegunaan seharian secara berterusan. Sekiranya alat ini dilengkapi *curtain* atau *kerb* untuk mengelakkan kebasahan, ia boleh mengakibatkan kemalangan semasa kecemasan berlaku. Kesan basah boleh dikeringkan sekiranya berlaku kecemasan dan *floor trap* juga telah disediakan untuk saluran air keluar. Bagi keperluan pemasangan jeriji di Makmal Bahasa, Kementerian akan menyediakan peruntukan bagi pemasangan jeriji tersebut. Bagi mengatasi masalah air kerap bertakung di laluan pejalan kaki terutamanya apabila musim hujan lebat, Kementerian akan menyediakan peruntukan bagi pembinaan longkang di tepi laluan pejalan kaki tersebut. Bahagian Pembangunan Pelajaran akan menambahbaik tindakan penyelarasan bersama Bahagian Sukan dan Bahagian-bahagian lain yang terlibat dalam pengurusan sesebuah projek bagi bersama-sama mengenal pasti keperluan-keperluan berkaitan untuk projek baru berdasarkan teguran audit ini. Bahagian

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dengan memasang rivet pada siling sekolah bagi memastikan perkara ini tidak berulang. • *Pintu Plywood/Flushdoor* *Penggunaan pintu jenis Plywood/Flushdoor adalah jenis biasa yang digunakan dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan, Unit Perancang Ekonomi (EPU) Tahun 2008. Walau bagaimanapun, disebabkan hujan yang lebat dan angin kencang, pintu ini terdedah kepada air hujan dan telah rosak. Memandangkan kerosakan tersebut berlaku selepas tempoh DLP, kerosakan tersebut akan diperbaiki oleh pihak Kementerian.* • *Laluan Pejalan Kaki Berbumbung* *Skop kerja Laluan Pejalan Kaki Berbumbung sememangnya termasuk dalam Dokumen Kontrak. Walau bagaimanapun, disebabkan kekangan peruntukan skop kerja tersebut terpaksa dikurangkan. Isu ini telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Penyelarasan Teknikal KPM bertarikh 24 Jun 2010.* *Kawasan sekitar laluan pejalan kaki dinaiki air kerana laluan berbumbung ini disediakan tanpa longkang. Perunding Arkitek berpendapat longkang tidak perlu disediakan kerana air hujan akan diserap cepat oleh jenis tanah di Laluan Pejalan Kaki tersebut.* *Walau bagaimanapun, memandangkan kawasan ini sering mengalami taburan hujan yang tinggi sehingga menyebabkan air kerap bertakung, perunding mencadangkan agar pembinaan longkang dibuat di sepanjang laluan pejalan kaki tersebut.* • *Dewan Gimnastik* *Dewan Gimnastik telah direkabentuk kepada dua (2) bahagian iaitu bahagian untuk latihan dan pertandingan berdasarkan rekabentuk dewan yang digunakan untuk latihan gimnastik kebangsaan di Sekinchan dan Cheras. Dewan Gimnastik utama pada asalnya telah direkabentuk dengan tempat duduk penonton namun dikeluarkan daripada skop kerja atas faktor kekangan peruntukan. Walau bagaimanapun, pihak sekolah boleh memohon peruntukan tambahan untuk menyediakan tempat duduk penonton jenis collapsible kerana ruang telah disediakan oleh kontraktor.* • *Ketinggian Ruang Laluan Menara Tinjau* *Teguran Audit mendapati bahawa ketinggian laluan di tangga menara tinjau tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Berdasarkan Lukisan Arkitek,*	Pembangunan Pelajaran mengambil kira kelemahan pelaksanaan projek ini bagi memastikan masalah yang sama tidak berulang pada projek-projek baru. Bagi kerja-kerja pembaikan kerosakan dan penyelenggaraan lain serta yang berkaitan di SSM Pahang, Bahagian Pembangunan Pelajaran akan menurunkan waran peruntukan kepada Bahagian Sukan bagi tujuan tersebut. Kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan dijangka selesai sebelum 31 Disember 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	head-room clearance adalah setinggi 2.1 meter. Walau bagaimanapun, didapati pihak kontraktor telah membina dengan ketinggian kurang dari 2.1 meter. Bagi mengelakkan sebarang kemalangan berlaku, pihak sekolah telah meletakkan tanda amaran had ketinggian di kawasan tersebut. • *Jeriji di Makmal Bahasa* *Teguran Audit mendapati bahawa tiada jeriji dipasang di makmal bahasa. Perunding Arkitek telah mengesahkan bahawa pemasangan jeriji di makmal bahasa tiada dalam skop kontrak asal kerana tiada keperluan sebagaimana di makmal komputer.* *<u>SSM Sabah</u>* • *Siling Gantung* *Kerja-kerja pemasangan siling telah dibuat mengikut spesifikasi dalam Bill of Quantity (BQ) oleh kontraktor. Pihak kontraktor telah memasang rivet bagi siling gantung yang terletak di luar koridor bagi mengelakkan ia tercabut semasa tiupan angin kencang. Walau bagaimanapun, bagi siling gantung yang berada di dalam kelas di Blok Akademik, rivet tidak boleh dipasang bagi tujuan penyenggaraan.* • *Pusat Akuatik* *Lubang saliran yang tidak disambungkan dengan rain water downpipe adalah termasuk dalam defect list oleh pihak Sekolah Sukan Malaysia Sabah. Sehubungan dengan itu, pihak kontraktor telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan bagi kerosakan/kecacatan tersebut pada 30 Jun 2014.* Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 *<u>Penjelasan Auditi</u>* • *Pemasangan siling gantung dan pintu plywood/flushdoor adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan, Unit Perancang Ekonomi (EPU) Tahun 2008. Walau bagaimanapun, pintu yang telah rosak akan digantikan dengan permohonan penyelenggaraan daripada Bahagian Sukan. Bagi tempat duduk penonton di Dewan Gimnastik, kontraktor tidak menyediakannya kerana telah dikeluarkan dari skop kontrak disebabkan kekangan peruntukan semasa peringkat pembinaan. Kementerian akan menyediakan peruntukan tambahan untuk tempat duduk jenis collapsible sekiranya*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	diperlukan. • *Selain itu, Bahagian Pembangunan Pelajaran berpandangan bahawa tiada keperluan untuk membina kerb pada Emergency Shower dan Eye Wash kerana ia direkabentuk untuk tujuan keselamatan dan hanya digunakan semasa kecemasan. Alat ini bukan untuk kegunaan seharian secara berterusan. Sekiranya alat ini dilengkapi curtain atau kerb untuk mengelakkan kebasahan, ia boleh mengakibatkan kemalangan semasa kecemasan berlaku. Kesan basah boleh dikeringkan sekiranya berlaku kecemasan dan floor trap juga telah disediakan untuk saluran air keluar. Bagi keperluan pemasangan jeriji di Makmal Bahasa, Kementerian akan menyediakan peruntukan bagi pemasangan jeriji tersebut.* • *Bagi mengatasi masalah air kerap bertakung di laluan pejalan kaki terutamanya apabila musim hujan lebat, Kementerian akan menyediakan peruntukan bagi pembinaan longkang di tepi laluan pejalan kaki tersebut.* *<u>Tindakan Penambahbaikan</u>* *Bahagian Pembangunan Pelajaran akan menambahbaik tindakan penyelarasan bersama Bahagian Sukan dan Bahagian-bahagian lain yang terlibat dalam pengurusan sesebuah projek bagi bersama-sama mengenal pasti keperluan-keperluan berkaitan untuk projek baru berdasarkan teguran audit ini. Bahagian Pembangunan Pelajaran mengambil kira kelemahan pelaksanaan projek ini bagi memastikan masalah yang sama tidak berulang pada projek-projek baru.* *<u>Tempoh Jangkaan Selesai</u>* *Bagi kerja-kerja pembaikan kerosakan dan penyelenggaraan lain serta yang berkaitan di SSM Pahang, Bahagian Pembangunan Pelajaran akan menurunkan waran peruntukan kepada Bahagian Sukan bagi tujuan tersebut. Kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan dijangka selesai sebelum 31 Disember 2014.* Pada pendapat Audit, bagi SSM Pahang pihak Perunding kurang teliti dalam memberi nasihat kepada KPM berhubung longkang tidak disediakan di laluan pejalan kaki. Walaupun geriji tiada dalam skop kontrak di makmal bahasa, ia juga wajar dipasang kerana terdapat komputer di dalam makmal tersebut.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.2.3	**Kualiti Kerja Tidak Memuaskan/Sempurna** Kerja pembinaan/bekalan perlu berkualiti selaras dengan objektif KPM untuk menyediakan prasarana kemudahan pembelajaran yang kondusif serta mendapat *best value for money* dan berada pada tahap piawaian yang boleh diterima umum supaya bangunan/peralatan yang dibina/dibekal boleh digunakan secara optimum dan selamat. Pemeriksaan Audit mendapati kerja/bekalan tidak dilaksanakan dengan memuaskan. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 5 Ogos 2014 *Bahagian Pembangunan Pelajaran mengambil perhatian akan teguran Audit. Sehubungan ini, Bahagian Pembangunan Pelajaran sentiasa memastikan pihak kontraktor memperbaiki sebarang skop kerja yang didapati tidak memuaskan terutamanya dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan. Bahagian Pembangunan Pelajaran juga memantau rapi prestasi projek melalui mesyuarat penyelarasan projek yang diadakan secara berkala dan memastikan perkara seperti ini tidak berlaku pada projek-projek yang akan datang. Bagi ketidaksempurnaan yang memerlukan tindakan segera, pihak kontraktor diarahkan untuk melaksanakan pembaikan dengan serta merta. Penjelasan bagi kerja-kerja yang tidak memuaskan adalah seperti berikut:* *<u>SSM Pahang</u>* *Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) projek ini telah tamat pada 6 Mac 2013 dan Sijil Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) telah dikeluarkan pada 27 Disember 2013. Penjelasan bagi kualiti kerja yang tidak memuaskan dan sempurna adalah seperti berikut:-* • *Switch on/off Kipas Serentak* *Mengikut lukisan kontrak asal, satu (1) suis disediakan untuk satu (1) kipas. Perunding M&E mengesahkan bahawa masalah ini adalah akibat kesilapan pihak kontraktor. Sehubungan dengan itu, pihak kontraktor telah diarahkan untuk menyelesaikan kerja-kerja pembaikan kecacatan sebelum 30 Jun 2014.* • *Sliding Door Di Surau* *Berdasarkan teguran Audit, pihak kontraktor telah diarahkan untuk menyelesaikan kerja-kerja pembaikan kecacatan sebelum 30 Jun 2014.* • *Isu Resapan Air*	Reka bentuk yang diguna pakai oleh KPM adalah berdasarkan Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan, Unit Perancang Ekonomi (EPU) serta mematuhi spesifikasi piawaian yang ditetapkan oleh JKR. Bahagian Pembangunan Pelajaran mengakui terdapat sedikit kelemahan dalam reka bentuk bangunan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, Bahagian Pembangunan Pelajaran mengambil kira kelemahan tersebut untuk penambahbaikan supaya ia tidak berulang dalam reka bentuk bagi bangunan-bangunan baru yang akan dibina. Kesemua kecacatan di SSM Sabah seperti yang dibangkitkan oleh pihak audit telah diperbaiki dengan sempurna oleh kontraktor. Pihak perunding dan Bahagian Pembangunan Pelajaran sedang dalam proses mengeluarkan CMGD. Bagi kecacatan di SSM Pahang pula, pihak kontraktor juga telah memperbaiki kecacatan yang berlaku pada suis *on/off* kipas dan *sliding door* di surau. Namun bagi masalah resapan air, semakan Bahagian Pembangunan Pelajaran mengesahkan bahawa kecacatan tersebut berlaku di luar tempoh DLP dan ia bukan lagi di bawah tanggungjawab kontraktor. Oleh yang demikian, pihak sekolah telah dinasihatkan untuk melakukan penyelenggaraan ke atas kerosakan tersebut. Bahagian Pembangunan Pelajaran telah mewujudkan reka bentuk piawai bagi projek-projek baru RMK-10. Reka bentuk piawai ini disediakan setelah mengambil kira kelemahan dan kekurangan yang berlaku semasa pelaksanaan projek-projek RMK-9. Dalam masa yang sama, reka bentuk piawai ini juga sentiasa ditambahbaik berdasarkan kelemahan-kelemahan terkini yang baru dikenal pasti ketika pelaksanaan sesuatu projek. Selain itu, Bahagian Pembangunan Pelajaran juga telah memperkemaskan prosedur pengeluaran sijil CMGD bagi memastikan CMGD hanya dikeluarkan selepas semua kecacatan yang dikenal pasti dan disenaraikan dalam tempoh DLP diperbaiki sepenuhnya. Tindakan yang sewajarnya akan diambil ke atas mana-mana pihak yang didapati cuai dalam mengesahkan pembaikan kecacatan tersebut. Bagi masalah resapan air dan penyelenggaraan lain yang berkaitan di SSM Pahang, Kementerian akan menyediakan peruntukan bagi tujuan penyelenggaraan tersebut. Kerja-kerja penyelenggaraan dijangka selesai

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Perunding Arkitek memaklumkan bahawa masalah resapan air di dinding, lantai dan siling di beberapa tempat seperti Bilik Mesyuarat Astaka, Makmal Kimia, Bangunan Akademik, Bangunan Pentadbiran dan Asrama Lelaki berlaku selepas tamat tempoh DLP. Memandangkan tempoh kecacatan telah tamat pada 14 Februari 2013, maka kerja-kerja pembaikan ini akan dilaksanakan oleh pihak ketiga yang akan dilantik oleh KPM. Perunding C&S telah mengemukakan cadangan pembaikan kepada KPM pada 2 Julai 2014 untuk tujuan pelantikan pihak ketiga. *<u>SSM Sabah</u>* • *Padang Bola Sepak* *Kerja-kerja pembaikan sistem perpaipan HDPE telah dilaksanakan oleh kontraktor dan telah diselesaikan pada 30 Jun 2014. Sekiranya pihak kontraktor gagal menjalankan kerja-kerja tersebut, pihak Kementerian akan melantik pihak ketiga untuk tujuan pembaikan kecacatan.* • *Blok Pentadbiran* *Keretakan pada column di bilik SPBT telah dibaiki oleh pihak kontraktor dan siap pada 28 Mei 2014.* • *Pagar Utama Sekolah* *Keretakan pada pagar utama sekolah telah dibaiki pada 29 Mac 2014.* • *Jalan Masuk* *Semua kerja-kerja pembaikan bagi masalah mendapan tanah masih menunggu keputusan Perunding Sivil.* *Secara keseluruhan, kebanyakan daripada kerja-kerja pembaikan telah pun dilaksanakan oleh pihak kontraktor mengikut senarai kecacatan yang telah dikeluarkan oleh pihak sekolah. Bagi baki kerja pembaikan yang belum diselesaikan, pihak kontraktor telah diarahkan berbuat demikian sebelum 30 Jun 2014. Sekiranya pihak kontraktor gagal menjalankan kerja-kerja tersebut, pihak Kementerian akan melantik pihak ketiga untuk tujuan pembaikan kecacatan.* Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 *<u>Penjelasan Auditi</u>* • *Reka bentuk yang diguna pakai oleh KPM adalah berdasarkan Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan, Unit Perancang Ekonomi (EPU) serta mematuhi spesifikasi piawaian yang ditetapkan oleh JKR. Bahagian Pembangunan Pelajaran mengakui terdapat sedikit*	sebelum 31 Disember 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	kelemahan dalam reka bentuk bangunan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, Bahagian Pembangunan Pelajaran mengambil kira kelemahan tersebut untuk penambahbaikan supaya ia tidak berulang dalam reka bentuk bagi bangunan-bangunan baru yang akan dibina. • *Kesemua kecacatan di SSM Sabah seperti yang dibangkitkan oleh pihak audit telah diperbaiki dengan sempurna oleh kontraktor dan Bahagian Pembangunan Pelajaran sedang dalam proses mengeluarkan CMGD. Bagi kecacatan di SSM Pahang pula, pihak kontraktor juga telah memperbaiki kecacatan yang berlaku pada suis on/off kipas dan sliding door di surau. Namun bagi masalah resapan air, semakan Bahagian Pembangunan Pelajaran mengesahkan bahawa kecacatan tersebut berlaku di luar tempoh DLP dan ia bukan lagi di bawah tanggung jawab kontraktor. Oleh yang demikian, pihak sekolah telah dinasihatkan untuk melakukan penyelenggaraan ke atas kerosakan tersebut.* *Tindakan Penambahbaikan* • *Bahagian Pembangunan Pelajaran telah mewujudkan reka bentuk piawai bagi projek-projek baru RMK-10. Reka bentuk piawai ini disediakan setelah mengambil kira kelemahan dan kekurangan yang berlaku semasa pelaksanaan projek-projek RMK-9. Dalam masa yang sama, reka bentuk piawai ini juga sentiasa ditambahbaik berdasarkan kelemahan-kelemahan terkini yang baru dikenal pasti ketika pelaksanaan sesuatu projek.* • *Selain itu, Bahagian Pembangunan Pelajaran juga telah memperkemaskan prosedur pengeluaran sijil CMGD bagi memastikan CMGD hanya dikeluarkan selepas semua kecacatan yang dikenal pasti dan disenaraikan dalam tempoh DLP diperbaiki sepenuhnya. Tindakan yang sewajarnya akan diambil ke atas mana-mana pihak yang didapati cuai dalam mengesahkan pembaikan kecacatan tersebut.* *Tempoh Jangkaan Selesai* *Bagi masalah resapan air dan penyelenggaraan lain yang berkaitan di SSM Pahang, Kementerian akan menyediakan peruntukan bagi tujuan penyelenggaraan tersebut. Kerja-kerja penyelenggaraan dijangka selesai sebelum 31 Disember 2014.* Pada pendapat Audit, Kementerian/Perunding perlu peka dan mengambil kira keperluan pengguna semasa mereka bentuk sesuatu projek. Ini bagi mengelakkan Kerajaan terpaksa menanggung kos penyenggaraan/ubah suai	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	yang tinggi akibat daripada penyediaan reka bentuk yang tidak praktikal/tidak sesuai. Tindakan segera perlu diambil bagi membaiki kerja yang tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti. Pemotongan atau pelarasan harga hendaklah dilakukan jika pihak Kontraktor gagal melaksanakannya. Kementerian juga perlu meningkatkan pemantauan terhadap pengesahan kerja yang dilakukan oleh perunding.	
15.5.3	**Kerosakan Atau Kecacatan Dalam Tempoh DLP Yang Belum Diambil Tindakan** Mengikut syarat kontrak, Kontraktor/Pembekal perlu membuat pembaikan kerosakan atau kecacatan serta penyenggaraan bagi semua kerja sivil, kemudahan mekanikal dan elektrik dalam tempoh tanggungan kecacatan selama 12 bulan dari tarikh Perakuan Siap Kerja. Bagaimanapun, syarat kontrak tidak menetapkan tempoh untuk mengambil tindakan terhadap setiap aduan kerosakan yang dilaporkan tetapi hanya menetapkan Kontraktor/Pembekal perlu memperbaiki kecacatan dalam satu tempoh masa yang munasabah. Pihak Perunding/Kementerian perlu bertanggungjawab untuk memantau kerja yang dilaksanakan oleh Kontraktor/Pembekal berkenaan. Tempoh DLP bagi projek pembinaan SSM Pahang telah tamat pada 6 Mac 2013, namun semasa lawatan Audit dijalankan pada 28 Oktober 2013 masih berlaku kerosakan dan kecacatan walaupun telah dibangkitkan dalam laporan kerosakan oleh pihak Perunding dan sekolah semasa tempoh DLP. Pihak Audit mendapati bahawa skop kerja untuk peralatan dapur dewan makan dikeluarkan dari skop kontrak atas arahan KPM. Melalui sebut harga yang dijalankan oleh KPM, Syarikat Wannajah Sdn. Bhd. telah dilantik dengan kos projek berjumlah RM411,043 pada 5 Mac 2012. Peralatan telah dibekalkan pada 10 April 2012 dan telah memperolehi perakuan siap kerja (CPC) yang telah dikeluarkan oleh Perunding M&E dengan tempoh tanggungan kecacatan berakhir pada 18 Jun 2013. Mengikut laporan kerosakan yang disediakan oleh pihak sekolah, kerosakan berpunca daripada bekalan elektrik tidak mencukupi untuk menampung peralatan kerana *ampere* (amp) yang kecil. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 5 Ogos 2014 *Bahagian Pembangunan Pelajaran mengambil perhatian serius sekiranya masih terdapat kerosakan atau kecacatan dalam tempoh DLP yang masih belum diambil tindakan. Sekiranya kontraktor gagal, kerja-kerja pembaikan kecacatan akan dilaksanakan melalui pelantikan pihak ketiga dan segala perbelanjaan*	Skop pembekalan peralatan dapur merupakan item Wang Peruntukan Sementara (WPS) yang mana tiada reka bentuk dalam kontrak utama. Hal ini menyebabkan reka bentuk yang telah disediakan pada peringkat awal sebelum proses tender dijalankan tidak mengambil kira kapasiti kuasa yang diperlukan seterusnya menyebabkan bekalan elektrik sedia ada tidak dapat menampung kapasiti kuasa yang diperlukan bagi setiap peralatan dapur tersebut. Berdasarkan semakan, Bahagian Pembangunan Pelajaran mengesahkan bahawa bekalan elektrik di dewan makan tersebut tidak mencukupi untuk menampung penggunaan peralatan dapur yang ada secara serentak. Sehubungan dengan itu, Bahagian Pembangunan Pelajaran telah mengarahkan perunding M&E untuk menyediakan reka bentuk cadangan menaik taraf bekalan elektrik di dewan makan tersebut seterusnya melantik kontraktor berasingan bagi melaksanakan kerja menaik taraf tersebut. Bagi kecacatan yang berlaku pada dinding tandas serta kerja-kerja landskap yang tidak memuaskan, pembaikan telah dibuat dan isu ini telah diselesaikan. Kerja-kerja landskap yang telah dilaksanakan oleh kontraktor pembersihan yang dilantik dan kos tersebut telah dibayar melalui pemotongan baki wang kontraktor Intervista Design. Bahagian Pembangunan Pelajaran telah memastikan supaya bagi projek-projek baru, tiada perkara diletakkan di bawah item WPS malah semua dimasukkan di dalam kontrak termasuk juga senarai kuantiti muktamad. Ini dapat memastikan pengiraan keperluan bekalan elektrik dapat dimuktamadkan sebelum proses tender dijalankan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	yang terlibat akan dipotong daripada Bon Pelaksanaan kontraktor dan seterusnya menyelaras semula di dalam akaun muktamad. *SSM Pahang* • *Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) bagi projek ini telah tamat pada 6 Mac 2013 dan Sijil Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) telah dikeluarkan pada 27 Disember 2013.* • *Berhubung resapan dan kebocoran di dinding antara tandas dan surau, kecacatan tersebut telah dibaiki dalam tempoh DLP namun kebocoran masih terjadi. Oleh yang demikian, pihak sekolah telah mengambil inisiatif untuk membaiki dan menggantikan atap dan salur air hujan selepas tempoh DLP.* • *Bagi kerja-kerja lanskap yang tidak memuaskan perunding Arkitek telah beberapa kali mengemukakan surat amaran kepada kontraktor lanskap iaitu Intervista Design, namun masih tidak diambil tindakan sewajarnya oleh kontraktor tersebut sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan. Kontraktor landskap hanya dibayar setakat kerja-kerja yang disahkan oleh perunding sahaja. Bagi kerja-kerja yang tidak dibuat dengan sempurna/tidak dibuat berdasarkan Senarai Kuantiti, ianya tidak dibayar dan baki wang untuk pembayaran tersebut telah dipindahkan kepada pihak kontraktor pembersihan yang dilantik untuk tujuan penyenggaraan landskap.* • *Kerja-kerja membekal, memasang dan menyiapkan kelengkapan memasak dan dapur dibuat oleh Syarikat Wannajah Sdn. Bhd. dengan kos berjumlah RM411,043. Perunding M&E memaklumkan bahawa semua peralatan dapur yang dibekalkan berfungsi dengan baik semasa proses Testing & Comissioning dijalankan dan CPC dikeluarkan. Walau bagaimanapun, pihak sekolah memaklumkan bahawa peralatan seperti Counter Top Automatic Refill Hot Water Boiler, Ice Cube Machine, 3 Deck Automatic Rice Cooker Cabinet dan Tilting Braising Pan tidak dapat digunakan dipercayai akibat bekalan kuasa yang tidak mencukupi. Bahagian Pembangunan Pelajaran akan memanggil semula pihak perunding dan Syarikat Wannajah Sdn. Bhd. untuk mengenal pasti punca masalah yang berlaku.* Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<u>Penjelasan Auditi</u> • *Skop pembekalan peralatan dapur merupakan item Wang Peruntukan Sementara (WPS) yang mana tiada reka bentuk dalam kontrak utama. Hal ini menyebabkan reka bentuk yang telah disediakan pada peringkat awal sebelum proses tender dijalankan tidak mengambil kira kapasiti kuasa yang diperlukan seterusnya menyebabkan bekalan elektrik sedia ada tidak dapat menampung kapasiti kuasa yang diperlukan bagi setiap peralatan dapur tersebut.* • *Berdasarkan semakan, Bahagian Pembangunan Pelajaran mengesahkan bahawa bekalan elektrik di dewan makan tersebut tidak mencukupi untuk menampung penggunaan peralatan dapur yang ada secara serentak. Sehubungan dengan itu, Bahagian Pembangunan Pelajaran telah mengarahkan perunding M&E untuk menyediakan reka bentuk cadangan menaik taraf bekalan elektrik di dewan makan tersebut seterusnya melantik kontraktor berasingan bagi melaksanakan kerja menaik taraf tersebut.* • *Bagi kecacatan yang berlaku pada dinding tandas serta kerja-kerja landskap yang tidak memuaskan, pembaikan telah dibuat dan isu ini telah diselesaikan. Kerja-kerja landskap yang telah dilaksanakan oleh kontraktor pembersihan yang dilantik dan kos tersebut telah dibayar melalui pemotongan baki wang kontraktor Intervista Design.* *<u>Tindakan Penambahbaikan</u>* *Bahagian Pembangunan Pelajaran telah memastikan supaya bagi projek-projek baru, tiada perkara diletakkan di bawah item WPS malah semua dimasukkan di dalam kontrak termasuk juga senarai kuantiti muktamad. Ini dapat memastikan pengiraan keperluan bekalan elektrik dapat dimuktamadkan sebelum proses tender dijalankan.* *<u>Tempoh Jangkaan Selesai</u>* *Bagi kerja menaik taraf bekalan elektrik:-* *Pelawaan tender : 15 Oktober 2104* *Pelantikan Kontraktor : 15 Disember 2014* *Tempoh Kerja : 3 bulan* Pada pendapat Audit, kerja-kerja yang tidak dilaksanakan/dibuat dengan sempurna perlu dinilai dengan tepat dan dilaraskan di dalam akaun muktamad.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Selain itu KPM juga perlu mengatasi masalah bekalan arus elektrik tidak mencukupi yang menyebabkan peralatan dapur tidak boleh digunakan bagi mengelakkan pembaziran.	
15.5.4.1.a	**Kolam Tadahan, *Jogging Track* Dan *Outdoor Gym*** Pembinaan SSM Pahang telah disiapkan pada 6 Mac 2012 dan mula digunakan mulai 8 Julai 2012. Bagaimanapun semakan Audit pada 28 Oktober 2013 mendapati beberapa kemudahan yang telah disediakan tidak dapat digunakan akibat daripada limpahan lumpur. Pihak Audit dimaklumkan limpahan lumpur tersebut berlaku pada tahun 2011 yang berpunca daripada projek pembinaan Akademi FAM yang terletak bersebelahan dengan SSM Pahang yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya. Kegagalan pihak Kontraktor projek pembinaan Akademi FAM membina sistem perangkap lumpur/kelodak pada masa itu menyebabkan air dan lumpur daripada kerja-kerja tanah terutama semasa musim hujan melimpah ke kawasan SSM Pahang khususnya di kawasan kolam tadahan, *jogging track* dan *outdoor gym* seperti berikut: i. **Kolam Tadahan –** Limpahan air dan lumpur menyebabkan kolam tadahan yang disediakan bagi tujuan mengelakkan banjir, menyalurkan air kepada sistem penyiraman automatik (automatic sprinkler system) ke padang utama melalui sistem pam yang ditempatkan di rumah pam dan juga untuk kemudahan rekreasi penghuni SSM Pahang dipenuhi lumpur. Ini menyebabkan kolam tadahan yang bernilai RM2.03 juta tidak berfungsi dengan sepenuhnya. Selain itu, limpahan lumpur tersebut itu juga menyebabkan sistem pam tersumbat dan tidak berfungsi dengan sewajarnya kerana sering rosak. Akibat daripada sistem pam rosak dan tersumbat dengan lumpur, pihak sekolah terpaksa membelanjakan RM6,600 untuk membaiki *pump shaft* dan RM11,300 bagi kerja-kerja penyenggaraan padang yang rosak. Kegagalan pihak berkaitan untuk membersihkan lumpur yang memasuki kolam tadahan juga menyebabkan lumpur berkumpul dan membentuk pulau serta menyebabkan berlaku kerosakan pada struktur kolam. ii. ***Jogging Track* Dan *Outdoor Gym* –** Limpahan air dan lumpur tersebut juga telah menenggelami sebahagian *jogging track* menyebabkan *jogging track* bernilai RM91,894 dan *outdoor gym* bernilai RM80,150 yang terletak bersebelahan *jogging track* tidak dapat digunakan.	i. Hasil daripada *Exit Conference* LKAN Siri 3 Tahun 2014 pada 8 Ogos 2014, satu mesyuarat penyelarasan bersama antara KPM dengan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah diadakan pada 12 Ogos 2014. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. KSU KPM dan turut dihadiri oleh YBhg. Datuk KSU KBS. Hasil mesyuarat tersebut, YBhg. Tan Sri Dr. Pengerusi telah memutuskan supaya mesyuarat penyelarasan di tapak diadakan antara pihak KPM, KBS dan JKR bagi membincangkan cadangan terbaik untuk kerja-kerja pembaikan dan pembersihan kolam tadahan dan kawasan *jogging track* SSM Pahang. ii. satu mesyuarat yang diselaraskan oleh pihak JKR telah diadakan di SSM Pahang pada 22 Ogos 2014 bagi melihat situasi sebenar keadaan kolam tadahan tersebut dan memastikan perkara ini diselesaikan dengan segera. iii. Pihak kontraktor MMN Bina Sdn Bhd telah *mengemukakan Method of Statement* bagi kerja-kerja pembersihan kolam tadahan dan kawasan *jogging track* SSM Pahang. *Method of Statement* ini telah dipersetujui oleh KPM melalui mesyuarat penyelarasan yang telah diadakan pada 29 Ogos 2014. iv. Pihak kontraktor Akademi FAM, MMN Bina Sdn Bhd telah bersetuju untuk melakukan kerja-kerja pembaikan dan pembersihan di kolam tadahan dan kawasan *jogging track* SSM Pahang serta memberikan komitmen untuk menyelesaikan kerja-kerja pembersihan tersebut sebelum 12 September 2014. v. Lawatan pemeriksaan bersama antara KPM, KBS, JKR dan pihak sekolah telah diadakan pada 12 September 2014 bagi penilaian bersama ke atas kerja-kerja pembaikan dan pembersihan kolam tadahan dan kawasan *jogging track* yang telah dibuat oleh pihak kontraktor. Lawatan mendapati kerja-kerja pembersihan kolam tadahan tersebut telah diselesaikan oleh pihak kontraktor. vi. Bagi kerosakan kemudahan dan peralatan *outdoor gym*, Kementerian akan menyediakan permohonan peruntukan bagi tujuan penyelenggaraan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.4.1.b	Pihak Audit difahamkan Kontraktor projek pembinaan Akademi FAM telah menjalankan kerja-kerja baik pulih pada akhir Mei 2013 dan meminta pengetua SSM Pahang mengesahkan kerja-kerja baik pulih tersebut. Bagaimanapun pada 26 Ogos 2013, Pengetua SSM Pahang telah memaklumkan bahawa kerja-kerja pembaikan yang dilakukan tidak dipersetujui untuk disahkan setelah merujuk kepada Perunding Kementerian kerana masih terdapat tompokan pulau lumpur yang pada awalnya telah dipersetujui untuk ditinggalkan sebagai tempat pusingan aktiviti rekreasi air. Berdasarkan maklum balas JKR bertarikh 9 Disember 2013, pihak JKR berpendapat Kontraktor projek pembinaan Akademi FAM tidak patut diminta menjalankan kerja-kerja pembinaan yang di luar skop mereka kerana limpahan lumpur tersebut berlaku disebabkan banjir dan bukan kecuaian mereka. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 5 Ogos 2014 *Bahagian Pembangunan Pelajaran mengambil perhatian serius berhubung isu limpahan lumpur yang berlaku di kolam tadahan sekolah yang dipercayai berpunca daripada projek pembinaan Akademi FAM yang terletak bersebelahan dengan SSM Pahang yang dilaksanakan oleh JKR. Kolam tadahan ini telah direka oleh perunding C&S dengan mengambilkira jumlah kuantiti tadahan air yang diperlukan untuk mengelakkan banjir di kawasan sekolah dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Rekabentuk kolam tadahan ini juga menggunakan sistem pembinaan pond lining bagi memastikan air kolam ini sentiasa jernih supaya boleh digunapakai oleh pihak sekolah untuk tujuan rekreasi. Selain itu, air di kolam tadahan ini juga direka untuk disalurkan kepada automatic sprinkler system untuk penyiraman padang utama melalui sistem pam di Rumah Pam. Pembinaan kolam tadahan ini siap sepenuhnya pada tahun 2009.* *Walau bagaimanapun, disebabkan pembinaan Akademi FAM di kawasan bersebelahan yang bermula pada tahun 2011 telah menyebabkan berlakunya limpahan lumpur di kawasan kolam tadahan ini. Limpahan lumpur ini telah mengakibatkan air di kolam tadahan tersebut menjadi keruh dan berlumpur.* *KPM telah memaklumkan perkara ini kepada JKR Cawangan Kerja Bangunan Am melalui surat Ruj.: KPM(BP)T/48/10912532/MESY/2533 Jld. 2 (13) bertarikh 20 Disember 2011. Mesyuarat koordinasi pada 5 Januari 2012 telah bersetuju agar pihak JKR menjalankan kerja-kerja baik pulih. Walau bagaimanapun, sehingga 31 Mei 2012, tiada sebarang tindakan diambil oleh kontraktor projek Akademi FAM.*	supaya kemudahan dan peralatan tersebut dapat digunakan secara optimum. Penyelenggaraan kemudahan dan peralatan *outdoor gym* ini dijangka selesai sebelum 31 Disember 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan SSM Pahang, isu ini masih tidak dapat diatasi. *Sehubungan dengan itu, perunding C&S telah mengemukakan cadangan pembaikan kolam tadahan ini seperti berikut:-* *(i) sebelum kerja pembaikan dijalankan, pihak yang dilantik perlu melaksanakan joint survey bersama pihak sekolah untuk menentukan aras lumpur di kolam tersebut;* *(ii) aras kedalaman lumpur perlu ditentukan. Memandangkan rekabentuk kolam tadahan adalah 2.5 meter dari paras air, kerja-kerja pembuangan lumpur perlu dilakukan sehingga kedalaman 2.5 meter;* *(iii) lumpur perlu dibuang menggunakan jentera pengorek panjang (long arm excavator without teeth) bagi mengelakkan kerosakan pada pond lining;* *(iv) membersihkan lumpur yang terdapat di kawasan jogging track dan outdoor gym;* *(v) membentuk semula dan turfing semula slope yang terjejas.* *Memandangkan perkara ini telah menjejaskan fungsi utama kolam tadahan, sistem pam, jogging track dan outdoor gym, KPM akan melantik pihak ketiga untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan kolam tadahan ini dan kos pembaikan tersebut akan dituntut daripada kontraktor projek Akademi FAM.* Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 *<u>Penjelasan Auditi</u>* *vii. Hasil daripada Exit Conference LKAN Siri 3 Tahun 2014 pada 8 Ogos 2014, satu mesyuarat penyelarasan bersama antara KPM dengan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah diadakan pada 12 Ogos 2014. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. KSU KPM dan turut dihadiri oleh YBhg. Datuk KSU KBS. Hasil mesyuarat tersebut, YBhg. Tan Sri Dr. Pengerusi telah memutuskan supaya mesyuarat penyelarasan di tapak diadakan antara pihak KPM, KBS dan JKR bagi membincangkan cadangan terbaik untuk kerja-kerja pembaikan dan pembersihan kolam tadahan dan kawasan jogging track SSM Pahang.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	viii. satu mesyuarat yang diselaraskan oleh pihak JKR telah diadakan di SSM Pahang pada 22 Ogos 2014 bagi melihat situasi sebenar keadaan kolam tadahan tersebut dan memastikan perkara ini diselesaikan dengan segera. *ix. Pihak kontraktor MMN Bina Sdn Bhd telah mengemukakan Method of Statement bagi kerja-kerja pembersihan kolam tadahan dan kawasan jogging track SSM Pahang. Method of Statement ini telah dipersetujui oleh KPM melalui mesyuarat penyelarasan yang telah diadakan pada 29 Ogos 2014.* *x. Pihak kontraktor Akademi FAM, MMN Bina Sdn Bhd telah bersetuju untuk melakukan kerja-kerja pembaikan dan pembersihan di kolam tadahan dan kawasan jogging track SSM Pahang serta memberikan komitmen untuk menyelesaikan kerja-kerja pembersihan tersebut sebelum 12 September 2014.* *xi. Lawatan pemeriksaan bersama antara KPM, KBS, JKR dan pihak sekolah akan diadakan pada 12 September 2014 bagi penilaian bersama ke atas kerja-kerja pembaikan dan pembersihan kolam tadahan dan kawasan jogging track yang telah dibuat oleh pihak kontraktor.* *xii. Bagi kerosakan kemudahan dan peralatan outdoor gym, Kementerian akan menyediakan permohonan peruntukan bagi tujuan penyelenggaraan supaya kemudahan dan peralatan tersebut dapat digunakan secara optimum.* *<u>Tempoh Jangkaan Selesai</u>* • *Kerja-kerja Pembersihan Kolam Tadahan dan jogging track: 3 September - 12 September 2014* • *Penyelenggaraan kemudahan dan peralatan outdoor gym: Sebelum 31 Disember 2014.* Pada pendapat Audit, isu ini perlu diselesaikan segera memandangkan sekolah ini telah mula beroperasi pada 8 Julai 2012 bagi mengelakkan pembaziran dan Kerajaan mendapat *best value for money* dari projek ini.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.5.2	**Kontrak Lewat Ditandatangani** Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima. Semakan Audit terhadap dokumen kontrak projek pembinaan SSM yang meliputi kerja tanah dan kerja bangunan mendapati kontrak bagi 2 projek pembinaan SSM telah lewat ditandatangani antara 76 hingga 227 hari. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 5 Ogos 2014 *Bahagian Pembangunan Pelajaran mengambil perhatian akan teguran pihak Audit berhubung kelewatan menandatangani kontrak. Bahagian Pembangunan Pelajaran sedar dokumen kontrak perlu ditandatangani segera selepas SST dikeluarkan. Berdasarkan syarat-syarat kontrak, perjanjian perlu ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan atau tiga (3) kali bayaran interim selepas SST dikeluarkan.* *Bagi projek SSM Pahang dan SSM Sabah, perolehan kontrak dilakukan secara rundingan terus. Semasa proses rundingan harga, pihak perunding perlu mengemaskini semula rekabentuk dan penyediaan senarai kuantiti mengikut peruntukan yang telah dipersetujui. Kegagalan dan kelewatan pihak kontraktor mengemukakan dokumen yang dinyatakan dalam Surat Setuju Terima seperti Insurans Kerja dan Bank Gerenti menyebabkan dokumen kontrak ini lewat disiapkan.* *Selain itu, banyak pindaan yang perlu dikemas kini kerana perbezaan harga kontrak asal dengan harga rundingan yang telah dipersetujui. Perbezaan harga ini telah mengambil masa yang lama untuk mendapatkan persetujuan kontraktor berkenaan dengan pelarasan harga. Harga dalam Senarai Kuantiti perlu diselaraskan agar jumlah setiap elemen/komponen atau butiran dalam Ringkasan Harga adalah mengikut peratus pengagihan yang telah dipersetujui oleh Kontraktor sebelum tender ditandatangani.* *Walau bagaimanapun, Bahagian Pembangunan Pelajaran akan memastikan perkara ini tidak berulang dan memastikan dokumen kontrak selesai dalam tempoh yang ditetapkan.* Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014	Bahagian Pembangunan Pelajaran sedar dokumen kontrak perlu ditandatangani segera selepas SST dikeluarkan. Berdasarkan syarat-syarat kontrak, perjanjian perlu ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan atau tiga (3) kali bayaran interim selepas SST dikeluarkan. Walau bagaimanapun, pihak kontraktor selalunya mengambil masa yang panjang sebelum menandatangani dokumen tender tersebut kerana perlu membuat proses pelarasan harga pada Senarai Kuantiti. Bahagian Pembangunan Pelajaran memastikan pihak kontraktor tidak mengambil masa yang panjang kerana kelewatan mengemukakan dokumen tender ini akan menyebabkan kelewatan kepada bayaran interim kontraktor. Bagi mempercepatkan proses menandatangani dokumen kontrak, KPM telah mengarahkan perunding Ukur Bahan untuk membuat pelarasan harga kontrak sekiranya pihak kontraktor gagal menyelesaikan dalam tempoh dua (2) bulan. Bahagian Pembangunan Pelajaran juga mengambil inisiatif untuk memaklumkan kepada semua perunding dan kontraktor semasa Mesyuarat *Kick-off* projek, Dokumen Kontrak akan ditandatangani bersama pada bulan ketiga selepas Mesyuarat *Kick-off* diadakan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Penjelasan Auditi • *Bahagian Pembangunan Pelajaran sedar dokumen kontrak perlu ditandatangani segera selepas SST dikeluarkan. Berdasarkan syarat-syarat kontrak, perjanjian perlu ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan atau tiga (3) kali bayaran interim selepas SST dikeluarkan. Walau bagaimanapun, pihak kontraktor selalunya mengambil masa yang panjang sebelum menandatangani dokumen tender tersebut kerana perlu membuat proses pelarasan harga pada Senarai Kuantiti.* • *Bahagian Pembangunan Pelajaran akan memastikan pihak kontraktor tidak mengambil masa yang panjang kerana kelewatan mengemukakan dokumen tender ini akan menyebabkan kelewatan kepada bayaran interim kontraktor.* *Tindakan Penambahbaikan* • *Bagi mempercepatkan proses menandatangani dokumen kontrak, KPM telah mengarahkan perunding Ukur Bahan untuk membuat pelarasan harga kontrak sekiranya pihak kontraktor gagal menyelesaikan dalam tempoh dua (2) bulan.* • *Bahagian Pembangunan Pelajaran juga mengambil inisiatif untuk memaklumkan kepada semua perunding dan kontraktor semasa Mesyuarat Kick-off projek, Dokumen Kontrak akan ditandatangani bersama pada bulan ketiga selepas Mesyuarat Kick-off diadakan.* Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah memastikan kontrak ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan bagi tujuan penguatkuasaan syarat dan spesifikasi kontrak demi menjaga kepentingan Kerajaan serta mematuhi pekeliling berkenaan.	
15.5.5.3	**Status Penyerahan *As Built Drawing*** Mengikut dokumen kontrak Jilid 2 Bahagian A: Preliminaries untuk Item I-Completion of Work bagi Sub-Item 3: As built drawing (mukasurat 38) dan Sub-Item 4: Maintenance Data Manual (mukasurat 38 dan 39), Kontraktor hendaklah mengemukakan Dokumen Penyerahan yang merangkumi dokumen dan maklumat seperti Lukisan Siap Bina (as-build drawing), salinan Sijil-sijil waranti dan Pengiktirafan yang berkaitan termasuk Manual Operasi yang dijilidkan dengan lengkap dalam tempoh 30 hari dari tarikh CPC. Pegawai Penguasa atau	SSM Pahang Pihak kontraktor telah mengemukakan *As Built Drawing* kepada pihak sekolah dalam bentuk *loose binding* (jilid yang berasingan) selepas penyerahan projek pada 6 Mac 2012. Draf Dokumen Penyerahan yang lengkap telah dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan Pelajaran pada 20 Ogos 2014. Bahagian Pembangunan Pelajaran sedang menyemak deraf Dokumen Penyerahan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	bahagian yang menyelia projek perlu mengadakan satu sistem kawalan penerimaan, perekodan dan penyimpanan dokumen-dokumen berkenaan dengan teratur dan selamat. Dokumen ini amat penting untuk tujuan pemeriksaan serta pengesahan rekod, kerja penyenggaraan dan sesalinan perlu dikemukakan kepada pihak yang berkenaan termasuk pihak sekolah (*end user*) bagi memudahkan tindakan dan rujukan apabila timbul perkara berbangkit berkenaan pelan bangunan dan kerja sebenar. Pihak Audit tidak dapat memastikan tarikh sebenar penyerahan *as built drawing* kepada Kementerian/Sekolah kerana tiada maklumat berhubung perkara tersebut. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 5 Ogos 2014 *Bahagian Pembangunan Pelajaran mengambil maklum akan teguran Audit. Sehubungan dengan itu, bagi setiap projek KPM, Bahagian Pembangunan Pelajaran akan memastikan kontraktor menyerahkan As Built Drawing dalam tempoh yang ditetapkan. Tindakan yang diambil bagi memastikan As Built Drawing diserahkan adalah melalui mesyuarat-mesyuarat penyelarasan berkala dan surat peringatan kepada kontraktor.* *SSM Pahang* • *Pihak kontraktor telah mengemukakan As Built Drawing kepada pihak sekolah dalam bentuk loose binding (jilid yang berasingan) selepas penyerahan projek pada 6 Mac 2012. Kontraktor sedang dalam proses menyediakan Dokumen Penyerahan yang lengkap kepada KPM. Semua Dokumen Penyerahan yang merangkumi As Built Drawing, Warranty dan Manual Operasi Pengguna akan diserahkan kepada KPM. Sekiranya kontraktor masih gagal menyerahkan kesemua dokumen tersebut, proses penutupan akaun kontraktor tidak akan dibuat.* Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 *<u>Penjelasan Auditi</u>* *SSM Pahang* *Pihak kontraktor telah mengemukakan As Built Drawing kepada pihak sekolah dalam bentuk loose binding (jilid yang berasingan) selepas penyerahan projek pada 6 Mac 2012. Draf Dokumen Penyerahan yang lengkap telah dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan Pelajaran pada 20 Ogos 2014. Bahagian Pembangunan Pelajaran sedang menyemak deraf Dokumen Penyerahan*	tersebut dan akan dikemukakan semula kepada kontraktor untuk dijilidkan. Dokumen Penyerahan yang lengkap akan diedarkan kepada semua selepas selesai dijilidkan. Bahagian Pembangunan Pelajaran akan memastikan setiap kontraktor menyerahkan *As Built Drawing* dalam tempoh yang ditetapkan. Tindakan yang dibuat bagi memastikan *As Built Drawing* ini diserahkan adalah melalui mesyuarat-mesyuarat penyelarasan berkala dan surat peringatan kepada pihak kontraktor.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	tersebut dan akan dikemukakan semula kepada kontraktor untuk dijilidkan. Dokumen Penyerahan yang lengkap dijangka akan diedarkan kepada semua pada 30 September 2014. *<u>Tindakan Penambahbaikan</u>* *Bahagian Pembangunan Pelajaran akan memastikan setiap kontraktor menyerahkan As Built Drawing dalam tempoh yang ditetapkan. Tindakan yang dibuat bagi memastikan As Built Drawing ini diserahkan adalah melalui mesyuarat-mesyuarat penyelarasan berkala dan surat peringatan kepada pihak kontraktor.* *<u>Tempoh Jangkaan Selesai</u>* *Selesai Semakan : 15 September 2014* *Proses Penjilidan : Satu (1) bulan* Pada pendapat Audit, penyerahan *As Built Drawing* kepada Kementerian perlu dibuat segera memandangkan CPC telah dikeluarkan pada 15 Februari 2012. Tindakan sewajarnya perlu dikenakan kepada pihak Perunding kerana kelewatan menyediakan dokumen berkaitan. Tanpa *As Built Drawing,* Kementerian tidak dapat menentukan binaan sebenar dan perubahan yang dilakukan pada pelan serta menyukarkan bagi tujuan penyenggaraan dan apabila berlaku kecemasan seperti kebakaran. Kementerian juga perlu memastikan agar *as-built drawing* yang dikemukakan oleh pihak Perunding/Kontraktor telah mengambil kira perubahan yang dilaksanakan bagi memudahkan pengesahan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh Kontraktor.	
15.5.5.4	**Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) Belum Diperolehi** Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2008 Lembaga Arkitek Malaysia menyatakan CCC hanya boleh dikeluarkan oleh *Principal Submitting Person* (PSP) selepas memperolehi semua pensijilan oleh pihak masing-masing (Profesional, Kontraktor dan Pedagang Berlesen) berdasarkan Borang-borang G yang ditetapkan di bawah *Matrix Of Resposibility* dan *clearances* daripada Tenaga Nasional Berhad, Syarikat Air, Jabatan Perkhidmatan Pembentungan, Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan (jika berkenaan) dan pihak-pihak berkuasa lain/kerja-kerja awam di jalan dan saliran. Semakan	Bahagian Pembangunan Pelajaran menyedari bahawa kedua-dua sekolah ini masih belum mendapat CCC. Masalah ini disebabkan pihak perunding perlu melengkapkan borang-borang wajib (Borang G1-G21) melalui pengesahan daripada agensi-agensi berkaitan. Menyedari masalah ini Bahagian Pembangunan Pelajaran telah mengambil beberapa inisiatif bagi membantu perunding seperti mengadakan mesyuarat penyelarasan dan mengemukakan surat kepada agensi berkaitan bagi mendapatkan pengesahan segera dan usaha ini dilakukan secara berterusan sehingga masalah selesai.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Audit mendapati sehingga Mac 2014, CCC bagi SSM Pahang dan SSM Sabah masih belum diperolehi walaupun CPC telah dikeluarkan pada 15 Februari 2012 bagi SSM Pahang dan 7 Oktober 2012 bagi SSM Sabah. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 5 Ogos 2014 *Bahagian Pembangunan Pelajaran menyedari bahawa projek ini mengalami masalah dalam mendapatkan CCC. Masalah ini disebabkan pihak perunding perlu melengkapkan borang-borang wajib iaitu Borang G1 hingga G21 melalui pengesahan daripada agensi-agensi berkaitan. Menyedari masalah ini, Bahagian Pembangunan Pelajaran telah mengambil beberapa inisiatif bagi membantu perunding seperti mengadakan mesyuarat penyelarasan dan mengemukakan surat kepada agensi berkaitan bagi mendapatkan pengesahan segera dan usaha ini dilakukan secara berterusan sehingga masalah bagi mendapatkan CCC ini selesai.* *SSM Pahang* • *Perunding Arkitek telah melengkapkan Borang G1-G21 untuk dikemukakan kepada Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) sebelum 30 Jun 2014.* *SSM Sabah* • *Perunding Arkitek sedang dalam proses melengkapkan Borang G1-G21 untuk dikemukakan kepada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu bagi mendapatkan CCC sebelum 31 Ogos 2014.* Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 September 2014 *<u>Penjelasan Auditi</u>* • *Bahagian Pembangunan Pelajaran menyedari bahawa kedua-dua sekolah ini masih belum mendapat CCC. Masalah ini disebabkan pihak perunding perlu melengkapkan borang-borang wajib (Borang G1-G21) melalui pengesahan daripada agensi-agensi berkaitan. Menyedari masalah ini Bahagian Pembangunan Pelajaran telah mengambil beberapa inisiatif bagi membantu perunding seperti mengadakan mesyuarat penyelarasan dan mengemukakan surat kepada agensi berkaitan bagi mendapatkan pengesahan segera dan usaha ini dilakukan secara berterusan sehingga masalah selesai.*	Bagi SSM Pahang, Borang G1-G21 telah dikemukakan kepada Majlis Perbandaran Kuantan dan sedang menunggu maklum balas daripada pihak Majlis sebelum Borang F daripada Lembaga Arkitek dikeluarkan. Bagi SSM Sabah pula, pihak perunding telah mengemukakan Borang G1-G21 kepada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dan sedang menunggu kelulusan. Bahagian Pembangunan Pelajaran sentiasa memastikan bahawa semua projek yang dimulakan telah mempunyai Kebenaran Merancang (KM) supaya semua kehendak PBT/ Agensi teknikal telah dimasukkan di dalam skop kontrak bagi memudahkan proses melengkapkan Borang G1-G21 sehingga projek disiapkan. Kementerian mengambil inisiatif dengan memberi peringatan kepada para perunding bagi menguruskan proses kebenaran merancang sebelum kontrak dibuat. Bagi memastikan Kebenaran Merancang ini tidak dijadikan alasan kelewatan di masa akan datang, pihak Kementerian mendapatkan maklumat lebih awal daripada pihak berkuasa tempatan mengenai syarat-syarat Kebenaran Merancang bagi setiap projek pembangunan yang akan dilaksanakan kelak dengan mengemukakan cadangan pembangunan berserta lokasinya untuk memudahkan pihak berkuasa tempatan menetapkan syarat-syarat kebenaran merancang. Dengan tindakan itu, pihak perunding/kontraktor akan disediakan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan lebih awal dan alasan kelewatan penyiapan sesuatu projek pembangunan itu diharap tidak akan timbul lagi di masa hadapan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	• *Bagi SSM Pahang, Borang G1-G21 telah dikemukakan kepada Majlis Perbandaran Kuantan dan sedang menunggu maklumbalas daripada pihak Majlis sebelum Borang F daripada Lembaga Arkitek dikeluarkan. Bagi SSM Sabah pula, pihak perunding telah mengemukakan Borang G1-G21 kepada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dan sedang menunggu kelulusan.* <u>*Tindakan Penambahbaikan*</u> • *Bahagian Pembangunan Pelajaran sentiasa memastikan bahawa semua projek yang dimulakan telah mempunyai Kebenaran Merancang (KM) supaya semua kehendak PBT/ Agensi teknikal telah dimasukkan di dalam skop kontrak bagi memudahkan proses melengkapkan Borang G1-G21 sehingga projek disiapkan. Kementerian mengambil inisiatif dengan memberi peringatan kepada para perunding bagi menguruskan proses kebenaran merancang sebelum kontrak dibuat.* • *Bagi memastikan Kebenaran Merancang ini tidak dijadikan alasan kelewatan di masa akan datang pihak Kementerian mendapatkan maklumat lebih awal daripada pihak berkuasa tempatan mengenai syarat-syarat Kebenaran Merancang bagi setiap projek pembangunan yang akan dilaksanakan kelak dengan mengemukakan cadangan pembangunan berserta lokasinya untuk memudahkan pihak berkuasa tempatan menetapkan syarat-syarat kebenaran merancang. Dengan tindakan itu, pihak perunding/kontraktor akan disediakan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan lebih awal dan alasan kelewatan penyiapan sesuatu projek pembangunan itu diharap tidak akan timbul lagi di masa hadapan.* Pada pendapat Audit, KPM hendaklah menetapkan polisi atau dasar mengenai tempoh pihak perunding perlu mengemukakan CCC selepas sesuatu projek disiapkan.	
15.5.6.3	**Laporan Kemajuan** Bagi memantau kemajuan projek, pihak Kontraktor telah menyedia dan menghantar laporan kemajuan projek setiap bulan. Laporan ini memberi gambaran sebenar status kemajuan kerja. Selain itu, laporan *Quality Assurance And Quality Confirmation* juga dikemukakan oleh Perunding selaku penyelia tapak.	Bahagian Pembangunan Pelajaran memantau rapi setiap projek yang dilaksanakan bagi mengenal pasti isu dan masalah yang timbul, merekod kemajuan projek, mengadakan perancangan kerja dan seterusnya membuat keputusan dan tindakan bagi mengatasi isu/masalah yang timbul. Pemantauan yang dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan Pelajaran adalah berdasarkan kepada lawatan tapak dan juga mesyuarat pemantauan secara berkala.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 5 Ogos 2014 *Bahagian Pembangunan Pelajaran memantau rapi setiap projek yang dilaksanakan bagi mengenal pasti isu dan masalah yang timbul, merekod kemajuan projek, mengadakan perancangan kerja dan seterusnya membuat keputusan dan tindakan bagi mengatasi isu/masalah yang timbul. Pemantauan yang dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan Pelajaran adalah berdasarkan kepada lawatan tapak dan juga mesyuarat pemantauan secara berkala.* *Sekiranya terdapat isu yang tidak boleh diselesaikan di peringkat perunding dan kontraktor, maka mesyuarat penyelarasan di peringkat Kementerian akan diadakan. Bahagian Pembangunan Pelajaran komited dalam melakukan pembaikan dari semasa ke semasa bagi memastikan pelaksanaan projek-projek pembangunan KPM dapat disempurnakan dengan baik dan teratur mengikut kontrak, pekeliling dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa.* Pada pendapat Audit, sungguhpun Perunding telah mewujudkan mekanisme pemantauan untuk memantau pelaksanaan projek ini, namun keberkesanannya boleh dipersoalkan memandangkan prestasi projek kurang memuaskan.	Sekiranya terdapat isu yang tidak boleh diselesaikan di peringkat perunding dan kontraktor, maka mesyuarat penyelarasan di peringkat Kementerian akan diadakan. Bahagian Pembangunan Pelajaran komited dalam melakukan pembaikan dari semasa ke semasa bagi memastikan pelaksanaan projek-projek pembangunan KPM dapat disempurnakan dengan baik dan teratur mengikut kontrak, pekeliling dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa.

LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2013

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pengajian Politeknik

Perenggan 16 : Perolehan Dan Pengubahsuaian Bangunan Serta Perolehan Peralatan ICT Politeknik METrO

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
16.5.1.1	**Pencapaian Fizikal Kerja Pengubahsuaian** Berdasarkan kontrak, tempoh penyiapan kerja pengubahsuaian bagi 3 projek adalah antara 13 hingga 35 minggu. Semakan Audit terhadap 3 projek tersebut mendapati hanya satu (33.3%) projek disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan manakala 2 (66.7%) projek mengalami kelewatan antara 86 hari (12 minggu) hingga 233 hari (33 minggu).	Tempoh kontrak Projek Pembangunan Politeknik Metro Kuala Lumpur adalah selama 3 bulan sahaja iaitu dari 29 November 2010 sehingga 28 Februari 2011, dan kontraktor telah menyiapkan kesemua kerja-kerja fizikal mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Kelewatan sebanyak 86 hari adalah disebabkan oleh tempoh yang diambil kontraktor bagi mendapatkan CCC daripada pihak berwajib. Tempoh kontrak Projek Pembangunan Politeknik Metro Johor Bharu pula adalah selama 8 bulan bermula 22 Ogos 2011 sehingga 21 April 2012. Kelewatan sebanyak 233 hari adalah disebabkan oleh kerja-kerja tambahan bagi memenuhi keperluan PBT serta kerja-kerja oleh pihak TNB.
16.5.1.2	**Pencapaian Kewangan Projek** Peruntukan yang diluluskan bagi setiap projek Politeknik METrO adalah berjumlah RM20 juta. Amaun ini melibatkan perolehan bangunan, kerja pengubahsuaian dan perolehan peralatan ICT. Semakan Audit mendapati perbelanjaan bagi 3 projek Politeknik METrO berjumlah RM60.50 juta adalah melebihi peruntukan asal sejumlah RM0.50 juta (0.8%). Perbelanjaan ini tidak termasuk perolehan ICT bagi Politeknik METrO Johor Bahru walaupun bangunan tersebut telah disiapkan pada 10 Disember 2012. Bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran tidak terjejas Politeknik METrO Johor Bahru terpaksa meminjam peralatan ICT seperti komputer daripada Politeknik Nilai. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 7 Ogos 2014	Pelarasan siling diantara ketiga-tiga projek akan dikemukakan kepada pihak EPU setelah akaun akhir bagi Projek Pembangunan Politeknik Metro Johor Bharu diselesaikan.

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td></td><td>Siling bagi projek Politeknik Metro yang telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) adalah seperti berikut:-
<table>
<tr><th>Bil</th><th>Politeknik Metro</th><th>Kos Keseluruhan (RM)</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Kuala Lumpur</td><td>21,870,000</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Kuantan, Pahang</td><td>21,350,000</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Johor Bahru</td><td>26,745,000</td></tr>
<tr><td colspan="2">Jumlah</td><td>69,965,000</td></tr>
</table></td><td></td></tr>
<tr><td>16.5.1.3.i</td><td>Pencapaian Outcome/Pengguna

Antara objektif penubuhan Politeknik METrO ialah untuk menyediakan peluang pendidikan dan latihan bagi pertumbuhan sektor perkhidmatan dan membangunkan modal insan dengan pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri yang diperlukan industri. Output daripada projek ini adalah wujudnya politeknik yang dapat menampung pelajar yang ramai dengan kos yang rendah (cost effective project). Mengikut perancangan setiap Politeknik METrO akan dapat menampung 1,000 pelajar dalam sesuatu masa yang terdiri daripada 540 pelajar dengan mod konvensional dan 460 pelajar secara Open, Virtual and Distant Learning (OVDL) atau dianggarkan seramai 166 pelajar diambil bagi setiap semester. Semakan Audit mendapati seramai 734 pelajar (31.5%) sedang menuntut di ketiga-tiga Politeknik terlibat berbanding 2,332 pelajar yang sepatutnya diambil setelah projek disiapkan. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh kekurangan tenaga pengajar dan program OVDL belum dilaksanakan.</td><td rowspan="2">Enrolmen semasa pelajar di ketiga-tiga buah Politeknik METrO bagi sesi kemasukan Jun 2014 adalah seramai 975 orang, mengikut pecahan seperti berikut :
<table>
<tr><th></th><th>Politeknik</th><th>Program</th><th>Enrolmen</th></tr>
<tr><td rowspan="2">1</td><td rowspan="2">POLITEKNIK METRO KUALA LUMPUR</td><td>Diploma Pengurusan Hotel dan Katering</td><td>215</td></tr>
<tr><td>Diploma Pengurusan Peruncitan</td><td>134</td></tr>
<tr><td rowspan="2">2</td><td rowspan="2">POLITEKNIK METRO KUANTAN</td><td>Diploma Perkhidmatan Makanan (Amalan Halal)</td><td>154</td></tr>
<tr><td>Diploma Pengurusan Pelancongan</td><td>103</td></tr>
<tr><td rowspan="2">3</td><td rowspan="2">POLITEKNIK METRO JOHOR BAHRU</td><td>Diploma Kewangan dan Perbankan Islam</td><td>167</td></tr>
<tr><td>Diploma Pengurusan Logistik dan Rangkaian Bekalan</td><td>202</td></tr>
</table>
Unjuran pengambilan pelajar bagi ketiga-tiga Politeknik Metro tersebut sehingga tahun 2020 adalah seperti di Lampiran. Proses temuduga bagi calon-calon tenaga pengajar baru, juga sedang dilaksanakan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan.</td></tr>
<tr><td>16.5.1.3.ii</td><td>Mengikut perancangan asal, bilangan tenaga pengajar yang diperlukan bagi setiap Politeknik adalah seramai 66 orang. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2013 hanya 10 (15.2%) perjawatan diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi setiap Politeknik.

Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 7 Ogos 2014 Dan 18 September 2014

Kementerian telah membuat perancangan perjawatan bagi ketiga-tiga Politeknik Metro sejak tahun 2010, dimana pada 23 April 2010, Kertas Cadangan permohonan sebanyak 66 perjawatan pensyarah bagi setiap satu politeknik METrO dihantar ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) namun disebabkan keputusan Jemaah Menteri mengenai usaha mengawal perbelanjaan kerajaan, dimana Kerajaan telah memutuskan supaya semua pewujudan jawatan baru dalam Perkhidmatan Awam dibekukan dan keadah penempatan semula</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td></td><td>(redeployment) hendaklah dilaksanakan. Oleh itu hanya beberapa jawatan sahaja yang boleh ditukar ganti untuk pewujudan jawatan di Politeknik METrO. Berdasarkan ini, dilihat bahawa pengambilan pelajar disetiap politeknik METrO tidak dapat dicapai seperti dirancangkan kerana politeknik METrO kekurangan tenaga pengajar. Bagi memastikan perancangan pengambilan pelajar bagi ketiga-tiga Politeknik terlibat dapat dipertingkatkan, JPA telah memperakukan sebanyak 110 jawatan tambahan untuk tahun 2014 dan 12 jawatan tambahan bagi tahun 2015. Penambahan ini telah dipertimbangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Kerja Pembangunan Organisasi (JKKPO), JPA melalui mesyuarat Bil. 47/2014 yang telah bersidang pada 1 Julai 2014. Butiran jawatan seperti jadual berikut:-
<table>
<tr><th>Bil.</th><th>Politeknik METrO</th><th>Jumlah Jawatan Tambahan 2014</th><th>Jumlah Jawatan Tambahan 2015</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Kuala Lumpur</td><td>41</td><td>4</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Johor Bahru</td><td>32</td><td>4</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Kuantan</td><td>37</td><td>4</td></tr>
<tr><td colspan="2">JUMLAH</td><td>110</td><td>12</td></tr>
</table>
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) sedang dalam proses mengadakan temuduga bagi calon-calon tenaga pengajar bagi politeknik mulai 15 September 2014. Sehubungan itu, Kementerian ini menjangkakan bahawa pengisian perjawatan tenaga pengajar di ketiga-tiga Politeknik METrO akan dapat dipenuhi menjelang hujung tahun 2014.</td><td></td></tr>
<tr><td>16.5.2.1.i</td><td>Pentadbiran Kontrak - EOT Lewat Dimohon Dan Lewat Diluluskan

Syarat kontrak antaranya menyatakan sekiranya kontraktor menjangkakan akan berlaku kelewatan dalam penyiapan projek atas faktor di luar kawalannya, kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Penguasa notis permohonan EOT secara bertulis. Semakan Audit mendapati projek pengubahsuaian Politeknik METrO Johor Bahru dan Kuala Lumpur telah diluluskan EOT selama 86 dan 148 hari.</td><td></td></tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
16.5.2.1.ii	Permohonan EOT perlu diluluskan sebelum berakhirnya tarikh penyiapan yang dibenarkan di dalam kontrak. Semakan Audit mendapati EOT bagi Politeknik METrO Kuala Lumpur telah lewat dimohon selama 10 hari dari tarikh tamat tempoh kontrak. Semakan Audit selanjutnya mendapati EOT lewat diluluskan oleh KPM antara 74 hingga 114 hari. Kelulusan EOT bagi Politeknik METrO Kuala Lumpur pula diluluskan 30 hari selepas projek siap. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 7 Ogos 2014 *Bagi Politeknik Metro KL, Kontraktor telah menyiapkan kerja fizikal pengubahsuaian pada 28 Februari 2011 iaitu pada tarikh siap asal. Kontraktor kemudiannya memohon agar KPM mengeluarkan Sijil CPC dan dibuat penyerahan bangunan. Namun ianya tidak menepati kehendak kontrak 'Design & Build' yang memerlukan Sijil CCC dikeluarkan terlebih dahulu. Memandangkan tempoh kontrak ini adalah terlalu pendek (3 bulan), Sijil CCC tidak dapat dikeluarkan oleh pihak Arkitek kerana Sijil CCC ini memerlukan kelulusan pihak berkuasa yang berkaitan terlebih dahulu. Pihak KPM tetap meminta keperluan CCC ini dipenuhi sebelum CPC dapat dikeluarkan. Memandangkan kelulusan CCC ini banyak bergantung kepada pihak berwajib, maka kelulusan EOT ini ditangguhkan dahulu agar EOT tidak dikeluarkan sebanyak dua kali atas kerja/sebab yang sama, iaitu atas sebab memenuhi kehendak pihak berkuasa.* Pada pendapat Audit, KPM hendaklah memastikan EOT dimohon dan diluluskan sebelum tempoh kontrak tamat bagi menjaga kepentingan Kerajaan.	
16.5.2.2	**Perakuan Siap Kerja Mengambil Masa Yang Lama Untuk Dikeluarkan** Perakuan Siap Kerja (CPC) akan dikeluarkan oleh KPM kepada kontraktor apabila kerja telah siap sepenuhnya dan bangunan boleh digunakan dan memenuhi kriteria sebagaimana yang telah diperuntukkan di dalam kontrak. Selaras dengan syarat kontrak, kontraktor hendaklah mengemukakan notis bertulis yang menyatakan bahawa kerja di tapak telah disiapkan dengan sempurna. Pegawai Penguasa hendaklah dalam tempoh 14 hari dari tarikh notis berkenaan mengadakan pemeriksaan bersama kontraktor sebelum memperakukannya dengan mengeluarkan CPC kepada kontraktor berserta senarai kecacatan jika ada. Semakan Audit mendapati tempoh yang diambil bagi meluluskan CPC adalah antara 28 hingga 92 hari dari tarikh siap sebenar. Ini menyebabkan Tempoh Tanggungan Kecacatan (*Defect Liability Period* – DLP) menjadi lebih singkat dalam tempoh yang sama berbanding tempoh sepatutnya	KPM tidak bersetuju dengan pandangan bahawa "Tempoh Tanggungan Kecacatan (*Defect Liability Period* – DLP) menjadi lebih singkat dalam tempoh yang sama berbanding tempoh sepatutnya yang ditetapkan dalam kontrak," kerana Tempoh Tanggungan Kecacatan bermula dari tarikh yang telah diperakukan di dalam CPC, dan kontraktor akan dikenakan LAD sekiranya tarikh siap yang diperakukan di dalam CPC lebih lewat daripada tarikh siap yang termaktub di dalam kontrak.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	yang ditetapkan dalam kontrak. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 7 Ogos 2014 *KPM bersetuju dengan kenyataan pihak Audit. Kelewatan Pegawai Penguasa untuk menandatangani CPC adalah disebabkan oleh proses pengumpulan segala dokumen sokongan CPC seperti syor dari perunding, kelulusan pihak Jabatan Bomba Dan Penyelamat dan kelulusan Majlis Perbandaran.* Pada pendapat Audit, Pegawai Penguasa hendaklah memastikan CPC dikeluarkan selaras dengan syarat kontrak bagi menjamin kepentingan Kerajaan.	
16.5.3.i	**Perolehan Bangunan** Perolehan bangunan bagi Politeknik METrO Kuala Lumpur telah dinilai sebanyak dua kali oleh pihak JPPH pada 13 Mei 2010 (RM 12 juta) dan 1 Julai 2010 (RM 14.20 juta). Manakala Politeknik METrO Pahang juga dinilai sebanyak dua kali iaitu pada 5 April 2010 (RM 10.50 juta) dan 21 Mei 2010 (RM 13.90 juta).	Perolehan bangunan Politeknik Metro Kuala Lumpur serta Politeknik Metro Kuantan, Pahang tidak melebihi harga penilaian oleh JPPH. Perbezaan harga nilaian oleh JPPH bagi Politeknik Metro Kuala Lumpur pada nilaian pertama dan kedua adalah berdasarkan kepada pertambahan keluasan ruang bangunan sebanyak 929.32 mp yang menyebabkan adanya pertambahan kos sebanyak RM2.2 juta. Manakala bagi Politeknik Metro Kuantan pula, nilaian hanya dilakukan sekali sahaja, bagaimanapun kaedah penilaian perbandingan digunakan atas faktor bahawa telah terdapat pengubahsuaian kepada bangunan oleh pemaju yang pada asalnya hendak membangunkan sebuah kolej swasta di premis berkenaan.
16.5.3.ii	Berdasarkan maklumat di jadual di atas didapati harga penilaian JPPH bagi bangunan Politeknik METrO Kuala Lumpur telah meningkat sejumlah RM2.20 juta atau 18.3% daripada harga penilaian. Manakala bangunan Politeknik METrO Pahang telah meningkat RM3.4 juta atau 32.4%. Peningkatan ini dibuat walaupun pihak JPPH pada awal mendakwa penilaian yang dibuat adalah berpatutan. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 7 Ogos 2014 *a) Nilaian bangunan Politeknik METrO Kuala Lumpur sejumlah RM12 juta pada tarikh nilaian 4 Mei 2010 bagi keluasan Lantai Bersih 5,408.81 mp manakala nilaian sebanyak RM14.2 juta pada 23 Jun 2010 bagi keluasan Lantai Bersih 6,337.32 mp. Lawat periksa kali kedua dibuat setelah menerima surat rayuan penilaian semula harta tanah berkenaan dan JPPH mendapati terdapat perbezaan luas lantai bagi unit 4, 6, 8 dan 10 sebanyak 929.32 mp dengan nilaian RM2.2 juta. Oleh itu, kenaikan harga penilaian tersebut adalah disebabkan oleh pertambahan luas lantai bersih yang perlu dinilai dalam pembelian harta tanah berkenaan.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	b) Perubahan nilaian bangunan Politeknik METrO Kuantan daripada RM10.5 juta kepada 13.9 juta kerana semakan semula telah dibuat ke atas pasaran semasa bagi bangunan baru yang seumpama sebaik sahaja menerima surat rayuan daripada pihak KPM yang mengandungi maklumat harta tanah berkenaan merupakan binaan bangunan baru dengan reka bentuk khas sebagai pusat pengajian. Sehubungan dengan itu, JPPH berpendapat kaedah terbaik untuk menilai harta tanah berkenaan adalah berdasarkan kaedah perbandingan berbanding dengan kaedah kos yang diguna pakai pada nilaian sebelumnya. Penilaian semula menggunakan kaedah perbandingan dengan mengambi kira pasaran semasa bangunan sebanding, nilai pasaran yang munasabah dan berpatutan ialah RM13.9 juta. Tarikh nilaian bagi kedua-dua nilai tersebut ialah sama iaitu pada 9 Mac 2010. Pada pendapat Audit, perolehan bangunan adalah memuaskan kerana KPM telah membuat perolehan bangunan dengan harga yang tidak melebihi harga penilaian yang ditentukan oleh JPPH.	

KEMENTERIAN KESIHATAN

Perenggan 17 : Pengurusan Projek Pembinaan Hospital Shah Alam, Selangor

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.1.1	**Prestasi Projek Pembinaan** Mengikut syarat kontrak bagi kontrak Cadangan HSA, Selangor Darul Ehsan - Pakej II (Reka dan Bina) yang ditandatangani pada 2 Julai 2008 antara Kerajaan dengan SFSB, projek Pakej II perlu disiapkan dalam tempoh 36 bulan iaitu daripada 15 November 2007 hingga 14 November 2010. Bagaimanapun, mengikut Laporan SKALA JKR bertarikh 2 September 2010 kontraktor hanya dapat menyiapkan 27% sahaja kerja berbanding jadual 33.1% bersamaan 62 hari lewat. Dalam tempoh tersebut, JKR telah meluluskan 2 kali lanjutan masa dan tarikh siap kerja yang dilanjutkan adalah sehingga 25 Jun 2011. Berdasarkan Laporan Kedudukan Semasa Projek HSA bertarikh 31 Julai 2013, pihak JKR melaporkan bahawa tiada kesungguhan ditunjukkan oleh SFSB untuk meneruskan kerja walaupun dua Surat Amaran telah dikeluarkan iaitu masing-masing pada 20 Mei 2009 dan 15 Julai 2010. Lanjutan itu JKR telah mengeluarkan Notis Penamatan Kontrak pada 3 September 2010 kepada SFSB.	
17.5.1.2	Lanjutan daripada penamatan kontrak ini, pihak JKR dengan persetujuan MOF telah melantik GESB secara tender terhad bagi menyiapkan kerja yang terbengkalai HSA dalam tempoh 24 bulan bermula pada 19 Oktober 2011 hingga 18 Oktober 2013 dengan harga kontrak bernilai RM410.87 juta. Bagaimanapun, semakan lanjut Audit mendapati projek tersebut tidak dapat disiapkan mengikut tempoh sepertimana yang ditetapkan dalam kontrak disebabkan antaranya kelewatan mendapat bekalan air daripada syarikat konsesi air, kerja rektifikasi rangka pintu yang telah dipasang dan tiada kelulusan lukisan susun atur wad diraja. Lanjutan itu, pihak kontraktor telah memohon beberapa kali lanjutan masa tetapi pihak JKR hanya meluluskan tempoh lanjutan masa selama 341 hari bertarikh 3 Julai 2013 dengan tarikh baru projek siap pada 24 September 2014.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.1.3	Berdasarkan Laporan Projek Bulanan No. 26 yang disediakan oleh GESB bagi tempoh 15 November sehingga 15 Disember 2013, kemajuan kerja secara fizikal adalah 73.95% iaitu 2 hari lebih awal berbanding dengan jadual pelaksanaan projek 73.92%. Manakala mengikut nilai kewangan kemajuan kerja sebenar projek adalah 49.94% iaitu 17 hari lebih awal berbanding nilai kewangan mengikut jadual projek iaitu 48.44%. Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 25 September 2014 *JKR merupakan Pengarah Projek bagi Projek Pembinaan Hospital Shah Alam. Oleh itu JKR mempunyai kuasa dari segi pentadbiran Kontrak untuk memastikan projek dipantau dan disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Sehingga 25 Julai 2014 kemajuan fizikal pelaksanaan projek di tapak telah mencapai 91% (Sebenar) berbanding 97% (Jadual). Lanjutan masa yang diluluskan kepada GESB adalah berdasarkan kelayakan mengikut syarat-syarat kontrak dan dasar semasa Kerajaan. EOT diluluskan di bawah Klausa berikut:-* *i. Kelewatan mendapat bekalan air daripada syarikat konsesi air (selaras dengan Syarat-Syarat Kontrak Klausa 49.1(f)). Perkhidmatan air tidak dapat dibekalkan oleh SYABAS kerana terdapat tunggakan bayaran bil oleh kontraktor terdahulu (SFSB). Tempoh layak yang diberi adalah selama 21 hari.* *ii. Kerja rektifikasi rangka pintu yang telah dipasang oleh kontraktor terdahulu (selaras dengan Syarat-Syarat Kontrak Klausa 49.1(i)). Kerja ini adalah Non Conformance Record (NCR) kontraktor terdahulu (SFSB). Pemeriksaan sebenar mendapati sebanyak 1,814 bilangan pintu terlibat. Tempoh layak yang diberi adalah sebanyak 147 hari. Kerja ini tidak melibatkan kos tambahan kerana kos rektifikasi telah diambil kira oleh GESB dalam kontrak.* *iii. Tiada kelulusan lukisan susun atur wad diraja (selaras dengan Syarat-Syarat Kontrak Klausa 49.1(e)). Kelulusan lanjutan masa ini diberikan bermula dari tarikh mengemukakan konsep hiasan dalaman oleh GESB pada 3 Januari 2012 sehingga persembahan rasmi kepada Istana (pengesahan dan kelulusan layout) pada 21 Mac 2013. Secara keseluruhannya, tempoh layak yang diberi adalah sebanyak 242 hari.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Sebagai tindakan penambahbaikan Kementerian akan memastikan perkara berikut:- *i. Bagi projek yang akan datang, JKR akan meneliti tempoh pelaksanaan projek (project timeline) yang lebih munasabah. Sebagai contohnya, pembinaan HSA berkapasiti 300 katil dan dilengkapi dengan peralatan perubatan serta kemudahan kuarters, tempoh penyiapan selama 24 bulan termasuk T&C. Mulai tahun 2013 Norma Tempoh pembinaan bagi projek hospital yang baru setaraf HSA sedang dipertimbangkan dibina antara 36 - 42 bulan mengikut kesesuaian skop projek berkaitan.* *ii. KKM juga turut membantu untuk melakukan pemantauan berkala terhadap prestasi projek yang sedang dilaksanakan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan (JKTP), Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Projek Pembangunan (JKPPPP) dan juga melalui Mesyuarat Tapak yang dipengerusikan oleh Agensi Pelaksana (Jabatan Kerja Raya). Selain itu, pemantauan berkala turut dilakukan melalui Lawatan Intervensi ICU dan Lawatan Ketua Setiausaha, KKM.* Pada pendapat Audit, JKR perlu menyelia kerja-kerja kontraktor dengan lebih rapi supaya projek dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Kontraktor yang dilantik hendaklah bertanggungjawab melaksanakan projek mengikut kontrak yang telah ditandatangani bagi mengelakkan operasi hospital terjejas dan seterusnya menjaga imej Kerajaan.	
17.5.3.3	**Pelarasan/Peningkatan Kos Projek** Bagi menyesuaikan dengan keadaan tapak bina, perubahan atau pengubahsuaian reka bentuk, Arahan Perubahan Kerja (APK) boleh dikeluarkan. Perubahan tersebut perlu dinilai dari segi kosnya dan Perakuan Pelarasan Harga Kontrak (PHK) dikeluarkan. Semakan Audit mendapati bagi Pakej I, terdapat pengurangan kos bersih sejumlah RM300 ribu iaitu kos asal berjumlah RM9 juta dan bayaran yang telah dibuat adalah berjumlah RM8.7 juta. Manakala bagi Pakej II projek tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang telah ditetapkan menyebabkan implikasi kewangan kepada Kerajaan kerana terpaksa menampung peningkatan kos projek di mana kontraktor penyiap telah dilantik untuk menyiapkan kerja yang terbengkalai. Kos asal projek HSA bagi Pakej II pada asalnya berjumlah RM482.6 juta. Kos projek HSA yang baru telah meningkat sejumlah RM68.25 juta (14.15%) setelah mengambil kira harga kontrak baru RM410.87 juta dan jumlah bayaran yang telah dibayar kepada	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	SFSB sebelum ditamatkan berjumlah RM139.98 juta (termasuk pendahuluan RM9.58 juta). Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 25 September 2014 *Apabila kontraktor projek iaitu SFSB telah ditamatkan, peningkatan kos menyiapkan baki kerja pembinaan HSA tidak dapat dielakkan disebabkan oleh faktor-faktor berikut:-* *i. Kos kerja awalan yang berulang dari kontrak asal seperti kos mengadakan insurans, bon pelaksanaan, gerenti rekabentuk, levi CIDB, membina pejabat tapak, membawa masuk mesin dan jentera ke tapak bina dan lain-lain lagi;* *ii. Kos pembaikan kerja yang telah dibina tetapi tidak lagi selamat untuk diteruskan, contohnya dalam tempoh pelantikan kontraktor yang baru, terdapat kerja yang terdedah kepada elemen cuaca, vandalisme, kerja yang belum disempurnakan dan sebagainya;* *iii. Terdapat juga pertambahan skop kerja, iaitu pembinaan jejantas; dan* *iv. Kenaikan harga disebabkan inflasi iaitu harga kontrak SFSB dimuktamadkan pada tahun 2007, sedangkan kontrak baru disetuju terima pada tahun 2012. Berlaku kenaikan mendadak harga bahan binaan berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia sebanyak 30.3%. Pihak EPU berpandangan bahawa kenaikan kos penyiapan HSA sebanyak 15.2% adalah wajar dan munasabah.* *Sebagai langkah penambahbaikan Kementerian akan memastikan kenaikan harga kontrak baru dapat dikawal kerana pelantikan kontraktor baru adalah melalui proses tender terhad di mana petender perlu bersaing untuk menawarkan harga yang kompetitif.*	
17.5.4	**Kualiti Pembinaan** Setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang diterima pakai supaya bangunan yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif diduduki. Semasa lawatan Audit pada bulan Disember 2013, kemajuan kerja fizikal pembinaan HSA adalah 73.95% dan pada keseluruhannya kualiti pembinaan dan kerja oleh kontraktor adalah	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	memuaskan iaitu dari segi mematuhi spesifikasi yang ditetapkan dan kerja kemasan. Walau bagaimanapun, sekiranya ada kecacatan terhadap kerja dan binaan ianya akan ditegur oleh pengarah projek dan akan disenaraikan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) untuk diambil tindakan pembaikan. Bagaimanapun, di Kuarters Kelas E didapati perabot kabinet di setiap tingkat dipasang berdekatan dengan kipas siling dengan jarak 17cm jauh dan 5cm tinggi. Kedudukan dan jarak ketinggian kabinet berhampiran dengan kipas siling menunjukkan susun atur yang kurang kondusif dan boleh membahayakan kepada keselamatan khususnya kepada kanak-kanak. Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 25 September 2014 *Pemasangan perabot dan kipas siling adalah mematuhi lukisan pembinaan yang digunapakai secara umum. Walau bagaimanapun, semakan modifikasi reka bentuk pemasangan telah dilaksanakan untuk mengambil kira pemasangan sebenar di tapak bagi menjamin keselamatan dan menepati 'good engineering practice'. Pindaan rekabentuk dan pemasangan adalah dibenarkan berdasarkan keperluan teknikal, fungsi dan faktor keselamatan. Sebagai langkah penambahbaikan KKM dan JKR akan memastikan kontraktor mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan dalam pelan bagi projek pembinaan hospital yang akan datang. Berdasarkan maklum balas daripada GESB bertarikh 17 September 2014, pihak kontraktor akan membuat pengalihan terhadap perabot yang telah dipasang dan telah mengenal pasti unit rumah yang terlibat untuk tujuan penambahbaikan.* Pada pendapat Audit, susun atur kabinet di kuarters perlu lebih sesuai dan selamat digunakan.	

KEMENTERIAN KESIHATAN

Perenggan 18 : Pengurusan Kehilangan Dan Hapus Kira Aset

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
18.5.1.1	**Prestasi Penyelesaian Pengurusan Kehilangan Dan Hapus Kira** Laporan kehilangan perlu disediakan apabila berlaku sesuatu kehilangan aset Kerajaan dan seterusnya penyiasatan perlu dilaksanakan. Penyiasatan yang dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti punca berlakunya kehilangan tersebut selain menyediakan mekanisme pencegahan. Berdasarkan laporan penyiasatan, jawatankuasa menentukan punca kehilangan berlaku, individu terlibat dan seterusnya mengesyorkan tindakan surcaj, hapus kira atau tindakan tatatertib.	
18.5.1.2	Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 daripada 49 kes kehilangan, sebanyak 38 (77.6%) kes telah dapat diselesaikan iaitu sebanyak 6 kes telah dikenakan tindakan surcaj bernilai RM6,248 manakala 30 kes mendapat kelulusan hapus kira dan 2 kes aset telah dijumpai semula. Daripada 11 (22.4%) kes yang belum selesai, 7 kes masih dalam tindakan urus setia dan 4 kes masih menunggu Laporan Akhir.	
18.5.1.3	Semakan Audit mendapati 7 (14.3%) kes laporan polis lewat dibuat (empat hingga 62 hari). Manakala, Ketua Jabatan pula lewat menyediakan Laporan Awal (KEW.PA-28) bagi 22 (44.9%) kes iaitu antara dua hingga 833 hari. Bagi 26 (53.1%) kes lantikan Jawatankuasa Penyiasat (KEW.PA-29) lewat dibuat antara dua hingga 129 hari manakala penyediaan Laporan Akhir (KEW.PA-30) bagi 21 (42.9%) kes lewat disediakan (empat hingga 252 hari). Sijil Hapus Kira (KEW.PA-31) lewat dikeluarkan bagi 5 (10.4%) kes antara 16 hingga 297 hari.	
18.5.1.4	Berdasarkan maklumat yang dikeluarkan oleh UPAS dan temu bual dengan pegawai di peringkat hospital mendapati Pegawai Aset kurang mahir dalam mengendalikan proses kerja kehilangan aset. Pegawai juga tidak menyedari laporan awal perlu dihantar dalam tempoh 2 hari bekerja. Manakala bagi pegawai penyiasat pula ada yang tidak mempunyai panduan dalam membuat penyiasatan dan seterusnya menyediakan Laporan Akhir mengikut peraturan yang ditetapkan. Kelewatan melantik pegawai penyiasat dan penyediaan Sijil	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Hapus Kira antara lain disebabkan bebanan tugas yang tinggi di Unit Kehilangan di bawah UPAS yang hanya dianggotai oleh seorang Penolong Setiausaha Gred M41, seorang Penolong Pegawai Tadbir Gred N32 dan seorang Pembantu Tadbir Gred N17. Sepanjang tahun 2013, unit ini menerima 141 Laporan Awal dan 109 Laporan Akhir yang perlu dikendalikan. Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 25 September 2014 *Hasil semakan oleh KKM mendapati sehingga 15 September 2014, semua kes telah diselesaikan kecuali 2 kes di HSA yang melibatkan kehilangan Asset Not Found masih menunggu Laporan Akhir Jawatankuasa Siasatan. Surat Peringatan telah dikeluarkan kepada Jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan supaya mempercepatkan penghantaran Laporan Akhir kepada Urus Setia KKM. Kelewatan membuat Laporan Polis adalah berpunca daripada kekeliruan penjawat awam berkaitan tarikh aset mula disedari/disyaki hilang dan tarikh aset disahkan hilang setelah usaha mencari dijalankan. Bagi kelewatan menyediakan KEW.PA-28, semua kes kelewatan adalah berpunca daripada pegawai aset jabatan yang tidak menyedari keperluan mengemukakan KEW.PA-28 dalam tempoh 2 hari bekerja, siasatan dalaman perlu dilakukan bagi memastikan aset berkenaan benar-benar hilang dan ianya melibatkan kawasan hospital yang besar.* *KKM telah mengambil tindakan penambahbaikan seperti membuat pemantauan dari semasa ke semasa dengan menghantar peringatan kepada Jawatankuasa Penyiasat untuk segera mengemukakan Laporan Akhir, mengeluarkan surat peringatan kepada Ketua Jabatan/Unit serta Pegawai-pegawai aset lokasi mengenai carta aliran kerja Kehilangan Aset, melantik Pegawai Aset Lokasi dan Pembantu Pegawai Pemeriksa Aset dan menganjurkan kursus pengurusan aset bagi pegawai-pegawai aset jabatan. Selain itu, maklumat terkini mengenai pengurusan kehilangan Aset Alih Kerajaan disalurkan kepada semua Penyelaras Aset di Jabatan/Seksyen/Unit/Wad dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) agar sentiasa peka tentang tanggungjawab memastikan semua aset di bawah tanggungjawab berada dalam keadaan selamat dan segera membuat laporan polis serta laporan kehilangan sekiranya berlaku kehilangan.* Pada pendapat Audit, prestasi penyelesaian pengurusan kehilangan dan hapus kira adalah kurang memuaskan kerana terdapat kelewatan di setiap proses di hospital dan KKM.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
18.5.2.1	**Statistik Kes-Kes Kehilangan Aset Bagi Tempoh 2011 Hingga 2013** Berdasarkan maklumat yang dikeluarkan oleh UPAS dan hasil analisis Audit mendapati sebanyak 1,102 unit aset bernilai RM4.20 juta telah dilaporkan hilang di empat hospital yang dipilih bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013.	Bagi mengurangkan kes kehilangan aset di masa hadapan, KKM bercadang untuk menggunakan teknologi *Tracking system* secara *barcode/Radio Frequency Identification* (RFID) yang merupakan keperluan dalam pembangunan *Asset and Services Information System* (ASIS) di dalam Perjanjian Konsesi Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) baru. *Tracking system* ini dijangka akan dilaksanakan di hospital KKM secara berperingkat.
18.5.2.2	Pada bulan November 2011, satu kes kecurian 68 jenis stok ubat berjumlah RM1.21 juta telah berlaku di Substor Farmasi Neurosains dan Substor Farmasi Urologi/Nefrologi HKL. Laporan polis telah dibuat pada 27 Disember 2011. Sebahagian daripada stok ubat tersebut bernilai RM0.74 juta telah dijumpai semula pada Januari 2012. Hasil siasatan yang dijalankan oleh HKL mendapati kecurian ini dilakukan oleh orang dalam yang sentiasa berurusan dengan pihak stor serta mengetahui kelemahan pengurusan kunci substor. Kes kehilangan tersebut telah diputuskan untuk dihapuskira oleh Perbendaharaan manakala tindakan surcaj/tatatertib hanya akan dikenakan ke atas mana-mana Penjawat Awam setelah siasatan polis diselesaikan memandangkan kehilangan disebabkan berlakunya kecurian. Selain itu terdapat juga satu kes kecurian 694 unit ubat berjumlah RM242,125 di HPP pada Februari 2013. Laporan akhir telah dikeluarkan pada Julai 2013, bagaimanapun kes ini masih dalam tindakan urusetia.	
18.5.2.3	Pada bulan Disember 2013, satu kes kecurian Control Panel model Shimadzu telah dilaporkan berlaku di Bilik Radiografi Jabatan Pengimejan Diagnostik, HKL. Control Panel ini merupakan sebahagian daripada komponen General X-Ray di mana kos keseluruhan perolehan General X-Ray ini adalah berjumlah RM0.30 juta. Kecurian Control Panel ini mengakibatkan keseluruhan peralatan General X-Ray tidak dapat digunakan.	
18.5.2.4	Pihak Audit mendapati kehilangan sering berlaku terhadap 4 jenis aset iaitu kompresor penghawa dingin, *syringe pump, physiologic monitoring system* dan *pulse oxymeter* bernilai RM0.60 juta. Berdasarkan laporan naziran keselamatan yang disediakan oleh Cawangan Keselamatan HKL, kawasan berisiko berlakunya kecurian kompresor penghawa dingin ialah di bangunan Jabatan Urologi Dan Nefrologi, bangunan Jabatan Fisioterapi, Pusat Rawatan Pesakit Luar, Institut Pediatrik dan Institut Forensik akibat tidak dipasang jeriji/ kunci yang kukuh.	
18.5.2.5	Berdasarkan tatacara peminjaman peralatan *Syringe Pump,* peminjam perlu membawa alat tersebut untuk disenggara oleh pihak hospital mengikut jadual yang ditetapkan bagi memastikan ia berfungsi dengan baik. Semakan Audit mendapati kehilangan 49 unit *Syringe Pump* di HSA merupakan peminjaman	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	yang dibuat antara wad. Selain itu, berdasarkan maklumat daripada Unit Kejuruteraan HKL, sebanyak 99 unit *Syringe Pump* di Institut Pediatrik tidak dapat disenggara oleh syarikat konsesi semenjak Januari 2013 kerana tidak dipulangkan oleh pesakit. Kegagalan kalibrasi/menyenggara alat boleh menyebabkan ralat dos ubat.	
18.5.2.6	Semakan terhadap fail kehilangan mendapati satu kes kecurian plat tembaga penebat kilat di bumbung parkir bertingkat HPP tidak dibuat laporan polis. Berdasarkan maklum balas daripada Unit Keselamatan HPP, laporan tidak dibuat oleh pihak hospital kerana berpendapat ia adalah di bawah tanggungjawab SKKS. Bagaimanapun berdasarkan klausa 4.2 c dalam kontrak, tanggungjawab SKKS hanya melibatkan tuntutan ganti rugi kehilangan aset akibat kecuaian anggota pengawal. Butiran berkaitan tarikh kejadian dan nilai kerugian tidak diperolehi. Pada pendapat Audit, memandangkan nilai kehilangan aset bagi tempoh tiga tahun di empat hospital mencecah sehingga RM4.20 juta daripada jumlah keseluruhan RM44.19 juta, KKM perlu mengenal pasti punca kehilangan tersebut berlaku dan mengambil tindakan sewajarnya. Manakala kaedah peminjaman *Syringe Pump* kepada pesakit hendaklah dikaji semula. Selain itu, semua kehilangan atau kecurian aset hospital perlu dibuat laporan polis dengan segera. Aset Kerajaan hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan sentiasa diselia oleh pegawai yang bertanggungjawab. Aset yang menarik atau yang bernilai tinggi hendaklah sentiasa diberi kawalan yang maksimum. Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 25 September 2014 • *Bagi kes kehilangan aset di HKL yang terdiri daripada 97 aset, 76 (78.3%) adalah aset perubatan manakala baki 21 (21.7%) adalah aset bukan perubatan. Daripada 20 kes tersebut, 18 (90%) kes berlaku disebabkan kecurian dan tiada unsur-unsur kecuaian penjawat awam dan baki 2 (10%) kes melibatkan kecuaian penjawat awam dan tindakan bayaran balik sebanyak RM2,905.00 telah dikenakan dan selesai dikutip daripada penjawat awam berkenaan. Semua kes yang dilaporkan telah dikeluarkan Sijil Hapus Kira (KEW.PA-31).* • *Bagi HSA, daripada sejumlah 233 aset yang disenaraikan, sebanyak 217 aset (93.1%) masih dalam tindakan Jawatankuasa Penyiasatan yang telah ditubuhkan oleh KKM. Sebanyak 5 aset (2.2%) adalah kes kehilangan akibat kecuaian di mana tindakan surcaj telah dikenakan dan selesai dikutip*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dengan nilai RM1,238.00. Manakala, sebanyak 3 aset (1.3%) adalah kes kehilangan akibat kecurian manakala 8 aset (3.4%) adalah kes kehilangan aset yang tidak dapat dijumpai di mana semua aset berkenaan telah dihapus kira. • *Kes kehilangan di HPP ialah 11 kes sahaja manakala 2 kes kehilangan telah selesai kerana aset berkenaan telah dijumpai semula. Kesemua kes telah selesai disiasat oleh Jawatankuasa Penyiasat peringkat Kementerian yang mana 2 kes (18.18%) akibat kecuaian pegawai, 3 kes (27.27%) kehilangan akibat kecurian, 4 kes (36.36%) kehilangan yang tidak melibatkan kecuaian pegawai, 1 kes (9.09%) kehilangan akibat daripada tatacara pengendalian dan pengurusan stor tidak diuruskan dengan teratur dan 1 kes (9.09%) kehilangan akibat daripada tatacara pengendalian dan pengurusan peralatan di Dewan Bedah Kardiotorasik yang tidak teratur.* • *Kes kehilangan peralatan Water Pump, Centralised Medical Gas System dan Hobart Mixer di HQE berlaku di Bangunan Tower Block yang dirobohkan. Manakala kehilangan peralatan Operating Table, Katil Besi, Patient Locker dan Cardiac Table berlaku di Stor Pelupusan Kopungit dan tiada unsur kecuaian di dalam kes ini. Kesemua 4 kes kehilangan tersebut telah diluluskan untuk hapus kira.* • *Kes kecurian ubatan di HKL disebabkan kunci pintu masuk stor utama tidak diserahkan oleh Pegawai Farmasi dan Penolong Pegawai Farmasi ke Pejabat Penyelia selepas waktu pejabat malahan terdapat kunci pendua. Pihak HKL juga telah mengesyaki kecurian telah dilakukan oleh orang dalam. Kes ini diluluskan dengan syor hapus kira oleh Perbendaharaan kerana ada unsur kecurian dan hapus kira telah dibuat pada 18 Julai 2014. Walau bagaimanapun Pegawai Pengawal meminta perkara ini dibuat susulan dengan pihak Polis bagi mendapatkan perkembangan hasil siasatan dan sehingga sekarang tiada maklum balas diterima daripada IPD Dang Wangi.* • *Kes kecurian Control Panel di HKL berpunca daripada kerosakan pintu. Pihak hospital tidak dapat mengawal keluar masuk di kaunter pintu hadapan memandangkan Pembantu Perawatan Kesihatan perlu membantu tugas pemeriksaan CT scan. Kes kehilangan tersebut diluluskan dengan syor hapus kira oleh Pegawai Pengawal pada 10 Julai 2014 kerana ada unsur kecurian dan hapus kira telah dibuat pada 5 Ogos 2014. Jabatan Pengimejan Diagnostik telah mengambil inisiatif mengguna pakai Control*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Panel yang terdapat di Unit X-Ray Bangunan Urologi & Nefrologi yang tidak digunakan bagi menggantikan Control Panel yang telah hilang. Surat tunjuk sebab mengapa tindakan tatatertib tidak boleh diambil telah dikeluarkan oleh Jabatan Pengimejan Dan Diagnostik, HKL pada Julai 2014. • *Bagi kes aset yang kerap berlaku kehilangan seperti kompresor penghawa dingin, ia disebabkan kedudukan kompresor yang terselindung, dipasang rendah dan boleh dicapai, pemasangan jeriji besi yang terhad, pemantauan yang tidak dilaksanakan oleh syarikat konsesi mahupun pegawai aset dan kekurangan anggota Polis Bantuan menyebabkan rondaan tidak dapat dibuat kepada keseluruhan kawasan HKL. Bagi peralatan Infusion Pump, Physiologic Monitoring System dan Pulse Oxymeters merupakan aset perubatan yang kerap digunakan di wad-wad dan bergerak bersama pesakit. Aset-aset ini disyaki hilang semasa PPM dijalankan oleh syarikat konsesi kerana aset tersebut tiada di lokasi dan dikategorikan sebagai Aset Not Found. Kesemua aset ini telah diambil tindakan Stop Service. Daripada 4 kes kehilangan Syringe Pump di HPP, 2 kes yang melibatkan 3 unit Syringe Pump telah dijumpai semula.* • *HPP telah membuat laporan polis bagi kes kehilangan plat tembaga penebat kilat di bumbung parkir bertingkat pada 14 Mac 2014. Selain itu juga, SKKS telah dikenakan denda/penalti sebanyak RM5,790.* • *KKM telah melaksanakan tindakan-tindakan penambahbaikan seperti memasang CCTV di pintu masuk utama, semua pintu utama jabatan dikunci selepas waktu pejabat, semua pekerja dari syarikat pemasangan peralatan adalah didaftarkan di Pejabat Penyelia, memasang jeriji besi pada kompresor penghawa dingin di beberapa buah lokasi yang strategik dan membuat penandaan dengan kod warna aset bagi mengenal pasti lokasi sebenar aset-aset berkenaan. Selain itu, KKM melalui Bahagian Perkembangan Perubatan sedang menyediakan Garis Panduan Peminjaman Peralatan Perubatan yang mengandungi terma-terma peminjaman, tatacara penyelenggaraan serta implikasi sekiranya berlakunya kerosakan dan kehilangan yang akan diguna pakai oleh semua hospital.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
18.5.3.1.b	***Asset Not Found* Tidak Dibuat Laporan Polis** Semakan Audit mendapati HSA telah membuat laporan polis pada 11 dan 14 Jun 2013 terhadap 208 unit *Asset Not Found* berjumlah RM1.44 juta. Bagaimanapun, 762 unit aset yang tidak dijumpai di lokasi di HKL, HQE dan HPP berjumlah RM6.51 juta tidak dibuat laporan polis. Pada pendapat Audit, KKM perlu mengambil tindakan segera untuk mengesahkan senarai *Asset Not Found* bagi mengenal pasti kehilangan aset sebenar (genuine lost). Laporan polis bagi aset yang tiada di lokasi juga perlu dibuat selepas tempoh 30 hari seperti yang ditetapkan dalam prosedur. Ini bagi memastikan kes kehilangan dan hapus kira dapat dilaksanakan selaras dengan kehendak pekeliling berkaitan. Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 25 September 2014 • *Semua 438 aset yang tidak dijumpai oleh syarikat konsesi di HKL semasa kerja-kerja PPM telah dijumpai semula setelah pemeriksaan dibuat oleh Unit Pengurusan Aset bersama-sama jabatan yang terlibat. Ini berlaku kerana pegawai aset jabatan yang telah dilantik tidak memaklumkan kepada Unit Pengurusan Aset dan syarikat konsesi berkaitan pemindahan/pergerakan aset-aset tersebut.* • *Di HSA, kesemua 208 aset tersebut telah dibuat laporan polis, laporan awal telah dilaksanakan oleh pihak hospital dan kesemua 208 unit aset telah diambil tindakan stop service. Kes ini masih dalam siasatan jawatankuasa penyiasatan Kementerian.* • *Aset yang tidak dijumpai oleh Faber Medi-Serve Sdn. Bhd. semasa kerja-kerja PPM telah dijumpai semula setelah pemeriksaan semula/siasatan dibuat oleh Unit Pengurusan Aset, HQE. Ia berlaku kerana pihak unit/jabatan tidak memaklumkan Unit Aset dan pihak Faber Medi-Serve Sdn. Bhd. berkaitan pemindahan/pergerakan aset-aset tersebut.* • *Di HPP, daripada 296 unit aset yang disenaraikan sebagai Asset Not Found, HPP telah berusaha untuk mencari semula aset berkenaan dan telah menjumpai 53 unit di Stor Pelupusan, 18 unit telah dilupuskan dan 6 unit berstatus BER yang berada di Jabatan/Seksyen/Unit/Wad yang berkenaan. Manakala baki 219 unit masih belum dijumpai dan laporan polis*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	telah dibuat pada 6 Ogos 2014. • *KKM juga telah mengarahkan syarikat konsesi supaya mengemas kini data aset yang terdapat di dalam Central Management Information System (CMIS). Mesyuarat telah diadakan dengan Kementerian Kewangan dan satu Jawatankuasa Siasatan Dalaman akan diwujudkan bagi mengkaji dan meneliti syor yang sesuai dan seragam bagi sesuatu kes kehilangan Asset Not Found.*	
18.5.4.2.b	**Perkhidmatan Syarikat Kawalan Keselamatan Swasta** Pekeliling Agensi Persendirian Bil. 4 Tahun 2010 yang dikeluarkan oleh KDN menetapkan bahawa calon pengawal keselamatan hendaklah terdiri daripada individu berumur 18 hingga 65 tahun dan warganegara Malaysia kecuali warganegara Nepal (bekas tentera). Hanya pengawal yang lulus tapisan keselamatan dan ujian air kencing sahaja yang dibenarkan berkhidmat. Adalah didapati had umur dan status kewarganegaraan pengawal keselamatan di HQE dan HPP mematuhi pekeliling berkaitan. Bagaimanapun, tiada kelulusan tapisan keselamatan bagi semua pengawal keselamatan di HPP.	
18.5.4.2.c	Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 14 Tahun 2002 menetapkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab hospital untuk membuat penilaian prestasi perkhidmatan setiap 6 bulan terhadap SKKS. Pemeriksaan Audit mendapati penilaian prestasi SKKS dijalankan di HQE setiap 6 bulan sekali manakala di HPP penilaian prestasi dibuat setiap bulan dan denda atau penalti telah dikenakan bagi setiap ketidakpatuhan syarat kontrak. Peratus potongan denda dan penalti di HPP pada tahun 2012 ialah 25.3% dan pada tahun 2013 sebanyak 50.6% bagi ketidakpatuhan klausa kontrak dan tuntutan ganti rugi kehilangan aset. Jadual berikut adalah berkaitan.	
18.5.4.2.d	Mengikut klausa 1(ii) dan 2(i) Kontrak Pembekalan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di HPP, bilangan anggota yang perlu dibekalkan seramai 177 orang dan masa perkhidmatan pengawal keselamatan adalah 24 jam sehari. Manakala klausa 2(ii) menetapkan bahawa seseorang pengawal itu tidak menjalankan tugas kawalan melebihi 8 jam sehari. Pihak Audit mendapati di HPP bilangan pengawal keselamatan yang dibekalkan hanya 118 (67%) anggota untuk 2 syif dan ini menyebabkan anggota terpaksa bertugas selama 12 jam. Selain itu, waktu kerja yang panjang (melebihi 8 jam) menyebabkan prestasi kerja menurun dan menjejaskan tumpuan terhadap kawalan keselamatan kawasan hospital.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 25 September 2014 • *KKM telah mengemukakan permohonan pengisian kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan (CGSO) bagi kesemua gred jawatan termasuk Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP27 pada 7 Mac 2014 dan KKM telah menerima 5 orang calon pada 9 Mei 2014 dan penempatan telah pun dilaksanakan. Pada 26 Jun 2014, KKM juga telah mengemukakan permohonan pengisian bagi jawatan Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP22. Sehingga kini tiada pengisian dibuat oleh CGSO. Sepanjang Januari hingga Ogos 2014, KKM telah mengeluarkan surat permohonan pengisian sebanyak lapan kali secara berasingan. Pada 12 Februari 2014, KKM telah memohon pengisian sejumlah 240 jawatan Pembantu Keselamatan KP11/14 daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan (CGSO). Penempatan bagi mengisi kekosongan yang ada akan dilaksanakan setelah calon diterima daripada CGSO.* • *HQE telah memulakan proses tapisan keselamatan dan ujian air kencing bagi pengawal keselamatan yang berkhidmat SKKS. Sehingga 1 Mei 2014 iaitu tarikh tamat kontrak perkhidmatan bagi syarikat Metro Security Sdn. Bhd, tapisan keselamatan bagi pengawal keselamatan HPP masih belum diperolehi. Seksyen Keselamatan HPP dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Timur Laut telah menjalankan ujian air kencing untuk mengesan penyalahgunaan dadah kepada semua pengawal keselamatan di bawah Metro Security Services Sdn. Bhd. yang bertugas di HPP pada tahun 2013 berikutan syarikat berkenaan tidak melaksanakannya seperti mana yang telah dipersetujui dalam kontrak perjanjian. Tapisan keselamatan bagi pengawal keselamatan di bawah Liberty Force Sdn Bhd sedang diuruskan oleh pihak syarikat berkenaan.* • *Pihak Metro Security Services Sdn Bhd telah memaklumkan masalah yang dihadapi oleh syarikat dalam melaksanakan jadual 3 syif sehari. Mesyuarat Bagi Membincangkan Prestasi Syarikat Metro Security Services Sdn Bhd Di Hospital Pulau Pinang yang diadakan di KKM pada 3 Januari 2013 telah bersetuju dengan permohonan yang telah dibuat oleh syarikat tersebut. Pihak KKM telah membenarkan pihak syarikat untuk melaksanakan kerja lebih masa tidak melebihi empat (4) jam dengan bilangan pengawal keselamatan seramai 119 orang.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	• *Potongan denda dan penalti diakui telah dilaksanakan dalam tempoh tersebut berikutan prestasi kerja syarikat kawalan keselamatan tidak memuaskan. Pemotongan dilakukan berdasarkan Klausa 4.2 (c) dan (d) Dokumen Perjanjian Kontrak.* Pada pendapat Audit, KKM perlu mempertimbangkan untuk menggunakan khidmat polis bantuan di hospital yang masih menggunakan khidmat SKKS yang mana integriti mereka telah diuji sebelum diserap dalam perkhidmatan berbanding pengawal keselamatan swasta. Bagi penggunaan SKKS, KKM perlu menyemak semula syarat perjanjian kontrak supaya ianya lebih menjamin kepentingan Kerajaan di samping meningkatkan seliaan dan pemantauan terhadap perkhidmatan yang diberi.	
18.5.4.3.i	**Kawalan Kamera Litar Tertutup - Kawalan CCTV Tidak Dibuat Secara Berpusat Di HQE** HQE mempunyai 120 unit CCTV yang dibekalkan melalui kontrak dengan SKKS. Sebanyak 115 unit CCTV masih berfungsi dan baki 5 telah rosak. Sebanyak 56 unit CCTV disambung melalui kabel dan pemantauan secara *online* dibuat oleh Unit Keselamatan. Manakala baki 59 unit CCTV tidak disambung ke monitor disebabkan kesesakan jaringan internet. Ketiadaan sambungan jaringan internet ini menyebabkan pemantauan secara *online* melalui *monitor* di bilik kawalan tidak dapat dilakukan.	KKM sedang dalam proses untuk mengumpul maklumat dan pandangan daripada semua hospital KKM bagi penyediaan sistem kawalan keselamatan melalui kamera litar tertutup yang lebih baik dan dapat memenuhi keperluan sebenar pihak hospital pada masa hadapan. Kertas cadangan penambahbaikan bagi perkara ini akan dapat disiapkan selewat-lewatnya pada bulan Januari 2015.
18.5.4.3.ii	**Penyenggaraan CCTV Secara Berkala Tidak Dibuat** Perolehan 120 unit CCTV di HQE dibuat secara pakej melalui kontrak kawalan keselamatan syarikat Nusaputra Security Services Sdn. Bhd. mulai 1 Ogos 2011 hingga 31 Julai 2013. Berdasarkan terma kontrak, peralatan CCTV adalah menjadi hak milik hospital selepas tamat tempoh kontrak. Bagaimanapun, setelah kontrak tersebut tamat penyenggaraan CCTV tidak dilakukan. Pihak Audit dimaklumkan bahawa syarikat konsesi tidak bersetuju peralatan CCTV ini untuk dimasukkan dalam kontrak penyenggaraan kerana sebahagian CCTV belum berfungsi sepenuhnya (ketiadaan sambungan jaringan internet), tiada maklumat berkaitan skop kerja pendawaian, pelan *wiring*, kos dan spesifikasi terperinci. Pada pendapat Audit, kawalan keselamatan melalui kamera litar tertutup di hospital yang dilawati kurang memuaskan kerana CCTV yang ada sebahagiannya tidak berfungsi, rosak dan tidak meliputi semua lokasi strategik di hospital.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 25 September 2014 • *Daripada 20 unit CCTV yang tidak berfungsi di HKL, 2 unit tidak berfungsi disebabkan oleh lokasinya yang tidak lagi beroperasi susulan kerja-kerja naik taraf HKL manakala baki 18 unit telah kembali berfungsi setelah dibuat pembaikan pada 15 Ogos 2014. Di HPP, 27 unit CCTV tidak berfungsi berikutan salah satu DVR bagi sistem CCTV tersebut mengalami kerosakan berulang. Syarikat konsesi telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan untuk semua CCTV tersebut dan semua CCTV telah berfungsi dengan baik mulai 6 Mac 2014. Terdapat 5 unit CCTV tidak berfungsi dengan sepenuhnya di HQE disebabkan oleh kerosakan pada DVR dan tindakan tidak dapat diambil terhadap SKKS kerana skop dan spesifikasi kerja pemasangan CCTV tidak disediakan dengan tepat. JKN Sabah telah bersetuju untuk memberikan peruntukan bagi tujuan pembaikan peralatan CCTV dengan menggunakan baki penjimatan projek sedia ada.* • *KKM sedia maklum berkenaan CCTV yang tidak mencukupi di HSA dan cadangan pemasangan lokasi CCTV di Pusat Bersalin dan Wad Hematologi telah dimasukkan di dalam skop projek penggantian lif dan dijangka siap pada 31 Oktober 2014. Jabatan telah juga memohon peruntukan secara berperingkat bagi membekal dan memasang CCTV.* • *Pada 24 Julai 2014, JKN Sabah telah membuat tuntutan penuh jaminan insuran untuk Bon Pelaksanaan bagi Syarikat Nusaputra Security Services berjumlah RM81,972.00. Bon Pelaksanaan ini akan digunakan untuk menyelesaikan masalah penyambungan CCTV yang kepada monitor di bilik kawalan berpusat dan selepas penyambungan tersebut dilaksanakan ianya akan diambil alih oleh pihak Faber Medi-Serve Sdn. Bhd. untuk tujuan penyenggaraan.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
18.5.5.2	**Pengurusan Aset Di Stor Pelupusan** Pemeriksaan Audit mendapati berlaku kecurian tiga unit *Operating Table* di stor pelupusan HSA dengan nilai perolehan berjumlah RM0.14 juta dan 27 unit aset seperti katil besi, *patient locker*, *Cardiac Table* dan *Operating Table* di HQE dengan nilai perolehan RM94,918 pada tahun 2013. Pihak Audit dimaklumkan bahawa ketika kejadian, pintu stor pelupusan di HSA telah dikopak manakala stor pelupusan di Kopungit, HQE tidak berpagar dan tidak ada pengawal keselamatan yang ditugaskan menjaga keselamatan kawasan tersebut. Bagaimanapun lawatan Audit ke stor pelupusan di HSA pada 10 Februari 2014 mendapati stor tersebut telah dikunci. Di HQE, lawatan Audit pada 18 Februari 2014 mendapati kawasan stor pelupusan di Kopungit, HQE telah dipagar dan seorang pengawal keselamatan ditempatkan.	
18.5.5.3	Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 telah menetapkan tatacara berkenaan pelupusan aset iaitu pelupusan hendaklah dijalankan dalam tempoh tiga bulan dari surat kelulusan. Tujuan pelupusan adalah untuk memastikan Jabatan Kerajaan tidak menyimpan aset yang tidak boleh digunakan, menjimatkan ruang simpanan dan mendapatkan hasil pulangan yang terbaik. Lawatan Audit ke stor pelupusan hospital di HQE dan HPP mendapati banyak aset yang hendak dilupus ditempatkan di luar bangunan stor dalam kawasan stor. Berdasarkan Senarai Aset Untuk Dilupuskan, sebanyak 1,066 unit aset di HQE dan 615 unit aset di HPP disimpan di stor pelupusan sejak dari tahun 2010. Selain itu, lawatan Audit mendapati keadaan bangunan stor pelupusan di HPP kurang selamat di mana sebahagian siling di dalam stor telah runtuh. Pada pendapat Audit, pengurusan aset di stor pelupusan hospital perlu dipertingkatkan lagi dan aset tersebut perlu dilupuskan segera bagi mengelakkan kes kecurian dan kemerosotan nilai sisa. Selain itu, KKM hendaklah mengkaji semula had kuasa melupus yang diturunkan kepada hospital supaya proses pelupusan dapat disegerakan. Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 25 September 2014 • *Pihak hospital telah membaik pulih dan memasang kunci baru pada pintu bilik stor HSA.* • *Di HQE, Unit Kejuruteraan JKN Sabah telah membina pagar dan pondok pengawal serta menempatkan pengawal keselamatan untuk mengawal lokasi tersebut 24 jam.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	• *Pihak hospital mengambil maklum bahawa ruang penyimpanan dalam Stor Pelupusan di HPP adalah terhad berbanding jumlah aset yang perlu dilupuskan dan aset yang tidak dapat disimpan di dalam Stor Pelupusan disimpan di koridor belakang bangunan Stor Pelupusan yang berpagar dan berkunci. Antara tindakan penambahbaikan yang telah dijalankan di HPP ialah semua aset di dalam dan di luar bangunan Stor Pelupusan telah disusun semula mengikut kategori, mempercepatkan proses pelupusan dan menyemak semula senarai aset yang berada di dalam Stor Pelupusan. Jumlah fizikal aset di stor pelupusan adalah 439 unit berbanding dengan rekod asal iaitu 615 unit.* • *Cadangan menaikkan had kuasa pelupusan bagi Kuasa Melulus adalah di bawah Akta Perwakilan Kuasa (PUB 285) dan telah dicadangkan oleh Perbendaharaan pada bulan Jun 2013. Walau bagaimanapun, ia masih dalam semakan akhir Jabatan Peguam Negara.*	

KEMENTERIAN KESIHATAN

Perenggan 19 : Pengurusan Projek Pembinaan Klinik-Klinik Kesihatan Di Negeri Sarawak

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
19.5.1.1	**Prestasi Projek - Prestasi Fizikal** Tempoh penyiapan asal bagi 14 PPKK di Negeri Sarawak yang diaudit adalah antara 15 hingga 30 bulan. Semakan Audit mendapati 1 (7.1%) projek iaitu KK Braang Bayur Kuching disiapkan lebih awal dari tarikh siap asal kontrak. Satu (7.1%) projek iaitu KK Petra Jaya Kuching disiapkan mengikut tarikh siap selepas diberi 2 lanjutan masa (EOT) melibatkan tempoh 242 hari manakala 10 (71.5%) projek disiapkan selepas tarikh EOT (5 hingga 453 hari) dan dikenakan denda sejumlah RM5.42 juta. Dua (14.3%) projek iaitu KK Teng Bukap Kuching dan KK Sibu Jaya Sibu masih dalam pembinaan dengan kemajuan kerja masing-masing 97.6% dan 51.0% setakat 30 Jun 2014. Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 25 September 2014 *Bagi projek-projek pembinaan klinik yang akan datang JKRM, JKRS dan KKM akan melaksanakan pemantauan dengan lebih rapi bagi memastikan projek disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Pembinaan KK Teng Bukap Kuching telah siap 100% dan sedang menjalani proses Pengujian dan Pentauliahan. Manakala kemajuan fizikal sebenar KK Sibu Jaya Sibu adalah 62.9% berbanding dengan jadual 95.8% dan dijangka siap pada Februari 2015.* Pada pendapat Audit, prestasi fizikal projek adalah kurang memuaskan kerana 10 (71.4%) daripada 14 projek yang diaudit tidak dapat disiapkan dalam tempoh lanjutan masa yang diluluskan.	
19.5.1.2	**Pencapaian Kewangan Projek** Jumlah perbelanjaan bagi 14 projek yang diaudit setakat 30 Jun 2014 ialah RM194.27 juta (84.4%) daripada peruntukan berjumlah RM230.29 juta.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 25 September 2014 *JKRS dan KKM sentiasa memastikan peruntukan kewangan dibelanjakan dalam tempoh yang ditetapkan.* Pada pendapat Audit, berdasarkan sampel Audit pencapaian kewangan bagi PPKK adalah memuaskan kerana prestasi perbelanjaan bagi 14 projek yang diaudit adalah 84.4% dan tidak melebihi peruntukan yang diluluskan.	
19.5.2	**Permit Menduduki (OP) Belum Diperolehi Tetapi Klinik Telah Diduduki Dan Beroperasi** Mengikut Ordinan Bangunan Sarawak Tahun 1994 perenggan 24, adalah menjadi kesalahan sekiranya sesebuah bangunan itu diduduki tanpa OP yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan boleh dikenakan denda sejumlah RM10,000 jika disabit kesalahan. Antara kriteria yang diperlukan untuk mendapatkan OP adalah perakuan oleh Jabatan Bomba Dan Penyelamat berhubung dengan sistem pencegahan kebakaran. Tanpa OP juga pihak PBT tidak bertanggungjawab untuk mengutip sampah daripada klinik berkenaan. Pemeriksaan Audit mendapati KK Petra Jaya Kuching telah memperolehi OP daripada Dewan Bandaraya Kuching Utara pada 9 Julai 2014, KK Belaga Kapit daripada Majlis Daerah Kapit pada 24 Mac 2011 dan KK Bintulu daripada Lembaga Kemajuan Bintulu pada 2 Julai 2012. Bagaimanapun, semakan lanjut Audit mendapati sebanyak 8 KK yang telah siap dibina dan diduduki serta beroperasi tanpa OP selama 256 hingga 922 hari setakat 31 Mei 2014. Mengikut penjelasan daripada pihak JKNS, operasi KK berkenaan perlu disegerakan untuk kemudahan masyarakat setempat. Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 25 September 2014 *Proses keseluruhan bagi mendapatkan OP adalah melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak Bomba telah dilaksanakan oleh JKRS. Bagi projek-projek yang akan datang JKRS dan KKM akan memastikan OP diperolehi daripada Pihak Berkuasa Tempatan terlebih dahulu sebelum bangunan tersebut diduduki.* Pada pendapat Audit, KKM hendaklah memandang serius perkara ini kerana isu keselamatan bangunan tidak boleh dikompromi dan boleh mengundang bahaya kepada pengguna.	JKRS adalah merupakan Agensi Kerajaan yang mempunyai kemahiran teknikal dan berwibawa dalam penyeliaan projek dari awal sehingga projek disiapkan. Oleh itu, JKRS akan membawa perkara mengenai permohonan OP ini kepada pihak Kerajaan Negeri bagi tujuan untuk menyemak semula *Sarawak Building Ordinance* agar pengeluaran OP dipermudahkan bagi semua bangunan Kerajaan di bawah penyeliaan JKRS sendiri. Permohonan ini akan dikemukakan kepada pihak Kerajaan Negeri selewat-lewatnya pada bulan Disember 2014.

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr>
<td>19.5.3</td>
<td>

Akaun Muktamad Belum Disediakan

Berdasarkan syarat kontrak konvensional JKRM perenggan 31.1, Pegawai Penguasa hendaklah mengeluarkan Akaun Muktamad dalam tempoh 3 bulan selepas tamatnya tempoh tanggungan kecacatan bagi keseluruhan kerja atau 3 bulan selepas dikeluarkan perakuan siap memperbaiki kecacatan (CMGD). Semakan Audit mendapati 8 PPKK telah siap tetapi Akaun Muktamad belum disediakan dalam tempoh 1 hingga 27 bulan setakat 31 Mei 2014.

Perkara ini berlaku disebabkan perubahan harga belum dapat dimuktamadkan oleh kontraktor dan JKRS. Oleh itu, sijil Akaun Muktamad tidak dapat dikeluarkan dan akaun projek tergantung menyebabkan kos sebenar projek tidak dapat dipastikan.

Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 25 September 2014

Akaun Muktamad belum disediakan kerana masih terdapat kerja baik pulih kecacatan yang perlu dibuat oleh kontraktor dan masih ada tuntutan yang belum diselesaikan bersama kontraktor. Bagi projek-projek yang akan datang JKRS dan KKM akan memastikan Akaun Muktamad dikeluarkan dalam tempoh 3 bulan selepas tamatnya tempoh tanggungan kecacatan bagi keseluruhan kerja atau 3 bulan selepas dikeluarkan perakuan siap memperbaiki kecacatan (CMGD).

Pada Pendapat Audit, Akaun Muktamad perlu disediakan dalam tempoh yang ditetapkan bagi mengesahkan kos sebenar projek dan memastikan kontraktor tidak terbeban.

</td>
<td>

Status Akaun Muktamad bagi 8 PPKK tersebut adalah seperti berikut:-

<table>
<tr><th>Projek</th><th>Punca/Sebab Akaun Muktamad Belum Disediakan</th><th>Status Akaun Muktamad</th></tr>
<tr><td>1. KK Batu Kawa, Kuching</td><td>Masih terdapat isu kontrak yang sedang diselesaikan.</td><td>Dijangka dapat disediakan selewatnya pada bulan Disember 2014.</td></tr>
<tr><td>2. KK Belaga, Kapit</td><td>Masih terdapat Pelarasan Harga Kontrak yang masih belum diselesaikan dan tuntutan daripada Kontraktor yang masih lagi belum diluluskan.</td><td>Dijangka dapat disediakan selewatnya pada bulan Disember 2014.</td></tr>
<tr><td>3. KK Long Lama, Miri</td><td>Kerja baikpulih baru disiapkan oleh Kontraktor.</td><td>Dijangka dapat disediakan selewatnya pada bulan Disember 2014.</td></tr>
<tr><td>4. KK Bario, Miri</td><td>Kerja baikpulih masih dijalankan.</td><td>Dijangka dapat disediakan selewatnya pada bulan Disember 2014.</td></tr>
<tr><td>5. KK Jepak, Bintulu</td><td>Tunggakan Bayaran akhir kepada Kontrakor</td><td>Telah disediakan pada 28 November 2013.</td></tr>
<tr><td>6. KK Munggu Lallang</td><td>Dalam proses pelantikan pihak ke tiga bagi kerja-kerja pembaikan.</td><td>Dijangka dapat disediakan selewatnya pada bulan Disember 2014.</td></tr>
<tr><td>7. KK Asajaya, Samarahan</td><td>Tunggakan Bayaran akhir kepada Kontrakor.</td><td>Telah disediakan pada 8 Julai 2013.</td></tr>
<tr><td>8. KK3 Bintulu, Bintulu</td><td>Kerja baikpulih masih dijalankan.</td><td>Dijangka dapat disediakan selewatnya pada bulan Disember 2014.</td></tr>
</table>

</td>
</tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
19.5.4	**Kualiti Kerja Pembinaan Kurang Memuaskan** Setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang diterima pakai supaya bangunan yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif. Lawatan Audit ke tapak projek mendapati 7 daripada 14 projek PPKK menunjukkan kualiti pembinaan yang kurang memuaskan. Antara kualiti kerja yang kurang memuaskan ialah siling dan dinding berkulat, pembinaan tidak mengikut pelan lukisan, resapan air di dinding dan siling, jarak di antara lantai tingkat atas dengan anak tangga di kuarters pegawai perubatan rendah iaitu hanya 1.58 meter (5 kaki) dan aliran parit tersekat. Antara faktor yang menyebabkan kualiti kerja PPKK di Negeri Sarawak kurang memuaskan ialah pemantauan yang kurang berkesan oleh JKRM, JKRS, JKNS dan perunding. Tempoh diduduki adalah mulai dari tarikh KK beroperasi sehingga tarikh lawatan fizikal Audit iaitu antara 161 hingga 826 hari. Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 25 September 2014 *Punca siling dan dinding berkulat adalah disebabkan oleh proses kondensasi di kawasan berkenaan. Suhu dalam bangunan yang rendah(sejuk) bertembung dengan suhu yang tinggi(panas) menyebabkan proses ini terjadi di mana ia merupakan tempat yang sesuai untuk kulat membiak. Perkara tersebut terjadi mungkin disebabkan tingkap dibuka semasa penghawa dingin dipasang. Masalah ini sudah dibaiki dengan membersihkan kulat dan pihak pengguna disaran untuk tidak membuka tingkap bilik di KK Bintulu semasa penghawa dingin diguna. Di KK Batu Kawa, kerja pembaikan telah siap dilaksanakan.* *Pembinaan tiang bangunan kuarters kediaman di KK Mid Layar sepatutnya lurus seperti dalam lukisan pembinaan. Bagaimanapun disebabkan kualiti pembinaan formwork yang tidak kemas dan memuaskan, tiang menjadi tidak lurus. Kerja-kerja pembaikan ke atas kerosakan tersebut telah siap dilaksanakan.* *Hasil semakan mendapati, resapan yang berlaku di KK Munggu Lalang adalah berpunca daripada penyambungan paip di tandas tingkat atas yang tidak kemas dan kukuh. Kerja pembaikan akan dimulakan pada bulan Oktober 2014. Manakala itu, di KK Long Lama, punca resapan air pada siling adalah disebabkan oleh kebocoran paip pada tangki air. Kerja pembaikan ke atas kerosakan tersebut telah siap dilaksanakan. Resapan air pada dinding kuarters KK Bario adalah disebabkan oleh rekahan pada lantai tandas dan kesan*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	resapan air pada dinding kuarters adalah disebabkan oleh tempias sewaktu hujan. Kerja pembaikan ke atas kerosakan tersebut telah siap dilaksanakan. *Berdasarkan lukisan kontrak dan struktur, ruang di antara siling lantai dan anak tangga adalah mencapai 2.1 meter di mana tidak terdapat siling dan rasuk konkrit pada bahagian atas. Kerja-kerja pembaikan terhadap jarak di antara lantai tingkat atas dengan anak tangga di kuaters rendah telah dilaksanakan.* *Bagi KK Munggu Lalang, masalah parit bertakung dan tidak dapat mengalir dengan baik semasa hujan adalah disebabkan laluan dihalang oleh saluran paip ke tangki najis di mana terdapat hanya satu laluan air keluar ke parit utama seperti yang dinyatakan di dalam lukisan kontrak. Bagaimanapun, ini adalah kerana kedalaman aras tangki tidak membolehkan laluan paip najis dipasang di bawah paras parit. Untuk mengatasi masalah ini, kedalaman parit perlu ditambah supaya laluan paip tidak menghalang aliran air dan pihak JKRS akan melantik pihak ketiga bagi menyelesaikan masalah tersebut. Kerja pembaikan akan dimulakan pada bulan Oktober 2014.* Pada pendapat Audit, pihak KKM, JKRS dan perunding perlu memastikan supaya kualiti kerja adalah baik mengikut spesifikasi kontrak dan kontraktor mengambil tindakan pembaikan segera terhadap semua kerja yang kurang memuaskan dalam tempoh kecacatan. Ini bagi memastikan kos penyenggaraan tidak akan meningkat pada masa hadapan.	
19.5.5.1	**Peralatan Yang Kurang Sesuai - Peralatan *Air Compressor* Yang Kurang Sesuai Dibekal Untuk Klinik Pergigian** Mengikut syarat kontrak, jenis *Air Compressor* yang dibekalkan hendaklah daripada *medical grade dental compressed air system. Air Compressor* merupakan kelengkapan rawatan pergigian yang sangat penting perlu dibekalkan untuk kegunaan rawatan pergigian, kerusi dan ruang kerja juruteknologi pergigian (*Dental Technologist Workstation*). Oleh itu, *Air Compressor* yang dibekalkan hendaklah sesuai dengan keperluan rawatan pergigian iaitu *medical grade dental compressed air system.* Lawatan Audit bersama wakil daripada pihak JKRS, perunding, kontraktor dan pengurusan KK Bintulu dan KK Batu Kawa Kuching mendapati *Air Compressor* yang dibekalkan di Klinik Pergigian kedua-dua KK tersebut adalah jenis *Air Compressor* yang kurang sesuai.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Menurut pandangan Pegawai Pergigian Bahagian Bintulu, *Air Compressor* yang dibekalkan kurang sesuai dengan rawatan pergigian kerana kualiti udara mampat yang dihasilkan diragui kebersihannya. Udara tidak/kurang bersih yang digunakan dalam rawatan pergigian boleh menyebabkan komplikasi jangkitan kuman. Selain itu, *Air Compressor* tersebut juga mengeluarkan bunyi yang lebih kuat berbanding *medical grade dental compressed air system* yang lebih senyap. Keadaan ini boleh mengganggu keselesaan pesakit yang menerima rawatan dan kakitangan yang bertugas. Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 25 September 2014 *Air compressor yang dibekalkan untuk KK Bintulu dan Batu Kawa adalah menepati spesifikasi kontrak iaitu oil-free compressor. Sistem air compressor yang dibekalkan adalah dilengkapi dengan dust filter, refrigerant dryer dan bacterial filter. Dari semasa ke semasa, JKRM dan JKRS telah mempertingkatkan spesifikasi berpandukan piawaian terbaharu iaitu menggunakan medical grade compressor yang dilengkapi dengan ciri-ciri oil-free, low humidity dan infection control.* Pada pendapat Audit, *air compressor* yang dibekalkan ke KK Petra Jaya Kuching dan KK Belaga Kapit adalah sesuai (*benchmarking*) dibandingkan dengan *air compressor* yang dibekalkan ke KK Bintulu dan KK Batu Kawa Kuching.	
19.5.5.2	**Kepala Paip Di Singki Kurang Sesuai** Mengikut pelan lukisan bagi pembinaan KK Asajaya Samarahan, jenis kepala paip yang perlu dipasang di singki ialah jenis *Bip Tap brand 'NEU' model NT36.* Paip air adalah keperluan yang sangat penting di dalam bilik rawatan sesebuah KK kerana pegawai perubatan perlu mencuci tangan dengan air dan sabun setiap kali sebelum dan selepas pemeriksaan pesakit. Reka bentuk kepala paip bagi sesebuah bilik rawatan hendaklah sesuai iaitu dari jenis yang mempunyai pili bertiang yang lebih tinggi dan *lever* panjang untuk membuka dan menutup. Reka bentuk ini adalah lebih *hygienic* kerana boleh dibuka dan ditutup dengan menggunakan siku tangan. Lawatan Audit ke tapak projek bersama wakil daripada pihak JKRS, perunding dan kontraktor dan pengurusan KK Asajaya Samarahan dan KK Jepak Bintulu mendapati kepala paip di singki bilik rawatan kurang sesuai kerana *lever*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pendek. Bagaimanapun tindakan telah diambil oleh kontraktor untuk mengantikan kepala paip dengan jenis *lever* yang panjang. Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 25 September 2014 *Kepala paip jenis elbow yang dibekalkan di 'Wet Lab' KK Petra Jaya adalah bersesuaian dengan sinki yang digunakan. Bagaimanapun, kepala paip jenis elbow ini tidak sesuai digunakan untuk basin seperti di Gambar 19.30 dan Gambar 19.32 kerana terlalu panjang untuk kegunaan basin. Selain itu, JKRS juga telah menyemak semula spesifikasi kepala paip yang bersesuaian mengikut ruang di mana basin akan ditempatkan untuk projek-projek baru. Kerja pembaikan dan penggantian kepala paip telah siap dilaksanakan.*	
19.5.5.3	**Singki Dan Meja Makmal Kurang Sesuai** Mengikut kontrak bagi KK Batu Kawa Kuching singki makmal hendaklah dibekalkan dari jenis 'Johnson Suisse' *or other approved vitreous China lab sink with and all including acid resistance bottle trap* manakala bagi KK Bintulu singki makmal hendaklah dibekalkan dari jenis 'Johnson Suisse Lab sink 560' *or approved equivalent laboratory sink, complete with* 'Johnson Suisse FA300603CP' *or approved equivalent wall mounted elbow action pillar tap and including all necessary fixing accessories*. Singki dan meja makmal adalah antara kelengkapan yang penting bagi makmal di sesebuah KK. Oleh kerana kerja-kerja yang dijalankan di sesebuah makmal banyak menggunakan air dan bahan kimia, reka bentuk singki dan meja hendaklah dari jenis bahan yang boleh bertahan apabila kerap terkena air dan bahan kimia. Lawatan Audit ke tapak projek bersama wakil daripada pihak JKRS, perunding, kontraktor dan pengurusan KK Jepak Bintulu mendapati singki dan meja makmal dibina dari seramik dan jubin yang sesuai dan menepati ciri-ciri sebuah makmal KK. Bagaimanapun, di KK Bintulu dan KK Batu Kawa Kuching, meja makmal dibina daripada *chipboard* yang mudah rosak apabila kerap terkena air manakala singki yang dipasang adalah dari jenis plastik yang mudah rosak apabila terkena bahan kimia dan air panas. Di KK Asajaya Samarahan singki yang dipasang di makmal adalah dari jenis zing dan didapati telah berkarat. Sinki yang berkarat telah diganti oleh kontraktor**.** Keadaan ini boleh menyebabkan kos penyenggaraan meningkat pada masa hadapan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 25 September 2014 *Kemasan phenolic resin yang dispesifikasikan ini adalah jenis yang selalu digunakan untuk perabot makmal atas sifat rintangan "chemical" yang baik. Sinki makmal yang berkarat di KK Asajaya telah diganti.* Pada pendapat Audit, pihak KKM, JKRS dan perunding hendaklah memastikan semakan menyeluruh dijalankan sebelum lukisan siap bina dimuktamadkan agar tidak berlaku peralatan yang kurang sesuai dibekalkan ke KK. Di samping itu, spesifikasi peralatan yang standard di sesebuah KK tidak boleh dikompromi dari segi kualiti dan kesesuaian untuk memastikan petugas makmal menggunakan kemudahan yang disediakan secara optimum dan selamat.	
19.5.6	**Reka Bentuk Dan Pemasangan Paip Sanitari Tidak Sesuai** Lawatan Audit bersama wakil daripada pihak JKRS, perunding, kontraktor dan pihak pengurusan KK Jepak Bintulu, KK Asajaya Samarahan dan KK Mid Layar Nanga Spak Betong mendapati paip sanitari dibina secara menegak di ruang legar aras bawah kuarters kediaman kakitangan dan dibina tanpa dirapatkan ke dinding atau tiang bangunan kuarters. Menurut penjelasan kontraktor, pemasangan paip sanitari ini adalah berdasarkan kepada lukisan pelan yang disediakan oleh pihak JKRS. Keadaan ini bukan saja mencacatkan pemandangan tetapi juga menghalang laluan di ruang legar berkenaan. Di samping itu, paip sanitari tersebut juga terdedah kepada risiko kerosakan atau patah kerana tidak dipasang ke struktur tiang atau dinding. Bagaimanapun kerja pembaikan telah dilaksanakan oleh kontraktor bagi KK Jepak Bintulu, KK Mid Layar Nanga Spak Betong dan KK Asajaya. Pemeriksaan Audit selanjutnya di KK Munggu Lalang Samarahan mendapati paip sanitari dipasang secara mendatar. Keadaan paip sanitari yang tiada kecerunan boleh menyebabkan aliran sanitari kurang lancar dan mudah tersumbat. Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 25 September 2014 *Kedudukan paip sanitari sepatutnya disalurkan ke arah tiang dan bukannya seperti dalam Gambar di atas. Perkara ini berlaku kerana kekeliruan semasa pembacaan lukisan teknikal di mana pemasangan paip kumbahan diselia berdasarkan kepada lukisan diagramatic dan tidak merujuk kepada pelan senibina. Kerja pembaikan di KK Jepak, KK Asajaya dan KK Mid Layar Nanga*	JKRS bercadang untuk menyemak semula skop kerja pegawai-pegawai yang bertanggungjawab memantau projek dan bagi tujuan tersebut, Mesyuarat Khas bersama KKM dan JKRM akan diadakan selewatnya pada bulan Disember 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Spak telah siap dilaksanakan. Manakala bagi KK Munggu Lalang, kerja pembaikan akan dilaksanakan pada bulan Oktober 2014. Pada pendapat Audit, kekeliruan semasa pembacaan lukisan teknikal tidak sepatutnya berlaku jika kerja kontraktor dipantau/diselia dengan rapi oleh JKRS.	
19.5.7	**Genset Tidak Dimasukkan Dalam Skop Kerja Pembinaan** Genset merupakan kelengkapan asas yang penting bagi sesebuah KK untuk menjana tenaga elektrik sekiranya berlaku gangguan bekalan tenaga elektrik daripada Sarawak Energy Berhad. Tenaga elektrik diperlukan sepanjang masa untuk memastikan peralatan dan kelengkapan klinik sentiasa berfungsi dengan baik. Lawatan Audit bersama wakil daripada pihak JKRS dan pengurusan KK Asajaya Samarahan mendapati genset tidak dibekalkan kerana tidak termasuk dalam skop kerja pembinaan KK Asajaya Samarahan. Pihak pengurusan KK Asajaya Samarahan telah membeli sendiri dan menggunakan bateri kenderaan di Bilik Ibu Bersalin untuk menyalakan lampu sekiranya bekalan elektrik terputus. Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 25 September 2014 *Perancangan membekalkan genset ke KK Asajaya tidak diperuntukkan dalam kontrak. JKRS dan KKM akan memastikan bahawa kemudahan genset perlu disediakan bagi projek-projek baru.* Pada pendapat Audit, memandangkan keperluan genset adalah kritikal semasa berlaku gangguan bekalan elektrik, KKM hendaklah mengambil tindakan segera untuk menyediakan genset di KK Asajaya Samarahan.	KKM telah melaksanakan proses Sebut Harga bagi perolehan genset di KK Asajaya. Genset akan dibekalkan kepada KK tersebut selewat-lewatnya pada bulan Novemember 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
19.5.8	**Klinik Kesihatan Beroperasi Tanpa Bekalan Air Bersih Dan Terawat Yang Mencukupi** Mengikut amalan pengurusan yang baik, sesebuah KK yang beroperasi hendaklah mempunyai bekalan air yang bersih dan terawat yang mencukupi. Lawatan Audit ke tapak projek bersama wakil daripada pihak JKRS, kontraktor dan pihak pengurusan KK Long Lama Miri, KK Munggu Lalang Samarahan dan KK Braang Bayur Kuching mendapati KK beroperasi tanpa bekalan bersih dan terawat yang mencukupi menyebabkan prosedur rawatan dan kegunaan harian kakitangan klinik terjejas. Menurut pegawai perubatan KK Long Lama Miri alat-alat yang boleh digunakan semula terpaksa dibuang kerana masalah kekurangan air untuk mencuci alat tersebut. Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 25 September 2014 *Lokasi tapak bagi ketiga-tiga klinik tidak mempunyai saluran bekalan air utama di mana KK Munggu Lalang dan KK Braang Bayur menggunakan sistem 'Graviti Feed' iaitu punca air adalah dari kaki gunung. Manakala KK Long Lama menggunakan sumber air dari sungai di mana air dipam dan disalurkan ke tangki simpanan air. JKRS telah memohon peruntukan bagi menaik taraf sistem pam kuasa elektrik dan paip air bagi KK Long Lama dan kerja-kerja naik taraf telah selesai.* Pada pendapat Audit, semua KK perlu dibekalkan dengan bekalan air bersih dan terawat yang mencukupi supaya perkhidmatan klinik dapat beroperasi dengan lancar.	**<u>KK Long Lama</u>** Peruntukan sebanyak RM350,000 telah diberi bagi menaik taraf sistem pam kuasa elektrik dan paip air dan kerja-kerja naik taraf telah selesai dilaksanakan. **<u>KK Munggu Lalang</u>** Pasukan Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS), KKM sedang mengenalpasti punca air yang lebih baik untuk dijadikan empangan baru supaya empangan tersebut tidak perlu dikongsi dengan penduduk kampung. Projek ini dijangka dapat disiapkan pada bulan Disember 2014. **<u>KK Braang Bayur</u>** Sumber air bersih dari saluran paip dijangka dapat dibekalkan ke Klinik ini pada bulan Disember 2014.
19.5.9	**Pemantauan PPKK Di Negeri Sarawak Kurang Memuaskan** Pemantauan terhadap PPKK di Negeri Sarawak hendaklah dilakukan secara rapi dan berterusan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan selaras dengan objektif projek. PPKK di negeri Sarawak dipantau oleh BPK KKM, JKRM, JKRS, JKNS dan perunding yang dilantik melalui Mesyuarat Pemantauan Projek, Mesyuarat Tapak dan Laporan Bulanan Kemajuan Projek. Semakan Audit mendapati pemantauan ada dilakukan tetapi tidak mencukupi dan kurang berkesan kerana masih terdapat kelemahan seperti yang dibangkitkan di atas.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 25 September 2014 *KKM sentiasa mengambil berat dan menekankan kepentingan proses pemantauan projek pembangunan di negeri Sarawak. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:-* • *Membincangkan isu dan status pelaksanaan projek pembangunan di Sarawak di dalam Mesyuarat Pembangunan JKNS sebanyak 4 kali setahun bersama semua agensi pelaksana yang terlibat;* • *Menumpukan perhatian kepada perbincangan isu dan langkah mengatasi masalah dalam Mesyuarat Projek Bermasalah sebanyak 4 kali setahun;* • *Usaha turun padang dan inisiatif bersemuka dengan kontraktor melalui Lawatan Pemantauan Berkala Bersama Agensi Pemantauan Persekutuan dan Negeri;* • *Aktiviti semakan status projek dan turun padang ke mesyuarat-mesyuarat tapak yang diadakan oleh agensi-agensi pelaksana sekurang-kurangnya sekali sebulan bagi setiap projek;* • *Melapor status dan membincangkan isu pembangunan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Projek-Projek Persekutuan yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Persekutuan Negeri Sarawak;* • *Memberi kerjasama sepenuhnya di dalam lawatan turun padang yang dianjurkan oleh agensi-agensi pemantauan yang lain; dan* • *Memantau maklumat prestasi projek melalui SPPII setiap bulan;* *JKRS dan KKM akan memastikan pemantauan terhadap PPKK di negeri Sarawak akan dilakukan secara rapi dan berterusan di masa hadapan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan selaras dengan objektif projek.* Pada pendapat Audit, kaedah pemantauan yang lebih berkesan diwujudkan dengan mengambil tindakan tegas mengikut undang-undang terhadap kontraktor dan perunding bagi memastikan masalah kelewatan penyiapan dan kualiti projek dapat dikurangkan.	

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Perenggan 20 : Program 1Azam

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
20.5.1.1	**Prestasi Kewangan** Pada tahun 2010 hingga 2013, sejumlah RM1.10 billion peruntukan Program 1AZAM telah disalurkan kepada agensi pelaksana di bawah KPWKM, KPIAT, KPIM Sabah dan KKWPK Sarawak untuk dilaksanakan di seluruh Malaysia. Bagi KPWKM dan KPIAT, peruntukan yang diterima adalah di bawah peruntukan "One Off" sementara KPIM dan KKWPK masing-masing mewujudkan satu Akaun Amanah. Semakan Audit mendapati Kementerian di sepanjang tahun 2010 hingga 2013, dari sejumlah RM1,101.45 juta peruntukan yang diterima, sejumlah RM895.24 juta (81.28%) telah dibelanjakan dan sejumlah RM206.21 juta (18.73%) baki yang belum dibelanjakan. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada bukti menunjukkan sebarang peraturan disediakan bagi pengurusan baki peruntukan Program 1AZAM yang belum dibelanjakan oleh Kementerian. Tanpa peraturan yang ditetapkan, akan menyebabkan kurangnya kawalan terhadap baki peruntukan dan tiada arahan yang jelas kepada agensi pelaksana dalam menguruskan peruntukan tersebut. Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan sebanyak 81.28% adalah baik. Bagaimanapun *Standard Operating Procedure* (SOP) perlu diwujudkan bagi mengurus baki peruntukan setiap tahun selain memberi arahan yang jelas kepada agensi pelaksana.	
20.5.2.1	**Pemilihan Peserta Program 1AZAM** Semakan Audit mendapati, kecuali KPWKM, ke semua peserta yang ditemui di bawah KPIAT, KPIM dan KKWPK adalah berdaftar dan menjadi ahli dalam eKasih. Semakan lanjut Audit mendapati dari seramai 100 peserta KPWKM yang dilawati di 6 negeri didapati sehingga 19 September 2014 seramai 58 (58%) peserta Program 1AZAM belum diketahui statusnya sama ada layak disenaraikan sebagai ahli eKasih atau sebaliknya. Ini adalah kerana nama 50	Program 1Azam adalah salah satu inisiatif yang diketengahkan di dalam Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan (GTP) pada bulan Januari tahun 2010 oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU). Inisiatif ini juga merupakan langkah tambahan kepada usaha membasmi miskin tegar dan mengurangkan kemiskinan. Kerajaan berazam untuk memperbaiki kehidupan isirumah berpendapatan rendah yang berada di luar lingkungan kategori miskin

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	daripada 58 peserta tersebut telah dimasukkan ke dalam pengkalan data eKasih sebagai "Senarai Penerima Bantuan" (SPB) tetapi pengesahan sama ada mereka layak menjadi ahli dalam eKasih atau sebaliknya belum diketahui. Sementara itu 8 peserta belum dimasukkan ke dalam pangkalan data eKasih. Perkara seperti ini berlaku kerana pemilihan mereka adalah juga melalui agensi pemimpin masyarakat tempatan seperti MAYANG di peringkat Parlimen dan NADI di bawah Dewan Undangan Negeri. Di samping itu tiada prosedur disediakan di peringkat KPWKM bagi memastikan status peserta yang diterima dari agensi tersebut yang mana tidak tersenarai dalam pangkalan data eKasih. Lawatan Audit ke atas peserta yang dimaksudkan juga mendapati sebahagian daripada mereka adalah bukan dari kategori miskin/miskin tegar. Semakan Audit mendapati peserta Program 1AZAM yang tidak menjadi ahli dalam eKasih adalah mereka yang tidak memenuhi kriteria sebagaimana yang ditetapkan dalam Mesyuarat Tindakan Negara Bil. 3/2010 bertarikh 6 Disember 2010. Maklum Balas Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) Yang Diterima Pada 26 Ogos 2014 *Bagi pelaksanaan program 1AZAM 2011 hingga 2013 Kementerian menggunapakai senarai nama eKasih dan diperluaskan juga kepada peserta bukan eKasih iaitu penerima Bantuan JKM dan golongan berpendapatan RM2,300 ke bawah (B40) yang dikenal pasti jentera akar umbi Kementerian.* *Pada tahun 2014, syarat permohonan untuk menyertai Program 1AZAM telah ditambahbaik iaitu hanya pemohon yang telah disahkan berdaftar di dalam sistem eKasih di bawah kategori miskin dan miskin tegar yang berpendapatan bulanan isi rumah di bawah RM1,500 (Bandar) atau RM1,000 (Luar Bandar) sahaja layak menyertai Program 1AZAM.* Pada pendapat Audit, objektif Program 1AZAM bagi menjana pendapatan rakyat yang berpendapatan rendah (miskin/miskin tegar) boleh terjejas memandangkan peserta yang dipilih bukan dari kalangan tersebut.	dan miskin tegar. Oleh yang demikian, bagi pelaksanaan program 1AZAM 2011 hingga 2013 Kementerian menggunapakai senarai nama eKasih dan diperluaskan juga kepada peserta bukan eKasih iaitu penerima Bantuan JKM dan golongan berpendapatan RM2,300 ke bawah (B40) yang dikenal pasti jentera akar umbi Kementerian. Baki lapan (8) peserta, empat (4) telah didaftarkan pada 19 September 2014 dan empat (4) sedang diambil tindakan selewat-lewatnya sehingga 30 November 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
20.5.3.1	**Peranan Yayasan Kebajikan Negara** Yayasan Kebajikan Negara (YKN) merupakan sebuah badan pemegang amanah di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] dan diletakkan di bawah bidang tugas YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berdasarkan P.U. (A) 184 bertarikh 26 Jun 2013. YKN ditadbir oleh Lembaga Pemegang Amanah yang dilantik oleh YB Menteri berdasarkan Surat Ikatan Amanah Yayasan Kebajikan Negara 1981 dan dikawalselia oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri. Dalam melaksanakan pengurusan kewangannya YKN tidak terikat dengan peraturan-peraturan Kerajaan sebaliknya YKN berdasarkan kepada peraturan kewangannya sendiri. KPWKM telah melantik YKN pada 28 Jun 2011 sebagai agensi pelaksana kepada Program 1AZAM di bawah Kementeriannya. Pelantikan tersebut adalah disebabkan YKN berpengalaman dalam urusan penyaluran bantuan, serta boleh mempercepatkan urusan bantuan Program 1AZAM di samping dapat mengatasi masalah kekurangan kakitangan di peringkat KPWKM. Berdasarkan lantikan itu, YKN berperanan untuk melakukan perolehan dan pembayaran terhadap kontraktor yang membekalkan peralatan kepada peserta Program 1AZAM. Melalui surat pelantikan itu juga, YKN dikehendaki menyediakan perkara-perkara berikut:- i. Mewujudkan akaun khas; ii. *Memorandum of Understanding* (MoU) antara YKN dan KPWKM; iii. *Terms of Reference* untuk setiap projek; dan iv. Sistem pemantauan dan pengauditan perlu diwujudkan. Semakan Audit mendapati perkara berikut- • YKN hanya mengambil tindakan untuk mewujudkan akaun khas 1AZAM pada 19 September 2014 dengan mendepositkan sejumlah RM5.51 juta dari sejumlah RM165.51 juta baki peruntukan 1AZAM ke dalam akaun semasa di Alliance Islamic Bank sementara bakinya telah disimpan ke akaun simpanan tetap yang melibatkan 10 bank; dan • mekanisme pemantauan bagi memantau peserta belum diwujudkan. Akibatnya sebahagian besar dari peserta yang dilawati tidak dapat dikesan.	YKN akan mengambil tindakan segera memindahkan kesemua baki wang peruntukan 1AZAM yang disimpan di dalam simpanan tetap ke akaun khas Program 1AZAM bagi memudahkan kawalan dan perbelanjaan program tersebut sebelum akhir tahun 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) Yang Diterima Pada 26 Ogos 2014 *Sistem pemantauan wujud berdasarkan arahan atau perbincangan lisan dan secara adhoc diantara pihak Kementerian dan YKN kerana YKN tidak cukup kakitangan. Pemantauan dilaksanakan dengan turun ke lapangan dan membuat panggilan telefon. Hasil pemantauan seterusnya direkodkan menggunakan Borang Pemantauan.* *Untuk tujuan penambahbaikan Kementerian telah mengambil langkah untuk membantu YKN melaksanakan pemantauan Program AZAM Niaga dan Khidmat dengan melantik 23 orang Pekerja Sambilan Harian (PSH) pada awal tahun 2012.* Pada pendapat Audit, YKN hendaklah memastikan bahawa kesemua baki wang peruntukan 1AZAM yang disimpan di dalam simpanan tetap itu dipindahkan ke akaun khas Program 1AZAM sebagai kawalan ke atas peruntukan dan perbelanjaan program tersebut.	
20.5.3.2	**Peruntukan 1AZAM Di YKN** Sejumlah RM401.49 juta telah diterima oleh YKN bagi tujuan Program 1AZAM untuk tempoh tahun 2011 hingga 2013. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM235.98 juta (58.78%) telah dibelanjakan dan meninggalkan baki berjumlah RM165.51 juta (41.23%). Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan satu peraturan/perjanjian secara bertulis yang menetapkan status baki peruntukan yang belum dibelanjakan, samada ianya perlu dikembalikan kepada KPWKM atau sebaliknya. Maklum Balas Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) Yang Diterima Pada 19 September 2014 *Senarai peserta tahun 2012 sehingga 2013 telah dikenalpasti. Bagaimanapun, peserta masih belum menerima bantuan kerana proses perolehan sedang dilaksanakan. Oleh kerana jumlah tersebut tetap akan dibelanjakan bagi maksudnya peraturan/perjanjian bertulis tidak dibuat.*	Setakat 8 Oktober 2014, sejumlah RM282.76 (70.43%) telah dibelanjakan dan berbaki RM118.73 (29.57%). Baki peruntukan akan dibelanjakan mengikut objektif asal Program 1AZAM.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Sehubungan itu, jumlah tersebut tidak perlu dipulangkan kerana masih diperlukan bagi bayaran Program 1AZAM yang akan dilaksanakan sebelum akhir tahun 2014 dan tidak menjadi dana kepada YKN kerana satu akaun khas telah dibuka. Pada pendapat Audit, peruntukan Program 1AZAM disediakan untuk tujuan mencapai objektifnya sendiri. Sekiranya berlaku keadaan di mana lebihan peruntukan tersebut perlu digunakan untuk tujuan lain selain daripada yang telah ditetapkan maka kebenaran dari Kementerian Kewangan hendaklah diperolehi terlebih dahulu agar ianya lebih teratur.	
20.5.3.3.1	**Mesyuarat Jawatankuasa Khas Sebutharga Dana Spesifik LIH** YKN telah mengambil masa antara 14 hingga 345 hari untuk mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Khas Sebutharga Dana Spesifik LIH bagi 19 pembekal yang telah dipilih sebagai sampel Audit. Di samping itu, empat pembekal telah dibawa ke mesyuarat jawatankuasa terlebih dahulu sebelum dokumen pembekal tersebut di terima. Empat pembekal yang dimaksudkan ialah RBH Engineering Sdn. Bhd., ZWS Setia Enterprise, BBE Bina Enterprise dan EG Meg Services. Kelewatan mengadakan mesyuarat boleh menyebabkan pelaksanaan program tidak mengikut jadual yang ditetapkan. Di samping itu, pemilihan pembida tanpa menilai latar belakang adalah tidak wajar kerana prestasi pembida tidak dapat dinilai. Maklum Balas Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) Yang Diterima Pada 26 Ogos 2014 *Proses perolehan dilaksanakan dengan Jawatankuasa Khas Sebutharga memilih pembekal yang layak. Bagaimanapun, semasa mesyuarat tersebut didapati ada pembekal yang tidak menyertakan dokumen yang lengkap dan pembekal mengambil masa yang lama untuk melengkapkan dokumen berkaitan. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Sebutharga diadakan lebih awal kerana senarai pembekal telah diterima oleh pihak YKN secara tidak rasmi lebih awal daripada tarikh KPWKM mengemukakan senarai rasmi pembekal. Hal ini berlaku disebabkan keperluan mendesak.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
20.5.3.3.2	**Anggaran Harga Jabatan** Semakan Audit mendapati sebanyak 11 pakej pada tahun 2011 dan 2012 sementara 21 pakej pada tahun 2013 ditawarkan kepada peserta yang terpilih. Semakan lanjut Audit mendapati walaupun melalui Program 1AZAM ini telah ditetapkan bahawa setiap peserta layak mendapat peruntukan dalam bentuk peralatan pada nilai RM5,000 namun pihak KPWKM dan YKN tidak menyediakan anggaran harga jabatan bagi komponen peralatan dalam setiap pakej yang akan diterima oleh peserta. Ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada nilai kesemua komponen peralatan yang ditawarkan oleh pembekal adalah bersesuaian dengan nilai peruntukan yang sepatutnya diterima oleh mereka. Maklum Balas Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) Yang Diterima Pada 26 Ogos 2014 *Kos siling yang telah diperuntukan oleh Kementerian kepada peserta 1AZAM sebanyak RM 5,000 bagi setiap seorang peserta adalah meliputi kos-kos peralatan, penghantaran, latihan, bahan mentah, penyimpanan peralatan dan pemantauan.* *Sebagai penambahbaikan mulai tahun 2014, KPWKM telah menyediakan anggaran harga jabatan bagi setiap kompenan perolehan dalam setiap pakej yang ditawarkan di dalam Program 1AZAM.*	
20.5.3.3.3	**Tawaran Harga Dari Pembekal** Semakan Audit mendapati kesemua 22 pembekal bagi 23 sebut harga yang bernilai RM8.0 juta tidak menyertakan harga bagi setiap komponen peralatan dalam satu-satu pakej ketika mengemukakan tawaran sebut harganya. Tawaran harga yang dikemukakan hanya berdasarkan kepada harga bagi satu pakej secara *lump sum*. Tanpa harga dinyatakan bagi setiap komponen peralatan, sukar untuk menentukan harga sebenar peralatan yang dibekalkan kepada setiap peserta. Maklum Balas Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) Yang Diterima Pada 26 Ogos 2014	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pembayaran dibuat mengikut pakej dan kos siling yang telah diperuntukkan oleh Kementerian kepada peserta 1AZAM sebanyak RM 5,000 bagi setiap seorang peserta dan meliputi kos seperti kos peralatan, penghantaran, latihan asas penggunaan peralatan dan latihan pengurusan kewangan, kos bahan mentah, kos penyimpanan peralatan dan kos pemantauan. Bagi tujuan penambahbaikan, bermula tahun 2014 Kementerian telah menetapkan tiada lagi bantuan kategori Luar Pakej yang akan digunakan bagi program 1AZAM (AZAM Niaga & Khidmat) bermula tahun 2014. Selain itu, Kementerian juga telah menjalankan kajian pasaran terhadap barangan yang terdapat di dalam setiap pakej yang ditawarkan.	
20.5.3.3.4	**Skop Perkhidmatan Pembekal** Di antara perkhidmatan yang diberikan oleh pembekal adalah menghantar peralatan kepada peserta, memberi latihan asas penggunaan peralatan, memastikan peralatan yang dibekalkan berfungsi dengan sempurna dan menepati spesifikasi yang ditetapkan dan menyediakan maklumat terperinci mengenai peserta. Pada tahun 2011 dan 2012 aktiviti pemantauan ke atas peserta dilakukan oleh KPWKM, sementara tahun 2013 tugas pemantauan tersebut telah diberi tanggungjawab kepada pembekal. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan jaminan penggunaan perkakasan yang diberikan kepada peserta disediakan oleh pihak pembekal mahupun pihak KPWKM. Ini mengakibatkan dari 10 peserta yang dilawati, 8 peserta telah menerima peralatan yang tidak tahan lama yang mana peralatan tersebut telah rosak dalam tempoh penggunaan yang singkat. Sementara 2 peserta telah menerima peralatan yang tidak sesuai digunakan kerana ia tidak boleh ditampung oleh keupayaan tenaga elektrik yang ada di rumah peserta. Semakan Audit mendapati peralatan hanya boleh digunakan dalam tempoh antara 3 hingga 20 bulan. Adalah didapati juga sehingga kini tiada sebarang tindakan diambil ke atas peralatan peserta yang rosak itu. Maklum Balas Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) Yang Diterima Pada 19 September 2014 *Pada pertengahan tahun 2012, Kementerian telah mewujudkan dua kaedah pemantauan bagi memantau peserta tahun 2011 hingga 2012 iaitu:* *i) Pemantauan lapangan (rumah ke rumah)* *ii) Pemantauan melalui panggilan telefon*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pemantauan di lapangan dijalankan mengikut senarai dan negeri yang tertentu memandangkan kekangan tenaga kerja yang dihadapi oleh Kementerian. Justeru, pihak Kementerian banyak membuat pemantauan melalui panggilan telefon dan direkodkan di dalam Borang Pemantauan. *Bagi tujuan penambahbaikan mulai tahun 2013, proses pemantauan dilaksanakan oleh pihak pembekal memandangkan kekangan tenaga kerja setelah KPI pemantauan semakin bertambah. Bagi pembekalan pada tahun 2011, tiada sebarang tempoh jaminan ditetapkan. Bagi pembekalan peralatan mulai Jun 2012, peralatan yang rosak akan diambil tindakan berdasarkan:* *i) Sebelum tempoh 6 bulan, peralatan akan diganti,* *ii) Peralatan yang tidak sesuai dengan keperluan peserta akan diganti, dan* *iii) Selepas tempoh 6 bulan penggunaan, peralatan tersebut tidak akan diganti.* *Bermula tahun 2014, Kementerian telah melantik Pegawai di peringkat Kementerian yang dikenali sebagai Focal Person yang bertanggungjawab untuk memantau peserta peringkat negeri mengikut zon. Kementerian juga telah melantik agensi peringkat negeri seperti JKM, JPW & LPPKN untuk melaksanakan pemantauan terhadap peserta di peringkat agensi masing-masing.* Pada pendapat Audit, pematuhan kepada Peraturan dan Arahan Kewangan yang telah ditetapkan di samping mematuhi perjanjian yang telah ditetapkan dapat membantu kepada pencapaian objektif Program 1 AZAM.	
20.5.4.1	**Peserta Tidak Dapat Ditemui** Daripada 337 peserta yang dipilih sebagai sampel Audit untuk tujuan lawatan fizikal, hanya 265 peserta yang dapat ditemui. Sementara itu ketika lawatan Audit ke lokasi, 72 peserta tidak dapat ditemui. Antara sebab peserta tidak dapat ditemui adalah kerana senarai peserta di dalam eKasih tidak dikemas kini, pemantauan ke atas peserta sebagaimana yang dinyatakan dalam perjanjian tidak dilaksanakan sepenuhnya, fail Individu peserta tidak disediakan dan peserta telah berpindah dan tidak memaklumkan kepada agensi pelaksana. Bagaimanapun status 72 peserta tersebut hanya dimaklumkan oleh pihak agensi selepas lawatan Audit dan kedudukan pada Ogos 2014. Dari jadual di atas, dari 72 peserta yang tidak dapat ditemui ketika lawatan Audit, seramai 39 peserta telah dikemaskini statusnya sehingga bulan Ogos 2014 oleh	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pihak agensi sementara 33 peserta masih belum dapat ditemui. Tanpa penemuan 33 peserta tersebut menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan status mereka terutamanya mengenai bantuan peralatan di bawah Program 1AZAM yang diterima serta kemajuan peserta. Maklum Balas Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) Yang Diterima Pada 19 September 2014 *Kementerian bersetuju dengan faktor-faktor yang telah dikemukakan oleh pihak Audit. Bagi tujuan penambahbaikan bermula tahun 2014, Kementerian telah melantik 4 Pegawai Zon bagi zon utara, zon selatan, zon timur dan zon tengah serta Focal Person setiap Negeri di kalangan Pegawai DMO bagi setiap Negeri.. Selain itu, Kementerian juga telah melantik pegawai agensi peringkat negeri seperti JKM, JPW & LPPKN untuk menjadi Pemantau kepada peserta agensi masing-masing. Bagi Sabah dan Sarawak, Kementerian hanya melantik pegawai zon bagi menyelaras Program 1AZAM.* Maklum Balas Kementerian Pertanian Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 19 September. *Status terkini 5 peserta Jabatan Perikanan Melaka, DOF:* *a) Seorang (1) peserta telah berpindah dan kedudukannya tidak dapat dikesan oleh pihak DOF dan juga pihak PPPN Melaka. Nama beserta maklumat bantuan peserta ini telah dikeluarkan daripada Sistem eKasih oleh PPPN Melaka.* *Jabatan menyusun semula jadual pemantauan terhadap 250 orang peserta AZAM Tani bagi memastikan pemantauan dibuat dengan lebih berkesan.* Maklum Balas Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Yang Diterima Pada 15 Ogos 2014 *Pada waktu lawatan didapati seorang peserta tiada di rumah kerana berlaku kematian saudaranya di Kuala Krai, seorang peserta tiada di rumah semasa lawatan kerana komitmen kerja sementara seorang peserta telah dimaklumkan mengenai kedatangan pihak Audit namun masih tidak dapat ditemui.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Yang Diterima Pada 15 Ogos 2014 *Seramai empat penama yang tidak dapat di kesan seperti di dalam adalah bukan peserta LPNM. Proses pembersihan data di dalam Sistem e-Kasih telah dijalankan oleh LPNM melalui jawatankuasa yang di tubuhkan. Siasatan yang dijalankan menerusi sistem e-Kasih menunjukkan bahawa keempat-empat peserta tersebut berstatus 'Terkeluar' dan tidak layak untuk menyertai Projek AZAM Tani.* Pada pendapat Audit, maklumat peserta yang dikemas kini adalah penting kepada agensi pelaksana dalam memantau dan menilai prestasi peserta.	
20.5.4.2.2	**Peserta Tidak Menggunakan Peralatan/Bantuan Yang Diberi** Daripada 265 peserta yang dapat ditemui hanya 201 (75.8%) peserta aktif menjalankan aktiviti perniagaan berdasarkan bantuan yang diterima. Manakala 64 (24.2%) tidak menggunakan peralatan bantuan yang diterima. Hasil temu bual dengan peserta serta pegawai-pegawai agensi pelaksana mendapati sebahagian peserta tidak menggunakan peralatan yang diberikan disebabkan perkara-perkara berikut:- i. kajian yang terperinci tidak dibuat ke atas peserta. Kajian sepatutnya dibuat berdasarkan pengalaman, kemahiran dan minat peserta; ii. peserta menumpukan kepada pekerjaan atau perniagaan lain kerana perniagaan berasaskan peralatan yang diterima tidak dapat menjana pendapatan akibat persaingan, modal dan sebagainya ; iii. peserta merupakan Ahli Isi Rumah (AIR) yang belum berminat menjalankan aktiviti berdasarkan peralatan yang diterima; iv. peserta telah berusia dan tidak mampu mengendalikan atau mengusahakan perniagaan melalui bantuan yang diterima; v. lokasi perniagaan tidak sesuai; dan vi. peserta tidak mendapat bimbingan dan latihan yang secukupnya. Maklum Balas Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) Yang Diterima Pada 26 Ogos 2014 *Pemilihan peserta 1AZAM pada tahun 2011 sehingga pertengahan 2012 adalah*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	melalui senarai nama dan borang permohonan yang diserahkan oleh perujuk seterusnya disahkan oleh Kementerian. Pemantauan peserta hanya dilakukan untuk tempoh setahun mengikut arahan pihak PEMANDU. Pada tahun 2012, pemantauan dilaksanakan sekali bagi menentukan terdapat peningkatan pendapatan RM200 dikalangan peserta. Manakala pada tahun 2013, pemantauan sebanyak tiga kali bagi menentukan terdapat peningkatan pendapatan RM300. Pihak Kementerian akan memberi nasihat yang bersesuaian kepada peserta dan berdasarkan aduan yang diterima kerana kekangan masa dan sumber manusia. *Kementerian telah menambahbaik prosedur dengan mewujudkan tatacara Verifikasi bermula Jun 2012.* *Proses verifikasi terhadap peserta ini diadakan secara temuduga di satu tempat yang telah ditetapkan oleh pihak perujuk. Sesi ini diadakan untuk menapis peserta mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan dan mengetahui minat peserta. Bermula tahun 2014, senarai peserta Kementerian adalah terdiri daripada peserta yang disahkan berdaftar di dalam Sistem eKasih. Sehubungan itu, sesi verifikasi dilaksanakan di rumah peserta.* Maklum Balas Kementerian Pertanian Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 19 September 2014 *Status terkini peserta ternakan ayam Jabatan Perikanan Melaka, DOF yang gagal:-* *a) Perjumpaan telah diadakan dengan peserta 11 September 2014.* *b) Dua (2) orang peserta tidak lagi berminat untuk meneruskan projek ternakan ayam atas faktor masalah kesihatan dan mempunyai pekerjaan lain.* *c) Seorang (1) peserta telah menggunakan hasil jualan ternakan ayam (Projek AZAM Tani) dengan membeli peralatan perniagaan makanan. Kini, Rosli dan isteri telah menjalankan perniagaan katering dan gerai jualan makanan yang beroperasi di R&R Sungai Rambai.* Pada pendapat Audit, kegagalan peserta menggunakan peralatan/bahan yang diterima menyebabkan berlakunya pembaziran terhadap bantuan Kerajaan di samping peserta tidak dapat meningkatkan pendapatan per kapita melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK).	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
20.5.5.1.1	**Projek Penternakan Kupang Berkelompok** i. Projek Penternakan Kupang Secara Berkelompok mula dilaksanakan pada 25 April 2013. Lokasi projek adalah di Kampung Kuala Masai, Pasir Gudang, Johor dan telah disertai oleh seramai 40 orang peserta AZAM Tani yang dipilih di kalangan masyarakat nelayan Orang Asli yang tinggal di empat kampung yang berdekatan. Semua peserta projek ini telah berdaftar dengan sistem e-Damak yang telah disahkan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). ii. Di bawah Program 1AZAM, setiap peserta diberi peruntukan sejumlah RM10,000. Projek ini bernilai RM0.40 juta. Antara komponen projek adalah membekal dan memasang tali ternakan kupang yang terdiri dari bahan-bahan seperti pelampung tong plastik *jelly can*, tali *polyethelyene*, tali *polyproplyene*, pemberat konkrit dan jaring pukat pembalut tali kupang. Selain itu kos projek termasuk menyediakan jalan masuk dan kemudahan keselamatan (safety first). Pelaksana projek ini ialah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) manakala agensi pengendali adalah Persatuan Nelayan Johor Selatan (PNJS). iii. Sehingga bulan Mei 2014, agensi pelaksana iaitu PNJS telah membuat pembayaran interim sebanyak 3 kali kepada setiap peserta iaitu pada 10 November 2013, 27 Mac 2014 dan 11 Mei 2014. Setiap pembayaran interim adalah berjumlah RM300 dan jumlah keseluruhan yang telah diterima oleh setiap peserta adalah berjumlah RM900. Selain itu sebahagian peserta telah diambil bekerja dalam projek berkenaan oleh agensi pelaksana PNJS. Projek berkelompok ini telah berjaya menjana pendapatan dan peserta projek mendapat pulangan daripada hasil pendapatan projek. Maklum Balas Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Negeri Johor Yang Diterima Pada 7 Ogos 2014 *Jabatan Perikanan Negeri Johor dan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) terlibat sebagai Ahli Jawatankuasa Teknikal Projek Ternakan Kupang. Peranan Agensi dan Jabatan ini termaktub dalam clause 24 dokumen perjanjian. Berdasarkan kepakaran pihak DOF, jabatan ini telah dilantik sebagai jabatan teknikal yang membantu dari aspek teknologi ternakan kupang, pemilihan lokasi dan pemantauan projek. PEMANDU terlibat dalam*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	urusan pemindahan nama peserta e-damak kepada e-kasih dan membantu dalam aktiviti pemantauan projek berkelompok kumpulan terpinggir (orang asli). Dokumen rujukan: dokumen perjanjian (Project Implementation Agreement).	
20.5.5.1.3	**Projek Kelompok Penanaman Cili** i. Projek Penanaman Cili Fertigasi mula dilaksanakan pada tahun 2011. Projek berkeluasan 50 ekar ini bernilai RM1.00 juta dan terletak di Kampung Bukit Cina, Kok Lanas, Kelantan. Projek ini telah disertai secara berkelompok oleh seramai 100 orang peserta AZAM Tani yang dipilih di kawasan Parlimen Ketereh. Di bawah Program 1AZAM, setiap peserta diberi peruntukan sejumlah RM10,000. Antara komponen projek adalah menyediakan tangki dan pam air, baja, *kabin*, *poly bag* dan peralatan fertigasi. Projek ini adalah di bawah pelaksanaan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) manakala agensi pengendali adalah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Sungai Ketereh, Kelantan. ii. Lawatan Audit yang dijalankan pada 24 dan 25 Mac 2014 mendapati agensi pelaksana iaitu PPK Sungai Ketereh belum membuat sebarang pembayaran kepada peserta antaranya adalah disebabkan kos operasi projek yang tinggi berbanding pulangannya. Semakan Audit juga mendapati tiada sebarang dokumen perjanjian dimeterai antara peserta dengan agensi pelaksana berhubung projek berkelompok berkaitan. Ini menyebabkan pulangan dari pelaburan sejumlah RM10,000 dari 100 peserta yang menyertai projek kelompok ini tiada sebarang jaminan memandangkan sehingga Mac 2014 peserta belum menerima sebarang faedah dari pengusaha. Projek kelompok ini beroperasi selama 2 tahun dan masih belum memperoleh sebarang pulangan untuk dibahagi kepada pesertanya. Keadaan ini boleh menjejaskan objektif 1AZAM iaitu untuk memastikan setiap peserta menikmati pendapatan sekurang-kurangnya RM300 sebulan belum tercapai melalui projek kelompok ini. Maklum Balas Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Yang Diterima Pada 2 September 2014 *Pihak KADA mengakui terdapat kelemahan dalam melaksanakan Projek Cili*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Berkelompok dan akan mengkaji semula projek ini serta memperbaiki segala kelemahan yang ada. Segala syor dan teguran pihak Audit, pihak KADA ambil maklum dan tindakan sewajarnya akan diambil demi memberi manfaat kepada peserta. *Pemilihan projek cili kulai ini dibuat adalah berdasar kepada kejayaan projek Cili Kulai Kelompok PPK Bukit Awang dimana pasarannya terjamin dengan kerjasama pihak Nestle yang menghasilkan sos cili.* Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 20 Ogos 2014 *Projek berkelompok ini bernilai RM1.0 juta untuk 100 orang peserta bagi tahun 2011. Pendapatan pertama projek ini baru sahaja diperoleh namun pembahagian dividen kepada peserta masih diperingkat perbincangan.* *Rentetan daripada cili fertigasi yang kurang membuahkan hasil gara-gara masalah penyakit (Mosaic Virus) dan penurunan harga cili di pasaran, pihak pelaksana telah mengambil keputusan untuk menghentikan operasi cili fertigasi ini buat sementara waktu sehingga pelaksanaannya dikaji semula dengan lebih terperinci.* *Untuk makluman, projek ini hanya menggunakan sebahagian sahaja daripada kos projek dan masih berbaki RM555,455 di dalam akaun Majlis Pembangunan Peringkat Parlimen Ketereh.* *Kementerian akan memastikan satu bentuk perjanjian akan termeterai di antara pengusaha dan peserta. Kementerian juga akan memastikan kajian semula dilaksana secara terperinci bagi memastikan projek memberi pulangan kepada peserta. Bengkel Pelan Pelaksanaan Projek AZAM Tani 2012 pada 22 Disember 2011 telah menetapkan cadangan projek yang bernilai lebih RM100,000 hendaklah dibentang di peringkat JK Teknikal MOA untuk diteliti. Arahan tersebut telah dimasukkan ke dalam Garis Panduan Pelaksanaan Projek AZAM Tani Berkuat kuasa Jun 2012.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
20.5.5.1.4.a	**Projek Kelompok Chalet di Merbok Kedah - Tawaran Kerja Pembinaan Tambahan Chalet** Mengikut Garis Panduan Pelaksanan 1AZAM yang disediakan oleh KPIAT menyatakan setiap tindakan yang melibatkan hal ehwal kewangan seperti proses tender, sebut harga, pembelian terus atau tuntutan pembayaran perlu mengguna pakai Peraturan dan Tatacara Kewangan semasa Kerajaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Semakan Audit mendapati kos pembinaan yang bernilai RM1.05 juta yang sepatutnya dilakukan melalui proses tender telah dipecah kecil kepada sebut harga. Kos kerja keseluruhan adalah RM1.05 juta yang sepatutnya dilakukan melalui tender telah dipecahkan kepada 4 komponen dan dilaksanakan melalui sebut harga. Pecah kecil kerja ini telah menyumbang kepada tempoh masa yang lama untuk menyiapkan binaan kerana tiada koordinasi di antara pembekal. Sehingga tarikh Pengauditan projek tersebut belum siap sepenuhnya termasuk kerja-kerja penyediaan pencawang elektrik yang belum siap hingga kini.	
20.5.5.1.4.b	**Wang Pendahuluan Kepada Peserta** Semakan Audit mendapati pada tahun 2013 PPK Merbuk telah membayar RM300 sebagai pendahuluan tunai kepada setiap peserta bagi meringankan beban mereka. Perkara ini adalah tidak dibenarkan dalam perjanjian antara PPK dengan peserta memandangkan projek tersebut belum beroperasi serta belum mendapat keuntungan. Semakan lanjut Audit juga mendapati pendahuluan tersebut telah diberikan kepada kesemua 111 peserta. Sehingga kini peserta yang menyertai projek kelompok ini belum menerima sebarang pulangan, hasil daripada pelaburan mereka itu. Maklum Balas Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Kedah Yang Diterima Pada 24 Julai 2014 *Mesyuarat Ahli Jemaah Pengarah Bil. 3/2013 yang telah diadakan pada 27 Mac 2013 telah sebulat suara bersetuju untuk memberikan wang ehsan kepada peserta Azam Tani sejumlah RM300 seorang seramai 111 peserta. Bagaimanapun pemberian wang tersebut telah dijalankan secara berperingkat dan seramai 73 orang sahaja yang telah dibayar pada tahun 2013 (Rujuk Minit Mesyuarat Ahli Jemaah Pengarah PPK Merbok Bil. 3/2013). Pembayaran wang ehsan kepada baki 38 peserta telah disempurnakan bermula Mac 2014 dan kini telah selesai sepenuhnya. Sebagai Tindakan Penambahbaikan LPP akan*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	mematuhi dan mengguna pakai Peraturan dan Tatacara Kewangan semasa Kerajaan. Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 19 September 2014 *Status terkini Projek Kelompok Chalet di Merbok Kedah:-* *a) Kerja-kerja penyambungan elektrik daripada pencawang ke chalet-chalet telah selesai sepenuhnya pada 13 September 2014.* *b) Penyerahan projek kepada PPK Merbok akan dibuat pada 30 September 2014. Bermula 1 Oktober 2014, projek ini akan beroperasi sepenuhnya.* *c) Pemberian dividen pertama kepada peserta akan dibuat pada 21 September 2014 yang mana keuntungan bersih projek berjumlah RM95,000 akan diagihkan kepada tabung projek (20%), pengusaha (15%) dan peserta (65%).*	
20.5.5.1.5	**Projek Kelompok Burung Walit Bandar Baru, Kedah** Projek ini bermula pada awal tahun 2012 dan kos pembinaan bangunan berjumlah RM0.61 juta. Bangunan tersebut siap pada Julai 2012 dan Agensi Pelaksana bagi projek ini adalah PPK kawasan Bandar Bahru, Kedah dan peserta kelompoknya adalah seramai 67 orang yang terdiri daripada 44 peserta dari kawasan Bandar Bharu, 8 peserta dari Karangan, 4 peserta dari Padang Serai dan 11 peserta dari Selama. Setiap peserta menerima peruntukan sejumlah RM10,000 dari 1AZAM dan jumlah tersebut telah dilaburkan kepada PPK Bandar Bharu untuk membina bangunan perangkap Burung Walit. Projek ini telah siap dan diserahkan kepada PPK Bandar Bharu pada Ogos 2013. Semakan Audit mendapati sehingga ke tarikh lawatan Audit pada 7 April 2014 peserta belum lagi mendapat sebarang dividen/pulangan dari pelaburan mereka. Ini adalah kerana sehingga kini belum ada lagi kumpulan burung walit bersarang di bangunan tersebut. Pihak Audit difahamkan kedatangan kelelawar dan spesis burung hantu di kawasan tersebut telah mengganggu burung walit untuk bersarang di bangunan tersebut. Maklum Balas Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Kedah Yang Diterima Pada 24 Julai 2014	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Mulai tahun 2012, projek burung walit tidak lagi digalakkan sebagai projek AZAM Tani oleh MOA memandangkan impak yang tidak menentu dan mengambil masa yang panjang untuk memperoleh hasil. Selain itu, pihak MOA juga telah memutuskan bahawa mana-mana projek AZAM Tani yang melebihi jumlah peruntukan RM100,000 perlu merujuk dan mendapat kelulusan oleh MOA terlebih dahulu. Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 20 Ogos 2014 *Projek Kelompok Burung Walit ini telah mula beroperasi pada 26 Mac 2013. Pelbagai usaha giat dijalankan bagi memastikan kehadiran burung walit masuk ke dalam bangunan, mendiami serta berpopulasi di bangunan tersebut dalam tempoh terdekat sebaik sahaja bangunan tersebut mula beroperasi.* *Namun, kehadiran burung hantu telah menjejaskan potensi bangunan tersebut untuk didiami oleh burung walit. Secara teknikalnya, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan burung walit tidak masuk/mendiami/berpopulasi di satu-satu bangunan.* *Apabila burung walit mula berpopulasi di dalam bangunan tersebut, masa yang sesuai untuk menuai sarang-sarang tersebut adalah dalam tempoh setahun dengan syarat tiada ancaman bahaya dikesan oleh burung walit dan sumber makanan mencukupi. Dijangkakan pada tahun ke-3 atau tahun ke-4, projek ini dapat memberi pulangan kepada peserta.* *Mulai tahun 2012, projek berjangka panjang tidak lagi digalakkan sebagai projek AZAM Tani oleh MOA. Hanya projek yang berjangka pendek dan memberi pulangan yang cepat diberikan keutamaan. Projek berjangka masa panjang dan melibatkan kos yang tinggi perlu mendapat kelulusan daripada jawatankuasa teknikal MOA. Perkara ini telah diminitkan di dalam Bengkel Pelan Pelaksanaan Projek AZAM Tani 2012 dan turut dimuatkan di dalam Garis Panduan Pelaksanaan Projek AZAM Tani.* Pada pendapat Audit, usaha agensi pelaksana mengadakan projek secara berkelompok adalah satu usaha yang baik. Selain mendapat faedah melalui dividen yang diberi, peserta juga mendapat pengetahuan apabila diberi peluang bekerja di bidang berkenaan. Pematuhan kepada peraturan yang telah ditetapkan serta ikatan perjanjian akan menjamin kerja-kerja pembinaan dilaksanakan dengan lebih sempurna serta mencapai sasarannya.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Bagaimanapun pihak KPIAT perlu memantau projek kelompok kerana sekiranya berlaku kegagalan ianya akan memberi kesan kepada semua peserta AZAM Tani seterusnya boleh menjejaskan hasrat Kerajaan untuk membantu golongan miskin.	
20.5.5.2.1	**Pemilihan Peserta** Menurut Garis Panduan Program 1Azam Bagi Negeri Sabah, para 3.1 (c) menjelaskan peserta mestilah telah tamat persekolahan atau tidak bersekolah lagi semasa permohonan dibuat. Semakan Audit mendapati 5 dari 38 peserta yang telah menjalani kursus di PL adalah masih belajar di mana 3 masih menuntut di Institut Pengajian Tinggi (IPT) sementara 2 masih bersekolah. Semakan lanjut mendapati bagi yang masih bersekolah, kursus selama 6 hari yang dihadiri oleh mereka telah diadakan pada musim waktu cuti sekolah sementara bagi yang sedang menuntut di IPT, kursus yang dihadiri selama enam hari itu adalah ketika cuti semester. Di samping itu berdasarkan kepada perjanjian antara PL dengan KPIM, PL dikehendaki memantau kemajuan peserta dan merekodkan pendapatan peserta sekurang-kurangnya selama enam bulan berturut-turut. Bagaimanapun pemantauan seperti ini tidak mungkin boleh dilaksanakan kepada peserta yang masih menuntut. Sekiranya pemilihan peserta di kalangan pelajar sekolah atau IPT tidak dikawal maka ini boleh menjejaskan pelaksanaan 1AZAM melalui cara *Train and Place*. Maklum Balas Kementerian Pertanian Industri Makanan (KPIM) Negeri Sabah Yang Diterima Pada 20 Ogos 2014 *Pihak KPIM difahamkan bahawa peserta-peserta berkenaan berminat dan berazam untuk mengubah taraf hidup keluarga dengan bimbingan ibu bapa peserta. Namun demikian, pihak KPIM akan melakukan penambahbaikan dalam pemilihan kriteria pemilihan calon peserta di masa akan datang.*	
20.5.5.2.3	**Prestasi Peserta *Train And Place*** Merujuk kepada perjanjian antara PL dengan KPIM perenggan 2.10 menyatakan PL dikehendaki berusaha membantu para peserta untuk mencari pekerjaan bagi menjana pendapatan mereka selepas peserta-peserta menamatkan kursus. Sementara perenggan 2.11 menjelaskan PL dikehendaki memantau kemajuan peserta dan merekodkan pendapatan peserta selepas kursus diberikan. Pemantauan ini hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya selama enam bulan berturut-turut.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Semakan Audit mendapati prestasi peserta yang ditemui adalah memuaskan di mana sehingga April 2014, daripada 38 peserta yang ditemui, seramai 19 (50%) telah bekerja dan memperolehi pendapatan antara RM200 hingga RM2,000 sebulan. Bagaimanapun 14 (37%) peserta yang telah tamat kursus belum berjaya mendapatkan sebarang pekerjaan dalam tempoh 4 hingga 29 bulan (sehingga 30 April 2014), 3 (8%) peserta menyambung pelajaran di IPT dan 2 (5%) melanjutkan persekolahannya. Semakan lanjut juga mendapati tiada bukti menunjukkan mereka dipantau oleh PL dalam tempoh 6 bulan berturut-turut sebaik sahaja tamat kursus, sebagaimana yang dikehendaki dalam perjanjian. Di antara sebab pemantauan tidak dapat dilakukan oleh PL adalah kebanyakan peserta berada di kawasan pedalaman menyebabkan mereka sukar untuk dihubungi. Maklum Balas Kementerian Pertanian Industri Makanan (KPIM) Negeri Sabah Yang Diterima Pada 20 Ogos 2014 *Tindakan yang telah diambil oleh PL ialah dengan melakukan pemantauan prestasi peningkatan pendapatan peserta serta menyediakan peluang pekerjaan. Sebagai contoh, PL Ulink Ascot memberi peluang pekerjaan seperti tawaran bekerja di Hotel-hotel namun, terdapat peserta yang menolak tawaran tersebut atas alasan belum bersedia/kurang keyakinan untuk bekerja khususnya kepada peserta yang mendapat tawaran bekerja di luar negeri serta lain-lain alasan yang menyebabkan tawaran pekerjaan ditolak. Namun demikian, pihak KPIM akan memperbaiki kaedah-kaedah pemantauan PL serta kaedah pemantauan daripada pihak KPIM sendiri agar sasaran objektif pelaksanaan program 1 AZAM tercapai.* Pada pendapat Audit, pematuhan kepada setiap klausa dalam perjanjian amat penting agar objektif *train and place* tercapai. Pemilihan peserta hendaklah mematuhi syarat yang telah ditetapkan dalam perjanjian agar setelah tamat kursus peserta boleh mendapat pekerjaan atau menjalankan perniagaan yang berkaitan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
20.5.5.3.2	**Peserta Tidak Menggunakan Peralatan Untuk Menjana Pendapatan** Jadual 20.17 (Rujuk Laporan Ketua Audit Negara Siri 3 TAhun 2013) menunjukkan antara sebab 4 orang peserta yang menjalani kursus Khidmat Media tidak dapat menggunakan kit yang diterima adalah kerana mereka masih kurang berkemahiran untuk menggunakannya serta masih tidak mampu untuk mendapatkan berita serta memasarkannya. Di samping itu juga ketika ditemubual, pihak Audit dimaklumkan bahawa mereka hanya sekadar menghadiri kursus tetapi tidak berminat untuk menjadikannya sebagai kerjaya. Sementara itu 2 orang peserta yang mengambil kursus pertukangan kayu di bawah Syarikat Akademi Binaan Malaysia (Sarawak) Sdn. Bhd. menyatakan yang mereka tidak berminat dengan kursus tersebut dan seorang peserta tidak layak menerima bantuan peralatan kerana isterinya telah menerima bantuan Program 1AZAM yang lain. Kelewatan dalam melaksanakan aktiviti bagi tujuan menjana pendapatan boleh menjejaskan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup Isi Rumah yang Berpendapatan Rendah. Maklum Balas Kementerian Kebajikan, Wanita Dan Pembangunan Keluarga Sarawak (KKWPK) Yang Diterima Pada 21 Ogos 2014 *Bagi peserta yang tidak menggunakan peralatan, mulai tahun 2014 peralatan tersebut akan ditarik balik daripada peserta. Pemantauan setiap bulan akan mempastikan yang tindakan sewajarnya dapat dilakukan.* Pada pendapat Audit, pematuhan kepada perjanjian yang dimeterai antara syarikat dengan Kerajaan adalah penting bagi memastikan pelaksanaan program mengikut sebagaimana yang dirancang.	SOP Penarikan balik peralatan yang tidak digunakan telah pun disediakan dan telah mendapat pengesahan Jawatankuasa Fokus Group Kemiskinan Negeri dalam mesyuarat pada 22 September 2014 yang lepas. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian kami masih perlu untuk merujuk SOP ini kepada Pejabat Peguam Negeri bagi mendapat nasihat dan pandangan kerana ia melibat penarikan balik barangan yang telah menjadi milik peserta.
20.5.6.2	**Fail Individu Peserta** Pemeriksaan Audit mendapati Fail Individu peserta tidak disediakan di KPWKM dan KKWPK. Ketiadaan fail individu menyebabkan maklumat dan dokumen penting peserta tidak dapat disimpan selain menyukarkan proses pelaporan dan pemantauan. Maklum Balas Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat Yang Diterima Pada 26 Ogos 2014 *Pada tahun 2011 sehingga 2013 Kementerian hanya merekodkan nama-nama*	Sebanyak 230 fail individu daripada seramai 563 orang peserta 1AZAM yang dikendalikan oleh KKWPK (Sarawak) telah pun siap disediakan. Bakinya akan disediakan sehingga akhir bulan Oktober 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	peserta yang terpilih daripada senarai permohonan ke dalam pangkalan data sedia ada. Melalui pangkalan data ini Kementerian dapat mengakses nama-nama peserta berserta maklumat-maklumat terperinci seperti nombor kad pengenalan, alamat berdaftar, nombor telefon bimbit, umur, pendapatan bulanan, pakej bantuan dan lain-lain berkaitan. *Mulai tahun 2014, Fail Individu Peserta telah disediakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan merangkumi beberapa maklumat penting.* *Fail individu akan disediakan dan KKWPK (Sarawak) telah membuat perolehan sebanyak 1,500 keping fail. Proses pemindahan maklumat individu daripada agensi pelaksana swasta sedang dilakukan.* Pada pendapat Audit, penyediaan fail individu adalah penting bagi proses pemantuan memandangkan peserta program 1AZAM melibatkan bilangan yang ramai dan bertambah setiap tahun.	
20.5.7	**Penilaian *Outcome*** Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2012 mengenai Garis Panduan Penilaian Program Pembangunan yang menetapkan Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan membuat penilaian *outcome* dan impak terhadap sesuatu program yang dilaksanakan. Penilaian tersebut bertujuan mengukur sama ada dasar atau program yang dilaksanakan mencapai objektif yang ditetapkan serta memberi manfaat kepada golongan sasar. Semakan Audit mendapati sejak tahun 2011 tiada bukti menunjukkan KPWKM ada menjalankan penilaian outcome terhadap Program 1AZAM. Sehubungan itu, sebagai peneraju program, KPWKM tidak dapat mengukur pencapaian objektif program yang yang telah ditetapkan. Maklum Balas Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat Yang Diterima Pada 26 Ogos 2014 *Penilaian outcome belum dilaksanakan. Bagaimanapun, aktiviti pemantauan peserta untuk menilai outcome berdasarkan peningkatan pendapatan ada dilaksanakan mengikut panduan yang ditetapkan oleh PEMANDU.* *Kajian Analisis Impak Keberkesanan Program AZAM Niaga dan Khidmat KPWKM sedang dijalankan dan dijangka tamat pada akhir bulan Ogos 2014.*	Pembentangan Kajian Analisis Impak Keberkesanan Program 1AZAM Niaga dan Khidmat telah dibentangkan kepada Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) pada 30 September 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Kajian ini dijangka dibentangkan kepada Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) pada bulan September 2014. Pada pendapat Audit, penilaian *outcome* terhadap Program 1AZAM adalah penting untuk menentukan objektif program tercapai. Penilaian *outcome* ini dapat digunakan dalam menangani kelemahan dan menambah baik pelaksanaan Program 1AZAM.	

LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2013

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Jabatan Hal Ehwal Veteran

Perenggan 21 : Pengurusan Bayaran Faedah Persaraan Kepada Pesara ATM

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr>
<td>21.5.1.1</td>
<td>
Prestasi Pembayaran Faedah Persaraan - Prestasi Pengurusan Data Dan Rekod

Sepanjang tempoh pengauditan, pihak Audit tidak dapat mengesahkan bilangan sebenar pesara/penerima faedah persaraan yang aktif kerana maklumat yang dikemukakan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) dan Bahagian Kewangan dan Akaun (BKA) adalah berbeza dengan bilangan pesara/penerima faedah persaraan yang dibayar melalui baucar bayaran setiap bulan. Satu perbincangan khas telah diadakan antara pihak Audit dengan pihak JHEV yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah (KP). Hasil daripada mesyuarat tersebut, KP telah mengemukakan bilangan pesara/penerima faedah persaraan yang telah disahkan tetapi masih berbeza dengan ketiga-tiga maklumat awal.

Maklum Balas JHEV Yang Diterima Pada 22 September 2014

<table>
<tr><th>Bulan</th><th>Penerima Pencen (Hidup) (A)</th><th>Penerima Pencen (Gemulah) (B)</th><th>Penerima Pencen Berganda (Hidup) (C)</th><th>Penerima Pencen Berganda (Gemulah) (D)</th><th>Jumlah Penerima Pencen (A+B)</th><th>Jumlah Penerima Pencen Mengikut Transaksi (C+D)</th></tr>
<tr><td>Januari</td><td>84,325</td><td>17,788</td><td>1,752</td><td>3,621</td><td>102,113</td><td>107,486</td></tr>
<tr><td>Februari</td><td>84,393</td><td>17,900</td><td>1,775</td><td>3,629</td><td>102,293</td><td>107,697</td></tr>
<tr><td>Mac</td><td>84,907</td><td>18,005</td><td>1,778</td><td>3,629</td><td>102,912</td><td>108,319</td></tr>
<tr><td>April</td><td>85,494</td><td>18,049</td><td>1,784</td><td>3,617</td><td>103,543</td><td>108,944</td></tr>
<tr><td>Mei</td><td>85,756</td><td>18,161</td><td>1,799</td><td>3,629</td><td>103,917</td><td>109,345</td></tr>
</table>
</td>
<td>
Perbezaan maklumat yang diberikan tidak tepat disebabkan kekeliruan auditi untuk memenuhi permintaan auditor berkenaan dengan data-data yang diperlukan.

Perbezaan ini disebabkan oleh beberapa faktor berikut:-

• BPM mengeluarkan statistik berdasarkan bilangan pesara (headcount) dan mengikut jenis pencen yang diterima;
• BPM mengeluarkan statistik berdasarkan bilangan waris (headcount) dan mengikut jenis pencen yang diterima manakala
• BKA memberi maklumat statistik berdasarkan bilangan transaksi semua bayaran (baucar bayaran) dan ini termasuklah transaksi harian.
• Baucar Bayaran diperolehi daripada baucar bayaran bulanan fizikal.

JHEV telah memberi pencerahan ke atas kekeliruan tersebut dengan mengemukakan surat JHEV/BKA/AKN/3046 JLD. 1(23) bertarikh 15 Mei 2014. Ringkasan kandungan surat adalah seperti berikut :-

• JHEV telah meminta pihak audit supaya tidak menggunakan Statistik Penerima Faedah Pesaraan yang dikemukakan oleh BKA dan BPM pada 27 Mac 2014 dan;

• Pihak audit diminta untuk menggunakan Statistik Pesara/Gemulah/Waris Yang Menerima Faedah Persaraan Bagi Tahun 2011 sehingga 2013 yang diserahkan pada 2 Mei 2014. Perkara ini juga telah disahkan secara bertulis melalui surat bertarikh 15 Mei 2014.

Kedudukan Bilangan Pesara yang menerima pencen bagi Disember 2013
</td>
</tr>
</table>

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr>
<td></td>
<td>
<table>
<tr><td>Jun</td><td>86,118</td><td>18,240</td><td>1,802</td><td>3,652</td><td>104,358</td><td>109,812</td></tr>
<tr><td>Julai</td><td>86,275</td><td>18,296</td><td>1,799</td><td>3,653</td><td>104,571</td><td>110,023</td></tr>
<tr><td>Ogos</td><td>86,412</td><td>18,370</td><td>1,829</td><td>3,674</td><td>104,782</td><td>110,285</td></tr>
<tr><td>Sept</td><td>86,678</td><td>18,427</td><td>1,817</td><td>3,671</td><td>105,105</td><td>110,593</td></tr>
</table>

Bilangan penerima faedah persaraan adalah berbeza kerana kekeliruan berkaitan data-data yang diperlukan. JHEV telah mengemukakan bilangan pesara yang muktamad sehingga 29 Ogos 2014 seperti di jadual di bawah.

Catatan:-
<table>
<tr><th>NAMA LAJUR</th><th>PENERANGAN</th></tr>
<tr><td>Penerima Pencen (Hidup)(A)</td><td>Bilangan pesara mengikut headcount</td></tr>
<tr><td>Penerima Pencen (Gemulah)(B)</td><td>Bilangan pesara yang telah meninggal dunia mengikut headcount</td></tr>
<tr><td>Penerima Pencen Berganda (Hidup) (C)</td><td>Bilangan pesara yang menerima lebih daripada satu pencen</td></tr>
<tr><td>Penerima Pencen Berganda (Gemulah) (D)</td><td>Bilangan waris yang menerima lebih daripada satu pencen</td></tr>
</table>
</td>
<td>
adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Bilangan Pesara yang menerima pencen bagi Disember 2013
<table>
<tr><th>Bulan</th><th>Penerima Pencen (Pesara) (A)</th><th>Penerima Pencen (Gemulah) (B)</th><th>Penerima Pencen (Waris) (C)</th><th>Jumlah Penerima (A+B) = (D)</th></tr>
<tr><td>Dis 2013</td><td>84,209</td><td>17,729</td><td>19,359</td><td>101,938</td></tr>
</table>
</td>
</tr>
<tr>
<td>21.5.1.3</td>
<td>
Prestasi Akaun Deposit Pelarasan Pembatalan Electronic Fund Transfer Dan Akaun Deposit Pelarasan Pembatalan Skim B Luput

Akaun Deposit Pelarasan Pembatalan EFT merupakan satu akaun yang digunakan oleh JHEV untuk mengakaunkan bayaran EFT yang dibatalkan. Manakala Akaun Deposit Pelarasan Pembatalan Skim B Luput adalah bagi mengakaunkan bayaran pencen pesara/penerima faedah persaraan Skim B yang tidak menuntut pencennya untuk tempoh 6 bulan berturut-turut. Pencen tersebut akan luput dan pihak bank akan memulangkan semula kepada JHEV. Semakan Audit mendapati baki Akaun Pembatalan EFT dan Tunggakan Deposit Skim B Luput meningkat setiap tahun.

Semakan Audit selanjutnya mendapati pada tahun 2013, kes Deposit Pelarasan Pembatalan EFT adalah berjumlah RM3.21 juta berbanding RM2.22 juta pada
</td>
<td>
Laporan Audit di para 2 perlu dipinda berdasarkan kesilapan pengiraan di mana maklumat asal yang dilaporkan adalah seperti berikut:-

“Semakan Audit selanjutnya mendapati pada tahun 2013, kes Deposit Pelarasan Pembatalan EFT adalah berjumlah RM3.21 juta berbanding RM2.22 juta pada tahun 2012 iaitu peningkatan sejumlah RM4.99 juta (44.6%).

Maklumat pengiraan sebenar adalah seperti berikut:-

“Semakan Audit selanjutnya mendapati pada tahun 2013, kes Deposit Pelarasan Pembatalan EFT adalah berjumlah RM3.21 juta berbanding RM2.22 juta pada
</td>
</tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	tahun 2012 iaitu peningkatan sejumlah RM4.99 juta (44.6%). Manakala Deposit Pelarasan Pembatalan Skim B Luput pada tahun 2013 adalah berjumlah RM7.40 juta berbanding RM7.12 juta pada tahun 2012 iaitu peningkatan sebanyak 3.9%. Mengikut pihak JHEV kes ini berlaku disebabkan oleh akaun pesara/penerima faedah persaraan telah ditutup; tidak sah; tidak aktif; meninggal dunia; dibekukan; tidak dijumpai; tiada dalam data dan berlaku kesilapan data. Bagaimanapun, pihak JHEV tidak mengambil inisiatif untuk menyemak semula status akaun tersebut sebaliknya terus membuat bayaran. Keadaan ini menyebabkan kedua-dua akaun ini terus meningkat. Maklum Balas JHEV Yang Diterima Pada 22 September 2014 *Pembayaran faedah persaraan dibuat berdasarkan salinan buku akaun bank dan borang penyertaan sistem pembayaran pencen melalui bank yang telah disahkan oleh pegawai bank. Adalah menjadi tanggungjawab penerima faedah persaraan untuk memaklumkan kepada JHEV sekiranya terdapat perubahan maklumat atau masalah terhadap akaun beliau.* *Selain itu, waris juga bertanggungjawab untuk memaklumkan kematian penerima faedah persaraan dengan kadar segera. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pencen dibayar berterusan. JHEV akan mengambil tindakan menghentikan pembayaran pencen pada bulan berikutnya sekiranya terdapat penolakan pembayaran EFT.* *JHEV akur dengan baki di Akaun Deposit Pembatalan EFT adalah tinggi. Tindakan untuk mengurangkan baki dengan membuat gantian bayaran atau memindahkan ke Akaun Wang Tak Dituntut bagi bayaran yang tidak layak diterima oleh pesara/penerima pencen sedang giat dilakukan. Usaha untuk menghubungi penerima pencen menjadi sukar apabila alamat dan nombor telefon telah berubah berbanding dokumen yang dikepilkan dalam fail pesara.* *Sehingga 31 Ogos 2014, JHEV berjaya mengurangkan Akaun Deposit Pembatalan EFT daripada RM3.21 juta kepada RM2.35 juta dengan pengurangan sejumlah RM0.86 juta.*	tahun 2012 iaitu peningkatan sejumlah RM0.99 juta (44.6%) JHEV sedar akan peningkatan yang berlaku terhadap Akaun Deposit Pelarasan dan ia berlaku kerana walaupun akaun dikemukakan pesara masih aktif tetapi apabila nama pesara di kad pengenalan tidak sama dengan nama semasa pembukaan akaun, pembayaran melebihi RM50 ribu akan ditolak oleh bank khususnya kepada pesara baru yang melibatkan pembayaran ganjaran. Ia selari dengan arahan Bank Negara yang menetapkan bahawa bagi pembayaran yang melebihi RM50 ribu, bank tempatan hendaklah memastikan nama penerima di dalam rekod bank sama dengan nama pada kad pengenalan. Di samping itu, penolakan juga berlaku disebabkan oleh faktor-faktor di luar kawalan seperti akaun bank dibekukan, akaun bank ditutup oleh penerima pencen. Langkah-langkah mengurangkan/membuat gantian EFT batal sentiasa dibuat namun jumlah pembatalan yang berlaku setiap bulan adalah tinggi. Ia diperjelaskan seperti jadual di bawah:-

Tahun 2013	**Januari**	**Februari**	**Mac**	**April**
EFT batal	56,922.07	169,817.71	437,391.66	327,445.46
Bil. Kes	61	179	160	166
Dibuat gantian	408,150.31	17,1725.85	229,785.36	229,785.36
Bil. Kes	46	3	49	41

Tahun 2013	**Mei**	**Jun**	**Julai**	**Ogos**
EFT batal	736,589.35	107,622.66	348,738.95	5,169,885.59
Bilangan	162	31	199	279
Dibuat gantian	248,723.06	444,132.04	186,680.58	1,921047.05
Bilangan	37	59	74	81

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini

TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN	*KEPERLUAN / TEMPOH SELESAI*
Menghentikan bayaran pencen Skim A atau lain-lain bayaran berkala yang ditolak oleh bank pada bulan berikutnya.	*Dilaksanakan serta merta.*
Memindahkan baki akaun yang melebihi 6 tahun ke Akaun Wang Tak Dituntut.	*Dilakssanakan berterusan apabila mencapai tahun ke 7. Bagi amaun semasa yang telah mencapai 7 tahun telah selesai dipindahkan.*
Membuat gantian bayaran kepada penerima dengan segera.	*Dilaksanakan dari semasa ke semasa.*
Menyemak dan mengesan status penerima faedah pencn melalui siasatan oleh JHEV Negeri, portal, buletin dan persatuan.	*Dilaksanakan secara berterusan.*

JHEV akan meneruskan usaha untuk mengesan penerima pencen yang tidak dituntut seperti berikut:-

- *JHEV akan meminta JPN mengemukakan data-data kematian bagi tahun-tahun yang terdahulu iaitu sebelum tahun 2012.*
- *Mendapatkan kerjasama dengan persatuan-persatuan untuk mengemaskini data-data Veteran.*
- *Bercadang untuk memendekkan tempoh luput pembayaran melalui Skim B dari 6 bulan kepada 3 bulan. Mesyuarat telah diadakan pada 7 Ogos 2014.*

Tahun 2013	**Sept**	**Oktober**	**November**	**Disember**
EFT batal	951,569.30	1,005,349.15	359,533.36	517,852.62
Bil. Kes	181	146	86	157
Dibuat gantian	2,817,033.75	1,785,837.85	220,842.51	543,957.14
Bil. Kes	74	81	46	109

Pada masa yang sama, pelbagai usaha telah diambil oleh Jabatan bagi mengurangkan amaun Akaun Deposit Pelarasan EFT batal dan Skim B Luput. Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah:-

- Pada tahun 2008, semua JHEV negeri telah melaksanakan program menjejaki penerima pencen tidak dituntut iaitu dengan mengunjungi ke alamat rumah penerima pencen, namun respon adalah kurang kerana terdapat penerima pencen telah berpindah alamat, alamat tidak lengkap dan alamat salah.
- Data-data daripada Sistem Manual Pembayaran Pencen (MPP) yang dimigrasikan ke Sistem VIBES tidak mempunyai data nombor kad pengenalan untuk membuat padanan dengan JPN. JPN hanya boleh membuat padanan sekiranya terdapat no kad pengenalan sahaja. Oleh yang demikian, situasi ini telah menyebabkan pencen dibayar berterusan sehingga pemakluman kematian penerima pencen diperolehi daripada waris. Pada bulan Jun 2013 JHEV telah memulakan tindakan *match* data kematian penerima Faedah Persaraan dengan data di JPN. Data-data yang disediakan oleh JPN adalah data kematian bulan dan tahun semasa.
- BP telah menghantar surat berpandukan alamat terakhir penerima pencen untuk mengetahui status penerima pencen hidup atau mati. Namun demikian, maklumbalas adalah tidak begitu menggalakkan.
- Hubungan melalui telefon telah juga dilaksanakan tetapi maklumbalasnya juga tidak begitu menggalakkan kerana terdapat

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		sesetengah nombor telefon tidak aktif. • Menyiarkan senarai nama penerima pencen yang tidak dituntut di dalam Buletin JHEV 2010 dan juga portal semasa JHEV. JHEV akan meneruskan usaha untuk mengesan penerima pencen yang tidak dituntut seperti berikut:- • JHEV akan meminta JPN mengemukakan data-data kematian bagi tahun-tahun yang terdahulu iaitu sebelum tahun 2012. • Mendapatkan kerjasama dengan persatuan-persatuan untuk mengemaskini data-data Veteran. • Memendekkan tempoh luput pembayaran melalui Skim B dari 6 bulan kepada 3 bulan melalui mesyuarat bertarikh 7 Ogos 2014 dengan pihak bank yang terlibat dengan pembayaran pencen. • Jabatan sentiasa bertindak untuk mengurang baki Akaun Deposit dengan membuat gantian bayaran melalui usaha-usaha di perenggan i hingga vi. Namun begitu bagi kes penerima atau waris yang gagal dikesan dan mencapai tempoh melebihi 6 tahun, amaun berkenaan akan dipindahkan ke akaun hasil. • Jabatan telah menghentikan bayaran pencen Skim A atau lain-lain bayaran berkala yang ditolak oleh bank pada bulan berikutnya. • Walaupun usaha-usaha seperti yang disenaraikan di atas dilaksanakan jabatan, tidak dapat mengelak EFT batal dan sentiasa berulang oleh kerana perkara yang berlaku diluar kawalan jabatan di mana akaun ditutup, akaun dibekukan tanpa pengetahuan JHEV. JHEV dalam usaha untuk mengurangkan EFT Batal telah meminta JRP memastikan ejaan nama di dalam buku akaun sama dengan dengan yang terdapat di dalam kad pengenalan. Bakal pesara juga diminta menyertakan salinan penyata akaun yang terkini dan aktif dengan tujuan untuk memastikan pembayaran tidak ditolak kelak. Sehingga 31 Ogos 2014 JHEV berjaya untuk mengurangkan jumlah akaun Deposit Pembatalan EFT dari RM3.21 juta kepada RM2,354,727.70 dengan pengurangan sebanyak RM0.86 juta.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
21.5.1.4	**Pencapaian Output / Perancangan Program** Pada tahun 2013, Bahagian Pencen JHEV telah menetapkan sasaran *Key Performance Indicator* (KPI) terhadap permohonan faedah persaraan diproses dalam tempoh 20 hari bekerja. Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh Bahagian Pencen, kesemua 6,472 dokumen/permohonan yang diterima secara keseluruhan pada tahun 2013 dapat diproses dalam tempoh 20 hari bekerja. Bagaimanapun semakan Audit terhadap sampel 36 fail mendapati, tiada cop tarikh terima dokumen dari pihak Jabatanarah Rekod Dan Pencen (JRP) oleh Bahagian Pencen JHEV. Oleh itu pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada pihak JHEV telah mencapai ketetapan yang disasarkan. Manakala Bahagian Kebajikan JHEV telah menetapkan seramai 600 orang menerima bantuan setiap tahun. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan asas yang digunakan untuk penetapan sasaran KPI tersebut. Pada tahun 2013, sebanyak 1,794 permohonan telah diterima untuk Skim Bantuan Kebajikan Dan Pendidikan. Daripada jumlah permohonan tersebut, sebanyak 1,320 (73.6%) telah diluluskan dan 474 permohonan telah ditolak. Dari jumlah 1,320 permohonan yang telah diluluskan, 205 (15.5%) adalah penerima sedia ada yang dinaikkan kadar bantuan. Ini menjadikan pencapaian KPI pada tahun 2013 adalah sebanyak 1,115 orang penerima baharu yang merangkumi kategori Veteran ATM dan balu. Maklum Balas JHEV Yang Diterima Pada 22 September 2014 • *JHEV akur dengan penemuan Audit. Tindakan penambahbaikan Standard Of Procedure penerimaan dokumen telah diperbaiki dengan mewajibkan cop penerimaan pada setiap dokumen yang diterima secara pukal dari JRP. Pelaksanaan ini telah dikuatkuasakan bermula Mei 2014.* • *Asas penetapan sasaran awal adalah berdasarkan laporan akhbar dan juga persatuan bahawa masih ramai Veteran yang daif yang memerlukan bantuan. Oleh itu, penetapan adalah berdasarkan kuantiti permohonan yang bakal diterima.* • *Namun begitu, JHEV telah mengambil tindakan menambahbaik KPI tahun 2014 sebagaimana yang telah diarahkan oleh Pejabat Menteri Pertahanan supaya KPI ditetapkan mengikut tempoh masa 26 hari bekerja bagi memproses bantuan sara hidup pada 18 November 2013.*	Sebelum ini *Standard Operating Procedure (SOP)* penerimaan dokumen menetapkan keperluan mengecop hanya dibuat ke atas surat iringan senarai pesara yang dihantar bersama dokumen-dokumen persaraan mereka secara pukal. Ini kerana setiap dokumen yang diterima akan didaftarkan di dalam sistem dan tarikh penerimaan dapat disemak melalui modul yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, JHEV telah mengambil tindakan penambahbaikan *Standard Of Prosedure* penerimaan dokumen dengan mewajibkan cop penerimaan pada setiap dokumen yang diterima secara pukal dari JRP. Perlaksanaan ini telah dikuatkuasakan bermula Mei 2014. Asas penetapan sasaran KPI untuk bantuan sara hidup bagi tahun 2013 adalah 50 orang penerima sebulan bersamaan 600 orang setahun. Penetapan ini dibuat kerana penerima bantuan ini bagi tahun 2012 adalah 424 (35 permohonan/bulan). Peningkatan penerima bantuan sebanyak 185% pada tahun 2013 adalah disebabkan usaha-usaha promosi yang dibuat melalui media sosial, kaunter bergerak, portal JHEV dan buletin. Namun begitu JHEV telah mengambil tindakan menambahbaik KPI tahun 2014 sebagaimana yang telah diarahkan oleh Pejabat Menteri Pertahanan supaya KPI ditetapkan mengikut tempoh masa 26 hari bekerja bagi memproses bantuan sara hidup pada 18 November 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
21.5.1.5.a	**Pencapaian Outcome** Semasa lawatan Audit dilakukan di tiga buah negeri, sebanyak 60 borang soal selidik telah diedarkan kepada Veteran bagi mengukur peningkatan taraf sosioekonomi serta kebajikan Veteran melalui bantuan sara hidup dan sumbangan perayaan. Analisis terhadap 59 borang soal selidik yang diterima mendapati 88.1% yang menerima bantuan sara hidup adalah dikalangan Veteran yang tidak berpencen. Berdasarkan maklum balas soal selidik mendapati 69.8% Veteran ini telah mendapat bantuan sara hidup bulanan minimum iaitu sejumlah RM100 manakala 22.6% Veteran telah mendapat sejumlah RM150 dan 7.6% Veteran memperoleh sejumlah RM200.	Bantuan sara hidup diberikan kepada veteran berpencen dan tidak berpencen berdasarkan pengiraan per kapita pada Jadual Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang telah ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi JPM. Konsep pengiraan adalah berasaskan perbezaan pendapatan isi rumah dengan jumlah per kapita isi rumah (bil. orang x kadar per kapita). Disamping itu juga, pemberian bantuan sara hidup adalah berdasarkan permohonan yang diterima. Bantuan sara hidup yang diberikan kepada yang berkelayakan adalah untuk meringankan beban kehidupan veteran bagi sesuatu tempoh sehigga veteran berupaya meningkatkan taraf sosio ekonomi yang lebih baik. JHEV bersetuju kadar bantuan ditingkatkan kepada RM300 tertakluk kepada kelulusan peruntukkan daripada Kementerian Kewangan. Bagi bajet 2015 JHEV telah memohon peruntukan di bawah DASAR BARU berjumlah RM11.96 juta untuk menampung pembayaran RM300 untuk penerima bantuan sara hidup yang akan mencecah 5000 veteran pada tahun 2015. Jangkaan pelaksanaan bantuan sara hidup RM300 akan dilaksanakan bermula Februari 2015 tertakluk sekiranya peruntukan tambahan diluluskan.
21.5.1.5.b	Lawatan Audit juga mendapati daripada 7 pesara/penerima faedah persaraan yang berpencen, seorang daripadanya masih dalam kedaifan kerana pencen yang diterima berada di bawah PGK iaitu RM300 dan bantuan sara hidup yang diberikan tidak dapat menampung keperluan hidup semasa. Bagaimanapun, bagi pesara/penerima faedah persaraan yang tidak berpencen, pihak JHEV hanya memberi bantuan sara hidup kepada pesara/penerima faedah yang membuat permohonan dan layak sahaja. Daripada 53 pesara/penerima faedah persaraan yang menerima bantuan sara hidup, didapati bahawa 15 (28.3%) daripadanya masih dalam keadaan daif di mana keadaan pesara/penerima faedah persaraan dan rumah yang tidak terurus.	
21.5.1.5.c	Hasil analisis terhadap maklum balas borang soal selidik yang diterima mendapati kesemua responden iaitu 100% berpendapat kadar bantuan sara hidup perlu dikaji semula dan dinaikkan bagi mengurangkan bebanan kewangan mereka. Maklum Balas JHEV Yang Diterima Pada 22 September 2014 *JHEV bersetuju kadar bantuan ditingkatkan kepada RM300 tertakluk kepada kelulusan Kementerian Kewangan. Bagi bajet 2015, JHEV telah memohon peruntukan di bawah Dasar Baru berjumlah RM11.96 juta untuk menampung pembayaran RM300 bagi penerima bantuan sara hidup yang akan mencecah 5,000 orang Veteran pada tahun 2015. Jangkaan pelaksanaan bantuan sara hidup RM300 akan dilaksanakan bermula Februari 2015 tertakluk sekiranya peruntukan tambahan diluluskan.* Pada pendapat Audit, JHEV perlu mewujudkan mekanisme perekodan data pesara/penerima faedah persaraan yang boleh difahami dan dilaksanakan di	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	setiap peringkat/pejabat yang terlibat supaya data dan maklumat pesara betul, lengkap dan kemas kini. Bagi memastikan pihak JHEV berjaya meningkatkan tahap sosioekonomi dan menjaga kebajikan pesara/penerima faedah persaraan, kajian perlu dilakukan terhadap kadar bantuan sara hidup ke tahap yang munasabah dengan mengambil kira kos sara hidup semasa.	
21.5.2.1.d	**Pengurusan Pembayaran Pencen - Kaedah Pendaftaran Pencen** Semakan Audit mendapati Senarai Tahap Capaian Pengguna VIBES telah diberikan kepada seramai 123 pegawai dan kakitangan merangkumi JRP, Bahagian Kebajikan, Pengurusan Maklumat, Kewangan dan Akaun, Pencen, Khidmat Pengurusan serta 9 Cawangan JHEV Negeri. Oleh kerana maklumat yang terdapat dalam Sistem VIBES ini adalah berkaitan dengan pembayaran pencen dan faedah persaraan yang lain kepada pesara maka tahap capaian pengguna perlulah mendapat kelulusan Pegawai Pengawal. Semakan Audit selanjutnya mendapati:- i. tahap capaian ini dikeluarkan oleh BPM JHEV tanpa melalui kelulusan secara bertulis daripada Pegawai Pengawal seperti yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan (AP) 11. ii. senarai ini tidak menyatakan had capaian bagi pegawai dan kakitangan yang terlibat. iii. tiada pengemaskinian status capaian bagi pegawai dan kakitangan yang telah bertukar. Pihak Audit telah membuat satu pengujian terhadap capaian kepada sistem dengan menggunakan *ID* pengguna iaitu Koperal Shawal (T1155545) yang telah bertukar dari Cawangan Operasi JRP ke kaunter JRP pada tahun 2012 dan mendapati bahawa pengguna tersebut masih boleh mengakses sistem VIBES. Kelewatan pengemaskinian ini menyebabkan risiko penyalahgunaan data, pengubahan data asal dan sebagainya. Jabatanarah Rekod Dan Pencen hanya membuat permohonan kepada JHEV melalui rujukan surat MATM/BPA-JRP/KOORD OPS/5014(07) bertarikh 24 Mac 2014 untuk pengemaskinian peranan dan tugas pengguna VIBES. Bagaimanapun, tiada sebarang maklum balas diterima daripada JHEV sehingga 19 Mei 2014. iv. berdasarkan senarai nama pengguna VIBES yang dikemukakan oleh BPM JHEV, adalah didapati 6 kes pegawai dan kakitangan yang sama mempunyai 2 *username* yang berbeza dan masih aktif	i. Tahap capaian yang telah dikeluarkan oleh JHEV kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat di dalam memperaku dan meluluskan baucer adalah menepati AP 101. AP 101 telah menetapkan kuasa memperaku baucer di dalam persekitaran manual dan elektronik yang mana boleh diguna pakai di dalam sistem VIBES. JHEV akan merujuk kepada Bahagian Kewangan, Mindef berkaitan kewajaran penggunaan AP 11. ii. Senarai yang diberikan menyatakan Peranan dan capaian pengguna mengikut modul. Semua kelulusan ID kepada pengguna telah ditetapkan had capaian dan peranan masing-masing. Had capaian ini ditentukan semasa permohonan ID baru dan juga penambahan had capaian yang disahkan oleh penyelia bahagian berkenaan. BPM akan membenarkan had capaian pengguna berdasarkan borang permohonan tersebut. Had capaian ini boleh dilihat melalui Menu Pengurusan Pengawalan Capaian Pengguna di dalam Sistem VIBES. Contoh adalah seperti *screenshot* berikut :-

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas JHEV Yang Diterima Pada 22 September 2014 • *JHEV akan mendapatkan kelulusan sebagaimana yang ditetapkan dalam AP11.* • *Semua ID pengguna telah ditetapkan had capaian dan peranan.* • *Adalah menjadi tanggungjawab agensi/bahagian untuk memaklumkan sebarang pertukaran pegawai supaya ID yang dibekalkan dapat dihentikan sebagaimana yang dinyatakan di dalam manual pengguna.* • *Maklum balas telah diberikan secara e-mel pada 15 April 2014 yang meminta pihak JRP untuk mengisi Borang Permohonan ID VIBES. Pihak JRP tidak mengikut tatacara permohonan ID yang betul kerana tidak mengisi borang permohonan seperti yang ditetapkan di dalam tatacara permohonan ID VIBES. Justeru itu, permohonan hanya diproses selepas BPM JHEV menerima borang permohonan yang lengkap. Di dalam meluluskan ID bagi pengguna di JRP, semakan yang teliti perlu dibuat supaya ianya tidak bertindih dan boleh menyebabkan masalah akauntabiliti. Contohnya permohonan ID yang dimohon melibatkan peranan capaian sebagai Pengesah dan Pelulus bagi satu ID yang sama dan perkara ini perlu dikawal bagi mengelakkan sebarang kesilapan memproses faedah persaraan pada masa hadapan.* • *JHEV telah membuat penambahbaikan dan melaksanakan perkara berikut:* - *Semua ID yang tidak aktif melebihi satu bulan akan disekat serta merta* - *Kata laluan yang tidak ditukar melebihi 3 bulan akan ditukar oleh BPM JHEV.* - *Senarai pengguna Sistem VIBES akan dihantar ke Jabatan/Bahagian untuk tujuan pengesahan setiap bulan.* • *Terdapat keperluan pegawai untuk membuat perakuan dan pengesahan pada modul yang berbeza bertujuan untuk mempercepatkan proses kerja. Sistem VIBES telah menghadkan tahap capaian ID pengguna kepada sesuatu modul yang didaftarkan sahaja. Bagi melaksanakan tugasan ini, ID kedua terpaksa diwujudkan untuk membolehkan proses perakuan dan pengesahan ke atas modul-modul lain. Bagaimanapun, had kuasa perakuan masih menepati Kew.290-Pin. 1/2009 berkuatkuasa 15 Okt 2013.*	 iii. JHEV telah menetapkan peraturan bahawa pengguna perlu mengemukakan permohonan untuk mendapatkan ID dan apabila bertukar perlu dimaklumkan untuk dihentikan. Bagi kes Koperal Shawal yang telah bertukar ke kaunter JRP pada tahun 2012, JHEV tidak dimaklumkan arahan pertukaran sebagaimana surat kelulusan. Sebagai penambahbaikan ke atas kawalan pengguna ID, JHEV ATM telah melaksanakan perkara berikut:- • Menamatkan ID pengguna serta merta sekirannya terdapat pertukaran pegawai. • Semua ID yang tidak aktif melebihi 1 bulan akan disekat serta merta; • Kata laluan yang tidak ditukar melebihi 3 bulan akan ditukar oleh BPM, JHEV; dan • Senarai pengguna Sistem VIBES akan dihantar kepada Jabatan/Bahagian untuk tujuan pengesahan setiap bulan. Pertukaran pegawai di JRP yang menggunakan sistem VIBES perlu disalinkan kepada JHEV untuk pemberhentian ID. Merujuk surat MATM/BPA-JRP/KOORD OPS/5014(07) bertarikh 24 Mac 2014, Maklum balas telah diberikan secara e-mel pada 15 April 2014 yang meminta

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, tindakan segera perlu diambil bagi memastikan kawalan dalaman yang baik dari aspek capaian pengguna sistem VIBES yang diberi kuasa, kawalan kerahsiaan *password* dan pengemaskinian data pesara/penerima faedah persaraan ke dalam sistem tersebut.	pihak JRP untuk mengisi Borang Permohonan ID VIBES. Pihak JRP tidak mengikut tatacara permohonan ID yang betul kerana tidak mengisi borang permohonan seperti yang ditetapkan di dalam tatacara permohonan ID VIBES. Justeru itu, permohonan hanya diproses selepas BPM JHEV menerima borang permohonan yang lengkap. Di dalam meluluskan ID bagi pengguna di JRP, semakan yang teliti perlu dibuat supaya ianya tidak bertindih yang boleh menyebabkan masalah akauntabiliti. iv. Terdapat keperluan pegawai untuk membuat perakuan dan pengesahan pada modul yang berbeza kerana kekurangan pegawai bagi tujuan mengesah dan melulus. Sistem VIBES telah menghadkan tahap capaian ID pengguna kepada sesuatu modul yang didaftarkan sahaja. Sistem VIBES telah melaksanakan kawalan secara dalaman dengan menghadkan kuasa kelulusan daftar bayaran mengikut unit-unit bahagian pencen di JHEV. ID kedua diwujudkan untuk membolehkan kelulusan ke atas daftar bayaran yang disediakan oleh unit-unit yang berbeza di bahagian pencen. Pengwujudan ID kedua ini bersifat sementara sehingga JHEV membuat kajian semula ke atas perjawatan. JHEV akan melaksanakan penambahbaikan dan peningkatan ke atas Sistem VIBES bagi membolehkan kelulusan secara bersilang bagi modul-modul berkenaan. Penambahbaikan bagi membolehkan kelulusan bersilang ini akan dilaksanakan pada Julai 2015.
21.5.2.2.b	**Kaedah Pembayaran Pencen** Semakan Audit terhadap pembayaran pencen mendapati Akaun Deposit Pelarasan Pembatalan Skim B Luput sehingga bulan Oktober 2013 menunjukkan sebanyak 2,058 kes pembayaran pencen yang tidak dituntut melebihi 6 bulan berjumlah RM7.78 juta telah dikreditkan ke akaun ini. Semakan Audit selanjutnya terhadap 410 (19.9%) daripada 2,058 kes berjumlah RM5.07 juta mendapati perkara seperti berikut:- i. bayaran pencen yang tidak dituntut adalah bagi tempoh antara 7 hingga 79 bulan; ii. seramai 259 pesara/penerima faedah persaraan dengan bayaran berjumlah RM3.57 juta telah meninggal dunia;	i. Semakan JHEV mendapati bahawa terdapat bayaran pencen yang tidak dituntut adalah dalam tempoh 7 hingga 65 bulan. Tindakan menghentikan pembayaran pencen telah dilaksanakan semenjak tahun 2011 sehingga sekarang. ii. Tindakan pemberhentian pencen telah dilaksanakan semenjak tahun 2011 sehingga 2014. Baki akaun deposit Skim B luput yang melebihi 6 tahun, bayaran tersebut dipindahkan ke Akaun Hasil secara berterusan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	iii. seramai 76 pesara/penerima faedah persaraan yang masih aktif/hidup berjumlah RM0.63 juta; dan iv. seramai 75 pesara/penerima faedah persaraan berjumlah RM0.88 juta tidak dapat disahkan status mereka kerana menggunakan nombor tentera dan nombor kad pengenalan yang tidak lengkap. Maklum Balas JHEV Yang Diterima Pada 22 September 2014 • *JHEV telah mengambil tindakan untuk menghentikan bayaran baki Akaun Deposit Skim B Luput yang melewati tempoh 7 tahun di pindah ke Akaun Wang Tak Dituntut.* • *Semakan berkaitan nombor tentera dan nombor kad pengenalan bagi penerima pencen sedang dilaksanakan*. • *JHEV telah mengambil langkah mengurangkan tempoh luput daripada 6 bulan kepada 3 bulan sahaja. Mana-mana bayaran yang tidak ditunaikan selepas 3 bulan hendaklah dipulangkan semula oleh bank. Keputusan telah dicapai melalui mesyuarat dengan pihak bank pada 7 Ogos 2014.* • *Bagi bayaran pencen yang tidak dituntut melebihi 6 tahun, tindakan memindahkan ke Akaun Wang Tak Dituntut telah diambil dan gantian bayaran juga telah dibuat. Tindakan ini diambil kebanyakannya ke atas penama yang ada dalam rekod tahun 2011 iaitu semasa pemindahan ke Sistem VIBES pesara/penerima masih aktif (dibayar pencen) dan maklumat kematian disahkan dengan nombor sijil kematian.* • *Bagi penerima tidak aktif (data tidak dipindahkan dari MPP ke VIBES), kematian yang dilaporkan tetapi tiada nombor sijil kematian dan tarikh kematian, gantian bayaran memerlukan pengesahan daripada waris. Maklumat ini penting untuk pengiraan pencen yang layak sebelum tarikh kematian dan yang tidak layak selepas itu. Tanpa maklumat ini, JHEV tidak boleh mengambil tindakan susulan.*	iii. Tindakan pemberhentian pencen telah dilaksanakan semenjak tahun 2011 sehingga 2014 dan usaha untuk mengesan penerima atau waris dijelaskan seperti di bawah. iv. Tindakan pemberhentian pencen telah dilaksanakan semenjak tahun 2011 sehingga 2014. JHEV sedang dalam proses untuk mengesan sumber asal pencen yang diterima oleh 75 penerima faedah persaraan ini dengan menyemak fail fizikal yang tersimpan di JRP. Setelah maklumat diperolehi, ia akan dikemaskinikan di dalam sistem VIBES. Antara sebab yang dikenal pasti menyumbang berlakunya pencen yang tidak dituntut adalah:- • Amaun pencen yang kecil menyebabkan penerima mengumpulkan beberapa bulan sebelum membuat pengeluaran. Di samping itu terdapat penerima pencen yang mempunyai sumber pendapatan lain dan tidak bergantung kepada pencen yang kecil. • Jarak kediaman penerima adalah terlalu jauh daripada bank terutama mereka yang tinggal di kawasan pedalaman seperti Sabah dan Sarawak. Kemudahan pengangkutan yang terhad dan tambang yang tinggi. • Penerima telah meninggal dunia tetapi tidak dimaklumkan oleh waris. • Penerima yang uzur dan wakil tidak mempunyai masa untuk menguruskan penerimaan pencen setiap bulan. Jabatan sedar bahawa berlakunya pembatalan pembayaran pencen melalui Skim B ini dan tindakan bagi membolehkan gantian bayaran kepada waris yang layak dibuat adalah seperti berikut:- • Pada tahun 2008, semua JHEV negeri telah melaksanakan program menjejaki penerima pencen tidak dituntut iaitu dengan mengunjungi ke alamat rumah penerima pencen, namun respon adalah kurang kerana terdapat penerima pencen telah berpindah alamat, alamat tidak lengkap dan alamat salah. • Data-data daripada Sistem Manual Pembayaran Pencen (MPP) yang dimigrasikan ke Sistem VIBES tidak mempunyai data nombor kad

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr>
<td></td>
<td>
<table>
<tr><th>TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN</th><th>KEPERLUAN / TEMPOH SELESAI</th></tr>
<tr><td>Mengurangkan tempoh pemulangan pencen Skim B Luput daripada 6 bulan ke 3 bulan. Persetujuan dengan pihak bank telah dicapai melalui mesyuarat dengan pihak bank pada 7 Ogos 2014.</td><td>Setiap 3 bulan amaun luput dipulangkan kepada JHEV</td></tr>
<tr><td>Menghentikan bayaran pencen sekiranya terdapat pemulangan daripada pihak bank.</td><td>Dilaksanakan serta merta</td></tr>
<tr><td>Memindahkan ke Akaun Wang Tak Dituntut yang melebihi 6 tahun dan bayaran pencen yang tidak layak diterima.</td><td>Bagi amaun semasa melebihi 6 tahun, telah selesai dipindahkan ke Akaun Wang Tak Dituntut</td></tr>
<tr><td>Membuat gantian bayaran bagi amaun yang layak diterima sebelum tarikh kematian atau penerima membuat tuntutan ke atas bayaran yang luput.</td><td>Disember 2014</td></tr>
<tr><td>Menyemak dan mengesan status penerima faedah pencen melalui siasatan oleh JHEV Negeri, portal, buletin dan persatuan.</td><td>Disember 2014</td></tr>
</table>
</td>
<td>
pengenalan untuk membuat padanan dengan JPN. JPN hanya boleh membuat padanan sekiranya terdapat no kad pengenalan sahaja. Oleh yang demikian, situasi ini telah menyebabkan pencen dibayar berterusan sehingga pemakluman kematian penerima pencen diperolehi daripada waris. Pada bulan Jun 2013 JHEV telah memulakan tindakan padanan data kematian penerima Faedah Persaraan dengan data di JPN.

• JHEV telah menghantar surat berpandukan alamat terakhir penerima pencen untuk mengetahui status penerima pencen hidup atau mati. Namun demikian, maklumbalas adalah tidak begitu menggalakkan.

• Hubungan melalui telefon telah juga dilaksanakan tetapi maklumbalasnya juga tidak begitu menggalakkan kerana terdapat sesetengah nombor telefon tidak aktif.

• Menyiarkan senarai nama penerima pencen yang tidak dituntut di dalam Buletin JHEV 2010 dan juga portal semasa JHEV.

• JHEV telah mengambil langkah mengurangkan tempoh luput daripada 6 bulan kepada 3 bulan sahaja. Mana-mana bayaran yang tidak ditunaikan selepas 3 bulan hendaklah dipulangkan semula oleh bank. Keputusan telah dicapai melalui mesyuarat dengan pihak Bank pada 7 Ogos 2014.

• Bagi bayaran pencen yang tidak dituntut melebihi 6 tahun, tindakan memindahkan ke Akaun Hasil telah diambil dan gantian bayaran juga telah dibuat. Tindakan ini diambil kebanyakannya ke atas penama yang ada dalam rekod tahun 2011 iaitu semasa pemindahan ke sistem VIBES pesara/penerima masih aktif (dibayar pencen) dan maklumat kematian disahkan dengan nombor sijil kematian.

• Bagi penerima tidak aktif (data tidak dipindahkan dari MPP ke VIBES), kematian yang dilaporkan tetapi tiada nombor sijil kematian dan tarikh kematian, gantian bayaran memerlukan pengesanan waris. Maklumat ini penting untuk pengiraan pencen yang layak sebelum tarikh kematian dan yang tidak layak selepas itu. Tanpa maklumat ini JHEV tidak boleh mengambil tindakan susulan.
</td>
</tr>
</table>

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>
<table>
<tr><th>Tindakan Penambahbaikan</th><th>Tempoh Selesai</th></tr>
<tr><td>Mengurangkan tempoh pemulangan pencen Skim B Luput daripada 6 bulan ke 3 bulan. Persetujuan dengan pihak bank telah dicapai melalui mesyuarat pada 7 Ogos 2014</td><td>Setiap 3 bulan, amaun luput dipulangkan kepada JHEV</td></tr>
<tr><td>Menghentikan bayaran pencen sekiranya terdapat pemulangan daripada pihak bank.</td><td>Dilaksanakan serta merta</td></tr>
<tr><td>Memindahkan ke akaun hasil untuk amaun yang melebihi 6 tahun dan bayaran pencen yang tidak layak diterima.</td><td>Bagi amaun semasa melebihi 6 tahun, telah selesai dipindahkan ke Akaun Hasil.</td></tr>
<tr><td>Membuat gantian bayaran bagi amaun yang layak diterima sebelum tarikh kematian atau penerima membuat tuntutan ke atas bayaran yang luput.</td><td>Disember 2014</td></tr>
<tr><td>Menyemak dan mengesan status penerima faedah pencen melalui siasatan oleh JHEV Negeri, melalui portal, melalui buletin dan persatuan.</td><td>Disember 2014</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>21.5.2.2.c</td><td>Seramai 8 orang pesara/penerima faedah persaraan telah di bayar antara 39 hingga 48 bulan menyebabkan jumlah pencen terkumpul tertinggi yang tidak dituntut iaitu antara RM40,840 sehingga RM146,631. Semakan Audit selanjutnya mendapati 5 daripadanya telah meninggal dunia dan tidak mempunyai orang tanggungan yang layak untuk mendapatkan bayaran faedah persaraan. Di samping itu 3 pesara/penerima pencen lagi tidak dapat ditentukan statusnya disebabkan tiada nombor kad pengenalan.</td><td rowspan="2">Pembayaran pencen kepada penerima diteruskan oleh kerana tiada pemakluman kematian dilaporkan kepada JHEV. Semakan telah dibuat terhadap 8 orang penerima faedah persaraan yang dimaksudkan dan disahkan bahawa tempoh kematian adalah di antara tahun 2008 sehingga 2009 yang mana usaha padanan data kematian masih belum dibuat bagi tahun-tahun tersebut. JHEV telah mengambil tindakan menghentikan pembayaran pencen serta-merta dan bayaran pencen terkumpul tersebut telah dijurnalkan ke Akaun Hasil. Bagi penerima yang tidak dapat disahkan statusnya, tindakan mengesan dan mengemas kini data sedang dilakukan.

Usaha-usaha mengesan waris sentiasa dilaksanakan namun kurang mendatangkan hasil disebabkan alamat dan nombor telefon yang tidak</td></tr>
<tr><td>21.5.2.2.d</td><td>Sejumlah RM104,333 bayaran pencen kepada 59 pesara/penerima faedah persaraan Skim B yang tidak dituntut telah melebihi 7 tahun dan masih diakaunkan ke dalam lejer ini tanpa tindakan pelarasan kepada Akaun Wang Tak Dituntut. Tidak ada bukti menunjukkan siasatan terhadap status</td></tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pesara/penerima faedah persaraan ini dilaksanakan.	dikemaskini bagi membolehkan bayaran dibuat kepada waris yang layak. Bagi bayaran pencen yang tidak dituntut yang telah melebihi tempoh 6 tahun, tindakan menjurnalkan bayaran tersebut ke Akaun Hasil telah dilaksanakan. JHEV tidak dapat mengemas kini rekod kebanyakan fail kerana kekangan sumber manusia. Namun begitu, JHEV telah memulakan pengemaskinian fail pesara secara berperingkat mulai tahun 2012 dengan menggunakan khidmat Pekerja Sambilan Harian (PSH) dan proses ini masih berjalan sehingga sekarang. Usaha pengemaskinian fail-fail ini dijangka selesai pada Jun 2015. Proses bayaran pencen menggunakan cek, *bank draft* dan *telegraphic transfer* melibatkan penggunaan tenaga dan kertas yang banyak berikutan ianya dilakukan secara manual setiap bulan/bayaran. Semua dokumen bayaran melalui cek dan bank draf disatukan di dalam fail khas yang disimpan dan akan dibuat salinan apabila diperlukan. Ia terpaksa dilakukan demikian bagi mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada (staf, kertas dan bilik fail). Namun begitu, JHEV telah memulakan pengemaskinian fail pesara secara berperingkat mulai tahun 2012 dengan menggunakan khidmat Pekerja Sambilan Harian (PSH) dan proses ini masih berjalan sehingga sekarang. Usaha pengemaskinian fail-fail ini dijangka selesai pada Jun 2015.
21.5.2.2.e	Semakan Audit terhadap 10 sampel fail pesara/penerima faedah persaraan yang dibayar melalui waran mendapati 9 daripadanya tidak dikemas kini sejak tahun 2009 lagi.	
21.5.2.2.f	Semakan terhadap 10 sampel fail daripada 36 fail pesara/penerima faedah persaraan bagi bayaran melalui lain-lain (Cek, *Bank Draft* dan *Telegraphic Transfer*) mendapati dokumen tersebut tidak dikemas kini sejak tahun 2009 lagi. Ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat menentukan status terkini pesara/penerima faedah persaraan tersebut. Maklum Balas JHEV Yang Diterima Pada 22 September 2014 • *JHEV telah menghantar email kepada Bahagian Akaun Kementerian Pertahanan untuk mendapatkan penjelasan lanjut berhubung prosedur pemindahan dari baki Akaun Deposit Skim B Luput ke Akaun Wang Tak Dituntut. Maklum balas telah diterima pada 17 Julai 2014 dan JHEV boleh mengambil tindakan untuk pemindahan ke Akaun Wang Tak Dituntut. Tindakan susulan untuk memindahkan baki Akaun Deposit Skim B Luput yang melewati tempoh tujuh tahun ke Akaun Wang Tak Dituntut akan diambil.* • *JHEV tidak dapat mengemas kini rekod kebanyakan fail kerana kekangan sumber manusia. Namun begitu, JHEV telah memulakan pengemaskinian fail pesara secara berperingkat mulai tahun 2012 dengan menggunakan khidmat Pekerja Sambilan Harian (PSH) dan proses ini masih berjalan sehingga sekarang.* • *Proses bayaran pencen menggunakan cek, bank draft dan telegraphic transfer melibatkan penggunaan tenaga dan kertas yang banyak berikutan ianya dilakukan secara manual setiap bulan/bayaran. Semua dokumen bayaran melalui cek dan bank draf disatukan di dalam fail khas yang disimpan dan akan dibuat salinan apabila diperlukan. Ia terpaksa dilakukan demikian bagi mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada (staf, kertas dan bilik fail). Proses pengemaskinian fail masih lagi berjalan sehingga sekarang.* Pada pendapat Audit, JHEV hendaklah sentiasa mengemaskini maklumat	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pesara/penerima faedah persaraan dan mengambil tindakan komprehensif yang berterusan ke atas penerima yang dikategorikan di dalam Akaun Deposit Pelarasan Pembatalan Skim B Luput dan Akaun Deposit Pelarasan Pembatalan EFT.	
21.5.3.1	**Analisis Data MPP/VIBES Menggunakan Perisian *Audit Command Language* (ACL) - Sistem MPP - Bayaran Pencen Kepada Anak Melebihi 21 Tahun** Ujian ACL menunjukkan sebanyak 94 kes adalah merupakan bayaran pencen kepada anak yang berusia melebihi 21 tahun. Semakan Audit terhadap 45 kes daripadanya secara semak silang dengan sistem VIBES mendapati 19 kes merupakan anak yang melebihi 21 tahun, manakala 26 (57.7%) kes berstatus ibu/bapa/isteri. Ini menunjukkan maklumat yang disimpan dalam sistem MPP adalah tidak tepat. Maklum Balas JHEV Yang Diterima Pada 22 September 2014 *JHEV telah mengambil tindakan menghentikan bayaran pencen kepada anak yang telah mencapai umur 21 tahun berpandukan data excel yang disimpan mulai tahun 2009. Ini terpaksa dilaksanakan secara manual memandangkan terdapat beberapa fungsi yang disediakan di dalam sistem VIBES tidak dapat berfungsi dengan sempurna sebelum ini.* *JHEV akur dengan penemuan Audit berkaitan perbezaan status hubungan di dalam Sistem Modul Pembayaran Pencen (MPP) dan VIBES. Perkara ini telah berlaku kerana maklumat berkenaan tidak dipindahkan dari sistem MPP ke VIBES dan pengemaskinian dilakukan secara manual. Tindakan selanjutnya untuk mengemaskini maklumat berkenaan akan diambil.* *Maklumat status hubungan yang tepat adalah sebagaimana di dalam Sistem VIBES. JHEV ATM telah mengambil tindakan untuk menghentikan pembayaran pencen bagi kes nombor 9 dan telah menghantar surat kutipan balik berjumlah RM11,740.24. Bagi kes nombor 10, pembayaran telah dihentikan dan surat kutipan balik berjumlah RM4,326.24 telah dihantar.*	Isu pembayaran pencen kepada anak berusia melebihi 21 tahun ini timbul disebabkan oleh perbezaan indikator yang digunakan oleh sistem MPP dan juga sistem VIBES. JHEV mengakui perkara ini dan menegaskan bahawa maklumat status hubungan yang tepat adalah sebagaimana terdapat di dalam sistem VIBES. JHEV telah mengambil tindakan menghentikan bayaran pencen kepada anak yang telah mencapai umur 21 tahun berpandukan data excel yang disimpan mulai tahun 2009. Ini terpaksa dilaksanakan secara manual memandangkan terdapat beberapa fungsi yang disediakan di dalam sistem VIBES tidak dapat berfungsi dengan sempurna sebelum ini. Di dalam 10 kes ini, 8 daripadanya disahkan statusnya sebagai ibu, bapa dan isteri kepada gemulah dan bukannya anak. Jadi mereka ini layak untuk menerima pencen seumur hidup. 2 daripada 10 kes yang dimaksudkan disahkan sebagai pembayaran tidak layak oleh kerana anak gemulah telah melebihi usia 21 tahun. Tindakan menghentikan pembayaran pencen telah dibuat dan surat kutipan balik bayaran berjumlah RM11,740.24 dan RM4,326.24 telah dihantar.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
21.5.3.2.a	**Sistem VIBES - Pembayaran Kepada Pesara/Penerima Faedah Persaraan Yang Telah Meninggal Dunia** Pembayaran pencen kepada pesara/penerima faedah persaraan perlu dihentikan sehingga mendapatkan maklumat terkini orang tanggungan yang sah dan rekod dikemas kini. Analisis Audit terhadap rekod dalam data *payment* mendapati seramai 1,226 pesara/penerima faedah persaraan telah meninggal dunia iaitu seramai 769 orang pada tahun 2012 dengan bayaran berjumlah RM0.60 juta dan 457 orang dengan bayaran berjumlah RM473,190 pada tahun 2013. Bagaimanapun, semakan Audit lanjutnya mendapati pembayaran masih terus dibuat. Bagi memastikan pembayaran pencen tidak terlebih bayar dan kesukaran untuk mengutip balik, pihak JHEV perlu mengenal pasti satu mekanisme bagi mengelakkan kes ini meningkat atau berulang setiap tahun. Maklum Balas JHEV Yang Diterima Pada 22 September 2014 • *JHEV akan menghentikan bayaran pencen berdasarkan maklumat kematian daripada JPN (sejak Jun 2013) atau daripada waris dengan mengemukakan salinan sijil kematian.* • *Merujuk kepada Jadual 9 bagi pesara yang telah meninggal dunia, tindakan untuk menghentikan bayaran pencen telah lewat kerana kelewatan menerima maklumat kematian daripada waris. Tindakan untuk menamatkan pembayaran pencen tidak boleh dilakukan serta-merta. JHEV tidak boleh membatalkan pembayaran pencen secara individu setelah janaan bayaran telah dilakukan untuk bulan berkenaan memandangkan sistem yang digunakan adalah pembayaran secara pukal.* • *Mulai Jun 2013, JHEV telah mengenalpasti mekanisma untuk mendapatkan status kematian terkini melalui kerjasama dengan JPN untuk mendapatkan data kematian semasa bagi dipadankan dengan data penerima pencen JHEV untuk mengelakkan bayaran pencen kepada pesara yang telah meninggal*.	JHEV akan menghentikan bayaran pencen berdasarkan maklumat kematian daripada JPN (sejak Jun 2013) atau daripada waris dengan mengemukakan salinan sijil kematian. Merujuk kepada Jadual 9 bagi pesara yang telah meninggal dunia, tindakan untuk menghentikan bayaran pencen telah lewat kerana kelewatan menerima maklumat kematian daripada waris. Tindakan untuk menamatkan pembayaran pencen tidak boleh dilakukan serta-merta contohnya bagi kes seorang pesara yang telah meninggal pada 30 Jun 2013. Waris telah lewat memaklumkan kepada JHEV status kematian dan pada waktu tersebut data pencen bulanan telah dijana. Ini menyebabkan pencen beliau pada bulan seterusnya masih lagi dibayar. JHEV tidak boleh membatalkan pembayaran pencen secara individu setelah janaan bayaran telah dilakukan untuk bulan berkenaan memandangkan sistem yang digunakan adalah pembayaran secara pukal. Bagi mengutip balik bayaran yang telah dibuat, berikut adalah langkah-langkah yang telah dilakukan. • Mengeluarkan surat tuntutan kepada bank penerima; • Sekiranya, amaun yang dipulangkan tidak mencukupi sebagaimana yang dituntut, usaha mengesan waris akan dibuat melalui panggilan telefon dan penghantaran surat berdasarkan alamat yang terdapat di dalam rekod. • Sekiranya masih terdapat waris yang layak menerima faedah persaraan, kaedah kontra atau pelarasan jumlah yang perlu dikutip balik akan dibuat dari jumlah yang sepatutnya diterima oleh waris. • Membuat siasatan dengan cara turun padang berpandukan maklumat yang ada. Mulai Jun 2013, JHEV telah mengenalpasti mekanisma untuk mendapatkan status kematian terkini melalui kerjasama dengan JPN untuk mendapatkan data kematian semasa bagi dipadankan dengan data penerima pencen JHEV untuk mengelakkan bayaran pencen kepada pesara yang telah meninggal. Selain itu, JHEV akan mendapatkan juga rekod alamat yang terdapat di JPN dan SPR bagi menyediakan alternatif untuk siasatan dan pengesanan dilakukan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
21.5.3.2.b	**Medan Nama Pesara/Penerima Faedah Persaraan Kosong Dalam Sistem VIBES** Analisis Audit mendapati sebanyak 24 transaksi pembayaran telah dibuat kepada pesara/penerima faedah persaraan walaupun medan nama pesara/penerima faedah persaraan tersebut dalam sistem VIBES adalah kosong. Maklum Balas JHEV Yang Diterima Pada 22 September 2014 *Semakan telah dibuat ke atas Jadual 10 dan nama pesara/penerima faedah telah dilengkapkan di dalam sistem VIBES.* *Bagi melengkapkan data pesara dan penerima faedah persaraan di dalam sistem VIBES secara menyeluruh, JHEV ATM telah dan akan mengambil tindakan berikut:-* • *Telah menggunakan 13 orang PSH di Bahagian Pencen secara sepenuh masa untuk mengemaskini dan mendapatkan data. Sehingga kini lebih kurang 10,000 data telah dikemaskini;* • *Akan menggunakan 20 x N17 dari semua bahagian di JHEV ATM untuk pengemaskinian data;* • *Berdasarkan kemahiran dan kesukaran mengekstrak data, dijangka 2,000 data dapat diekstrak;* • *Projek pengemaskinian data ini dijangka siap pada penghujung Disember 2014; dan* • *Dengan selesainya pengemaskinian data-data lama, tindakan seterusnya boleh diambil ke atas Baki Deposit Skim B Luput dan EFT batal.*	JHEV sedar bahawa masih terdapat kelompangan terhadap data-data veteran yang dimigrasikan dari MPP kepada VIBES. Kelompangan ini berlaku disebabkan oleh sistem pembayaran yang digunakan sebelum ini yang direka bentuk bagi penerima pencen terbitan yang hanya memerlukan maklumat nama penerima dan bukannya gemulah. Hal ini berlaku bagi mengelakkan dari terjadinya dua kali pembayaran iaitu kepada penerima dan gemulah. Walaubagaimanapun, pada masa yang sama usaha pengemaskinian dilaksanakan oleh kakitangan sedia ada pada skala yang kecil dan pembayaran pencen bulanan perlu diteruskan demi kebajikan penerima. Semakan telah dibuat ke atas Jadual 10 di LKAN dan nama pesara dan penerima faedah telah dilengkapkan di dalam Sistem VIBES Bagi melengkapkan data pesara dan penerima faedah persaraan di dalam Sistem VIBES secara menyeluruh, JHEV ATM telah dan akan mengambil tindakan berikut:- • Telah menggunakan 13 orang PSH di Bahagian Pencen secara sepenuh masa untuk mengemaskini dan mendapatkan data. Sehingga kini lebih kurang 10,000 data telah dikemaskini; • Berdasarkan kemahiran dan kesukaran mengekstrak data, dijangka 2,000 data dapat diekstrak sebulan; • Projek pengemaskinian data ini dijangka siap pada penghujung Jun 2015; dan • Dengan selesainya pengemaskinian data-data lama, tindakan seterusnya boleh diambil ke atas Baki Deposit Skim B Luput dan EFT batal.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
21.5.4.1	**Penyelenggaraan Rekod Dan Fail** Panduan Pengurusan Pejabat Bahagian VII dan VIII yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai pengurusan fail dan rekod menetapkan rekod hendaklah diselenggarakan dengan teratur, lengkap dan kemaskini. Bagi memastikan kelancaran tugas meliputi penyimpanan rekod dan pemprosesan bayaran faedah persaraan ini, JHEV telah membangunkan Sistem VIBES. Walaupun Sistem VIBES ini telah berfungsi sepenuhnya, semakan Audit mendapati agak sukar untuk mengesan fail pesara. Sebanyak 107 sampel yang dipilih secara rawak dari sistem VIBES menggunakan nombor kad pengenalan pesara telah dikemukakan kepada pihak JHEV untuk mendapat fail individu pesara. Bagaimanapun, fail tersebut tidak dapat dikemukakan kerana JHEV menggunakan nombor tentera sebagai rujukan fail. Oleh itu, pihak Audit terpaksa merujuk semula ke JRP untuk mendapatkan nombor tentera dan pihak JRP hanya dapat mengemukakan 76 daripada keseluruhan sampel manakala 31 dinyatakan sebagai "Tiada Maklumat". Maklum Balas JHEV Yang Diterima Pada 22 September 2014 *Sistem VIBES telah memperuntukkan ruangan nombor kad pengenalan dan juga nombor tentera. Kedua-dua nombor ini telah dimandatorikan dalam pengisian data sebelum sebarang pembayaran semasa dilakukan. JHEV akan membudayakan penggunaan nombor kad pengenalan awam sebagai nombor rujukan di dalam urusan rasmi. Oleh sebab kekangan sumber manusia, perkara ini akan dilaksanakan bermula pada tahun 2015.*	Penggunaan nombor tentera sebagai rujukan fail telah dipraktikkan sejak 1933. Ini disebabkan semua anggota tentera dikenali melalui satu nombor tentera khas yang diperuntukkan kepada mereka dan tidak lagi memegang kad pengenalan awam. Perkara ini terus digunapakai dalam sistem pengurusan fail walaupun selepas mereka bersara/menamatkan perkhidmatan. Perkara ini perlu memandangkan sebarang rujukan yang perlu dibuat diantara jabatan-jabatan Kementerian Pertahanan seperti JRP dan UGAT masih lagi menggunakan nombor tentera. Sistem VIBES telah memperuntukkan ruangan nombor kad pengenalan dan juga nombor tentera. Kedua-dua nombor ini telah dimandatorikan dalam pengisian data sebelum sebarang pembayaran semasa dilakukan. JHEV ATM akan membudayakan penggunaan nombor kad pengenalan awam sebagai nombor rujukan di dalam urusan rasmi. Oleh sebab kekangan sumber manusia, pengemaskinian ini dijangka dapat diselesaikan pada Jun 2015.
21.5.4.2.a	Daftar Akaun Deposit Pelarasan Pembatalan EFT bulan Oktober 2013 menunjukkan seramai 1,153 pesara/penerima faedah persaraan telah dikreditkan semula ke akaun ini. Semakan Audit terhadap 218 (18.9%) daripada 1,153 rekod mendapati perkara seperti berikut: Seramai 33 (15.1%) pesara/penerima faedah persaraan tidak mempunyai nombor kad pengenalan. Semakan lanjut telah dibuat oleh pihak Audit ke BPM JHEV bagi menentukan status pesara/penerima faedah persaraan. Bagaimanapun, pihak BPM JHEV tidak dapat mengesan dan mengesahkannya. Maklum Balas JHEV Yang Diterima Pada 22 September 2014 *JHEV telah melengkapkan nombor kad pengenalan kepada penerima pencen*	JHEV sedar bahawa masih terdapat kelompongan terhadap data-data veteran yang dimigrasikan dari MPP kepada VIBES. Walaubagaimanapun, pada masa yang sama usaha pengemaskinian dilaksanakan oleh kakitangan sedia ada pada skala yang kecil dan pembayaran pencen bulanan perlu diteruskan demi kebajikan penerima. JHEV ATM telah melengkapkan nombor kad pengenalan kepada penerima pencen seperti di Jadual 11 di LKAN. Bagi melengkapkan data pesara dan penerima faedah persaraan di dalam Sistem VIBES secara menyeluruh, JHEV ATM akan mengambil tindakan berikut:- • Menggunakan 13 orang PSH di Bahagian Pencen secara sepenuh

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	seperti di Jadual 11. Bagi melengkapkan data pesara dan penerima faedah persaraan di dalam sistem VIBES secara menyeluruh, JHEV akan mengambil tindakan berikut:- • *Menggunakan 13 orang PSH di Bahagian Pencen secara sepenuh masa untuk mengemaskini dan mendapatkan data;* • *Menggunakan 20 x N17 dari semua bahagian di JHEV untuk pengemaskinian data;* • *Berdasarkan kemahiran dan kesukaran mengekstrak data, dijangka 2,000 data dapat diekstrak;* • *Projek pengemaskinian data ini dijangka siap pada penghujung Disember 2014; dan* • *Dengan selesainya pengemaskinian data-data lama, tindakan seterusnya boleh diambil ke atas baki Deposit Skim B Luput dan EFT batal.*	masa untuk mengemaskini dan mendapatkan data; • Menggunakan 20 orang Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dari semua bahagian di JHEV ATM untuk pengemaskinian data; • Berdasarkan kemahiran dan kesukaran mengekstrak data, dijangka 2,000 data dapat diekstrak; • Projek pengemaskinian data ini dijangka siap pada penghujung Jun 2015; dan • Dengan selesainya pengemaskinian data-data lama, tindakan seterusnya boleh diambil ke atas Baki Deposit Skim B Luput dan EFT batal.
21.5.4.2.b	Seramai 18 pesara/penerima faedah persaraan berjumlah RM103,797 didapati rekodnya tiada dalam sistem VIBES dan pihak JHEV tidak dapat mengesahkan status pesara/penerima faedah persaraan Maklum Balas JHEV Yang Diterima Pada 22 September 2014 *Semakan telah dibuat kepada Jadual 11 dan mendapati hanya 7 daripada 18 rekod berada di dalam pangkalan data Table Payment Legacy.* Pada pendapat Audit sekiranya rekod telah dihentikan, pembayaran tidak sepatutnya dibuat sehingga 31 Oktober 2013.	Semakan telah dibuat kepada Jadual 12 di LKAN dan mendapati hanya 5 daripada 18 rekod berada di dalam pangkalan data *Table Payment Legacy* iaitu senarai sejarah penerima yang pernah dibuat pembayaran melalui sistem MPP dan tidak dipindah masuk ke dalam sistem VIBES oleh kerana pembayaran telah dihentikan sebelum tahun 2012. 2 daripada penerima disahkan masih hidup dan pembayaran pencen kepada mereka masih aktif . Manakala 11 daripada penerima tersebut telah dihentikan pembayaran pencen kepada mereka di antara Oktober 2007 sehingga Ogos 2013.
21.5.4.2.c	Semakan selanjutnya mendapati seramai 134 (61.5%) pesara/penerima faedah persaraan berjumlah RM0.78 juta telah meninggal dunia dan 4 daripadanya mempunyai pencen terkumpul yang tidak dituntut melebihi RM25,000. Maklum Balas JHEV Yang Diterima Pada 22 September 2014 • *Sebelum Jun 2013, JHEV hanya bergantung semata-mata kepada*	Sebelum Jun 2013, JHEV hanya bergantung semata-mata kepada pemakluman waris tentang status kematian seseorang penerima pencen. Sekiranya tiada sebarang pemakluman secara rasmi maka pencen akan terus dibayar. JHEV akan sentiasa bekerjasama dengan JPN untuk mengemas kini status pesara yang meninggal. JHEV telah menyemak dan mengambil tindakan menghentikan pembayaran pencen kepada penerima yang telah disahkan meninggal dunia. JHEV berusaha

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pemakluman waris tentang status kematian seseorang penerima pencen. Sekiranya tiada sebarang pemakluman secara rasmi maka pencen akan terus dibayar. JHEV akan sentiasa bekerjasama dengan JPN untuk mengemas kini status pesara yang meninggal. • *JHEV telah menyemak dan mengambil tindakan menghentikan pembayaran pencen kepada penerima. JHEV berusaha untuk mendapatkan nombor daftar kematian penerima pencen dari JPN untuk direkodkan ke dalam sistem VIBES. Bagi penerima yang telah meninggal dan tiada waris maka tindakan menjurnalkan bayaran pencen terkumpul ke Akaun Wang Tak Dituntut akan dilaksanakan.* • *JHEV akan sentiasa mengemas kini data di dalam sistem VIBES untuk memastikan ketepatan pengurusan bayaran faedah persaraan.* Pada pendapat Audit, kegagalan menyelenggara fail/rekod pesara/penerima faedah persaraan dengan teratur dan lengkap akan menyebabkan data/maklumat dalam sistem VIBES tidak dapat dikemas kini.	untuk mendapatkan nombor daftar kematian penerima pencen dari JPN untuk direkodkan ke dalam sistem VIBES. Bagi membolehkan gantian bayaran dibuat kepada waris yang layak, usaha-usaha mengesan dan penghantaran surat telah dibuat berdasarkan maklumat dan rekod yang terdapat di dalam JHEV. Sekiranya gagal, bagi penerima yang telah meninggal dan tiada waris maka tindakan menjurnalkan bayaran pencen terkumpul ke Akaun Hasil akan dilaksanakan. JHEV sentiasa mengemas kini data di dalam sistem VIBES untuk memastikan ketepatan pengurusan bayaran faedah persaraan. Sebagaimana disyorkan oleh laporan pemerhatian JAN bertarikh 7 Julai 2014, tindakan telah diambil untuk memindahkan pencen tidak dituntut ke Akaun Hasil.
21.5.5.2	**Pengemaskinian Status Pesara/Penerima Faedah Persaraan** Pihak Audit telah memilih 768 sampel pesara yang masih aktif bagi memastikan pemantauan dilakukan oleh JHEV terhadap status terkini pesara/penerima faedah persaraan tersebut. Semakan Audit mendapati daripada 768 sampel yang dipilih, 44 (5.7%) penerima pencen yang aktif sebenarnya telah meninggal dunia berdasarkan pengesahan daripada pihak JPN. Maklum Balas JHEV Yang Diterima Pada 22 September 2014 *BPM JHEV bertanggungjawab melakukan padanan data sistem VIBES dengan data kematian JPN sejak Jun 2013 dan perkara ini dilakukan secara bulanan sehingga kini. Bagi mengesan kematian untuk tahun sebelum Jun 2013, JHEV akan mengambil tindakan berikut:-* • *JHEV telah melaksanakan kerja pengemaskinian data dengan menggunakan khidmat 13 orang Pekerja Khidmat Singkat (PSH). Lebih kurang 10,000 data telah dikemas kini sehingga sekarang;* • *Berdasarkan excercise yang dijalankan dari semasa ke semasa, tindakan*	Maklum balas yang diberikan pada 22 September 2014 adalah yang terkini.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	untuk melakukan padanan dengan data JPN akan dibuat. • *Adalah dijangkakan pengemaskinian data kematian akan dapat disempurnakan pada awal tahun 2015.*	
21.5.5.3	Semakan Audit selanjutnya mendapati BPM JHEV hanya mula menyediakan padanan status kematian ini pada bulan April 2014 walaupun mengikut prosedur kerja, BPM JHEV bertanggungjawab mengemas kini status pesara/penerima faedah persaraan setiap bulan. Pada pendapat Audit, pihak JHEV hendaklah membuat semakan status terkini penerima pencen tersebut dengan pihak JPN secara berterusan bagi mengelakkan pembayaran dibuat kepada penerima pencen yang telah meninggal dunia.	BPM JHEV bertanggungjawab melakukan padanan data sistem VIBES dengan data kematian JPN sejak Jun 2013 dan perkara ini dilakukan secara bulanan sehingga kini. Bagi mengesan kematian untuk tahun sebelum Jun 2013, JHEV akan mengambil tindakan berikut:- • JHEV telah melaksanakan kerja pengemaskinian data dengan menggunakan khidmat 13 orang Pekerja Khidmat Singkat (PSH). Lebih kurang 10,000 data telah dikemas kini sehingga sekarang; • Berdasarkan excercise yang dijalankan dari semasa ke semasa, tindakan untuk melakukan padanan dengan data JPN akan dibuat. • Adalah dijangkakan pengemaskinian data kematian akan dapat disempurnakan pada awal tahun 2015.
21.5.6.1	**Kutipan Balik Bayaran Faedah Persaraan Kepada Pesara Meninggal Dunia** Bagi pesara yang telah meninggal dunia, surat tuntutan kutipan balik ada dikeluarkan oleh BKA JHEV kepada pihak bank dan orang tanggungan bagi mendapatkan semula pembayaran pencen yang terlebih bayar. Satu senarai kutipan balik ada disediakan. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati senarai ini tidak mengandungi jumlah tuntutan sebenar. Oleh itu, pihak Audit telah membuat pengiraan semula jumlah tuntutan berdasarkan surat tuntutan yang dikeluarkan oleh BKA JHEV. Mengikut pengiraan Audit, bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 didapati sejumlah RM11.94 juta bayaran pencen bulanan yang terlebih bayar kepada seramai 3,786 pesara/penerima faedah persaraan yang telah meninggal dunia. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM1.69 juta (14.2%) telah dapat dikutip semula daripada pihak bank. Semakan Audit selanjutnya mendapati BKA JHEV hanya menerima pemakluman daripada pihak bank berdasarkan pengesahan yang dibuat pada surat yang telah dikeluarkan oleh BKA JHEV kepada bank. Maklum Balas JHEV Yang Diterima Pada 22 September 2014	i. Berdasarkan rekod JHEV bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 jumlah bayaran yang perlu dikutip semula adalah RM11,953,447.60 dan bukannya RM11,939,955.00. ii. Kaedah Jabatan Audit Negara (JAN) dalam menentukan jumlah pencen terlebih bayar iaitu RM11,939,955.00 yang kini masih berbaki RM10,247,002.10 belum dikutip ialah dengan membuat kiraan berdasarkan memo kutipan yang dikeluarkan oleh BP kepada BKA. BKA seterusnya menghantar surat berkenaan kepada bank untuk membuat kutipan balik daripada akaun pesara. Jumlah kutipan balik ini sebenarnya terdiri daripada:- • Kes gemulah yang mempunyai waris yang layak menerima pencen. • Kes gemulah tiada waris yang layak menerima pencen.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	• *JHEV akur dengan penemuan Audit dan senarai kutipan balik telah ditambah baik dengan memasukkan jumlah tuntutan sebenar. Setiap amaun yang terlebih bayar harus dikutip semula. JHEV menghantar surat kepada bank meminta dipulangkan amaun terlebih bayar daripada akaun penerima. Namun kebanyakannya jawapan diterima ialah baki tidak mencukupi atau dipulangkan sedikit sahaja. JHEV menerima teguran bahawa hasil pengiraan Audit, sejumlah RM11 juta pencen telah terlebih bayar melibatkan seramai 3,876 orang pesara/penerima pencen yang telah meninggal dunia. Bagaimanapun, JHEV memerlukan masa untuk melakukan penyemakan dan mengesahkan amaun ini kerana tuntutan balik sebenar dan baki belum dituntut tidak disediakan dalam satu daftar yang lengkap.* • *JHEV dalam tindakan untuk mendapatkan penyata baki individu bagi Skim A dan Skim B yang telah meninggal dunia. Satu mesyuarat dengan pihak bank telah diadakan pada 07 Ogos 2014 untuk memendekkan tempoh luput pembayaran pencen Skim B dari 6 bulan kepada 3 bulan. Pendekatan ini akan membolehkan JHEV mengetahui lebih awal pembayaran yang ditolak oleh bank.* • *Pencen yang terlebih bayar tetapi tidak dipulangkan akan ditolak dari jumlah yang layak diterima oleh pesara/penerima pencen. Terdapat juga pencen yang terlebih bayar tidak ditunaikan di bawah Skim B luput telah dipindahkan ke Akaun Wang Tak Dituntut atau dibuat gantian bayaran kepada waris. Bagi memantau perkara ini, JHEV akan mewujudkan daftar kutipan balik di Bahagian Pencen. Tanpa daftar ini, JHEV merasakan jumlah yang belum dikutip balik tidak dapat disahkan. Ini kerana rekod yang diselenggara ialah amaun tuntutan yang diterima daripada bank sahaja. Memo tuntutan yang dikeluarkan Bahagian Pencen, amaun kutipan balik diterima bank atau pesara, pencen yang telah dibuat gantian bayaran, amaun yang dipindahkan ke Akaun Wang Tak Dituntut perlu diambil kira dalam daftar yang akan diwujudkan.*	Bagi kes gemulah yang mempunyai waris yang layak menerima pencen, amaun pulangan oleh bank akan dipulangkan semula kepada waris yang layak. Sekiranya tiada pulangan oleh bank atau pulangan tidak mencukupi, JHEV menganggap waris telah mengeluarkan pencen terlebih dahulu sebelum kutipan dibuat ke atas akaun gemulah. Dalam kes ini tidak wujud pencen terlebih bayar sejumlah RM11,939,955.00 sebagaimana dilaporkan di dalam LKAN kerana JHEV telah membuat pelarasan ke atas pencen terbitan. Jumlah yang telah dibuat pelarasan adalah sebanyak RM8,091,662.79. Bagi kes gemulah yang tiada waris yang layak menerima pencen, JHEV akan membuat kutipan balik dengan waris atau saudara mara sekiranya tiada pulangan daripada bank. Amaun yang perlu dikutip balik berjumlah RM3,861,784.81 dan daripada jumlah tersebut RM825,625.70 telah berjaya dikutip balik daripada waris. Baki yang masih perlu dikutip daripada waris yang tidak layak terima pencen hanyalah berjumlah RM3,036,159.11 sahaja. JHEV telah menghantar surat kutipan balik pencen terlebih bayar kepada waris atau saudara mara gemulah. Namun ada yang memberi maklumbalas dan membuat bayaran balik dan ada yang tidak. Ingin diperjelaskan bahawa urusan pembayaran pencen adalah bersifat kebajikan. Ia merupakan satu komitmen yang perlu ditunaikan oleh Kerajaan dan peruntukan-peruntukan berkenaan diletakkan di bawah Tanggungan. Oleh yang demikian, kerajaan telah pun membuat keputusan supaya pembayaran dibuat pada 21hb setiap bulan dan pada bulan-bulan perayaan pembayaran akan dibuat lebih awal lagi. Sekiranya tidak bersifat kebajikan pencen akan dibayar pada setiap hujung bulan pada 30hb atau 31hb. Walaupun bayaran pencen dibayar awal dalam sesuatu bulan tetapi pengiraan kutipan balik akan bermula sehari selepas tarikh kematian. Faktor yang menyebabkan kelewatan memberhentikan bayaran pencen adalah berikut:- . • Lewat dimaklumkan oleh waris tentang kematian penerima pencen kepada JHEV. • Kelewatan melaporkan kematian di JPN oleh waris. • Penyata kematian yang dihantar oleh JPN merupakan satu bulan kebelakang.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		• Proses pembayaran pencen telah dijana lebih awal dan dilakukan secara pukal sebelum dihantar ke bank untuk urusan pembayaran. Keadaan ini wujud disebabkan oleh kaedah pembayaran pencen yang telah dipersetujui oleh Kerajaan di mana risiko pembayaran untuk tempoh yang tidak sah mungkin berlaku. Bagi maksud pembayaran tersebut yang tidak sepatutnya dibuat, JHEV terpaksa menanggung risiko yang tinggi yang melibatkan pembayaran kepada 105,719 orang pesara dan tanggungan pada setiap bulan. Keadaan ini tidak dapat dielakkan dalam melaksanakan urusan pembayaran pencen. Berdasarkan kepada keadaan tersebut JHEV perlu mengutip balik ke atas bayaran pencen berkenaan dan tidak timbul terlebih bayar oleh kerana faktor diluar kawalan JHEV. Sebagai penambahbaikan di dalam melaksanakan kutipan balik, perkara-perkara berikut akan dilaksanakan: • Menyelaraskan permohonan Bantuan Mengurus Jenazah dengan kutipan balik bayaran pencen yang telah dibayar selepas kematian. • Mewajibkan penerima pencen Skim B menukar ke Skim A bersyarat dengan melantik seorang wakil yang boleh bertanggungjawab terhadap urusan pembayaran pencen pesara.
21.5.6.2	Mengikut PPAT Pindaan Tahun 1991 Akta Angkatan Tentera 1972, tafsiran anak ialah anak anggota/pesara yang meninggal dunia yang berumur kurang daripada 21 tahun dan yang hilangupaya dari segi mental dan fizikal. Semakan Audit selanjutnya ke atas surat tuntutan yang telah dikeluarkan oleh BKA JHEV mendapati sejumlah RM82,917 telah terlebih bayar kepada 14 orang penerima yang telah mencapai umur 21 tahun. Mengikut Spesifikasi Keperluan Sistem Versi 1.0 (VIBES) ada menyediakan Modul Pemantauan Status Anak Belajar di IPT/Anak Cacat (BP-KPV01a). Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tiada Modul Pemantauan Status Anak yang telah mencapai umur 21 tahun. Maklum Balas JHEV Yang Diterima Pada 22 September 2014 *Di dalam modul pencen terbitan telah wujud kemudahan untuk mengemaskini*	Berdasarkan PPAT Pindaan Tahun 1991 kepada Akta Angkatan Tentera 1972, terdapat peruntukan yang membenarkan pembayaran pencen dibuat kepada anak yang berumur melebihi 21 tahun yang masih menuntut di peringkat ijazah pertama dan juga kepada anak Orang Kurang Upaya yang tidak dapat menanggung diri sendiri. Pembayaran pada tempoh yang tidak sah berlaku disebabkan JHEV tidak dimaklumkan bahawa anak tersebut telah mencapai umur 21 tahun atau menamatkan pengajian ijazah pertama. Di dalam modul pencen terbitan telah wujud kemudahan untuk mengemaskini

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	maklumat bayaran pencen kepada anak gemulah yang berumur 21 tahun. Pemantauan ini adalah semi auto dan pengemaskinian perlu dilakukan ke atas setiap rekod. Bagi meningkatkan keupayaan memantau bayaran pencen terbitan kepada anak gemulah yang mencapai umur 21 tahun, JHEV akan menaiktaraf sistem VIBES pada tahun 2015. Pada pendapat Audit, JHEV hendaklah meminta pihak bank untuk mengemukakan pengesahan baki setiap pesara/penerima faedah persaraan secara rasmi. Selain itu, JHEV perlu mewujudkan Modul Pemantauan Status Anak yang telah mencapai umur 21 tahun dan mekanisme bagi mengelakkan berlakunya pencen terbitan terlebih bayar sekiranya anak tersebut tidak meneruskan pembelajaran secara berterusan.	maklumat bayaran pencen kepada anak gemulah yang berumur 21 tahun. Pemantauan ini adalah semi auto dan pengemaskinian perlu dilakukan ke atas setiap rekod. Bagi meningkatkan keupayaan memantau bayaran pencen terbitan kepada anak gemulah yang mencapai umur 21 tahun, JHEV telah memohon peruntukkan untuk menaiktaraf sistem VIBES pada tahun 2015.
21.5.7.1	**Pengurusan Bantuan Sara Hidup – Permohonan** Bagi tempoh tahun 2011 sehingga Disember 2013, sebanyak 4,203 permohonan bantuan sara hidup telah diterima dan daripada jumlah tersebut sebanyak 3,044 (72.4%) telah mendapat kelulusan manakala 1,159 gagal. Penerima faedah telah meningkat seramai 100 orang (8.2%) kepada 1,320 orang pada tahun 2013 berbanding 1,220 orang pada tahun 2012. Permohonan bantuan sara hidup akan didaftar terlebih dahulu di dalam Sistem Maklumat Veteran (VETIS -*Veteran Information System*). Sistem VETIS merupakan sistem yang dibangunkan secara berasingan bagi mengendalikan proses permohonan bantuan sehingga ke peringkat kelulusan oleh JKKP. Maklumat permohonan ini disimpan dalam sistem untuk tujuan rekod dan pemantauan penerima bantuan. Semakan Audit mendapati sistem ini tidak diintegrasikan dengan sistem VIBES dan menyebabkan setiap maklumat penerima bantuan dimasukkan secara manual. Maklum Balas JHEV Yang Diterima Pada 22 September 2014 *Permohonan untuk mengintegrasikan maklumat sistem VETIS ke VIBES secara menyeluruh telah tidak dipertimbangkan. Namun begitu, hanya maklumat pembayaran sahaja diproses menggunakan VIBES.*	Sistem VETIS merupakan sistem yang memproses permohonan skim bantuan kebajikan dan pendidikan JHEV ATM yang digunapakai di pejabat JHEV cawangan negeri dan Bahagian Kebajikan Ibu Pejabat. Data yang telah diproses menggunakan sistem VETIS akan dimuat naik ke dalam Sistem VIBES secara semi automatik untuk tujuan pembayaran. JHEV dalam usaha untuk mewujudkan satu modul khas bagi kebajikan dalam Sistem VIBES.Penambahbaikan ini akan dilaksanakan pada tahun 2015.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
21.5.7.2.a	**Pematuhan Syarat Dan Kelayakan** Permohonan yang dikemukakan oleh pesara atau orang tanggungan hendaklah memenuhi syarat dan kelayakan yang ditetapkan berserta dokumen sokongan. Perkara ini telah dimaklumkan secara lisan dan bertulis kepada anggota tentera sebelum anggota tentera meninggalkan perkhidmatannya. Setiap permohonan yang diterima akan disemak terutamanya dari aspek kelayakan umur dan pendapatan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Sehingga tahun 2013, PGK yang diguna pakai adalah RM720 bagi Semenanjung Malaysia, Sarawak berjumlah RM830 serta Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan berjumlah RM960. Sekiranya permohonan tersebut tidak melayakkan pesara tersebut mendapat bantuan sara hidup, satu surat pemberitahuan akan dikeluarkan dan tuntutan tersebut tidak akan di proses. Manakala bagi dokumen permohonan yang tidak lengkap atau syarat tidak dipatuhi, Bahagian Kebajikan JHEV tidak boleh membuat tindakan atau keputusan selanjutnya.	
21.5.7.2.b	Semakan Audit terhadap 90 (7.8%) daripada 1,159 kes yang ditolak mendapati antara punca sesuatu tuntutan ditolak adalah kerana tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan seperti berikut:- i. Had umur yang belum mencapai 65 tahun dan tiada pengesahan daripada Pegawai Perubatan bagi sakit yang menghalang pekerjaan; ii. Pendapatan pasangan dan sumbangan anak melebihi Paras Garis Kemiskinan yang diambil kira dalam pengiraan Pendapatan Keluarga; iii. Permohonan tanpa mengemukakan pendapatan akan ditolak kecuali sakit yang menghalang pekerjaan (Perlu pengesahan Pegawai Perubatan); iv. Balu yang memohon telah berkahwin semula; v. Anak yatim piatu yang melepasi kelayakan umur iaitu melebihi 18 tahun dan tidak belajar; dan vi. Anak-anak yang lahir daripada perkahwinan selepas tamat perkhidmatan tentera.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini

21.5.7.2.c	Pihak Audit juga telah menyemak sebanyak 40 sampel yang belum diproses dan diambil kira dalam sistem VETIS antaranya disebabkan oleh faktor seperti berikut:-
	
	i. dokumen yang tidak diisi dengan lengkap oleh pemohon atau orang tanggungan;
	
	ii. keterangan dan Laporan Perubatan tidak dikepilkan; dan
	
	iii. tidak dapat mengesan alamat sebenar pesara atau orang tanggungan yang memohon untuk dilakukan siasatan.
	
	Maklum Balas JHEV Yang Diterima Pada 22 September 2014
	
	JHEV telah pun mempunyai senarai semak ke atas permohonan bantuan kebajikan seperti dipaparkan di dalam website JHEV. Namun begitu, pendekatan untuk meningkatkan kemahiran di dalam mengendalikan bantuan kebajikan akan diambil. Taklimat kepada kakitangan di negeri-negeri akan diadakan.
		Berkenaan cadangan supaya diadakan senarai semak di dalam mengendalikan permohonan bantuan kepada veteran, JHEV telahpun melaksanakan perkara berikut:
		
		• Mengadakan senarai semak ke atas permohonan bantuan kebajikan seperti yang dipaparkan di laman web JHEV.
		
		• Bagi mengatasi isu dokumen yang tidak diisi dengan lengkap oleh pemohon atau orang tanggungan dan ketiadaan Laporan Perubatan tidak dikepilkan, JHEV telahpun menyediakan garis panduan kepada JHEV Negeri bagi meningkatkan kecekapan di dalam menguruskan permohonan bantuan kebajikan.
		
		• Taklimat akan diadakan kepada kakitangan di JHEV negeri berperingkat-peringkat dan dijangka selesai pada Februari 2015 untuk meningkatkan kemahiran dan kefahaman JHEV Cawangan Negeri,
		
		• Di samping itu juga, untuk memperkemaskan urusan penilaian permohonan bantuan kebajikan, JHEV telah meminda borang permohonan untuk mendapatkan maklumat yang lebih lengkap.
		
		• Dalam usaha untuk menggalakkan veteran mendapatkan bantuan kebajikan, JHEV telah mengambil tindakan berikut:
		
		  • Mengadakan kaunter bergerak di setiap negeri
		  • Menerbitkan buletin veteran tiga kali setahun
		  • Mengadakan dialog Ketua Pengarah JHEV dengan veteran.
		  • Membuat hebahan di portal JHEV.
		  • Mencetak pamplet dan brosur berkaitan bantuan kebajikan untuk edaran.
		  • Mengadakan taklimat kepada bakal pesara melalui kursus peralihan di PERHEBAT.
		  • Mengadakan wawancara di media massa dan elektronik.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini

21.5.7.3.a	**Bantuan Sara Hidup Yang Tidak Dituntut**
	
	Semakan Audit terhadap Daftar Tunggakan Sara Hidup bulan Oktober 2013 mendapati pembayaran kepada 27 pesara/penerima bantuan sara hidup telah dikembalikan kerana status akaun tidak aktif.
	
	Maklum Balas JHEV Yang Diterima Pada 22 September 2014
	
	Bantuan Sara Hidup kepada 27 pesara/penerima bantuan telah dihentikan sementara pembayarannya pada Ogos 2014 kerana tidak dituntut oleh penerima. Mulai 1 April 2014, JHEV telah melakukan penambahbaikan di mana bantuan sara hidup yang dilaksanakan melalui cek telah diwajibkan ditukar kepada EFT dengan tujuan untuk mengesan pembayaran yang ditolak dengan lebih awal. JHEV akan menghentikan sementara pembayaran kepada penerima sekiranya terdapat EFT batal dan pembayaran tunggakan hanya akan dibuat pada tahun semasa sahaja.
		Bantuan sara hidup kepada 27 penerima telahpun dihentikan sementara pembayarannya pada Ogos 2014.
		
		Kegagalan untuk mengesan bantuan sara hidup yang tidak dituntut adalah disebabkan oleh faktor berikut:-
		
		• Pembayaran skim bantuan sara hidup bagi 27 pesara/penerima ini yang dilaksanakan melalui cek dengan tempoh sah laku selama 3 bulan. Tempoh minima 4 bulan diperlukan untuk mengenalpasti cek yang tidak ditunaikan. JHEV hanya akan mengeluarkan cek batal ganti apabila terdapat permohonan daripada penerima melalui JHEV Cawangan Negeri yang mana salah satu tugasnya adalah untuk menyampaikan cek.
		
		• Mulai 1 April 2014, JHEV telah melakukan penambahbaikan di mana mod pembayaran bantuan sara hidup melalui cek telah ditukar kepada EFT dengan tujuan untuk mengesan pembayaran yang ditolak dengan lebih awal.
		
		JHEV akan menghentikan sementara pembayaran kepada penerima sekiranya terdapat EFT *reject* dan pembayaran tunggakan hanya akan dibuat pada tahun semasa sahaja.
		
		JHEV telah menyediakan garis panduan yang menetapkan bahawa pemohon bantuan hendaklah mendapatkan pengesahan akaun masih aktif dengan pihak bank sebelum menghantar permohonan kepada JHEV.
		
		• 27 penerima bantuan sara hidup seperti jadual 17 di LKAN telah diambil tindakan pemberhentian sementara. Semakan telah dibuat dan mendapati 5 penerima layak dibuat gantian bayaran kerana telah mengemukakan nombor akaun, 10 penerima dalam tindakan mengkreditkan ke akaun hasil kerana telah meninggal dunia dan 12 penerima memerlukan lawatan susulan seperti berikut:-
		
		  • Mengesan status penerima bantuan oleh JHEV negeri melalui surat rujukan JHEV/BK/345 Jld. 2 (38) bertarikh 22 September 2014.
		  • Menyemak pengesahan data veteran di JPN;

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
21.5.7.3.b	Pihak Audit telah memilih 5 sampel daripada 27 pesara/penerima bantuan sara hidup yang tidak dituntut selama 10 bulan ke atas dan mendapati 3 pesara telah meninggal dunia antara 10 hingga 17 bulan . Maklum Balas JHEV Yang Diterima Pada 22 September 2014 *Ketiga-tiga penerima telah dihentikan pembayaran. Pembayaran yang tidak layak diterima mulai tarikh kematian dan tidak dituntut telah dipindahkan ke Akaun Wang Tak Dituntut. Untuk mengesan lebih awal penerima bantuan sara hidup yang meninggal dunia, JHEV akan membuat semakan terhadap data kematian daripada JPN secara bulanan.*	Pembayaran bantuan sara hidup kepada penerima yang telah meninggal dunia tidak dihentikan kerana JHEV hanya boleh menghentikan bayaran setelah menerima pemakluman kematian penerima oleh waris. Ketiga-tiga penerima telah dihentikan pembayaran. Pembayaran yang tidak layak diterima mulai tarikh kematian dan tidak dituntut telah dipindahkan ke dalam akaun hasil. Bagi tujuan pengesanan lebih awal terhadap penerima bantuan sara hidup yang meninggal dunia, JHEV akan membuat semakan terhadap data kematian daripada JPN secara bulanan.
21.5.7.4.a	**Kes Kaji Semula Tidak Dibuat/Lewat Dibuat** Tatacara pengurusan dan syarat-syarat permohonan Skim Bantuan Kebajikan ada menetapkan bahawa kadar bantuan dan kaedah bayaran akan ditentukan mengikut kelulusan JKKP iaitu secara bulanan atau pemberian sekali gus. Bantuan untuk tahun/tempoh seterusnya akan dipertimbangkan selepas menerima laporan dan maklum balas yang diberikan kepada Ibu Pejabat JHEV melalui JHEV Negeri setiap 6 bulan dan mengikut keperluan kes. Semakan Audit mendapati JHEV tidak membuat kajian semula ke atas kadar bantuan sara hidup seperti yang telah ditetapkan.	Permohonan untuk meningkatkan kadar bantuan sara hidup akan hanya dipertimbangkan setelah 6 bulan dari tarikh penerimaan bantuan. Namun begitu, ia bukanlah suatu kemestian bagi JHEV untuk mengkaji semula semua permohonan bantuan sara hidup selepas 6 bulan melainkan sekiranya ada rayuan daripada penerima.
21.5.7.4.b	Berdasarkan surat kelulusan bantuan sara hidup, bantuan ini hanya diluluskan untuk tempoh 3 tahun sahaja dan penerima hendaklah membuat permohonan semula sekiranya ingin meneruskan bantuan ini setelah tamat tempoh bantuan. Bagaimanapun semakan Audit mendapati JHEV tidak mematuhi arahan yang telah ditetapkan. Maklum Balas JHEV Yang Diterima Pada 22 September 2014 • *JHEV akur dengan penemuan tersebut dan akan mengambil tindakan susulan untuk membuat penilaian semula ke atas pemberian bantuan sara hidup yang melebihi 3 tahun.* • *Tindakan pemberhentian pembayaran kepada semua penerima bantuan sara hidup yang melebihi tempoh 3 tahun sedang dirancang untuk dilaksanakan seperti berikut:-*	JHEV akur di atas kegagalan untuk menghentikan pembayaran kepada penerima bantuan sara hidup sara hidup yang telah melebihi tempoh 3 tahun. Tindakan pemberhentian pembayaran kepada semua penerima bantuan sara hidup yang melebihi tempoh 3 tahun telah dirancang untuk dilaksanakan melalui pendekatan seperti berikut:- • Pemakluman awal kepada penerima bantuan sara hidup yang melebihi 3 tahun sebelum penamatan dilaksanakan secara berperingkat. • Mewujudkan peringatan melalui sistem VIBES apabila tempoh kelayakan penerimaan bantuan hampir tamat dan akan dilaksanakan pada tahun 2015 tertakluk kepada kelulusan peruntukkan kewangan. • Cadangan untuk mewujudkan Modul Kebajikan di dalam sistem VIBES adalah dalam perancangan dan akan dilaksanakan pada tahun hadapan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	- *Hebahan dan pemakluman kepada penerima bantuan sara hidup yang melebihi 3 tahun secara berperingkat.* - *Mewujudkan peringatan melalui sistem VIBES apabila tempoh kelayakan penerimaan bantuan hampir tamat dan akan dilaksanakan pada tahun 2015 tertakluk kepada kelulusan peruntukan kewangan.* • *Permohonan untuk meningkatkan kadar bantuan sara hidup akan hanya dipertimbangkan setelah 6 bulan dari tarikh penerimaan bantuan. Namun begitu, ianya bukanlah merupakan satu kemestian bagi JHEV untuk mengkaji semula semua permohonan bantuan sara hidup. Pertimbangan untuk meningkatkan bantuan sara hidup adalah berdasarkan kepada rayuan yang diterima.* Pada pendapat Audit, adalah lebih baik sistem VETIS diintegrasikan dengan sistem VIBES bagi memudahkan/mempercepatkan proses permohonan/kelulusan bantuan serta pemantauan pelaksanaannya. JHEV hendaklah menyediakan senarai semak yang seragam bagi memudahkan permohonan dan pegawai di kaunter perlu menyemak terlebih dahulu kesempurnaan borang permohonan sebelum diproses. Di samping itu, JHEV juga perlu mengambil langkah untuk mempromosikan kemudahan yang disediakan kepada pesara/penerima faedah persaraan.	tertakluk kepada kelulusan peruntukan.
21.5.8.1.a	**Kawalan Keselamatan Wang Tunai Tidak Memuaskan** Pejabat JHEV Negeri ada menerima wang tunai dari Yayasan Veteran bagi sumbangan perayaan kepada veteran yang tidak berpencen di bawah 5 kategori penerima (penerima skim bantuan kebajikan). Dari tahun 2011 hingga 2013 sejumlah RM5.18 juta telah diperuntukkan oleh Yayasan Veteran bagi sumbangan ini.	JHEV ATM telahpun mengeluarkan surat pewakilan kuasa kepada Pengarah Negeri melalui surat bil. YVATM/KEW/07(28) bertarikh 27 Mac 2014. Sebagai penambahbaikan kawalan ke atas pengagihan wang tunai, bayaran secara pindahan terus ke akaun penerima melalui EFT telah dilaksanakan mulai 2014. Namun begitu, sekiranya terdapat keperluan untuk mengagihkan wang tunai kepada penerima, JHEV ATM telahpun mengadakan tatacara pengendalian wang awam yang diedarkan kepada semua Pengarah Negeri. Tatacara ini menjelaskan proses penerimaan wang untuk diagihkan sehingga pemulangan baki wang yang tidak dapat serahkan kepada penerima.
21.5.8.1.b	Semasa lawatan Audit dilakukan adalah di dapati Pengarah JHEqV Negeri ada menyimpan wang tunai di pejabat sebelum diserahkan kepada penerima yang layak. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati bahawa tiada pewakilan kuasa diberi kepada Pengarah JHEV negeri dan lain-lain pegawai bagi mengawal dan menyimpan wang tunai selaras dengan kehendak AP 53. Selain itu, semasa lawatan Audit ke Sarawak mendapati agihan wang tunai ke kawasan pedalaman dibuat oleh pegawai JHEV tanpa kawalan keselamatan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas JHEV Yang Diterima Pada 22 September 2014 *JHEV akur dengan penemuan Audit dan telah mengambil tindakan untuk menurunkan kuasa kepada Pengarah Negeri untuk mengendalikan wang tunai selaras dengan AP 53. Disamping itu juga, peringatan pengendalian dan penyimpanan wang tunai akan diselaraskan mengikut Arahan Perbendaharaan. Sebagai penambahbaikan kawalan ke atas pengagihan wang tunai, bayaran secara pindahan terus ke akaun penerima melalui EFT telah dilaksanakan. Namun begitu, sekiranya terdapat keperluan untuk mengagihkan wang tunai kepada penerima, JHEV ATM telahpun mewujudkan tatacara pengendalian wang awam yang diedarkan kepada semua Pengarah Negeri.*	
21.5.8.2	**Perbezaan Data Penerima Bantuan Sumbangan Perayaan Antara Yayasan Dan JHEV Negeri** Bantuan sumbangan perayaan diberi kepada Veteran yang layak semasa perayaan Aidilfitri. Sumbangan ini diberi dalam bentuk wang tunai berjumlah RM500 melalui majlis yang dianjurkan oleh JHEV Negeri masing-masing. Bagaimanapun, semasa majlis ini dianjurkan, tidak semua penerima dijemput hadir. Bagi yang tidak dijemput, pihak JHEV Negeri akan menyerahkan wang di pejabat JHEV Negeri dan bagi yang uzur, wang tersebut akan diserahkan ketika lawatan ke rumah Veteran. Semakan Audit terhadap data penerima bantuan mendapati terdapat perbezaan senarai bilangan penerima yang dikeluarkan oleh Yayasan Veteran dan JHEV.	Jadual 32 dan Jadual 33 adalah tidak selaras. Contohnya penerima sebenar sumbangan perayaan bagi negeri Sarawak di Jadual 32 berjumlah 330 orang sedangkan di Jadual 33, jumlah adalah 329 orang. Perbezaan penerima sumbangan perayaan yang telah menunjukkan tambahan seorang penerima telahpun mendapat kelulusan daripada Yayasan Veteran. JHEV Cawangan Negeri Sarawak pada mulanya menerima 329 orang penerima. Setelah disemak dengan teliti seramai 19 orang yang sepatutnya tersenarai, nama mereka tiada dalam senarai. JHEV Cawangan Negeri Sarawak memohon tambahan untuk 19 orang penerima yang tercicir kepada Bahagian Kewangan dan ianya diluluskan oleh Bahagian Kebajikan dan Yayasan Veteran ATM. Bagi JHEV Cawangan Negeri Selangor pula, semakan mendapati bahawa rekod penerima sumbangan perayaan adalah sama dengan statistik pihak Yayasan Veteran ATM. Pihak Yayasan Veteran ATM tidak mengemaskini bilangan penerima sebenar semasa pengauditan dijalankan.
21.5.8.3	**Senarai Penerima Sumbangan Perayaan** JHEV Negeri akan dibekalkan senarai nama penerima Sumbangan Perayaan yang mengandungi butiran terperinci penerima tersebut. Pihak Audit tidak dapat memastikan kesahihan sama ada pembayaran sumbangan ini dibayar kepada penerima yang ditetapkan memandangkan penerima hanya menurunkan tandatangan atau cap jari tanpa bukti sokongan pengenalan diri yang sah. Maklum Balas JHEV Yang Diterima Pada 22 September 2014 *JHEV akur dengan penemuan Audit. Semasa arahan awal penyerahan wang tunai kepada penerima, JHEV Cawangan Negeri telah diminta untuk memastikan penyerahan kepada mereka yang dapat menunjukkan kad pengenalan cuma salinan kad pengenalan telah tidak diperolehi daripada penerima. Sebagai penambahbaikan penyerahan wang tunai, Tatacara*	JHEV telahpun mewujudkan tatacara pengendalian wang awam untuk sumbangan perayaan sebagaimana yang dinyatakan di atas.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pengendalian Wang Awam Bagi Sumbangan Perayaan Oleh Yayasan Veteran ATM diperincikan. Pada pendapat Audit JHEV perlu mewujudkan mekanisme yang lebih teratur dan selamat dalam proses penyaluran sumbangan perayaan kepada penerima yang ditetapkan. Kawalan dalaman selaras dengan peraturan kewangan mengenai pengurusan wang tunai hendaklah dipatuhi bagi mengelakkan berlakunya penyelewengan.	
21.5.9	**Pemantauan** Mekanisme pemantauan perlu diwujudkan bagi memastikan pelaksanaan program adalah berkesan. Pemantauan yang konsisten dapat membantu JHEV mengenal pasti kelemahan dan masalah yang timbul serta merancang tindakan penambahbaikan. Memandangkan objektif penubuhan JHEV adalah untuk meningkatkan sosioekonomi dan menjaga kebajikan Veteran, pihak JHEV hendaklah membuat pemantauan dengan mengadakan lawatan yang berterusan selain dari taksiran berasaskan dokumen untuk mengkaji semula kewajaran pembayaran faedah persaraan kepada Veteran. Semakan Audit mendapati tiada rekod lawatan dan laporan pemantauan disediakan oleh JHEV. Maklum Balas JHEV Yang Diterima Pada 22 September 2014 *JHEV akui bahawa lawatan siasatan dan pemantauan bagi penerima bantuan sara hidup tidak dilaksanakan secara menyeluruh kerana jumlah veteran yang terlalu ramai di setiap negeri berbanding dengan jumlah perjawatan negeri adalah seramai 5 orang serta liputan geografi yang luas seperti di Sabah dan Sarawak. Oleh yang demikian, mekanisme pemantauan yang dilaksanakan oleh JHEV adalah secara selektif dan mengikut kes. Disamping itu, JHEV di dalam membuat pertimbangan bantuan diberi berdasarkan syor daripada persatuan-persatuan Veteran. Sebagai penambahbaikan mulai tahun 2015, tindakan berikut akan diambil:-* • *semua permohonan bantuan sara hidup mesti disertakan bersama laporan siasatan sama ada daripada persatuan Veteran atau JHEV Negeri.* • *Akuan berkanun atau pengesahan daripada JKKK bagi pemohon yang tidak mempunyai penyata pendapatan.*	JHEV ATM akui bahawa lawatan siasatan dan pemantauan bagi penerima bantuan sara hidup tidak dilaksanakan secara menyeluruh kerana jumlah veteran yang terlalu ramai di setiap negeri berbanding dengan jumlah perjawatan negeri adalah seramai 5 orang serta liputan geografi yang luas seperti di Sabah dan Sarawak. Sebagai contoh, bagi JHEV ATM cawangan negeri zon utara ia perlu bertanggungjawab ke atas 35,000 veteran yang merangkumi negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Oleh yang demikian mekanisme pemantauan yang dilaksanakan oleh JHEV ATM adalah secara selektif dan mengikut kes. Disamping itu juga JHEV ATM di dalam membuat pertimbangan bantuan diberi berdasarkan syor daripada persatuan-persatuan veteran. Sebagai penambahbaikan mulai tahun 2015, tindakan berikut akan diambil:- • semua permohonan bantuan sara hidup mesti disertakan bersama laporan siasatan sama ada daripada persatuan veteran atau JHEV negeri. • Akuan berkanun atau pengesahan daripada JKKK bagi pemohon yang tidak mempunyai penyata pendapatan. • Laporan bergambar yang menyokong permohonan tersebut. • Menambah baik format laporan siasatan sedia ada dengan memasukkan tambahan kriteria untuk membantu Jawatankuasa Kebajikan dan Pendidikan membuat keputusan. Bagi menjaga kebajikan dan sosioekonomi veteran ATM, pemantauan secara rawak akan dilaksanakan secara berterusan oleh JHEV cawangan negeri dan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	• *Laporan bergambar yang menyokong permohonan tersebut.* • *Menambah baik format laporan siasatan sedia ada dengan memasukkan tambahan kriteria untuk membantu Jawatankuasa Kebajikan dan Pendidikan membuat keputusan.* Pada pendapat Audit, pemantauan pengurusan bayaran faedah persaraan kepada Veteran perlu dipertingkatkan khususnya lawatan ke rumah pesara bagi memastikan kedudukan sosioekonomi dan kebajikan mereka terbela.	akan dijadikan sebagai SKT JHEV negeri.

LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2013

KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Perenggan 22 : Pengurusan Pengendalian Acara

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
22.5.1.1	**Prestasi *Output* Acara** Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, sebanyak 517 acara telah dikendalikan oleh Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan, di mana pada tahun 2011 mencatat bilangan acara terbanyak dengan 182 acara. Bagi tempoh yang sama, Pejabat KPK Negeri berjaya mengendalikan bilangan acara terbanyak iaitu 426 (82.4%) acara diikuti dengan Bahagian Pembangunan Industri dengan 71 (13.7%) acara manakala BPAK sebanyak 18 (3.5%) acara dan Kebudayaan sebanyak 2 (0.4%) acara. Adalah didapati bilangan acara yang dikendalikan oleh Kementerian adalah berbeza dan tidak konsisten setiap tahun. Pada pendapat Audit, *trend* bilangan acara mengikut tahun yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan adalah ditentukan atas faktor keperluan semasa. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 September 2014 *Bilangan acara yang dilaksanakan oleh Kementerian tidak dijadikan pengukur kepada prestasi atau output pengurusan acara semata-mata tetapi mengambil kira outcome. Setiap acara yang dianjurkan oleh Kementerian telah mengambil kira potensinya untuk menarik pelancong ke acara tersebut serta dapat menawarkan peluang untuk masyarakat tempatan melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi. Selain itu, acara yang dianjurkan oleh Kementerian sentiasa dikaji dari masa ke masa berdasarkan kepada Strategi Lautan Biru Kebangsaan yang diambil kira dalam melaksanakan Malaysia Tourism Transformation Program (MTTP). Acara ikonik yang masih relevan akan diteruskan manakala acara yang fatigue digugurkan. Penganjuran acara di peringkat negeri pula adalah dibuat dengan kerjasama strategik dengan Kerajaan Negeri terutama bagi negeri yang berorientasikan industri pelancongan seperti Sabah, Sarawak dan Pahang.*	Setiap acara yang dianjurkan oleh Kementerian telah mengambil kira potensinya untuk menarik pelancong domestik dan luar negara ke acara tersebut serta dapat menawarkan peluang untuk masyarakat tempatan melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi yang dijana seperti jualan makanan, kraftangan, penginapan dan pengangkutan. Bilangan acara yang dilaksanakan oleh Kementerian tidak dijadikan pengukur kepada prestasi atau output pengurusan acara semata-mata tetapi juga mengambil kira '*outcome*'. Acara yang dianjurkan oleh Kementerian sentiasa dikaji dari masa ke masa berdasarkan kepada Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang menerapkan empat (4) elemen penting iaitu kurangkan, hapuskan, wujudkan dan menambah peluang telah diambilkira di dalam 'Malaysia Tourism Transformation Program' (MTTP). Acara-acara ikonik yang masih relevan akan diteruskan manakala acara-acara yang fatigue telah digugurkan atau diperbaharui dari segi konsep dan pelaksanaan. Penganjuran acara di peringkat negeri pula adalah dibuat secara kerjasama strategik dengan Kerajaan negeri terutama bagi negeri-negeri yang berorientasikan industri pelancongan seperti Sabah, Sarawak dan Pahang.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
22.5.1.2.a	**Pencapaian Kewangan Acara** Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, jumlah perbelanjaan yang dilibatkan bagi pengurusan acara di Kementerian adalah berjumlah RM238.14 juta (89.0%) daripada peruntukan berjumlah RM267.59 juta. Bagi pencapaian mengikut tahun pula, didapati terdapat peningkatan jumlah peruntukan yang disalurkan dari tahun ke tahun, di mana peruntukan terbesar telah disalurkan pada tahun 2013 iaitu berjumlah RM94.78 juta dan RM89.94 juta (94.9%) daripadanya telah dibelanjakan. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, didapati Bahagian Pembangunan Industri menerima peruntukan terbesar bagi mengendalikan acara dengan sejumlah RM221.67 juta diikuti oleh BPAK dengan sejumlah RM25.47 juta, Pejabat KPK Negeri dengan sejumlah RM11.79 juta dan Kebudayaan sejumlah RM8.66 juta. Daripada jumlah tersebut, Bahagian Pembangunan Industri telah membelanjakan sejumlah RM195.46 juta (88.2%) diikuti oleh BPAK dengan sejumlah RM22.71 juta (89.2%), Pejabat KPK Negeri dengan sejumlah RM11.31 juta (95.9%) dan Kebudayaan sejumlah RM8.66 juta (100%).	**<u>Acara Pelancongan</u>** Kementerian telah melaksanakan acara-acara bagi tujuan mempromosikan pelancongan domestik dan luar negara menggunakan peruntukan sedia ada Kementerian. Peningkatan peruntukan untuk acara pelancongan Kementerian telah berjaya dilaksanakan melalui penjimatan dalaman. Peningkatan perbelanjaan pelaksanaan acara bagi tahun 2013 oleh Bahagian Pembangunan Industri adalah selaras dengan matlamat Kementerian untuk mempromosikan Tahun Melawat Malaysia 2014. Ia bertujuan untuk memberi publisiti yang mempunyai impak yang lebih besar berbanding tahun sebelumnya.
22.5.1.2.b	Semakan Audit selanjutnya mendapati bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, BPAK telah memohon peruntukan tambahan sebanyak 9 kali yang berjumlah RM4.66 juta untuk menampung perbelanjaan bagi acara MRTM Aidilfitri; Deepavali; Tahun Baru Cina dan Krismas. Peruntukan tambahan tersebut dimohon pada setiap tahun bagi setiap acara MRTM atas sebab keperluan tambahan skop kerja. Bagaimanapun, didapati bagi acara MRTM Aidilfitri tahun 2011, perbelanjaan sebenar acara adalah kurang daripada jumlah peruntukan asal. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 September 2014 *Peningkatan perbelanjaan pelaksanaan acara bagi tahun 2013 oleh Bahagian Pembangunan Industri adalah selaras dengan matlamat Kementerian untuk memberi publisiti yang mempunyai impak yang lebih besar berbanding tahun sebelumnya.* *Permohonan peruntukan tambahan yang diluluskan adalah tertakluk kepada siling peruntukan sedia ada Kementerian. Peruntukan tambahan ini diperlukan disebabkan berlakunya peningkatan kos kerja teknikal, persiapan tempat, jamuan serta pembiayaan siaran langsung pada saat akhir. Bagi tujuan penambahbaikan dalam perancangan acara MRTM akan datang, tiada lagi peruntukan tambahan diluluskan dan anggaran kos pengendalian MRTM perlu*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	mengambil kira serta tertakluk kepada 10% kos kontigensi. Pada pendapat Audit, perancangan acara perlu dibuat dengan rapi bagi mengelakkan komitmen pada saat akhir sebelum acara dilangsungkan serta bagi memastikan peruntukan dapat dibelanjakan dengan sebaiknya sebagaimana yang dirancangkan.	
22.5.2.1.a	**Pemilihan Lokasi** Pemilihan lokasi yang sesuai adalah antara faktor utama dan penting dalam menarik pelancong domestik dan asing menghadiri acara yang dianjurkan oleh Kementerian. Antara perkara yang perlu diberi perhatian sebelum sesuatu lokasi dipilih adalah kemudahan penginapan, kemudahan akses dan pengangkutan, aspek keselamatan, kemudahan membeli-belah, tempat makan dan tarikan istimewa sesuatu lokasi. Semakan Audit terhadap kriteria pemilihan lokasi sesuatu acara mendapati perkara seperti berikut:- Bagi acara yang dilaksanakan oleh Pejabat KPK Negeri Pahang pada tahun 2011 dan 2012, didapati lokasi bagi 12 acara utama termasuklah acara peringkat Nasional dengan kos pengendalian berjumlah RM5.23 juta adalah di sekitar Bandar Raub. Pihak Audit dimaklumkan bahawa pemilihan lokasi tersebut telah diputuskan di peringkat Ibu Pejabat Kementerian. Bagaimanapun, justifikasi mengenai pemilihan lokasi tersebut sebagai lokasi pengendalian acara tidak dapat ditentukan kerana tiada maklumat mengenainya.	**<u>RAUB</u>** Melalui inisiatif Lautan Biru, pembangunan sektor pelancongan perlu diperluaskan kepada bandar-bandar sekunder '*second tier'* agar masyarakat di luar bandar utama turut menikmati manfaat dengan pertumbuhan industri pelancongan yang pesat di Malaysia. Bandar Raub telah dipilih sebagai projek perintis memandangkan kedudukan strategik Pekan Raub sebagai laluan utama ke Pantai Timur serta berdekatan dengan daya tarikan eko-pelancongan sedia ada seperti Homestay Desa Murni, Homestay Kuala Medang, Homestay Sungai Pasu, 'Kuala Gandah *Elephant Sanctuary*' dan Taman Negara Kuala Tahan serta lain-lain produk pelancongan yang berasaskan keluarga dan taman-taman tema. Berdasarkan kepada' interim report', Kementerian telah menyediakan "Raub *Integrated Tourism Development Blueprint*" yang bermula pada 2011 bagi mengenal pasti destinasi dan pakej pelancongan di laluan Kuala Lumpur – Genting Highland – Raub yang menyasarkan pelancong-pelancong dari Kuala Lumpur bagi merasai kehidupan luar bandar. Selain itu, '*blueprint*' tersebut turut mengenalpasti acara-acara berpotensi untuk diketengahkan bagi menarik lebih ramai pengunjung tempatan dan asing.
22.5.2.1.b	Bagi acara *Fabulous Food 1Malaysia* (FF1M) yang dikendalikan oleh Persatuan Penjaja-Penjaja Dan Peniaga-Peniaga Kecil Malaysia, didapati lokasi bagi acara tersebut terletak di pinggir bandar yang jauh dari tumpuan umum; hanya ditumpukan kepada sebilangan pengunjung tertentu sahaja serta kekurangan kemudahan asas seperti pengangkutan awam dan penginapan. Selain itu, lokasi perasmian/pelancaran acara FF1M bagi tempoh 3 tahun berturut-turut juga telah dijalankan di lokasi yang sama iaitu di Jalan Dedap 25, Taman Johor Jaya,	**<u>FF1M</u>** Pemilihan kesesuaian lokasi-lokasi acara FF1M di negeri-negeri adalah berdasarkan perbincangan dan persetujuan bersama di antara Kementerian, Pejabat KPK Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Gabungan Penjaja-Penjaja Malaysia melalui Mesyuarat Penyelarasan yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Industri Pelancongan). Ini adalah bagi mengambil kira

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Johor Bahru, Johor. Pada pendapat Audit, perancangan berhubung pemilihan lokasi perlu dibuat dengan rapi dan disokong dengan justifikasi tertentu bagi memastikan acara yang dibuat berjaya menarik kedatangan pelancong sebagaimana sasaran yang ditetapkan. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 September 2014 *Bandar Raub telah dipilih sebagai projek perintis memandangkan kedudukan strategik Pekan Raub sebagai laluan utama ke Pantai Timur serta berdekatan dengan daya tarikan ekopelancongan sedia sedia ada serta lain-lain produk pelancongan yang berasaskan keluarga dan taman tema. Bagi acara FF1M pula, kajian kesesuaian lokasi acara di negeri adalah berdasarkan perbincangan dan persetujuan bersama di antara Kementerian, Pejabat KPK Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Gabungan Penjaja-penjaja Malaysia melalui Mesyuarat Penyelarasan yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (IP). Bagaimanapun, semasa pelaksanaan, beberapa kekangan telah dihadapi oleh persatuan penjaja untuk memilih tempat/lokasi tersebut seperti tidak mendapat kelulusan dari Majlis Perbandaran bagi penganjuran acara ini dan kekangan dari penduduk tempatan kerana penganjuran acara ini menyebabkan kesesakan lalu lintas. Bagi penetapan lokasi perasmian FF1M di Johor Bahru adalah dibuat berdasarkan kepada persetujuan bersama di antara Kementerian, Pejabat KPK Johor, Pejabat Tourism Malaysia Johor dan Singapura, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Gabungan Penjaja-penjaja Malaysia. Selain itu, kedudukan Taman Johor Jaya juga merupakan pusat komersial dan kediaman golongan pertengahan serta ekspatriat.* *Bagi tujuan penambahbaikan penganjuran acara ini pada tahun 2014, pihak Kementerian telah menjenamakan semula (rebranding) acara ini kepada program Citrarasa. Program ini diselaraskan oleh Pejabat Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Negeri dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri dan Badan Bukan Kerajaan.*	pengetahuan dan cita rasa penduduk tempatan. Berdasarkan beberapa perbincangan di antara pihak Persatuan, Kerajaan Negeri dan tempatan dan Kementerian, pemilihan lokasi di negeri-negeri perlulah mengambil kira tempat makanan yang mendapat kunjungan ramai seperti medan selera/pusat penjaja sedia ada yang mempunyai komposisi pelbagai kaum. Walau bagaimanapun semasa pelaksanaan beberapa kekangan telah dihadapi oleh persatuan penjaja untuk memilih tempat/lokasi tersebut seperti tidak mendapat kelulusan dari Majlis Perbandaran bagi penganjuran acara ini dan kekangan dari penduduk tempatan kerana penganjuran acara ini menyebabkan kesesakan lalu lintas. Pemilihan negeri Johor dan bandar Johor Bahru sebagai lokasi perasmian pembukaan FF1M adalah bagi menarik sasaran pasaran pelancong Singapura di mana Singapura merupakan pasaran pelancong yang terbesar ke Malaysia, iaitu seramai 13,178,774 orang pelancong atau 52% daripada jumlah kedatangan pelancong bagi tahun 2013. Pada masa yang sama juga, acara FF1M dianjurkan pada musim cuti sekolah di Singapura. Penetapan lokasi perasmian FF1M di Johor Bahru adalah dibuat berdasarkan kepada persetujuan bersama di antara Kementerian, Pejabat KPK Johor, Pejabat Tourism Malaysia Johor dan Singapura, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Gabungan Penjaja-Penjaja Malaysia. Lokasi tersebut dipilih kerana ia merupakan kawasan penjaja makanan yang terbesar dan luas di mana ia sesuai untuk menganjurkan Majlis Perasmian FF1M. Kedudukan Taman Johor Jaya juga merupakan pusat komersil dan kediaman golongan pertengahan dan 'expatriate' dari China, Jepun dan Korea serta negara-negara lain. Taman ini juga bersebelahan Aeon Tebrau yang menjadi tumpuan terutamanya pelancong dari Singapura. Ianya lengkap dengan kemudahan pengangkutan dan penginapan seperti Bas Trans Iskandar, Bas Causeway Link, Teksi dan pengangkutan awam yang sedia ada serta hotel-hotel seperti Rose Cottage, Silka Hotel dan hotel-hotel bajet yang lain. Kawasan penjaja makanan tersebut juga terkenal di kalangan pelancong domestik dan antarabangsa sebagai pusat yang menawarkan pelbagai jenis masakan 'street food' yang menarik. Bagi pemilihan lokasi di Bentayan, Muar ia dilaksanakan atas inisiatif Persatuan dan tidak melibatkan kos dan penglibatan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		Kementerian.

NEGERI	LOKASI	JUSTIFIKASI LOKASI
Kelantan	Tempat letak kereta, SJKC Chung Hwa	Kawasan tersebut terletak di laluan utama menghubungkan Pasar Siti Khadijah ke Pantai Cahaya Bulan dan mempunyai ruang legar yang luas serta kawasan letak kereta yang mencukupi. Selain itu, ia juga menjadi tumpuan pelancong iaitu Pasar Kubang Pasu, Kelocor dan Jalan Merbau kerana terletak di kawasan yang terkenal dengan pelbagai makanan tradisional, terutamanya pada hujung minggu.
Perak	Pusat Makanan Rainbow, Jalan Carey, Ipoh	Ia merupakan kawasan penjaja sedia. Lokasi ini amat sesuai memandangkan ia menjadi lokasi kunjungan ramai pengunjung dalam penganjuran FF1M sebelum ini.
P. Pinang	Medan Selera Insadunia, Bukit Mertajam	Gurney Drive juga dipilih bagi penganjuran acara FF1M 2014. Walau bagaimanapun, Majlis Perbandaran P. Pinang tidak meluluskan permohonan ini. Medan selera Insadunia telah mendapat sambutan menggalak-kan bagi penganjur-an FF1M.
Sarawak	Kubah Ria, Satok	Kawasan ini merupakan kompleks perniagaan serta medan selera sedia ada di Satok. Keadan lokasinya amat sesuai kerana ia terletak di persisiran sungai yang menjadi tumpuan pengunjung untuk menjamu selera.
Terengganu	Kampung Cina-Dataran	Lokasi asal di Kg. Cina dikekalkan dan telah ditambah di Dataran Syahbandar,

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>
<table>
<tr><td></td><td>Syahbandar</td><td>Kuala Terengganu bagi menarik lebih ramai pengunjung.</td></tr>
<tr><td>N.Sembilan</td><td>City Kingdom Hotel Car Park</td><td>Lokasi ini juga merupakan tumpuan pengunjung kerana acara Festival Year End Sale diadakan pada tarikh yang sama.</td></tr>
<tr><td>Perlis</td><td>Kompleks Makanan Laut (KOMALAUT)</td><td>Merupakan lokasi pusat jualan makanan laut dan ikan bakar sedia ada dan merupakan salah satu projek pelancongan yang mendapat bantuan peruntukan daripada KPK.</td></tr>
</table>
Bagi tujuan penambahbaikan penganjuran acara ini pada tahun 2014, pihak Kementerian telah menjenamakan semula (rebranding) acara ini kepada program Citrarasa. Program ini diselaraskan oleh Pejabat Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Negeri dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri dan Badan Bukan Kerajaan.
</td></tr>
<tr><td>22.5.2.2.a.i</td><td>Kontrak Perhubungan Awam Bagi Kempen Visit Malaysia Year 2014

Kementerian melalui Bahagian Sekretariat Visit Malaysia Year 2014 telah membuat perolehan bagi Perkhidmatan Perhubungan Awam Bagi Kempen Visit Malaysia Year 2014 pada tahun 2013 dengan kos berjumlah RM28.38 juta. Kontrak tersebut yang dilaksanakan oleh Smascom & Design Sdn. Bhd. meliputi Perkhidmatan Kerja Perhubungan Awam bernilai RM7.99 juta (RM363,363 x 22 bulan) dan Perkhidmatan Promosi berjumlah RM20.39 juta. Pihak Audit bagaimanapun tidak dapat mengesahkan keperluan perkhidmatan ini memandangkan Penyata Keperluan (Statement of Needs) tidak disediakan oleh pihak Kementerian. Semakan yang dijalankan turut mendapati skop perkhidmatan dan kadar harga yang dinyatakan di dalam kontrak adalah tidak terperinci sebaliknya Kementerian hanya menetapkan anggaran harga Kementerian secara lump sum. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan asas penilaian harga yang dibuat dan butiran perbelanjaan yang dibuat khususnya bagi perkara seperti berikut:-

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia) yang merupakan sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian antaranya berfungsi</td><td>Skop perkhidmatan yang menyeluruh bagi PR Agensi VMY 2014 amat diperlukan untuk memenuhi matlamat berikut :-

1. Bagi menggerakkan pelaksanaan kempen VMY 2014 secara bersepadu dan agresif dan mencapai sasaran kedatangan pelancong seramai 28 juta dengan hasil pendapatan RM76 billion (pertumbuhan sebanyak 2.3 juta pelancong dan pendapatan sebanyak RM11 billion).

2. Bagi menyelaras pelaksanaan semua program dan acara VMY2013/2014, sebuah Sekretariat khusus diwujudkan sebagai special purpose vehicle yang bertanggungjawab untuk melaksanakan perancangan dan persiapan sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan kempen VMY. Ini kerana kepakaran sebuah agensi PR yang memfokus untuk kempen ini adalah diperlukan.

3. Sebuah agensi PR khusus diperlukan untuk sentiasa bersedia bagi memberikan perkhidmatan perhubungan awam kepada Kementerian</td></tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	untuk menggalakkan pelancong luar dan dalam negara serta menyelaras aktiviti pemasaran berhubung dengan pelancongan. Bagi tujuan tersebut, Tourism Malaysia antaranya telah membuat perolehan bagi Perkhidmatan Perhubungan Awam di dalam negara, di mana kontrak yang dimeterai pada tahun 2013 adalah bernilai RM0.48 juta bagi tempoh 12 bulan (RM39,900 sebulan termasuk *"out of pocket"* dan Cukai Perkhidmatan Kerajaan). Adalah didapati nilai kontrak yang ditandatangani oleh Kementerian adalah 910.7% daripada nilai kontrak yang dibuat oleh Tourism Malaysia. Semak silang yang dibuat terhadap kontrak Perkhidmatan Kerja Perhubungan Awam yang dimeterai oleh Kementerian dengan Kontrak Perkhidmatan Perhubungan Awam yang dimeterai oleh Tourism Malaysia mendapati terdapat persamaan bagi sebahagian besar skop kerja antara kedua-duanya.	dari segi penyediaan maklumat dan artikel-artikel berkaitan VMY 2014, menghubungkan jaringan rangkaian media-media, '*journalist*', '*bloggers*' utama luar dan dalam negara memandangkan agensi PR Tourism Malaysia akan/telahpun tamat kontrak awal tahun 2014. **Perbezaan '*Retainer Fees'* adalah disebabkan oleh perkara-perkara berikut :-** **a. Spesifikasi Kerja Baru Yang Tidak Dirangkum oleh PR TM** Agensi PR VMY bukan sahaja melakukan kerja-kerja PR secara umum malah skop kerja agensi ini turut merangkumi kajian pasaran, pengurusan krisis, konsultansi bagi acara-acara dan program promosi. Manakala, agensi PR dibawah Tourism Malaysia lebih memfokus kepada penyediaan draf ucapan, 'media releases' serta konsultansi PR yang terhad. **b. Tugas & Tanggungjawab yang lebih tinggi dari segi kompleksiti, frekuensi dan Intensiti** Agensi PR VMY sebagaimana termaktub didalam skop kerja, menghasilkan 'output' kerja yang lebih tinggi berdasarkan perbandingan telah dibuat pada tempoh masa yang sama bagi kedua-dua agensi. Agensi PR VMY juga membantu untuk menyediakan e-buletin, *'creative', 'write ups', 'editorial', 'press release'* berkenaan acara-acara anjuran Kementerian/Kerajaan Negeri/Organisasi yang disenaraikan dalam 50 acara mega untuk dimuatnaik dalam laman web dan '*facebook*' VMY 2014 secara berterusan dari masa ke semasa. Agensi PR VMY 2014 turut membantu menjadi pengantara bagi Kementerian dalam menjalinkan hubungan kerjasama strategik dengan "*stakeholder*" di dalam industri pelancongan dan organisasi swasta utama seperti *Visa Worldwide* dan Takaful Ikhlas. **c. Struktur kos dan modul tenaga kerja yang berbeza** Dari struktur Agensi PR VMY 2014, 4 orang staf sepenuh masa ditempatkan di Sekretariat VMY 2014 serta 27 orang staf khusus bagi mengendalikan serta membantu didalam urusan perlaksanaan tugas-tugas PR serta promosi untuk program-program sempena VMY 2014.
22.5.2.2.a.ii	Selain Tourism Malaysia, kerja Perkhidmatan Perhubungan Awam turut dilaksanakan oleh Unit Komunikasi Korporat (UKK), Kementerian sendiri. Semakan silang selanjutnya antara output kerja bagi *"Compile press clippings, provide translation and commercial value to all VMY 2014 media releases"* yang dibuat oleh Smascom & Design Sdn. Bhd. bagi bulan November 2013 mendapati terdapat persamaan sehingga 50% dengan ouput kerja UKK dan terdapat persamaan sehingga 80% dengan ouput kerja kendalian kontraktor yang dilantik oleh Tourism Malaysia. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 September 2014 *Bagi memastikan setiap aktiviti dan program VMY 2014 diberi liputan dan dipromosikan secara menyeluruh, Kementerian memutuskan agar sebuah agensi perhubungan awam khusus untuk mempromosikan kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 dilantik secara tender terbuka. Perbezaan Retainer Fees adalah disebabkan oleh spesifikasi kerja baru yang tidak dirangkum oleh PR TM, tugas dan tanggungjawab yang lebih tinggi dari segi skop kerja, kompleksiti, frekuensi dan intenstiti serta struktur kos dan modus operasi yang berbeza. Selain itu, Kementerian dalam proses mengambil langkah penambahbaikan terhadap pemantauan pembayaran retainer fee Agensi PR VMY 2014.* Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah meneliti keperluan sesuatu perolehan sebelum ia dibuat. Penyata Keperluan; butiran perolehan dan anggaran harga juga perlu disediakan secara terperinci dan jelas bagi mengelakkan kerugian di pihak Kerajaan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		Perbezaan bagi '*output*' kerja '*press clipping'* diantara UKK dan agensi PR VMY adalah seperti berikut :- Skop kerja UKK KPK lebih memfokus kepada isu-isu pelancongan semasa dan aduan umum manakala '*output*' kerja yang dihasilkan oleh Smascom adalah memfokus kepada kempen VMY 2014 secara khusus dan menyeluruh di mana maklumat '*output*' kerja ini turut dikongsi bersama '*stakeholders*' dan agensi lain. Agensi PR VMY 2014 juga sentiasa bersedia untuk membantu semua agensi di bawah Kementerian dan agensi-agensi yang dikenalpasti untuk mempromosikan acara-acara berkaitan dengan VMY 2014. **Secara keseluruhan :-** Bagi memastikan setiap aktiviti dan program VMY 2014 diberi liputan dan dipromosikan secara menyeluruh, Kementerian memutuskan agar satu agensi perhubungan awam khusus untuk mempromosikan kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 dilantik secara tender terbuka. Tawaran tender terbuka ini turut disertai oleh agensi PR Tourism Malaysia pada ketika itu dengan tawaran harga yang lebih tinggi berbanding tawaran harga dari Smascom Design Sdn. Bhd. Ini dengan jelas menunjukkan skop kerja yang ditawarkan dibawah tender bagi agensi PR sempena VMY 2014 mempunyai intensiti serta frekuensi yang lebih tinggi dan menyeluruh bagi tujuan promosi dan publisiti kempen VMY 2014.
22.5.2.2.b	**Perolehan Kerusi *Banquet* Dan Makanan** Adalah menjadi tanggungjawab pegawai untuk memastikan perolehan dibuat berdasarkan kepada keperluan. Bagi acara MRTM, BPAK telah melantik beberapa pembekal bagi pembekalan kerusi *banquet* VIP. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati perolehan bagi bekalan kerusi *banquet* VIP daripada 6 pembekal dengan kos seunit berjumlah antara RM5.00 hingga RM13.75 adalah melebihi jumlah makanan yang ditempah iaitu dengan lebihan unit kerusi antara 53.9% hingga 300%. Berdasarkan temu bual bersama pegawai, penentuan spesifikasi dan kuantiti kerusi *banquet* adalah berdasarkan bilangan dan muatan khemah. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 September 2014	

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td></td><td>Penyediaan spesifikasi bagi persiapan tempat dan jamuan disediakan secara berasingan mengikut Jawatankuasa yang telah dilantik. Bagi spesifikasi penyediaan tempat, penyediaan Sebut Harga telah dibuat lebih awal dan penyediaan kerusi banquet ditentukan mengikut kepada anggaran bilangan jemputan oleh pihak urus setia. Penyediaan bilangan kerusi ini turut mengambil kira anggaran bilangan jemputan oleh Kerajaan Negeri di lokasi di mana MRTM dilaksanakan. Kuantiti makanan kepada VIP pula ditentukan berdasarkan kepada pengesahan kehadiran tetamu VIP. Namun begitu, pengesahan kehadiran tetamu VIP yang diterima adalah kurang daripada bilangan keseluruhan jemputan menyebabkan penyediaan makanan adalah kurang daripada bilangan kerusi banquet VIP.

Pada pendapat Audit, perancangan awal hendaklah dibuat dengan teliti bagi memastikan perolehan yang dibuat adalah berdasarkan kepada keperluan sebenar yang ditetapkan.</td><td></td></tr>
<tr><td>22.5.2.3.a</td><td>Pengisian Acara

Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan oleh Persatuan Restaurant Selangor Ku Su Shin Choong Hung yang dilantik oleh Persatuan Penjaja-Penjaja Dan Peniaga-Peniaga Kecil Malaysia sepanjang tempoh tahun 2011 hingga 2013, adalah didapati penglibatan kaum di dalam acara ini adalah tidak seimbang, di mana hanya didominasi oleh kaum tertentu sahaja. Pihak Persatuan telah mengemukakan cadangan supaya meningkatkan tahap penglibatan restoran Bumiputera/Melayu serta penjaja lain selain memperbanyakkan menu makanan etnik Bumiputera.</td><td rowspan="2">KPK amat menggalakkan penyertaan pengerai-pengerai daripada pelbagai kaum dalam program FF1M. Bagi merealisasikannya, pihak KPK telah bekerjasama dengan Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia, Persatuan Pengusaha Restoran India Malaysia, Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PRESMA), Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (PERDASAMA), Dewan Usahawan Industri Desa (DUID) dan Lembaga Pentadbiran ‘Malay Agricultural Settlement Kampong Bhar’u (eMAS.). Kerjasama tersebut telah meningkatkan penglibatan kaum Bumiputera dari tahun 2012 dan 2013: -

<table><tr><th>TAHUN</th><th>BIL PENGERAI BUMIPUTRA</th></tr><tr><td>2012</td><td>73</td></tr><tr><td>2013</td><td>94</td></tr></table>
Tema sajian yang dicadangkan setiap tahun adalah bagi tujuan gimik promosi semata-mata dan bukan syarat bagi penjaja untuk menjual jenis makanan tersebut. Jika disyaratkan, penjaja akan terpaksa menjual sajian makanan yang</td></tr>
<tr><td>22.5.2.3.b</td><td>Semakan Audit selanjutnya mendapati Kementerian telah menetapkan tema sajian makanan yang akan diperkenalkan pada setiap tahun penganjuran acara FF1M. Berdasarkan pemerhatian Audit bagi tempoh 3 tahun, didapati hanya 3.1% sahaja peniaga menjual makanan mengikut tema.</td></tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 30 Mei 2014 *Tema sajian yang dicadangkan setiap tahun adalah bagi tujuan gimik promosi semata-mata dan bukan syarat bagi penjaja untuk menjual jenis makanan tersebut. Jika disyaratkan, penjaja akan terpaksa menjual sajian makanan yang sama dan ini akan mengehadkan serta mengurangkan bilangan penglibatan penjaja. Selain itu, objektif untuk mempromosikan pelbagai makanan Malaysia semasa FF1M akan terjejas.*	sama dan ini akan menghadkan serta mengurangkan bilangan penglibatan penjaja serta jualan. Selain itu, objektif untuk mempromosikan pelbagai makanan Malaysia semasa FF1M akan terjejas. Tujuan utama tema sajian ini dicadangkan adalah bagi penerbitan '*booklet food trail'* yang bertujuan untuk memaparkan butiran mengenai premis-premis yang terkenal dengan tema sajian tersebut.
22.5.2.3.c	Semakan selanjutnya mendapati terdapat peniaga dan penjaja yang terlibat di dalam acara ini tidak menjual menu yang melambangkan sajian makanan tempatan sebaliknya menu sajian makanan Jepun, Korea, Hong Kong, Taiwan dan Barat. Hal ini adalah tidak selaras dengan objektif acara untuk memperkenalkan menu makanan rakyat tempatan kepada pelancong luar. Sebahagian daripada menu yang disajikan juga tidak halal dan boleh menimbulkan isu sensitiviti agama/etnik di Malaysia. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 September 2014 *Sajian makanan antarabangsa juga disediakan semasa FF1M bagi mempelbagaikan pilihan makanan mengikut cita rasa pelancong asing dan pengunjung tempatan. Lokasi penganjuran program merupakan one stop centre untuk pengunjung mendapatkan pelbagai sajian tersebut termasuklah makanan signature Asia. Ini bertujuan untuk mempromosikan makanan Asia selaras dengan tema pelancongan negara iaitu Malaysia Truly Asia.*	Sajian makanan antarabangsa juga diadakan semasa FF1M bagi mempelbagaikan pilihan-pilihan makanan mengikuti citarasa pelancong asing dan pengunjung tempatan. Lokasi penganjuran program merupakan '*one stop centre*' untuk pengunjung mendapatkan pelbagai sajian tersebut termasuklah makanan '*signature* Asia'. Ini bertujuan untuk mempromosikan makanan Asia selaras dengan tema pelancongan negara iaitu 'Malaysia Truly Asia'.
22.5.2.3.d	Lawatan Audit semasa majlis pelancaran acara *Fabulous Food 1Malaysia* (FF1M) *2013* pada 29 November 2013 di Jalan Alor dan Taman Johor Jaya mendapati pelbagai jenis makanan dijual termasuklah makanan yang diklasifikasikan sebagai makanan yang tidak halal dan eksotik. Adalah didapati gerai tersebut tidak diasingkan dan diletakkan bersebelahan dengan gerai yang menjual makanan halal. Pada pendapat Audit, memandangkan Malaysia terdiri dari pelbagai etnik dan agama dan tujuan utama acara adalah untuk menarik pengunjung tanpa mengira latar belakang, pengisian acara oleh pihak penganjur dan Kementerian perlu mengambil kira faktor sensitiviti agama/etnik yang mencerminkan budaya Malaysia. Selain bagi menghormati kepelbagaian fahaman/agama, ia juga bagi memastikan keharmonian antara kaum terjamin.	Bagi memaparkan konsep 1Malaysia dalam program FF1M, 3 lokasi di Kuala Lumpur dipilih untuk mempromosikan makanan pelbagai kaum seperti Melayu, Cina dan India. Lokasi tersebut adalah di Kampung Baru untuk makanan Melayu, Jalan Alor untuk makanan Cina dan Brickfields untuk makanan India. Terdapat sajian makanan di lokasi-lokasi tertentu seperti di Taman Johor Jaya dan Jalan Alor adalah dikhususkan untuk pelancong-pelancong bukan Islam dan kebanyakkan penjaja sedia ada adalah bangsa Cina. Oleh itu, "*authenticity*' makanan yang dijual merupakan daya tarikan yang penting bagi pelancong. Walau bagaimanapun, makanan tidak halal telah dilabel dengan baik malah tiada aduan yang diterima daripada pengunjung.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 September 2014 *Bagi memaparkan konsep 1Malaysia dalam program FF1M, 3 lokasi di Kuala Lumpur dipilih untuk mempromosikan makanan pelbagai kaum seperti Melayu, Cina dan India. Lokasi tersebut adalah di Kampung Baru untuk makanan Melayu, Jalan Alor untuk makanan Cina dan Brickfields untuk makanan India. Terdapat sajian makanan di lokasi tertentu seperti di Taman Johor Jaya dan Jalan Alor adalah dikhususkan untuk pelancong bukan islam dan kebanyakan penjaja adalah berbangsa Cina. Bagaimanapun, makanan tidak halal telah dilabel dengan baik malah tiada aduan yang diterima daripada pengunjung.*	
22.5.2.4.a	**Pembayaran Tanpa Dokumen Sokongan Yang Lengkap** Arahan Perbendaharaan 99(a) menetapkan semua baucar atau baucar elektronik disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap mengenai tiap-tiap satu perkhidmatan, bekalan atau kerja seperti tarikh, nombor, kuantiti dan kadar untuk membolehkan ia disemak tanpa merujuk kepada apa-apa dokumen selain daripada yang disertakan. Arahan Perbendaharaan 99(e)(i) pula menetapkan agar baucar bayaran bagi bekalan, perkhidmatan atau kerja hendaklah mengandungi suatu perakuan bahawa bekalan, perkhidmatan atau kerja itu telah dilaksanakan dengan sempurna. Semakan Audit terhadap pembayaran bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 mendapati sebahagiannya tidak disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap serta diperakui /disahkan sewajarnya. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 September 2014 *Dokumen pengesahan pelaksanaan kerja tidak disertakan kerana tiada mekanisme atau kaedah yang sistematik dan seragam untuk pegawai menyemak dan mengesahkan kesempurnaan kerja bagi setiap item yang dinyatakan di dalam kontrak. Bagaimanapun, pegawai yang bertanggungjawab mengguna pakai kaedah pemeriksaan dan pemantauan tersendiri dengan merujuk kepada jadual spesifikasi seperti di dalam kontrak. Sebagai langkah penambahbaikan, Kementerian telah memastikan semua dokumen yang dikemukakan adalah lengkap sebelum pembayaran terakhir dibuat kepada kontraktor. Dokumen pengesahan kerja logistik yang seragam dan senarai semak yang telah dikemas kini juga telah disediakan.*	Dokumen pengesahan pelaksanaan kerja tidak disertakan kerana tiada garis panduan atau senarai semak yang sistematik yang menggariskan perincian dokumen dan maklumat lengkap untuk pegawai menyemak dan mengesahkan kesempurnaan kerja bagi setiap item yang dinyatakan di dalam kontrak. Walau bagaimanapun, pegawai yang bertanggungjawab telah turun padang untuk memastikan penyampaian perkhidmatan adalah sempurna mengguna pakai kaedah pemeriksaan dan pemantauan tersendiri merujuk kepada jadual spesifikasi seperti di dalam kontrak. Kementerian telah menambahbaik senarai semak pembayaran di mana maklumat-maklumat terperinci mengenai bekalan, perkhidmatan atau kerja dimasukkan dalam dokumen-dokumen sokongan. Senarai semak terkini ini digunapakai mulai September 2014. <u>Citrawarna 1Malaysia (2011-2013) – Elaun Latihan, Persembahan Serta Makan Dan Minum Peserta</u> Penetapan kadar pemberian elaun dan saguhati tidak dapat ditentukan kadarnya secara spesifik kerana ianya bergantung secara langsung terhadap jenis dan complexity persembahan, waktu dan kekerapan latihan, prop yang digunakan serta penyelarasan terperinci yang ditetapkan ke atas setiap peserta. Bagi memastikan persembahan Citrawarna sentiasa dinamik dan segar, konsep persembahan, pertunjukan dan pengisian perarakan acara Citrawarna adalah berbeza mengikut tahun berdasarkan kepada tema yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, jenis dan *complexity* persembahan, waktu dan kekerapan latihan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		dan prop yang digunakan adalah berbeza dari tahun ke tahun dan ini mengakibatkan kadar elaun dan saguhati kepada peserta turut berbeza. Maklumat mengenai elaun latihan, persembahan serta makan dan minum peserta telah dikemukakan dalam laporan akhir pelaksanaan acara yang dikemukakan oleh PTTRM. <u>Citrawarna 1Malaysia (2013) – Bayaran Saguhati</u> Maklumat mengenai bayaran saguhati telah dikemukakan dalam laporan akhir pelaksanaan acara yang dikemukakan oleh PTTRM. <u>Citrawarna 1Malaysia (2011-2013) – Perkhidmatan Tenaga Produksi/Kreatif</u> Penetapan kadar Perkhidmatan Tenaga Produksi/Kreatif telah diputuskan dalam Jawatankuasa Rundingan Harga berdasarkan kepada spesifikasi teknikal. Skop kerja dan butiran pembayaran adalah ditentukan oleh pihak PTTRM berdasarkan konsep segmen pengisian Citrawarna yang telah diluluskan. Maklumat mengenai Perkhidmatan Tenaga Produksi/Kreatif telah dikemukakan dalam laporan akhir pelaksanaan acara yang dikemukakan oleh PTTRM. <u>Citrawarna 1Malaysia (2011-2013) – Kerja Persiapan Teknikal oleh DBKL</u> Pegawai yang bertanggungjawab telah turun padang untuk memastikan penyampaian perkhidmatan adalah sempurna mengguna pakai kaedah pemeriksaan dan pemantauan tersendiri merujuk kepada jadual spesifikasi seperti di dalam kontrak. <u>Citrawarna 1Malaysia (2012) – Khidmat Persembahan Nyanyian Oleh Artis (Penyanyi)</u> Pengesahan penerimaan adalah berdasarkan persembahan yang telah diberikan oleh artis yang telah dilantik pada masa acara berlangsung dan dibuktikan dengan foto persembahan. <u>Citrawarna 1Malaysia (2012 dan 2013) – Pengangkutan Peserta</u> Maklumat mengenai bayaran perkhidmatan pengangkutan telah dikemukakan dalam laporan akhir pelaksanaan acara yang dikemukakan oleh PTTRM.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		Pesta Air Labuan 2011 – Elaun Petugas Urus Setia Kementerian telah mengambil perhatian ke atas teguran audit dan akan memastikan perkara ini tidak akan berlaku pada masa hadapan. Street & Restaurant Food Festival 2011 – Pelbagai (Perkhidmatan Pengendalian Acara) Lantikan pihak Persatuan adalah melalui kelulusan khas rundingan terus yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Bayaran perolehan adalah secara berperingkat di mana pihak Persatuan akan mengemukakan butiran-butiran status kerja bagi tujuan bayaran. Pihak persatuan telah mengemukakan laporan akhir penganjuran acara yang telah disemak oleh pegawai Kementerian sebagai pengesahan pelaksanaan acara. Magic of The Night 2013 – Pelbagai (Perkhidmatan Membekalkan Lampu Hiasan) Perolehan perkhidmatan ini dilaksanakan melalui sebutharga dan spesifikasi dan perincian harga bagi perkhidmatan ini terdapat dalam kontrak perkhidmatan. Kementerian akan memastikan perincian butiran perkhidmatan seperti dalam spesifikasi teknikal di dalam kontrak beserta harga akan dimasukkan dalam dokumen-dokumen sokongan bagi acara seumpamanya pada masa akan datang. Magic of The Night (2011-2012) – Pelbagai (Perkhidmatan Emcee, Pemuzik dan Artis) Pengesahan penerimaan adalah berdasarkan persembahan yang telah diberikan oleh artis yang telah dilantik pada masa acara berlangsung dan dibuktikan dengan foto persembahan. Magic of The Night 2013 – Pelbagai (Pertandingan dan pameran fotografi) Berdasarkan semakan baucar, perincian harga perkhidmatan ada dinyatakan dalam invois dan pecahan harga yang berjumlah RM42,800 adalah seperti berikut:-

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>
<table>
<tr><th>BUTIRAN</th><th>JUMLAH (RM)</th></tr>
<tr><td>Pengurusan urus setia penerimaan penyertaan secara online.</td><td>12,800</td></tr>
<tr><td>Pengurusan & penyelengaraan bahan pameran pemenang pertandingan Fotografi</td><td>14,000</td></tr>
<tr><td>Pengurusan Juri Pertandingan Fotografi</td><td>8,000</td></tr>
<tr><td>Pengurusan Juri Pertandingan Best Flotilla</td><td>8,000</td></tr>
</table>
<u>Malaysia International Shoe Festival 2013 – Pelbagai (Bayaran ke-3 perkhidmatan)</u>

Lantikan pihak Persatuan adalah melalui kelulusan khas rundingan terus yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Bayaran perolehan adalah secara berperingkat di mana pihak Persatuan akan mengemukakan butiran-butiran status kerja bagi tujuan bayaran. Pihak persatuan telah mengemukakan laporan akhir penganjuran acara yang telah disemak oleh pegawai Kementerian sebagai pengesahan pelaksanaan acara.
</td></tr>
<tr><td>22.5.2.4.b</td><td>Pembayaran Di Bawah AP96

Arahan Perbendaharaan 96 menggariskan pengeluaran tunai untuk dibahagikan di mana antara lainnya menyatakan bahawa pegawai penerima hendaklah dilantik oleh Pegawai Pengawal. Bagi acara Pesta Air Labuan 2012, didapati Kementerian telah membuat penyaluran/pembayaran menggunakan AP96 untuk pembayaran hadiah dan elaun atas nama Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan W.P Labuan. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan pegawai tersebut telah dilantik oleh Pegawai Pengawal bagi penerimaan tunai tersebut.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 September 2014

Kementerian telah mengambil perhatian ke atas teguran audit dan akan memastikan perkara ini tidak akan berlaku pada masa hadapan.</td><td></td></tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
22.5.2.5	**Spesifikasi Bekalan Dan Perkhidmatan** Syarat kontrak antaranya menetapkan bahawa pelaksanaan projek secara teratur termasuk aspek kualiti kerja adalah merupakan tanggungjawab kontraktor yang dilantik. Lawatan Audit ke tapak acara MRTM Krismas tahun 2013 pada 24 hingga 25 Disember 2013 mendapati sebahagian kerja yang dilakukan tidak mengikut spesifikasi kontrak yang ditetapkan. Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan oleh pegawai Audit pada tempoh tersebut, adalah didapati tiada pegawai BPAK dipertanggungjawabkan untuk memastikan pembekalan peralatan logistik dibuat dengan sempurna dan mengikut spesifikasi oleh pembekal. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 September 2014 *Pada setiap MRTM, Kementerian menyediakan jadual bertugas untuk setiap pegawai yang dikenal pasti di tapak termasuk pengurus projek bagi meneliti, memeriksa dan memantau keseluruhan logistik yang disediakan/dipasang oleh kontraktor. Setiap pegawai bertugas mengguna pakai kaedah pemeriksaan dan pemantauan tersendiri tanpa satu senarai semak dan dokumen pengesahan yang seragam. Laporan kekurangan logistik juga dibuat oleh pegawai untuk mengenal pasti kekurangan pada bilangan item mengguna kaedah pemeriksaan dan pemantauan tersendiri dengan merujuk kepada jadual spesifikasi seperti di dalam kontrak. Namun begitu, apabila bayaran dilakukan, pengesahan dokumen spesifikasi telah dibuat oleh pegawai yang berasingan dan bukan oleh pegawai yang bertugas di tapak. Hal ini menyebabkan berlakunya pembayaran penuh kepada pihak kontraktor walaupun perkhidmatan yang diberikan tidak mengikut spesifikasi.* *Bagi memastikan perkara ini berulang, sebagai tindakan penambahbaikan, Kementerian telah pun menyediakan garis panduan persiapan tempat dan pemantauan secara sistematik, bersepadu dan seragam di tapak acara untuk diguna pakai dalam pelaksanaan acara MRTM Tadau Kaamatan 2014 di Keningau, Sabah pada 14 Jun 2014.* Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memantau dan menyelia kerja kontraktor dengan rapi terutamanya terhadap pelaksanaan acara akan datang bagi memastikannya dibuat selaras dengan spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak. Tindakan tegas yang sewajarnya hendaklah diambil terhadap kontraktor yang ingkar dan gagal melaksanakan tanggungjawab yang ditetapkan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
22.5.2.6.a	**Pengurusan Penyimpanan Stok Promosi Acara** Kementerian telah membuat perolehan sebanyak 10,000 keping *paper file folder Visit Malaysia Year 2014* dan berdasarkan temu bual bersama pegawai, kuantiti tersebut melebihi keperluan sekretariat VMY.	Pengedaran dan penggunaan folder VMY 2014 bagi penganjuran mesyuarat/seminar/persidangan oleh semua Agensi di KPK adalah satu cara promosi di mana ianya meningkatkan '*visibility*' dan mewujudkan *'sense of ownership*' bagi menyokong misi nasional ini dikalangan semua '*stakeholders*' Kementerian. Folder ini turut digunakan untuk program latihan '*We Are the Host'* di mana edaran turut dilakukan untuk peserta-peserta seminar berkaitan. Folder telahpun digunapakai 98% sehingga Oktober 2014. Barangan promosi seperti *'hand clappers'*, payung, *'light stick'* dan bendera telah diedarkan mengikut keperluan acara. Rekod stor juga telah disediakan dan dikemaskini.
22.5.2.6.b	Lawatan Audit pada 24 Februari 2014 mendapati terdapat barangan promosi VMY 2014 *seperti hand clappers,* payung*, light stick* dan bendera masih tidak diedarkan dan disimpan di stor. Rekod stok juga tidak disediakan dan dikemas kini. Pada pendapat Audit, perancangan serta pengurusan aset dan stor perlu dibuat dengan teliti dan teratur bagi memastikan Kerajaan mendapat *best value for money* terhadap perbelanjaan yang telah dilibatkan bagi perolehan tersebut. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 September 2014 *Tindakan telah diambil bagi perkara yang dibangkitkan di mana folder VMY telah diedarkan kepada kesemua bahagian untuk kegunaan mesyuarat/seminar/ persidangan dan bahan promosi lain seperti hand clappers, payung, light stick dan bendera telah diedarkan mengikut keperluan acara. Selain itu, rekod stor juga telah disediakan dan dikemas kini.*	
22.5.2.7.a.i	**Pengurusan Keselamatan** Berdasarkan kepada atur cara yang disediakan, adalah didapati pertunjukan bunga api telah diadakan pada jam 10.30 hingga 10.40 malam di mana ketetapan masa tersebut telah diluluskan oleh pihak Jabatan Bomba Dan Penyelamat Cawangan Wilayah Persekutuan Labuan (BOMBA WPL). Adalah didapati ketetapan masa pertunjukan yang yang diluluskan oleh BOMBA WPL adalah tidak selaras dengan tempoh masa yang ditetapkan oleh pihak KDN.	
22.5.2.7.a.ii	Berdasarkan surat yang diterima daripada Cawangan Log Persenjataan, Ibu Pejabat Polis Daerah, didapati lokasi pemasangan bunga api adalah tidak selamat dan dikhuatiri boleh membahayakan keselamatan dan harta benda orang awam yang berada di sekitar kawasan tersebut. Ini berdasarkan kepada pemantauan yang telah dibuat bersama pihak penganjur Pesta Air Labuan 2011 pada 14 April 2011 di mana jarak lokasi tersebut adalah kurang daripada 500 meter daripada loji minyak Shell Timur. Adalah didapati pihak Pejabat KPK Labuan telah membuat permohonan susulan kepada Komander Pangkalan,	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Depot Logistik Wilayah, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) bagi mendapatkan kebenaran pemasangan bunga api di kawasan TLDM Wilayah Persekutuan Labuan. Pihak Audit bagaimanapun tidak dapat mengesahkan status kelulusan tersebut kerana dokumen berkaitannya tidak dikemukakan. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 30 Mei 2014 *Pertunjukan bunga api melewati jam 10 malam tidak dapat dielakkan memandangkan terdapat faktor luar jangka seperti ucapan perasmian oleh VVIP yang melebihi had masa dan waktu persembahan yang panjang. Dalam hal ini didapati persembahan bunga api yang diadakan hanya lewat 30 hingga 40 minit. Selain itu, pihak Pejabat KPK Labuan mengambil serius hal berkaitan tapak pertunjukan bunga api dan akan memastikan setiap langkah keselamatan dan peraturan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi.*	
22.5.2.7.b	Acara Festival Bunga dan Taman Putrajaya Tahun 2011 serta *1Malaysia International Tourism Night Flora Parade* 2012 (komponen acara *Magic Of The Night)* yang berlangsung di Kompleks Sukan Air, Presint 6 dan Pusat Kawalan Empangan (DCC) Putrajaya antaranya menetapkan syarat supaya kontraktor mengemukakan pelan keseluruhan binaan yang lengkap termasuklah mengenai binaan sementara seperti khemah; tandas mudah alih dan binaan lain mengikut format yang ditetapkan oleh Perbadanan Putrajaya. Kontraktor juga turut dikehendaki mengemukakan pelan kepada Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (BOMBA) Putrajaya dengan menunjukkan dengan jelas keperluan menghadapi kebakaran dalam pelan seperti pemadam kebakaran; lampu kecemasan; laluan keluar dan lain-lain. Kedua-dua pelan ini hendaklah disahkan oleh Jurutera Struktur Berdaftar selaras dengan Seksyen 10, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Semakan Audit terhadap kedua-dua acara tersebut bagaimanapun tidak dapat mengesahkan sama ada pelan binaan sementara tersebut telah disediakan oleh kontraktor, disahkan oleh Jurutera Struktur Berdaftar dan dihantar kepada pihak yang terlibat. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 September 2014 *Memandangkan MOTN dianjurkan bersekali dengan Floria Putrajaya anjuran Perbadanan Putrajaya, segala kelulusan adalah diuruskan oleh Perbadanan Putrajaya (PPJ) selaku tuan rumah acara. Bagi pelan keseluruhan binaan lengkap di mana kontraktor perlu mengemukakan kepada pihak PPJ, ia diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Tasik, PPJ selaku Pengerusi*	Penganjuran acara MOTN 2011 – 2013 dianjurkan di lokasi yang sama dengan Floria Putrajaya iaitu Presint 3, Putrajaya. Memandangkan MOTN dianjurkan bersekali dengan Floria anjuran Perbadanan Putrajaya, segala kelulusan adalah diuruskan oleh PPJ selaku tuan rumah acara. Bagi pelan keseluruhan binaan lengkap di mana kontraktor perlu mengemukakan kepada pihak PPJ, ianya diuruskan Bahagian Penggunaan Tasik, PPJ selaku Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Penggunaan Tasik. Lokasi pendirian khemah kontraktor juga ditentukan oleh Bahagian tersebut. Pada tahun 2014, MOTN tidak lagi dianjurkan bersama dengan Floria. Lokasi baru MOTN adalah di Marina Putrajaya. Oleh yang demikian, Kementerian telah mengemukakan permohonan kelulusan binaan kepada Bomba. Walau bagaimanapun telah dimaklumkan struktur sementara tidak perlu mendapat kelulusan surat Jabatan Bomba seperti di bawah:

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Jawatankuasa Keselamatan dan Penggunaan Tasik. Lokasi pendirian khemah kontraktor juga ditentukan oleh Bahagian tersebut. Pada pendapat Audit, pihak Kementerian perlu bertanggungjawab dan sentiasa mengawasi aspek keselamatan khususnya bagi acara yang akan dilaksanakan pada masa akan datang bagi mengelakkan kemalangan serta kejadian yang tidak diingini daripada berlaku.	 IBUPEJABAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA PUTRAJAYA Pengarah, Sephira Resources, No.12, Jalan SG 7/3, Taman Seri Gombak, 68100 Batu Caves, Selangor Tuan, **SURAT PENGESAHAN MELAKSANAKAN KERJA-KERJA DI ACARA MAGIC OF THE NIGHT 2014** Dengan hormatnya merujuk surat tuan bertarikh **13 Jun 2014** seperti perkara di atas adalah berkaitan. 2. Pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia secara dasarnya tiada apa-apa halangan bagi pihak tuan untuk menganjurkan acara tersebut. 3. Sukacita dimaklumkan bahawa, pihak jabatan juga tidak mengeluarkan apa-apa pengesahan berkaitan struktur sementara melainkan untuk tujuan pengeluaran perkara-perkara berikut:- 2.1 Surat Sokongan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CF) 2.2 Surat Perlepasan Pasif (G8) & Aktif (G9) bagi Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) 2.3 Sewaan Ruang Pejabat (JRP) 2.4 Sokongan Perlesenan Permagapan 2.5 Notis Penghapusan Bahaya Kebakaran 2.6 Sijil Perakuan Bomba (Fire Certificate) "CEPAT DAN MEGAH"
22.5.2.8.a	**Penyenggaraan Selepas Tamat Acara** Antara syarat yang ditetapkan oleh Perbadanan Putrajaya (PPJ) bagi acara Festival Bunga dan Taman Putrajaya Tahun 2011 adalah Kementerian hendaklah memastikan agar kawasan tapak penganjuran dibersihkan dengan segera dan sempurna seperti asal sebaik sahaja festival telah selesai berlangsung. Hal ini selaras dengan Seksyen 70, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Semakan Audit mendapati pada 10 Ogos 2011, pihak PPJ telah menghantar surat kepada Kementerian memaklumkan bahawa terdapat 3 buah pontun yang masih lagi berada di Tasik Putrajaya sehingga 8 Ogos 2011 sungguhpun pontun tersebut sepatutnya dikeluarkan pada 31 Julai 2011. Selain itu, pihak PPJ turut memaklumkan bahawa tong yang digunakan untuk mengapungkan pontun tersebut menggunakan tong Buangan Terjadual (sisa toksik) yang amat berbahaya dan dikhuatiri akan menyebabkan Tasik Putrajaya dicemari oleh sisa tersebut serta melupuskan hidupan akuatik di dalamnya yang sangat berharga.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
22.5.2.8.b	Prasarana dan kemudahan penganjuran acara *Royal Pahang Billfish International Challenge* (RPBIC) perlu diberi perhatian dalam penganjuran acara atau aktiviti yang melibatkan penyertaan antarabangsa, khususnya pemancing dari luar negara. Sungguhpun demikian, semakan Audit mendapati jeti Pantai Bernas, Kuala Rompin yang digunakan bagi tujuan penganjuran acara tersebut tidak diselenggara dengan baik. Berdasarkan Laporan Kerosakan Jeti Pelepasan RPBIC oleh Persatuan Memancing Malaysia (PeMM) dan surat daripada Pengarah Pejabat KPK Negeri Pahang kepada Yang DiPertua Majlis Daerah Rompin, jeti tersebut masih belum dibaik pulih sepenuhnya serta tidak diuruskan dengan baik setakat tahun 2013. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 September 2014 *Kementerian telah mengambil tindakan serta merta selepas menerima surat daripada PPJ dan mengambil langkah di mana pontun tersebut telah dialihkan daripada Tasik Putrajaya. Mulai tahun 2012, hanya tong yang menepati piawaian PPJ digunakan bagi penganjuran MOTN. Bagi penyenggaraan jeti Pantai Bernas, Kuala Rompin, ia adalah di bawah seliaan Majlis Daerah Rompin. Sebagai langkah memastikan semua kemudahan pelancongan di seluruh negara disenggara dengan baik, Kementerian telah menyediakan 'Memorandum of Understanding' dengan Kerajaan Negeri Pahang yang bertujuan untuk memelihara infrastruktur pelancongan.* Pada pendapat Audit, memandangkan acara Kementerian mendapat liputan meluas dan menarik perhatian pengunjung tempatan/antarabangsa, urusan penyenggaraan oleh Kementerian perlu dibuat segera sejurus selesai pelaksanaan acara pada masa akan datang bagi memelihara nama baik Kerajaan.	
22.5.3.a	**Pemantauan** Bagi Sektor Pelancongan, Prosedur Pengendalian Acara yang dikeluarkan oleh Sekretariat VMY 2014 antara lainnya menetapkan agar Penolong Pengurus menyediakan laporan lengkap pelaksanaan acara dan mengemukakan laporan tersebut untuk mendapat ulasan Pengurus Kanan/Pengurus Besar (VMY) sebelum diangkat ke KSU dan Yang Berhormat Menteri Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia untuk ulasan. Bagi sampel yang disemak, secara umumnya didapati Laporan Pelaksanaan bagi sesuatu acara tidak disediakan oleh Penolong Pengurus/Pegawai Projek kecuali bagi acara Pesta Air Labuan, di mana terdapat laporan tersebut disediakan oleh pihak	Bagi acara-acara '*homegrown*' tertentu-, pihak Kementerian telah melantik pihak profesional dari luar bagi mendapatkan maklumat bilangan pengunjung. Di samping itu, selepas pelaksanaan sesuatu acara, mesyuarat *'post mortem'* akan dibuat, bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas bagi penambahbaikan acara-acara seterusnya. Selain itu, pihak Sekretariat juga melaporkan hasil pelaksanaan acara ke Mesyuarat Pengurusan KPK setelah tamat acara.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pejabat KPK W.P. Labuan dan dihantar kepada Kementerian.	
22.5.3.b	Bagi Sektor Kebudayaan, *Standard Operating Procedure* bagi acara MRTM antara lainnya menetapkan agar pemantauan dibuat melalui mesyuarat Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian atau Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) atau Setiausaha Bahagian Pengurusan Acara (Kebudayaan) [SUB BPAK]. Manakala bagi acara MBML, pemantauan perlu dibuat melalui mesyuarat yang dipengerusikan oleh TKSU Kebudayaan bagi meneliti kelemahan dan menilai impak acara yang diadakan. Selain itu, Laporan Pelaksanaan dan Perbelanjaan hendaklah disediakan dalam tempoh 2 minggu selepas acara diadakan. Semakan Audit mendapati secara umumnya Mesyuarat Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja telah dibuat. Bagaimanapun bilangan mesyuarat yang telah diadakan tidak dapat disahkan memandangkan dokumen/minit mesyuarat tidak disimpan dengan teratur. Laporan Perbelanjaan dan Laporan Pelaksanaan juga didapati telah disediakan terhadap kesemua acara yang disemak.	
22.5.3.c	Bagi acara yang dikelolakan oleh pihak lain, Kementerian hanya memberikan bantuan kewangan. Tiada garis panduan khusus dikeluarkan bagi tujuan penyelarasan dan pemantauan acara. Pihak yang menerima bantuan tidak dikehendaki untuk menyediakan laporan untuk dihantar kepada pihak Kementerian/KPK Negeri yang menyalurkan bantuan kewangan tersebut. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 September 2014 *Kementerian mengambil maklum dan akan memperbaiki pengurusan dokumen mesyuarat. Sebagai langkah penambahbaikan, selain daripada garis panduan kewangan NGOs sedia ada yang diguna pakai, Kementerian juga telah mengeluarkan Garis Panduan Proses Penyaluran Bantuan Kewangan untuk Badan Berkanun Kerajaan Dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk diguna pakai oleh Pejabat KPK Negeri.* Pada pendapat Audit, Kementerian perlu mempertingkatkan aspek pemantauan acara dan memastikan pemantauan yang rapi dibuat terhadap keseluruhan acara.	Sebagai langkah penambahbaikan, selain daripada garis panduan kewangan NGOs sedia ada yang diguna pakai, Kementerian juga telah mengeluarkan Garis Panduan Proses Penyaluran Bantuan Kewangan untuk Badan Berkanun Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk diguna pakai oleh Pejabat KPK Negeri mulai 1 November 2014 bagi memastikan bantuan kewangan ditadbir dengan lebih teratur dan sistematik termasuk penyediaan laporan.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Polis Diraja Malaysia

Perenggan 23: Pengurusan Saman Trafik

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
23.5.1.1.b	**Prestasi Pengurusan Saman Trafik - Pengeluaran, Penyelesaian Dan Tunggakan Saman** Cawangan Trafik PDRM telah mengeluarkan saman sebanyak 16,367,052 terhadap kenderaan bermotor yang berdaftar bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013. Jumlah saman yang dikeluarkan pada tahun 2011, 2012 dan 2013 adalah sebanyak 5,003,589; 6,283,885 dan 5,079,578 masing-masing. Daripada jumlah saman yang dikeluarkan sebanyak 6,727,060 (41.1%) telah diselesaikan, manakala saman yang belum diselesaikan adalah sebanyak 9,639,992 (58.9%). Nilai penyelesaian saman sebenar yang telah diperoleh daripada 6,727,060 saman ini adalah berjumlah RM1.244 bilion. Anggaran penyelesaian saman yang akan diperoleh daripada jumlah tunggakan saman ini adalah sejumlah RM674.80 juta (9,639,992 saman x RM70 nilai minima setiap saman).	Maklum balas kekal seperti di perenggan 23.5.1.1.c
23.5.1.1.c	Analisis Audit mendapati bilangan saman telah meningkat sebanyak 1,280,296 (25.6%) pada tahun 2012 dan berkurangan sebanyak 1,204,307 (19.2%) pada tahun 2013. Penyelesaian saman juga telah meningkat sebanyak 196,261 (8.1%) pada tahun 2012 dan berkurangan sebanyak 913,633 (35.0%) pada tahun 2013. Justeru itu, tunggakan saman juga telah meningkat sebanyak 1,084,035 (41.9%) pada tahun 2012 dan juga berkurangan 290,674 (7.9%) pada tahun 2013. Adalah didapati pengurusan saman pada tahun 2012 menunjukkan peningkatan terhadap pengeluaran dan penyelesaian saman. Bagaimanapun, prestasi pengeluaran dan penyelesaian saman pada tahun 2013 menunjukkan penurunan. Pada pendapat Audit, penyelesaian saman adalah kurang memuaskan kerana saman yang belum diselesaikan adalah sebanyak 9,639,992 (58.9%).	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas KDN Yang Diterima Pada 26 September 2014 *Pihak Kementerian bersetuju dengan kajian yang dijalankan pihak Audit. Bagaimanapun, jumlah saman tersebut iaitu sebanyak 9,639,992 saman belum diselesaikan semasa kajian pihak Audit dijalankan adalah disebabkan perkara berikut:-* *a. Jumlah tersebut adalah merupakan jumlah terkumpul saman trafik yang dikeluarkan dan tidak diselesaikan mulai tahun 2011 hingga 2013. PDRM bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang dan ini termasuklah undang-undang lalu lintas. Oleh itu, bagi memastikan pentadbiran undang-undang lalu lintas untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya tindakan saman dikenakan kepada pesalah trafik. Berdasarkan rekod PDRM, purata 16,000 saman dikeluarkan setiap hari kepada pesalah trafik;* *b. Saman yang dikeluarkan terhadap pesalah trafik tidak dapat diselesaikan segera oleh pesalah trafik. Ini kerana tempoh masa diberikan kepada pesalah trafik untuk menyelesaikan saman masing-masing mengikut fasa. Penyelesaian saman hanya berlaku apabila pesalah trafik hendak memperbaharui lesen kenderaan bermotor masing-masing setiap tahun;* *c. Terdapat saman yang dikeluarkan adalah melibatkan kenderaan asing dari Singapura, Brunei, Indonesia dan Thailand. Tindakan ke atas pesalah trafik asing sukar untuk dilaksanakan pada masa ini; dan* *d. Statistik bilangan saman yang belum diselesaikan adalah termasuk kes yang telah dikeluarkan waran tangkap dan yang sedang dibicarakan di mahkamah. Ini bermakna sesuatu saman yang dikeluarkan mengambil tempoh masa yang lama untuk diselesaikan bagi saman yang telah dikeluarkan waran tangkap.* *Pengurusan saman iaitu pengeluaran dan penyelesaian saman menurun pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah kerana:-* *a. PDRM lebih tertumpu menggunakan pendekatan advokasi terhadap pengguna jalan raya kerana kekuatan dan penugasan anggota trafik bagi tahun tersebut lebih ditumpukan kepada penugasan ketenteraman awam berbanding dengan tugas penguatkuasaan; dan* *b. Saman bagi kesalahan had laju menggunakan kamera adalah penyumbang*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	utama jumlah pengeluaran saman. Penguatkuasaan Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Kesalahan Yang Dirakamkan Melalui Kamera) 2012 yang mula dikuatkuasakan pada penghujung tahun 2012 yang mewajibkan pemasangan papan tanda amaran Zon Operasi Kamera menyebabkan operasi berjadual Cawangan Trafik tidak dapat dijalankan disebabkan papan tanda belum disediakan oleh pihak berwajib iaitu Syarikat Konsensi Lebuhraya Malaysia, Jabatan Kerja Raya Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan sebagai mematuhi kehendak undang-undang pada tahun tersebut. *Bagi memastikan peningkatan penyelesaian saman trafik, tindakan penambahbaikan yang sedang dan akan diambil adalah seperti berikut:-* *a. Trafik PDRM merancang untuk menaiktaraf sistem Trafik COPS yang menjurus kepada penguatkuasaan khusus kepada warga asing yang beroperasi di pintu masuk negara menggunakan alat ANPR (Automated Numbers Plate Recognition);* *b. Sebanyak 44,860 surat peringatan (melalui pos) kepada pesalah trafik yang mempunyai kesalahan berganda telah dikeluarkan;* *c. Agensi penguatkuasa menguatkuasakan Seksyen 58A Akta Pengangkutan Jalan 1987 supaya setiap pemilik berdaftar kenderaan bermotor dan pemilik lesen memandu mengemaskini alamat terkini di Jabatan Pengangkutan Jalan; dan* *d. Sekatan memperbaharui lesen kenderaan bermotor ke atas pesalah trafik yang enggan menyelesaikan saman.*	
23.5.1.1.d	Analisis Audit juga mendapati daripada jumlah saman yang dikeluarkan, sebanyak 121,664 (0.7%) merupakan saman yang dikeluarkan kepada bukan warganegara. Jumlah pengeluaran saman kepada bukan warganegara menunjukkan peningkatan sebanyak 5,868 (30.8%) pada tahun 2012 dan terus meningkat secara mendadak iaitu sebanyak 52,850 (212.3%) pada tahun 2013. Jumlah pengeluaran saman yang tertinggi adalah kepada warganegara Singapura iaitu sebanyak 84,604 (69.5%) dan Brunei pula sebanyak 25,803 (21.2%). Daripada 121,644 pengeluaran saman hanya 12,713 (10.4%) yang telah diselesaikan manakala sebanyak 108,951 (89.6%) masih tertunggak. Anggaran penyelesaian saman yang akan diperoleh daripada jumlah tunggakan saman bukan warganegara ini adalah berjumlah RM7.63 juta.	Maklum balas kekal seperti di perenggan 23.5.1.1.d

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, penyelesaian saman yang dikeluarkan kepada bukan warganegara adalah kurang memuaskan kerana saman yang belum diselesaikan telah meningkat daripada 15,012 pada tahun 2011 kepada 73,568 pada akhir tahun 2013. Maklum Balas KDN Yang Diterima Pada 26 September 2014 *Kementerian mengambil perhatian akan teguran pihak Audit ini dan penyelesaian saman yang dikeluarkan kepada bukan warganegara adalah kurang memuaskan kerana saman yang belum diselesaikan telah meningkat daripada 15,012 pada tahun 2011 kepada 73,568 pada akhir tahun 2013 disebabkan perkara berikut:-* *a. Tindakan menyenarai hitam pesalah trafik pada masa ini tidak memberi kesan pada warga negara asing disebabkan tindakan tersebut hanya dilakukan pada pemilik kenderaan Malaysia; dan* *b. Kaedah penyelesaian saman pada masa ini adalah melalui sekatan untuk memperbaharui lesen kenderaan bermotor dan kaedah tersebut hanya dilakukan ke atas pemilik kenderaan Malaysia.* *Penambahbaikan yang akan diambil adalah sepertimana berikut:-* *a. Pihak Jabatan Pengankutan Jalan (JPJ) sedang menyediakan satu kaedah khusus untuk menguruskan isu ini termasuk meningkatkan keupayaan Sistem MySIKAP. Ini kerana Seksyen 66J Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 bagi mengawal kenderaan asing daripada memasuki atau keluar daripada Malaysia telah dimasukkan ke dalam peruntukan pada 31/01/2011. Ketua Pengarah JPJ berkuasa melarang mana-mana kenderaan motor asing daripada masuk/keluar daripada Malaysia jika terdapat apa-apa perkara yang belum selesai berhubung dengan apa-apa pelanggaran atau kesalahan terhadap APJ 1987, Akta Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (ALPKP) dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (APAD); dan* *b. Trafik PDRM merancang untuk menaiktaraf sistem Trafik COPS yang menjurus kepada penguatkuasaan khusus kepada warga asing yang beroperasi di pintu masuk negara menggunakan alat ANPR (Automated Numbers Plate Recognition).*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
23.5.1.2.a	**Pengurusan Waran Tangkap** Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, Cawangan Trafik PDRM telah mengemukakan sebanyak 2,466,275 dokumen pertuduhan ke mahkamah. Daripada jumlah dokumen pertuduhan tersebut sebanyak 879,181 (35.6%) dokumen pertuduhan berjaya diselesaikan tanpa pengeluaran waran tangkap di mana OKS telah menyelesaikan saman di mahkamah dan sebanyak 1,587,094 telah dikeluarkan waran tangkap. Bagaimanapun, hanya sebanyak 616,180 (38.8%) telah selesai dibicarakan. Manakala baki waran tangkap belum selesai adalah sebanyak 970,914 (61.2%).	Maklum balas kekal seperti di perenggan 23.5.1.2.b
23.5.1.2.b	Analisis Audit mendapati penyerahan dokumen pertuduhan telah meningkat sebanyak 177,498 (23.8%) pada tahun 2012 dan menurun sebanyak 129,622 (14.0%) pada tahun 2013. Pengeluaran waran tangkap juga telah meningkat sebanyak 167,234 (38.2%) pada tahun 2012 dan menurun sebanyak 62,202 (10.3%) pada tahun 2013. Manakala waran tangkap yang selesai pula telah meningkat sebanyak 62,978 (31.5%) pada tahun 2012 dan berkurangan sebanyak 110,241 (41.9%) pada tahun 2013. Pada pendapat Audit, pengurusan waran tangkap adalah kurang memuaskan kerana waran tangkap yang belum diselesaikan adalah sebanyak 970,914 (61.2%). Maklum Balas KDN Yang Diterima Pada 26 September 2014 *Kementerian mengambil perhatian akan teguran pihak Audit mengenai perkara ini dan pengurusan waran tangkap adalah kurang memuaskan kerana waran tangkap yang belum diselesaikan adalah sebanyak 970,914 (61.2%) adalah disebabkan perkara berikut:-* *a. Waran Tangkap tidak dapat dilaksanakan disebabkan OKS tidak lagi tinggal di alamat yang tercatit di dalam Waran Tangkap. Proses mendapatkan alamat terkini mengambil masa yang lama. Cawangan Trafik juga mendapatkan bantuan dari pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Pendaftaran Negara dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dalam usaha mendapatkan alamat terkini OKS bagi penyempurnaan waran tangkap trafik; dan* *b. Waran tangkap sah untuk tempoh 6 bulan. Dalam tempoh ini apabila ia dibatalkan oleh Mahkamah disebabkan OKT tidak hadir sebanyak 3 kali*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	semasa sebutan Mahkamah, ianya masih dikekalkan dalam sistem Trafik COPS menyebabkan tunggakan waran tangkap sepertimana dibangkitkan oleh pihak Audit. *Kementerian ingin menjelaskan bahawa statistik bagi tahun 2011 hingga 2012 menunjukkan sebanyak 1.6 juta waran tangkap telah dikeluarkan oleh mahkamah dan didaftarkan dalam sistem Trafik COPS PDRM. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 41% atau 650,000 waran tangkap telah diselesaikan.* *Kementerian telah mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:-* *a. Cawangan Trafik PDRM mengadakan Operasi Khas yang dikenali sebagai OPS WARAN pada setiap hari Rabu dan Khamis bagi mengesan pesalah trafik yang mempunyai waran tangkap;* *b. OPS WARTA KHAS diadakan setiap tahun bagi mengesan pesalah trafik yang dikeluarkan waran tangkap terhadapnya;* *c. Sebanyak 44,860 surat peringatan (melalui pos) kepada pesalah trafik yang mempunyai kesalahan berganda telah dikeluarkan;* *d. Anggota trafik bertugas rondaan/penguatkuasaan harian juga membantu mengesan pesalah trafik yang mempunyai waran tangkap melalui semakan alat 'Mobile Card Acceptance Device' (MCAD); dan* *e. Agensi penguatkuasa menguatkuasakan Seksyen 58A Akta Pengangkutan Jalan 1987 supaya setiap pemilik berdaftar kenderaan bermotor dan pemilik lesen memandu mengemaskini alamat terkini di Jabatan Pengangkutan Jalan.*	
23.5.2.3.a.i	**Pengurusan Saman Trafik - Borang Akuan Serah Keratan Tidak Digunakan** Perenggan 8 Arahan KTP No. 9, menetapkan Borang Akuan Serah Keratan (ASK) 1 dan 2 hendaklah digunakan dalam setiap urusan penyerahan notis saman untuk pendaftaran di dalam Trafik COPS. Borang ASK 1 hendaklah ditampalkan di belakang setiap buku POL.170A/POL.257. Pengeluar saman hendaklah menyerahkan pendua saman bersama 2 salinan borang ASK 2 kepada penyelia Trafik COPS untuk pengesahan penerimaan dan satu salinan dikembalikan kepada pengeluar saman untuk simpanan.	Maklum balas kekal seperti di perenggan 23.5.2.3.a.ii

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
23.5.2.3.a.ii	Semakan Audit terhadap 120 buku saman di 4 Cawangan Trafik Daerah mendapati sebanyak 99 (82.5%) buku saman tidak ditampal dan tidak menggunakan borang ASK 1 di belakang setiap buku saman. Kesan dari tidak menggunakan borang ASK 1 menyebabkan tiada kawalan pengeluaran saman mengikut nombor siri yang telah ditetapkan. Semakan Audit selanjutnya mendapati borang ASK 2 telah digunakan bagi pengesahan penerimaan oleh penyelia Trafik COPS bagi pendaftaran saman. Maklum Balas KDN Yang Diterima Pada 26 September 2014 *Kementerian mengambil perhatian akan teguran pihak Audit mengenai perkara ini dan beberapa tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan seperti berikut:-* *a. Penggunaan buku saman adalah secara guna sama dan tidak lagi diisu secara individu. Setiap penggunaan buku saman hendaklah didaftarkan di dalam sistem Trafik COPS secara harian;* *b. Sekiranya buku saman tidak didaftarkan ke dalam sistem Trafik COPS semasa penerimaan/penyerahan, helaian saman yang telah dikeluarkan tidak boleh didaftarkan ke dalam sistem; dan* *c. Penggunaan 'barcode' buku saman telah dilaksanakan secara berperingkat semenjak bulan Oktober 2013 untuk mengelakkan kesilapan pendaftaran nombor saman.*	
23.5.2.3.b	**Saman Belum Selesai** Semakan Audit terhadap 220 sampel saman yang dikeluarkan kepada OKS di 4 Cawangan Trafik Daerah yang dilawati bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 mendapati sebanyak 101 (45.9%) telah selesai dan 119 (54.1%) belum selesai.	Maklum balas kekal seperti di perenggan 23.5.2.3.d
23.5.2.3.c	**Maklumat Saman Tidak Lengkap** Perenggan 4 Arahan KTP No. 8 menetapkan POL.170A/POL.257 hendaklah dilengkapkan dengan maklumat yang dikehendaki. Semakan Audit terhadap 220 saman yang dikeluarkan di 4 Cawangan Trafik Daerah mendapati sebanyak 29 (13.2%) saman tidak lengkap dengan maklumat yang diperlukan seperti nombor cukai jalan, tarikh tamat cukai jalan dan nombor lesen kenderaan motor. Maklumat saman yang tidak lengkap membolehkan OKS mempertikaikan saman yang dikeluarkan serta menafikan kesalahan yang dilakukan. Dengan ini, saman	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	tersebut akan diberi pengecualian.	
23.5.2.3.d	**Pendaftaran Saman Melebihi Tempoh 72 Jam** Arahan KTP No. 9 menetapkan maklumat saman perlu dimasukkan dengan segera dan sistematik (tidak melebihi 72 jam). Semakan Audit terhadap 220 pendaftaran saman di 4 Cawangan Trafik Daerah mendapati sebanyak 39 (17.7%) saman didaftarkan melebihi tempoh 72 jam. Tempoh kelewatan pendaftaran saman adalah antara 3 jam sehingga 1,946 jam. Kelewatan pendaftaran saman berlaku kerana pengeluaran saman oleh pegawai/anggota di peringkat Cawangan Trafik Daerah dan balai polis dikumpul secara mingguan atau bulanan sebelum dikemukakan kepada Penyelia Trafik COPS di Cawangan Trafik Daerah untuk didaftarkan. Kegagalan pendaftaran saman dalam tempoh yang ditetapkan menyebabkan OKS akan mengalami masalah terhadap penyemakan dan pembayaran saman. Ini kerana saman tersebut masih tidak wujud di Trafik COPS. Dengan itu, saman yang perlu disemak dan dibayar oleh OKS hendaklah didaftarkan terlebih dahulu sebelum proses penyemakan dan pembayaran dilakukan. Pada pendapat Audit, pendaftaran saman adalah kurang memuaskan kerana masih terdapat 39 (17.7%) daripada 220 saman yang disemak adalah lewat dikunci masuk ke dalam Trafik COPS. Ini adalah disebabkan pengeluaran saman oleh pegawai/anggota di peringkat Cawangan Trafik Daerah dan Balai Polis yang dikumpul secara mingguan atau bulanan sebelum dikemukakan kepada Penyelia Trafik COPS di Cawangan Trafik Daerah untuk didaftarkan. Maklum Balas KDN Yang Diterima Pada 26 September 2014 *Kementerian mengambil perhatian akan teguran dan kajian pihak Audit dan bagi memastikan tiada lagi kelewatan bagi mengunci masuk saman ke dalam sistem Trafik COPS, pihak PDRM telah melaksanakan tindakan penambahbaikan seperti berikut:-* *a. Membangunkan Projek Perintis Sifar Saman Daftar Lewat (SSDL) dan ianya telah dijalankan di Zon Tengah IPD Gombak pada tahun 2011, IPK Kuala Lumpur dan IPD Ampang pada tahun 2012, Zon Selatan di IPD Johor Bahru Selatan, IPD Seri Alam, IPD Johor Bahru Utara dan Zon Timur di IPD Kuantan, IPD Kota Bharu, IPD Kuala Terengganu pada tahun 2013 dan seterusnya akan dilaksanakan di seluruh Malaysia pada tahun 2014; dan*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	b. Pemantauan berterusan secara on-line melalui modul pemantauan sistem Trafik COPS. Statistik terkini Pendaftaran Saman Melebihi Tempoh 72 Jam bagi seluruh negara untuk tempoh tahun 2011(29.3% - 1,466,185 kes), 2012 (12.8% - 809,725 kes) dan 2013 (14.8% - 751,846 kes).	
23.5.2.3.e.i	**Dokumen Pertuduhan Tidak Lengkap** Perenggan 2 Penyediaan Kes Untuk Proses Pendakwaan - PDRM/PK(PT): 06 Prosedur Kualiti Pengurusan Trafik menetapkan dokumen pertuduhan hendaklah disediakan tidak lewat 7 hari daripada tarikh ke mahkamah berserta dengan *Master List*, Kertas Pertuduhan Mahkamah 114A dan saman asal mengikut senarai dalam *Master List*.	Maklum balas kekal seperti di perenggan 23.5.2.3.e.ii
23.5.2.3.e.ii	Semakan Audit mendapati 120 dokumen pertuduhan di 4 Cawangan Trafik Daerah telah disediakan tidak lewat 7 hari daripada tarikh ke mahkamah. Semakan Audit selanjutnya juga mendapati sebanyak 60 dokumen pertuduhan bagi Cawangan Trafik Timur Laut dan Shah Alam telah dikemukakan dengan lengkap ke mahkamah. Bagaimanapun, sebanyak 30 dokumen pertuduhan bagi Cawangan Trafik Johor Bahru Selatan dan Kuala Terengganu masing-masingnya tidak disediakan dengan lengkap di mana saman asal tidak dikemukakan bersama dengan *Master List* dan Kertas Pertuduhan Mahkamah 144A. Di Cawangan Trafik Johor Bahru Selatan, saman asal hanya disimpan di Cawangan Trafik, manakala pihak mahkamah tidak pernah memohon saman asal sebagai bukti apabila proses pendakwaan dilakukan terhadap Orang Kena Tuduh (OKT). Di Cawangan Trafik Kuala Terengganu pula, unit/seksyen trafik telah ditempatkan di mahkamah bagi menguruskan dokumen pertuduhan dan pendakwaan. Saman asal tidak dikemukakan bersama dokumen pertuduhan kerana saman asal tiada dalam simpanan unit/seksyen trafik. Ini kerana saman asal disimpan di Cawangan Trafik yang menguruskan pendaftaran saman. Sekiranya OKT memohon untuk perbicaraan, saman asal perlu dikemukakan kepada mahkamah kerana dokumen asal adalah bukti bagi setiap perbicaraan di mahkamah. Pada pendapat Audit, penyediaan dokumen pertuduhan adalah kurang memuaskan yang mana masih terdapat cawangan trafik yang tidak mengemukakan dokumen pertuduhan yang lengkap ke mahkamah bagi pengeluaran waran tangkap seperti yang telah ditetapkan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas KDN Yang Diterima Pada 26 September 2014 *Kementerian mengambil perhatian akan teguran berdasarkan semakan pihak Audit. Kementerian ingin menjelaskan bahawa setiap pertuduhan pertama kali dikemukakan ke mahkamah tidak akan dikepilkan dengan dokumen saman asal bagi mengelakkan berlakunya kehilangan untuk digunakan semasa perbicaraan yang ditetapkan kemudian.*	
23.5.2.3.f.i	**Waran Tangkap Belum Selesai** Arahan KTP No. 9 menetapkan sekiranya OKS tidak hadir di mahkamah pada tarikh yang telah ditetapkan, maka mahkamah akan mengeluarkan waran tangkap terhadap OKS; waran tangkap kemudian akan diedarkan ke cawangan trafik daerah berkenaan dan data waran tangkap berkenaan didaftarkan ke dalam Trafik COPS; dan jika waran tangkap telah disempurnakan atau dibatalkan oleh mahkamah, waran tangkap tersebut yang terdapat dalam Trafik COPS hendaklah dikemas kini.	Maklum balas kekal seperti di perenggan 23.5.2.3.f.ii
23.5.2.3.f.ii	Semakan Audit terhadap 120 waran tangkap yang telah diuruskan oleh 4 Cawangan Trafik Daerah mendapati sebanyak 80 (66.7%) waran tangkap adalah belum selesai. Daripada jumlah waran tangkap tersebut sebanyak 68 adalah kepada warganegara, manakala 12 adalah kepada bukan warganegara. Semakan selanjutnya terhadap waran tangkap yang belum selesai didapati sebanyak 46 waran tangkap telah tamat tempoh penguatkuasaannya. Bagi menguatkuasakan waran tangkap yang telah tamat tempoh maka waran tangkap tersebut perlu diperbaharui semula di mahkamah. Sekiranya waran tangkap tidak dikuatkuasakan maka tindakan undang-undang terhadap OKT akan tertangguh. Maklum Balas PDRM Yang Diterima Pada 22 Julai 2014 *Faktor yang menyebabkan waran tangkap tidak dapat dilaksanakan adalah seperti berikut:-* *i. OKT tidak lagi tinggal di alamat yang tercatit di dalam waran tangkap. Proses mendapatkan alamat terkini mengambil masa yang lama; dan* *ii. Waran tangkap telah dibatalkan oleh mahkamah disebabkan kegagalan OKT hadir sebanyak 3 kali semasa sebutan di mahkamah dan tempoh*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	sebutan adalah 6 bulan. Waran tangkap yang telah dibatalkan masih dikekalkan di dalam Trafik COPS menyebabkan terjadinya tunggakan waran tangkap yang gagal dilaksanakan. *PDRM telah mengambil tindakan untuk menyelesaikan waran tangkap seperti berikut:-* *a. Cawangan Trafik PDRM mengadakan Operasi Khas yang dikenali sebagai OPS WARAN pada setiap hari Rabu dan Khamis bagi menjejaki pesalah trafik yang mempunyai waran tangkap;* *b. OPS WARTA KHAS diadakan setiap tahun bagi menjejaki pesalah trafik yang dikeluarkan waran tangkap terhadapnya;* *c. Surat peringatan kepada pesalah trafik yang mempunyai kesalahan berganda telah dikeluarkan; dan* *d. Anggota trafik bertugas rondaan/penguatkuasaan harian juga membantu bagi mengesan pesalah trafik yang mempunyai waran tangkap.*	
23.5.2.3.g.i	**Orang Kena Tuduh Yang Dikenakan Waran Tangkap Tidak Disenarai hitamkan Dari Memperbaharui Lesen Memandu** Perenggan 11 Penyediaan Kes Untuk Proses Pendakwaan – PDRM/PK(PT): 06 Prosedur Kualiti Pengurusan Trafik menetapkan waran tangkap hendaklah didaftarkan ke dalam Trafik COPS bagi menyenarai hitam Orang Kena Tuduh **(**OKT).	Maklum balas kekal seperti di perenggan 23.5.2.3.g.ii
23.5.2.3.g.ii	Pihak Audit mendapati maklumat waran tangkap dalam Trafik COPS telah diintegrasikan dengan sistem MySIKAP yang merupakan maklumat berpusat Jabatan bagi memantapkan analisis, pemantauan, perancangan, perkongsian maklumat dan pengurusan dalam membuat keputusan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Integrasi antara sistem ini membolehkan pihak JPJ menahan pembaharuan lesen kenderaan bermotor yang telah disenarai hitam di dalam Trafik COPS jika waran tangkap belum diselesaikan. Keterangan daripada Pegawai JPJ semasa *Exit Conference* pada 5 September 2014 juga mengesahkan bahawa pihak JPJ hanya akan senarai hitamkan semua lesen kenderaan bermotor yang didaftarkan atas nama OKT dan tidak senarai hitamkan bersekali dengan lesen memandu OKT. Semakan Audit terhadap 80 waran tangkap yang belum selesai melalui pautan aplikasi Semakan Tarikh Luput Lesen Memandu di Portal Rasmi JPJ juga mendapati 17 (21.3%) OKT	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	telah memperbaharui lesen memandu sejak OKT telah disenarai hitamkan. Pada pendapat Audit, pihak PDRM dan JPJ seharusnya mengadakan perbincangan supaya bukan sahaja senarai hitamkan lesen kenderaan bermotor yang didaftarkan atas nama OKT tetapi juga lesen memandu OKT. Maklum Balas KDN Yang Diterima Pada 26 September 2014 *Kementerian mengambil perhatian akan teguran pihak Audit mengenai perkara ini dan menjelaskan bahawa pada masa ini Cawangan Trafik PDRM hanya menghantar maklumat OKS ke JPJ bagi disenaraihitamkan pengeluaran Lesen Kenderaan Motor (LKM/Roadtax) atas sebab sistem komputer MySiKAP JPJ tidak mampu menampung bebanan untuk menyenaraihitamkan lesen memandu. Bagaimanapun, tindakan penyelarasan yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:-* *a. Penyelarasan akan dibuat dengan pihak JPJ untuk menyenaraihitam pesalah trafik yang masih mempunyai hal yang belum selesai dengan pihak JPJ/PDRM berhubung dengan pelanggaran akta ini, supaya tidak dapat memperbaharui lesen memandu di dalam sistem MySIKAP seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 29 (1A) APJ 1987 sehingga ianya diselesaikan;* *b. Perbincangan penyelarasan pelaksanaan menyenaraihitam lesen memandu akan dibuat di antara Cawangan Trafik PDRM dengan JPJ; dan* *c. Pembaharuan lesen memandu dan pengeluaran Lesen Kenderaan Motor adalah dibawah bidang kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan sebagaimana dinyatakan di bawah Seksyen 17(1)(d) Akta Pengangkutan Jalan 1987.*	
23.5.2.3.h.i	**Waran Tangkap Tidak Ditandatangani** Perenggan 8 Penyediaan Kes Untuk Proses Pendakwaan – PDRM/PK(PT): 06 Prosedur Kualiti Pengurusan Trafik memerlukan *Master List* diteliti dan menentukan sama ada Pendaftar Mahkamah telah tandatangan serta Keputusan Sebutan telah dicatat oleh anggota Pejabat Pegawai Pendakwa Raya (PO) pada *Master Lis*t serta Kertas Siasatan Trafik [KS (T)]. Perenggan 9 pula menetapkan sekiranya tiada tandatangan, dapatkan tandatangan serta catatan berkenaan dari Pendaftar Mahkamah dan anggota pejabat PO. Sekiranya tandatangan serta catatan berkenaan telah dibuat serah *Master List*, KS (T), kertas pertuduhan, waran dan saman kepada Penyelia Trafik COPS	Maklum balas kekal seperti di perenggan 23.5.2.3.h.ii

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	untuk didaftarkan Keputusan Sebutan dalam Trafik COPS.	
23.5.2.3.h.ii	Semakan Audit di 3 Cawangan Trafik yang dilawati mendapati waran tangkap telah ditandatangani. Bagaimanapun, di Cawangan Trafik Kuala Terengganu didapati kesemua 30 waran tangkap yang telah dikeluarkan tidak ditandatangani oleh Majistret di Mahkamah Majistret Kuala Terengganu. Sekiranya waran tangkap tidak ditandatangani maka waran tersebut tidak sah untuk dikuatkuasakan. Pada pendapat Audit, waran tangkap yang tidak ditandatangani tidak dapat dikuatkuasakan. Ini akan mengakibatkan tindakan tidak dapat diambil terhadap OKT. Maklum Balas KDN Yang Diterima Pada 26 September 2016 *Kementerian mengambil perhatian akan perkara ini dan ingin menjelaskan bahawa:-* *a. Penemuan ini adalah kes terpencil dan ia berlaku disebabkan oleh kesilapan anggota mendaftar waran tangkap yang belum ditandatangani oleh Majistret ke dalam sistem Trafik COPS. Anggota telah diberi teguran secara lisan bagi memastikan perkara seperti ini tidak berlaku di masa hadapan;* *b. Peringatan dihantar kepada semua Kontinjen untuk mematuhi Arahan Tetap Ketua Trafik Pasukan No. 16 : Prosedur Operasi Waran Tangkap; dan* *c. Teguran juga telah diberikan kepada Pegawai Penyelia yang bertanggungjawab.*	
23.5.3.2	**Penyimpanan Dokumen Saman Yang Telah Digunakan** Semakan Audit mendapati di Cawangan Trafik Daerah Timur Laut, ruang penyimpanan dokumen saman yang telah digunakan adalah teratur dan mencukupi. Bagaimanapun, Cawangan Trafik Daerah Johor Bahru Selatan tidak mempunyai ruang penyimpanan yang sesuai di mana dokumen saman semenjak tahun 1992 masih disimpan dalam stor penyimpanan yang dibina sendiri di stor barangan kes. Manakala Cawangan Trafik Shah Alam dan Kuala Terengganu tidak mempunyai ruang penyimpanan yang sesuai bagi menyimpan dokumen saman yang telah digunakan.	Maklum balas kekal seperti di perenggan 23.5.3.2

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, Cawangan Trafik Daerah Johor Bahru Selatan, Shah Alam dan Kuala Terengganu tidak mempunyai ruang yang sesuai dan selamat bagi menyimpan semua dokumen saman yang telah digunakan dan akan dilupuskan. Maklum Balas KDN Yang Diterima Pada 26 September 2016 *Kementerian mengambil perhatian akan teguran ini dan ingin menjelaskan bahawa dokumen ini terpaksa disimpan dalam tempoh 6 tahun sebelum ianya boleh dilupuskan mengikut perundangan tuntutan sivil. Akibatnya ia akan terkumpul dalam jumlah yang banyak pada setiap tahun. Beberapa tindakan penambahbaikan juga telah diambil seperti berikut:-* *a. Telah melaksanakan Dasar Amalan 5S bagi menangani isu ini. Namun kekangan yang dihadapi ialah bangunan yang lama dan tidak sesuai; dan* *b. Mengambil tindakan pelupusan bagi dokumen yang memenuhi syarat kelayakan untuk dilupuskan.*	
23.5.4.1	**Aduan Dan Siasatan** Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil. 1 Tahun 2001 menetapkan aduan orang ramai terhadap agensi awam hendaklah diurus dan diselesaikan dalam tempoh 15 hari bekerja. Semua Cawangan Trafik Bukit Aman/Kontinjen/Daerah menerima aduan daripada pelanggan/orang awam mengenai masalah trafik, pertanyaan saman dan sikap pegawai/anggota semasa menjalankan tugas.	Maklum balas kekal seperti di perenggan 23.5.4.3
23.5.4.2	Daftar Aduan hendaklah disediakan dengan lengkap dan kemas kini di mana bilangan aduan diterima, tarikh terima aduan, nama pegawai siasatan, tempoh siasatan dijalankan dan hasil siasatan perlu direkodkan. Semakan Audit di Cawangan Trafik Bukit Aman/Kontinjen/Daerah yang dilawati mendapati Daftar Aduan tidak diselenggarakan. Pihak Audit tidak dapat menentukan bilangan aduan yang diterima oleh Cawangan Trafik tersebut bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013.	
23.5.4.3	Semakan Audit terhadap 233 aduan daripada fail aduan mendapati sebanyak 19 (8.2%) aduan telah diselesaikan melebihi tempoh masa 15 hari bekerja seperti yang ditetapkan. Lebihan tempoh masa yang diambil adalah di antara 5 hingga	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	67 hari. Pada pendapat Audit, pengurusan aduan adalah kurang memuaskan kerana Daftar Aduan tidak diselenggarakan dan masih terdapat aduan yang diselesaikan melebihi tempoh yang ditetapkan berdasarkan sampel aduan yang telah diaudit. Maklum Balas KDN Yang Diterima Pada 26 September 2014 *Kementerian mengambil perhatian akan teguran pihak Audit mengenai pengurusan aduan adalah kurang memuaskan kerana Daftar Aduan tidak diselenggarakan dan masih terdapat aduan yang diselesaikan melebihi tempoh yang ditetapkan. Ini adalah kerana kelewatan penyelesaian disebabkan siasatan lanjut dijalankan sehingga ke peringkat daerah. PDRM telah mewujudkan Modul Aduan Sistem COPS selepas teguran pihak Audit bagi menangani perkara ini.*	
23.5.5	**Pemantauan** Pemantauan membolehkan pengurusan saman dilaksanakan secara cekap dan berkesan. Semakan Audit mendapati Cawangan Trafik Bukit Aman/Kontinjen/ Daerah telah mengambil tindakan proaktif di mana pemantauan bagi pengurusan saman melalui mesyuarat ada diwujudkan kecuali Cawangan Trafik Kontinjen Johor. Dengan adanya pemantauan ini keberkesanan dan kecekapan pengurusan saman dapat dipertingkatkan. Bagaimanapun, kaedah pemantauan yang dilaksanakan adalah mengikut kesesuaian dan keperluan setiap cawangan trafik berkenaan. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada arahan khusus dalam Arahan KTP bagi pemantauan pengurusan saman. Maklum Balas KDN Yang Diterima Pada 26 September 2014 *Kementerian mengambil perhatian teguran ini dan ingin menjelaskan bahawa pemantauan pengurusan saman dilaksanakan secara atas talian melalui sistem Trafik COPS di peringkat Bukit Aman, Kontinjen dan Daerah secara berterusan (24/7). Melalui sistem Trafik COPS pemantauan pengurusan saman di peringkat Bukit Aman dibahagikan kepada 6 zon iaitu Zon Utara, Tengah, Selatan, Timur, Sabah dan Sarawak. Pemantauan pengurusan saman di peringkat Kontinjen dipertanggungjawabkan kepada Pegawai Turus Trafik Kontinjen. Manakala pemantauan pengurusan saman di peringkat daerah dipertanggungjawabkan kepada Ketua Trafik Daerah.*	Maklum balas kekal seperti di perenggan 23.5.5

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pengurusan saman di peringkat Ibu Pejabat Polis Kontinjen/Ibu Pejabat Polis Daerah perlu dipertingkatkan kerana Pegawai Turus Trafik Kontinjen dan Ketua Trafik Daerah yang dipertanggungjawabkan menjalankan kaedah pemantauan masing-masing. Kaedah pemantauan pengurusan saman seharusnya ditetapkan dan diseragamkan oleh Cawangan Trafik Bukit Aman.	

LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2013

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Polis Diraja Malaysia

Perenggan 24 : Pengurusan *Mobile Police Vehicles* Cawangan Kereta Peronda Dan Motosikal Unit Rondaan Bermotosikal

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
24.5.1.1.a.i	**Perolehan *Mobile Police Vehicle* - Kenderaan Melebihi Had Usia** Masalah utama yang dihadapi oleh Cawangan Pengangkutan PDRM ialah kebanyakan kenderaan pasukan sepatutnya boleh dipertimbangkan untuk mendapat Sijil PEP atau kenderaan yang melebihi had usia penggunaan yang ekonomik. Mengikut statistik, daripada 22,726 buah kenderaan milik pasukan, sebanyak 15,626 (68.8%) buah kenderaan daripadanya telah melebihi had usia yang ekonomik digunakan. Analisis Audit juga mendapati bagi MPV, sebanyak 1,530 (42.1%) buah kenderaan daripada 3,635 buah kenderaan telah berusia melebihi 8 tahun pada akhir tahun 2013.	Perolehan kenderaan baru PDRM akan dilaksanakan melalui permohonan peruntukan pembangunan dibawah Rancangan Malaysia (RM) lima tahun yang dijalankan secara *Rolling Plan* setiap dua tahun bagi RM ke -10 (tahun 2011 hingga 2016). Permohonan yang dikemukakan akan melalui proses pemeriksaan di peringkat KDN sebelum dipanjangkan kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) JPM. Sejak permulaan RMKe-10 pada tahun 2011, permohonan untuk mendapatkan butiran projek baru dan peruntukan bagi perolehan kereta peronda polis (MPV) dibuat setiap tahun melalui sistem SPPII. Walau bagaimanapun permohonan tersebut tidak diluluskan atas faktor memberi keutamaan kepada projek lain, kekangan peruntukan pembangunan dan juga ditolak atas dasar penggantian kenderaan baru perlu dipohon di bawah ABM tahunan (OE). Pada tahun 2012, di bawah program RMK-10 (*3rd Rolling Plan*) tahun 2013 – 2014, permohonan peruntukan untuk penggantian kereta peronda polis baru sebanyak 200 buah (RM19.86juta) telah dipohon kepada EPU JPM tetapi tidak diluluskan. Bagi tujuan permohonan penggantian kenderaan MPV dibawah (OE), pengantian sebanyak 400 buah kenderaan MPV yang sepatutnya dilupuskan pada tahun 2014 telah dipohon melalui kaedah penswastaan (FASA I) dengan syarikat konsesi kereta saloon kerajaan. Permohonan telah dikemukakan kepada KDN (Bhg. Kewangan) pada MAC, 2014. Lanjutan dari para (3) diatas, permohonan peruntukan penggantian kenderaan MPV baru sebanyak 2500 buah juga telah dipohon secara penswastaan kepada Kementerian Kewangan melalui ABM Tahun 2015.
24.5.1.1.a.ii	Di 5 IPD yang dilawati, sebahagian MPV yang digunakan merupakan perolehan pada tahun 2000 hingga 2005. Analisis Audit mendapati di IPD Timur Laut, sebanyak 24 (42.1%) daripada 57 buah MPV telah mencapai usia melebihi 8 tahun. Manakala di IPD Johor Bahru Selatan, Kota Kinabalu dan Shah Alam sebanyak 59 buah MPV juga telah mencapai usia melebihi 8 tahun pada akhir tahun 2013. Oleh yang demikian, sebanyak 83 (29.9%) unit MPV tersebut telah menjangkau had umur antara 8 hingga 13 tahun dan sepatutnya tidak lagi ekonomik untuk digunakan. Di samping itu, didapati pada tahun 2014 sebanyak 271 (97.5%) daripada 278 buah buah MPV akan melebihi had usia penggunaan yang ekonomik kerana terdapat perolehan sebanyak 188 unit MPV pada tahun 2006.	
24.5.1.1.a.iii	Daripada 43 sampel MPV di 5 IPD, sejumlah RM341,475 telah dibelanjakan untuk pembayaran penyenggaraan dari tahun 2011 hingga 2013. Purata kos penyenggaraan tertinggi bagi sebuah kenderaan adalah di IPD Kota Kinabalu dengan purata penyenggaraan sebuah kenderaan adalah berjumlah RM3,966 setahun antaranya disebabkan 54.5% MPV telah melebihi had usia. Dengan itu, PDRM terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi untuk pembaikan dan penyenggaraan kenderaan tersebut bagi memastikan penugasan anggota	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	berjalan seperti biasa. Di samping itu, penggunaan kenderaan lama tidak dapat memberikan keselesaan dan kemantapan operasi seperti kenderaan baharu.	Masalah kenderaan melebihi had usia telah dibawa ke pengetahuan YAB Perdana Menteri melalui unit PEMANDU JPM dibawah Makmal Mini Modern Policing dengan peruntukan yang dipohon pada tahun 2014 sebanyak RM180juta dan RM150juta pada tahun 2015 untuk penggantian kenderaan lama PDRM termasuk MPV. Permohonan NOC butiran projek baru bagi KDN iaitu perolehan kereta peronda polis yang baru sebanyak 250 buah telah diluluskan oleh EPU JPM dengan menggunakan lebihan peruntukan pembangunan (RMK-10 RP3) sebanyak RM17,500,000.00 pada 19 Jun 2014. Walau bagaimanapun proses perolehan masih belum dilaksanakan kerana menunggu kelulusan perolehan 250 buah Proton Preeve 1.6 liter CVT dari Kementerian Kewangan. Daripada 50 unit Proton Inspira yang diperoleh pada tahun 2011, hanya 14 unit telah digunakan sebagai MPV, manakala baki 36 unit menggantikan kenderaan eskot VVIP (Sultan dan TYT) yang juga menggunkan kenderaan jenis Proton.
24.5.1.1.a.iv	Bahagian Pengangkutan PDRM sering menerima permohonan penambahan dan penggantian kenderaan daripada pihak Kontinjen/Briged/Formasi. Jabatan Logistik, Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman telah mengemukakan sebanyak 5 permohonan bagi perolehan kenderaan MPV dari tahun 2011 hingga 2013 dan hanya satu permohonan iaitu perolehan sebanyak 50 unit Proton Inspira yang diluluskan. Daripada 50 unit Proton Inspira yang diperoleh, hanya 14 unit telah digunakan sebagai MPV. Manakala baki 36 unit adalah untuk menggantikan kenderaan eskot VVIP (Sultan dan TYT) yang juga menggunakan kenderaan jenis Proton. Di samping itu, kertas kerja berhubung masalah kenderaan lama turut dikemukakan kepada Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri untuk dipanjangkan kepada Kementerian Kewangan. Kertas kerja ini dikemukakan bertujuan untuk memaklumkan permasalahan semasa kenderaan operasi PDRM dan cadangan penyelesaiannya. Pada pendapat Audit, PDRM telah mengambil tindakan yang baik dalam usaha untuk menggantikan kenderaan yang melebihi had usia. Di samping itu, penggunaan kenderaan baharu akan dapat meningkatkan motivasi di kalangan anggota MPV jika kenderaan yang digunakan mempunyai prestasi yang baik. Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 26 September 2014 *Perolehan kenderaan baharu PDRM akan dilaksanakan melalui permohonan peruntukan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun yang dijalankan secara Rolling Plan setiap dua tahun bagi Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10). Permohonan yang dikemukakan akan melalui proses pemeriksaan di peringkat KDN sebelum dipanjangkan kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri (JPM). Sejak permulaan RMKe-10 pada tahun 2011, permohonan untuk mendapatkan butiran projek baharu dan peruntukan bagi perolehan kereta peronda polis (MPV) dibuat setiap tahun melalui Sistem Pemantauan Projek II. Bagaimanapun, permohonan tersebut tidak diluluskan atas faktor memberi keutamaan kepada projek lain, kekangan peruntukan pembangunan dan juga ditolak atas dasar penggantian kenderaan baharu perlu dipohon di bawah Anggaran Belanja Mengurus (ABM) Tahunan.* *Pada tahun 2012, di bawah program RMKe-10 (3rd Rolling Plan) tahun 2013–2014, permohonan peruntukan untuk penggantian kereta peronda polis baharu*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	sebanyak 200 buah (RM19.86 juta) telah dipohon kepada EPU JPM tetapi tidak diluluskan. Bagi tujuan permohonan penggantian kenderaan MPV di bawah ABM, pengantian sebanyak 400 buah kenderaan MPV yang sepatutnya dilupuskan pada tahun 2014 telah dipohon melalui kaedah penswastaan (FASA I) dengan syarikat konsesi kereta salun Kerajaan. Permohonan telah dikemukakan kepada KDN (Bhg. Kewangan) pada bulan Mac 2014. Selain daripada itu, permohonan peruntukan penggantian kenderaan MPV baharu sebanyak 2,500 buah juga telah dipohon secara penswastaan kepada Kementerian Kewangan melalui ABM Tahun 2015. *Masalah kenderaan melebihi had usia telah dibawa ke pengetahuan YAB Perdana Menteri melalui Unit PEMANDU JPM di bawah Makmal Mini Modern Policing dengan peruntukan yang dipohon pada tahun 2014 sejumlah RM180 juta dan RM150 juta pada tahun 2015 untuk penggantian kenderaan lama PDRM termasuk MPV. Permohonan Notice of Change butiran projek baharu bagi KDN iaitu perolehan kereta peronda polis yang baharu sebanyak 250 buah telah diluluskan oleh EPU JPM dengan menggunakan lebihan peruntukan pembangunan Rolling Plan 3 sejumlah RM17.50 juta pada 19 Jun 2014. Bagaimanapun, proses perolehan masih belum dilaksanakan kerana menunggu kelulusan perolehan 250 buah Proton Preve 1.6 liter CVT dari Kementerian Kewangan.*	
24.5.1.2.b.i	**Pengurusan Kenderaan Sewaan SPANCO** Pihak Audit telah membuat semakan ke atas penggunaan kenderaan SPANCO berbanding dengan kenderaan yang dibeli oleh pihak Kerajaan dan hasil semakan adalah seperti berikut:- Melalui sewaan MPV dengan SPANCO, proses penyediaan bajet lebih mudah dilakukan. Masalah peruntukan bajet yang tidak mencukupi sama ada untuk penyenggaraan (perolehan alat ganti dan pembaikan) atau penggantian apabila sesebuah kenderaan telah mencapai tempoh tidak menjadi masalah.	PDRM mempunyai sebanyak 3,635 buah kenderaan MPV di seluruh negara melalui perolehan yang dilakukan sendiri oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang mana telah melebihi usia gantian. Bagi tujuan penggantian kenderaan ini, PDRM telah pun mengemukakan permohonan peruntukan penggantian kenderaan MPV baru sebanyak 2500 buah yang dipohon secara penswastaan dengan syarikat Spanco yang mana penjimatan berlaku kerana jumlah kenderaan baru yang diperlukan kurang dari jumlah asal kenderaan yang dilupuskan.
24.5.1.2.b.ii	MPV yang disewa daripada SPANCO telah digunakan semaksimumnya kerana tidak ada sebarang masalah pembaikan atau pertukaran jika berlaku sebarang kerosakan berbanding dengan kenderaan milik pasukan.	
24.5.1.2.b.iii	jumlah MPV yang diganti boleh dikurangkan jika dibandingkan dengan jumlah sedia ada kerana MPV sewaan boleh digunakan secara terus menerus walaupun petugas MPV bertukar ganti mengikut syif. Ini kerana jika berlaku sebarang kerosakan, MPV akan dibaiki dengan cepat oleh SPANCO.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
24.5.1.2.b.iv	jika berlaku kerosakan yang kerap ke atas MPV sewaan, kos bayaran penyenggaraan adalah tetap sama.	
24.5.1.2.b.v	Keadaan fizikal dari segi dalaman dan luaran kenderaan lebih baik daripada kenderaan pasukan. Ini kerana tempoh penggunaan sesebuah kereta adalah untuk tempoh 5 tahun sahaja. Pada pendapat Audit, pengurusan MPV yang disewa daripada SPANCO adalah memuaskan dalam melancarkan operasi harian anggota MPV. Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 26 September 2014 *PDRM mempunyai sebanyak 3,635 buah kenderaan MPV di seluruh negara melalui perolehan yang dilakukan sendiri oleh KDN yang mana telah melebihi usia gantian. Bagi tujuan penggantian kenderaan ini, PDRM telah mengemukakan permohonan peruntukan penggantian kenderaan MPV baharu sebanyak 2,500 buah yang dipohon secara penswastaan dengan SPANCO yang mana penjimatan berlaku kerana jumlah kenderaan baharu yang diperlukan kurang daripada jumlah asal kenderaan yang dilupuskan.*	
24.5.1.3.a	**Tempoh Penggantungan *Mobile Police Vehicle*** Penggantungan kenderaan bermaksud sesebuah kenderaan tersebut tidak bergerak untuk melakukan tugasan disebabkan proses penyenggaraan dan pembaikan. Semakan Audit mendapati tempoh penggantungan MPV di 5 IPD yang dilawati adalah di antara satu hingga 4 minggu yang melibatkan 72 kes, 5 hingga 24 minggu melibatkan 81 kes dan melebihi 45 minggu untuk 4 kes.	Bahagian Pengangkutan PDRM sebenarnya ada menetapkan tempoh untuk kerja pembaikan kenderaan melalui Piagam Pelanggan, yang menyatakan tempoh pembaikan kenderaan rosak adalah bergantung kepada jenis kerosakan dan adanya bekalan alatganti atau mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi maka tempoh pembaikan yang ditetapkan ialah:-
24.5.1.3.b	Semakan Audit terhadap Laporan Mingguan Kenderaan Gantung juga mendapati beberapa kerosakan kecil telah mengambil masa yang lama untuk diperbaiki.	ii – kerosakan kecil – tidak lebih 2 hari kerja ii – kerosakan besar – tidak lebih 20 hari kerja. iii – kerosakan akibat kemalangan – tidak lebih 30 hari kerja.
24.5.1.3.c	Analisis Audit terhadap 192 permohonan penyenggaraan mendapati 33 (17.2%) kes permohonan penyenggaraan untuk memperoleh alat ganti mengambil masa dalam tempoh kurang daripada 10 hari, 30 (15.6%) kes permohonan mengambil masa dalam tempoh 11 hingga 400 hari dan 129 (67.2%) kes perlu melebihi 400 hari. Tempoh penggantungan sesebuah kenderaan disebabkan pelbagai faktor antaranya seperti kekurangan mekanik di bengkel kenderaan PDRM; proses menunggu pesanan tempatan kerana pembaikan kenderaan dilakukan di	Kenderaan MPV yang rosak akan segera dibaiki oleh anggota mekanik di Bengkel Kenderaan PDRM jika cukup alatganti, peralatan atau kepakaran untuk melaksanakannya. Sebaliknya pembaikan tidak dapat dilaksanakan dibengkel PDRM jika keperluan yang dinyatakan tida ada, maka pembaikan akan dibuat di bengkel syarikat tempatan secara *outsourcing*. Pembaikan *outsourcing* memerlukan peruntukan mencukupi sebelum pesanan kerajaan dikeluarkan dan kenderaan yang rosak boleh dihantar ke syarikat untuk dibaiki. Masalah

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	bengkel luar; tempoh pembaikan yang dilakukan di bengkel swasta; kelewatan kerana menunggu alat ganti daripada Stor Material Spesifik (SMS), Shah Alam, Selangor; tempoh menunggu pesanan tempatan bagi pembelian alat ganti tempatan; serta proses menunggu alat ganti daripada pembekal. Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 26 September 2014 *Kenderaan MPV yang rosak atau digantung akan dibaiki di Bengkel Kenderaan PDRM oleh anggota mekanik jika berkemampuan melaksanakannya. Sebaliknya bagi pembaikan yang tidak dapat dilaksanakan di bengkel PDRM atas sebab ketiadaan peralatan atau kepakaran maka pembaikan akan dibuat di bengkel syarikat tempatan secara out sourcing. Bagi pembaikan di bengkel PDRM, alat ganti yang diperlukan akan dipohon dari SMS (Specific Material Store) di Shah Alam atau Stor Jentera di setiap kontinjen negeri. Kelewatan penerimaan alat ganti dari Stor akan menyebabkan kenderaan MPV digantung lama. Stok alat ganti PDRM pula bergantung kepada peruntukan yang diterima, tempoh pembekalan dari pembekal dan juga kewujudan alat ganti di pasaran. Alat ganti yang dibeli pula hanya terhad kepada alat ganti tulen dari pengeluar.* *Berdasarkan semakan yang telah dibuat tempoh penggantungan MPV yang lama adalah disebabkan seperti berikut:-* *i. kelewatan memperoleh alat ganti bagi kerosakan yang berlaku kerana bagi alat ganti yang mudah laris sahaja akan disimpan stok. Bagi kerosakan yang berlaku di luar jangkaan, kerap rosak dan merupakan kerosakan besar, alat ganti yang diperlukan adalah jenis slow moving item di mana memerlukan proses pembelian dan pembekalan yang lama berdasarkan tatacara perolehan dan pengurusan stor semasa.* *ii. terdapat juga kenderaan MPV yang rosak tidak dapat dibaiki di bengkal PDRM dan memerlukan pembaikan secara outsourcing tetapi terus digantung lama kerana menunggu kelulusan peruntukan kewangan bagi tujuan pengeluaran Pesanan Kerajaan. Kenderaan gantung tersebut baru boleh dihantar untuk pembaikan di luar. Ini melibatkan kenderaan yang memerlukan pembaikan besar enjin, gear box, pecah cermin, hawa dingin dan juga terlibat kemalangan jalan raya.* *iii. Terdapat juga kenderaan yang digantung lama sudah tidak berstatus sebagai kenderaan MPV kerana usia penggunaan yang telah melebihi usia*	peruntukan yang tidak mencukupi akan menyebabkan kenderaan MPV rosak akan digantung sehinggalah peruntukan kewangan diterima yang menyebabkan tempoh penggantungan lebih lama. Bagi pembaikan di bengkel PDRM, alatganti yang diperlukan akan dipohon dari SMS (*Specific Material Store*) di Shah Alam atau Stor Jentera disetiap kontinjen negeri. Kelewatan penerimaan alatganti dari Stor akan menyebabkan kenderaan MPV digantung lama. Stok alatganti PDRM pula bergantung kepada peruntukan yang diterima, tempoh pembekalan dari pembekal dan juga kewujudan alatganti di pasaran. Alatganti yang dibeli pula hanya terhad kepada alatganti tulen dari pengeluar sahaja. Berdasarkan semakan yang telah dibuat tempoh penggantungan MPV yang lama (Jadual 6) adalah disebabkan seperti berikut:- i) kelewatan memperolehi alatganti bagi kerosakan yang berlaku kerana bagi alatganti yang mudah laris sahaja akan disimpan stok, sebaliknya kerosakan yang berlaku adalah luar jangkaan, kerap rosak dan merupakan kerosakan besar oleh itu alatganti yang diperlukan adalah *jenis slow moving item* dimana memerlukan proses pembelian dan pembekalan yang lama berdasarkan tatacara perolehan dan pengurusan stor semasa. ii) Terdapat juga kenderaan MPV yang rosak tidak dapat dibaiki dibengkal PDRM dan memerlukan pembaikan secara *outsourcing* tetapi terus digantung lama kerana menunggu kelulusan peruntukan kewangan bagi tujuan pengeluaran pesanan kerajaan (LO), kemudian barulah kenderaan gantung tersebut boleh dihantar untuk pembaikan diluar, ini melibatkan kenderaan yang memerlukan pembaikan besar enjin, gear box, pecah cermin, hawa dingin dan juga kemalangan jalan raya. iii) Terdapat juga kenderaan yang digantung lama (Jadual 6) sudah tidak berstatus sebagai kenderaan MPV kerana usia penggunaan yang telah melebihi usia dan kilometer penggunaan yang tidak ekonomik (rujuk Pekeliling Perbendaharaan Bil.5 tahun 2013). Terdapat kerosakan kecil yang telah mengambil masa yang lama untuk diperbaiki tidak berlaku, sebaliknya kerosakan kecil yang direkodkan dan dilaporkan itu hanya berdasarkan laporan awal pemandu sahaja dan tidak menggambarkan kerosakan sebenar, sebaliknya setelah pemeriksaan susulan dibuat oleh mekanik mendapati terdapat lain-lain kerosakan yang perlu dibaiki. Walau bagaimanapun kerosakan tersebut tidak direkodkan sebagai tambahan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dan kilometer penggunaan yang ekonomik. *Terdapat kerosakan kecil yang telah mengambil masa yang lama untuk diperbaiki tidak berlaku, sebaliknya kerosakan kecil yang direkodkan dan dilaporkan itu hanya berdasarkan laporan awal pemandu dan tidak menggambarkan kerosakan sebenar, sebaliknya setelah pemeriksaan susulan dibuat oleh mekanik mendapati terdapat kerosakan lain yang perlu dibaiki. Bagaimanapun, kerosakan tersebut tidak direkodkan sebagai tambahan kepada kerosakan asal. Atas faktor keselamatan dan ekonomi kenderaan terlibat perlu digantung bagi menunggu penerimaan alat ganti dan seterusnya diuji pandu selepas pembaikan. Ini berlaku kerana kenderaan MPV yang digunakan telah lama, usang dan tidak ekonomi dibaiki. Kenderaan MPV yang masih digunakan melibatkan tahun perolehan bermula dari tahun 1997 hingga 2006.* *Jika penggantian kenderaan baharu tidak diterima dan kenderaan MPV yang sedia ada masih perlu digunakan, maka cadangan penambahbaikan yang sesuai ialah dengan mewujudkan kontrak pembaikan kenderaan MPV di semua peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) dengan syarat peruntukan tambahan disediakan kepada PDRM khusus di bawah vot penyenggaraan, agar pembaikan kenderaan MPV dapat dilaksanakan secara berterusan tanpa perlu menunggu karenah birokrasi. Anggaran nilai kontrak setahun berjumlah RM1 juta diperlukan bagi setiap PTJ dengan keperluan sebenar tertakluk juga kepada bilangan kenderaan MPV di sesebuah kontinjen.* Pada pendapat Audit, penggantungan kenderaan yang terlalu lama akan menjejaskan penugasan operasi harian PDRM. Selain itu, PDRM perlu memastikan semua kerja penyenggaraan dan pembaikan tambahan direkod dengan lengkap dan kemas kini dalam Laporan Mingguan Kenderaan Gantung untuk tujuan rujukan dan pemantauan.	kepada kerosakan asal. Atas faktor keselamatan dan ekonomi kenderaan terlibat perlu digantung bagi menunggu penerimaan alatganti dan seterusnya diuji pandu selepas pembaikan. Ini berlaku kerana kenderaan MPV yang digunakan telah lama, usang dan tidak ekonomik dibaiki. Terdapat kenderaan MPV yang masih digunakan melibatkan perolehan bermula dari tahun 1997 hingga 2006. Jika penggantian kenderaan baru tidak diterima dan kenderaan MPV yang sedia ada masih perlu digunakan, maka cadangan penambahbaikan yang sesuai ialah dengan mewujudkan kontrak pembaikan kenderaan MPV di semua peringkat PTJ dan peruntukan tambahan perlu disediakan kepada PDRM khusus dibawah OS28000, agar pembaikan kenderaan MPV dapat dilaksanakan secara berterusan tanpa perlu menunggu karenah birokrasi. Anggaran nilai kontrak setahun sebanyak RM1juta diperlukan bagi setiap PTJ dengan keperluan sebenar tertakluk juga kepada bilangan kenderaan MPV di setiap kontinjen.
24.5.1.4.a	**Masalah Kekurangan Mekanik** Berdasarkan surat daripada Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 27 Jun 1981 kepada PDRM, norma penugasan mekanik adalah dikira berdasarkan satu mekanik untuk 7 buah kenderaan 4 roda ke atas dan bagi motosikal berat dan ringan, satu mekanik adalah untuk 10 dan 15 buah motosikal. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati perkara berikut:- Bahagian Pengangkutan di semua IPK mempunyai bengkel kenderaan sendiri untuk menjalankan kerja penyenggaraan dan pembaikan kenderaan pasukan. Menurut Laporan Setengah Tahun Bahagian Pengangkutan Tahun 2013, jumlah	Berdasarkan kekuatan kenderaan yang ada sebanyak 22,776 buah, norma jumlah mekanik kepada bilangan kenderaan yang diperlukan ialah seramai 2836 orang berbanding dengan bilangan perjawatan yang ada sebanyak 1533. Jumlah perjawatan mekanik yang telah diisi sehingga Januanri 2014 ialah sebanyak 1400 orang sahaja. Jumlah kekosongan bagi perjawatan sedia ada sebanyak 133 orang. Secara keseluruhannya berdasarkan norma mekanik dengan kekuatan kenderaan PDRM sebanyak 1303 perjawatan masih diperlukan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	kekuatan sedia ada anggota mekanik telah berkurangan berbanding dengan perjawatan kerana persaraan anggota yang tidak diisi dengan mekanik baharu.	Beban kerja mekanik di peringkat IPD/IPK pada masa kini adalah terlalu tinggi. Selain menjalankan tugas-tugas penyenggaraan dan pembaikan kenderaan di bengkel, mekanik PDRM juga turut ditugaskan membuat tugas-tugas am kepolisan seperti rondaan jenayah, sekatan jalanraya dan operasi kepolisan yang diarahkan oleh pegawai pemerintah dari semasa ke semasa. Bahagian Pengangkutan PDRM akan menguruskan pengambilan bagi mengisi kekosongan yang wujud di kalangan anggota sedia ada dan pelatih-pelatih yang tamat Kursus Asas Kepolisan dari pusat-pusat latihan yang mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia dalam bidang Mekanik Kenderaan motor untuk diserapkan sebagai anggota mekanik.
24.5.1.4.b	Beban kerja mekanik adalah tinggi disebabkan kekurangan mekanik di setiap bengkel. Beban kerja tersebut tidak termasuk kenderaan rosak yang memerlukan pembaikan yang tiada dalam jadual senggaraan bulanan. Selain itu, anggota bengkel yang bertugas sebagai penyelia atau membuat tugasan berkaitan dokumentasi telah mengurangkan lagi jumlah sebenar anggota yang membuat kerja bengkel.	
24.5.1.4.c	Semakan Audit selanjutnya mendapati peratusan kekurangan anggota mekanik di 5 IPK/IPD yang dilawati adalah di antara 49.1% hingga 77.8% atau kekurangan antara 26 hingga 78 orang) daripada norma kerja yang ditetapkan. Dari segi beban kerja pula, mekanik yang bekerja di IPK Negeri Johor mempunyai beban kerja yang tertinggi kerana terdapat sebanyak 78 kekosongan perjawatan jika mengambil kira norma kerja yang telah ditetapkan.	
24.5.1.4.d	Sehingga 31 Disember 2013, PDRM mempunyai kekuatan perjawatan mekanik seramai 1,531 di mana sebanyak 1,383 (90.3%) perjawatan mekanik dan penyelia telah diisi dengan kekosongan sebanyak 148 (9.7%) perjawatan. Bagaimanapun, jumlah kemasukan mekanik baharu masih tidak dapat menampung kekosongan perjawatan yang ada dalam masa terdekat. Analisis Audit mendapati kekosongan jawatan yang masih belum diisi di seluruh negara antaranya 9 jawatan Sub Inspektor, 11 jawatan Sarjan Mejar dan 25 jawatan Sarjan.	
24.5.1.4.e	Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar tidak dapat menganjurkan Kursus Asas Mekanik pada tahun 2010 dan 2011 disebabkan peruntukan kewangan yang terhad. Di samping itu, penghantaran anggota mekanik berkursus di institusi latihan luar juga telah diberhentikan pada tahun 2011 kerana kekangan kewangan. Bagaimanapun, mengikut Perancangan Sumber Manusia Tahun 2013, anggota baharu yang mempunyai kelayakan teknikal Sijil Kemahiran Mekanikal (SKM) akan diserap dan kursus asas mekanik kenderaan secara berterusan akan diadakan di Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar.	
24.5.1.4.f	Penyenggaraan kenderaan di IPD Timur Laut dan IPD Johor Bahru Selatan dilakukan di IPK masing-masing kerana di IPD tersebut tidak mempunyai bengkel. Terdapat 5 buah bengkel di bawah IPK Pulau Pinang, 11 buah bengkel di bawah IPK Johor, 15 buah bengkel di bawah IPK Sabah dan 14 buah bengkel di bawah IPK Selangor. Semakan Audit selanjutnya mendapati kekosongan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	perjawatan mekanik berlaku di IPK Pulau Pinang, IPK Johor dan di IPK Selangor. Pada pendapat Audit, pihak PDRM perlu memohon pertambahan perjawatan atau membuat penyusunan tugas dengan memberi perhatian terhadap beban kerja berbanding dengan bilangan mekanik yang dapat melaksanakan tugasnya sepenuh masa bagi memastikan perkhidmatan bengkel dapat dilaksanakan dengan cepat, cekap dan berkesan. Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 26 September 2014 *Berdasarkan kekuatan kenderaan yang ada, norma jumlah mekanik kepada bilangan kenderaan yang diperlukan ialah seramai 2,836 orang berbanding bilangan perjawatan yang ada seramai 1,533 orang. Jumlah perjawatan mekanik yang telah diisi sehingga bulan Januari 2014 ialah seramai 1,400 orang sahaja. Jumlah kekosongan bagi perjawatan sedia ada seramai 133 orang. Secara keseluruhannya berdasarkan norma mekanik dengan kekuatan kenderaan PDRM sebanyak 1,303 perjawatan masih diperlukan.* *Beban kerja mekanik di peringkat IPD/IPK pada masa kini adalah terlalu tinggi. Selain menjalankan tugas penyenggaraan dan pembaikan kenderaan di bengkel, mekanik PDRM juga turut ditugaskan membuat tugasan am kepolisan seperti rondaan jenayah, tugas sekatan jalanraya dan operasi kepolisan yang diarahkan oleh pegawai pemerintah dari semasa ke semasa.*	
24.5.2.1.a	**Pengurusan Motosikal Unit Rondaan Bermotosikal URB - Perolehan Motosikal Unit Rondaan Bermotosikal - Pengurusan Kontrak** Perolehan motosikal Kawasaki Ninja 250 telah dilakukan melalui kaedah rundingan terus dengan syarikat Kawasaki Motor (M) Sdn. Bhd. dan dilakukan di peringkat Kementerian Dalam Negeri. Surat Setuju Terima telah dikeluarkan pada bulan November 2012 dan perjanjian telah ditandatangani pada hari yang sama dan bon pelaksanaan telah dikemukakan oleh syarikat pembekal dalam tempoh yang telah ditetapkan. Pembekalan motosikal telah dibuat melalui 2 fasa iaitu sebanyak 560 unit motosikal telah dibekalkan pada bulan Disember 2012 dan baki 440 unit telah dibekalkan pada bulan Mac 2013.	Syarikat Kawasaki Motor (M) Sdn. Bhd.yang telah hadir semasa Mesyuarat *Exit Conference* di KDN pada 5 Sepetmber 2014, telah bersetuju untuk membaik pulih bahagian aksesori motosikal yang berkarat dengan menggunakan bahan *rusty remover* dan seterusnya menyapu bahan pencegah karat (*anti-rust*) untuk mengelakkan bahagian terlibat berkarat semula. Bagi tujuan penambahbaikan, perolehan motosikal di masa hadapan akan menggunakan aksesori dari bahan yang tahan karat contohnya *stainless steel* dan pihak KDN telah mengambil maklum akan keperluan spesifikasi aksesori motosikal yang dibekalkan perlu dinyatakan dengan jelas dalam dokumen perjanjian kontrak yang dikeluarkan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
24.5.2.1.b	**Spesifikasi Aksesori Tambahan** Pihak Audit telah menjalankan semakan fizikal ke atas 50 sampel motosikal di 5 IPD yang dilawati dan mendapati kotak simpanan barang dan juga lampu di bahagian aksesori semua motosikal tersebut telah berkarat. Tempoh penggunaan motosikal tersebut sehingga tarikh pengauditan adalah antara 9 hingga 12 bulan sahaja dan tempat penyimpanan motosikal adalah bersesuaian iaitu ianya disimpan di bawah tempat meletak kenderaan yang berbumbung. Bagaimanapun, masalah kotak simpanan barang dan lampu di bahagian aksesori yang berkarat masih berlaku. Semakan Audit selanjutnya terhadap kontrak perolehan motosikal URB mendapati tidak terdapat sebarang spesifikasi aksesori tambahan seperti dinyatakan di dalam Lampiran A pada kontrak tersebut. Pada pendapat Audit, pihak pengurusan PDRM perlu memastikan aksesori tambahan yang dibekalkan oleh pihak pembekal mempunyai spesifikasi yang lengkap dan dinyatakan di dalam kontrak bagi memastikan motosikal yang dibekalkan adalah berkualiti mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 26 September 2014 *Syarikat Kawasaki Motor (M) Sdn. Bhd. telah bersetuju untuk membaik pulih bahagian aksesori motosikal yang berkarat dengan menggunakan bahan rusty remover dan seterusnya menyapu bahan pencegah karat (anti-rust) untuk mengelakkan bahagian terlibat berkarat semula. Bagi tujuan penambahbaikan, perolehan motosikal di masa hadapan akan menggunakan aksesori dari bahan yang tahan karat contohnya stainless steel dan pihak KDN telah mengambil maklum akan keperluan spesifikasi aksesori motosikal yang dibekalkan perlu dinyatakan dengan jelas dalam dokumen perjanjian kontrak yang dikeluarkan.* Maklum Balas Daripada Kawasaki Motors (Malaysia) Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 25 September 2014 *Pemeriksaan yang dilakukan mendapati karat yang berlaku adalah di luaran atau di permukaan (surface) sahaja. Ini berlaku mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti kelembapan, cuaca, tempat simpanan, penjagaan dan penggunaan. Bagaimanapun, langkah susulan untuk penambahbaikkan telah diambil dengan membuat pembersihan ke atas bahagian yang berkarat. Setelah pembersihan dilakukan bahagian tersebut akan disapu dengan bahan*	

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td></td><td>pencegah karat. Kerja penambahbaikkan ini telah pun bermula pada awal bulan September 2014 dan dijangka selesai dalam jangka masa 2 atau 3 bulan kerana memerlukan masa untuk melakukan kerja penambahbaikkan bagi kesemua motosikal URB yang terlibat. Syarikat juga amat komited dengan kerja penambahbaikkan ini dan akan membuat pemantauan yang berterusan dari semasa ke semasa.</td><td></td></tr>
<tr><td>24.5.2.2</td><td>Pencapaian Outcome Projek

Semakan Audit terhadap statistik kejayaan membanteras jenayah di 5 IPD yang dilawati mendapati secara keseluruhannya penubuhan URB telah menyumbang kepada pencapaian objektif dalam membanteras dan seterusnya mengurangkan kadar jenayah. Berdasarkan laporan indeks jenayah yang diperoleh daripada 5 IPD dilawati, pihak Audit telah membuat analisis indeks jenayah di kawasan URB ditempatkan dan mendapati indeks jenayah di kawasan URB ditempatkan telah menurun berbanding tahun sebelumnya kecuali di kawasan Sg. Way, Selangor.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya objektif penubuhan URB untuk mempertingkatkan tahap keselamatan di tempat awam khasnya di kawasan perumahan telah tercapai. Ini secara tidak langsung akan mewujudkan perasaan selamat di kalangan masyarakat.

Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 26 September 2014

Kawasan Sri Saujana telah mencatatkan penurunan kadar jenayah daripada 44 kes pada tahun 2013 kepada 14 kes sehingga bulan Ogos 2014. Manakala Dataran Mentari yang terletak di bawah kawasan Sg. Way adalah bersifat premis komersil dan telah menyumbang kepada peningkatan kadar jenayah disebabkan oleh kawasan yang luas dengan lorong yang banyak. Kes yang berlaku adalah ragut, samun jalanan dan kejadian pecah pejabat. Di dalam kawasan Dataran Mentari juga terdapat rumah pangsa kos rendah yang mempunyai 8 blok utama dan kejadian jenayah yang kerap berlaku di sini adalah curi motosikal. Jenayah curi motosikal ini telah meningkatkan kadar jenayah kawasan Sg. Way. Sehubungan itu, walaupun penugasan URB kerap difokuskan kepada rondaan taman perumahan, patrolmen URB turut diarahkan menjalankan rondaan secara kerap dengan mengambil maklumat daripada penduduk untuk mencegah dan membanteras jenayah. Jumlah Indeks Jenayah 2012 hingga 2013 meningkat 107 kes manakala Jumlah Indeks 2013</td><td>Peningkatan kadar jenayah di kawasan berikut :-

a) Sri Saujana / Maccalum, IPD Timur Laut, Pulau Pinang

Dalam lawatan audit telah mengambilkira statistik jenayah di kawasan Sri Saujana / Maccalum, IPD Timur Laut, Pulau Pinang. Manakala rondaan Patrolmen URB yang telah ditetapkan adalah di kawasan Sri Saujana. Kawasan Sri Saujana adalah merupakan kawasan rumah pangsa. Semakan yang dibuat berdasarkan kajian Januari hingga Ogos 2012, 2013 dan 2014 menunjukkan penurunan kadar jenayah berlaku. Dicatatkan juga tidak berlaku sebarang kes pecah rumah dalam kawasan ini.

Statistik kadar jenayah indeks kawasan Sri Saujana/Maccalum (sebelum semakan)

<table>
<tr><th>Kawasan</th><th>2012 Bilangan Kes</th><th>2013 Bilangan Kes</th><th>Meningkat/ (Menurun)</th></tr>
<tr><td>Sri Saujana dan Maccalum</td><td>30</td><td>44</td><td>14</td></tr>
</table></td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr>
<td></td>
<td>berbanding 2014 menurun sebanyak 17 kes. Kejadian pecah rumah tahun 2012 berbanding 2013 mencatat kenaikan 40 kes dan bagi tahun 2013 berbanding 2014 mula menurun sebanyak 10 kes.</td>
<td>
Statistik terkini (Januari hingga Ogos 2012, 2013 dan 2014) setelah semakan dibuat oleh JPJKK
<table>
<tr><th>Kawasan</th><th>2012 Bilangan Kes</th><th>2013 Bilangan Kes</th><th>2014 Bilangan Kes</th></tr>
<tr><td>Sri Saujana</td><td>14</td><td>14(0)</td><td>11(-3)</td></tr>
<tr><td>Maccalum</td><td>37</td><td>40(+3)</td><td>29(-11)</td></tr>
</table>
Tiada sebarang kes pecah rumah di lokasi kawasan rondaan
b) Sg Way, IPD Petaling Jaya, Selangor
Dataran Mentari yang terletak di bawah kawasan Sg Way ini adalah bersifat premis komersil dan telah menyumbang kepada peningkatan kadar jenayah di kawasan Sg Way disebabkan oleh kawasannya yang luas dengan lorong yang banyak. Kes yang berlaku adalah ragut, samun jalanan dan kejadian pecah pejabat. Di dalam kawasan Dataran Mentari ini juga terdapat rumah pangsa kos rendah yang mempunyai 8 blok utama dan kejadian jenayah yang kerap berlaku di sini adalah curi m/sikal. Jenayah curi m/sikal ini telah meningkatkan kadar jenayah kawasan Sg Way. Sehubungan itu, walaupun penugasan URB kerap difokuskan kepada rondaan taman perumahan, dengan peningkatan kadar jenayah di kawasan Sg Way ini, patrolman URB turut diarahkan menjalankan rondaan secara kerap dengan mengambil maklumat daripada penduduk untuk mencegah dan membanteras jenayah.
Statistik kadar jenayah indeks kawasan Dataran Mentari, Sg Way, Petaling Jaya, Selangor.
<table>
<tr><th>Kategori Jenayah</th><th>2012 Bilangan Kes</th><th>2013 Bilangan Kes</th><th>Meningkat/ (Menurun)</th></tr>
<tr><td>Jenayah Kekerasan</td><td>9</td><td>11</td><td>2</td></tr>
<tr><td>Jenayah Harta Benda</td><td>20</td><td>34</td><td>14</td></tr>
<tr><td>Jumlah</td><td>29</td><td>45</td><td>16</td></tr>
</table>
Statistik terkini (Januari hingga Ogos 2012, 2013 dan 2014) setelah semakan dibuat oleh JPJKK.
</td>
</tr>
</table>

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>Jumlah Indeks 2012 hingga 2013 menaik 107 kes manakala Jumlah Indeks 2013 berbanding 2014 menurun sebanyak 17 kes. Kejadian pecah rumah tahun 2012 berbanding 2013 mencatat kenaikan 40 kes dan bagi tahun 2013 berbanding 2014 mula menurun sebanyak 10 kes.
<table>
<tr><th>Kategori Jenayah</th><th>2012 Bilangan Kes</th><th>2013 Bilangan Kes</th><th>2014 Bilangan Kes</th></tr>
<tr><td>Jenayah Indeks</td><td>296</td><td>403(+107)</td><td>386(-17)</td></tr>
<tr><td>Pecah rumah</td><td>28</td><td>68(+40)</td><td>58(-10)</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>24.5.2.3</td><td>Penyenggaraan Motosikal URB

Arahan Teknikal Pengangkutan No. 370 Penyenggaraan Kenderaan Pasukan (Pol. 198 Pin 1/98) mendefinisikan Penyenggaraan Am sebagai penyenggaraan berkala bulanan yang perlu dibuat ke atas kenderaan pasukan mengikut jadual yang ditetapkan seperti dalam Pol. 199. Semakan Audit terhadap Pol. 198 Pin 1/98 bagi 10 sampel kenderaan yang dipilih di setiap IPD yang dilawati mendapati terdapat anggota URB yang gagal menghantar motosikal mereka untuk dibuat penyenggaraan di bengkel IPK/IPD masing-masing selepas tamat tempoh penyenggaraan percuma oleh pembekal. Analisis Audit mendapati IPD Timur Laut, Pulau Pinang mencatatkan jumlah anggota yang tertinggi gagal hadir untuk penyenggaraan bulanan yang telah ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pihak IPD perlu mengambil tindakan ke atas anggota yang gagal menghantar motosikal untuk dibuat penyenggaraan tanpa alasan yang munasabah.

Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 26 September 2014

PDRM mengakui teguran dan mengambil maklum akan pemerhatian Audit. PDRM akan memastikan perkara yang sama tidak berulang. Semua Pegawai Pengangkutan dan Penyelia URB yang terlibat telah dimaklumkan untuk hadir setiap bulan ke bengkel pengangkutan PDRM bagi tujuan penyaraan walaupun belum mencapai perbatuan yang ditetapkan oleh pengeluar. Semua pengguna motosikal URB terlibat yang gagal hadir penyenggaraan bulanan bagi bulan Julai hingga Disember 2013 telah diberikan “Surat Teguran” dan pemantauan akan dibuat dari masa ke semasa pada masa akan datang.</td><td>Anggota URB di IPD Shah Alam dan Petaling Jaya telah menghantar motosikal mereka untuk disenggarakan oleh pihak syarikat pada bulan Februari 2013 iaitu lewat sebulan dari tarikh yang dijadualkan. Kelewatan ini hanya berlaku pada peringkat awal penyenggaraan sahaja kerana mereka masih dalam peringkat penyesuaian dan penyelarasan dengan syarikat, sebaliknya sebahagian besar motosikal URB dari IPD berkenaan telah dibuat penyenggaraan kedua dan ketiga mengikut jadual berdasarkan selang masa 3 bulan dari tarikh sebenar penyenggaraan pertama (Februari kepada Mei) dan bukan dikira dari tarikh pertama penyenggaraan yang dijadualkan (Januari kepada Mac).

Pada peringkat permulaan URB ditubuhkan tiada perjawatan diwujudkan dan anggota yang digunakan adalah secara pusingan tugas dari unit-unit lain dan ini menyebabkan beberapa motosikal yang ada tidak diserahkan kepada anggota secara tetap dan menyebabkan kelewatan dari segi penjadualan tugas kepada mereka termasuk untuk hadir tugas penyenggaraan di syarikat.

Semua penyelia URB telah dipertanggungjawabkan untuk mengatur dan memaklumkan jadual penyenggaraan motosikal URB kepada semua anggota mereka pada setiap awal bulan. Anggota URB yang gagal hadir penyenggaraan akan diminta memberi penjelasan berhubung kegagalan mereka dan tindakan sewajarnya akan diambil bagi mereka yang gagal hadir penyenggaraan.

Kelewatan pihak syarikat memberi perkhidmatan penyenggaraan di IPD TL, JB dan KK adalah disebabkan oleh pihak syarikat kawasaki lewat menerima senarai pengagihan sebenar motosikal URB mengikut pecahan Ibu Pejabat Polis Daerah. Kerja penyenggaraan motosikal URB di luar lembah Klang dilaksanakan secara on site maintenance iaitu di bengkel-bengkel pengangkutan</td></tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		PDRM sendiri yang mana mekanik, peralatan dan alatganti adalah daripada pihak syarikat kawasaki yang akan pergi ke setiap bengkel yang telah dijadualkan untuk penyenggaraan. Walau bagaimanapun pihak syarikat kawasaki akan memastikan perkara yang sama tidak akan berulang. PDRM mengakui teguran dan mengambil maklum akan pemerhatian audit. PDRM akan memastikan perkaran yang sama tidak berulang. Semua Pegawai Pengangkutan dan Penyelia URB yang terlibat telah dimaklumkan untuk hadir setiap bulan ke bengkel pengangkutan PDRM bagi tujuan penyaraan walaupun belum mencapai perbatuan yang ditetapkan oleh pengeluar. Semua pengguna motosikal URB terlibat yang gagal hadir penyenggaraan bulanan bagi bulan Julai hingga Disember 2013 telah diberikan "Surat Teguran" dan pemantauan akan dibuat dari masa ke semasa pada masa akan datang.
24.5.4.1	**Penilaian Tahap Kepuasan Anggota** Pihak Audit telah mengedarkan sebanyak 144 borang soal selidik kepada anggota URB dan sebanyak 250 borang soal selidik kepada anggota MPV dan URB di IPD Timur Laut, Johor Bahru Selatan, Kota Kinabalu, Shah Alam dan Petaling Jaya. Pengedaran borang soal selidik ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas mengenai tahap kepuasan anggota terhadap kualiti perkhidmatan Bahagian Pengangkutan, PDRM. Analisis Audit terhadap 394 (100%) maklum balas yang diterima antaranya mendapati perkara seperti berikut:- a. secara keseluruhannya, anggota MPV dan URB bersetuju dengan beberapa perkara antaranya berkaitan dengan tempoh menunggu giliran untuk penyenggaraan, modul latihan yang disediakan/dilaksanakan, tempoh latihan yang disediakan/dilaksanakan, tempat/kemudahan latihan dan modul latihan yang diberikan berkaitan dengan tugas sekarang; b. sebanyak 64.1% anggota MPV dan 53.6% anggota URB telah memberikan penarafan tidak memuaskan berhubung dengan tempoh mendapatkan alat ganti kenderaan. Keadaan ini menyebabkan kelewatan dalam pembekalan alat ganti MPV dan motosikal URB; c. sebanyak 45.9% anggota MPV dan 36.9% anggota URB telah memberikan penarafan tidak memuaskan bagi isu tempoh aduan diambil tindakan; dan	PDRM telah mengambil tindakan terhadap maklum balas dan cadangan penambahbaikan yang diutarakan oleh anggota MPV dan URB. Antara tindakan yang telah diambil adalah:- i. menghantar kenderaan yang mengalami kerosakan serius seperti *overhaul* injin, *gear-box*, kemalangan dan sebagainya ke bengkel swasta dengan menggunakan peruntukan kewangan yang sedia ada; dan ii. mengeluarkan arahan kepada Pegawai Turus URB Kontinjen untuk mengemukakan permohonan membaiki motosikal URB yang mengalami permasalahan kepada Bahagian Bengkel Pengangkutan bagi tujuan pembaikan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	d. masalah kekurangan mekanik telah diberikan penarafan tidak memuaskan oleh 37.7% anggota MPV dan 41.0% anggota URB.	
24.5.4.3	Pihak Audit turut menerima beberapa maklum balas penambahbaikan daripada anggota MPV dan URB. Antara cadangan penambahbaikan oleh anggota MPV adalah menswastakan bengkel kenderaan pasukan, mewujudkan bengkel di setiap daerah bagi memudahkan pembaikan, menambah anggota mekanik dan penyenggaraan hendaklah dilakukan dengan segera termasuk menukar alat ganti. Manakala antara cadangan penambahbaikan daripada anggota URB adalah penambahbaikan spesifikasi aksesori supaya tugas Polis lebih efisien, menyediakan kenderaan yang lebih sesuai untuk rondaan di kawasan perumahan, memperluaskan kawasan rondaan dan menyediakan mekanik terlatih untuk motosikal URB. Pada pendapat Audit, Bahagian Pengangkutan, Jabatan Logistik dan JPPJ perlu mengkaji penambahbaikan perkhidmatan dan kemudahan yang telah dicadangkan oleh anggota MPV dan URB. Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 26 September 2014 *PDRM telah mengambil tindakan terhadap maklum balas dan cadangan penambahbaikan yang diutarakan oleh anggota MPV dan URB. Antara tindakan yang telah diambil adalah:-* *i. menghantar kenderaan yang mengalami kerosakan serius seperti overhaul injin, gear-box, kemalangan dan sebagainya ke bengkel swasta dengan menggunakan peruntukan kewangan yang sedia ada; dan* *ii. mengeluarkan arahan kepada Pegawai Turus URB Kontinjen untuk mengemukakan permohonan membaiki motosikal URB yang mengalami permasalahan kepada Bahagian Bengkel Pengangkutan bagi tujuan pembaikan.*	

(PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN)

KEMENTERIAN KEWANGAN

Perenggan 25 : Pengurusan Terhadap Prestasi Kewangan Dan Pengawasan Syarikat Kerajaan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
25.5.2.1	**Margin Keuntungan Kasar** Keuntungan kasar adalah hasil jualan tolak kos operasi secara langsung kepada pengeluaran atau pembelian barangan. Keuntungan kasar adalah penting untuk menunjukkan operasi utama syarikat adalah kukuh, sihat dan berdaya saing. Pada umumnya, keuntungan kasar juga digunakan untuk menentukan harga produk dan perkhidmatan di samping menjadi faktor asas utama bagi membuat belanjawan dan anggaran tahunan syarikat.	Penjelasan ke atas maklum balas SPK bertarikh 17 Julai 2014 ialah syarikat Kerajaan yang mempunyai obligasi sosial kepada rakyat serta tidak bermotifkan keuntungan tidak dibenarkan untuk mengenakan caj perkhidmatan yang tinggi.
25.5.2.2	Bagi tahun kewangan 2012, purata margin keuntungan kasar adalah 34.2%. Bagaimanapun, analisis Audit selanjutnya mendapati margin keuntungan kasar bagi 14 (22.6%) daripada 62 syarikat pada kadar 15% dan ke bawah. Didapati juga 4 daripada 15 syarikat di bawah sektor komersil yang beroperasi mempunyai untung kasar 15% dan ke bawah walaupun secara keseluruhannya mencatatkan peratusan margin untung kasar dari 37.3% hingga 60.9%. Selain itu, sektor sosial mempunyai margin keuntungan kasar yang rendah bagi tahun 2012 iaitu 2.8%, namun terdapat juga syarikat di bawah sektor sosial memperolehi margin keuntungan kasar pada kadar 6.2% hingga 7.5%. Maklum Balas SPK Semasa Bertarikh 17 Julai 2014 *Syarikat yang tidak bermotifkan keuntungan tidak dibenarkan mengenakan caj yang tinggi seperti IWK dan Prasarana.*	
25.5.5.1	**Kos Tidak Langsung** Kos tidak langsung adalah kos yang tidak terlibat dalam menghasilkan keuntungan kasar berkaitan aktiviti utama syarikat seperti kos pentadbiran, kakitangan, pengurusan dan kewangan. Kos tidak langsung hendaklah sentiasa dikawal agar keuntungan bersih syarikat terjamin. Analisis Audit terhadap tahun kewangan 2012 mendapati kos tidak langsung bagi 38 (61.3%) daripada 62	Bersetuju dengan dapatan Audit seperti di perenggan 25.5.5.1 dan 25.5.5.2.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	syarikat telah melebihi keuntungan kasar syarikat di antara 0.5% hingga 476.4% dan ianya boleh memberi implikasi terhadap risiko syarikat merekodkan kerugian bersih sebelum cukai.	
25.5.5.2	Analisis mengikut sektor terhadap keuntungan sebelum cukai syarikat tersebut mendapati, 33.3% hingga 100% syarikat telah mengalami kerugian sebelum cukai bagi tahun kewangan 2012 berjumlah RM1,278.53 juta. Bagi syarikat yang tidak mengalami kerugian pula, keuntungan diperoleh melalui sumbangan dari pendapatan lain syarikat. Antara 3 syarikat yang mempunyai peratus nisbah kos tidak langsung berbanding keuntungan kasar tertinggi iaitu di antara 412.1% hingga 476.4% bagi tahun kewangan 2012.	
25.5.6.1	**Pegangan Aset** Dalam perakaunan kewangan, aset adalah sumber syarikat yang mampu dimiliki atau dikawal untuk menghasilkan nilai ekonomi dan terbahagi kepada aset tetap dan aset semasa. Ia terdiri daripada hartanah dan peralatan, pelaburan dalam syarikat subsidiari dan bersekutu, inventori, penghutang, tunai dan simpanan tetap. Secara keseluruhannya, jumlah pegangan aset bagi tahun 2011 telah meningkat sejumlah RM103.119 bilion (16.5%) berbanding tahun 2010 dan meningkat kepada RM748.998 bilion (3.1%) pada tahun 2012 berbanding tahun 2011. Petroliam Nasional Berhad adalah merupakan syarikat Kerajaan yang mempunyai aset terbesar iaitu RM488.308 bilion.	Bersetuju dengan dapatan Audit seperti di perenggan 25.5.6.1 dan 25.5.6.2.
25.5.6.2	Semakan Audit selanjutnya mendapati 28 (45.2%) daripada 62 syarikat telah menunjukkan peningkatan pegangan aset untuk 3 tahun berturut-turut, manakala 11 syarikat (17.7%) mengalami penurunan secara berterusan bagi tempoh yang sama.	
25.5.9.1	**Liabiliti Syarikat** Liabiliti adalah hutang dan obligasi perniagaan yang mereka wakili sebagai tuntutan pemiutang atas aset perniagaan. Liabiliti semasa dan liabiliti jangka panjang syarikat Kerajaan antaranya terdiri daripada overdraf, pemiutang, deposit, pendahuluan dan pinjaman. Adalah didapati liabiliti bagi syarikat Kerajaan secara keseluruhannya menunjukkan peningkatan sejumlah RM5.025 bilion (1.3%) kepada RM391.458 bilion pada tahun 2012 berbanding RM386.433 bilion pada tahun 2011. Pada tahun 2012, syarikat Kerajaan di bawah sektor strategik mempunyai liabiliti tertinggi berjumlah RM270.524 bilion dan diikuti syarikat di bawah sektor SPV yang berjumlah RM51.648 bilion.	Bersetuju dengan dapatan Audit di perenggan 25.5.9.1, 25.5.9.2, 25.5.9.3 dan 25.5.9.4.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
25.5.9.2	Semakan Audit selanjutnya mendapati liabiliti bagi 19 syarikat (30.6%) telah meningkat 3 tahun berturut-turut. Sebaliknya 15 syarikat (24.2%) menunjukkan penurunan liabiliti. Semakan Audit selanjutnya mendapati antara 3 syarikat yang mempunyai liabiliti tertinggi bagi tahun kewangan 2012 adalah seperti Petroliam Nasional Berhad, Khazanah Nasional Berhad dan Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	
25.5.9.3	Sejumlah besar daripada liabiliti jangka panjang syarikat adalah merupakan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Analisis Audit mendapati sebanyak 19 syarikat (30.6%) mempunyai pinjaman yang diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan yang mempunyai baki pinjaman belum selesai pada akhir tahun kewangan 2012 berjumlah RM18.136 bilion berbanding tahun 2011 berjumlah RM13.377 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM4.759 bilion (35.6%). Pinjaman belum selesai tersebut merupakan baki bayaran balik pinjaman secara berjadual.	
25.5.9.4	Selain itu, didapati 3 syarikat menunjukkan peningkatan baki pinjaman pada tahun 2012 berbanding tahun 2011. Manakala 9 syarikat menunjukkan penurunan pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 manakala 7 syarikat tidak berubah. Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) mempunyai baki pinjaman belum selesai tertinggi bagi tahun kewangan 2012 iaitu RM4.957 bilion dan diikuti dengan Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. yang berjumlah RM3.279 bilion.	
25.5.10.1	**Dana Pemegang Saham** Dana Pemegang Saham merupakan modal yang dilaburkan oleh pemegang saham dan keuntungan/kerugian terkumpul syarikat. Prestasi sebuah syarikat dianggap baik sekiranya ia berjaya meningkatkan dana pemegang saham secara berterusan. Berdasarkan analisis, 36 (58.1%) daripada 62 syarikat menunjukkan peningkatan dana pemegang saham bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 manakala 11 syarikat (17.7%) mengalami penurunan dana secara berterusan. Bagaimanapun, semakan selanjutnya mendapati bagi sektor komersil yang mencatatkan peningkatan dana pemegang saham, namun masih terdapat syarikat yang merekodkan dana pemegang saham yang negatif. Bagi sektor sosial pula semakan terhadap dana pemegang saham menunjukkan trend yang menurun walaupun mencatat kedudukan dana yang positif.	Bersetuju dengan dapatan Audit seperti di perenggan 25.5.10.1 dan 25.5.10.2.
25.5.10.2	Analisis Audit selanjutnya mendapati 6 syarikat (9.7%) telah mengalami ketidakcukupan dana pemegang saham bagi tempoh 3 tahun berturut-turut. Jumlah ketidakcukupan dana bagi syarikat yang terlibat telah menurun daripada RM5.141 bilion pada tahun 2010 kepada RM5.002 bilion pada tahun 2011, seterusnya menurun kepada RM4.895 bilion pada tahun 2012. Syarikat yang	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	terlibat adalah Malaysia Debt Ventures Bhd., Piramid Pertama Sdn. Bhd., Perwaja Terengganu Sdn. Bhd., Keretapi Tanah Melayu Berhad, 1Malaysia Sukuk Global Bhd. dan Assets Global Network Sdn. Bhd.	
25.5.12.1.a	**Pemantauan Pengurusan Syarikat Oleh Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan - Laporan Portfolio Pelaburan Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan** Laporan Portfolio secara suku tahunan bagi tahun 2013 disediakan oleh Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan (SPK) untuk dikemukakan kepada Menteri Kewangan Ke-2 bagi melaporkan prestasi keseluruhan Syarikat Kerajaan yang meliputi syarikat-syarikat dengan pegangan melebihi 50% saham. Dari semakan laporan bagi tahun 2013 yang dikemukakan oleh SPK, pihak Audit mendapati syarikat-syarikat di bawah SPK tidak mengemukakan laporan suku tahunannya secara tetap seperti arahan dan terdapat 25 syarikat yang langsung tidak menghantar laporan suku tahunan bagi tahun 2013. Peratus laporan yang dikemukakan adalah antara 33% hingga 57%. Maklum Balas SPK Bertarikh 10 Julai 2014 *Bermula tahun 2011, BSPK menyediakan dua (2) jenis laporan kepada YB Menteri Kewangan II, iaitu Laporan Portfolio Pelaburan Tahunan dan Laporan Prestasi Suku Tahunan atau Quarterly Financial Performance Snapshots.* *Laporan Portfolio Pelaburan Tahunan adalah berdasarkan kedudukan kewangan/bukan kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember setiap tahun yang melibatkan semua syarikat yang mempunyai pegangan MKD. Bagi pegangan syarikat yang telah dilupuskan oleh MKD, laporan berhubung syarikat tersebut akan dikeluarkan dan tidak akan dilaporkan. Bagi tahun 2012, terdapat 100 buah syarikat pegangan MKD.* *Laporan Prestasi Kewangan Suku Tahunan atau Quarterly Financial Performance Snapshots pula tertumpu kepada syarikat pegangan majoriti MKD dan tidak termasuk syarikat SPV dan Pegangan Saham Khas. Bagi tahun 2013, jumlah syarikat yang mengemukakan laporan suku tahunan adalah seperti berikut:-* *i. 48 syarikat (Q1, 2013)* *ii. 47 syarikat (Q2, 2013)* *iii. 46 syarikat (Q3, 2013)*	Bersetuju dengan dapatan Audit seperti di perenggan 25.5.12.1.a.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	iv. 44 syarikat (Q4, 2013) *Jumlah syarikat yang gagal mengemukakan laporan suku tahunan pula adalah seperti berikut:-* *i. 9 syarikat (Q1, 2013)* *ii. 6 syarikat (Q2, 2013)* *iii. 4 syarikat (Q3, 2013)* *iv. 4 syarikat (Q4, 2013)* *BSPK amat memandang serius terhadap syarikat-syarikat yang gagal dalam mengemukakan laporan ini. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:-* *i. Mengemukakan surat peringatan dari semasa ke semasa kepada Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan berhubung perkara ini.* *ii. Mengadakan beberapa siri pertemuan dengan wakil-wakil syarikat bagi mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh syarikat dalam menyediakan laporan yang diperlukan oleh BSPK.* *Hasil daripada pelaksanaan langkah-langkah tersebut, jumlah syarikat yang gagal mengemukakan laporan suku tahunan bagi Q1, 2014 menurun kepada 3 syarikat.*	
25.5.12.2.a	**Pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI)** Mengikut semakan Audit, sebanyak 40 buah syarikat telah kemukakan laporan KPI untuk tahun 2012 dan sebanyak 36 syarikat telah mengemukakan laporan KPI untuk tahun 2013. Secara purata, pencapaian KPI pada tahun 2012 adalah sebanyak 88.7%, manakala pada tahun 2013 adalah sebanyak 90.4% iaitu peningkatan sebanyak 1.6%. Maklum Balas SPK Bertarikh 10 Julai 2014 *Pencapaian KPI syarikat merupakan salah satu indikator bagi mengukur pencapaian Petunjuk Prestasi Utama Menteri (MKRA). Indikator tersebut adalah berasaskan kepada 36 buah syarikat dengan pegangan ekuiti lebih daripada 50% yang mana Kerajaan mempunyai kawalan penuh sahaja, bukan merupakan syarikat SPV, syarikat tidak aktif atau telah/dalam proses melepaskan pegangan*	Bersetuju dengan dapatan Audit seperti di perenggan 25.5.12.2.a.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	oleh MKD. Sehubungan itu, hanya sebanyak 36 buah syarikat sahaja yang perlu mengemukakan laporan KPI syarikat bagi tujuan tersebut.	
25.5.12.3.c	**Penyediaan Dan Pematuhan Manual Perolehan** Semakan Audit mendapati perkara berikut:- i. Secara keseluruhan, 34 (87.2%) daripada 39 syarikat Kerajaan telah menyediakan Manual Perolehan bagi kegunaan syarikat. Berdasarkan soal selidik, didapati 2 syarikat (5.1%) tidak mempunyai Manual Perolehan manakala 3 (7.7%) Manual Perolehan dianggap tidak lengkap kerana dokumen yang dilampirkan adalah *Authority Limit* yang hanya menjelaskan had kuasa melulus perolehan. ii. Sebanyak 28 (75.7%) daripada 37 Manual Perolehan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. iii. Sebanyak 10 (29.4%) daripada 34 syarikat yang menyatakan keperluan mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan bagi segala urusan perolehan melebihi RM300 juta di dalam Manual Perolehannya. iv. Perbincangan dengan pihak Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan (SPK), Kementerian Kewangan pada 20 Mac 2014 mendapati Kementerian Kewangan tidak memantau penghantaran Manual Perolehan oleh syarikat. Susulan kepada perbincangan tersebut, pihak SPK telah mengeluarkan surat bil KK/GIC(S)10/173/10 SK. 1(3) bertarikh 25 Mac 2014 kepada 44 syarikat MKD meminta syarikat berkenaan memberikan maklum balas dan status terkini mengenai pelaksanaan Manual Perolehan di syarikat-syarikat MKD dan meminta syarikat yang telah menyediakan Manual Perolehan supaya menghantar salinannya kepada SPK. Sehingga 17 April 2014 sebanyak 6 syarikat telah mengemukakan Manual Perolehan. Maklum Balas SPK Bertarikh 10 Julai 2014 *Sehingga 14 Julai 2014, sebanyak 26 syarikat telah mengemukakan salinan Manual Perolehan kepada pihak SPK. SPK akan mengambil tindakan susulan bagi memastikan semua syarikat menghantar salinan Manual Perolehan yang telah dikemas kini.*	Sehingga 9 Oktober 2014, sebanyak 30 syarikat telah mengemukakan salinan Manual Perolehan kepada pihak BSPK. BSPK akan mengambil tindakan susulan bagi memastikan semua syarikat menghantar salinan Manual Perolehan yang telah dikemas kini dan telah mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, polisi dan prosedur perolehan di Syarikat Kerajaan boleh ditambah baik dengan mengemas kini Manual Perolehan serta diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pematuhan terhadap polisi dan prosedur berkenaan hendaklah sentiasa dipantau dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah untuk tindakan susulan.	

LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2013

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Perenggan 26 : Pengurusan KTMB (Car Park Sdn. Bhd)

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
26.5.1.1.a	**Analisis Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi** KTMBCP memperoleh pendapatan melalui kutipan caj bayaran bulanan dan harian daripada operasi medan letak kereta. Pendapatan lain terdiri daripada caj pengurusan syarikat subsidiari dan faedah daripada simpanan tetap. Perbelanjaan utama KTMBCP meliputi kos operasi, penyenggaraan, sewaan medan letak kereta dan perbelanjaan lain.	**Maklumbalas kepada perkara 26.5.1.1.a hingga 26.5.1.1.c** Kerugian ini dijangka akan diatasi dengan pembukaan medan letak kereta baru di laluan Projek Landasan Berkembar Ipoh-Padang Besar, iaitu Stesen Keretapi Arau, Alor Setar, Sungai Petani, Butterworth, Bukit Mertajam dan Taiping Permohonan pengurusan medan letak kereta baru di stesen yang dinyatakan di perkara 1 telah dibuat kepada Perbadanan Aset Keretapi (PAK) di dalam mesyuarat pada 3 Julai 2014 dan sedang dalam tindakan PAK Pihak syarikat juga telah menyertai tender untuk menguruskan medan letak kereta milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di sekitar Kuala Lumpur. Tender tersebut kini sedang dalam proses pemilihan oleh pihak DBKL Sasaran KPI yang diulangsemak akan dibawa ke mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Mesyuarat Lembaga Pengarah akan datang dijangka akan diadakan dalam suku keempat 2014 antara bulan Oktober dan Disember yang tarikhnya masih belum ditetapkan.
26.5.1.1.b	KTMBCP mengalami kerugian bersih berturut-turut berjumlah RM121,939 dan RM120,856 pada tahun 2011 dan 2012 masing-masing. Analisis Audit mendapati antara faktor berlakunya penurunan pendapatan pada tahun 2011 adalah akibat daripada penutupan 7 medan letak kereta di Johor Bahru, Pelabuhan Klang, Butterworth, Bukit Mertajam, Serdang, Kg. Batu dan Batu Kentomen. Selain itu, penutupan syarikat subsidiari KTMB Parking Pte. Ltd. juga menyebabkan penurunan lain-lain pendapatan pada tahun 2011 berjumlah RM171,994 dan RM128,205 yang merupakan caj pengurusan yang dibayar kepada KTMBCP.	
26.5.1.1.c	Analisis Audit selanjutnya mendapati peratusan kos operasi berbanding pendapatan operasi bagi tahun 2011 dan 2012 adalah tinggi iaitu 87.6% dan 86.8% iaitu melebihi sasaran KPI yang sepatutnya kurang daripada 85%. Kos operasi utama adalah terdiri daripada pembayaran gaji pekerja dan sewa medan letak kereta. Selain margin kasar yang rendah iaitu 12.4% dan 13.2% bagi tahun 2011 dan 2012, KTMBCP juga merekodkan jumlah belanja operasi lain yang tinggi iaitu di antara 18.0% hingga 21.3% daripada keseluruhan perbelanjaan. Antara perbelanjaan operasi lain adalah terdiri daripada kos penyenggaraan berjumlah RM223,232 (50.2%), RM169,894 (48.4%) dan RM128,583 (36.0%) daripada jumlah perbelanjaan operasi lain berjumlah RM444,440, RM350,784 dan RM356,896 bagi tahun 2010, 2011 dan 2012 masing-masing. Maklum Balas KTMBCP Yang Diterima Pada 9 Julai 2014	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pihak syarikat cuba mendapatkan kawasan medan letak kereta yang baru seperti di kawasan Projek Landasan Berkembar di antara Arau dan Ipoh. Pihak syarikat juga bercadang mencari tender di kawasan luar dari kawasan medan letak kenderaan KTMB.	
26.5.1.3.a	**Prestasi Aliran Tunai** Penyata Aliran Tunai dapat memberikan maklumat mengenai keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasinya serta penggunaan untuk menampung perbelanjaan.	**Maklumbalas kepada perkara 26.5.1.3.a hingga 26.5.1.3.e** 2011 – kutipan hasil menurun kerana penutupan tiga medan letak kereta iaitu Johor Bharu, Serdang dan Singapura 2012 – kutipan meningkat semula kerana pembukaan dua medan letak kereta baru iaitu di Tanah Merah & Ipoh 2013 – aliran tunai masih positif iaitu berjumlah RM2.70 juta kerana kutipan hasil semakin meningkat Pembayaran dividen berjumlah RM102,842 pada tahun 2010 adalah untuk tahun kewangan berakhir 2009 dan pembayaran dividen berjumlah RM 37,500 pada tahun 2011 adalah untuk tahun kewangan berakhir 2010 di mana pada kedua-dua tahun ini syarikat mendapat keuntungan. Tiada pembayaran dividen bagi tahun kewangan berakhir 2011 kerana syarikat mengalami kerugian.
26.5.1.3.b	Analisis terhadap pengurusan aliran tunai syarikat mendapati aliran tunai KTMBCP mencatatkan jumlah yang positif iaitu RM2.46 juta pada tahun 2010, menurun menjadi RM2.20 juta pada tahun 2011 dan kembali meningkat kepada RM2.36 juta pada tahun 2012.	
26.5.1.3.c	Selain itu, modal kerja dari aktiviti operasi mencatatkan penurunan berjumlah RM398,317 (130.6%) pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Bagaimanapun, modal kerja meningkat kembali dengan sejumlah RM412,024 (441.9%) pada tahun 2012 berbanding tahun 2011.	
26.5.1.3.d	KTMBCP juga telah melabur sejumlah RM171,064, RM104,971 dan RM161,862 pada tahun 2010, 2011 dan 2012 untuk pengubahsuaian dan pembelian peralatan medan letak kereta, pembelian peralatan pejabat serta papan tanda.	
26.5.1.3.e	Aliran keluar tunai aktiviti pembiayaan berjumlah RM102,842 dan RM37,500 pada tahun 2010 dan 2011 adalah merupakan pembayaran dividen kepada syarikat induk. Maklum Balas KTMBCP Yang Diterima Pada 9 Julai 2014 *Perbincangan lanjut dengan PAK akan dilakukan berkenaan isu ketetapan harga parking sebanyak RM3 sehari di mana ianya tidak sesuai dengan kos sara hidup masa kini. Penetapan sewa tanah juga perlu dipertimbangkan semula oleh pihak PAK agar harga tersebut dapat diseimbang dengan prestasi medan letak kenderaan itu sendiri kerana terdapat beberapa medan letak kenderaan yang mempunyai keluasan yang besar namun tiada permintaan. Selain itu kadar caj yang rendah juga berkaitan dengan National Key Result Area (NKRA) Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar. Aktiviti pelaburan akan*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dilaksanakan dari masa ke semasa mengikut keperluan pengoperasian KTMBCP. Pihak syarikat merancang untuk menjalankan perniagaan lain selain daripada perniagaan medan letak kenderaan. Kelulusan akan diperolehi daripada tuan tanah iaitu PAK dan profit sharing juga akan ditawarkan kepada PAK. Pada pendapat Audit, dengan kedudukan tunai yang agak baik syarikat sepatutnya membuat kajian kemungkinan untuk mengenal pasti mekanisme/peralatan/sistem terbaik yang boleh meningkatkan tahap kecekapan kutipan hasil.	
26.5.2.1.a.i	**Pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI) Tidak Dapat Disahkan** Bagi menjamin kesinambungan pengukuran prestasi aktiviti, pihak pengurusan KTMBCP telah menetapkan 12 KPI bagi tempoh 2011 hingga 2013. Pada tahun 2011 sebanyak 7 (58.3%) daripada 12 KPI dicapai dan pada tahun 2012 sebanyak 5 (41.7%) daripada 12 KPI dicapai. Manakala pada tahun 2013 sebanyak 5 (41.7%) daripada 12 KPI dicapai.	**Maklumbalas kepada perkara 26.5.2.1.a.i** <u>Sebab perbezaan</u> Penyata kewangan 2011 yang disemak oleh Jabatan Audit Negara adalah bagi akaun KTMB (Car Park) Sdn. Bhd. manakala laporan pencapaian KPI untuk tahun yang sama adalah berasaskan kepada *consolidated account* (KTMBCP Sdn. Bhd. dan KTMBCP Pvt. Ltd.)
26.5.2.1.b.i	**Pencapaian Sebenar Aktiviti Berbanding Sasaran** Berdasarkan rancangan perniagaan 3 tahun bagi tahun 2011, 2012 dan 2013, pihak KTMBCP telah menggariskan sasaran keuntungan bersih selepas cukai yang perlu dicapai.	**Maklumbalas kepada perkara 26.5.2.1.b.i hingga 26.5.2.1.b.iii** 2011 – kutipan hasil menurun kerana penutupan tiga medan letak kereta iaitu Johor Bharu, Serdang dan Singapura di mana penutupan ini tidak dijangkakan dan tiada peruntukan dibuat dalam Pelan Perniagaan 2011 2012 – Hasil meningkat kerana pembukaan dua medan letak kereta baru iaitu di Tanah Merah dan Ipoh namun pada tahun yang sama kos dan perbelanjaan juga melebihi jangkaan 2013 – Hasil meningkat disebabkan oleh kenaikan kadar medan letak kereta di semua lokasi bermula pada bulan Februari 2013 1.1 Medan letak kereta *per entry* : Dari RM3 ke RM4 1.2 Medan letak kereta *per hour* : kadar maksimum naik RM3 ke RM5
26.5.2.1.b.ii	Semakan Audit terhadap rancangan perniagaan mendapati sasaran keuntungan selepas cukai tidak dapat dicapai pada tahun 2011 dan 2012 kerana KTMBCP mencatatkan kerugian selepas cukai berjumlah RM121,939 (-58.4%) dan RM120,857 (-54.9%) berbanding sasaran keuntungan selepas cukai berjumlah RM208,712 dan RM220,172 masing-masing. Bagaimanapun, pada tahun 2013 keuntungan sebelum cukai yang dicatatkan adalah berjumlah RM113,388 (1,325.4%) berbanding sasaran berjumlah RM8,555.	
26.5.2.1.b.iii	Semakan Audit selanjutnya mendapati terdapat peningkatan hasil kutipan letak kereta/motosikal pada tahun 2012 dan 2013 berjumlah RM1.63 juta dan RM2.32 juta iaitu peningkatan berjumlah RM164,072 (11.2%) dan RM691,497 (42.5%) masing-masing. Peningkatan hasil kutipan letak kereta/motosikal pada tahun 2013 disebabkan oleh pendapatan daripada pembukaan 3 medan letak kereta baru KTMBCP di Petaling Jaya berjumlah RM10,978, Sungai Gadut berjumlah	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	RM37,054 dan Batu Gajah berjumlah RM46,954 dan peningkatan caj bayaran letak kereta/motosikal di semua medan letak kereta pada tahun 2013. Maklum Balas KTMBCP Yang Diterima Pada 9 Julai 2014 *Di masa hadapan, penyediaan bajet tahunan akan berdasarkan kepada pelan perniagaan syarikat terlebih dahulu di mana ianya perlu mengambil kira kawasan baru yang akan dibuka, perubahan kadar harga yang mungkin berubah, insentif kakitangan yang perlu disediakan dan sistem pengurusan parking yang cekap.* Pada pendapat Audit, pelan perniagaan syarikat perlulah lebih menyeluruh tidak sekadar menunjukkan keuntungan sahaja. Ia perlu disediakan dengan mengambil kira unjuran penambahan bilangan medan letak kereta, tahap sistem kutipan, tahap kawalan keselamatan, jadual penyenggaraan dan polisi kawalan dalaman yang berkesan.	
26.5.2.2.a.i	**Sewaan Medan Letak Kereta** Kontrak penyewaan tapak medan letak kereta hendaklah ditandatangani bagi menjaga kepentingan pihak yang terlibat. Sehingga bulan Disember 2013, KTMBCP telah menguruskan 18 medan letak kereta dengan bilangan sebanyak 2,748 petak letak kereta dan 802 petak letak motor. Semakan Audit mendapati KTMBCP telah menandatangani perjanjian penyewaan tapak medan letak kereta dengan KTMB dan PAK bagi 4 medan letak kereta daripada 18 medan letak kereta iaitu medan letak kereta Bangi, Tanah Merah, Ipoh dan Sg. Gadut.	**Maklumbalas kepada perkara 26.5.2.2.a.i hingga 26.5.2.2.a.ii** Tujuh medan letak kereta di Stesen Keretapi Ipoh, Batu Gajah, Kepong B, Petaling, Seremban B, Sungai Gadut dan Tanah Merah telah mempunyai kontrak penyewaan dengan PAK Bagi sepuluh medan letak kereta lain, iaitu Subang Jaya, Klang, Rawang, Sungai Buloh. Seremban A, Kepong Sentral, Kuala Lumpur, Kuang, Kajang dan Kepong, PAK masih lagi di dalam proses pengambilalihan penyewaan dari KTM Berhad. Mesyuarat berkenaan perkara ini telah dipengerusikan oleh En Mohd Nizam dari PAK pada 2 September 2014 di pejabat PAK Medan letak kereta stesen Shah Alam telah diserahkan semula kepada PAK dan tidak termasuk dalam senarai di perkara 2 di atas Proses pengambilalihan penyewaan dari KTMB ke PAK dijangka akan selesai pada 31 Disember 2014
26.5.2.2.a.ii	Semakan Audit mendapati 14 lokasi medan letak kereta tidak mempunyai perjanjian sewa yang boleh menyebabkan risiko kepentingan syarikat tidak terjamin disebabkan ketiadaan ikatan perjanjian yang sah. Maklum Balas KTMBCP Yang Diterima Pada 21 Julai 2014 *Pihak syarikat akan mendapatkan salinan perjanjian sewaan bagi 14 medan letak kereta tersebut dari PAK kerana surat perjanjian penyewaan medan letak kenderaan tidak dapat dikesan. Kadar sewa yang baru masih di dalam perbincangan dengan pihak PAK. Mesyuarat yang terakhir adalah pada 7 Januari 2014 memutuskan mulai bulan November 2013 pembayaran sewa perlu dibayar kepada PAK kerana sewa sebelum itu telah dibayar kepada KTMB. KTMBCP masih menunggu jawapan Lembaga Pengarah PAK samada kadar yang*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dibincangkan dipersetujui atau sebaliknya. Pada pendapat Audit, perjanjian penyewaan penting dibuat bagi menjaga kepentingan syarikat dan dokumen perjanjian tersebut sepatutnya disimpan dengan teratur untuk tujuan pembayaran dan lain-lain urusan penyewaan.	
26.5.2.2.a.iii	Medan letak kereta di Stesen Keretapi Johor Baharu ditamatkan penyewaan secara berperingkat pada tahun 2010, 2011 dan 2012 disebabkan pelaksanaan projek Johor Baharu Sentral. Penurunan kutipan bayaran di medan letak kereta Johor Baharu berjumlah RM426,447 adalah 92.5% daripada keseluruhan penurunan kutipan bayaran letak kereta pada tahun 2011 yang berjumlah RM461,139. Selain itu, pada tahun 2010 sebanyak 2 medan letak kereta telah ditamatkan penyewaannya dan operasi telah dihentikan disebabkan pelaksanaan Projek Pembinaan Landasan Berkembar. Pada pendapat Audit, pihak KTMBCP perlu melaksanakan pelan strategik bagi mengatasi penurunan hasil kutipan akibat daripada penutupan medan letak kereta disebabkan adanya projek Kerajaan. Perancangan bagi pembukaan medan letak kereta baru yang lebih menguntungkan perlu dilaksanakan.	**Maklumbalas kepada perkara 26.5.2.2.a.iii** Pihak syarikat merancang membuka medan letak motorsikal di stesen Johor Bahru. Permohonan ini telah dibuat kepada Perbadanan Aset Keretapi (PAK) di dalam mesyuarat pada 3 Julai 2014 dan sedang dalam tindakan PAK.
26.5.2.2.b.i	**Pengurusan Kutipan Bayaran Letak Kereta - Kawalan Dalaman Proses Kutipan** Semakan Audit mendapati, daripada 18 tapak medan letak kereta yang beroperasi, hanya 6 medan letak kereta yang menggunakan sistem kutipan mesin pembayaran automatik manakala baki 12 tapak medan letak kereta masih dikutip secara manual iaitu penggunaan tiket bertulis oleh Juruwang. Antara kelemahan yang ditemui bagi pengoperasian secara manual adalah kesukaran untuk memastikan Juruwang bertugas setiap masa serta memastikan kutipan hasil dapat dibuat. Selain itu, di medan letak kereta yang terdapat pintu masuk dan pintu keluar secara berasingan dengan hanya seorang Juruwang yang bertugas, kawalan keluar masuk kereta ke medan letak kereta adalah sukar dikawal. Maklum Balas KTMBCP Yang Diterima Pada 9 Julai 2014 *Penentuan sama ada sesuatu kawasan itu akan beroperasi secara manual atau menggunakan mesin adalah bergantung kepada prestasi. Kawasan yang mempunyai permintaan yang tinggi akan beroperasi menggunakan mesin. Namun begitu, kawasan yang beroperasi secara manual pada masa kini akan di naik taraf sekiranya prestasi meningkat. Kutipan yang tidak dapat dikutip itu*	**Maklumbalas kepada perkara 26.5.2.2.b.i** Pihak syarikat telah mengubah waktu operasi di tiga medan letak kereta iaitu Rawang, Sungai Buloh dan Subang Jaya kepada waktu ketibaan tren terakhir bermula pada 20 April 2014 Empat medan letak kereta telah beroperasi pada hari Ahad dan cuti umum di stesen Rawang, Kuang dan Sungai Gadut berkuatkuasa 20 April 2014 manakala Ipoh bermula 1 Jun 2014 Pembekalan mesin *parking* baru telah siap dan mula beroperasi pada 6 Ogos 2014 di Stesen Kuala Lumpur, Seremban, Subang Jaya, Kepong Sentral A dan Kepong Sentral B Pihak syarikat akan menggunakan sistem Touch&Go di Seremban B yang dijadualkan bermula pada 1 Disember 2014 Medan letak kereta yang beroperasi secara manual akan dinaiktaraf ke sistem

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	adalah disebabkan oleh pelanggan yang keluar selepas waktu operasi berakhir pada waktu malam. Dengan itu, pihak syarikat, bertindak menganjakkan waktu operasi hingga ke akhir waktu tren untuk memastikan semua pelanggan keluar sebelum waktu operasi berakhir. Pada pendapat Audit, kawalan operasi kutipan secara manual perlu dipertingkatkan. Pihak syarikat perlu mengkaji semula proses kerja bagi kawalan kutipan tiket secara manual ini.	automatik secara berperingkat bermula dengan CAPEX 2015 hingga CAPEX 2016 1.1 CAPEX 2015 : anggaran kos RM173,000 Tanah Merah Kluang Sungai Gadut Kepong A & B 1.2 CAPEX 2016 : anggaran kos RM192,000 Ipoh Petaling Subang Jaya Kuang Kuala Lumpur Park C 1.3 Mesin – mesin yang akan dipasang ialah 1 set palang keluar & masuk, *cash register, looping, cabling* dan pondok serta peralatan pondok
26.5.2.2.b.ii	***Standard Operating Prosedure* Bagi Operasi Medan Letak Kereta Tidak Disediakan** KTMBCP telah menyediakan *Standards Operating Procedure* (SOP) bagi pengoperasian medan letak kereta di stesen keretapi Kuala Lumpur bagi memastikan operasi medan letak kereta berjalan lancar. Semakan Audit mendapati tiada sebarang SOP disediakan bagi pengoperasian 17 lagi medan letak kereta. Perkara ini mendedahkan KTMBCP kepada risiko pengurusan medan letak kereta yang tidak mengikut piawaian; menyukarkan pelaksanaan termasuk kawalan dalaman; bidang tugas Juruwang tidak jelas; dan kaedah kutipan yang tidak teratur. Ianya akan memberi implikasi kepada risiko kecurian dan kehilangan hasil. Maklum Balas KTMBCP Yang Diterima Pada 9 Julai 2014 *Pihak syarikat akan menyediakan standard SOP untuk semua medan letak kereta di bawah KTMBCP.*	**Maklumbalas kepada perkara 26.5.2.2.b.ii** Pihak syarikat akan menyediakan dua SOP yang berasingan untuk medan letak kereta yang beroperasi secara manual dan automatik berasaskan kepada SOP induk yang sedang diterimapakai di medan letak kereta Kuala Lumpur Dijangka siap pada 30 Oktober 2014

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
26.5.2.2.b.iii	**Pengurusan Waktu Kedatangan Juruwang** SOP pemeriksaan medan letak kereta ada disediakan meliputi pengurusan aduan; penyenggaraan dan pertukaran tugas giliran (syif) serta menggariskan tanggungjawab setiap Juruwang, Juruwang Kanan dan pegawai pemeriksa. SOP ini juga disediakan bagi memastikan Juruwang hadir bertugas mengikut masa seperti ditetapkan dan perlu mengetik kad perakam waktu disetiap waktu mula bertugas. Ia adalah signifikan terutamanya di medan letak kereta yang beroperasi secara manual. Lawatan Audit ke 6 medan letak kereta iaitu di Kuala Lumpur, Kepong, Kajang, Bangi, Klang dan Subang Jaya mendapati semua medan letak kereta mempunyai bekalan elektrik tetapi mesin pengetik kad perakam waktu tidak disediakan. Juruwang hanya mengisi waktu kedatangan dalam buku kehadiran dan tiada pengesahan dibuat oleh pihak ketiga sebagai pemantauan. Kelemahan ini boleh menyebabkan kutipan caj bayaran tidak dapat dikutip sekiranya Juruwang tidak mematuhi waktu kerja yang ditetapkan. Maklum Balas KTMBCP Yang Diterima Pada 9 Julai 2014 *Bagi medan letak kereta Subang Jaya dan Kuala Lumpur mesin perakam waktu rosak dan dalam proses membaik pulih. Pihak pengurusan pejabat KTMBCP dalam usaha membekalkan mesin kad perakam waktu di seluruh medan letak kereta berkuat kuasa 1 Julai 2014. Pelaksanaan pemantauan yang lebih kerap dan penguatkuasaan kedatangan dengan mengetik kad perakam waktu akan dilaksanakan dengan sempurna.*	**Maklumbalas kepada 26.5.2.2.b.iii** Mesin kad perakam waktu telah digunapakai di semua medan letak kereta bermula 1 Julai 2014
26.5.2.2.c	**Hasil Yang Tidak Dapat Dikutip** Caj bayaran bagi setiap kenderaan yang menggunakan perkhidmatan medan letak kereta perlulah dikutip oleh Juruwang yang bertugas. Semakan Audit terhadap sampel Laporan Kutipan Harian medan letak kereta bagi bulan Disember tahun 2011, 2012 dan 2013 mendapati daripada 73,027, 57,245 dan 61,734 tiket yang dikeluarkan sebanyak 2,823 (3.9%), 1,556 (2.7%) dan 550 (0.9%) tiket tidak dapat dikutip caj bayarannya. Berdasarkan kiraan Audit dianggarkan caj bayaran tempat letak kereta yang tidak dapat dikutip bagi bulan Disember sahaja berjumlah RM2,885, RM2,087 dan RM859 (anggaran adalah minimum tempoh letak kereta adalah 1 jam/*per-entry*).	Pihak syarikat telah mengubah waktu operasi di tiga medan letak kereta iaitu di Rawang, Sungai Buloh dan Subang Jaya kepada waktu ketibaan tren terakhir. Empat medan letak kereta beroperasi pada hari Ahad dan cuti umum di stesen Rawang, Kuang dan Sungai Gadut bermula 20 April 2014 manakala Ipoh bermula pada 1 Jun 2014

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas KTMBCP Yang Diterima Pada 9 Julai 2014 *Kutipan yang tidak dapat dikutip itu adalah disebabkan oleh pelanggan yang keluar selepas waktu operasi berakhir pada waktu malam. Dengan itu, pihak syarikat, bertindak menganjakkan waktu operasi hingga ke akhir waktu tren untuk memastikan semua pelanggan keluar sebelum waktu operasi berakhir.* Pada pendapat Audit, siasatan yang lebih terperinci perlu dilaksanakan bagi mengurangkan kes hasil tidak dapat dikutip. Selain itu, satu mekanisme jangka panjang perlu dibuat untuk mengelakkan perkara ini daripada berulang.	
26.5.2.2.d.i	**Keselamatan Medan Letak Kereta, Persekitaran Dan Laluan** Lawatan Audit ke 12 medan letak kereta mendapati 3 medan letak kereta tidak berpagar; 2 medan letak kereta tidak berpondok; 6 medan letak kereta *barrier gate* telah rosak; 4 medan letak kereta tidak mempunyai *barrier gate* dan kesemua 12 medan letak kereta tidak mempunyai CCTV. Selain itu, lawatan Audit ke medan letak kereta Bangi mendapati kereta persendirian/teksi/orang awam bebas keluar/masuk ke kawasan tapak medan letak kereta kerana *barrier gate* tidak berfungsi. Kawalan keluar/masuk kereta ke kawasan meletak kereta sepatutnya diadakan bagi mengelakkan berlaku kes kecurian kereta, ragut dan aktiviti jenayah. Lawatan Audit ke medan letak kereta Kepong Sentral A mendapati *barrier gate* telah rosak dan palang dinaikkan**.** Manakala lawatan Audit ke Kepong Sentral B mendapati *barrier gate* yang rosak dilanggar lori tidak dibaiki.	**Maklumbalas kepada perkara 26.5.2.2.d.i** Kawalan keselamatan dan rondaan di aset KTMB termasuk kawasan medan letak kereta diuruskan dengan kerjasama Polis Bantuan KTMB CCTV telah dipasang oleh pihak PAK di Seremban B, Petaling dan Kajang semasa KTMBCP memulakan pengoperasian pada:- 1.1 Seremban B – May 2014 1.2 Petaling – Oktober 2013 1.3 Kajang – Disember 2013 (perpindahan ke parking sementara)
26.5.2.2.d.ii	Lawatan Audit ke medan letak kereta Kepong Sentral B dan C mendapati sebanyak 3 kereta telah ditinggalkan dalam keadaan terbiar di mana cermin kereta telah pecah, peralatan/kemasan dalaman kereta telah dikeluarkan dan semua tayar telah tiada. Bagaimanapun tiada laporan polis dibuat bagi melaporkan ketiga-tiga kereta tersebut. Maklum Balas KTMBCP Yang Diterima Pada 9 Julai 2014 *Penggunaan barrier gate dan mesin pengoperasian akan digantikan secara berperingkat-peringkat kerana melibatkan kos yang tinggi. Selain itu, KTMBCP akan bekerjasama dengan KTMB dalam pemasangan CCTV di lokasi yang berprestasi memuaskan. Namun begitu, KTMBCP sentiasa mengingatkan pelanggan bahawa polisi "Park At Your Own Risk' diamalkan di KTMBCP. Laporan Polis telah dibuat pada 1 Jun 2014 bagi ketiga-tiga kenderaan di atas.*	**Maklumbalas kepada perkara 26.5.2.2.d.ii** Polis Di Raja Malaysia telah mengesahkan ketiga-tiga kenderaan ini tiada dalam senarai kereta curi atau terlibat dalam kes jenayah Kerjasama telah dipohon dari pihak Majlis Perbandaran Selayang dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengalihkan kenderaan tersebut Isu ini dijangka akan diselesaikan selewat-lewatnya 31 Oktober 2014

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, matlamat mewujudkan fasiliti keselamatan di medan letak kereta tidak akan tercapai sekiranya keadaan fasiliti sedia ada masih berterusan.	
26.5.2.2.e.i	**Kontrak Perkhidmatan Penyapuan, Pembersihan dan Penyenggaraan Landskap Medan Letak Kereta** Kontrak kerja penyapuan, pembersihan dan penyenggaraan landskap yang dilaksanakan di KTMBCP antaranya seperti pembersihan sampah, pemotongan pokok, merumput, meracun dan membersihkan saliran longkang. Sejumlah RM306,294, RM315,477 dan RM324,941 masing-masing pada tahun 2010, 2011 dan 2012 telah diperuntukkan bagi tujuan penyenggaraan peralatan dan pembersihan medan letak kereta. Daripada ini sejumlah RM223,232, RM169,894 dan RM128,583 telah dibelanjakan pada tahun 2010, 2011 dan 2012 masing-masing. Semakan Audit terhadap pengurusan perkhidmatan kontrak kerja penyapuan, pembersihan dan penyenggaraan landskap medan letak kereta menemui perkara seperti berikut:- **Pengurusan Perolehan Tidak Dipatuhi** • Terdapat 3 prosedur yang perlu dipatuhi oleh KTMBCP dalam pengurusan perolehan iaitu prosedur pemilihan pembekal, prosedur penilaian pembekal dan prosedur proses pembelian. Berdasarkan SOP PS/ADM/PP-05, KTMBCP perlu memastikan aktiviti pemilihan pembekal baru dibuat secara sistematik iaitu mengenal pasti keperluan pembekal baru, mempelawa pembekal, menilai kelayakan pembekal dan melulus serta menyenarai pembekal. • Semakan Audit terhadap pengurusan kontrak perkhidmatan penyapuan, pembersihan dan penyenggaraan landskap bagi 13 medan letak kereta di Stesen KTMB Rawang; Sungai Buloh; Kuang; Kepong; Kepong Sentral; Kajang; Seremban; Klang; Subang Jaya; Shah Alam; Kluang; Bangi dan Ipoh mendapati pelawaan sebut harga tidak dibuat. Kontrak sedia ada hanya dibuat dengan cara pelanjutan tempoh kontrak yang lama. Ia termasuk kontrak yang melibatkan medan letak kereta di Shah Alam dan Pelabuhan Klang yang telah ditutup. Semakan selanjutnya mendapati pihak KTMB juga ada melantik kontraktor untuk membersihkan kawasan stesen KTMB termasuk medan letak kereta Kepong Sentral, Sungai Buloh dan Rawang melalui kontrak KTMB 26/2011 bertarikh 26	**Maklumbalas kepada perkara 26.5.2.2.e.i** Proses pemanggilan dan pemilihan sebutharga bagi kontrak perkhidmatan penyapuan, pembersihan dan penyenggaraan lanskap telah dibuat pada tahun 2011. Setelah tamat kontrak pada tahun 2012, perjanjian disambung semula secara bulan ke bulan dengan mengekalkan harga asal kerana isu pertindihan kontrak dengan kontraktor KTMB bagi tiga kawasan iaitu Kepong Sentral, Sungai Buloh dan Rawang. Perbincangan semula bersama Jabatan Pengurusan Aset, KTMB berkenaan perkara ini dicadangkan akan diadakan pada 27 Oktober 2014

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	September 2011 untuk tempoh 26 September 2011 hingga 26 September 2014. Pada masa yang sama pihak KTMBCP juga ada mengikat kontrak pembersihan dan penyenggaraan dengan 2 syarikat swasta lain mulai 16 Jun 2011 untuk kawasan medan letak kereta yang sama. Ini akan mewujudkan risiko pertindihan skop kerja dan juga kerugian kepada KTMBCP. Maklum Balas KTMBCP Yang Diterima Pada 24 Jun 2014 *Terdapat sedikit masalah teknikal dari pertindihan kontrak bagi kawasan medan letak kereta yang berkenaan. KTMBCP masih lagi dalam proses mengkaji semula dan perbincangan. Dalam tempoh kajian semula ini, kontrak yang sedia ada disambung dengan perjanjian secara kontrak bulan ke bulan sehingga kontrak baru dipanggil.* Pada pendapat Audit, ketidakpatuhan terhadap proses perolehan yang ditetapkan oleh syarikat menyebabkan syarikat tidak mendapat *best value for money* untuk kerja-kerja yang dilaksanakan. Adalah disyorkan supaya syarikat mematuhi SOP yang ditetapkan bagi meningkatkan kawalan dalaman sebelum pemilihan kontraktor dibuat. Selain itu pertindihan kontrak pembersihan perlu segera disiasat dan diambil tindakan bagi mengelakkan pembaziran berterusan.	
26.5.2.2.e.ii	**Pematuhan Kepada Syarat Kontrak** Kerja-kerja penyenggaraan/pembersihan hendaklah dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan dan sekiranya kerja yang dilaksanakan tidak memuaskan pihak KTMBCP berhak memotong bayaran bulanan pada kadar RM30 sehari. Waktu bertugas pembersihan yang ditetapkan kontrak adalah dari jam 8.00 pagi sehingga 6.00 petang setiap hari. Kontraktor bertanggungjawab untuk memastikan keseluruhan kawasan medan letak kereta bersih dan kemas pada setiap masa terutamanya pada waktu medan letak kereta beroperasi. Lawatan Audit ke medan letak kereta Klang mendapati kerja pembersihan dan penyenggaraan landskap tidak dilaksanakan mengikut syarat perjanjian kerana sampah tidak dikutip/dibuang dan rumput panjang. Namun setelah pemerhatian Audit dikemukakan kepada pihak pengurusan KTMBCP, pihak kontraktor telah mengambil tindakan untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan. Semakan Audit terhadap 18 medan letak kereta, mendapati 13 medan letak kereta yang memerlukan kerja penyenggaraan mempunyai perjanjian perkhidmatan penyapuan, pembersihan dan penyenggaraan. Bagaimanapun didapati 7 kontrak perkhidmatan penyapuan, pembersihan dan penyenggaraan	**Maklumbalas kepada perkara 26.5.2.2.e.ii** Amalan sebelum ini adalah kontrak akan diberikan kepada pembekal perkhidmatan yang menawarkan harga yang paling rendah Setelah isu pertindihan kontrak dengan KTMB selesai, BQ yang berasaskan/mengambil kira skop kerja dan keluasan kawasan medan letak kereta akan disediakan untuk sebutharga kontrak yang baru Pihak syarikat menjangkakan kontrak baru akan bermula pada 1 Januari 2015

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dibayar pada kadar yang sama iaitu RM11,160 setahun bagi setiap medan letak kereta walaupun mempunyai kapasiti petak kereta/motosikal yang berbeza. Semakan lanjut mendapati medan letak kereta Kajang, Kepong Sentral dan Sungai Buloh tidak mempunyai rumput, tiada pokok yang perlu dipotong dan tiada longkang yang perlu disenggara. Kos penyenggaraan bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah RM223,232, RM169,894 dan RM128,583 masing-masing. Maklum Balas KTMBCP Yang Diterima Pada 9 Julai 2014 *Kadar bayaran sesuatu kawasan bukan ditentukan oleh keluasan kawasan.* Pada pendapat Audit, penilaian semula terhadap semua kontrak pembersihan perlu dibuat bagi memastikan nilai kontrak yang ditawarkan adalah berpatutan dengan kerja yang dilaksanakan. Penguatkuasaan terma dan syarat kontrak adalah perlu apabila berlaku ketidakpatuhan oleh kontraktor dalam melaksanakan kerja penyenggaraan yang ditetapkan.	
26.5.2.2.e.iii	**Juruwang Tidak Melaksanakan Pengesahan Kerja Penyenggaraan** Borang pengesahan kerja hendaklah diisi pada setiap hari dan disahkan oleh kakitangan KTMBCP sebagai bukti kerja penyenggaraan oleh kontraktor telah dilaksanakan. Pemantauan pelaksanaan kontrak perkhidmatan penyapuan, pembersihan dan penyenggaraan landskap medan letak kereta KTMBCP perlu dilaksanakan oleh pegawai pemeriksa sewaktu melaksanakan pemeriksaan medan letak kereta dengan menyediakan laporan sekiranya terdapat masalah. Berdasarkan syarat kontrak sekiranya terdapat kesalahan memalsukan, mengisi dan/atau mendapatkan pengesahan sebelum atau selepas tempoh yang lama pembersihan dibuat maka pihak KTMBCP boleh menamatkan kontrak serta merta. Semakan Audit pada 15 hingga 17 April 2014 di lokasi berkenaan mendapati borang pengesahan kerja pembersihan dan penyenggaraan yang dilaksanakan dari 1 hingga 15 April 2014 di 7 medan letak kereta iaitu medan letak kereta di stesen Kuala Lumpur, Kajang, Bangi, Kepong Sentral, Klang dan Subang Jaya mendapati borang tersebut tidak diisi bagi membuktikan kerja penyenggaraan dilakukan. Maklum Balas KTMBCP Yang Diterima Pada 9 Julai 2014 *Pihak syarikat akan memastikan bahawa borang penyenggaraan pembersihan disahkan setiap hari oleh Juruwang Kanan. Sekiranya mereka gagal*	**Maklumbalas kepada perkara 26.5.2.2.e.ii** Surat peringatan kepada Juruwang telah dikeluarkan pada 14 Julai 2014 yang mengarahkan semua Juruwang mestilah mengesahkan kerja kerja pembersihan yang dilakukan oleh kontraktor pada setiap hari.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	melaksanakan tugas, potongan pembayaran akan dibuat. Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap tugas Juruwang dalam mengesahkan kerja penyenggaraan yang dilaksanakan perlu dibuat oleh Juruwang Kanan dan pegawai pemeriksa semasa kutipan hasil pada setiap hari.	

LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2013

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

Perenggan 27 : Pengurusan Felcra Niaga Sdn. Bhd

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
27.5.2.3.a	**Pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI)** Berdasarkan surat daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah(KKLW) bertarikh 15 Februari 2007 rujukan KPLB.PSA.S.1200-4/08 JLD.4(33) telah mengarahkan agar *stakeholders* termasuk agensi dan KKLW hendaklah menyemak dan mempersetujui pemilihan indikator KPI untuk menilai prestasi syarikat dan sasaran (target) KPI CEO yang dicadangkan. Pihak pengurusan FNSB telah mewujudkan KPI berdasarkan kepada beberapa elemen strategik antaranya aspek kewangan, aktiviti perniagaan, obligasi sosial, *good governan*ce dan ketidakbergantungan kepada agensi. Secara keseluruhan, pencapaian KPI syarikat adalah memuaskan.	Pada tahun 2014, FELCRA Berhad melalui Kumpulan Pemantauan dan Penilaian telah membuat penilaian KPI anak syarikat setiap bulan meliputi 3 elemen. Elemen Pertama ialah Prestasi Kewangan-PNL iaitu Keuntungan selepas cukai, perolehan, kos pengurusan, perolehan pasaran luar Felcra dan margin untung operasi. Elemen Kedua ialah Prestasi Kewangan-Lembaran Imbangan iaitu Aset/liabiliti semasa, Jumlah aset/liabiliti, kadar kutipan hutang, pendapatan sesaham serta dividen pemegang saham dan elemen ketiga ialah Lain-lain iaitu Mesyuarat Agong syarikat, Mesyuarat Lembaga Pengarah, zakat perniagaan serta derma dan sumbangan.
27.5.2.3.b	Pencapaian keseluruhan KPI pada tahun 2011 hingga 2013 telah mencapai lebih 50% daripada KPI yang ditetapkan. Bagaimanapun berlaku penurunan prestasi KPI FNSB pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 sebanyak 17.5%. Penurunan ini disebabkan FNSB tidak dapat mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi tahun 2013 seperti perolehan, kos operasi, kadar kutipan hutang, aktiviti agritrade dan *bulk blend* tidak mencapai sasaran seperti yang ditetapkan.	
27.5.2.3.c	Selain itu, pegawai FNSB menyatakan KPI FNSB ini adalah ditetapkan dan dipantau oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) bukannya oleh syarikat induknya iaitu FELCRA. FNSB hanya mengemukakan laporan kewangannya secara berkala kepada FELCRA untuk tujuan pemantauan. Semakan Audit selanjutnya mendapati sasaran KPI ini tidak dibincangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah FNSB. Ianya disediakan hanya untuk tujuan melaporkan pencapaian aktiviti FNSB kepada KKLW. Pencapaian KPI ini juga tidak dilaporkan di peringkat FNSB mahupun FELCRA sebelum dikemukakan kepada KKLW. Maklum Balas FNSB Yang Diterima Pada 19 Ogos 2014	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	KPI anak syarikat dipantau oleh syarikat induk, FELCRA Berhad melalui:- *1. Laporan bulanan prestasi kewangan anak syarikat setiap bulan* *2. Mesyuarat pemantauan prestasi anak syarikat dengan kekerapan 5 kali pada tahun 2012.* *3. Mesyuarat bajet.* *Pemantauan prestasi syarikat adalah berdasarkan kepada aktiviti dan sumbangan dividen 30% dari keuntungan bersih anak syarikat kepada syarikat induk pada setiap tahun.* *Pada tahun 2014, FELCRA Berhad telah membuat penilaian KPI anak syarikat meliputi 3 elemen iaitu Prestasi Kewangan-PNL, Prestasi Kewangan-Lembaran imbangan dan elemen lain-lain.* Pada pendapat Audit, prestasi aktiviti FNSB adalah baik. Sungguhpun demikian bagi memastikan prestasi aktiviti FNSB adalah selari dengan kehendak *stakeholder* Lembaga Pengarah FNSB dan FELCRA perlu memantau rapi pencapaian KPI yang telah ditetapkan.	
27.5.3.1.g.i	Bagi memastikan proses pembekalan, penghantaran baja dan tuntutan bayaran oleh pembekal adalah mengikut prosedur yang ditetapkan, semakan telah dilakukan terhadap 92 pesanan tempatan dengan 149 baucar bayaran bagi 20 kontrak FNSB dengan pembekal baja tempatan dan 7 pesanan tempatan dengan 17 baucar bayaran bagi baja sebatian (baja tempatan). Semakan Audit juga dijalankan terhadap 14 pesanan tempatan dan 29 baucar bayaran bagi 5 kontrak FNSB dengan pembekal baja import serta 13 pesanan tempatan dan 40 baucar bayaran bagi 5 kontrak FNSB dengan pembekal baja untuk *bulk blend*. Semakan Audit mendapati perkara-perkara seperti berikut: i. Dokumen Sokongan Tidak Lengkap Berdasarkan garis Panduan Perolehan, nota hantaran perlu dilampirkan bersama invois dan baucar bayaran semasa membuat tuntutan bayaran sebagai bukti penghantaran telah dibuat oleh pembekal. Semakan Audit mendapati kelemahan seperti berikut: • Terdapat 110 baucar bayaran bagi pembekalan baja tempatan dan bulk blend berjumlah RM15.65 juta yang melibatkan 6 pembekal tidak melampirkan	Penambahbaikan telah dibuat di mana untuk pengesahan penerimaan baja ialah memastikan di samping DO FNSB ditandatangani oleh pelanggan, pihak pembekal juga perlu menyertakan DO pembekal yang telah ditandatangani oleh pelanggan sebagai bukti penerimaan sebelum bayaran dibuat.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	nota hantaran sebagai bukti pembekalan dan penerimaan baja telah dilaksanakan. Keadaan ini boleh menyebabkan berlakunya *risiko improper payment.* *Maklum Balas FNSB Yang Diterima Pada 19 September 2014* *Pengesahan penerimaan oleh pelanggan selama ini adalah berdasarkan DO FNSB yang telah ditandatangani oleh penerima. Pembekal bertanggungjawab menyerahkan DO FNSB ini bersama-sama dengan invois pembekal sebelum bayaran dibuat. Untuk penambahbaikan, pihak pembekal telah diarahkan untuk melampirkan sekali DO pembekal yang telah ditandatangani. DO FNSB dicetak keluar daripada Sistem e-DO oleh pembekal untuk ditandatangani oleh penerima semasa penghantaran baja. Semasa pembayaran dibuat kepada pembekal, DO FNSB tersebut perlu dilampirkan bersama-sama dengan invois.* *Setiap dokumen difailkan mengikut kategori seperti gaji, EPF, Socso, baja local, baja import, baja bulk blend, kimia, penyata shell dan lain-lain. Ini bertujuan untuk memudahkan rujukan dibuat dari masa ke semasa. Tindakan serta-merta dengan memfailkan baucar bayaran berserta dokumen sokongan selaras dengan teguran audit.* *Pada pendapat Audit, pihak FNSB perlu mematuhi prosedur yang telah ditetapkan agar dapat menjamin pelanggan telah menerima baja yang sepatutnya bagi membolehkan pembayaran dibuat berdasarkan dokumen yang sah.*	
27.5.3.1.g.ii	**Bekalan Baja Tidak Sama Dalam Pesanan Tempatan** Penghantaran bekalan baja hendaklah sama seperti dalam pesanan tempatan yang dikeluarkan oleh FNSB. Semakan terhadap sampel dokumen pesanan tempatan mendapati:- • Bagi bekalan baja sebatian dan Nrich dari 2 pembekal iaitu CCM Fertilizer Sdn. Bhd dan Felcra Plantation Services Sdn. Bhd. pula, pihak Audit mendapati pembekal telah terkurang menghantar bekalan baja antara 11 hingga 242.1 tan metrik dan juga terlebih hantar sejumlah 64.1 tan metrik. Semakan Audit selanjutnya, tiada bukti ada arahan dikeluarkan bagi mengurangkan atau menambah jumlah	Pada 15 September 2014, FNSB telah mengemukakan Surat Makluman kepada Bahagian Perladangan FELCRA Berhad mengenai pandangan Jabatan Audit Negara supaya tiada pindaan (tambahan/pengurangan kuantiti) bagi semua kontrak pesanan tempatan yang telah dikeluarkan. Walaubagaimanapun, jika ada pindaan maka pemakluman secara bertulis perlu dikeluarkan oleh Bahagian berkenaan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pesanan yang dibuat. Maklum Balas FNSB Yang Diterima Pada 19 Ogos 2014 *Perbezaan kuantiti pembekalan baja sama ada lebihan ataupun pengurangan adalah berdasarkan permintaan sebenar oleh pihak pelanggan. Contohnya program-program semasa yang berlaku seperti tanaman semula di mana peserta menangguhkan program tersebut disebabkan harga komoditi tinggi. Walau bagaimanapun, pembayaran kepada pembekal adalah mengikut kuantiti yang sebenar dibekalkan.* *Tindakan serta-merta bagi memastikan semua pembekalan baja dihantar mengikut kuantiti pesanan asal.* Pada pendapat Audit, sebarang perubahan perlu berasaskan arahan bertulis daripada pihak yang berkuasa membuat keputusan agar perubahan yang dibuat adalah sah mengikut keperluan pihak pelanggan yang sebenar.	
27.5.3.1.g.iii	**Penggunaan Mesin Pembancuh Baja dan Pengeluaran Baja *Bulk Blend* Yang Terhad** Pada tahun 2012, FNSB telah membeli 5 mesin pembancuh baja bagi menjalankan aktiviti pengeluaran baja *bulk blend*. Dua daripada mesin pembancuh baja tersebut berada di gudang Pelabuhan Kuantan yang berharga RM160,000 setiap satu. Manakala 3 mesin lagi berada di gudang Pelabuhan Kelang yang berharga RM142,000 setiap satu. Pada masa ini pengeluaran baja *bulk blend* hanya ditumpukan kepada keperluan FELCRA sahaja. FNSB masih belum mengeluarkan baja *bulk blend* kepada pasaran luar kerana kekangan modal dan tenaga kerja. Pengeluaran baja *bulk blend* ini hanyalah untuk keperluan FELCRA sahaja, maka penggunaan mesin *bulk blend* ini juga adalah terhad. Maklum Balas FNSB Yang Diterima Pada 9 Julai Dan 19 Ogos 2014 *Pembelian 5 mesin pengeluaran baja bulk blend adalah berdasarkan kepada perancangan pengeluaran baja yang diperlukan FELCRA Berhad. Penggunaan mesin ketiga bagi Pelabuhan Kelang dan mesin kedua bagi Pelabuhan Kuantan adalah berfungsi sebagai mesin sokongan jika berlaku kerosakan kepada mesin utama. Pembelian mesin tersebut juga adalah bertujuan untuk memenuhi*	Bagi program pengembangan pengeluaran baja bulk blend untuk pasaran luar, ianya telah dimasukkan ke dalam Pelan Perniagaan FNSB bagi tahun 2015 hingga 2020 dengan sasaran 10 peratus @ 15,000-20,000 MT bermula tahun 2015.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	tambahan permintaan pada tahun 2014. *Setelah PO dikeluarkan, pemasangan mesin akan mengambil masa sekurang-kurangnya 1 ke 2 bulan. Ini bermaksud untuk mesin tersebut akan mula beroperasi pada bulan kedua atau bulan ketiga. Operasi mesin bulk blend ini menggunakan kaedah penggiliran di mana setiap mesin akan direhatkan selama seminggu. Ini bertujuan untuk memanjangkan hayat penggunaan mesin tersebut. Kuantiti pesanan baja bulk blend Pusingan 2/2013 bagi Port Klang (Julai-Disember 2013) berjumlah 17,000MT sepertimana Kontrak Jual Beli No. KBN-FNSB/1/2013-2(B). Setiap mesin berkeupayaan memproses sebanyak 3,000MT/sebulan. 3 mesin telah memproses sebanyak 9,000MT sebulan. Bagi mencapai kuantiti pesanan 17,000MT, memerlukan tempoh 2 bulan memproses. Justeru itu, semua mesin adalah digunakan secara optimum.* Pada pendapat Audit, pihak FNSB sewajarnya mengambil inisiatif bagi mengembangkan pengeluaran baja *bulk blend* kepada pasaran luar dan tidak hanya bergantung pada keperluan FELCRA sahaja.	
27.5.3.1.g.iv	**Proses Perolehan Bagi Baja Kimia Tidak Mengikut Prosedur Yang Ditetapkan** • Semakan terhadap kontrak bagi aktiviti pembekalan racun/baja kimia pula mendapati kontrak yang diterima daripada FELCRA bagi tahun 2011 iaitu BKLU 018/2011 dan BKLU 296/2011(BKL 1000000204), hanya ada pelawaan sebut harga dan senarai tawaran harga daripada pembekal. Bagaimanapun proses pembukaan pelawaan sebut harga, rundingan sebut harga bagi kadar yang dipersetujui seperti dalam senarai tawaran harga daripada pembekal, mesyuarat Jawatankuasa Perolehan bagi memilih pembekal yang berjaya tidak dilaksanakan sebagaimana ditetapkan dalam Panduan Asas Perolehan FNSB. • Selain itu Surat Setuju Terima juga tidak dikeluarkan kepada pembekal yang berjaya. Manakala bagi kontrak yang diterima daripada FELCRA bagi tahun 2012 pula iaitu BKLU 574/2011(BKL 1000000265) mesyuarat Jawatankuasa Perolehan tidak dijalankan. Bagi kontrak BKLU 072/2012 (BKL 1000000296) dan BKLWU 370/2012 (BKL 1000000451) pula mesyuarat Jawatankuasa Perolehan tidak diadakan dan Surat Setuju Terima kepada pembekal berjaya juga tidak dikeluarkan. Maklum Balas FNSB Yang Diterima Pada 19 Ogos 2014	Berkuatkuasa serta-merta, FNSB akan melaksanakan prosedur perolehan mengikut SOP yang telah dikemaskini yang akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah FNSB pada 31 Oktober 2014 untuk kelulusan. Satu Salinan SOP yang telah diluluskan tersebut akan diserahkan kepada Jabatan Audit Negara.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Bagi tahun 2011 dan 2012, pelantikan pembekal bagi bekalan baja kimia dan racun adalah dibuat berasaskan sebut harga yang diperolehi daripada pembekal. Tetapi pada tahun 2013, lantikan pembekal kimia dan racun telah dikemas kini dengan membuat pelantikan berdasarkan kepada kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan. Pada tahun 2013 juga Surat Setuju Terima kepada pembekal yang berjaya telah dikeluarkan dan lantikan pembekal kimia dan racun telah dibuat berdasarkan kepada kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan. Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti utama FNSB perlu mematuhi peraturan perolehan yang ditetapkan di samping mengemas kini SOP aktiviti utamanya agar bagi memastikan perolehan yang dilakukan adalah telus, adil dan memberi nilai terbaik kepada FNSB.	
27.5.4.1.a	**Prosedur/Peraturan Pengurusan** Lembaga Pengarah Syarikat Induk adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan semua dasar yang ditetapkan dalam pekeliling ini serta semua pekeliling Kerajaan yang berkaitan dipatuhi oleh syarikat subsidiari. Pihak Audit mendapati semua prosedur berkaitan pengurusan kewangan FNSB adalah dilaksanakan berdasarkan peraturan yang ditetapkan oleh syarikat induknya iaitu FELCRA.	Pembentangan SOP yang telah dikemaskini akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah FNSB pada 31 Oktober 2014 untuk kelulusan.
27.5.4.1.b	Semakan Audit selanjutnya mendapati FNSB mempunyai draf SOP berkaitan aktiviti utamanya yang disediakan pada tahun 2010 iaitu antaranya seperti penerimaan baja dari pelabuhan ke gudang, penghantaran baja ke ladang, pengurusan stok baja, kemasukan pekerja asing dan pengurusan tenaga kerja. Bagaimanapun, draf SOP tersebut tidak dikemas kini dan masih belum diluluskan oleh Lembaga Pengarah FNSB. Maklum balas FNSB Yang Diterima Pada 19 Ogos 2014 *Deraf SOP telah disediakan pada bulan Mac 2010 dan diguna pakai sebagai panduan untuk operasi syarikat. SOP tersebut sedang dikemaskinikan dengan mengambil kira aktiviti-aktiviti baru yang dijalankan pada tahun 2014. Tindakan untuk mengangkat SOP yang dikemaskinikan bagi kelulusan Lembaga pengarah FNSB pada bulan Oktober 2014.* Pada pendapat Audit, FNSB perlu mengemas kini draf SOP aktiviti utamanya	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dan seterusnya dibawa untuk kelulusan Lembaga Pengarah bagi memastikan aktiviti utamanya dilaksanakan dengan teratur dan mengurangkan kelemahan yang berlaku dalam proses yang diamalkan kini.	
27.5.4.2.a	**Tadbir Urus Korporat - Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Tidak Ditandatangani Dan Disahkan Oleh Pengerusi Mesyuarat** Seksyen 156 (1) (b) Akta Syarikat 1965 menghendaki minit mesyuarat Lembaga Pengarah ditandatangani oleh pengerusi mesyuarat di mana prosiding diadakan atau oleh pengerusi mesyuarat kemudian selepasnya. Seksyen 156 (4) juga menyatakan jika keingkaran dibuat dalam mematuhi seksyen ini, syarikat dan tiap-tiap pegawai syarikat yang ingkar adalah melakukan kesalahan terhadap Akta ini. Semakan Audit terhadap mesyuarat Lembaga Pengarah FNSB bagi tahun 2010 hingga September 2013 mendapati Lembaga Pengarah FNSB bermesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan dan minit mesyuarat disediakan. Bagaimanapun, minit mesyuarat tersebut tidak ditandatangani dan disahkan oleh pengerusi mesyuarat. Maklum balas FNSB Yang Diterima Pada 19 Ogos 2014 *Pihak pengurusan telah memastikan setiap minit mesyuarat akan ditandatangani oleh Pengerusi mesyuarat selaras dengan kehendak Akta Syarikat 1965 dan tindakan menandatangani Minit mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tahun 2010 sehingga 2014 telah dilaksanakan oleh Pengerusi mesyuarat selepas teguran Audit.* Pihak Audit berpendapat, pengerusi mesyuarat perlu menandatangani minit mesyuarat bagi mengesahkan ketepatan perkara atau isu yang dibincangkan seperti mana yang dikehendaki oleh Akta Syarikat 1965.	FNSB telah memastikan minit mesyuarat ditandatangani sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah yang akan datang berlangsung dan semua Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah telah ditandatangani bermula bulan Januari 2014.
27.5.4.2.b	**Tiada Mekanisme Pemantauan Dan Polisi Serta Perancangan Yang Jelas Terhadap Latihan Yang Dihadiri Oleh Kakitangan FNSB** Pembelajaran berterusan hendaklah diberikan kepada setiap pegawai dan kakitangan FNSB bertujuan untuk menggalakkan pembangunan diri, penguasaan pengetahuan, kemahiran, kreativiti dan inovasi. Bagi memastikan program latihan tahunan yang tersusun dan sistematik, FNSB sewajarnya menyediakan perancangan latihan setiap tahun berasaskan keperluan semua pegawai dan kakitangannya. Semakan Audit terhadap pelaksanaan latihan mendapati FNSB tidak mempunyai sebarang mekanisme bagi memantau latihan	Tindakan jangka panjang yang telah diambil adalah mengemaskini polisi latihan staf dalam SOP yang akan dibawa untuk kelulusan Lembaga Pengarah FNSB pada 31 Oktober 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	yang telah dihadiri oleh kakitangannya. Perkara ini berlaku disebabkan FNSB tidak mempunyai polisi yang jelas berhubung latihan serta tiada perancangan dan SOP berkaitan latihan. Tanpa pemantauan yang berkesan terhadap latihan yang diberikan kepada kakitangannya boleh menyebabkan kakitangan FNSB tidak menghadiri sebarang latihan/kursus pada sesuatu tahun dan tidak dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam bidang kerja yang dijalankan secara berterusan. Maklum balas FNSB Yang Diterima Pada 19 Ogos 2014 *Pihak Pengurusan mengambil maklum atas saranan yang diberikan oleh JAN berhubung polisi latihan kepada kakitangan FNSB. Bagi memantapkan lagi urusan latihan untuk kakitangan, pihak syarikat akan menyediakan SOP berkaitan latihan yang telah dimasukkan di dalam Pelan Perniagaan Strategik Syarikat untuk tempoh 2015 hingga 2020. Tindakan serta-merta dengan menyediakan program latihan staf tahunan untuk tempoh September hingga Disember 2014 dan program tahun 2015. Program latihan dilaksanakan berasaskan setiap staf perlu menghadiri kursus/bengkel/latihan sekurang-kurangnya 7 hari setahun.* Pada pendapat Audit, FNSB perlu mempunyai Perancangan Latihan Tahunan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangannya secara berterusan serta menyediakan SOP berkaitan latihan. Satu mekanisme pemantauan bagi memantau setiap latihan/kursus yang dihadiri setiap kakitangannya juga perlu bagi memastikan setiap kakitangannya telah menghadiri kursus mengikut perancangan.	
27.5.4.3.a.i	**Pengurusan Perbelanjaan - Tiada Had Kuasa Ditetapkan Bagi Menandatangani Baucar Bayaran** Pengurusan FNSB tidak menetapkan had kuasa bagi menandatangani baucar bayaran disebabkan hanya terdapat 3 orang pegawai atasan di Unit Kewangan. Semakan Audit mendapati kesemua sampel baucar bayaran yang dipilih diluluskan oleh Pengurus Kanan Kewangan dan disahkan oleh Eksekutif Kewangan. Maklum balas FNSB Yang Diterima Pada 19 Ogos 2014 *Pihak Pengurusan mengambil maklum teguran JAN. Pengemaskinian bagi had*	Tindakan mengemaskinikan had kuasa bagi kuasa menandatangani baucar bayaran di dalam SOP Kewangan yang diangkat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah FNSB pada 31 Oktober 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	kuasa ditetapkan bagi menandatangani baucar bayaran akan dilaksanakan pada tahun 2014. Pihak pengurusan akan mengeluarkan surat arahan had kuasa kepada semua pegawai yang terlibat bagi meningkatkan kawalan dalaman proses bayaran dan perbelanjaan. Tindakan mengemaskinikan had kuasa bagi kuasa menandatangani baucar bayaran di dalam SOP Kewangan akan diangkat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah pada Oktober 2014. Pada pendapat Audit, pihak pengurusan FNSB hendaklah menyediakan had kuasa bagi menandatangani baucar bayaran bagi mengelakkan sesuatu perkara yang tidak diingini dan meningkatkan tahap kawalan dalaman dalam proses bayaran dan perbelanjaan.	
27.5.4.3.a.ii	**Baucar Bayaran Tidak Di Tandatangani Oleh Pegawai Bertanggungjawab** Sebanyak 30 baucar bayaran berjumlah RM7.92 juta daripada 175 baucar yang dipilih didapati tiada tandatangan pegawai yang meluluskan baucar bayaran manakala sebanyak 35 baucar berjumlah RM220,309 pula tiada tandatangan pegawai yang mengesahkan baucar bayaran. Maklum balas FNSB Yang Diterima Pada 19 Ogos 2014 *Semasa proses pembayaran, semua dokumen sokongan disemak lengkap bersama-sama invois pembekal sebelum baucar disediakan iaitu invois, DO dan lain-lain dokumen yang berkaitan. Walaupun terdapat sebahagian baucar bayaran tiada tandatangan pegawai mengesahkan atau tandatangan pegawai yang meluluskan baucar bayaran berkenaan namun semua dokumen sokongannya adalah lengkap.* *Tindakan untuk mengemas kini SOP baucar bayaran supaya hanya 2 tandatangan sahaja diperlukan iaitu tandatangan pegawai yang menyediakan dan tandatangan pegawai yang meluluskan baucar bayaran di dalam SOP akan diangkat ke Mesyuarat Lembaga Pengarah pada bulan Oktober.* Pada pendapat Audit, pengesahan dan kelulusan baucar bayaran adalah penting sebelum sebarang pembayaran dibuat. Ketiadaan pengesahan dan kelulusan tersebut boleh membuka ruang berlakunya penyelewengan seperti *improper payment*. Kawalan dalaman terhadap proses bayaran FNSB juga perlu di pertingkatkan lagi.	Berkuatkuasa pada 17 Oktober 2014, FNSB juga telah mengemaskini format baucar bayaran yang hanya perlu ditandatangani oleh dua orang sahaja iaitu pegawai yang menyediakan dan pegawai yang meluluskan selaras dengan SOP syarikat. Di samping itu, pihak Audit Dalam FELCRA Berhad telah membuat semakan pada 20 Oktober 2014 dan mengesahkan semua pembayaran yang telah dibuat adalah berasaskan pada dokumen sokongan yang lengkap.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
27.5.4.3.a.iii	**Rekod Kewangan Dan Aktiviti Tidak Lengkap** • Semakan Audit juga mendapati fail di Unit Kewangan juga tidak disusun dengan sistematik kerana kebanyakan baucar tidak disertakan dengan dokumen sokongan atau dokumen sokongan disimpan dalam fail yang berasingan. Ini menyebabkan maklumat sukar diperolehi dengan segera. • Semasa lawatan ke FNSB Wilayah Selatan pihak Audit juga mendapati dokumen sokongan seperti *weighbridge advice ticket/shipment weighing ticket* dan *collection advice* telah disimpan berasingan dengan baucar bayaran dan ini menyukarkan semakan semula dokumen dibuat. Maklum balas FNSB Yang Diterima Pada 19 Ogos 2014 *Setiap dokumen difailkan mengikut kategori seperti gaji, EPF, Socso, baja* tempatan *baja impot, baja bulk blend, kimia, penyata shell dan lain-lain. Ini bertujuan untuk memudahkan rujukan dibuat dari masa ke semasa. Pengurusan mengambil maklum teguran Audit dan mengambil tindakan serta-merta berasaskan saranan tersebut. Tindakan serta-merta dengan mengemaskinikan sistem fail baucar bayaran syarikat dengan melampirkan dokumen sokongan bersama-sama.* Pada pendapat Audit, penyimpanan rekod kewangan FNSB adalah kurang teratur dan boleh mengakibatkan kesukaran untuk mendapatkan maklumat dengan segera.	Berkuatkuasa serta-merta, FNSB telah mengemaskinikan sistem *failing* baucar bayaran syarikat dengan melampirkan dokumen sokongan bersama-sama selaras dengan teguran pihak Audit Negara. Prosedur-prosedur ini telah dimasukkan ke dalam SOP yang akan diangkat ke Mesyuarat Lembaga Pengarah FNSB pada bulan 31 Oktober 2014.
27.5.4.3.a.iv	**Sagu hati/Bonus Kepada Ahli Lembaga Pengarah** Lembaga Pengarah hendaklah menggunakan dana syarikat dengan tujuan memajukan syarikat dan setiap pembayaran kepada Lembaga Pengarah perlulah mendapat persetujuan daripada Kementerian Kewangan selaku pemegang saham terbesar. Bagaimanapun bagi syarikat subsidiari memadai dengan mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah syarikat Induk dan juga Lembaga Pengarah syarikat itu sendiri. Semakan Audit mendapati dari tahun 2010 hingga tahun 2012, FNSB telah membayar honorarium kepada Ahli Lembaga Pengarah (ALP) FNSB berjumlah RM217,500, insentif pendidikan RM158,000, insentif Hari Raya Aidilfitri RM145,000 dan sumbangan lembu berjumlah RM98,000. Selain dari itu, pada tahun 2013 Ahli Lembaga Pengarah juga ada menerima *Benefit in Kind* berjumlah RM10,000 bagi setiap ALP dan RM15,000 bagi Pengerusi ALP. Pihak Audit mendapati kesemua pemberian	Surat permohonan mengenai sagu hati/bonus kepada Ahli Lembaga Pengarah telah dihantar untuk pertimbangan Menteri Kewangan Diperbadankan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	honorarium dan insentif ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah FELCRA dan juga Lembaga Pengarah FNSB. Maklum balas FNSB Yang Diterima Pada 19 Ogos 2014 *Pihak Pengurusan mengambil maklum saranan JAN dan akan memaklumkan kepada Lembaga Pengarah FNSB untuk merujuk kepada FELCRA Berhad bagi penyelarasan polisi pemberian sagu hati/bonus kepada Lembaga Pengarah. Mesyuarat Lembaga Pengarah FELCRA Berhad kali ke-146 pada 11 Jun 2014 telah memperakukan cadangan supaya Ahli Lembaga Pengarah FELCRA Berhad dan anak syarikatnya dibayar saguhati tahunan berdasarkan kepada keuntungan bersih syarikat bagi tahun kewangan 2010 (RM257,500), 2011 (RM133,333) dan 2012 (RM332,500) untuk kelulusan YB Menteri Kewangan Ke II. Permohonan pelaksanaan polisi (berdasarkan kepada keuntungan bersih syarikat) mengenai bayaran saguhati kepada ahli Lembaga Pengarah Syarikat/Anak Syarikat FELCRA Berhad telah diserahkan kepada Menteri Kewangan Ke II pada 7 Julai 2014.* Pihak Audit berpendapat walaupun pemberian honorarium dan insentif ALP FNSB telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah FELCRA dan Lembaga Pengarah FNSB, namun adalah wajar sekiranya persetujuan daripada pihak Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) diperolehi terlebih dahulu memandangkan projek yang diterima oleh FNSB adalah projek FELCRA yang mana MKD adalah pemegang saham utamanya.	
27.5.4.3.b.i	**Tiada Garis Panduan Terhadap Kawalan Aset** FNSB tidak mewujudkan satu garis panduan yang menyeluruh terhadap kawalan aset. Semakan Audit terhadap pengurusan aset mendapati tidak ada polisi dan prosedur yang formal atau standard bagi pengurusan aset yang telah diluluskan untuk diterima pakai sebagai dokumen rasmi. Perkara ini telah disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab. Menurut maklum balas yang diterima, pemeriksaan aset yang pertama telah dijalankan oleh konsultan Jaya Abadi Sdn. Bhd. pada tahun 2011 tetapi tiada sebarang pelupusan dibuat. Pemeriksaan aset yang terkini akan dijalankan oleh FNSB pada tahun 2014. Maklum Balas FNSB Yang Diterima Pada 19 Ogos 2014	SOP berkaitan Pengurusan Aset yang telah dikemaskini akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah FNSB pada bulan 31 Oktober 2014 untuk kelulusan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pihak pengurusan mengambil maklum di atas teguran JAN bagi mewujudkan garis panduan terhadap kawalan aset. Di samping itu, bermula tahun 2014 pihak syarikat telah menubuhkan Jawatankuasa Pelupusan yang bertanggungjawab ke atas cadangan pelupusan aset syarikat. Pada masa ini hanya pelupusan kenderaan telah dibuat dengan Jawatankuasa Pelupusan Teknikal FELCRA Berhad untuk melupuskan kenderaan syarikat. SOP Pengurusan Aset akan disediakan dalam tempoh satu bulan dan diangkat kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah pada bulan Oktober 2014.	
27.5.4.3.b.ii	**Aset Syarikat Tidak Dilabelkan** Pemeriksaan fizikal terhadap aset di Ibu Pejabat FNSB pada 29 Januari 2014, Gudang Pelabuhan Kelang dan Gudang Pelabuhan Kuantan pula telah dijalankan pada 6 Januari 2014 dan 7 Januari 2014. Semakan Audit mendapati 100 aset FNSB yang terdiri daripada perabot, mesin pembancuh baja, *forklift*, *Shovel Caterpillar* dan mesin timbang dan lain-lain tidak dilabelkan dengan nombor kod pendaftaran/pengenalan seperti yang didaftarkan dalam *Fixed Asset Listing Report*. Maklum balas FNSB Yang Diterima Pada 19 Ogos 2014 *Pelabelan bagi semua harta tetap syarikat telah dibuat sebelum ini. Walau bagaimanapun terdapat kelemahan dari segi kualiti label yang digunakan yang menyebabkan ia mudah tertanggal. Pihak pengurusan syarikat telah mengambil inisiatif untuk mengemaskinikan harta tetap dengan label kod harta tetap yang lebih berkualiti yang akan diselesaikan pada 15 September 2014.* Pada pendapat Audit, FNSB hendaklah mewujudkan satu garis panduan yang menyeluruh terhadap pengurusan asetnya. Pemeriksaan aset dan verifikasi aset hendaklah dijalankan bagi mengesah kewujudan dan keadaan aset secara fizikal, di samping semakan terhadap rekod bagi mengenal pasti lokasi penempatan aset. FNSB juga perlu memastikan rekod penyelenggaraan aset sentiasa dikemas kini, aset hendaklah dilabel dan dinyatakan lokasi sebenar bagi mengelakkan daripada berlakunya kehilangan ke atas aset, memastikan kewujudannya dan kebolehgunaannya.	Pihak pengurusan syarikat telah mengambil inisiatif untuk mengemaskinikan harta tetap dengan label kod harta tetap yang lebih berkualiti yang telah diselesaikan pada 12 September 2014.

(AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN)

MAJLIS AMANAH RAKYAT

Perenggan 2 : Pengurusan Projek Pembinaan Maktab Rendah Sains MARA Arau dan Kuala Kangsar Serta Kolej Kemahiran Tinggi MARA Lenggong

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.4.1.1	**Prestasi Projek** Pada tahun 2006, MARA telah melantik syarikat Safaha Enterprise Sdn. Berhad melalui tender terbuka bagi melaksanakan pembinaan MRSM Arau dengan kos sejumlah RM38.60 juta. Kontraktor ini telah ditamatkan kontraknya pada bulan Januari 2008 kerana lewat menyiapkan projek dengan kemajuan kerja hanya 12.2% atau lewat selama 251 hari. Syarikat Local Engineering Sdn. Berhad pula telah dilantik secara tender terhad sebagai kontraktor penyelamat pada bulan Oktober 2008 dengan kos RM55.10 juta.	
2.4.1.2	Pembinaan projek MRSM Kuala Kangsar bermula pada bulan Disember 2006 oleh syarikat Aman Selama Sdn. Berhad. Kos projek adalah berjumlah RM40.31 juta dan pelantikan kontraktor adalah melalui tender terbuka. MARA telah menamatkan kerja kontraktor secara persetujuan bersama pada bulan September 2008 kerana kontraktor memohon ditamatkan kontrak memandangkan kontraktor terpaksa menanggung kerugian sebanyak RM4.55 juta akibat daripada kenaikan harga bahan binaan yang luar biasa. Status pelaksanaan projek adalah 41% siap berbanding 66% sepatut siap iaitu lewat selama147 hari. Projek ini telah ditender semula dan kontraktor yang berjaya adalah syarikat Maju Bangun Sdn. Berhad dengan kos projek sejumlah RM44.21 juta dan pelantikan adalah melalui tender terbuka.	
2.4.1.3	Pembinaan projek KKTM Lenggong pula bermula pada bulan Mac 2008 oleh syarikat Zilanza Urusniaga Sdn. Berhad dengan kos sejumlah RM113.34 juta dan pelantikan adalah melalui rundingan terus reka dan bina. Tempoh projek adalah selama 26 bulan dan sepatutnya siap pada bulan Mei 2010. Projek hanya siap pada bulan Januari 2014.	
2.4.1.4	Semakan Audit mendapati sehingga bulan Januari 2014, projek MRSM Arau dan MRSM Kuala Kangsar belum disiapkan walaupun projek telah dimulakan oleh kontraktor asal sejak tahun 2006 iaitu mengambil tempoh selama 7 tahun. Kemajuan kerja masing-masing adalah 96.4% dan 87%. Semakan juga	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	mendapati pembinaan KKTM Lenggong yang dimulakan pada 2008 telah disiapkan pada bulan Januari 2014 dan mengambil tempoh selama 5 tahun.	
2.4.1.5	Kontraktor penyelamat bagi projek pembinaan MRSM Arau iaitu *Local Engineering* Sdn. Berhad pula telah ditamatkan kontrak pada bulan Oktober 2013 disebabkan kegagalan menyiapkan projek walaupun sebanyak 8 *Extension Of Time* (EOT) telah diluluskan. Tempoh kelewatan projek ini adalah selama 273 hari daripada tarikh akhir kelulusan EOT.	
2.4.1.6	Kontraktor penyelamat bagi projek pembinaan MRSM Kuala Kangsar iaitu Maju Bangun Sdn. Berhad sepatutnya menyiapkan projek pada bulan November 2013 tetapi gagal menyiapkannya mengikut tempoh yang ditetapkan. EOT telah diluluskan selama 120 hari pada bulan November 2013 dan tarikh siap telah dipinda ke bulan Mac 2014.	
2.4.1.7	Semakan lanjut mendapati projek KKTM Lenggong belum disiapkan sepenuhnya dan kelulusan EOT sebanyak 6 kali iaitu selama 1,033 hari telah diluluskan. Sehingga bulan November 2013, kemajuan kerja adalah 98.3%. Tempoh kelewatan projek ini adalah selama 242 hari daripada tarikh kelulusan EOT. Pada pendapat Audit, pengurusan Projek Pembinaan MRSM Arau, MRSM Kuala Kangsar dan KKTM Lenggong adalah kurang memuaskan kerana projek tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan menyebabkan pengambilan pelajar baru tidak dapat dilaksanakan. Maklum Balas Daripada MARA Diterima Pada 9 September 2014 *MARA memaklumkan bagi MRSM Arau, proses melantik kontraktor penyelamat pertama telah mengambil masa selama 10 bulan dan kontraktor penyelamat ini telah dilantik pada 23 Oktober 2008 dan projek sepatutnya siap pada 22 September 2010. Bagaimanapun, kontraktor penyelamat pertama ini telah ditamatkan kontrak pada 9 Oktober 2013. Proses untuk melantik kontraktor penyelamat kedua pula telah mengambil masa lebih 8 bulan. Perakuan pemilihan kontraktor peringkat MARA telah dipersetujui oleh Lembaga Perolehan MARA B pada 24 April 2014 dan telah dibentangkan di Jawatankuasa Projek Sakit Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pada 16 Mei 2014. Kementerian Kewangan telah bersetuju dengan pelantikan kontraktor Dania Sdn. Bhd. dengan harga kontrak sejumlah RM6,503,204.00 pada 19 Julai 2014. Surat setuju terima telah dikeluarkan pada 23 Julai 2014 dan tarikh*	Status kemajuan kerja bagi MRSM Arau setakat 25 September 2014 adalah sebanyak 4.08% dan kerja dijangka siap pada 12 Februari 2015.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	penyerahan tapak adalah pada 28 Ogos 2014 dengan tempoh kontrak selama 24 minggu dan kerja siap pada 28 Februari 2015. *MARA juga memaklumkan proses tender semula projek MRSM Kuala Kangsar ditangguhkan selama 2 tahun 7 bulan kerana peruntukan tidak mencukupi. Pelantikan kontraktor baru iaitu Maju Bangun Sdn. Berhad mengambil masa 4 bulan dan dilantik pada 30 November 2011. Projek dijangka siap pada bulan Oktober 2014.* *KKTM Lenggong pula tidak disiapkan mengikut kontrak dan telah diberi 6 kali lanjutan masa. Antara sebab kelewatan adalah pindaan pelan merancang akibat pembatalan pengambilan 1 lot tanah yang mendapat bantahan daripada pemilik, kelewatan kelulusan pelan bangunan dan perubahan jalan masuk yang melibatkan pengambilan tanah baru dan halangan jalan masuk di bawah talian rentas Tenaga Nasional Berhad dan keperluan anjakan 50 kaki daripada pailong. Bagaimanapun, projek ini telah siap sepenuhnya dan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan pada 13 Januari 2014.*	Status kemajuan kerja bagi MRSM Kuala Kangsar setakat 22 September 2014 adalah 95.80%. EOT telah diluluskan sebanyak 40 hari dan kerja dijangka siap pada 10 November 2014.
2.4.2.2	**Peningkatan Kos Projek** Semakan Audit mendapati kos projek bagi MRSM Arau telah meningkat sejumlah RM23.53 juta atau 60.9% selepas 2 kontraktor penyelamat dilantik manakala kos projek MRSM Kuala Kangsar meningkat sejumlah RM3.90 juta atau 9.7%. Pada pendapat Audit, pengurusan projek pembinaan MRSM Arau dan MRSM Kuala Kangsar adalah kurang memuaskan kerana projek lewat disiapkan, memerlukan pelantikan kontraktor penyelamat serta menyebabkan peningkatan kos projek. Maklum Balas Daripada MARA Diterima Pada 9 September 2014 *MARA memaklumkan bagi MRSM Arau peningkatan harga bahan dalam pasaran semasa disebabkan selang masa. Kontraktor terpaksa menggunakan harga baru mengikut harga pasaran semasa. Harga tender baru juga mengambil kira kerja pembaikan struktur lama yang ditinggalkan. Kenaikan ini adalah selaras dengan kenaikan indeks bangunan iaitu daripada 123.1 kepada 140.3 dan kenaikan indeks besi daripada RM2,494/tan kepada RM4,000/tan.* *Bagi MRSM Kuala Kangsar pula peningkatan kos ini adalah perbandingan harga*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	tender pada tahun 2006 dengan harga semasa tahun 2011 yang ditawarkan oleh kontraktor Maju Bangun Sdn. Berhad pada tahun 2011. Berdasarkan indeks pasaran Jabatan Perangkaan Negara terdapat peningkatan base index pada tahun 2007 berbanding pada bulan Julai 2011. Analisis perbandingan harga tender kontraktor asal dengan kontraktor penyelamat pula menunjukkan secara keseluruhan terdapat beberapa item dalam dokumen tender yang baru diberi harga yang lebih tinggi. *Peningkatan kos projek MRSM Arau dapat diselaraskan melalui bon pelaksanaan kerja yang telah dirampas iaitu daripada Safaha Enterprise Sdn. Bhd. berjumlah RM439,266 dan Local Engineering berjumlah RM2,755,055 menjadi jumlah keseluruhan sejumlah RM3,194,321. Tindakan pembetulan telah diambil oleh MARA untuk mengukuhkan kawalan dalaman dengan mengemas kini SOP dan menurunkan kuasa sebagai Pegawai Penguasa (SO) untuk kerja pembinaan dan senggaraan bernilai RM500,001 ke atas kepada Pengarah Bahagian Binaan dan Senggaraan dan RM500,000 ke bawah kepada Pengarah MARA Negeri pada 20 Disember 2013.*	
2.4.3.1.a	**Pelanjutan Tempoh (EOT) - Penamatan Kontraktor MRSM Arau** i. Berdasarkan syarat kontrak MRSM Arau, MARA boleh menamatkan kontrak sekiranya kontraktor gagal meningkatkan kemajuan kerja dan menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan. ii. Semakan Audit mendapati Pengarah Bahagian Binaan Dan Senggaraan telah mengeluarkan sebanyak 10 Notis Hasrat Penamatan Kontrak kepada kontraktor Local Engineering Sdn. Berhad. Notis Hasrat Penamatan pertama telah dikeluarkan pada 17 Februari 2010 dan EOT pertama telah diluluskan pada 28 Jun 2010. Notis Hasrat Penamatan ke-3 pula diberi sehari sebelum EOT ke-3 diluluskan. Maklum Balas Daripada MARA Diterima Pada 9 September 2014 *MARA memaklumkan kelonggaran diberi kepada kontraktor untuk terus melaksanakan projek bagi mengelak kenaikan kos dan jangka masa pembinaan projek yang lebih panjang sekiranya kontraktor penyelamat dilantik. Tindakan ini juga selaras dengan pendirian MARA bagi membantu dan membangunkan usahawan Bumiputera seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik MARA terutama ke arah melahirkan kontraktor berwibawa.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.4.3.1.b.i	**Kelewatan Permohonan dan Kelulusan EOT** Berdasarkan syarat kontrak MARA, kontraktor hendaklah mengemukakan notis bertulis dengan segera kepada Pengarah Projek bagi memohon kelulusan dan perakuan EOT sekiranya terdapat kelewatan dalam kemajuan kerja.	
2.4.3.1.b.ii	Semakan Audit mendapati bagi MRSM Arau, kontraktor lewat mengemukakan permohonan EOT antara 6 hingga 88 hari. Permohonan EOT bagi KKTM Lenggong pula lewat antara 14 hingga 137 hari.	
2.4.3.1.b.iii	Semakan lanjut mendapati MARA telah lewat memberi kelulusan EOT antara 14 hingga 135 hari bagi MRSM Arau manakala bagi KKTM Lenggong kelewatan kelulusan EOT adalah antara 67 hingga 197 hari. Kelewatan MARA memberi kelulusan adalah kerana dokumen lengkap untuk menyokong permohonan EOT tidak disertakan. Maklum Balas Daripada MARA Diterima Pada 9 September 2014 *MARA memaklumkan peringatan berkaitan tanggungjawab kontraktor supaya mematuhi klausa kontrak termasuk hasrat permohonan lanjutan masa telah diberi sewaktu Mesyuarat Penyerahan Projek. MARA juga melalui Mesyuarat Tapak sentiasa mengingatkan perkara yang sama kepada pihak kontraktor.* *Permohonan EOT ke-3 bagi MRSM Arau lewat dikemukakan selama 12 hari adalah disebabkan kontraktor hanya boleh mengemukakan permohonan setelah menerima sijil EOT ke-2 pada 14 Januari 2011 untuk memastikan alasan dan bilangan hari yang telah diluluskan. Bagi permohonan EOT ke-4, perunding telah menasihati kontraktor supaya mengemukakan permohonan EOT dalam Mesyuarat Tapak nombor 30 bertarikh 23 Mac 2011. Bagi permohonan EOT ke-7 pula kontraktor membuat permohonan setelah mendapat Notis Hasrat Penamatan bertarikh 22 Disember 2011. MARA telah bersedia untuk mengambil tindakan penamatan kerana peningkatan kemajuan di tapak kurang daripada 1% sebulan. Subkontraktor baru telah dilantik oleh MARA pada bulan Mei 2012 dan tindakan susulan supaya pihak kontraktor memohon EOT telah dibuat menerusi Mesyuarat Tapak nombor 42 bertarikh 30 Mei 2012 dan Mesyuarat Tapak nombor 43 bertarikh 26 Jun 2012.* *Permohonan EOT ke-4 bagi KKTM Lenggong dikemukakan pada 22 Disember 2011 setelah MARA mengeluarkan Surat Amaran Akhir pada 11 November 2011. Kontraktor membuat rayuan agar lanjutan masa ke-3 dilanjutkan kerana*	Kuasa meluluskan EOT telah diberikan kepada Pegawai Penguasa (SO) untuk kerja-kerja pembinaan dan selenggaraan bernilai RM500,001.00 ke atas kepada Pengarah Bahagian Binaan dan Selenggaraan dan RM500,000.00 ke bawah kepada Pengarah MARA Negeri.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Tenaga Nasional Berhad masih dalam tindakan untuk proses penyempurnaan penyambungan bekalan. Permohonan kontraktor mendapat sokongan Ahli Majlis MARA yang mencadangkan lanjutan masa diberikan sehingga 31 Mei 2012. Kontraktor membuat rayuan EOT ke-5 supaya diberi peluang untuk menyiapkan projek berdasarkan komitmen yang ditunjukkan dengan pertambahan kemajuan kerja dan menyiapkan 399 daripada 565 NCR. Bagi permohonan EOT ke-6 kontraktor meminta agar lanjutan masa dipertimbangkan semasa Mesyuarat Workcamp Pelan Pemulihan Projek Lewat di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya pada 19 Disember 2012 untuk menyiapkan baki kerja 5.3%. Kontraktor telah mengemukakan perincian permohonan lanjutan masa pada 18 Februari 2013 dan maklumat data hujan serta gambar pada 2 Mac 2013. Bagaimanapun, maklumat tersebut tidak lengkap dan perunding telah menghantar peringatan dan susulan pada 28 Mac 2013 untuk memproses permohonan EOT ke-6. *Selain itu, MARA memaklumkan kelewatan kontraktor mengemukakan permohonan EOT berserta dokumen yang lengkap merupakan antara faktor utama yang menyumbang kepada kelewatan kelulusan EOT oleh MARA. MARA telah memperbaiki peraturan kerja (SOP) supaya lebih cepat dalam proses meluluskan EOT.*	
2.4.3.1.c.i	**Kelulusan EOT Melebihi Tempoh Projek** Berdasarkan kontrak projek MRSM Arau dan KKTM Lenggong, tempoh pembinaan adalah masing-masing selama 700 hari dan 730 hari untuk disiapkan. MARA pula dibenarkan untuk meluluskan EOT atas sebab yang munasabah mengikut syarat kontrak MARA.	
2.4.3.1.c.ii	Semakan Audit mendapati MARA telah meluluskan 8 kali EOT selama 890 hari bagi projek MRSM Arau dan 6 kali EOT selama 1,033 hari bagi projek KKTM Lenggong. Kelulusan EOT ini diberikan atas sebab keadaan cuaca hujan yang melampau, kerja luar jangka bagi pengorekan kawasan berbatu, kerja tambahan dan kelewatan kelulusan pelan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Semakan lanjut mendapati pemberian EOT ini telah melebihi tempoh projek sebenar iaitu selama 190 hari bagi MRSM Arau dan 303 hari bagi KKTM Lenggong. Pada pendapat Audit, kelewatan permohonan dan kelulusan EOT menunjukkan kontraktor dan MARA tidak peka terhadap syarat kontrak dan peraturan kerajaan yang perlu dipatuhi. MARA juga hendaklah memastikan bilangan hari meluluskan EOT ini hendaklah munasabah dan mengikut keperluan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Daripada MARA Diterima Pada 9 September 2014 *MARA memaklumkan dalam memproses permohonan EOT, MARA mempertimbangkan alasan yang berkaitan dengan klausa 43 Borang Kontrak 203A (Semakan 10/83). Setelah meneliti alasan yang diberikan oleh kontraktor yang disertakan dengan maklumat sokongan, MARA merasakan kontraktor wajar diberikan sejumlah masa lanjutan yang difikirkan sesuai pada masa itu.*	
2.4.4.1.a	**Kualiti Pembinaan Tidak Memuaskan - MRSM Arau** Lawatan Audit pada 21 November 2013 di MRSM Arau mendapati kualiti kerja kontraktor adalah kurang sempurna seperti kesan keretakan di kebanyakan permukaan lantai bengkel, lepaan simen pada *Apron* tidak kemas, sistem pembetungan tidak berfungsi dan *manhole* dipenuhi air kotoran.	Kerja-kerja pembaikan di MRSM Arau seperti Gambar 2.1 sehingga Gambar 2.16 telah dimasukkan dalam *Bill of Quantity* (BQ) dalam kontrak untuk kontraktor penyelamat kedua yang telah dilantik pada 28 Ogos 2014.
2.4.4.1.b	**MRSM Kuala Kangsar** Lawatan Audit pada 18 November 2013 dan 24 Januari 2014 di MRSM Kuala Kangsar mendapati kualiti kerja kontraktor adalah tidak memuaskan kerana kurang sempurna dan kurang kemas seperti siling pecah dan bukaan pada siling, keretakan pada permukaan dinding dan kekemasan dinding yang tidak sempurna. Selepas teguran Audit, tindakan pembaikan telah diambil.	
2.4.4.1.c	**KKTM Lenggong** Lawatan Audit pada 19 November 2013 di KKTM Lenggong mendapati kualiti kerja kontraktor adalah kurang sempurna seperti pemasangan *bolt* dan *nut* pada penyambungan panel tangki air tidak sempurna menyebabkan air bertakung di atas lantai dan lubang pada dinding dan *coping* bangunan yang dibuat untuk laluan paip tidak ditutup semula. Pihak Audit juga mendapati pembinaan yang tidak sesuai dan praktikal untuk digunakan seperti contoh rekabentuk tangga di Pavillion tidak mematuhi *Uniform Building By Laws* 1984. Selepas teguran Audit, tindakan pembaikan telah diambil. Pada pendapat Audit, kualiti kerja kontraktor kurang sempurna disebabkan pemantauan yang kurang berkesan di tapak pembinaan. MARA hendaklah memastikan kontraktor mengambil tindakan pembaikan dengan segera bagi memastikan semua kemudahan dapat digunakan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Daripada MARA Diterima Pada 9 September 2014 *MARA memaklumkan bagi MRSM Arau, kerja yang kurang sempurna telah disenaraikan dalam dokumen tender semula kali kedua yang telah dikeluarkan. Pemilihan kontraktor penyelamat kedua dijangka diputuskan di Jawatankuasa Projek Sakit Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pada 16 Mei 2014. Mesyuarat penyerahan tapak dijangka akan dibuat pada bulan Jun 2014.* *Bagi MRSM Kuala Kangsar semua teguran Audit telah diambil tindakan pembaikan manakala bagi KKTM Lenggong 4 teguran Audit telah diambil tindakan pembaikan dan masih terdapat 4 teguran yang akan diambil tindakan oleh MARA.*	Surat setuju terima telah dikeluarkan pada 23 Julai 2014 dengan harga kontrak sebanyak RM6,503,204.00. Tarikh penyerahan tapak adalah pada 28 Ogos 2014. Tempoh kontrak selama 24 minggu dan kerja siap pada 12 Februari 2015. Kerja-kerja pembaikan bagi Gambar 2.23 sehingga Gambar 2.26 di KKTM Lenggong telah diambil tindakan oleh kontraktor.
2.4.5.2.a	**Peralatan Yang Dibekal - Kehilangan Penyaman udara Dan Peralatan Dapur Di MRSM Arau** i. Subkontraktor Salam Subang Sdn. Berhad telah membekal dan memasang 133 unit penyaman udara bernilai RM0.43 juta di MRSM Arau pada tahun 2010 iaitu semasa projek 74.1% siap. Subkontraktor Ablekris Sdn. Berhad pula telah membekal dan memasang sebanyak 135 peralatan dapur bernilai RM0.23 juta pada tahun 2010. ii. Semakan Audit mendapati 54 daripada 133 unit penyaman udara yang telah dipasang bernilai RM139,095 telah hilang pada tahun 2012 dan laporan polis telah dibuat pada bulan April 2012. iii. Selain itu, 33 daripada 135 unit peralatan dapur bernilai RM34,904 didapati hilang pada tahun 2012 dan tiada laporan polis dibuat oleh MARA.	
2.4.5.2.b	**Peralatan Yang Belum Digunakan Disimpan Di Lokasi Yang Tidak Sesuai** i. Mengikut mesyuarat tapak, tarikh pembekalan peralatan adalah diputuskan oleh wakil Pegawai Penguasa. Semakan Audit mendapati pembekalan peralatan dibuat semasa projek masih belum siap sepenuhnya. Bagi MRSM Arau kemajuan projek adalah 74.1% apabila peralatan dapur dibekalkan dan bagi MRSM Kuala Kangsar kemajuan projek mencapai 83.5% apabila perabot dihantar untuk dipasang. Selain itu, bekalan peralatan dapur bagi KKTM Lenggong pula dibuat semasa kemajuan kerja 90.3%.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	ii. Semakan Audit mendapati peralatan dapur yang diterima pada tahun 2010 masih belum digunakan, berkarat dan disimpan di lokasi yang tidak sesuai di MRSM Arau iaitu tersimpan di Rumah Ketua Warden, Stor Gas dan Bangunan Makmal dan Bengkel. Selain itu, di MRSM Kuala Kangsar perabot makmal bernilai RM0.81 juta yang diterima pada bulan April, Mei dan September 2013 hanya disimpan di dalam Bengkel Kemahiran Hidup yang tidak berkunci. Semakan lanjut di KKTM Lenggong mendapati peralatan dapur yang diterima pada bulan November 2011, Oktober 2012 dan Mei 2013 bernilai RM0.79 juta tidak digunakan dan telah berkarat. Tindakan pembetulan yang telah diambil selepas teguran Audit. Pada pendapat Audit, peralatan yang dihantar semasa kerja pembinaan masih berjalan menyebabkan peralatan rosak, hilang dan disimpan di lokasi yang tidak sesuai. Pembekalan peralatan hendaklah selaras dengan kemajuan projek supaya peralatan dapat digunakan dan tidak hilang. Maklum Balas Daripada MARA Diterima Pada 9 September 2014 *MARA memaklumkan penghawa dingin dan peralatan dapur yang hilang adalah masih di bawah tanggungjawab kontraktor. MARA telah menyenaraikan penghawa dingin dan peralatan dapur yang hilang dalam dokumen tender semula kali kedua. Kerja pemasangan semula akan disempurnakan oleh kontraktor penyelamat yang akan dilantik. Tuntutan kepada kontraktor asal projek ini akan dibuat sebaik penutupan akaun disempurnakan. Penutupan akaun dijangka akan dibuat pada bulan Disember 2017.* *Penghantaran peralatan dilaksanakan selaras dengan kemajuan kerja di tapak pada masa tersebut di mana kerja pemasangan perlu dilakukan oleh subkontraktor. Keselamatan peralatan yang telah dihantar ke tapak bina adalah di bawah tanggungjawab kontraktor utama. MARA tidak membuat laporan polis atas kehilangan peralatan dapur kerana kesemua peralatan itu belum siap dipasang, belum diuji lari dan belum diserah kepada MARA.* *MARA akan memastikan kontraktor yang dilantik menyediakan kawalan keselamatan di tapak projek sehingga penyerahan semula kepada MARA.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.4.6.1	**Pengambilan Pelajar MRSM dan KKTM Tertangguh** Bahagian Pendidikan Menengah (BPM) akan membuat unjuran pengambilan pelajar MRSM dan Bahagian Kemahiran dan Teknikal MARA (BKTM) pula akan membuat unjuran bagi pengambilan pelajar KKTM.	
2.4.6.2	Semakan Audit mendapati berdasarkan unjuran pengambilan pelajar MRSM Arau dan MRSM Kuala Kangsar pengambilan pelajar sepatutnya adalah pada bulan Januari 2009. Bagaimanapun, projek pembinaan MRSM Arau dan MRSM Kuala Kangsar yang sepatutnya siap pada tahun 2008 menyebabkan seramai 2,640 pelajar tidak dapat belajar di MRSM.	
2.4.6.3	Bagi KKTM Lenggong pula pengambilan pelajar sepatutnya pada bulan Januari 2011. Bagaimanapun, projek pembinaan yang sepatutnya siap pada tahun 2010 menyebabkan seramai 1,200 pelajar tidak dapat memasuki KKTM. Pada pendapat Audit, kelewatan menyiapkan MRSM Arau, MRSM Kuala Kangsar dan KKTM Lenggong telah menyebabkan sebanyak 2,640 pelajar tidak dapat mengikuti pembelajaran di MRSM dan 1,200 pelajar bagi KKTM. Maklum Balas Daripada MARA Diterima Pada 9 September 2014 *MARA memaklumkan pengambilan pelajar MRSM Arau adalah pada bulan Jun 2015 dan MRSM Kuala Kangsar dijangka pada bulan Februari 2015 dan pengambilan pelajar KKTM Lenggong dijangka pada bulan Julai 2015.*	
2.4.7.1	**Pemantauan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** Pemantauan terhadap projek pembinaan MRSM Arau, MRSM Kuala Kangsar dan KKTM Lenggong telah juga dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Semakan Audit mendapati KKLW telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Projek Sakit mengikut keperluan bagi memantau pelaksanaan projek. Perkara yang dibincangkan adalah seperti kemajuan kerja, tempoh kelewatan dan EOT yang diluluskan.	
2.4.7.2	**Pemantauan oleh MARA** Bahagian Binaan dan Senggaraan (BBS) MARA bertanggungjawab untuk melaksana dan memantau pelaksanaan projek pembinaan MRSM Arau, MRSM Kuala Kangsar dan KKTM Lenggong. Semakan Audit mendapati BBS telah	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	mewujudkan mekanisme pemantauan terhadap pembinaan projek. Pemantauan dibuat melalui mesyuarat tapak, buku harian tapak, laporan mingguan pengurusan projek dan lawatan fizikal semasa projek dalam pelaksanaan. Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan projek telah diwujudkan untuk memantau projek ini. Bagaimanapun, pemantauan yang dilaksanakan kurang berkesan berdasarkan prestasi kemajuan projek yang lewat disiapkan dan kualiti kerja yang kurang memuaskan. Maklum Balas Daripada MARA Diterima Pada 9 September 2014 *MARA memaklumkan antara amalan pemantauan pada masa kini adalah seperti mesyuarat tapak setiap bulan atau 2 kali sebulan sekiranya projek didapati mengalami kelewatan, menempatkan seorang Jurutera dan 3 Penyelia Tapak untuk mengawasi dan memantau aktiviti kerja di tapak bina yang dilaksanakan oleh kontraktor, membuat pemeriksaan dan lawatan susulan, mengarahkan kontraktor utama membuat mesyuarat teknikal dengan Subkontraktor Dinamakan, mesyuarat pemantauan projek di peringkat ibu pejabat, Jawatankuasa Peringkat Daerah dan Jawatankuasa Tindakan Negeri serta lawatan pemantauan oleh Unit Penyelarasan Perlaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.* *MARA juga memaklumkan tindakan penambahbaikan telah diambil seperti mengemas kini Standard Operating Procedure, mewujudkan Unit Teknikal dan Pemantauan Projek, meningkatkan kekerapan lawatan pemantauan di setiap projek dan mengadakan sistem pemantauan melalui Program Promanage.*	

LEMBAGA KENAF DAN TEMBAKAU MALAYSIA

Perenggan 3 : Pengurusan Program Penanaman Kenaf

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td>3.4.1.2</td><td>Pelan Induk Pembangunan Kenaf Lewat Disediakan

Semakan Audit mendapati peruntukan pembangunan kenaf telah disalurkan dan dibelanjakan untuk RMKe-9 mulai tahun 2006 sehingga 2010 berjumlah RM57.41 juta. Bagi tahun 2011 sehingga 2013 sejumlah RM33.14 juta daripada RM33.40 juta peruntukan RMKe-10 telah dibelanjakan setakat 31 Disember 2013.</td><td rowspan="3">Mulai tahun 2014, outcome program akan mengikut sasaran Pelan Induk Pembangunan Industri Kenaf iaitu:-

• Melaksanakan model penanaman kenaf yang memenuhi skala ekonomi (sekurang-kurangnya 5 hektar) secara ladang kelompok, ladang nukleus atau ladang komersial.

• Pada tahun 2014, LKTN telah memulakan model tanaman kenaf seperti yang disyorkan dalam PIPK seperti berikut:

<table><tr><th>Bil</th><th>Ladang</th><th>Keterangan</th></tr><tr><td>1</td><td>Ladang Kelompok</td><td>1223 hektar</td></tr><tr><td>2</td><td>Ladang Nukleus</td><td>66 hektar</td></tr><tr><td>3</td><td>Ladang Komersial</td><td>Syarikat Pointray di Besut Terengganu (iaitu pengeluar perabot berasaskan kenaf) merancang untuk membuka ladang kenaf di atas tanah milik mereka seluas 120 hektar. Sebagai permulaan, syarikat berkenaan telah menanam seluas 2 hektar pada Mei 2014 untuk menguji kesesuaian tanah.</td></tr></table>
• Membina sebuah kilang perintis pemprosesan fiber kenaf secara bersepadu di atas tanah milik LKTN di Saujana, Setiu Terengganu. Kilang ini dijadikan rujukan kepada pihak industri untuk pemprosesan kenaf. Peruntukan telah diterima pada Ogos 2014, dan kerja-kerja penyediaan dokumen tender sedang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Pembinaan kilang dijangka siap dan beroperasi pada suku Ke-4 Tahun</td></tr>
<tr><td>3.4.1.3</td><td>Hala tuju LKTN di awal penubuhannya pada tahun 2010 adalah berlandaskan strategi dan sasaran Dasar Komoditi Negara. Penyediaan Pelan Induk Pembangunan Kenaf (PIPK) pula hanya dimulakan selepas arahan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2012 untuk tujuan penilaian outcome projek. PIPK tersebut disiapkan pada bulan Januari 2014 dan dibentangkan kepada Menteri Perusahaan Perladangan Dan Komoditi pada bulan Mac 2014. LKTN telah terlibat secara langsung dalam 5 daripada 6 aktiviti utama pengurusan kenaf kecuali penuaian.</td></tr>
<tr><td>3.4.1.4</td><td>Penglibatan LKTN dalam 5 aktiviti pengurusan penanaman kenaf telah menyebabkan LKTN terlibat secara langsung dengan pelbagai masalah dalam proses penanaman, pengeluaran dan pemasaran kenaf seperti yang dilaporkan dalam Laporan Pengeluaran Kenaf oleh LKTN bagi tahun 2010 sehingga 2013. Antara masalah yang dilaporkan adalah seperti berikut:-

i. Masalah cuaca yang tidak menentu pada peringkat awal penanaman kenaf.

ii. Persaingan untuk mendapatkan kawasan tanaman bagi penanam kenaf.

iii. Masalah hasil sehektar yang masih rendah ekoran kurang percambahan benih dan tanah kurang subur.

iv. Pemprosesan kenaf di Raw Material Collecting Centre (RMCC) dan</td></tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Collection Processing and Marketing Centre (CPMC) masih belum mencapai sasaran ekoran kekurangan mesin pemprosesan dan berlaku lambakan hasil kenaf kerana penuaian serentak. v. Pemasaran yang tidak konsisten dari segi permintaan dan spesifikasi bahan mentah yang kurang jelas dari pembeli. vi. Terdapat jurang antara pengeluaran dan pembelian bahan mentah kenaf ekoran kualiti yang dihasilkan tidak mencapai kehendak pasaran. Pada pendapat Audit, Pelan Induk Pembangunan Kenaf (PIPK) telah lewat disediakan untuk penilaian *outcome* program pembangunan kenaf. PIPK hanya siap pada Januari 2014 walaupun sejumlah RM90.55 juta telah dibelanjakan dari tahun 2006 sehingga 2013. Penilaian *outcome* pembangunan industri kenaf sehingga tahun 2013 berdasarkan Pelan Tindakan Dasar Komoditi Negara adalah terlalu umum. Maklum Balas Daripada LKTN Diterima Pada 12 September 2014 *LKTN memaklumkan sebelum tahun 2013, Pembangunan Industri Kenaf dilaksanakan berpandukan Dasar Komoditi Negara (DKN) 2011 – 2020 dan Pelan Tindakan DKN. Penilaian berdasarkan sasaran yang ditetapkan dalam DKN meliputi:* *a. Keluasan tanaman;* *b. Bilangan Pekebun Kecil Kenaf; dan* *c. Produktiviti (tan/hektar).* *Pada tahun 2013 satu kajian telah dijalankan untuk menyediakan satu pelan induk yang komprehensif bagi pembangunan industri kenaf. Pelan berkenaan diperlukan bagi menilai semula strategi pembangunan kenaf di sepanjang rantaian nilai kerana terdapat perubahan dinamik di pasaran. PIPK merupakan pelan induk yang akan diguna pakai bagi menilai pencapaian dan outcome program pembangunan kenaf bagi tempoh 2014 – 2025. PIPK telah dibentangkan kepada YB Menteri dan dipersetujui oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada 5 Jun 2014.* *Penilaian program tanaman percubaan di bawah RMKe-9 adalah seperti berikut:-*	2016.

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td></td><td>a. Program pembangunan kenaf dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi Bilangan 3 Tahun 2013 pada 20 Mac 2013. Pendapatan sebenar kumpulan sasar meningkat kepada RM840.00 sebulan berbanding sasaran RM750.00 sebulan.

b. Program Ladang Benih Kenaf dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Outcome, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri pada 26 Jun 2012. Pendapatan sebenar kumpulan sasar meningkat kepada RM976.59 sebulan berbanding sasaran RM750.00 sebulan.</td><td></td></tr>
<tr><td>3.4.2.2</td><td>Sasaran Kerja Tahunan LKTN Tidak Tercapai

Semakan Audit mendapati bagi tahun 2012, LKTN menanam 1,330.20 hektar atau 88.7% iaitu kekurangan 169.80 hektar daripada sasaran. Bagi tahun 2013, keluasan tanaman kenaf ialah 1,824.20 hektar atau 73% iaitu kekurangan 675.80 hektar daripada sasaran. Jumlah kerosakan tanaman bagi tahun 2012 ialah 609 hektar atau 45.8% keluasan tanaman. Jumlah kerosakan tanaman bagi tahun 2013 pula ialah 416 hektar atau 22.8%.</td><td rowspan="2">Untuk mencapai sasaran 2000 hektar tanaman tahun 2014, 2 pendekatan digunakan iaitu:-

a. Penanaman kenaf difokus kepada 3 negeri iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang yang berhampiran dengan kawasan industri kenaf. Manakala tanaman di Perak seluas 120 hektar adalah persediaan untuk memenuhi permintaan industri baru di Pantai Barat seperti Syarikat Uniplaster (pembuat siling plaster). Pencapaian tanaman kenaf sehingga 30 September adalah seperti berikut:-
<table>
<tr><th>Bil</th><th>Negeri</th><th>Sasaran 2014 (Hektar)</th><th>Pencapaian Sehingga 30 September 2014 (Hektar)</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Kelantan</td><td>580</td><td>574</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Terengganu</td><td>550</td><td>352</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Pahang</td><td>750</td><td>554</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Perak</td><td>120</td><td>70</td></tr>
<tr><td colspan="2">Jumlah</td><td>2000</td><td>1550</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>3.4.2.3</td><td>Semakan lanjut Audit mendapati LKTN telah berjaya meningkatkan penyertaan penanam daripada 409 orang dengan keluasan 1,693 hektar pada tahun 2010 kepada 1,087 orang dengan keluasan 1,824 hektar pada 2013. LKTN turut dapat meningkatkan pengeluaran batang kering daripada 2,463 tan pada tahun 2010 kepada 7,122 tan pada tahun 2013. Peratus tanaman rosak juga menurun daripada 49.3% pada tahun 2010 kepada 22.8% pada tahun 2013.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya LKTN belum mencapai keluasan tanaman kenaf yang ditetapkan oleh KPPK. Bagaimanapun sasaran ini adalah terlalu umum dan tidak mengambil kira keluasan berhasil yang sepatutnya diberi tumpuan bagi memastikan insentif penanaman yang diberi kepada penanam diukur produktivitinya.

Maklum Balas Daripada LKTN Diterima Pada 12 September 2014

LKTN memaklumkan sasaran KPI tidak dicapai bagi tahun 2012 dan 2013 kerana tanaman kenaf masih baru dan pendekatan yang diambil pada tahun berkenaan adalah untuk menjadikan kenaf sebagai tanaman alternatif kepada</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td></td><td>tembakau. Memandangkan tiada sambutan daripada bekas-bekas penanam tembakau, mulai tahun 2014 LKTN telah mengubah strategi dan mengambil langkah mempromosikan kenaf sebagai tanaman komoditi baru ke seluruh negara.</td><td></td></tr>
<tr><td>3.4.3.2</td><td>Prestasi Pengeluaran Biji Benih

Semakan Audit mendapati LKTN menggunakan biji benih kenaf varieti V36. Akibat kekurangan biji benih yang dihasilkan di Perlis dan Kedah, LKTN telah mengimport biji benih varieti KB6 dan FH992 dari China pada tahun 2012 bagi menampung permintaan biji benih untuk penanaman kenaf tahun 2013.</td><td rowspan="4">Untuk membolehkan LKTN membekalkan jumlah benih yang mencukupi bagi keluasan 5000 hektar yang disasarkan tahun 2015, beberapa pendekatan telah diambil iaitu:-

a. LKTN telah mengenalpasti seluas 400 hektar tanah di Kedah (280 hektar) dan Perlis (120 hektar). Penanaman benih di Kedah dibuat secara berkelompok di Ladang Laka Temin, Bukit Kayu Hitam (kawasan tanah tinggi yang bebas banjir) seluas 200 hektar, manakala bakinya diusahakan secara pekebun kecil. Di Perlis pula, semua tanaman benih diusahakan secara pekebun kecil. Status terkini tanaman benih sehingga 30 September 2014 adalah seperti berikut:

<table>
<tr><th>Bil</th><th>Negeri</th><th>Sasaran 2014</th><th>Pencapaian Sehingga 30 September 2014</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Kedah</td><td>280</td><td>170</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Perlis</td><td>120</td><td>60</td></tr>
<tr><td colspan="2">Jumlah</td><td>400</td><td>230</td></tr>
</table>

b. Mulai tahun 2014, dengan mengambil kira keadaan cuaca yang tidak menentu semasa penuaian, LKTN telah menyediakan 10 unit pelantar jemuran pelindung hujan mudah alih untuk kegunaan penanam. Pelantar-pelantar jemuran ini akan mula diagihkan kepada penanam mulai Januari 2015 semasa aktiviti penuaian benih bermula.

c. Menggalakkan penanaman secara kelompok yang diurus oleh koperasi bagi memudahkan penyampaian khidmat nasihat pengurusan dan teknikal. Sebagai permulaan, daripada 200 hektar tanaman benih di Laka Temin, seluas 20 hektar diusahakan oleh Koperasi Asas Tani Kedah (seliaan LKTN). Pada tahun 2015, LKTN merancang pengurusan tanaman benih di Ladang Laka Temin akan diusahakan sepenuhnya oleh koperasi.</td></tr>
<tr><td>3.4.3.3</td><td>Analisis Audit mendapati hasil pengeluaran biji benih di Perlis dan Kedah bagi tahun 2010 sehingga 2013 tidak mencapai sasaran minima 300 kg sehektar. Peratus pencapaian hasil pengeluaran benih di Perlis menunjukkan penurunan iaitu daripada 99.5% pada tahun 2010 kepada 66.4% pada tahun 2013 manakala di Kedah menunjukkan peningkatan daripada 31.1% kepada 67.9%. Sasaran tidak dicapai adalah kerana masalah hujan berlebihan yang telah menyebabkan biji benih yang matang bercambah di pokok. Menurut pegawai LKTN Perlis dan Kedah, ketiadaan mother seed varieti V36 juga menyebabkan kualiti biji benih yang dihasilkan semakin merosot.</td></tr>
<tr><td>3.4.3.4</td><td>Dasar Komoditi Negara mensasarkan keluasan tanaman kenaf seluas 5,000 hektar pada tahun 2015. Kemerosotan hasil pengeluaran biji benih kenaf menyebabkan bekalan biji benih kenaf tidak dapat dibekalkan dengan secukupnya oleh Pusat Pemprosesan Biji Benih Beseri, Perlis. Berdasarkan Manual Penanaman, Pemprosesan Dan Pengendalian Hasil Kenaf, sehektar tanah memerlukan 17 kg biji benih. Oleh itu, 5,000 hektar akan memerlukan sebanyak 85,000 kg biji benih berbanding pengeluaran tahun 2013 hanya sebanyak 42,804 kg (penuaian biji benih sehingga bulan Mei 2014).</td></tr>
<tr><td>3.4.3.5</td><td>Pekeliling Dalaman LKTN Bilangan 1 Tahun 2012 menetapkan kerosakan tanaman ladang yang boleh diterima adalah setakat 10% daripada keseluruhan tanaman. Pada tahun 2010, seluas 116.5 hektar atau 57% daripada 204.5 hektar keluasan tanaman rosak. Bagaimanapun, peratus keluasan tanaman yang rosak telah menurun di mana pada tahun 2013 hanya 34 hektar atau 13.8% daripada 245.5 hektar keluasan tanaman. Kerosakan tanaman adalah disebabkan oleh banjir, kemarau dan dimakan ulat.

Pada pendapat Audit, penghasilan biji benih di Perlis dan Kedah bagi tahun 2010 hingga tahun 2013 tidak mencapai sasaran 300 kg sehektar disebabkan</td></tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	faktor cuaca, tanah dan kualiti biji benih. Maklum Balas Daripada LKTN Diterima Pada 12 September 2014 *LKTN memaklumkan produktiviti penghasilan biji benih kenaf tidak mencapai sasaran 300 kg sehektar yang ditetapkan, namun kadar produktiviti menghampiri sasaran. Sasaran bagi tahun 2012 (penuaian awal 2013) tidak mencapai sasaran kerana banjir besar yang berlaku pada Disember 2012 di Kedah dan Perlis. Kejadian banjir ini menyebabkan kerosakan tanaman di ladang dan menjejaskan hasil sehektar.* *LKTN memaklumkan tindakan penambahbaikan yang diambil seperti berikut:-* *a. Memilih kawasan tanaman yang kurang risiko banjir;* *b. Menyediakan pelantar jemuran mudah alih untuk memudahkan pekebun menjemur benih untuk menangani masalah cuaca yang tidak menentu;* *c. Menggalakkan penanaman secara kelompok yang diurus oleh koperasi bagi memudahkan penyampaian khidmat nasihat pengurusan dan teknikal;* *d. Meningkatkan keluasan tanaman kenaf bagi pengeluaran biji benih kepada 400 hektar. Anggaran pengeluaran biji benih ialah 120,000 kg; dan* *e. Mengadakan kerjasama dengan institusi-institusi penyelidikan untuk meningkatkan kualiti biji benih kenaf.*	d. Dengan anggaran hasil sehektar sebanyak 300 kg berdasarkan pencapaian tahun 2013, dianggarkan pengeluaran biji benih ialah 120,000 kg atau 120 tan. Bekalan benih ini dapat menampung seluas 7000 hektar berdasarkan penggunaan 17 kg benih sehektar untuk pengeluaran fiber. Berdasarkan kepada perkiraan ini, keperluan benih untuk tanaman tahun 2015 adalah mencukupi. Bagi memastikan benih yang dikeluarkan berkualiti dan mempunyai peratus percambahan melebihi 80%, LKTN telah menyediakan Manual Penanaman Dan Pemprosesan Kenaf sebagai panduan kepada penanam dan pegawai. e. Bagi meningkatkan kualiti biji benih kenaf, LKTN merancang mengadakan kerjasama dengan institusi-institusi penyelidikan tempatan seperti MARDI, Agensi Nuklear Malaysia dan institusi penyelidikan di bawah Kementerian MPIC. LKTN juga telah menyediakan Draf MOU untuk menjalankan kerjasama dengan MARDI dalam bidang peningkatan kualiti biji benih yang akan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga pada 27 Oktober 2014 untuk persetujuan.
3.4.4.2	**Prestasi Tanaman Untuk Pengeluaran Batang Kenaf** Analisis Audit mendapati bagi tahun 2010 sehingga 2013, bilangan pekebun kecil yang terlibat dalam penanaman kenaf dan keluasan tanaman semakin meningkat setiap tahun di Kelantan dan Pahang kecuali Terengganu. Keluasan tanaman yang rosak adalah melebihi 50% pada tahun 2010 dan 2011 dan berkurangan pada tahun 2012 dan 2013. Bagaimanapun, keluasan tanaman yang rosak pada tahun 2012 dan 2013 masih tinggi iaitu melebihi 10% daripada sasaran yang ditetapkan. Hasil sehektar berdasarkan keluasan tanaman berhasil bagi tahun 2010 sehingga 2013 di setiap negeri adalah rendah iaitu antara 1.96 tan hingga 7.71 tan berbanding potensi hasil antara 10 tan hingga 15 tan sehektar disebabkan oleh faktor cuaca, kesesuaian tanah dan kualiti biji benih.	Bagi mengurangkan hektar kerosakan tanaman belum tuai di ladang, LKTN mengambil beberapa pendekatan seperti berikut:- a. Menggalakkan Amalan Pertanian Baik (GAP) yang digariskan dalam Manual Penanaman dan Pemprosesan Kenaf yang menyentuh aspek pemilihan kawasan tanaman, pengapuran dan pembajaan serta kawalan perosak. b. Sehingga 30 September 2014, LKTN telah melaksanakan 209 program yang merangkumi perjumpaan penanam, kursus/latihan, kempen/pameran, hari ladang kepada kumpulan sasar.
3.4.4.3	Semakan Audit mendapati keluasan tanaman kenaf adalah seluas 1,620 hektar pada tahun 2010 berbanding 1,635.2 hektar pada tahun 2013. Ini disebabkan keluasan tanaman bergantung pada insentif penanaman yang diperuntukkan	c. Memastikan benih yang diedarkan kepada penanam dikawal kualiti dengan memastikan hanya benih yang mempunyai peratus percambahan melebihi 85% sahaja diedar untuk penanaman. Ianya bertujuan untuk memastikan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	oleh LKTN. Berdasarkan insentif penanaman yang diberikan oleh LKTN berjumlah RM2,385 sehektar maka sebanyak 2,013.8 hektar tanaman yang rosak bagi tahun 2010 sehingga 2013 melibatkan anggaran sejumlah RM4.80 juta insentif penanaman tidak mendatangkan hasil.	benih yang dibekalkan itu tumbuh dengan baik untuk mencapai produktiviti yang disasarkan. d. Bagi menampung pertambahan penanaman benih secara kelompok di Kedah, LKTN akan membina sebuah lagi pusat pemprosesan biji benih kenaf di LKTN Negeri Kedah di Jitra. Pembinaan dijangka siap pada bulan Disember 2014. e. Mulai tahun 2014, LKTN telah mengeluarkan arahan supaya penanaman di kawasan-kawasan mengalami risiko banjir hendaklah menanam sebelum bulan Julai supaya dapat dituai sebelum tiba musim tengkujuh (Disember). Kawasan-kawasan berisiko banjir yang telah dikenalpasti ialah di Merchong, Tebu Hitam, Chendor di Pahang melibatkan keluasan 400 hektar daripada 750 hektar di Pahang. Sebahagian besar daripada kawasan ini sedang dituai untuk mengelak risiko banjir (Status – Berterusan)
3.4.4.4	Semakan lanjut mendapati LKTN ada mengumpul maklumat kerosakan untuk tindakan penambahbaikan pada setiap tahun. Laporan kerosakan mengikut kawasan tanaman kenaf di Kelantan, Terengganu dan Pahang menunjukkan terdapat beberapa faktor yang menyebabkan tanaman rosak sebelum dituai. Banjir adalah merupakan faktor yang menyebabkan kerosakan yang paling kerap berlaku iaitu antara 16.9% hingga 56.3% setiap tahun. Ini adalah kerana tapak penanaman kenaf adalah sawah padi yang terletak di kawasan rendah di mana pesawah melaksanakan tanaman kenaf setahun sekali berselang dengan padi. Selain itu, kemarau dan tanaman terbantut juga menyebabkan tanaman tidak berhasil iaitu antara 13.4% hingga 57.2%. Pada pendapat Audit, hasil tuaian batang kenaf kering bagi tahun 2010 hingga 2013 di antara 1.96 tan hingga 7.71 tan belum mencapai potensi hasil minima 10 tan sehektar seperti dalam Manual Penanaman, Pemprosesan Dan Pengendalian Hasil Kenaf. Walaupun LKTN telah berjaya meningkatkan bilangan penanam namun peningkatan keluasan tanaman kenaf bagi tahun 2010 berbanding 2013 adalah tidak ketara kerana ia bergantung kepada peruntukan insentif penanaman dari LKTN. Kerosakan tanaman sebelum tuai bagi tahun 2010 sehingga 2013 adalah sebanyak 38.4% daripada keluasan tanaman dan melibatkan insentif penanaman tidak berhasil dianggarkan berjumlah RM4.80 juta. Maklum Balas Daripada LKTN Diterima Pada 12 September 2014 *LKTN memaklumkan kadar produktiviti 10 tan sehektar adalah sasaran yang ditetapkan untuk dicapai pada tahun 2015 dalam Dasar Komoditi Negara dan bukannya sasaran bagi tahun 2013. Kerugian RM4.80 juta adalah disebabkan kejadian banjir besar di Pahang, Terengganu dan Kelantan. LKTN memaklumkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:-* *a. Menggalakkan Amalan Pertanian Baik (GAP);* *b. Menambah baik sistem penyampaian termasuk mengadakan kempen, latihan dan kursus penanaman kenaf kepada kumpulan sasar;* *c. Memastikan benih yang diedarkan mempunyai peratus percambahan melebihi 85% bagi meningkatkan hasil sehektar;*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	d. Melaksanakan penanaman kenaf secara berkelompok; dan *e. Memilih kawasan tanaman yang sesuai dan kurang risiko banjir.*	
3.4.5.2	**Analisis Kos Penanaman Berbanding Pendapatan Jualan Batang Kenaf** Analisis Audit telah dilaksanakan untuk menilai pendapatan jualan batang kenaf sehektar yang diperoleh oleh seorang pekebun kecil. Bagi tujuan tersebut, data penanaman dan pendapatan jualan 72 daripada 979 pekebun kecil di LKTN Negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang bagi tahun 2013 telah diambil sebagai sampel.	Tanaman kenaf adalah berpotensi memberikan pulangan pendapatan kepada penanam dengan melaksanakan pendekatan berikut:- i. Perlu ditanam dalam skala ekonomi sekurang-kurangnya 5 hektar bagi setiap pekebun supaya dapat memperolehi pendapatan bulanan RM4,000 sebulan dengan andaian produktiviti meningkat 16 tan sehektar dan ditanam untuk 2 kali setahun. Kadar produktiviti sekarang ialah antara 7 – 12 tan sehektar. Dengan penggunaan benih yang dikawal kualiti dan kadar percambahan melebihi 85%, sasaran ini dapat dicapai sebelum tahun 2020. ii. Tanaman dilaksanakan secara komersial melalui model penanaman yang dicadangkan iaitu model kelompok petani (sekurang-kurangnya 5 hektar) dan model nukleus serta ladang komersial seluas sekurang-kurangnya 700 hektar. Model ini dilaksanakan berdasarkan konsep *contract farming*. iii. Mempunyai *land bank* yang mencukupi untuk menampung keperluan kilang pemprosesan kenaf iaitu:- • LKTN telahpun berhubung dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk menggunakan tanah kerajaan secara pajakan. Sebagai contoh, kerajaan Negeri Pahang telah meluluskan pajakan seluas 313 ekar tanah di Merchong kepada LKTN untuk tanaman kenaf selama 30 tahun. Kerajaan Negeri Terengganu juga telah membenarkan LKTN meneruskan pembangunan di kawasan bekas tanaman tembakau di Taman Industri Tani Terengganu di Rhu Tapai, Setiu untuk diusahakan dengan kenaf seluas 200 hektar. • LKTN juga menggalakkan koperasi dan pengurusan jawatankuasa kampung (JKKK) untuk mengusahakan tanah terbiar di kawasan masing-masing untuk mengusahakan kenaf. • Menggalakkan kawasan-kawasan tanaman padi satu musim untuk digilirkan dengan tanaman kenaf. Sehingga kini hampir 50% daripada 2000 hektar kawasan tanaman kenaf adalah kawasan padi satu musim
3.4.5.3	Keputusan analisis mendapati purata hasil batang kenaf sehektar adalah 6.5 tan dan purata hasil jualan sehektar berjumlah RM3,063. Sekiranya insentif penanaman daripada LKTN sejumlah RM2,385 diambil kira sebagai kos penanaman maka pendapatan kasar sehektar ialah RM678. Bagaimanapun, terdapat kos seperti upah penuaian dan kos pengangkutan batang kenaf ke RMCC juga perlu ditanggung oleh pekebun kecil. Semakan Audit mendapati kos pengangkutan batang kenaf di Rompin pada tahun 2013 adalah sejumlah RM100 bagi setiap tan, jika purata hasil sehektar 6.5 tan maka kos pengangkutan adalah sejumlah RM650.	
3.4.5.4	Hasil soal selidik terhadap pekebun kecil di Kelantan, Terengganu dan Pahang mendapati kos penuaian adalah antara RM100 hingga RM150 setiap tan. Oleh itu, sekiranya upah penuaian dan kos pengangkutan diambil kira maka pendapatan bersih pekebun kecil kenaf akan berbaki negatif. Tanpa insentif penanaman, pekebun kecil tidak berminat untuk menanam kenaf. Majoriti penanam hanya menanam kenaf sehingga 2 hektar sahaja kerana mendapat insentif penanaman. Pada pendapat Audit, penanaman berskala kecil menyebabkan purata pendapatan kasar hanya RM678 sehektar dan pendapatan bersih akan menjadi negatif sekiranya upah penuaian dan kos pengangkutan diambil kira. Maklum Balas Daripada LKTN Diterima Pada 12 September 2014 *LKTN memaklumkan tanaman kenaf berpotensi menjadi pilihan pekebun kecil kerana:-* *a. Merupakan tanaman jangka pendek (4 bulan) yang sesuai untuk tanaman giliran seperti tanaman padi;*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	b. Mudah diurus kerana kurang serangan penyakit; dan *c. Boleh diurus secara mekanisasi.* *LKTN memaklumkan berdasarkan kajian oleh perunding dalam Pelan Induk Pembangunan Kenaf, tanaman kenaf berupaya menjana pendapatan RM4,000 sebulan sekiranya dilaksanakan melalui konsep penanam kenaf secara ladang berkelompok, nukleus dan perladangan komersial.*	seperti di Pahang (Rompin dan Pekan), Kelantan (Pasir Puteh dan Bachok). iv. Membina sebuah kilang perintis pemprosesan fiber kenaf secara bersepadu di atas tanah milik LKTN di Saujana, Setiu Terengganu. Kilang ini dijadikan rujukan kepada pihak industri untuk pemprosesan kenaf. Peruntukan telah diterima pada Ogos 2014, dan kerja-kerja penyediaan dokumen tender sedang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Pembinaan kilang dijangka siap dan beroperasi pada suku Ke-4 Tahun 2016. v. Mempromosi dan mengesahkan kenaf sebagai produk hijau dan menyediakan insentif dengan memasukkan produk berasaskan kenaf dalam *Green Incentive Scheme*.
3.4.6.1.a	**Prestasi Pemprosesan Batang Kenaf Di RMCC Negeri Kelantan** Prestasi pemprosesan batang kenaf di Kelantan adalah baik bagi tahun 2010 sehingga 2012 di mana kesemua batang kenaf yang dibeli daripada penanam diproses. Bagaimanapun, sejumlah 804.50 tan atau 29.8% daripada batang kenaf yang dibeli pada tahun 2013 masih belum diproses setakat 31 Disember 2013. Selain itu, sebanyak 1,220 tan atau 45.2% daripada batang kenaf di RMCC Tumpat, Bukit Merbau dan Bris Lalang yang dibeli pada tahun 2013 didapati rosak.	
3.4.6.1.b	Semakan Audit di RMCC Bukit Merbau mendapati sebanyak 885.90 tan batang kenaf telah dibeli pada tahun 2013 di mana sebanyak 316.90 tan belum diproses, 355 tan rosak dan 214 tan telah diproses. Batang kenaf yang diterima di RMCC tersebut terlalu banyak sehingga tiada ruang untuk diletakkan di dalam bangunan. *Bundle* batang kenaf didapati diletakkan di atas tanah dan terdedah kepada hujan dan panas matahari.	
3.4.6.2.a	**Prestasi Pemprosesan Batang Kenaf Di RMCC Negeri Terengganu** Analisis Audit mendapati bagi tahun 2010 sehingga 2013, daripada 2,651.68 tan yang dibeli oleh LKTN Terengganu daripada penanam hanya 1,047.66 tan atau 39.5% yang diproses. Sebanyak 1,334.32 tan atau 50.3% daripada yang dibeli telah rosak sebelum diproses. Pada akhir tahun 2013, terdapat sebanyak 269.70 tan batang kenaf belum diproses di RMCC Besut (155.20 tan), RMCC Merang (71 tan) dan Merchang (43.50 tan). Kekurangan mesin *decorticato*r dan penuaian serentak adalah penyebab berlaku kelewatan pemprosesan dan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	kerosakan batang kenaf.	
3.4.6.2.b	Lawatan Audit ke RMCC Saujana, Besut pada bulan Januari 2014 mendapati stok hasil proses kenaf bagi tahun 2011 dan 2012 masih belum dihantar ke CPMC Air Tawar. Semakan Audit juga mendapati sebanyak 155.20 tan batang kenaf kering kelihatan usang di tempat simpanan kerana masalah keupayaan mesin yang terhad. Kelewatan memproses batang kenaf boleh menurunkan nilai *fibre* dan *core* yang dihasilkan.	
3.4.6.2.c	Lawatan Audit ke RMCC Rhu Tapai di Merang, Terengganu pada bulan Januari 2014 mendapati sebanyak 71 tan batang kenaf kering masih belum diproses berbanding cuma 7.25 tan sahaja yang telah diproses. Antara faktor kelewatan pemprosesan adalah kerana ketiadaan mesin pengayak. Oleh itu pengasingan *crude fibre* dan *crude core* dilaksanakan secara manual oleh pekerja sambilan harian.	
3.4.6.3.c	**Prestasi Pemprosesan Batang Kenaf Di RMCC Negeri Pahang** Lawatan Audit ke RMCC Tebu Hitam, Rompin, Pahang pada bulan Januari 2014 mendapati RMCC baru disiapkan pada bulan Disember 2013 bagi menggantikan tapak sementara di Kampung Jawa. Bagaimanapun, pagar tidak disediakan dan tempat teduhan peralatan hanya berbentuk bangsal berikutan tanah tersebut masih berstatus Lesen Pendudukan Sementara (TOL) daripada Kerajaan Negeri. RMCC Tebu Hitam dilengkapi dengan 2 mesin *decorticator* (120 Hp), 1 *treller*, 1 mesin pengayak dan 1 jambatan timbang. Peralatan, stok kenaf yang telah diproses dan kawasan tanpa pagar di RMCC Tebu Hitam.	
3.4.6.4	**Rumusan Prestasi Pemprosesan Batang Kenaf Di RMCC Kelantan, Terengganu Dan Pahang** Analisis Audit terhadap prestasi pemprosesan batang kenaf dari tahun 2010 sehingga 2013 di Kelantan, Terengganu dan Pahang mendapati tidak semua batang kenaf yang dibeli daripada penanam dapat diproses menjadi *fibre* dan *core*. Peratus kerosakan batang kenaf adalah tinggi di Pahang iaitu 86.4%. Terengganu pula mencatatkan kerosakan batang kenaf sebanyak 50.3% dan Kelantan sebanyak 27.7%. Kerosakan batang kenaf adalah kerugian kepada LKTN kerana batang kenaf kering dibeli dengan kadar RM500 setiap tan. Kerugian daripada kerosakan batang kenaf bagi tahun 2010 sehingga 2013 di Pahang, Terengganu dan Kelantan dianggarkan RM4.09 juta, RM0.67 juta dan RM0.61 juta masing-masing.	Untuk mengatasi kelemahan lambakan batang kenaf tidak sempat diproses, PIPK mencadangkan sebuah kilang perintis memproses kenaf dan produk kenaf diwujudkan. Namun demikian, proses ini mengambil sedikit masa untuk direalisasikan kerana jangkaan siap kilang ini ialah pada Suku Ke-4 Tahun 2016. Untuk langkah jangka pendek, LKTN menggunakan beberapa pendekatan supaya kadar kerosakan batang kenaf belum proses dapat dikurangkan seperti berikut:- a. Penjadualan semula tanaman untuk mengelak proses batang kenaf di musim tengkujuh. Penanaman di kawasan berisiko banjir telah dilaksanakan sebelum Julai untuk mengelakkan aktiviti memproses

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td></td><td>Pada pendapat Audit, prestasi pemprosesan batang kenaf di RMCC adalah tidak memuaskan kerana batang kenaf yang dibeli mengalami kerosakan sebelum diproses. Ketidakcekapan mesin pemprosesan, ketiadaan tempat simpanan dan lokasi RMCC di kawasan mudah ditenggelami air menyumbang kepada kerosakan batang kenaf. Kerugian akibat kerosakan batang kenaf belum diproses dianggarkan RM5.37 juta bagi tahun 2010 sehingga 2013 di Negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Maklum Balas Daripada LKTN Diterima Pada 12 September 2014

LKTN memaklumkan telah mengenal pasti isu-isu yang dibangkitkan dan mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:-

a. Mulai tahun 2014, jadual penanaman telah ditetapkan supaya pemprosesan dapat diselesaikan sebelum musim tengkujuh;
b. Menyediakan infrastruktur seperti bangsal peneduh dan ruang stor yang mencukupi yang dijangka selesai pada September 2015; dan
c. Membina kilang pemprosesan kenaf dan produk bersepadu dengan kapasiti tinggi.</td><td>batang kenaf dalam musim hujan seperti di Kawasan Merchong, Tebu Hitam dan Chendor di Pahang.

b. Menyediakan infra lengkap seperti bangsal dan stor peneduh di RMCC Merchong dan Tebu Hitam di Negeri Pahang yang mempunyai kawasan tanaman di kawasan padi yang perlu dituai serentak.

c. Berdasarkan pemerhatian dan pengalaman, bagi mengelakkan kerosakan batang kenaf tidak sempat diproses tahun 2014, pucuk batang kenaf akan dipotong terlebih dahulu untuk mengelak daripada reput.</td></tr>
<tr><td>3.4.7.2</td><td>Pasaran Hasil Kenaf Masih Lemah

Semakan Audit mendapati dari tahun 2010 sehingga 2013, CPMC Air Tawar, Kelantan telah memproses 501.26 tan fibre dan core bernilai RM744,305. Baki stok didapati meningkat setiap tahun kerana jumlah jualan yang semakin menurun. Pada akhir tahun 2013 terdapat 357.92 tan atau 71.4% stok kenaf diproses masih belum dijual bernilai RM383,101. Penghasilan fibre dan core juga didapati menurun pada tahun 2013 berbanding tahun sebelumnya kerana kerosakan batang kenaf yang disimpan di RMCC akibat banjir besar. Kelewatan menjual hasil kenaf menyebabkan kualiti fibre dan core semakin merosot dan menjejaskan harga jualan.</td><td rowspan="2">Beberapa pendekatan diambil untuk memperluaskan pasaran hasil kenaf seperti berikut:-

a. Mengadakan perjanjian jual beli dengan 4 syarikat berikut:
<table><tr><td>Bil</td><td>Syarikat</td><td>Jenis Produk</td></tr><tr><td>1</td><td>KEFI (M) Sdn. Bhd.</td><td>Batang kenaf</td></tr><tr><td>2</td><td>Pointray (M) Sdn. Bhd.</td><td>Batang kenaf</td></tr><tr><td>3</td><td>Dynamic Agrofarm Sdn. Bhd.</td><td>Batang kenaf hijau</td></tr><tr><td>4</td><td>Dr. Rahmatullah Holdings Sdn. Bhd.</td><td>Fiber kenaf</td></tr></table>
b. LKTN telah mengadakan kerjasama dengan sebuah syarikat pengeksport untuk menerokai pasaran fiber di China. Buat permulaan, syarikat berkenaan telah membeli bekalan fiber daripada LKTN berjumlah 30 tan sebagai sampel untuk dihantar ke China.

c. LKTN juga telah mengadakan perbincangan dengan syarikat Telic</td></tr>
<tr><td>3.4.7.3</td><td>Semakan Audit mendapati kuantiti jualan batang kenaf kepada pengilang yang bermula pada tahun 2010 menurun setiap tahun dan pada tahun 2011 tiada sebarang jualan. Pada tahun 2013, sebanyak 117.09 tan batang kenaf dijual dengan hasil berjumlah RM41,720 berbanding pengeluaran batang kenaf di Kelantan, Terengganu dan Pahang sebanyak 2,435.50 tan, 837.49 tan dan 3,716.36 tan masing-masing. Kekurangan pembelian terus batang kenaf oleh pengilang menyebabkan LKTN perlu membeli dan memproses batang kenaf menjadi fibre dan core serta mencari pasaran bagi bahan yang telah diproses.</td></tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.4.7.4	Semakan lanjut mendapati bilangan syarikat yang telah membuat komitmen untuk membeli hasil kenaf daripada LKTN dari tahun 2010 sehingga 2013 adalah antara 5 hingga 7 syarikat. Bagaimanapun, kuantiti yang dibeli adalah rendah berbanding kuantiti pengeluaran. Bagi tahun 2010 hingga 2013 sebanyak 501.26 tan *fibre* dan *core* dihasilkan berbanding jumlah dijual cuma 143.35 tan atau 28.6% daripada pengeluaran. Sekiranya kuantiti jualan *fibre* dan *core* setahun adalah 22.70 tan seperti pada tahun 2013 maka baki stok 357.92 tan pada 31 Disember 2013 akan mengambil masa 15 tahun untuk dijual kecuali pasarannya dapat dipertingkatkan pada tahun 2014. Pada pendapat Audit, pasaran hasil kenaf yang diproses amat lemah kerana hanya 28.6% daripada kuantiti pengeluaran *fibre* dan *core* dapat dijual dari tahun 2010 sehingga 2013. Prestasi jualan batang kenaf kepada pengilang juga semakin merosot iaitu hanya sebanyak 117.09 tan pada tahun 2013 berbanding jualan tahun 2010 sebanyak 240.25 tan. Maklum Balas Daripada LKTN Diterima Pada 12 September 2014 *LKTN memaklumkan pasaran kenaf di Malaysia masih lemah memandangkan ia merupakan sumber bahan mentah baru sebagai alternatif kepada sumber berasaskan kayu dan gentian semula jadi untuk penghasilan produk komposit. Kebanyakan industri komposit di Malaysia menggunakan sumber berasaskan kayu semula jadi yang masih boleh didapati dengan harga murah tetapi tidak mampan. LKTN memaklumkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:* *a. Mengikat kontrak jual beli dengan syarikat pengeluar dan pemasar fibre dan produk kenaf di Malaysia;* *b. Membangunkan penggunaan fibre kenaf sebagai pengganti kepada gentian kaca dalam produk plaster ceiling;* *c. Mengadakan padanan perniagaan antara pengeluar produk kenaf dengan pembeli; dan* *d. Mengadakan kerjasama dengan usahawan untuk pemprosesan kenaf sebagai makanan haiwan kerana tanaman kenaf mempunyai kandungan protein yang tinggi.*	Paper Sdn. Bhd. di Melaka untuk menggunakan kenaf sebagai bahan mentah bagi pengeluaran produk berasaskan kertas. LKTN akan menghantar 500 kg *core* kenaf sebagai percubaan pada akhir Oktober 2014. d. Mengadakan kerjasama dengan syarikat Uniplaster Sdn. Bhd. di Chemor, Perak bagi menguji kesesuaian penggunaan fiber kenaf sebagai pengganti kepada gentian kaca dalam produk *plaster ceiling*. Keputusan penggunaan fiber kenaf sebagai gantian kepada gentian kaca akan dimuktamadkan pada awal Januari 2015. e. Mengadakan kerjasama dengan usahawan untuk memproses kenaf sebagai makanan haiwan. LKTN telah menghantar sampel kenaf kepada syarikat pembuat makanan haiwan di Pulau Pinang untuk tujuan penghasilan palet makanan haiwan. Keputusan kesesuaian penggunaan kenaf sebagai makanan haiwan akan diketahui pada akhir tahun 2014 selepas ujian selesai dijalankan.
3.4.8.1	**Pemantauan - Peringkat Kementerian** Pemantauan pengurusan Program Penanaman Kenaf telah dijalankan di peringkat Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK).	Sehingga September 2014, pihak pengurusan tertinggi Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) telah mengadakan sesi turun padang termasuk lawatan projek-projek pembangunan LKTN seperti berikut:-

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td></td><td>Semakan Audit mendapati sepanjang tahun 2013, jawatankuasa ini telah bermesyuarat setiap bulan. Antara perkara yang dibincangkan adalah seperti Laporan Prestasi Perbelanjaan Projek Pembangunan LKTN, Pembentangan Perancangan Peruntukan Projek Pembangunan LKTN, Laporan Lawatan Tapak oleh Ketua Setiausaha Kementerian ke Pusat Pengumpulan Pemprosesan dan Pemasaran Kenaf (CPMC) dan Pembentangan Laporan Outcome Program Pembangunan Kenaf.</td><td rowspan="4">
<table>
<tr><th>Bil</th><th>Pengurusan MPIC</th><th>Bilangan Lawatan</th></tr>
<tr><td>1</td><td>YB Menteri</td><td>1</td></tr>
<tr><td>2</td><td>YB Timbalan Menteri</td><td>2</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Ketua Setiausaha (KSU) / Timbalan KSU</td><td>1</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Pegawai KTK, MPIC</td><td>5</td></tr>
</table>
Bagi peringkat Ibu Pejabat LKTN dan peringkat LKTN negeri bilangan sesi turun padang termasuk lawatan adalah seperti berikut:-
<table>
<tr><th>Bil</th><th>Pengurusan LKTN</th><th>Bilangan Lawatan</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Pengerusi LKTN</td><td>5</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Ketua Pengarah LKTN</td><td>27</td></tr>
<tr><td>3</td><td>2 Timbalan Ketua Pengarah LKTN</td><td>45</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Pengarah Bahagian LKTN</td><td>72</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>3.4.8.2</td><td>Peringkat Ibu Pejabat LKTN

Pemantauan di peringkat Ibu Pejabat LKTN dibuat melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan LKTN. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa ini bermesyuarat setiap bulan. Selain itu, Ibu Pejabat LKTN juga ada mewujudkan Jawatankuasa Pembangunan dan Pemasaran Kenaf yang bermesyuarat 6 kali dalam tahun 2013. Antara perkara yang dibincangkan adalah seperti Pembentangan Laporan Aktiviti Penanaman Kenaf, Laporan Aktiviti Penuaian Batang Kenaf, Laporan Stok Bahan Input Mengikut Kawasan, Laporan Pembangunan RMCC & CPMC dan Laporan Pemasaran & Pemprosesan Kenaf.</td></tr>
<tr><td>3.8.4.3</td><td>Peringkat LKTN Negeri

Pemantauan LKTN di peringkat negeri pula dibuat melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan LKTN Negeri. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa ini bermesyuarat sekiranya perlu dan sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Ibu Pejabat LKTN. Jawatankuasa ini membincangkan laporan aktiviti kenaf di negeri masing-masing.

Pada pendapat Audit secara keseluruhannya, pemantauan pengurusan Program Penanaman Kenaf adalah baik. Peringkat Kementerian memantau pembangunan kenaf terutama dari segi peruntukan yang disalurkan ke LKTN.

Maklum Balas Daripada LKTN Diterima Pada 26 Mei 2014

LKTN memaklumkan selain daripada pemantauan melalui mesyuarat, pegawai dari Ibu Pejabat LKTN juga mengadakan program turun padang secara bulanan ke negeri yang mempunyai tanaman kenaf.</td></tr>
</table>

LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI SIRI 3 TAHUN 2013

MAJLIS PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR

Perenggan 4 : Pengurusan Ladang Kambing Pengganda Dan Komersial Di Terengganu

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.4.1.1	**Prestasi Penyediaan Infrastruktur Dan Utiliti - Kelewatan Kerja Baik Pulih Jalan Dalam Kawasan Ladang Telaga Papan** Mengikut perenggan 5.2 Perjanjian Komersial antara ECERDC dan ETD, peruntukan kewangan sejumlah RM1 juta disalurkan kepada operator baru yang dilantik bagi melaksanakan kerja baik pulih di ladang. Jumlah ini meliputi kerja baik pulih padang kawasan pastura dan jalan mengikut spesifikasi standard yang ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya. Mengikut perjanjian tersebut, kerja baik pulih jalan dalam kawasan ladang sepatutnya siap pada Jun 2013 tetapi perlanjutan masa telah diluluskan oleh ECERDC sehingga 31 Disember 2013. Semasa lawatan Audit pada 4 Disember 2013, ECERDC memaklumkan jalan belum disenggarakan kerana menunggu kerja-kerja baik pulih infrastruktur selesai dilaksanakan dan keadaan jalan berselut dan air bertakung kerana musim tengkujuh. Selain itu, ECERDC masih menggunakan jalan sementara untuk memasuki ladang, sementara menunggu jalan baru siap dibina. Pada pendapat Audit, ECERDC telah berusaha memastikan kerja baik pulih jalan dalam kawasan ladang disiapkan operator walaupun lewat dari tarikh yang ditetapkan. Maklum Balas Daripada ECERDC Diterima Pada 10 September 2014 *ECERDC memaklumkan kerja-kerja membaik pulih infrastruktur telah disiapkan sebaik sahaja musim tengkujuh bermula pada 2013. Oleh itu, kerja membaik pulih jalan dalam ladang telah ditangguhkan sehingga tamat musim tengkujuh pada awal 2014. Kini, jalan dalam kawasan ladang telah siap dibaik pulih pada 25 Mei 2014.*	Lawatan oleh Jabatan Audit Negara ke ladang pada 4 Disember 2013 adalah pada musim tengkujuh di mana jalan yang berselut dan air bertakung adalah dijangkakan. Susulan kegagalan TADC di dalam memenuhi syarat-syarat kontrak, ECERDC telah pun melantik ETD Makmur Sdn Bhd (ETD) sebagai operator baru. Selepas perlantikan, fokus utama ETD adalah untuk menggerakkan tenaga kerja dan peralatan pembinaan ke tapak projek untuk membaik pulih kandang, utiliti dan pastura. Ini mengambil masa beberapa bulan. Ianya telah melibatkan pergerakan keluar masuk jentera berat yang menyebabkan sebahagian jalan berlopak dan berselut semasa musim hujan. Kerja-kerja membaikpulih disiapkan sebaik sahaja musim tengkujuh bermula pada 2013. Oleh itu kerja membaik pulih jalan di dalam ladang telah ditangguhkan sehingga tamat musim tengkujuh pada awal 2014. Kini jalan di dalam kawasan ladang telah pun siap dibaik pulih. Keperhatinan pihak ECERDC untuk menjayakan projek ini menyebabkan langkah penamatan kontrak TADC telah pun diambil dan kerja membaikpulih telah pun dikenalpasti sebelum lawatan audit dibuat. Semasa lawatan audit, kerja-kerja baikpulih tersebut sedang dijalankan dan/atau dalam tahap hampir siap. Kerja-kerja ini telah pun siap sepenuhnya pada 25 Mei 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.4.1.2.a	**Infrastruktur Tidak Digunakan Di Ladang Pengganda Tersat** Pengurusan aset merupakan antara aspek penting dalam pengurusan kewangan Kerajaan dan wajar diberi keutamaan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan. Sehubungan itu, semua aset Kerajaan hendaklah diguna dan dikendalikan dengan cekap dan teratur bagi mengelakkan pembaziran, menjimatkan kos, mencapai jangka hayat, mencegah penyalahgunaan dan mengelakkan kehilangan.	Konsep asal penubuhan Ladang Tersat di Kuala Berang adalah sebagai ladang pengganda manakala Ladang Telaga Papan di Setiu adalah sebagai ladang komersil di mana saiz ladang pengganda adalah lebih kecil berbanding ladang komersil. Pada asalnya kedua-dua ladang tersebut adalah di bawah pengurusan satu syarikat iaitu TADC. Setelah kontrak TADC ditamatkan pada 15 November 2011, maklumbalas daripada syarikat-syarikat lain yang dipelawa untuk mengusahakan projek ini telah menyatakan keengganan untuk menguruskan Ladang Tersat dan Telaga Papan secara serentak. Alasan yang diberikan adalah lokasi Ladang Tersat yang jauh dari Ladang Telaga Papan dan menyebabkan ianya sukar untuk diuruskan secara serentak. Sehubungan itu, pihak pengurusan ECERDC telah menetapkan melalui minit mesyuarat bertarikh 23 Mac 2012 untuk menyerap Ladang Tersat ke dalam projek Pusat Pembiakbakaan Dan Inovasi Kambing (KBSBIC) di Kuala Berang yang terletak 3 km di antara satu sama lain. KBSBIC adalah dikategorikan sebagai ladang Nukelus dan Pengganda. Proses untuk melantik syarikat bagi mengurus dan mengendalikan KBSBIC telah bermula pada Oktober 2013 setelah pembinaan KBSBIC selesai pada Julai 2013. ECERDC melalui proses bidaan terbuka telah pun mengenalpasti satu syarikat untuk mengusahakan KBSBIC yang juga merangkumi Ladang Tersat. Walau bagaimanapun selepas rundingan pada 20 Jun 2014, syarikat berkenaan telah menghantar surat yang bertarikh 13 Ogos 2014 untuk menarik diri dari mengusahakan projek ini. Susulan itu, mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan Projek (PIC) ECERDC pada 25 Ogos 2014 telah bersetuju agar rundingan diadakan untuk pembida yang kedua di dalam proses RFP terdahulu serta satu syarikat baru yang berminat dengan projek ini. Pada ketika ini rundingan masih berjalan dan dijangka akan berakhir menjelang akhir Oktober 2014. Sehingga perlantikan baru, kerja-kerja penyenggaraan dan membaikpulih infrastruktur telah pun dilakukan oleh ECERDC di mana kerja-kerja membaik pulih infrastruktur di ladang kini telah pun siap. Syarikat yang terpilih akan dipertanggungjawabkan untuk menguruskan kawasan pastura serta ladang Tersat ini secara keseluruhan. Pemilihan
4.4.1.2.b	Lawatan Audit ke Ladang Pengganda Tersat, di Mukim Hulu Terengganu pada 1 Disember 2013 mendapati infrastruktur yang dibina seperti kandang kambing, bangunan sampingan dan kawasan pastura dengan kos RM3.84 juta tidak digunakan melebihi 2 tahun setelah kontrak TADC ditamatkan pada 15 November 2011. Minit mesyuarat pengurusan ECERDC bertarikh 23 Mac 2012 telah menetapkan agar Ladang Pengganda Tersat diserapkan ke projek Pusat Pembiakbakaan Dan Inovasi Kambing di Kuala Berang. Hasil temu bual Audit dengan pegawai ECERDC mendapati penyenggaraan ladang telah dijalankan namun tiada pelantikan bertulis dan rekod penyenggaraan secara berkala dikemukakan. Pada pendapat Audit, infrastruktur di Ladang Pengganda Tersat yang telah dibangunkan dengan kos RM3.84 juta masih tidak digunakan sejak penamatan kontrak TADC pada November 2011. Ini adalah kerana ECERDC masih menunggu proses penyiapan projek Pusat Pembiakbakaan Dan Inovasi Kambing Kuala Berang (KBSBIC) yang akan disatukan dengan ladang ini. Maklum Balas Daripada ECERDC Diterima 10 September 2014 *ECERDC memaklumkan pada asalnya ladang pengganda di Tersat dan ladang komersial di Telaga Papan adalah di bawah pengurusan satu syarikat iaitu TADC. Bagaimanapun, setelah penamatan kontrak TADC pada 15 November 2011, syarikat-syarikat lain yang dipelawa enggan menguruskan kedua-dua ladang secara serentak kerana lokasinya yang berjauhan. Sehubungan itu, pihak pengurusan ECERDC telah menetapkan untuk menyerap Ladang Tersat ke dalam projek Pusat Pembiakbakaan Dan Inovasi di Kuala Berang. ECERDC menjangkakan rundingan akhir bersama syarikat yang berminat akan diselesaikan pada akhir bulan September 2014 dan pelantikan operator akan dibuat pada awal Oktober 2014.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		yang lebih teliti melalui Jawatankuasa Pelaburan Committee (PIC) dilakukan oleh ECERDC untuk memastikan syarikat yang terpilih adalah benar-benar berwibawa.
4.4.2	**Pengurus Ladang Yang Tidak Berkelayakan** Mengikut perenggan 5.8 Perjanjian Komersial antara ECERDC dan ETD, jawatan pengurus ladang yang dilantik bagi menguruskan ladang hendaklah mempunyai kelayakan taraf pendidikan yang sesuai iaitu ijazah atau diploma berkaitan dengan aset hidup dan pertanian. Semakan Audit mendapati pengurus ladang yang dilantik tidak mempunyai kelayakan yang ditetapkan dan hanya mempunyai kelulusan sijil dalam bidang elektronik. ECERDC telah memaklumkan melalui surat bertarikh 1 April 2013 kepada ETD tentang kegagalan memenuhi terma perjanjian komersial berkaitan kelayakan pengurus ladang. Bagaimanapun, pada 14 Mei 2013 pihak ETD telah memohon pelanjutan tempoh bagi pengurus ladang sedia ada sehingga bulan Disember 2013 kerana tiada calon yang sesuai. Sehingga tempoh pengauditan pihak ETD masih gagal melantik pengurus ladang yang menepati terma perjanjian komersial tersebut. ECERDC juga belum mengambil sebarang tindakan terhadap pihak ETD mengenai perkara ini. Ketiadaan pengurus ladang yang berkelayakan dalam bidang pertanian boleh menyebabkan pengurusan ladang tidak dapat dilaksanakan dengan cekap dan teratur. Pada pendapat Audit, pelantikan pengurus ladang adalah tidak memuaskan kerana pengurus yang dilantik tidak mempunyai kelayakan yang menepati terma perjanjian yang ditetapkan. Maklum Balas Daripada ECERDC Diterima Pada 10 September 2014 *ECERDC memaklumkan pihak ETD telah cuba mendapatkan pengurus ladang yang menepati syarat kontrak ditetapkan. Namun ETD sukar untuk mendapatkan calon yang sesuai untuk bekerja di Telaga Papan. Bagaimanapun, JPV Terengganu berterusan memberikan bantuan nasihat, teknikal dan latihan kepada pekerja ladang serta melaksanakan program kesihatan ternakan. Hasil kerjasama ini, prestasi operasi ladang dan mutu penjagaan kambing telah berjaya meningkat. Pada 10 Julai 2014, ETD telah melantik 2 pegawai eksekutif operasi ladang yang berkelayakan Ijazah Sains Penternakan.*	Selepas dilantik sebagai operator, ETD telah cuba mendapatkan pengurus ladang yang menepati syarat kontrak iaitu berkelulusan dalam bidang pertanian atau ternakan dan mempunyai pengalaman selama 5 tahun. Namun gagal kerana kesukaran mendapat calon yang sanggup bekerja di Telaga Papan. Bagaimanapun kekurangan ini telah ditampung oleh JPV Terengganu yang berterusan memberi bantuan nasihat, teknikal dan latihan kepada pekerja ladang serta melaksanakan program kesihatan ternakan untuk ETD sehingga ke hari ini. Dengan kerjasama dari JPV Terengganu, ETD secara beransur-ansur berjaya meningkatkan prestasi operasi ladang dan mutu penjagaan kambing. Kini pihak ETD telah pun berjaya melantik 2 pegawai eksekutif operasi ladang yang berkelayakan ijazah Sains Penternakan pada 10 Julai 2014 dan telah memulakan tugas pada 1 Ogos 2014. Hasil lawatan dan pemantauan berkala oleh ECERDC mengesahkan terdapat penambahbaikkan dari segi mutu pengurusan ladang. Sebagai langkah tambahan, ECERDC bercadang untuk melonggarkan syarat kelayakan pengurus ladang di dalam terma perjanjian untuk memudahkan ETD menepati terma perjanjian tetapi tanpa bertolak ansur di dalam kualiti dan mutu kerja yang sepatutnya disumbangkan oleh pekerja yang dilantik.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.4.3.1.a	**Rekod Pengurusan Makanan Kambing Kurang Memuaskan** Pemakanan yang berkualiti dapat mempercepatkan tumbesaran dan menjamin kesihatan ternakan tersebut. *Standard Operating Procedures* (SOP) ETD menyatakan sukatan pemakanan adalah bergantung kepada usia ternakan.	Ternakan pada asasnya diberi makanan yang secukupnya dan mengikut sukatan tetapi tidak direkodkan secara teratur dan terperinci oleh ETD. ECERDC telah pun menegur ETD supaya mengemaskini rekod makanan harian mereka. Sehubungan itu ETD bercadang menggunakan perisian Herdmaster untuk membantu memperkukuhkan pengurusan data dan rekod ladang termasuk pengurusan makanan yang optima. Penilaian terhadap perisian Herdmaster dijangka selesai pada Oktober 2014. Buat masa ini ETD merekodkan data pemakanan di dalam EXCEL spreadsheet. Pada masa yang sama, pegawai veterinar ETD juga telah memberikan latihan praktikal kepada pekerja-pekerja ladang untuk pengurusan makanan yang optima.
4.4.3.1.b	Semakan Audit mendapati ETD telah memberikan makanan seperti dedak dan rumput kepada ternakan sebanyak 3 kali sehari. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan ketepatan sukatan makanan kerana ETD hanya merekodkan kekerapan makanan yang diberikan dalam buku rekod harian. Semakan lanjut mendapati ETD tidak merekodkan pemberian kolostrum dan susu kepada anak kambing yang baru lahir sehingga berusia 3 bulan. Pada pendapat Audit, rekod pengurusan makanan kambing kurang memuaskan kerana kuantiti dan jenis makanan yang diberi kepada kambing tidak dapat dipastikan sama ada mematuhi SOP yang ditetapkan. Maklum Balas Daripada ECERDC Diterima Pada 10 September 2014 *ECERDC memaklumkan ternakan diberi makanan secukupnya dan mengikut sukatan tetapi tidak direkodkan secara terperinci oleh ETD. Pihak ETD bercadang untuk menggunakan perisian Herdmaster bagi mengukuhkan pengurusan data dan rekod ladang. Penilaian terhadap perisian tersebut dijangka selesai pada Oktober 2014 dan buat masa ini ETD merekodkan data pemakanan di dalam Microsoft Excel.*	
4.4.3.2.a	**Ternakan Menghidapi Penyakit *Caseous Lymphadenitis*** Mengikut Tatacara Operasi Standard Ruminan Kecil Versi 1.0, Perkara 6.4 ternakan yang dijangkiti penyakit *Caseous Lymphadenitis* (CLA) hendaklah diasingkan dan diberi rawatan serta sebaik-baiknya disingkir bagi mengelakkan penyebaran penyakit yang lebih meluas. Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) turut mencadangkan agar ternakan yang menghidapi CLA disingkirkan segera dan menjalani program kesihatan seperti pemeriksaan fizikal dan program pemvaksinan secara berkala. Amalan terbaik bagi rawatan CLA adalah mengasingkan kambing dan mencuci bisul dengan penyahkuman seperti *povidone iodine* atau *chlorhexidine* dan dibersihkan serta dirawat setiap hari sehingga sembuh.	ETD telah meningkatkan pengurusan kawalan penyakit dan mendapat sokongan JPV Terengganu seperti mengadakan program vaksinasi serta saringan darah terutamanya untuk kawalan penyakit CLA. Pegawai veterinar ETD juga telah memberi latihan praktikal kepada pekerja ladang mengenai pengurusan kesihatan ternakan termasuk memperbaiki pengurusan rekod rawatan. Hasil lawatan dan pemantauan berkala oleh ECERDC sehingga September 2014 mendapati kes CLA telah menurun daripada 13% kepada 6.9% sahaja dan tiada kes baru CLA dikesan sejak Mac 2014. Ingin dinyatakan bahawa jangkitan CLA adalah disebabkan kelemahan
4.4.3.2.b	Semakan Audit mendapati sejumlah 595 daripada 1,779 ekor kambing atau 33% yang diserahkan kepada ETD pada 7 Disember 2012 menghidapi penyakit CLA. Semakan lanjut terhadap laporan populasi ternakan ETD sehingga bulan November	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	2013 mendapati 127 daripada 987 ekor kambing atau 13% masih lagi menghidapi penyakit CLA. Lawatan Audit pada 5 Disember 2013 mendapati kambing yang menghidapi penyakit CLA diasingkan dan diberi rawatan tertentu. Bagaimanapun, rawatan CLA yang diberikan tidak direkodkan dengan teratur dan tidak dapat dipantau keberkesanan rawatannya. Ini menyebabkan sasaran bilangan kambing sukar dicapai dalam tempoh yang ditetapkan kerana mengambil masa untuk merawat penyakit tersebut. Pada pendapat Audit, penyakit CLA telah menjejaskan pencapaian sasaran bilangan kambing yang ditetapkan oleh ETD. Maklum Balas Daripada ECERDC Diterima Pada 10 September 2014 *ECERDC memaklumkan hasil lawatan dan pemantauan berkala oleh ECERDC sehingga bulan September 2014 mendapati kes CLA telah menurun daripada 13% kepada 6.9% sahaja dan tiada kes baru CLA dikesan sejak bulan September 2014.*	TADC menguruskan ladang dan bilangan CLA semasa kontrak ditamatkan adalah sebanyak 48% berdasarkan pemeriksaan bersama dan laporan makmal oleh Institut Kajian Veterinar Ipoh. Sebagai tindakan susulan ECERDC telah pun menghantar tuntutan kerugian ke TADC pada 22 Julai 2014. Status pada bulan Oktober 2014 menunjukkan peratusan CLA di ladang adalah di bawah 2% sahaja.
4.4.3.3.a	**Rekod Program Pembiakbakaan Kambing Yang Tidak Teratur** Pembiakbakaan merupakan faktor penting yang boleh mempengaruhi hasil pengeluaran ternakan iaitu bilangan anak yang akan dilahirkan, berat badan semasa lahir, ketahanan penyakit dan *stress* serta kuantiti daging yang akan dihasilkan. Perancangan dan kawalan dalam pemilihan kambing pejantan dan betina yang baik menjadi faktor penting bagi proses pembiakbakaan tersebut. Amalan terbaik adalah dengan menyelenggara rekod pembiakan dan kebuntingan.	Memandangkan ETD perlu melaksanakan pelbagai kerja baikpulih semasa tahun pertama beroperasi (tahun 2013 sehingga awal 2014), maka program pembiakan hanya dimulakan setelah proses kerja pembaikan ladang siap sepenuhnya. Oleh itu, semasa lawatan audit pada Disember 2013, populasi asas untuk dibiakkan adalah rendah kerana hanya kambing yang benar-benar sihat dipilih untuk program pembiakbakaan manakala ternakan yang kurus dan sakit diberikan tumpuan untuk proses pemulihan. Hasil pemeriksaan kebuntingan (*pregnancy diagnosis*) oleh JPV Terengganu pada Februari 2014 mengesahkan kadar kebuntingan adalah tinggi sehingga 90%. Di samping itu ECERDC sentiasa memantau operasi di ladang dengan mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Teknikal serta lawatan ke ladang pada setiap bulan. Di dalam mesyuarat yang dijalankan, pihak ETD telah diingatkan untuk memperbaiki program pembiakan serta mengemaskini Unjuran Aliran Ternakan mereka. Sehubungan itu ETD telah mengemukakan unjuran terbaru pada
4.4.3.3.b	Semakan Audit mendapati pihak operator belum menyediakan perancangan program pembiakbakaan yang teratur dalam merancang program tersebut. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan kekerapan penggunaan kambing sebagai pejantan dan betina secara individu kerana rekod yang disediakan adalah berdasarkan kandang yang digunakan untuk program pembiakbakaan. Oleh itu, tiada rekod pembiakan yang sistematik untuk pemantauan bagi tujuan penghasilan baka yang baik. Pada pendapat Audit, rekod program pembiakbakaan kambing adalah kurang memuaskan kerana rekod individu tidak disediakan dan menyukarkan pemantauan bagi penghasilan baka kambing yang baik. Maklum Balas Daripada ECERDC Diterima Pada 10 September 2014	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	ECERDC memaklumkan memandangkan ETD perlu melaksanakan pelbagai kerja baik pulih semasa tahun pertama beroperasi, maka program pembiakan hanya dimulakan setelah kerja pembaikan ladang siap sepenuhnya. Oleh itu, semasa lawatan Audit pada bulan Disember 2013, populasi asas untuk dibiakkan adalah rendah kerana hanya kambing yang benar-benar sihat dipilih untuk program pembiakan manakala ternakan yang kurus dan sakit diberikan tumpuan untuk proses pemulihan. Hasil pemeriksaan kebuntingan oleh JPV pada bulan Februari 2014 mengesahkan kadar kebuntingan adalah tinggi sehingga 90%. Pihak ETD telah mengemukakan unjuran terbaru pada 28 Ogos 2014 untuk tempoh sehingga 2022 sebagai asas untuk pemantauan prestasi program pembiakan kambing.	28 Ogos 2014 untuk tempoh sehingga 2022. Unjuran terbaru ini akan digunakan oleh ECERDC sebagai asas untuk pemantaun prestasi program pembiakkan kambing ETD. ETD juga sedang berusaha untuk mendapatkan 800 ekor kambing pembaka (*breeder*) yang baru dan muda seboleh-bolehnya sebelum akhir tahun 2014 untuk menggantikan kambing yang sudah tua dan tidak produktif lagi. Dengan kemasukkan 800 ekor kambing pembaka yang baru serta muda adalah dijangkakan kadar pembiakkan akan meningkat dengan lebih baik lagi serta program pembiakbakaan yang lebih teratur dapat dilakukan.
4.4.4.4.a	**Kadar Kematian Kambing Yang Tinggi** Semakan Audit terhadap laporan yang dikeluarkan oleh pihak ETD mendapati kadar kematian anak kambing bagi tahun 2013 adalah sebanyak 376 ekor atau 195.8% manakala kadar kematian bagi kambing betina dewasa adalah sebanyak 161 ekor atau 201.3% berbanding sasaran yang ditetapkan.	Pada peringkat awal operasi ETD dan semasa lawatan audit, sememangnya jumlah kambing Boer agak rendah. Ini disebabkan ETD memulakan operasi dengan bilangan kambing yang rendah dan kemudahan ladang yang masih dalam proses baikpulih.
4.4.4.4.b	Analisis Audit terhadap laporan bulanan ETD selanjutnya mendapati antara punca utama kematian kambing adalah disebabkan penyakit pneumonia (46%), disyaki berpenyakit CLA (21%), kurang kolostrum (18%) dan lain-lain punca kematian (15%). Kadar kematian kambing yang tinggi melebihi sasaran yang ditetapkan telah menjejaskan prestasi operator. Pada pendapat Audit, berdasarkan *breeding herd flow* yang asal ETD telah gagal mencapai KPI yang ditetapkan. Maklum Balas Daripada ECERDC Diterima Pada 10 September 2014 *ECERDC memaklumkan pada peringkat awal operasi dan semasa lawatan Audit, sememangnya jumlah kambing Boer adalah agak rendah. Ini disebabkan ETD memulakan operasi dengan bilangan kambing yang rendah dan kemudahan ladang yang masih dalam proses baik pulih. Walaubagaimanapun, beberapa inisiatif dilaksanakan seperti membaik pulih infrastruktur dan pastura, melantik pengurus ladang, mengadakan latihan berterusan dan menjalankan pemantauan untuk memastikan peningkatan prestasi ladang di mana kadar kelahiran yang meningkat dan kadar kematian yang rendah. Maklumat kadar kelahiran dan kadar kematian adalah seperti berikut.*	Walau bagaimanapun, kadar kelahiran telah meningkat semula dan kematian menjadi rendah setelah beberapa inisiatif dilaksanakan pada hujung 2013 dan pada tahun 2014 yang di antaranya seperti berikut:- i. Membaikpulih infrastruktur dan pastura. ii. Melantik pengurus ladang yang berkelayakan iii. Mengadakan latihan yang berterusan oleh pegawai veterinar ETD iv. Pemantauan dan lawatan berkala oleh ECERDC ECERDC sentiasa mengingatkan dan memantau ETD untuk mengemaskinikan rekod pembiakkan agar objektif Projek tercapai. *Breeding herd flow* asal kini tidak lagi dirujuk sebagai KPI sebaliknya *breeding herd flow* yang baru dikemukakan oleh ETD pada 28 Ogos 2014 akan digunakan.

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td></td><td>

Jadual 4.7
Kadar Kematian Dan Kelahiran Kambing
Sehingga Bulan Mei 2014

<table>
<tr><th>BULAN</th><th>BILANGAN KAMBING</th><th>KADAR KELAHIRAN</th><th>PERATUS KELAHIRAN (%)</th><th>KADAR KEMATIAN</th><th>PERATUS KEMATIAN (%)</th></tr>
<tr><td>Januari</td><td>921</td><td>5</td><td>0.5</td><td>26</td><td>2.8</td></tr>
<tr><td>Februari</td><td>915</td><td>8</td><td>0.9</td><td>15</td><td>1.6</td></tr>
<tr><td>Mac</td><td>901</td><td>6</td><td>0.7</td><td>18</td><td>2.0</td></tr>
<tr><td>April</td><td>863</td><td>52</td><td>6.0</td><td>12</td><td>1.4</td></tr>
<tr><td>Mei</td><td>932</td><td>25</td><td>2.7</td><td>7</td><td>0.8</td></tr>
</table>

Sumber: ECERDC

</td><td></td></tr>
<tr><td>**4.4.5.1.a**</td><td>

Infrastruktur Ladang dan Bangunan Yang Tidak Disenggara

Lawatan Audit ke Ladang Komersial Telaga Papan Setiu, Terengganu dari 3 hingga 5 Disember 2013 mendapati infrastruktur seperti bangunan pejabat, *standby generator,* 2 *movable diesel water pump* dan 30 *sprinkle*r tidak digunakan sejak pelantikan ETD sebagai operator pada 3 Disember 2012 dengan anggaran kos bagi infrastruktur berjumlah RM150,000. Selain itu, terdapat sebuah rumah pekerja yang digunakan sebagai stor ubat tidak disenggarakan dengan baik. Antara sebab infrastruktur tidak digunakan adalah seperti berikut:-

i. Tiada keperluan untuk menggunakan peralatan yang disediakan.

ii. Pekerja sedia ada mempunyai rumah di kawasan berhampiran.

iii. Lokasi bangunan pejabat yang terlalu jauh dari kawasan kandang.

</td><td>

ECERDC telah pun menyenggara rumah pekerja, *standby generator*, 2 *movable diesel water pump* seperti yang disyorkan. ECERDC juga telah menyenggara sistem perparitan di kawasan ladang supaya air tidak bertakung terutama di musim tengkujuh. Kerja-kerja ini telah pun siap sepenuhnya pada Ogos 2014.

</td></tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.4.5.1.b	Infrastruktur dan bangunan yang tidak digunakan dan tidak disenggara telah menyebabkan ia rosak, usang, terbiar dan tidak terurus.	
4.4.5.2.a	**Kawasan Pastura Tidak Disenggara Dengan Baik** Mengikut *Standard Operating Procedures* (SOP) Ladang Ternakan Kambing Boer, pemotongan rumput dijalankan semasa rumput berusia 4 minggu dengan menggunakan *service cutter* atau *harvester*. Pembajaan pula dilakukan 2 kali setahun selepas pemotongan rumput dijalankan. Lawatan Audit di Ladang Komersial Telaga Papan, Mukim Setiu dari 3 hingga 5 Disember 2013 mendapati kebanyakan kawasan pastura yang dilawati tidak dijaga dengan baik menyebabkan rumput liar tumbuh. Kawasan pastura tidak dipotong secara sistematik kerana kawasan rumput sedia ada mencukupi untuk menampung keperluan makanan ternakan. Keadaan ini menyebabkan kawasan pastura dipenuhi semak samun dan tumbuhan liar. Pada pendapat Audit, pengurusan ladang dan aset Kerajaan yang diuruskan dengan baik boleh meningkatkan produktiviti dan menjimatkan kos penyenggaraan. Maklum Balas Daripada ECERDC Diterima Pada 10 September 2014 ECERDC memaklumkan *kerja-kerja penyelenggaraan rumah pekerja, standby generator, 2 movable diesel water pump telah dilaksanakan. Selain itu, penyenggaraan sistem perparitan telah dilaksanakan dan tiada lagi air bertakung terutama di musim tengkujuh. Kerja-kerja ini telah siap sepenuhnya pada Ogos 2014. Kawasan pastura yang diperlukan telah disenggara dengan baik dengan melakukan pembajaan sewajarnya oleh pihak ETD.*	Kawasan pastura yang diperlukan sememangnya telah disenggara dengan baik oleh pihak ETD dengan melakukan pembajaan yang sewajarnya. Lawatan ladang yang dijalankan oleh ECERDC pada bulan September 2014 menunjukkan kawasan pastura berkeadaan hijau dan subur.
4.4.5.3.a.i	**Kawalan Biosekuriti Ladang Kambing Yang Tidak Memuaskan - Kawalan Pergerakan Kenderaan Pelawat** Lawatan Audit dari 3 hingga 5 Disember 2013 ke Ladang Kambing–Telaga Papan, Mukim Setiu mendapati terdapat laluan alternatif bersebelahan *wheel dip* di jalan masuk kawasan ladang yang membolehkan kenderaan tidak melalui *wheel dip* yang disediakan. Kenderaan yang memasuki kawasan ladang tanpa melalui *wheel dip* boleh menyebabkan penyebaran agen penyakit kepada ternakan.	Selepas lawatan audit, laluan alternatif di sebelah *wheel dip* telah pun ditutup supaya semua kenderaan perlu melalui melalui *wheel dip* apabila masuk ke ladang. *Wheel dip* yang dilihat semasa lawatan audit adalah di atas laluan sementara melalui tanah hak milik pihak lain. Jalan masuk yang baru telah pun siap dibina oleh Kerajaan Negeri Terengganu pada penghujung Ogos 2014.
4.4.5.3.a.ii	Lawatan Audit mendapati *wheel dip* yang disediakan di ladang adalah tidak berbumbung dan mudah dicemari oleh air hujan dan air longkang. Amalan terbaik yang diperhatikan hasil lawatan Audit di beberapa ladang kambing persendirian mendapati *wheel dip* adalah berbumbung bagi mengelakkan cecair *omnicide*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	bercampur air hujan. Pada pendapat Audit, kawalan biosekuriti di ladang yang baik boleh mengurangkan risiko penyebaran agen penyakit. Maklum Balas Daripada ECERDC Diterima Pada 10 September 2014 *ECERDC memaklumkan selepas lawatan Audit, laluan alternatif di sebelah wheel dip telah ditutup supaya kenderaan perlu melalui wheel dip apabila memasuki kawasan ladang. Wheel dip yang digunakan semasa lawatan Audit adalah di atas laluan sementara. Satu jalan masuk yang baru telah siap dibina oleh Kerajaan Negeri Terengganu pada bulan Ogos 2014. Sehubungan itu, satu wheel dip yang baru akan dibina dan dijangka siap pada penghujung bulan Oktober 2014 di jalan tersebut dengan mengambil kira syor Jabatan Audit Negara.*	Satu *wheel dip* baru akan dibina di jalan tersebut dengan mengambilkira syor oleh Jabatan Audit iaitu untuk membina bumbung untuk mengelakkan "*disinfectant*" bercampur dengan air hujan. Pemilihan kontraktor untuk membina *wheel dip* sedang dijalankan dan *wheel dip* baru dijangka siap pada penghujung Oktober 2014.
4.4.6.1	**Pemantauan** Pemantauan adalah elemen pengurusan yang penting bagi memudahkan ECERDC mengenal pasti kelemahan dan masalah yang dihadapi pada peringkat awal seterusnya membolehkan tindakan diambil dengan kadar segera untuk membaiki atau menyelesaikannya.	ECERDC telah menyemak semula proses pemantauan yang dilakukan sebelum ini dan mengambil tindakan seperti berikut:- i. Mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan lawatan ke ladang setiap bulan serta sering berjumpa dengan pihak pengurusan syarikat untuk bersama-sama menyelesaikan sebarang masalah yang mungkin timbul. ii. Perjumpaan berkala di antara Pihak Pengurusan Tertinggi ECERDC dan Pengurusan Tertinggi syarikat bagi mencari penyelesaian setiap masalah yang timbul serta mendapat komitmen mereka untuk menjayakan projek ini seperti yang telah dipersetujui di dalam kontrak dahulu. Pertemuan terbaru adalah pada 12 Ogos 2014. iii. Mengstrukturkan semula unit di dalam ECERDC yang bertanggungjawab memantau prestasi projek-projek pada bulan Ogos 2014 termasuk projek pertanian. iv. Menggalakkan lawatan-lawatan oleh stakeholders – UKAS, JPM, ICU, UPE dan Unit Audit Dalam JPM. Contohnya, lawatan oleh TKSUK Dato' Othman Mahmood sendiri pada 26 Mei 2014.
4.4.6.2	Semakan Audit mendapati ECERDC telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pengurusan yang bersidang setiap bulan manakala Jawatankuasa Pelaksanaan Dan Penyelarasan Negeri Terengganu serta Jawatankuasa Pelaburan Projek bersidang setiap 3 bulan sekali. Pada pendapat Audit, pemantauan oleh jawatankuasa yang ditubuhkan di ECERDC dan peringkat negeri terhadap projek Pengurusan Ladang Kambing Pengganda Dan Komersial di Terengganu adalah memuaskan. Maklum Balas Daripada ECERDC Diterima Pada 10 September 2014 *ECERDC memaklumkan tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan melalui semakan semula terhadap proses pemantauan sedia ada.*	

LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN

Perenggan 5 : Pengurusan Program Tanaman Semula Kelapa Sawit Dan Getah

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.4.1.a	**Prestasi Tanaman Kelapa Sawit Dan Getah** Sehingga bulan November 2013, KESEDAR telah membangunkan 11 RKT di kawasan seluas 20,611 hektar. Seluas 8,685 hektar telah ditanam dengan kelapa sawit dan 9,655 hektar ditanam dengan getah. Bagaimanapun, sejak tahun 1990 pengurusan ladang menghadapi pelbagai masalah antaranya tiada bayaran balik hutang peneroka, penjualan hasil ladang kepada pihak luar, ancaman haiwan liar, kecurian hasil ladang tanpa peneroka dan penjagaan ladang yang kurang memuaskan. Perkara tersebut sukar ditangani oleh KESEDAR disebabkan perkara seperti berikut:- i. KESEDAR masih tidak memiliki geran tanah bagi ladang yang dibangunkan. ii. Sebahagian kecil peneroka tidak menandatangani borang perjanjian peneroka. iii. Tanah yang dimajukan oleh KESEDAR tidak tertakluk di bawah Akta "*Group Settlement Act"* yang memberi kuasa kepada agensi untuk mengambil tindakan terhadap peneroka yang ingkar kepada arahan.	
5.4.1.b	Cadangan bagi Program Tanaman Semula Kelapa Sawit Dan Getah telah dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah pada bulan Jun 2003 memandangkan ladang kelapa sawit dan getah tidak lagi ekonomik disebabkan umur pokok melebihi 25 tahun dan kurang mengeluarkan hasil serta memberi kesan kepada pendapatan peneroka.	
5.4.1.c	Program Tanaman Semula telah dilaksanakan secara berperingkat dengan menggunakan sumber dalaman, pinjaman dan bantuan agensi lain. Program tersebut telah dimulakan dengan tanaman kelapa sawit kerana ia lebih sesuai dengan keadaan cuaca dan tanah di kawasan KESEDAR serta dapat mengeluarkan hasil lebih awal iaitu dalam tempoh 4 tahun berbanding getah	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	yang mengeluarkan hasil dalam tempoh 7 tahun. Selain itu, KESEDAR juga mempunyai kilang kelapa sawit yang mampu memproses hasil Buah Tandan Segar (BTS) yang dikeluarkan dari ladang tersebut.	
5.4.2.a	**Kawasan Kelapa Sawit Dan Getah Belum Ditanam Semula** Mengikut *Good Agricultural Practices (*GAP) yang dikeluarkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), hasil BTS dan getah berkurangan apabila pokok tua dan perlu ditanam semula setelah mencapai umur antara 20 hingga 25 tahun. Peruntukan kewangan yang mencukupi adalah penting bagi memastikan program tanaman semula dapat dilaksanakan seperti yang dirancang.	
5.4.2.b	Pada tahun 2010, KESEDAR telah memohon sejumlah RM22 juta daripada Kementerian Kewangan di bawah RMKe-10 bagi tujuan pelaksanaan program tanaman semula. Bagaimanapun, permohonan peruntukan tidak diluluskan sebaliknya hanya sejumlah RM12.50 juta diluluskan bagi penyenggaraan ladang bagi tempoh 2011 sehingga 2013. i. Mengikut perancangan pelaksanaan program tanaman semula KESEDAR, keseluruhan kawasan yang dijangka terlibat adalah seluas 10,682 hektar iaitu ladang getah seluas 5,683 hektar dan ladang kelapa sawit seluas 4,999 hektar. ii. Semakan Audit mendapati sehingga bulan November 2013 masih terdapat kawasan seluas 6,323 hektar atau 59.2% daripada 10,682 hektar belum ditanam semula melibatkan 1,285 peneroka. iii. Lawatan Audit di RKT Meranto, Paloh 1 dan Lebir mendapati ladang kelapa sawit dan getah tidak lagi ekonomik untuk diusahakan kerana hasil tahunan yang diperoleh adalah rendah iaitu 4 tan/sehektar bagi kelapa sawit dan 1 tan/sehektar bagi getah. Ini disebabkan pokok telah melebihi 25 tahun. Pada pendapat Audit, pelaksanaan tanaman semula kelapa sawit dan getah adalah kurang memuaskan kerana KESEDAR mengalami kekangan peruntukan. Ini menyebabkan kawasan seluas 6,323 hektar atau 59.2% daripada 10,682 hektar belum ditanam semula seperti dirancang.	i. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah memaklumkan bahawa notis perubahan keperluan peruntukan untuk program tanam semula ladang berpeneroka di RKT KESEDAR sejumlah RM 10 juta telah dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi (UPE), JPM melalui rujukan surat KKLW.TW(S) 110-4/14/1-04 KT2(33) bertarikh 18 Ogos 2014. ii. Bayaran pertama bantuan sara hidup sebanyak RM 10 juta telah diterima oleh KESEDAR pada 4 April 2014. Seterusnya KKLW telah mengemukakan permohonan pindahan peruntukan bagi membiayai peruntukan bantuan sara hidup KESEDAR berjumlah RM10.37 juta kepada Kementerian Kewangan bagi Tahun 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Daripada KESEDAR Diterima Pada 10 September 2014 *iii. Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) telah memaklumkan bahawa notis perubahan keperluan peruntukan untuk program tanam semula ladang berpeneroka di RKT KESEDAR sejumlah RM10 juta telah dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi (UPE), JPM melalui rujukan surat KKLW.TW(S) 110-4/14/1-04 KT2(33) bertarikh 18 Ogos 2014.* *iv. Bayaran pertama bantuan sara hidup sebanyak RM10 juta telah diterima oleh KESEDAR pada 4 April 2014. Seterusnya KKLW telah mengemukakan permohonan pindahan peruntukan bagi membiayai peruntukan bantuan sara hidup KESEDAR berjumlah RM10.37 juta kepada Kementerian Kewangan bagi Tahun 2014.*	
5.4.3.1.a	**Penyenggaraan Ladang Kurang Memuaskan** Mengikut GAP, pengurusan ladang sawit adalah penting supaya dapat memelihara pertumbuhan pokok bagi memperoleh pengeluaran hasil BTS dan Kadar Perahan Minyak yang tinggi berdasarkan hasil potensinya mulai tahun tuaian pertama hingga ke akhir hayat ekonomik pokok.	
5.4.3.1.b	Lawatan Audit di 4 RKT mendapati penyenggaraan ladang di RKT Paloh 2 dan Chalil yang diuruskan oleh peneroka adalah kurang memuaskan berbanding di RKT Paloh 1 dan Renok Baru. Ini kerana aktiviti meracun dan menebas tidak dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Penyenggaraan ladang yang tidak sempurna akan menyukarkan aktiviti pembajaan dan memberi kesan kepada pertumbuhan pokok dan seterusnya akan menjejaskan pengeluaran hasil. Pada pendapat Audit, penyenggaraan ladang adalah kurang memuaskan di RKT Paloh 2 dan Chalil kerana penyenggaraan tidak dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Ini menyebabkan pengeluaran hasil BTS dan kadar perahan minyak terjejas. Maklum Balas Daripada KESEDAR Diterima Pada 10 September 2014 *KESEDAR memaklumkan telah melantik kontraktor bagi menyenggara ladang di RKT Paloh 2 supaya ladang dapat diurus dengan berkesan dan kerja penyenggaraan ladang telah dilaksanakan melalui kaedah perolehan secara*	KESEDAR telah melantik kontraktor bagi menyenggara ladang di RKT Paloh 2 supaya ladang dapat diurus dengan berkesan dan kerja penyenggaraan ladang telah dilaksanakan melalui kaedah perolehan secara sebut harga dan prestasi perlaksanaannya adalah di antara 60% hingga 75%.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	sebut harga dan prestasi pelaksanaannya adalah di antara 60% hingga 75%.	
5.4.3.2.a	**Kadar Kematian Anak Sawit Tinggi** Mengikut GAP, anak sawit yang ditanam hendaklah diberi perlindungan yang rapi daripada ancaman haiwan liar bagi memastikan kadar kematian tidak melebihi 10% daripada jumlah keseluruhan pokok yang ditanam dan dapat mengurangkan kos sulaman anak sawit.	
5.4.3.2.b	Lawatan Audit di 5 RKT mendapati sebanyak 288,698 atau 37.4% anak sawit mati berbanding jumlah yang ditanam iaitu sebanyak 771,568. Kadar kematian anak sawit adalah tinggi disebabkan ancaman babi hutan terhadap penanaman anak sawit berumur 12 bulan. Semakan Audit mendapati KESEDAR ada mengambil tindakan seperti membina pagar keselamatan, memasang kawat berduri di pangkal pokok yang baru ditanam dan memburu bagi mengatasi ancaman haiwan tersebut. KESEDAR perlu menanggung kos tambahan bagi sulaman anak sawit berjumlah RM3.78 juta dari tahun 2007 sehingga bulan November 2013. Pada pendapat Audit, KESEDAR telah memberi perlindungan yang memuaskan terhadap penanaman anak sawit. Bagaimanapun, ancaman haiwan liar telah menyebabkan kadar kematian anak sawit melebihi 10%. Maklum Balas Daripada KESEDAR Diterima Pada 10 September 2014 *KESEDAR memaklumkan telah membuat penambahbaikan bagi memberi perlindungan terhadap anak sawit antaranya memasang pagar elektrik, menggali parit sempadan dan mewujudkan unit penembak musuh. KESEDAR juga telah membuat perolehan anak sawit berumur 18 bulan bermula bulan Jun 2013. Kadar kematian anak sawit telah dapat dikurangkan daripada 13% (2013) kepada 5% (sehingga Ogos 2014).*	KESEDAR telah membuat penambahbaikan bagi memberi perlindungan terhadap anak sawit antaranya memasang pagar elektrik, menggali parit sempadan dan mewujudkan unit penembak musuh. KESEDAR juga telah membuat perolehan anak sawit berumur 18 bulan bermula bulan Jun 2013. Kadar kematian anak sawit telah dapat dikurangkan dari 13% (2013) kepada 5% (sehingga Ogos 2014).
5.4.3.3.a	**Aktiviti Pembajaan Tidak Mengikut Jadual** Mengikut GAP, setiap pokok kelapa sawit memerlukan baja yang mencukupi bagi penghasilan buah sawit yang optimum. Pokok muda yang berumur 3 tahun ke bawah memerlukan 3 hingga 5 pusingan pembajaan setahun manakala pokok matang yang berumur lebih 3 tahun memerlukan 2 hingga 3 pusingan pembajaan setahun.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.4.3.3.b	Semakan Audit terhadap jadual pembajaan di 5 RKT mendapati aktiviti pembajaan tidak dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan kerana kekurangan stok bekalan baja dan kawasan ladang berbukit. Semakan lanjut mendapati pada tahun 2011, RKT Chalil dalam proses pemulihan ladang menyebabkan aktiviti pembajaan tidak dirancang. Pada pendapat Audit, aktiviti pembajaan adalah kurang memuaskan kerana tidak dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan. Ini menjejaskan penghasilan BTS yang optimum dan berkualiti. Maklum Balas Daripada KESEDAR Diterima Pada 10 September 2014 *KESEDAR memaklumkan aktiviti pembajaan tidak dapat dilaksanakan mengikut perancangan disebabkan bekalan baja lewat diterima daripada pembekal. Perolehan baja melalui Konsortium Baja Nasional (KBN) telah dibuat pada 5 Mac 2014 dan sehingga kini sebanyak 756.95 metrik tan telah diterima, manakala sebanyak 1,802.51 metrik tan baja lagi dijangka diterima pada atau sebelum 30 September 2014.*	Aktiviti pembajaan telah dilaksanakan sepenuhnya pada awal tahun 2014. Manakala bagi aktiviti pembajaan untuk tahun 2014 pula, perolehan baja telah dilaksanakan melalui kaedah perolehan secara tender dengan Konsortium Baja Nasional (KBN) pada 5 Mac 2014 dan sehingga 28 September 2014 sebanyak 2,559.46 metrik tan telah diterima dan telah dilaksanakan pembajaan, manakala sebanyak 836.42 metrik tan baja diterima dan telah dilaksana aktiviti pembajaan mengikut perancangan.
5.4.3.4.a	**Aktiviti Meracun Tidak Mengikut Jadual** Mengikut GAP, aktiviti meracun hendaklah dilaksanakan sebanyak 8 hingga 12 kali setahun bagi mengelakkan persaingan dan memberi laluan kepada tanaman sawit untuk hidup subur. Ia juga bertujuan untuk memastikan segala nutrien yang diberikan untuk tanaman sawit melalui pembajaan tidak diserap oleh rumpai yang bersifat lebih agresif berbanding tanaman utama.	
5.4.3.4.b	Semakan Audit di 5 RKT mendapati aktiviti meracun tidak dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan. Semakan lanjut menunjukkan aktiviti meracun tidak diperlukan di RKT Chalil kerana ia adalah kawasan pemulihan manakala aktiviti meracun sukar dilaksanakan di RKT Renok Baru disebabkan kawasan ladang yang berbukit. Selain itu, aktiviti meracun hanya ditumpukan di kawasan yang mengeluarkan hasil sahaja. Aktiviti meracun yang tidak dilaksanakan akan mengganggu proses tumbesaran kelapa sawit yang akan mengakibatkan kelewatan kematangan dan mengurangkan hasil buah tandan segar. Pada pendapat Audit, aktiviti meracun adalah memuaskan kecuali di RKT Renok Baru Fasa 1. Ini adalah kerana aktiviti meracun tidak dilaksanakan mengikut jadual dan menjejaskan kesuburan pokok kelapa sawit serta pengeluaran hasil BTS.	KESEDAR telah melantik kontraktor bagi penyenggaraan ladang di RKT Chalil Fasa 1 dan Fasa 2 serta di RKT Renok Baru dan prestasi kerja penyenggaraan adalah di antara 80% hingga 100%.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Daripada KESEDAR Diterima Pada 10 September 2014 *KESEDAR memaklumkan telah melantik kontraktor bagi penyenggaraan ladang di RKT Chalil Fasa 1 dan Fasa 2 serta di RKT Renok Baru dan prestasi kerja penyenggaraan adalah di antara 80% hingga 100%.*	
5.4.3.5.a	**Pengeluaran Hasil Tidak Mencapai Tahap Optimum** Mengikut GAP, anggaran bagi tahun pertama hasil tuaian adalah sebanyak 2.47 metrik tan sehektar manakala bagi tahun kedua adalah sebanyak 6.18 metrik tan sehektar. Anggaran hasil yang dibuat oleh KESEDAR berdasarkan jumlah pokok hidup adalah lebih rendah berbanding anggaran yang ditetapkan oleh GAP iaitu 60% dari keseluruhan ditanam dan kadar sulaman anak sawit.	
5.4.3.5.b	Lawatan Audit di 7 RKT menunjukkan hanya RKT Renok Baru Fasa 1 dan Fasa 2 yang telah mengeluarkan hasil manakala 5 RKT lagi belum mengeluarkan hasil. Semakan Audit mendapati hasil yang dikutip adalah kurang memuaskan kerana keadaan kawasan ladang yang berbukit menyebabkan kesukaran menuai dan mengangkut hasil BTS. Selain itu, aktiviti pembajaan dan meracun juga tidak dilaksanakan mengikut jadual. Ini mengakibatkan pengeluaran hasil tidak mencapai tahap optimum dan secara tidak langsung menjejaskan pendapatan peneroka. Pada pendapat Audit, pengeluaran hasil tanaman kelapa sawit adalah kurang memuaskan kerana tidak mencapai anggaran hasil yang ditetapkan. Ini disebabkan oleh kawasan ladang yang berbukit menyukarkan aktiviti tuaian hasil manakala aktiviti pembajaan dan meracun pula tidak mengikut jadual. Maklum Balas Daripada KESEDAR Diterima Pada 10 September 2014 *KESEDAR memaklumkan bahawa pencapaian hasil sehingga Ogos 2014 di Renok Baru Fasa 1 adalah 643.34 tan atau 58% dan RKT Renok Baru Fasa 2 adalah 713.50 tan iaitu 101.93% daripada anggaran hasil yang dijangka.*	Pencapaian hasil sehingga Ogos 2014 di Renok Baru Fasa 1 adalah 643.34 tan atau 58% dan RKT Renok Baru Fasa 2 adalah 713.50 tan iaitu 101.93% daripada anggaran hasil yang dijangka.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.4.3.6.a	**Stor Baja Sawit Tidak Disenggara Dengan Baik** Mengikut Tatacara Pengurusan Stor, stor perlu mempunyai susun atur yang sistematik dan praktik untuk membolehkan aktiviti pengurusan stor berjalan lancar, selamat, mudah dan menjimatkan masa. Ia perlu mengambil kira penggunaan ruang untuk memudahkan pergerakan kakitangan dan alat pengendalian barang-barang. Sistem pengeluaran yang cekap dan teratur dapat mengelakkan pengeluaran tanpa kebenaran, pengeluaran yang tidak mengikut kuantiti atau pesanan dan stok yang telah lama disimpan tidak dikeluarkan.	Penyenggaraan stor telah dilaksanakan pada Mac 2014 bagi memastikan stor baja disenggarakan dengan teratur dan dalam keadaan baik.
5.4.3.6.b	Lawatan Audit pada 24 November 2013 di stor RKT Renok Baru, Paloh 1 dan Paloh 2 mendapati Stor Baja tidak disenggara dengan baik kerana terdapat beg baja yang pecah dan susunan baja tidak teratur. Ini berlaku disebabkan kurangnya pemantauan oleh KESEDAR bagi memastikan stor disenggarakan dengan baik, kakitangan yang kurang berpengetahuan dan tidak mendapat latihan yang secukupnya mengenai tatacara pengurusan stor.	
5.4.3.6.c	Pemeriksaan fizikal di RKT Renok Baru mendapati keadaan stor kurang selamat dan terdedah kepada risiko kecurian baja. Pada pendapat Audit, pengurusan stor baja kurang memuaskan kerana tidak disenggarakan dengan baik dan boleh menyebabkan kerosakan dan risiko kecurian. Maklum Balas Daripada KESEDAR Diterima Pada 24 Mac 2014 *KESEDAR memaklumkan tindakan telah diambil bagi memastikan stor baja disenggarakan dengan teratur.*	
5.4.4.1	**Peneroka Tidak Menjelaskan Pinjaman** Mengikut perjanjian tanam semula, peneroka perlu menjual atau menyerahkan hasil pertanian kepada KESEDAR bagi menyelesaikan pinjaman oleh peneroka antaranya bantuan sara hidup dan penyenggaraan ladang.	KESEDAR telah menetapkan supaya semua peneroka iaitu seramai 2,210 dikehendaki menandatangani 2 perjanjian iaitu perjanjian peneroka dan perjanjian tanaman semula. Bagaimanapun, seramai 48 peneroka atau 2.17% peneroka tidak menandatangani perjanjian tanam semula kerana tidak mahu terlibat dalam program tanam semula yang diuruskan oleh KESEDAR dan mereka juga telah memperoleh hak milik sementara sebanyak 3 hingga 7 ekar. Peneroka yang tidak menandatangani perjanjian tanam semula tidak mendapat kemudahan bantuan sara hidup dan bantuan tanam semula.
5.4.4.2	Semakan Audit mendapati peneroka telah menjual hasil pertanian kepada pihak lain sejak tahun 1992 dan menyebabkan hutang peneroka tidak dapat ditolak secara ansuran oleh KESEDAR. Pemantauan yang kurang berkesan oleh KESEDAR menyebabkan hutang peneroka berjumlah RM74.80 juta tidak dapat dikutip sehingga bulan November 2013. Ini mengakibatkan tabung tanaman	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	semula tidak dapat diwujudkan bagi membantu peneroka melaksanakan program tanaman semula dan menyenggara ladang mereka. Pada pendapat Audit, pengurusan kutipan balik pinjaman peneroka adalah tidak memuaskan kerana peneroka tidak menjual hasil kelapa sawit atau getah kepada KESEDAR bagi menyelesaikan pinjaman. Selain itu, KESEDAR gagal memantau dan mengutip balik pinjaman yang diberi. Ini mengakibatkan sejumlah RM74.80 juta tidak dapat dikutip bagi melaksanakan program tanaman semula dan menyenggara ladang peneroka. Maklum Balas Daripada KESEDAR Diterima Pada 24 Mac 2014 *KESEDAR memaklumkan telah menetapkan supaya semua peneroka iaitu seramai 2,210 dikehendaki menandatangani 2 perjanjian iaitu perjanjian peneroka dan perjanjian tanaman semula. Bagaimanapun, seramai 48 peneroka atau 2.17% peneroka tidak menandatangani perjanjian tanam semula kerana tidak mahu terlibat dalam program tanam semula yang diuruskan oleh KESEDAR dan mereka juga telah memperoleh hak milik sementara sebanyak 3 hingga 7 ekar. Peneroka yang tidak menandatangani perjanjian tanam semula tidak mendapat kemudahan bantuan sara hidup dan bantuan tanam semula.*	Hutang peneroka berjumlah RM74.80 juta dengan KESEDAR melibatkan kerja pembangunan ladang sejak tahun 1992 telah diluluskan dan dilupuskan oleh Kementerian Kewangan pada rujukan surat KK/BPKA/D5/(S)408/1/2 bertarikh 9 November 2012.
5.4.5.1	**Hak Milik Tanah Di Kawasan Yang Dimajukan KESEDAR** a. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 7 Mac 1979 telah meluluskan Kertas Cadangan Bilangan 5/181/79(13) yang mengisytiharkan kawasan operasi KESEDAR yang meliputi keluasan 1.234 juta hektar yang melibatkan keseluruhan jajahan Gua Musang, Kuala Krai, Jeli dan sebahagian Tanah Merah. b. Semakan Audit mendapati hak milik tanah bertindih antara KESEDAR dan peneroka. Tanah tersebut telah diduduki oleh peneroka yang memiliki geran sementara. Mulai tahun 1989, Kerajaan Negeri melalui Pentadbir Tanah Gua Musang telah mengeluarkan Hak Milik Sementara kepada individu bagi tanah yang dimajukan oleh KESEDAR. Hak Milik Sementara yang dikeluarkan kebanyakannya berkeluasan 1.21 hingga 2.83 hektar. c. Semakan lanjut mendapati hak milik tanah sementara telah dikeluarkan kepada individu pada tahun 1996 dan 1999 oleh Kerajaan Negeri di kawasan KESEDAR yang telah dimajukan dengan tanaman getah. Bagaimanapun, Pihak Berkuasa Negeri tidak konsisten dalam	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	mengeluarkan kelulusan hak milik tanah yang sama kepada KESEDAR. Ini kerana kelulusan diberikan kepada individu yang menguruskan ladang berbanding KESEDAR yang menjelaskan bayaran premium tanah tersebut.	
5.4.5.2	**Bayaran Premium Tanah Ditanggung Oleh KESEDAR** a. Akta Kanun Tanah Negara dan kaedah-kaedah negeri telah menetapkan orang perseorangan, organisasi atau agensi Kerajaan yang telah diluluskan permohonan tanah hendaklah membuat bayaran premium sebelum tanah berkenaan diberi hak milik. b. Semakan Audit mendapati geran masih tidak diperoleh oleh KESEDAR walaupun premium tanah telah dibayar berjumlah RM30 juta bagi kawasan seluas 9,292.12 hektar sejak bulan Disember 2006 sehingga Januari 2012. Pihak Berkuasa Negeri juga masih belum mengeluarkan hak milik tanah kepada KESEDAR. Pada pendapat Audit, tindakan KESEDAR mengadakan rundingan secara berterusan dengan Pihak Berkuasa Negeri dalam menyelesaikan isu hak milik tanah adalah memuaskan. Penyelesaian isu ini dapat membantu KESEDAR dalam melaksanakan Program Tanam Semula dengan lebih berkesan. Maklum Balas Daripada KESEDAR Diterima Pada 24 Mac 2014 *KESEDAR memaklumkan perbincangan telah dibuat semasa mesyuarat Laporan Ketua Audit Negara Bilangan 1 Tahun 2014 bersama dengan Kerajaan Negeri pada 24 Januari 2014. Mesyuarat tersebut memutuskan supaya pelantikan wakil Kerajaan Negeri sebagai Lembaga Pengarah KESEDAR diselesaikan terlebih dahulu sebelum isu hak milik tanah dengan Kerajaan Negeri diselesaikan. Pada 3 Mac 2014, KESEDAR telah menerima cadangan pencalonan ahli Lembaga Pengarah KESEDAR daripada Kerajaan Negeri dan telah dikemukakan kepada KKLW untuk proses pelantikan.* Maklum Balas Daripada KESEDAR Diterima Pada 10 September 2014 *Pelantikan 3 calon Lembaga Pengarah KESEDAR dari Kerajaan Negeri telah diluluskan pada 1 April 2014. Pihak KESEDAR juga telah membuat surat susulan bagi memohon kelulusan segera hak milik tanah yang dibangkitkan dalam LKAN 2011 pada 12 Ogos 2014 kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.*	Pelantikan 3 calon Lembaga Pengarah KESEDAR dari Kerajaan Negeri telah diluluskan pada 1 April 2014. Pihak KESEDAR juga telah membuat surat susulan bagi memohon kelulusan segera hak milik tanah yang dibangkitkan dalam LKAN 2011 pada 12 Ogos 2014 kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Sehingga 29 September 2014, 3 daripada 138 permohonan hak milik yang dibuat oleh KESEDAR telah diberi hak milik sementara dan 4 telah diberi hak milik kekal serta selebihnya dalam tindakan Pihak Berkuasa Negeri Kelantan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.4.6.1.a	**Mesyuarat Bulanan Tidak Diadakan Mengikut Perancangan** Bahagian Pembangunan Pertanian telah merancang jadual mesyuarat bersama Pengurus Pejabat Operasi (PPO) pada setiap bulan. Semua PPO dikehendaki membentangkan laporan aktiviti di RKT masing-masing antaranya Laporan Bulanan Kerja Pembangunan Ladang, Laporan Kemajuan Program Tanaman Semula, Laporan Hasil BTS dan Laporan Kutipan Bayaran Kembali dan Cukai Tanah.	
5.4.6.1.b	Semakan Audit mendapati mesyuarat bersama PPO tidak dijalankan pada setiap bulan seperti yang dirancang dan hanya bermesyuarat mengikut keperluan sekiranya terdapat isu berbangkit. Ini menyebabkan PPO tidak mengemukakan laporan kepada Bahagian Pembangunan Pertanian pada setiap bulan. Oleh itu, pemantauan tidak dapat dilaksanakan secara berkesan dan tindakan penambahbaikan tidak dapat dilakukan dengan segera. Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan yang diwujudkan oleh KESEDAR adalah memuaskan. Bagaimanapun, mesyuarat di Bahagian Pembangunan Pertanian tidak dilaksanakan mengikut perancangan. Ini menyebabkan masalah yang dikenal pasti tidak dapat diambil tindakan penambahbaikan dengan berkesan. Maklum Balas Daripada KESEDAR Diterima Pada 24 Mac 2014 *KESEDAR memaklumkan Pejabat Operasi telah melaksanakan mesyuarat di pejabat masing-masing bagi membincangkan isu penyenggaraan ladang. Selain itu, lawatan oleh pegawai di Bahagian Pertanian ke ladang RKT Paloh 1, Paloh 2, Paloh 3 dan Chalil juga telah dijalankan di antara bulan Januari 2012 sehingga Disember 2012. KESEDAR akan mengadakan mesyuarat Bahagian Pertanian dan PPO pada setiap bulan dan memastikan perkara ini tidak berulang.* Maklum Balas Daripada KESEDAR Diterima Pada 10 September 2014 *Mesyuarat di peringkat pejabat operasi telah dilaksanakan pada setiap bulan bagi memantau pelaksanaan kerja pembangunan dan penyenggaraan ladang. Bilangan kekerapan mesyuarat yang diadakan di RKT Paloh 1, Paloh 2, Paloh 3, Chalil dan Renok Baru adalah sebanyak 8 kali sehingga 31 Ogos 2014.*	Mesyuarat di peringkat pejabat operasi telah dilaksanakan pada setiap bulan bagi memantau perlaksanaan kerja pembangunan dan penyenggaraan ladang. Bilangan kekerapan mesyuarat yang diadakan di RKT Paloh 1, Paloh 2, Paloh 3, Chalil dan Renok Baru adalah sebanyak 8 kali sehingga 31 Ogos 2014.

KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

Perenggan 6 : Pengurusan Caruman

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.4.2.1	**Caruman Tidak Dapat Dikreditkan Ke Akaun Ahli** Caruman Tanpa Maklumat Lengkap (CTML) adalah di mana maklumat ahli dalam Borang A tidak menepati 2 daripada 3 *matching rule* iaitu antara nombor kad pengenalan, nama penuh dan nombor ahli KWSP berbanding dengan pangkalan data KWSP. Akaun Rejek Majikan pula adalah transaksi bayaran caruman daripada majikan yang gagal dikreditkan ke akaun ahli.	Maklum balas adalah sama seperti di perenggan 6.4.2.6.
6.4.2.2	Mesyuarat Lembaga pada tahun 2011 telah meluluskan cadangan penetapan polisi *No Further Action* (NFA) bagi:- a. Kes Caruman Tanpa Maklumat Lengkap (CTML) bagi tempoh 7 tahun ke atas. b. Kes Rejek Majikan/Ahli bagi tempoh 7 tahun ke atas. c. Cadangan pemindahan kes CTML dan Rejek Majikan/Ahli yang berstatus NFA ke akaun hasil pelbagai KWSP. Bagaimanapun, kes rejek ahli disebabkan pengeluaran di bawah skim pengeluaran kematian dan tiada maklumat waris akan dihantar kepada Akaun Wang Tidak Dituntut.	
6.4.2.3	Semakan Audit mendapati antara kes CTML dan Rejek Majikan/Ahli yang tidak dapat diselesaikan adalah:- a. Akaun majikan telah dibatalkan, telah menamatkan operasi atau tidak dapat dihubungi. b. Majikan yang dihubungi gagal memberikan maklum balas. c. Maklumat ahli tiada rekod di Jabatan Pendaftaran Negara.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.4.2.4	Semakan lanjut mendapati baki akaun CTML dan Rejek Majikan/Ahli sehingga tahun 2013 adalah berjumlah RM420.41 juta selepas mengambil kira sejumlah RM42.47 juta yang telah dikelaskan sebagai NFA iaitu RM39.30 juta bagi kes CTML dan RM3.17 juta bagi kes Rejek Majikan/Ahli. Jumlah tersebut masih boleh dituntut sekiranya ahli mengemukakan dokumen yang lengkap.	
6.4.2.5	Pada tahun 2013, KWSP telah menambah baik pengurusan CTML dengan memperkenalkan e-CTML di laman web KWSP bagi memudahkan majikan membuat semakan.	
6.4.2.6	Semakan Audit terhadap penyelesaian kes melalui e-CTML dari bulan Januari sehingga Disember 2013 mendapati sebanyak 9,084 transaksi caruman ahli telah berjaya dikreditkan ke akaun ahli. Pada pendapat Audit, KWSP telah mengambil tindakan penyelesaian dan melakukan pemantauan terhadap CTML dan Rejek Majikan/Ahli dengan baik. Maklum Balas Daripada KWSP Diterima Pada 11 Ogos 2014 *KWSP memaklumkan tindakan dan pemantauan berterusan telah dilaksanakan bagi memastikan akaun CTML dan Rejek Majikan/Ahli berkurangan setiap tahun serta memperkenalkan e-Caruman.*	
6.4.4.1	**Kelewatan Dan Kesilapan Oleh Bank** KWSP telah melantik 4 bank sebagai ejen bagi memudahkan majikan membayar caruman iaitu Public Bank Berhad, RHB Bank Berhad, Maybank Berhad dan Bank Simpanan Nasional yang melibatkan 1,247 cawangan bank di seluruh negara. Berdasarkan perjanjian antara KWSP dengan pihak bank, caj perkhidmatan yang dikenakan oleh bank adalah sejumlah RM0.75 akan dikenakan bagi setiap transaksi yang diuruskan oleh bank dan tambahan sejumlah RM500 jika jumlah transaksi kurang daripada 1 juta atau tambahan RM100 jika jumlah transaksi bulanan melebihi 1 juta.	Maklum balas adalah sama seperti di perenggan 6.4.4.5.
6.4.4.2	Semakan Audit mendapati transaksi caruman yang telah diproses oleh bank pada tahun 2013 adalah sebanyak 4.40 juta transaksi dengan kutipan berjumlah RM15.52 bilion. Pada tahun 2012, 4.26 juta transaksi dengan kutipan berjumlah RM14.40 bilion dan pada tahun 2011 sebanyak 4.02 juta transaksi dengan kutipan berjumlah RM13.05 bilion. Jumlah caj yang dikenakan oleh bank pula adalah sejumlah RM4.83 juta pada tahun 2013, RM4.59 juta pada tahun 2012	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dan RM4.25 juta pada tahun 2011.	
6.4.4.3	Merujuk kepada perjanjian klausa 5.02 (a) dan (b) Perjanjian Tambahan Pertama, Borang A berserta slip bayaran perlu diserahkan kepada KWSP dalam tempoh selewat-lewatnya pada hari ke 10 daripada tarikh peresitan di kaunter bank. Di samping itu, penalti sejumlah RM1.50 akan dikenakan terhadap setiap kelewatan dan kesilapan transaksi peresitan oleh bank.	
6.4.4.4	Semakan Audit terhadap rekod kelewatan penghantaran dokumen oleh bank mendapati sebanyak 185,440 Borang A dan slip bank telah lewat dihantar dari tahun 2011 sehingga 2013 dan sejumlah RM278,162 penalti telah dikenakan terhadap bank. Semakan selanjutnya mendapati Maybank Berhad telah dikenakan penalti yang tertinggi dari tahun 2011 sehingga 2013 iaitu sejumlah RM145,808.	
6.4.4.5	Semakan lanjut dalam tempoh yang sama mendapati 4 bank juga telah silap mengunci masuk sebanyak 36,358 maklumat di Borang A dan telah dikenakan penalti sejumlah RM54,534 bagi tempoh tahun 2011 sehingga 2013. Maybank Berhad masih merupakan bank yang tertinggi dikenakan penalti antara tahun 2011 sehingga tahun 2013 iaitu sejumlah RM24,259. Pada pendapat Audit, pengurusan terimaan caruman oleh bank adalah baik. Bagaimanapun, kadar penalti yang dikenakan perlu dikaji semula bagi memastikan pihak bank memandang serius akan kelewatan dan kesilapan yang dilakukan. Maklum Balas Daripada KWSP Diterima Pada 19 September 2014 *KWSP memaklumkan peratus kesilapan dan kelewatan adalah sekitar 1%. KWSP telah mengkaji kadar penalti pada bulan April 2014 dan semakan semula penalti akan dilakukan jika terdapat peningkatan kelewatan dan kesilapan oleh bank. Selain itu, pelaksanaan e-Caruman* dijangka dapat mengurangkan kelewatan dan kesilapan di masa depan.	
6.4.5.1.a	**Pemprosesan Borang A Oleh Vendor - Kelewatan Dan Kesilapan Oleh Vendor** KWSP telah melantik syarikat One BPO Sdn. Berhad (dahulu dikenali sebagai VPI International Sdn. Berhad) untuk meningkatkan kecekapan pemprosesan Borang A. Skop perkhidmatan vendor adalah pengambilan, pemprosesan *(data*	Maklum balas adalah sama seperti di perenggan 6.4.5.1.f.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	capture), penghantaran data dan penyimpanan, carian serta pelupusan Borang A.	
6.4.5.1.c	Semakan Audit mendapati vendor telah membuat tuntutan terhadap perkhidmatan yang telah dilaksanakan sejumlah RM18.57 juta daripada tahun 2010 sehingga 2013. Vendor juga telah dikenakan penalti sejumlah RM15.03 juta bagi tempoh tersebut kerana kelewatan dan kesilapan memproses serta kehilangan Borang A. Bagaimanapun, vendor telah mendapat pengecualian sejumlah RM14.55 juta daripada RM15.03 juta penalti yang dikenakan supaya tidak menjejaskan pemprosesan Borang A bagi tujuan pengkreditan akaun ahli.	
6.4.5.1.d	Semakan lanjut terhadap klausa 9.1 Perjanjian Tahap Perkhidmatan mendapati Jawatankuasa Pemantauan Prestasi Vendor hendaklah ditubuhkan bagi menilai prestasi perkhidmatan yang dilaksanakan oleh vendor. Jawatankuasa tersebut telah ditubuhkan pada bulan Februari 2010. Bagaimanapun, pengukuran kriteria dan skema pemarkahan prestasi vendor telah lewat dimuktamadkan iaitu pada bulan Februari 2012.	
6.4.5.1.e	Berdasarkan laporan penilaian prestasi oleh KWSP terhadap vendor bagi tempoh bulan April sehingga Disember 2012, prestasi vendor adalah lemah. Bagaimanapun, bermula bulan Januari 2013 sehingga Jun 2013 prestasi vendor telah bertambah baik dan seterusnya pada bulan Julai 2013 KWSP telah melaporkan prestasi vendor adalah cemerlang sehingga kini.	
6.4.5.1.f	Semakan terhadap laporan oleh Jabatan Audit Dalam (JAD), KWSP mengenai Keselamatan dan Intergriti Data Borang A *(End to End Outsourcing Form A)* mendapati JAD telah melaporkan kesilapan pengkreditan oleh vendor seperti :- • Kesilapan pengkreditan ke akaun ahli yang lain. • Kesilapan mengunci masuk jumlah caruman ahli. • Kesilapan mengunci masuk maklumat ahli yang menyebabkan caruman ahli tidak dapat dikreditkan dan tertunggak dalam akaun Caruman Tanpa Maklumat Lengkap (CTML). Pada pendapat Audit, pengurusan pemprosesan Borang A oleh vendor adalah baik. Vendor telah dikenakan penalti yang tinggi semasa 2 tahun pertama perkhidmatannya tetapi KWSP telah memberi pengecualian kepada sebahagian penalti tersebut. Selain itu, KWSP juga telah menubuhkan Jawatankuasa	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pemantauan Prestasi Vendor. Maklum Balas Daripada KWSP Diterima Pada 11 Ogos 2014 *KWSP memaklumkan pelantikan ahli Jawatankuasa Pemantauan Prestasi Vendor telah dibuat pada bulan Februari 2010.*	
6.4.5.2.a	**Memuktamadkan Modul *Fraud* Selepas Pengkreditan Ke Akaun Ahli Oleh Vendor** KWSP telah mewujudkan Modul Fraud bagi memastikan caruman dikreditkan ke akaun ahli tanpa unsur *fraud*. Sistem semakan *fraud* telah dilaksanakan secara berperingkat bermula pada tahun 2009 dan di peringkat vendor pula pada tahun 2013. Terdapat 3 peringkat semakan fraud di KWSP dan 1 peringkat di vendor iaitu:- • Sebelum caruman dikreditkan (*First Door*). • Selepas caruman dikreditkan (*Middle Door*). • Selepas pengeluaran (*Last Door*). • Selepas pengkreditan (Vendor).	Maklum balas adalah sama seperti di perenggan 6.4.5.2.d.
6.4.5.2.b	Semakan Audit terhadap laporan semakan *fraud* mendapati sebanyak 313,982 kes telah disemak sepanjang tahun 2011 sehingga 2013 dan tiada kes fraud dilaporkan.	
6.4.5.2.c	Semakan Audit mendapati terdapat beberapa kriteria yang telah ditetapkan di setiap peringkat semakan *fraud* termasuk semakan oleh vendor. Semakan lanjut mendapati salah satu kriteria semakan *fraud* oleh vendor masih belum dimuktamadkan oleh KWSP kerana semakan tersebut melibatkan pendedahan maklumat ahli.	
6.4.5.2.d	Pihak Audit mendapati JAD KWSP juga melaporkan Modul *Fraud Prevention* masih tidak berfungsi sepenuhnya di mana:- i. Wujud masalah teknikal yang telah memperlahankan pemprosesan data Borang A. ii. Kriteria semakan terhadap kewujudan nama pegawai vendor dalam Borang A yang dikunci masuk tidak digunakan secara tetap.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	iii. Tiada log keselamatan audit yang memaparkan maklumat pengguna. iv. Garis panduan mengenai pengemaskinian kriteria fraud antara KWSP dan vendor tidak disediakan sebagai rujukan. Pada pendapat Audit, KWSP telah membangunkan sistem yang baik dengan mewujudkan elemen semakan *fraud* bagi membantu mengesan kemunasabahan caruman yang dikreditkan ke akaun ahli. Bagaimanapun, KWSP belum memuktamadkan keperluan salah satu kriteria semakan oleh vendor. Maklum Balas Daripada KWSP Diterima Pada 19 September 2014 *KWSP memaklumkan semakan fraud di peringkat First Door, Middle Door dan Last Door adalah mencukupi. Bagaimanapun, salah satu kriteria semakan fraud oleh vendor masih belum dimuktamad disebabkan vendor tidak diberi akses kepada pangkalan data ahli yang merupakan maklumat sulit. Oleh itu, vendor telah membuat kriteria semakan fraud mengikut Standard Operating Procedure yang disediakan oleh KWSP mulai bulan April 2013.* *KWSP memaklumkan akan memansuhkan kriteria semakan fraud oleh vendor kerana melibatkan pendedahan maklumat sulit ahli. Selain itu, semakan fraud sedia ada cukup komprehensif yang merangkumi semua peringkat iaitu sebelum dan selepas caruman dikreditkan serta selepas pengeluaran.*	

(SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN)

LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI SIRI 3 TAHUN 2013

MAJLIS AMANAH RAKYAT

Perenggan 11 : Pengurusan Syarikat Malaysian Institute Of Aviation Technology Sdn. Berhad

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.4.1	**Prestasi Kewangan MIATSB** Analisis kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tahun 2009 sehingga 2013. Secara keseluruhannya, status kewangan MIATSB bagi tahun 2009 sehingga 2013 adalah kurang memuaskan**.** Ini adalah kerana aktiviti MIAT diletakkan di bawah Universiti Kuala Lumpur (UniKL) yang dikendalikan oleh UniTEK MARA sebagai salah satu kampus cawangan universitinya dengan gelaran UniKL MIAT. MIATSB tidak mempunyai pendapatan kerana semua yuran pelajar bagi program pengajian MIAT diserah kepada UniTEK MARA sejak tahun 2003 dan semua perbelanjaan MIATSB dibayar oleh UniTEK MARA. Perbelanjaan merangkumi antaranya bayaran elaun bulanan, elaun menghadiri mesyuarat, fi setiausaha syarikat, audit dan agen cukai. Analisis Audit mendapati perbelanjaan yang semakin meningkat setiap tahun adalah bayaran kepada ahli Lembaga Pengarah. Pada pendapat Audit, prestasi kewangan MIATSB akan berterusan berada pada tahap kurang memuaskan memandangkan pendapatan MIATSB diserahkan kepada UniTEK MARA. Maklum Balas Daripada UniKL MIAT Diterima Pada 15 September 2014 *UniKL MIAT memaklumkan mesyuarat Lembaga Pengarah UniTEK MARA Sdn. Berhad telah bersetuju tentang penstrukturan semula syarikat subsidiari termasuk MIATSB melalui mesyuarat Lembaga Pengarah pada 22 Julai 2014. Kertas cadangan tersebut akan dibawa ke Mesyuarat Majlis MARA untuk kelulusan akhir. Aktiviti syarikat masih dijalankan dan ditanggung oleh UniKL. Bahagian Kewangan dan Akaun telah diserap masuk ke UniTEK MARA bersesuaian dengan penubuhan UniKL.*	Kertas cadangan menjadikan MIATSB sebagai sebuah syarikat *dormant* akan dibawa ke Mesyuarat Majlis MARA pada bulan Oktober 2014 untuk kelulusan.

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td>11.4.2.1.a</td><td>Prestasi Aktiviti

Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2010 sehingga 2013, seramai 2,350 pelajar termasuk yang mengambil Sijil Profesional Penyenggaraan Pesawat dan Program Kejuruteraan Universiti Pra Rusia sedang mengikuti pengajian di UniKL MIAT. Bilangan graduan bagi tempoh tahun 2010 sehingga 2012 menunjukkan penurunan manakala pada tahun 2013 bilangannya meningkat. Ini disebabkan bilangan sesi pengajian yang berbeza iaitu 8 sesi bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) yang mengambil masa 4 tahun manakala 6 atau 7 sesi bagi Diploma mengambil masa 3 hingga 3 ½ tahun. Bagaimanapun, prestasi pencapaian keseluruhan pelajar adalah memuaskan kerana daripada 2,350 pelajar berdaftar seramai 2,051 atau 87% telah bergraduat.</td><td rowspan="2">UniKL telah menggunapakai Sistem Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pendidikan Malaysia (http://graduat.moe.gov.my/skpg2013/perantara.php) sejak dari tahun 2011.

Melalui sistem di atas didapati maklumat mengenai pekerjaan yang diceburi oleh graduan lepasan UniKL MIAT bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti berikut:-

<table>
<tr><th>Industri</th><th>2013</th><th>2012</th></tr>
<tr><td>Kerajaan</td><td>1</td><td>5</td></tr>
<tr><td>Badan Berkanun</td><td>2</td><td>-</td></tr>
<tr><td>Swasta Multinasional</td><td>46</td><td>46</td></tr>
<tr><td>Swasta Tempatan</td><td>76</td><td>74</td></tr>
<tr><td>Perusahaan sendiri</td><td>20</td><td>14</td></tr>
<tr><td>Lain-lain</td><td>5</td><td>3</td></tr>
<tr><td>Syarikat GLC</td><td>9</td><td>10</td></tr>
<tr><td>NGO</td><td>3</td><td>6</td></tr>
<tr><td>Jumlah graduan</td><td>162</td><td>158</td></tr>
</table>

Beberapa program bersama alumni telah diadakan sepanjang tahun 2014 dengan tujuan untuk mengumpul data alumni serta memberikan pendedahan kepada pelajar sedia ada mengenai alam pekerjaan sebagai graduan UniKL MIAT. Jadual program bersama alumni sepanjang tahun 2014 yang telah dijalankan adalah seperti berikut:-

<table>
<tr><th>No</th><th>Tarikh</th><th>Aktiviti</th><th>Tempat</th></tr>
<tr><td>1</td><td>26/2</td><td>Sharing moment with successful MIAT alumni</td><td>UniKL MIAT</td></tr>
<tr><td>2</td><td>6/3</td><td>Briefing on further study at Univ South Wales</td><td>Admal College</td></tr>
<tr><td>3</td><td>7/3</td><td>MAS management training screening session</td><td>UniKL MIAT</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>11.4.2.1.b</td><td>Misi UniKL MIAT adalah untuk melahirkan usahawan teknikal (technopreneurs) dalam bidang penerbangan bagi memenuhi keperluan industri penerbangan negara. Ini akan dicapai melalui penghasilan graduan yang berjaya mendapat pekerjaan dalam bidang pengajian yang berkenaan. Bagaimanapun, misi ini belum dapat diukur pencapaiannya kerana sehingga kini UniKL MIAT belum mewujudkan mekanisme untuk mendapatkan maklumat mengenai pekerjaan yang diceburi oleh graduan lepasan UniKL MIAT. Persatuan alumni UniKL MIAT juga belum ditubuhkan sejak graduan pertama pada tahun 2004.

Pada pendapat Audit bagi membuktikan UniKL MIAT berupaya melahirkan graduan berkemahiran teknikal dalam teknologi penyenggaraan pesawat dan mendapat pengiktirafan dalam dan luar negara adalah melalui data jumlah graduannya yang berjaya mendapat pekerjaan dalam bidang pengajian yang diikuti.

Maklum Balas Daripada UniKL MIAT Diterima Pada 15 September 2014

UniKL MIAT memaklumkan UniKL telah mengguna pakai Sistem Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pendidikan Malaysia. Berdasarkan maklumat tersebut graduan telah mendapat pekerjaan dalam sektor Kerajaan dan Swasta.

Maklumat mengenai graduan yang mendapat kerja dalam bidang pengajian yang diikuti tidak diperoleh.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>
<table>
<tr><td>4</td><td>15-18/3</td><td>Aviator trip North Borneo</td><td>Tawau, Sabah</td></tr>
<tr><td>5</td><td>8/7</td><td>Sembang santai with alumni</td><td>UniKL MIAT</td></tr>
<tr><td>6</td><td>13-14/8</td><td>Alumni secretariat recruitment drive</td><td>UniKL MIAT</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>11.4.3.5.a</td><td>
Tadbir Urus Korporat MIATSB - Lembaga Pengarah

i. Memorandum dan Artikel Syarikat MIATSB tidak menetapkan bilangan keahlian Lembaga Pengarah syarikat. Amalan terbaik mengenai keanggotaan ahli Lembaga Pengarah sesebuah syarikat mengikut The Green Book – Enhancing Board Effectiveness yang dikeluarkan oleh Khazanah Nasional Berhad pada tahun 2005 menyarankan keahlian Lembaga Pengarah hendaklah tidak lebih daripada 10 dan boleh hingga 12 ahli sekira keadaan memerlukannya. Sehingga bulan Disember 2013, MIATSB mempunyai 10 ahli Lembaga Pengarah termasuk Pengerusi dengan pelantikan kesemua ahli telah mendapat persetujuan dan diluluskan oleh Majlis MARA.

ii. Artikel 62, Memorandum & Artikel MIATSB menetapkan komposisi ahli Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada ahli seperti berikut:-

<u>Agensi Kerajaan:-</u>

• 2 wakil daripada MARA (sebagai Pengerusi) dan seorang daripada Bahagian Pendidikan Profesional;
• Seorang wakil Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah; dan
• Seorang wakil Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

<u>Industri Penerbangan:-</u>

• Seorang wakil Sistem Penerbangan Malaysia Berhad (MAS);
• Seorang wakil Eagle Aircraft Malaysian Berhad; dan
• Seorang wakil Aerospace Industries Malaysia Sdn. Berhad.

Semakan Audit mendapati, komposisi ahli Lembaga Pengarah MIATSB tidak menepati ketetapan Artikel 62 Memorandum & Artikel Syarikat yang menyatakan wakil MARA hendaklah menjadi Pengerusi dan seorang lagi wakil MARA adalah dari Bahagian Pendidikan Profesional. Selain itu, 3 ahli Lembaga Pengarah yang sepatutnya terdiri daripada wakil industri penerbangan juga tidak dipatuhi.
</td><td></td></tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Semakan lanjut juga mendapati komposisi ahli Lembaga Pengarah MIATSB terus bertambah walaupun syarikat ini secara prinsip adalah dorman.	
11.4.3.5.b	**Mesyuarat Lembaga Pengarah** i. Mesyuarat Lembaga Pengarah adalah penting untuk mengetahui perkembangan terkini syarikat, memberi pandangan dan meluluskan perkara yang berkaitan bidang tugas Lembaga Pengarah. Keperluan ini juga adalah selaras dengan amalan terbaik seperti yang terdapat dalam Buku Hijau *Enhancing Board Effectiveness* yang dikeluarkan oleh Khazanah Nasional Berhad. Buku Hijau ini juga menyatakan bahawa Lembaga Pengarah perlu mengadakan mesyuarat seberapa kerap yang boleh. ii. Semakan Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah MIATSB telah diadakan sebanyak 11 kali pada tahun 2010 sehingga bulan Oktober 2013. Mesyuarat turut dihadiri oleh Ketua Dekan UniKL MIAT, Penolong Pengurus Kewangan dan Pentadbiran serta Setiausaha Syarikat. Semakan selanjutnya mendapati kehadiran mesyuarat Lembaga Pengarah MIATSB adalah kurang memuaskan kerana hanya 2 atau 18.2% daripada 11 mesyuarat mencatatkan kehadiran penuh. iii. Penelitian terhadap minit mesyuarat Lembaga Pengarah MIATSB bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2009 hingga 2013 mendapati ada perkara utama mengenai perjalanan operasi UniKL MIAT yang memerlukan tindakan segera tidak dapat dilaksanakan dengan lancar disebabkan had kuasa Lembaga Pengarah MIATSB yang terbatas. Antara perkara utama tersebut adalah seperti berikut:- • Perancangan pembangunan projek pembangunan kampus UniKL MIAT Subang telah bermula sejak tahun 2007. Sehingga ke akhir tahun 2013 kemajuan projek tidak dapat dipastikan. Berdasarkan minit mesyuarat Lembaga Pengarah bertarikh 30 Januari 2013 memaklumkan perjanjian dengan kontraktor belum ditandatangani. Walaupun Lembaga Pengarah MIATSB memantau prestasi pelaksanaan kampus Subang, masalah yang berbangkit terhadap projek ini tidak dapat ditangani dengan segera kerana had kuasa lembaga pengarah yang terhad. • Perancangan perolehan Sepang Aircraft Engineering (SAE) dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah MIATSB bertarikh 2 November 2010. Lembaga Pengarah bersetuju secara prinsipnya terhadap perolehan SAE kerana memberi kelebihan kepada UniKL	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	MIAT memandangkan syarikat ini mempunyai sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCAM) dan EASA. Pelajar UniKL MIAT boleh ditempatkan di SAE bagi menjalani latihan sambil bekerja seperti yang ditetapkan kurikulum program pengajian masing-masing. Memandangkan keputusan untuk memperoleh SAE mengambil masa lama, perolehan dibatalkan pada bulan November 2011 kerana syarikat tersebut telah dibeli oleh syarikat lain. Kelewatan ini disebabkan tidak ada komitmen kewangan terhadap perolehan tersebut. Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat MIATSB adalah kurang berkesan setelah semua fungsi fidusiari Lembaga Pengarah MIATSB diambil alih oleh UniTEK MARA. MIATSB boleh diklasifikasikan sebagai syarikat dorman dan MARA sebagai Badan Induk perlu mengkaji keberkesanan pewujudan MIATSB untuk menjimatkan kos pengendalian syarikat seperti bayaran elaun Lembaga Pengarah dan kos pentadbiran. Maklum Balas Daripada UniKL MIAT Diterima Pada 15 September 2014 *Kertas cadangan tentang penstrukturan semula syarikat subsidiari termasuk MIATSB akan dibawa ke Mesyuarat Majlis MARA untuk kelulusan.*	Kertas cadangan menjadikan MIATSB sebagai sebuah syarikat *dormant* akan dibawa ke Mesyuarat Majlis MARA pada bulan Oktober 2014 untuk kelulusan.
11.4.4.2.a	**Sistem Perakaunan Berkomputer UniKL MIAT** UniKL MIAT menggunakan sistem perakaunan berkomputer Peachtree mulai tahun 2003 apabila operasinya diambil alih oleh UniKL. Sistem ini berupaya menyediakan antaranya Lejar Am, Akaun Terimaan merangkumi yuran pengajian pelajar bersemester, pengajian untuk program jangka pendek, pendaftaran pelajar baru dan lama dan lain-lain. Pada bulan Julai 2008, UniKL telah membangunkan *sistem Electronic Intergrity Teamwork Innovation Exellence* (Ecitie) untuk diguna pakai oleh semua kampus cawangannya termasuk UniKL MIAT. Sistem ini menyediakan antaranya pangkalan data pendaftaran dalam talian bagi pelajar baru dan lama, terimaan yuran pengajian pelajar bersemester bagi memudahkan serta melancarkan proses pendaftaran pelajar.	Jadual pembangunan system kewangan adalah seperti berikut:- <u>Aktiviti</u> <u>due date</u> *Gap Fit review* 25/8/2014 *Gap fit sign off* 30/9/2014 *System development* *& user acceptance test* 28/11/2014 *System parallel run* 1/12/2014 *Go live* 1/1/2015
11.4.4.2.b	Semakan Audit mendapati modul Akaun Belum Terima terhadap yuran pengajian pelajar dalam Sistem Ecitie tidak berintegrasi dengan akaun yang sama dalam Sistem Peachtree. Sistem Ecitie hanya menyediakan platform bagi pelajar yang menerima tajaan MARA, agensi lain dan persendirian manakala	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Sistem Peachtree hanya menguruskan Akaun Belum Terima pelajar yang mengambil kursus jangka pendek selama 6 bulan seperti EASA 66 dan *Pre-Russian University Engineering* serta penghutang lain. Akibatnya, jurnal pelarasan secara manual perlu diadakan untuk mendapatkan jumlah sebenar penghutang pelajar yuran pengajian. Perkara ini boleh menyebabkan Akaun Belum Terima terlebih atau terkurang diambil kira pada akhir tahun dan integriti data adalah diragui. Maklum Balas Daripada UniKL MIAT Diterima Pada 18 September 2014 *UniKL MIAT memaklumkan UniKL telah membangunkan sistem kewangan yang menyeluruh pada 11 Mac 2014 dan dijangka siap untuk digunakan mulai tahun 2015.*	
11.4.4.3.a.i	**Pengurusan Kawalan Kredit - Penghutang Pelajar** Laporan Tunggakan Penghutang Pelajar dijana menerusi sistem Ecitie merangkumi yuran pendaftaran, pengajian dan asrama serta dikategorikan sebagai pelajar aktif dan tidak aktif. Pelajar aktif adalah mereka yang masih meneruskan pengajian manakala tidak aktif terdiri daripada graduan, diberhentikan, berhenti, tangguh dan tamat pengajian. Semakan Audit mendapati laporan yuran tertunggak pelajar sehingga 31 Disember 2013 ialah RM2.27 juta dan tunggakan tertinggi adalah daripada pelajar aktif (66.3%) diikuti pelajar tidak aktif yang menangguhkan pengajian (12.8%), tamat pengajian (10.4%), diberhentikan (4%) dan berhenti (1.2%).	UniKL mempunyai prosedur kawalan kredit yang lengkap untuk semua penghutang, termasuklah prosedur kutipan bayaran dari pelajar dan juga kutipan hutang lapuk pelajar. Prosedur-prosedur ini didokumenkan seperti berikut:- 1) *Procedure of debtors collections* (*student*) Ref: UniKL/Cfin/2012-335 dated 13 Aug 2012 *2) Procedure of bad debts recovery* Ref: UniKL/Cfin/2012-336 dated 13 Aug 2012. UniKL MIAT telah mengutip tunggakan yuran pelajar mengikut pengumuran sehingga 9 Sep 2014 seperti berikut:- <u>Pengajian</u> <u>Tunggakan</u> <u>Kutipan</u> <u>Baki</u> Aktif RM 1,508,521 RM1,159,735 348,786 Tidak aktif RM764,982 RM 286,467 478,515 Bagi jumlah yang tidak berjaya dikutip, pihak UniKL melalui Unit *Credit Control* telah mengambil tindakan undang-undang. Sebanyak 74 *Notice of Demand* telah dikeluarkan setakat November 2013 melibatkan 74 orang pelajar tidak aktif dan jumlah hutang adalah RM380,980. Sebanyak RM111,557 telah berjaya dikutip setakat November 2013 dan jumlah hutang telah berkurang kepada RM269,423.
11.4.4.3.a.ii	Berdasarkan jadual pengumuran tunggakan yuran di atas, analisis menunjukkan bagi pelajar aktif dan tidak aktif, tunggakan yuran pengajian adalah yang tertinggi. Tunggakan yuran pelajar aktif adalah dalam lingkungan 91 hari hingga 180 hari berjumlah RM1.04 juta manakala pelajar tidak aktif adalah bagi mereka yang menangguhkan dan telah tamat pengajian iaitu dalam lingkungan 181 hari hingga 720 hari berjumlah RM233,144 dan RM280,780 masing-masingnya. Maklum Balas Daripada UniKL MIAT Diterima Pada 18 September 2014 *UniKL MIAT memaklumkan setakat 9 September 2014, pihaknya telah mengutip tunggakan yuran pelajar sejumlah RM1.34 juta. Bagi jumlah yang tidak berjaya dikutip pihak UniKL melalui Unit Kawalan Kredit akan mengambil tindakan undang-undang. Sekiranya tunggakan yuran tidak dapat dikutip UniKL akan*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	menghapus kira hutang tersebut.	
11.4.4.4	**Serahan Wang Ke Bank** Prosedur Kewangan UniKL MIAT tidak menetapkan suatu tempoh masa untuk menyerah/memasukkan terimaan tunai dan cek ke bank. Amalan terbaik menyatakan terimaan tunai perlu dibankkan dengan kadar segera pada hari yang sama atau selewat-lewatnya pada hari bekerja berikutnya. Semakan Audit mendapati kemasukan tunai ke bank dibuat melalui slip bank dan mengikut *batch.* Setiap *batch* mengandungi resit terimaan tunai yang direkodkan mengikut tarikh secara urutan. Keadaan ini mengundang risiko yang tinggi kerana UniKL MIAT menyimpan tunai dalam jumlah yang besar pada sesuatu masa. Pada pendapat Audit, UniKL MIAT perlu mempunyai prosedur yang menetapkan tempoh masa kemasukan tunai ke bank supaya penyimpanan tunai di dalam pejabat tidak terlalu lama walaupun disimpan di dalam peti besi berkunci. Ini bagi mengelakkan berlakunya kehilangan dan kecurian. Maklum Balas Daripada UniKL MIAT Diterima Pada 18 September 2014 *UniKL MIAT memaklumkan Pekeliling Kewangan UniKL Bil. 10 bertarikh 20 Januari 2003 telah menjelaskan wang kutipan hendaklah dibankkan selewat-lewatnya pada keesokan harinya. Email peringatan telah dikeluarkan kepada Bahagian Kewangan UniKL MIAT pada 9 September 2014 bagi memastikan peraturan dipatuhi. Bagaimanapun, pekeliling berkaitan mengenai penyerahan wang kutipan akan dikaji semula dengan mengambil kira faktor lokasi dan bank terhampir dengan UniKL MIAT.*	Kursus pengurusan kewangan dilaksanakan untuk pegawai-pegawai yang terlibat dengan urusan kewangan pada Oktober 2014.
11.4.4.5	**Penyata Penyesuaian Bank** Penyata Penyesuaian Bank hendaklah disediakan setiap bulan untuk menyesuaikan perbezaan antara baki di buku tunai dengan baki di penyata bank serta memastikan kesahihan transaksi terimaan dan pembayaran antara keduanya. Semakan Audit mendapati UniKL MIAT telah menyediakan Penyata Penyesuaian Bank (PPB) Akaun Pungutan setiap bulan bagi tahun 2013 dengan lengkap, teratur dan kemas kini. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan PPB telah disemak dan diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa kerana tiada tanda semakan dan tiada tandatangan di atas PPB. Semakan lanjut terhadap PPB	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	bulan Oktober 2013 mendapati 34 transaksi terimaan berjumlah RM45,660 di antara tahun 2004 hingga 2012 tidak dapat dikenal pasti siapa pembayarnya dan tujuan bayarannya. Pada pendapat Audit, UniKL MIAT hendaklah mengambil tindakan segera mengenal pasti pembayar berkenaan serta membuat pelarasan sewajarnya kepada akaun. Sekiranya segala langkah diambil masih gagal mengenal pasti pembayar sebenar, UniKL MIAT hendaklah menyerahkan jumlah ini mengikut Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Pindaan 2002). Maklum Balas Daripada UniKL MIAT Diterima Pada 15 September 2014 *UniKL MIAT telah mengambil tindakan dengan menghubungi pihak bank bagi menyelesaikan terimaan yang masih belum dikenal pasti dan mengemas kini akaun berkenaan sebelum 31 Disember 2014.*	
11.4.4.6.a	**Pengurusan Aset - Daftar Aset** Aset yang dibeli hendaklah direkodkan dalam daftar aset sebagai salah satu elemen kawalan. Daftar ini perlu diselenggarakan dengan sempurna dan sentiasa dikemas kini. Penyelenggaraan daftar tersebut bagi memastikan satu sistem maklumat yang lengkap dan sempurna diwujudkan bagi mengawal jumlah serta kewujudan semua aset yang diperoleh. Ini juga akan memudahkan kerja verifikasi dan pengesanan aset. Berdasarkan Tatacara Pengurusan Aset Alih yang bertarikh 2 Julai 2013, UniKL MIAT telah menetapkan aset bukan semasa yang diperoleh pada harga atau melebihi RM1,000 akan dipermodalkan. Semakan Audit mendapati UniKL MIAT telah merekodkan aset bukan semasa dalam Laporan Aset Tetap secara berkomputer. Laporan Aset Tetap yang disediakan adalah bagi memastikan satu sistem maklumat yang lengkap dan sempurna diwujudkan untuk mengawal jumlah serta kewujudan semua aset syarikat.	
11.4.4.6.b	**Tanda Pengenalan Dan Lokasi Aset** Semua aset bukan semasa perlu mempunyai tanda pengenalan (tagging) bagi menunjukkan aset tersebut adalah kepunyaan UniKL MIAT. Lokasi aset juga perlu direkod dalam Laporan Aset Tetap bagi memudahkan kerja verifikasi aset. Semakan Audit terhadap sampel aset yang dipilih terdiri daripada komputer dan alat kelengkapan pejabat mendapati aset telah dilabelkan dengan tanda	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pengenalan.	
11.4.4.6.c	**Pengurusan Kenderaan** Semakan Audit terhadap 2 unit kenderaan UniKL MIAT mendapati Buku Log telah diselenggara bagi setiap kenderaan. Buku Log tersebut telah dikemas kini dengan maklumat penggunaan kenderaan tersebut seperti pegawai yang mengguna, tujuan perjalanan dan jumlah jarak perjalanan. Bagaimanapun, buku log tersebut tidak disemak oleh pegawai yang diberi kuasa. Semakan terhadap Buku Log perlu dilakukan oleh pegawai yang dilantik pada akhir setiap minggu bagi memastikan kenderaan digunakan untuk tujuan rasmi sahaja.	
11.4.4.6.d.i	**Pemeriksaan Fizikal Aset** Sebagai salah satu ciri kawalan terhadap aset, ketua sesebuah organisasi perlu menjalankan pemeriksaan tahunan terhadap aset untuk mengenal pasti kewujudan dan tahap boleh guna sesuatu aset. Semakan Audit mendapati UniKL MIAT tidak menjalankan pemeriksaan tahunan terhadap asetnya. Lawatan ke Hangar UniKL MIAT telah dibuat pada 5 Disember 2013 di mana ditempatkan 18 pesawat jenis kecil dan sebuah helikopter yang disumbangkan oleh syarikat lain. Kesemua pesawat, peralatan enjin pesawat antaranya seperti *engine mock up*, *aircraft trestle*, *aircraft jack* yang ditempatkan di dalam Hanger telah disenaraikan dalam *Items In Hanger*. Bagaimanapun, nilai setiap item tersebut tidak dinyatakan dan item tersebut tidak direkodkan sebagai aset dalam akaun UniKL MIAT. Pihak Audit juga tidak dapat menentukan sama ada aset ini mempunyai perlindungan insurans atau sebaliknya. Pada pendapat Audit, UniKL MIAT perlu mengakaunkan aset alih ini sebagai sebahagian daripada asetnya walaupun ia adalah pemberian. Ini bagi mengesahkan kewujudan, keadaan dan keselamatan aset di bawah kawalan UniKL MIAT. Sekiranya berlaku kerosakan dan kehilangan, aset dapat dikesan lokasinya dan dinilai kos yang terlibat bagi memudahkan tuntutan insurans. Maklum Balas Daripada UniKL MIAT Diterima Pada 15 September 2014 *Aset seperti pesawat dan helikopter yang diterima sebagai pemberian telah disenaraikan sebagai Inventori Hangar MIAT pada 19 Ogos 2013.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.4.4.6.d.ii	Di samping itu, pihak Audit juga mendapati aset yang bukan hak milik UniKL MIAT ada disimpan di dalam Hangar dan juga di sepanjang laluan pejalan kaki ke bengkel latihan. Menurut UniKL MIAT, aset yang disimpan di dalam Hangar adalah kepunyaan salah sebuah syarikat yang menyumbang pesawat kepada UniKL MIAT bagi tujuan latihan amali pelajarnya. Bagaimanapun, UniKL MIAT tidak dapat memastikan jenis barangan yang tersimpan di dalam kotak kayu yang bertutup dan barangan tersebut telah tersimpan dalam tempoh masa yang lama di dalam Hangar. Aset ini telah mengambil ruang yang luas di dalam Hangar. Sekiranya ruang ini disewakan, UniKL MIAT boleh memperoleh pendapatan tambahan untuk menampung sebahagian perbelanjaan operasinya. Semakan lanjut mendapati tiada sebarang rekod atau perjanjian ditandatangani antara syarikat berkenaan dengan UniKL MIAT bagi menempatkan barangan tersebut.	
11.4.4.6.d.iii	Lawatan Audit pada 10 September 2014 mendapati sebahagian besar barangan tersebut masih tersimpan di dalam Hangar manakala aset yang diletakkan di laluan ke Bengkel Latihan telah dipindah dan diletakkan di kawasan terbuka di belakang Bengkel Latihan. Tempat sedia ada diletakkan *locker* untuk pelajar. Pihak Audit difahamkan *locker* tersebut tidak boleh digunakan lagi. Pada pendapat Audit, UniKL MIAT perlu memastikan semua aset yang berada di dalam Hangar adalah hak miliknya sahaja. Aset lain yang bukan hak milik UniKL MIAT hendaklah dipastikan secara bertulis pemiliknya dan jenis aset yang tersimpan bagi mengelakkan berlaku salah guna dan pembaziran ruang yang tidak memberi sebarang manfaat kepada UniKL MIAT. Ini juga bagi mengelakkan UniKL MIAT dipertanggungjawabkan dan menanggung kerugian sekiranya berlaku kehilangan dan kecuaian terhadap barangan tersebut. Maklum Balas Daripada UniKL MIAT Diterima Pada 15 September 2014 *UniKL MIAT telah menghubungi syarikat berkenaan untuk mengambil kembali peralatan tersebut sebelum 31 Disember 2014.*	Semasa lawatan audit terdapat 10 kotak barangan. Sehingga 11 September 2014, kotak berbaki 5. Perjumpaan telah dijalankan dan syarikat diingatkan untuk mengeluarkan barangan berbaki tersebut sebelum 30 Oktober 2014. Sekiranya gagal, sewa akan dikenakan.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Perenggan 12: Pengurusan Syarikat UTM Souvenir Shop Sdn. Berhad

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.4.1.2.a	**Nisbah Kewangan - Nisbah Semasa** Nisbah Semasa adalah ukuran yang digunakan bagi menilai kekukuhan kewangan syarikat. Nisbah ini menunjukkan kemampuan syarikat menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa. Nisbah Semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai kecairan yang tinggi dan berupaya menampung liabiliti semasanya. Nisbah Semasa bagi tahun 2009 sehingga 2013 adalah pada tahap yang kurang memuaskan. Nisbah Semasa UTMSS menunjukkan peningkatan dari 0.59 kali pada tahun 2009 kepada 0.78 kali pada tahun 2013 namun masih di bawah paras 2 bagi kadar nisbah semasa yang baik. Ini menunjukkan syarikat tidak berupaya untuk memenuhi tanggungan jangka pendeknya.	Syarikat induk sedang menyediakan pelan transformasi perniagaan untuk UTMSS. Ianya akan dibincangkan pada bengkel perancangan strategik pada 10 dan 11 Oktober 2014.
12.4.1.2.b	Margin Untung Bersih menunjukkan keupayaan syarikat untuk menjana keuntungan bagi pendapatan yang diperoleh. Margin Untung Bersih UTMSS menurun selama 3 tahun berturut-turut kepada 6.2% pada tahun 2010, 5.6% pada tahun 2011 dan 4.2% pada tahun 2012 berbanding 11.7% pada tahun 2009. Penurunan mendadak Margin Untung Bersih pada tahun 2010 adalah berpunca daripada penurunan ketara keuntungan bersih selepas cukai yang disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan pentadbiran pada tahun tersebut. Pada tahun 2013, UTMSS mengalami kerugian sejumlah RM9,862 menyebabkan Margin Untung Bersih adalah negatif.	
12.4.1.2.c	Pulangan Atas Ekuiti bertujuan untuk mengukur pulangan ke atas modal syarikat iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi pelaburan yang telah dibuat. Pada umumnya, semakin tinggi peratusan Pulangan Atas Ekuiti menunjukkan prestasi syarikat semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat berupaya menjana keuntungan yang tinggi kepada pemegang saham. Pulangan Atas Ekuiti UTMSS menurun kepada 43.4% pada tahun 2010, meningkat kepada 46.3% pada tahun 2011 dan menurun semula kepada 35.7% pada tahun 2012 berbanding 76.7% pada tahun 2009. Penurunan peratusan Pulangan Atas Ekuiti UTMSS pada tahun 2012 adalah disebabkan penurunan jumlah keuntungan selepas cukai.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Kerugian yang dialami pada tahun 2013 telah menyebabkan Pulangan Atas Ekuiti bernilai negatif.	
12.4.1.2.d	Analisis Nisbah Hutang dibuat bagi menilai kestabilan UTMSS dengan membandingkan jumlah liabiliti dan jumlah aset syarikat. Mengikut piawaian industri, jika peratus Nisbah Hutang adalah kurang daripada 50%, sesebuah syarikat boleh dianggap berhemat dan stabil. Nisbah Hutang UTMSS bagi tempoh tahun 2009 sehingga 2013 adalah kurang memuaskan kerana melebihi 50%. Bagaimanapun, Nisbah Hutang UTMSS menunjukkan trend menurun iaitu 161.7% pada tahun 2009 kepada 113.7% pada tahun 2012. Penurunan ini disebabkan peningkatan aset bukan semasa dan jumlah tunai dan baki di bank. Pada tahun 2013, Nisbah Hutang meningkat kepada 119.1%. Pada pendapat Audit, prestasi kewangan UTMSS pada tahun 2009 sehingga 2013 adalah kurang memuaskan. UTMSS mencatatkan kerugian terkumpul bagi 5 tahun berterusan dari tahun 2009 sehingga 2013 dan kerugian terkumpul setakat 31 Disember 2013 sejumlah RM185,851 telah melebihi modal berbayar syarikat. Maklum Balas Daripada UTMSS Diterima Pada 21 Mei 2014 *UTMSS memaklumkan penurunan keuntungan antaranya disebabkan peningkatan kos pentadbiran dan kos jualan oleh pembekal manakala harga jualan tidak dinaikkan untuk meraih sokongan pelanggan. Langkah-langkah penambahbaikan akan diambil seperti mendapatkan pembekal baru untuk harga yang lebih kompetitif, mendapatkan bekalan stok daripada pembuat/pengilang, membeli peralatan pembuat yang boleh dikendalikan oleh kakitangan dan pengambilan kakitangan yang mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam bidang percetakan.*	
12.4.2.1.b	**Bayaran Royalti Kepada UTM** Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2013, UTMSS belum membuat pembayaran royalti kepada UTM walaupun pada tahun 2010 sehingga 2013, syarikat telah memperoleh hasil daripada jualan kasar berjumlah RM2.90 juta. Ini disebabkan syarikat memperoleh keuntungan selepas cukai yang rendah iaitu kurang daripada RM50,000 dan mengalami kerugian pada tahun 2013. Berdasarkan hasil daripada jualan kasar, bayaran royalti yang sepatutnya diterima oleh UTM adalah berjumlah RM144,847.	Oleh kerana faktor-faktor yang disebut di perenggan-perenggan di atas, jumlah yang dicatatkan telah diguna semula untuk menampung perbelanjaan perniagaan. Walau bagaimanapun, bayaran royalti kepada UTM akan dibincangkan dan diputuskan berdasarkan prestasi perniagaan yang akan datang, tertakluk kepada permohonan hak eksklusif logo dan lain-lain perkara yang berkaitan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Makum Balas Daripada UTMSS Diterima Pada 18 September 2014 *UTMSS memaklumkan perbincangan lanjut mengenai bayaran royalti akan dilaksanakan semasa perancangan strategik.*	
12.4.2.2.b	**Prestasi Jualan** Semakan Audit mendapati jualan UTMSS hanya mencapai lebihan sasaran yang ditetapkan pada tahun 2011 sebanyak 106.3% disebabkan jumlah sasaran diturunkan kepada RM771,594. Pada tahun 2010, 2012 dan 2013 UTMSS masih belum berupaya mencapai sasaran jualan yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap laporan jualan bagi bulan November 2013 mendapati purata jualan sehari adalah berjumlah RM1,200. Antara faktor yang mempengaruhi jumlah jualan yang semakin menurun adalah lokasi kedai yang tidak lagi strategik ekoran penutupan kedai Buku Koperasi, kafe dan kiosk-kiosk kecil di Bangunan Persatuan Pelajar pada tahun 2012 menyebabkan bangunan tersebut tidak lagi menjadi tumpuan dan jumlah pengunjung berkurangan. Selain itu, persaingan yang tinggi daripada pengusaha-pengusaha kecil di sekitar UTM yang menawarkan produk dengan harga lebih murah juga mempengaruhi jualan di UTMSS. Pada pendapat Audit, prestasi jualan cenderamata UTMSS adalah kurang memuaskan. Ini adalah kerana sasaran pendapatan daripada jualan tidak dicapai bagi tahun 2010, 2012 dan 2013 manakala bagi tahun 2011, sasaran pendapatan dicapai disebabkan oleh syarikat menurunkan sasaran dalam tahun tersebut. Selain itu, lokasi perniagaan yang strategik dan mempunyai daya kuasa beli yang baik memainkan peranan yang penting bagi menjamin kejayaan syarikat. Maklum Balas Daripada UTMSS Diterima Pada 21 Mei 2014 dan 18 September 2014 *UTMSS memaklumkan pencapaian tidak mencapai sasaran kerana sasaran yang ditetapkan tidak disokong dengan strategi dan rancangan korporat yang terperinci. Sasaran dan rancangan korporat untuk tempoh setengah tahun kedua 2014 dan tahun seterusnya akan disediakan dengan bantuan syarikat induk yang dijangka selesai pada suku ketiga tahun 2014. Selain itu, kertas kerja kepada UTM untuk memohon hak eksklusif logo UTM juga di dalam peringkat penyediaan oleh syarikat induk dan dijangka diserahkan kepada UTM dalam suku ketiga tahun 2014. Langkah-langkah untuk menambah lokasi perniagaan*	Syarikat induk sedang menguruskan permohonan hak eksklusif logo kepada Universiti Teknologi Malaysia. Pelan untuk meningkatkan prestasi jualan akan dibincangkan pada bengkel pelan perancangan strategik syarikat induk pada 10 dan 11 Oktober 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	juga sedang dalam perbincangan di peringkat UTM.	
12.4.2.3	***Standard Operating Procedures*** *Standard Operating Procedures* (SOP) merupakan dokumen rujukan penting yang mengandungi prosedur terperinci yang perlu disediakan dan diketahui oleh setiap pegawai bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan. SOP juga perlu dikemas kini supaya ia sentiasa relevan dengan perkembangan semasa. Semakan Audit mendapati UTMSS tidak menyediakan prosedur kerja secara terperinci. Pada pendapat Audit, penyediaan SOP adalah penting supaya setiap proses kerja dapat diperincikan dan keutamaan dalam melaksanakan tugas dapat diperjelaskan. Maklum Balas Daripada UTMSS Diterima Pada 21 Mei 2014 *UTMSS memaklumkan proses kerja semasa mengguna pakai carta alir sedia ada berpandukan 'best practice'. Bagaimanapun, proses mendokumentasikan proses kerja ke dalam dokumen SOP masih di peringkat penyediaan dan dijangka selesai pada akhir tahun 2014.*	Syarikat induk telah menyerahkan draf SOP Kewangan pada 30hb. September 2014 dan proses untuk mendokumentasikan SOP UTM Souvenir Shop akan bermula pada pertengahan Oktober 2014. Ini disebabkan kekurangan staf masih lagi menjadi isu di mana staf yang diambil bekerja pada bulan akhir April 2014 telah berhenti pada bulan September dan staf baru yang diambil hanya bermula pada 6hb. Oktober 2014.
12.4.2.4.b	**Strategi dan Rancangan Korporat** Semakan Audit mendapati UTMSS tidak menyediakan strategi dan rancangan korporat bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap minit mesyuarat Lembaga Pengarah UTMSS Bilangan 24 bertarikh 26 September 2013 mendapati strategi jualan ada dibincangkan. Antara strategi jualan yang dicadangkan adalah seperti berikut:- i. Permohonan hak eksklusif penggunaan logo UTM. ii. Bekerjasama dengan Scholars' Inn Johor dan Kuala Lumpur untuk menempatkan pusat jualan UTMSS. iii. Menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Johor dan UTM *Faces* sebagai lokasi promosi. iv. Menggunakan *iBoard* sebagai medium promosi jualan. Pada pendapat Audit, penyediaan strategi dan rancangan korporat syarikat adalah kurang memuaskan kerana UTMSS tidak menetapkan hala tuju dan	Satu bengkel *"brainstorming" akan* diadakan untuk staf UTMSS selepas mendapat mandat dan halatuju yang akan ditentukan oleh bengkel pelan perancangan strategik syarikat induk pada 10 dan 11 Oktober 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	perancangan syarikat untuk berkembang pada masa akan datang. Maklum Balas Daripada UTMSS Diterima Pada 21 Mei 2014 *UTMSS memaklumkan strategi dan rancangan korporat akan disediakan untuk tempoh suku kedua tahun 2014 dan seterusnya perancangan jangka panjang untuk tempoh 3 tahun bermula tahun 2015.*	
12.4.2.5.b	**Aktiviti Pemasaran** Semakan audit mendapati UTMSS ada membuat perbelanjaan terhadap pengiklanan dan promosi bagi tahun 2010 sehingga 2013 berjumlah RM12,698. Promosi yang dijalankan meliputi pembangunan *website* dan pengedaran *flyers*. Bagaimanapun, sambutan yang diterima masih kurang menggalakkan berdasarkan hasil jualan yang dicatatkan hanya 69.6%, 77% dan 63% berbanding sasaran yang ditetapkan pada tahun 2010, 2012 dan 2013. Sistem pembelian secara atas talian yang dibangunkan juga kurang memuaskan dengan anggaran pembelian hanya RM500 setahun. Pada pendapat Audit, aktiviti pemasaran yang dibuat adalah kurang berkesan dan masih belum mampu menarik minat pembeli berdasarkan prestasi jualan masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan. Maklum Balas Daripada UTMSS Diterima Pada 21 Mei 2014 *UTMSS memaklumkan seorang kakitangan syarikat telah ditugaskan untuk menguruskan aktiviti pemasaran mengikut sasaran yang akan ditetapkan dalam Strategi dan Rancangan syarikat.* Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan aktiviti UTMSS adalah kurang memuaskan. Sasaran pendapatan daripada jualan tidak dicapai bagi tahun 2010, 2012 dan 2013 manakala bagi tahun 2011, sasaran pendapatan dicapai disebabkan oleh syarikat menurunkan sasaran dalam tahun tersebut. Selain itu, syarikat juga tidak menyediakan strategi dan rancangan korporat serta SOP sebagai rujukan. UTMSS juga belum membuat pembayaran royalti kepada UTM disebabkan prestasi syarikat adalah kurang memberangsangkan.	Pelan pemasaran akan dibincangkan pada bengkel pelan perancangan strategik syarikat induk pada 10 dan 11 Oktober 2014 dan seterusnya pada sesi *"brainstorming"* pada peringkat staf UTMSS selepas bengkel. Salah satu objektif bengkel perancangan strategik syarikat induk adalah untuk menentukan langkah-langkah yang perlu diambil oleh UTMSS untuk meningkatkan prestasi syarikat. Pendapat dan syor audit akan diambilkira semasa menyediakan perancangan tersebut.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.4.3.2	**Tadbir Urus Korporat Dan Pengurusan Kewangan** Pengurusan kewangan sesebuah syarikat yang teratur dan cekap dapat memastikan aset syarikat diurus dengan teratur, mengelak penyelewengan, memastikan ketepatan dan kesempurnaan rekod perakaunan serta membolehkan maklumat kewangan disediakan dengan segera dan boleh dipercayai. Semakan Audit mendapati pengurusan kewangan UTMSS adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang dibangkitkan adalah seperti berikut: a. UTMSS tidak mempunyai peraturan kewangan, perakaunan serta pengurusan aset dan inventori. b. Kawalan resit UTMSS tidak memuaskan dan menunjukkan kawalan dalaman UTMSS yang lemah. Antaranya adalah nombor rujukan resit tidak berturutan walaupun nombor resit dijana oleh sistem MYOB *Retail Manager*, resit hilang dan tidak difailkan, tiada kawalan dalam pengeluaran buku resit dan nombor resit manual yang dikeluarkan tidak berturutan. c. Penyata penyesuaian bank tidak disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab kerana kekurangan kakitangan dan pegawai yang menyedia dan melulus adalah pegawai yang sama. d. Kekangan perjawatan menyebabkan urusan kewangan diuruskan oleh hanya seorang pegawai dan tiada semakan dibuat. e. Perbelanjaan bagi kegunaan harian UTMSS adalah dengan menggunakan hasil daripada jualan harian disebabkan UTMSS tidak menyediakan panjar wang runcit. Maklum Balas Daripada UTMSS Diterima Pada 18 September 2014 *UTMSS memaklumkan rekod penggunaan resit telah dibuat mulai bulan November 2013. Selain itu, pengagihan tugas telah dilaksanakan dan limit of authotity telah dipersetujui.*	a. Pada masa ini, UTMSS menggunapakai *"best practice"* di dalam menguruskan kewangan dengan penggunaan cartalir untuk setiap proses pengurusan kewangan. Ianya dikemaskini dari masa ke semasa mengikut keperluan. Di dalam masa yang sama, SOP di dalam peringkat penyediaan untuk penyediaan proses kerja yang lebih terperinci. b. Pengeluaran dan penggunaan resit telah dikawal bermula bulan Julai 2013 di mana semua penggunaan resit direkod di dalam buku rekod khas. c. Bermula Mei 2014, penyata penyesuaian bank telah disedia dan disemak oleh dua kakitangan berlainan. d. Kekangan perjawatan adalah isu utama disebabkan juga ketidakmampuan syarikat untuk menjawat ramai kakitangan. e. Perbelanjaan bagi kegunaan harian adalah mengikut kelulusan hadkuasa yang diberikan. Maklum dengan teguran dan polisi proses penggunaan telah dikemaskini.

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2014
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773

KEMENTERIAN KEWANGAN
Kompleks Kementerian Kewangan
5 Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya
MALAYSIA

www.treasury.gov.my